



LAPORAN EKONOMI

NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM



2024 25



LAPORAN EKONOMI

NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM



2024
25

Isi Kandungan

BAB 1: EKONOMI NEGERI JOHOR TAHUN 2024

1.1	Senario Ekonomi Global Bagi Tahun 2024	02
1.1.1	Inflasi Global	04
1.1.2	Prospek Global	06
1.1.3	Keadaan Komoditi Global	12
1.1.4	Pertumbuhan Ekonomi Negara-Negara Utama	14
1.1.5	Ekonomi Negara-Negara Perindustrian	14
1.1.6	Ekonomi Asia Timur	28
1.1.7	Ekonomi Asean	34
1.1.8	Negara Pasaran Membangun dan Negara Membangun (EMDEs)	43
1.2	Senario Ekonomi Malaysia 2024	45
1.2.1	Pertumbuhan KDNK Malaysia	45
1.2.2	Keadaan inflasi	46
1.2.3	Pertumbuhan Ekonomi Mengikut Sektor	48
1.2.4	Perbelanjaan Penggunaan Akhir	51
1.2.5	Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK)	51
1.2.6	Eksport Dan Import	51
1.2.7	Pasar Kewangan dan Kadar Tukaran	52
1.2.8	Harga Pengguna	54
1.2.9	Keadaan Pasaran Buruh	55
1.2.10	Penduduk Di Luar Tenaga Buruh	57
1.2.11	Produktiviti Buruh	58
1.2.12	Gaji dan Upah	59
1.2.13	Pertumbuhan Ekonomi Malaysia: Suku Pertama 2025	60
1.3	Prestasi Ekonomi Negeri Johor	63
1.3.1	Sorotan Prestasi Negeri Johor Tahun Semasa	63
1.3.2	Inflasi Negeri Johor	63
1.3.3	Prestasi Pertumbuhan KDNK Negeri Johor	65

Isi Kandungan

1.4 Sumbangan Negeri Johor Kepada Ekonomi Malaysia	66
1.4.1 Sektor Pertanian	67
1.4.2 Sektor Perlombongan dan Pengkuarian	67
1.4.3 Sektor Pembuatan	68
1.4.4 Sektor Pembinaan	68
1.4.5 Sektor Perkhidmatan	69
1.4.6 Sumbangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) Mengikut Sektor	69
1.5 Pergerakan Harga Pengguna	71
1.5.1 Indeks Harga Pengguna Di Negeri Johor	71
1.6 Demografi Sosial	72
1.6.1 Pengagihan Populasi Mengikut Daerah	73
1.7 Tenaga Buruh	74
1.7.1 Penawaran Tenaga Buruh	74
1.7.2 Penduduk Bekerja	75
1.7.3 Kadar Tenaga Buruh Berbanding Penduduk	75
1.7.4 Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Negeri Johor	76
1.7.5 Taburan Penduduk Bekerja	78
1.7.6 Pengangguran	79
1.7.7 Gaji dan Upah Negeri Johor	79
1.7.8 Statistik Graduan Negeri Johor (data 2024 belum dikeluarkan sepenuhnya)	80
1.7.9 Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah	81
1.8 Pelaburan	85
1.8.1 Prestasi Pelaburan Malaysia	85
1.8.2 Pelaburan Di Malaysia Pada 2024	85
1.8.3 Pelaburan Mengikut Sektor	87
1.8.4 Pelaburan di Negeri Johor pada 2024	88
1.9 Perdagangan (Eksport Dan Import)	91
1.9.1 Prestasi Perdagangan Malaysia	91
1.9.2 Perdagangan Malaysia 2024	92
1.9.3 Perdagangan Mengikut Sektor	94
1.9.4 Perdagangan di Negeri Johor pada 2024	98

Isi Kandungan

BAB 2: SEKTOR UTAMA DAN SEKTOR INDUSTRI NEGERI JOHOR PADA TAHUN 2024

2.1 Pertumbuhan Sektor Utama Dan Sektor Perindustrian Di Negeri Johor Pada Tahun 2024	102
2.1.1 Sektor Utama: Pertanian	104
2.1.2 Sektor Utama: Perlombongan dan Pengkuarian	123
2.1.3 Sektor Utama: Pembuatan	127
2.1.4 Sektor Utama: Pembinaan	133

BAB 3: SEKTOR PERKHIDMATAN NEGERI JOHOR PADA TAHUN 2024

3.1 Penyumbang Utama Dan Pertumbuhan Subsektor Perkhidmatan	145
3.2 Subsektor Utiliti	147
3.2.1 Air	147
3.2.2 Elektrik	150
3.2.3 Komunikasi	152
RENCANA 1: IMPAK TARIF ELEKTRIK TERHADAP PENGGUNA DAN KERAJAAN MALAYSIA	152
RENCANA 2: IMPAK TARIF AIR TERHADAP PENGGUNA DAN KERAJAAN MALAYSIA	158
3.3 Subsektor Perdagangan Borong dan Runcit	164
3.3.1 Perdagangan Borong	165
3.3.2 Perdagangan Runcit	165
3.3.3 Perkhidmatan Perniagaan Kenderaan Bermotor	165
3.4 Subsektor Penginapan, Makanan dan Minuman	166
3.5 Subsektor Pelancongan	168
3.5.1 Ketibaan dan Penerimaan Pelancong	168
3.5.2 Pelancong dan Pelawat Domestik	169
3.5.3 Perbelanjaan Pelawat	170
3.5.4 Pelancong Asing	171

Isi Kandungan

3.6 Subsektor Pengangkutan dan Penyimpanan	172
3.6.1 Perkhidmatan Pengangkutan dan Penyimpanan	172
3.6.2 Pengangkutan Darat	172
3.6.3 Pengangkutan Jalan Raya	173
3.6.4 Pengangkutan Rel	174
3.6.5 Pengangkutan Laut	175
3.6.6 Pengangkutan Udara	176
3.7 Subsektor Perkhidmatan Maklumat dan Telekomunikasi (ICT)	179
3.7.1 Penggunaan Komputer dan Kemahiran ICT	179
3.7.2 Penggunaan Internet	180
3.8 Subsektor Kewangan dan Insurans	180
3.8.1 Aktiviti Pengantaraan Kewangan	181
3.9 Subsektor Hartanah	182
3.9.1 Pemilikan dan Pajak Harta	182
3.10 Subsektor Perkhidmatan Perniagaan	184
3.10.1 Perkhidmatan Profesional, Sainifik dan Teknikal	185
3.11 Subsektor Perkhidmatan-Perkhidmatan Lain	185
3.11.1 Aktiviti Pendidikan Swasta	186
3.11.2 Aktiviti Perkhidmatan Kesihatan Swasta	186
3.11.3 Aktiviti Hiburan, Seni dan Rekreasi	187
3.12 Subsektor Perkhidmatan Kerajaan	188
3.12.1 Kerajaan Persekutuan	189
3.12.2 Kerajaan Negeri	190
3.12.3 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	190

Isi Kandungan

BAB 4: PEMBANGUNAN WILAYAH PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI JOHOR

4.1 Pembangunan JS-SEZ, ECER (Mersing, Segamat) dan Wilayah Iskandar	195
4.2 Pelaburan di JS-SEZ, ECER (Mersing, Segamat) dan Wilayah Iskandar	204
4.2.1 Nilai Pelaburan Terkumpul	204
4.3 Perdagangan di JS-SEZ, ECER (Mersing, Segamat) dan Wilayah Iskandar	207
4.3.1 Nilai Perdagangan Terkumpul	207
4.4 Faktor Pemangkin Pembangunan JS-SEZ, ECER (Mersing, Segamat) dan Wilayah Iskandar	209
4.4.1 Agenda Penjanaan Kekayaan	209
4.4.2 Agenda Perkongsian Kekayaan Dan Inklusiviti Sosial	209
4.4.3 Agenda Penjanaan Pekerjaan Dan Pembangunan Ekonomi	210
4.4.4 Agenda Pengoptimuman Sumber	210
4.4.5 Pemantauan Alam Sekitar Dan Kelangsungan	210
4.4.6 Bandar Pintar (Smart City)	211
4.4.7 Pemangkin Dan Infrastruktur (Enablers And Infrastructure)	212
4.4.8 Jalan Raya	212
4.4.9 Bekalan Elektrik,	213
4.4.10 Projek Pemangkin Dan Berimpak Tinggi,	213
4.4.11 Inisiatif Pertanian Moden	216
4.5 Iskandar Malaysia, Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) Dan Wilayah Ekonomi Koridor Timur (Mersing, Segamat) Di Tahun 2024/2025	217
4.5.1 Sumbangan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Ekonomi	219
4.5.2 Pasaran Pekerja Dan Guna Tenaga Pada 2024	228
4.5.3 Unjuran Ekonomi Iskandar Malaysia, Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) Dan Wilayah Ekonomi Koridor Timur (Mersing, Segamat) Pasca-2024	231

Isi Kandungan

RENCANA 3: ZON EKONOMI KHAS JOHOR-SINGAPURA (JS-SEZ): KEMUNCULAN HAB PERTUMBUHAN WILAYAH BAHARU	234
--	-----

4.6 Iskandar Malaysia, Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) Dan Wilayah Ekonomi Koridor Timur (Mersing, Segamat): Cabaran Selepas Tahun 2024	243
--	-----

4.6.1 Inisiatif Dan Pelan Hijau,	243
4.6.2 Pemuliharaan Dan Kawalan Hutan	244
4.6.3 Kepelbagaian Biologi,	245
4.6.4 Indeks Pembangunan Manusia,	246

BAB 5: SUASANA EKONOMI PADA TAHUN 2025 DAN UNJURAN INDIKATOR EKONOMI NEGERI JOHOR TAHUN 2026

5.1 Ekonomi Global Pada Tahun 2025	249
---	-----

5.2 Perkembangan Ekonomi Dalam Konteks Global	252
--	-----

5.2.1 Perdagangan Global	252
5.2.2 Inflasi Global	254
5.2.3 Pasaran Kewangan	255

5.3 Negara-Negara Ekonomi Utama	256
--	-----

5.3.1 Pembangunan dan Prospek Ekonomi Maju	256
5.3.2 Ekonomi Asia Timur	262
5.3.3 Ekonomi ASEAN	265

5.4 Perkembangan Dan Tinjauan Negara-Negara EMDE	270
---	-----

5.4.1 Perkembangan Terkini	270
5.4.2 Unjuran Ekonomi EMDE	271

5.5 Tinjauan Ekonomi Negara-Negara Berpendapatan Rendah (LIC)	272
--	-----

5.5.1 Pendapatan Per Kapita	272
-----------------------------	-----

Isi Kandungan

5.6 Tinjauan Risiko Global	273
5.7 Ekonomi Singapura Di Tahun 2025	275
5.8 Tinjauan Matawang Kepada Ekonomi Malaysia	277
5.8.1 Ringgit Malaysia	277
5.8.2 Dollar Singapura	278
5.9 Ekonomi Malaysia Pada Tahun 2025	278
5.9.1 Pelaburan	281
5.9.2 Perdagangan	284
5.9.3 Permintaan Domestik	286
5.9.4 Harga Pengguna	288
5.9.5 Tenaga Buruh	290
5.9.6 Pengangguran	292
5.9.7 Luar Tenaga Buruh	293
5.9.8 Kemiskinan	293
5.9.9 Ekonomi Malaysia pada Tahun 2026	295
5.10 Ekonomi Negeri Johor Pada Tahun 2025 dan 2026	297
5.10.1 Perkembangan Sektor-Sektor Ekonomi	297
5.10.2 Unjuran KDNK Negeri Johor dan KDNK per Kapita bagi Tahun 2025 dan 2026	299
5.10.3 Unjuran Kadar Inflasi Negeri Johor bagi Tahun 2025 dan 2026	300
5.10.4 Unjuran Pertumbuhan Sektor-Sektor Ekonomi Negeri Johor bagi Tahun 2025 dan 2026	301
5.10.5 Tenaga Buruh Negeri Johor pada Tahun 2025 dan 2026	308
5.11 Ekonomi Pada Tahun 2026	310
5.11.1 Ekonomi Dunia pada Tahun 2026	310
RENCANA 4: MENDEPANI IMPAK TARIF TRUMP DAN DINAMIKA EKONOMI GLOBAL BAHARU	313

Isi Kandungan

BAB 6: KONSEP 'ADVANCED STATE' DAN CADANGAN

6.1 Mengklasifikasikan 'Advanced State'	332
6.1.1 Latar Belakang	333
6.1.2 Ciri-Ciri Sebuah Ekonomi Maju	334
6.1.3 Klasifikasi Dari Sudut United Nations Development Program (UNDP)	334
6.2 Negeri Johor Sebagai Sebuah 'Negeri Maju'	335
6.2.1 Penyumbang Utama Kepada KDNK Negara	335
6.2.2 Kedudukan Ekonomi yang Strategik	335
6.2.3 Sektor Perkhidmatan yang Kukuh dan Stabil	335
6.2.4 Keupayaan Menarik Pelaburan Berskala Besar	336
6.2.5 Tahap Urbanisasi yang Setara Peringkat Nasional	336
6.2.6 Pendapatan Isi Rumah yang Tinggi dalam Kalangan Penduduk Johor	336
6.2.7 Pengurangan Tahap Kemiskinan di Johor	337
6.2.8 Johor sebagai "Negeri Maju" Berdasarkan HDI	337
6.2.9 Pakej Rangsangan Kerajaan Persekutuan dan Negeri	337
6.3 Projek Pembangunan Utama di Negeri Johor	338
6.3.1 Mendefinisikan Semula Lanskap Ekonomi Negeri melalui Zon Ekonomi Khas	338
6.3.2 Pemodenan Infrastruktur Keterhubungan	338
6.3.3 Menjadikan Johor sebagai Hab Ekonomi Digital	338
6.3.4 Menyemarakkan Semula Industri Pelancongan	339
6.3.5 Menjayakan Agenda Kelestarian	339
6.3.6 Memperkukuhkan Peranan sebagai Hab Pengeluaran Makanan	339
6.4 Perbincangan Dasar dan Analisis SWOT	340
6.4.1 Analisis Keadaan Semasa Ekonomi dan Halatuju Masa Hadapan Johor	340
6.4.2 Analisis SWOT	341
6.4.3 Zon Kewangan Khas Forest City - Forest City Special Financial Zone	342

Isi Kandungan

RENCANA 5: ZON KEWANGAN KHAS FOREST CITY: MEMPERKASA POTENSI HAB KEWANGAN GLOBAL	345
6.5 Ekonomi Hijau (Green Economy)	354
6.5.1 Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (National Energy Transition Roadmap, NETR)	354
6.5.2 Sokongan daripada Sektor Swasta dan Pihak Luaran	356
6.6 Ekonomi Digital	357
6.6.1 Pusat Penyebaran Maklumat Nasional (National Information Dissemination Centre, NADi)	358
6.6.2 NADi di Negeri Johor	358
6.6.3 Evolusi Teknologi Kewangan	359
6.7 Cabaran	361
6.8 Kesimpulan	362

BAB 1



**EKONOMI NEGERI JOHOR
TAHUN 2024**

1.1 SENARIO EKONOMI GLOBAL BAGI TAHUN 2024

Ekonomi dunia pada tahun 2024 kekal berdaya tahan meskipun terdapat perbezaan dari segi kekuatan aktiviti antara negara dan sektor. Walaupun berdepan dengan pelbagai kejutan sepanjang tempoh pemulihan daripada pandemik COVID-19 serta konflik geopolitik, pertumbuhan ekonomi global dijangka terus stabil. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global pada suku ketiga tahun 2024 mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.2%, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh serta pemulihan dalam perdagangan global¹. Menjelang akhir tahun 2024, pertumbuhan KDNK global dianggarkan mencapai 3.3%. Penyelarasan dasar monetari secara serentak dapat diperhatikan di seluruh dunia sebagai langkah untuk mengawal jangkakan inflasi. Langkah-langkah tersebut telah menghasilkan penurunan inflasi global sekali gus membolehkan ekonomi dunia terus berdaya tahan walaupun tekanan harga masih berterusan di beberapa negara.

Bagi negara membangun berpendapatan rendah, senarionya dilihat kurang memberangsangkan akibat peningkatan ketidakstabilan awam dan konflik. Di pasaran sedang pesat membangun dan ekonomi membangun, gangguan terhadap pengeluaran dan penghantaran komoditi khususnya minyak disebabkan oleh cuaca ekstrem serta konflik telah membawa kepada penurunan angka unjuran terdahulu di Timur Tengah, Asia Tengah dan Sub-Sahara Afrika. Walaupun ekonomi tahun 2024 menunjukkan keupayaan untuk bertahan daripada tekanan global, unjuran semasa bagi pertumbuhan ekonomi dunia dalam tempoh lima tahun akan datang dianggarkan sekitar 3.1% setahun². Kadar ini dianggap sederhana kerana jauh lebih rendah berbanding purata pertumbuhan tahunan sebanyak 3.7%³ yang pernah dicapai dunia sebelum pandemik COVID-19. Antara faktor lazim yang terus membayangi potensi pertumbuhan kebanyakan ekonomi ialah penuaan penduduk serta produktiviti yang lemah.

Ketidakpastian masih berterusan sejak pandemik dan terus menyelubungi prospek ekonomi dengan tercetusnya konflik utama seperti peperangan di Ukraine serta peperangan dan penindasan berterusan di Gaza. Selain konflik geopolitik, inflasi makanan kekal sebagai krisis yang diburukkan lagi oleh pemanasan global serta gabungan faktor penawaran dan permintaan. Pada tahun 2024, purata inflasi teras di negara membangun menunjukkan penurunan berbanding tahun 2023 manakala inflasi makanan turut menurun dengan ketara hasil daripada penyusutan harga komoditi makanan antarabangsa. Walau bagaimanapun, inflasi makanan masih kekal tinggi di banyak negara dengan kira-kira 50% daripada negara membangun mencatatkan kadar inflasi makanan melebihi 5% pada tahun 2024⁴. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, peningkatan harga makanan telah menyumbang kepada kenaikan kos sara hidup serta pengurangan pendapatan isi rumah, khususnya di negara-negara membangun.

¹ International Monetary Fund (2025). World Economic Outlook Update – Global Growth Divergent and Uncertain, January 2025

² International Monetary Fund (2024). World Economic Outlook – Policy Pivot, Rising Threats, October 2024

³ Arab News (2025). Global economic growth to average at 3.1% in next 5 years: IMF official, Accessed on 22 May 2025

⁴ United Nation (2025). World Economic Situation and Prospects 2025

Keadaan pasaran buruh di negara maju adalah memberangsangkan pada tahun 2024. Walau bagaimanapun, beberapa ekonomi Kesatuan Eropah (EU) menunjukkan kelembapan dari segi produktiviti serta mencatatkan kadar guna tenaga pada paras terendah dalam sejarah⁶. Perkembangan produktiviti EU berdepan kekangan akibat saiz pasaran yang terhad, struktur pembiayaan pasaran modal yang tidak mencukupi serta kekurangan tenaga kerja berkemahiran. Firma-firma di EU secara relatifnya lebih kecil berbanding firma di Amerika Syarikat, sekali gus menyebabkan kurangnya dinamik perniagaan serta perbelanjaan yang lebih rendah dalam aktiviti inovasi untuk meningkatkan produktiviti⁶. Walau bagaimanapun, kadar penggajian di negara maju telah menunjukkan penyusutan yang ketara pada tahun 2024, ini berkemungkinan disebabkan oleh penerimaan meluas teknologi Kecerdasan Buatan (AI). Industri perkhidmatan mencatatkan tahap penerimaan AI yang meluas. Amerika Syarikat mengekalkan kadar pengangguran yang rendah sekitar 4%. Namun demikian, pasaran buruh negara tersebut pada tahun 2025 dijangka akan dipengaruhi oleh perkembangan ekonomi yang bakal berlaku, khususnya kesan daripada dasar imigresen dan import baharu yang diperkenalkan selepas pemilihan semula Presiden Trump pada November 2024.

Di blok Timur, China mencatatkan prestasi ekonomi yang memberangsangkan pada tahun 2024 dengan perkembangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG) sebanyak 5%⁷. Dasar nasional yang kukuh untuk merangsang pertumbuhan industri khususnya dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan, disertai dengan pelaburan teknologi tinggi, telah mempercepatkan pertumbuhan ekonomi China. Sebagai ekonomi kedua terbesar di dunia, China telah membuktikan kedudukannya sebagai rakan dagang asing terbesar dengan jumlah import dan eksport mencecah rekod US\$5.98 trilion. Perdagangan dengan lebih 150 ekonomi melalui inisiatif Jalur dan Laluan (Belt and Road Initiative, BRI) berkembang sebanyak 6.4% sambil mengekalkan ASEAN sebagai rakan dagang terbesarnya.


Sektor yang berkembang pesat seperti e-dagang memainkan peranan penting dalam kejayaan perdagangan China, dengan mencatatkan peningkatan sebanyak US\$136.51 bilion sejak tahun 2020. Dasar yang menggalakkan perdagangan rentas sempadan melalui e-dagang terbukti mewujudkan pasaran yang lebih besar dan lebih pelbagai bagi perniagaan China⁸. Dari segi teknologi, negara tersebut menunjukkan prestasi cemerlang dalam pembuatan kenderaan elektrik dan robot industri, masing-masing berkembang sebanyak 38.7% dan 14.2%⁷. Walau bagaimanapun, perubahan pembangunan dalam ekonomi China pada tahun 2025 dijangka akan dipengaruhi oleh cabaran luaran yang berterusan, terutamanya daripada tarif perdagangan Amerika Syarikat yang dikenakan oleh pentadbiran Trump pada Mac 2025.

Bagi tahun 2025, ekonomi global diunjurkan berkembang tetapi lebih rendah berbanding purata pertumbuhan antara tahun 2000 hingga 2019 iaitu sebanyak 3.7%⁹. Negara maju seperti Amerika Syarikat dijangka mengekalkan momentum pertumbuhan, manakala sebahagian yang lain berkemungkinan menyaksikan kelembapan aktiviti ekonomi. Ketegangan geopolitik, ketidakstabilan politik serta ketidaktentuan dasar di pasaran Asia, Amerika dan Eropah kekal sebagai faktor luaran yang dijangka akan membentuk prospek ekonomi sepanjang tahun 2025.

- 1 European Parliament (2024). Monitoring the EU economic outlook_novembre_2024 - V2_GW7 - Employment. Accessed on 22 May 2025
- 2 International Monetary Fund (2024). Regional Economic Outlook - Europe, October 2024.
- 3 China Briefing (2025). China's Economy Report Card for 2024: GDP, Trade and FDI. Access on 22 May 2025
- 4 Reuters (2024). China issued draft rules to expand cross-border e-commerce. Accessed on 22 May 2025

1.1.1 Inflasi Global

Inflasi global berada pada trend menurun sejak tahun 2022 namun masih kekal tinggi pada tahun 2023 dengan kadar 6% sebelum menurun kepada 4.9% pada tahun 2024. Walaupun kesan pandemik yang menyebabkan gangguan ekonomi masih dirasai oleh banyak ekonomi di seluruh dunia, majoriti negara telah mencatatkan kemajuan ketara hasil daripada pelaksanaan dasar pemulihan pasca pandemik. Selain pandemik ini, kejadian cuaca ekstrem turut mengganggu rantaian bekalan dan menyebabkan harga makanan serta tenaga meningkat. Krisis geopolitik seperti peperangan di Ukraine yang tercetus pada tahun 2022 pula telah memperlahankan proses penurunan inflasi ke tahap normal. Peningkatan mendadak pada tahun 2022 dan penurunan secara beransur-ansur bermula pada tahun 2023 menunjukkan bahawa meskipun ekonomi global sedang pulih daripada kejutan terkini, risiko inflasi masih berterusan. Disebabkan oleh ketidakstabilan ini, kerajaan di seluruh dunia telah mengambil tindakan serta melaksanakan perubahan dasar untuk menyesuaikan keadaan dan melindungi kehidupan serta sumber pendapatan rakyat.



Rajah 1.1: Kadar inflasi Global (2015-2024)

Sumber: IMF


Disinflasi berlaku pada kadar yang berbeza antara negara maju dan negara membangun. Pengurangan tekanan dalam pasaran buruh serta penyederhanaan harga komoditi makanan dan tenaga di peringkat antarabangsa telah menyumbang kepada penurunan tersebut. Harga barangan didapati semakin stabil malah ada yang menunjukkan penurunan. Peningkatan kadar penghantaran, khususnya laluan dari China, telah memberi tekanan ke arah kenaikan harga barangan. Namun begitu, keadaan ini berbeza dengan penurunan harga bagi eksport dari China². Sebaliknya, inflasi harga perkhidmatan kekal tinggi di banyak negara, sebahagiannya disebabkan oleh kenaikan gaji yang lebih pantas apabila kadar upah menjadi lebih baik selepas pandemik, khususnya berikutan lonjakan inflasi antara tahun 2021 dan 2022³.

Selaras dengan penurunan inflasi global yang berterusan, kemajuan yang lebih perlahan dicatatkan di sesetengah negara dengan ada yang masih mengekalkan kadar inflasi pada tahap tinggi. Median global bagi inflasi teras bulanan kekal pada paras melebihi 2% sepanjang beberapa bulan terakhir tahun 2024 dengan inflasi harga barangan teras menunjukkan penurunan. Bagi Amerika Syarikat dan beberapa negara EU, inflasi harga perkhidmatan masih lebih tinggi berbanding purata sebelum COVID-19. Keadaan yang sama turut diperhatikan di beberapa pasaran sedang pesat membangun dan ekonomi membangun.

Bank-bank pusat berusaha mengurangkan kadar inflasi tinggi dengan menaikkan kadar faedah tanpa terlalu berhati-hati terhadap penunjuk pasaran buruh dan pergerakan kadar pertukaran. Bank Pusat Eropah telah memulakan langkah pelonggaran monetari pada Jun 2024, diikuti oleh Bank of England pada Julai 2024 dan Rizab Persekutuan Amerika Syarikat pada September 2024. Sebaliknya, Bank of Japan mengambil langkah bertentangan apabila mula mengetatkan dasar pada Mac 2024. Sehingga November 2024, sebanyak 67 daripada 108 bank pusat berada dalam fasa pelonggaran⁴.

Faktor lain yang turut menyumbang kepada penurunan inflasi ialah pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat yang tidak dijangka tetapi berterusan, dengan pemiagaan terus menggaji lebih ramai pekerja walaupun berdepan kos pinjaman yang lebih tinggi. Pertumbuhan di Amerika Syarikat juga dipacu oleh perbelanjaan pengguna yang kukuh hasil daripada pendapatan sebenar yang telah diselaraskan dengan inflasi⁵.

Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.2, Asia Tengah telah mencatatkan kadar inflasi yang tinggi hampir 30% berbanding rantau lain. Keadaan ini berkemungkinan disebabkan oleh gangguan rantaian bekalan yang berpunca daripada peperangan di Ukraine serta sekatan terhadap Rusia yang merupakan rakan dagangan utama. Harga tenaga dan makanan di rantau tersebut juga melonjak akibat kebergantungan kepada import. Bagi rantau Sub-Sahara Afrika serta Amerika Latin dan Caribbean, kelemahan struktur seperti defisit fiskal dan penyusutan nilai mata wang telah menyebabkan ekonomi-ekonomi ini bergelut untuk mengelakkan inflasi. Sementara itu, ASEAN-5 yang merangkumi Malaysia, Indonesia, Singapura, Filipina dan Thailand telah menunjukkan kadar inflasi yang lebih rendah berbanding ekonomi maju. Kestabilan politik, koordinasi dasar monetari yang berkesan bersama mekanisme subsidi yang mantap serta bekalan makanan dan tenaga yang stabil telah menyumbang kepada pencapaian ini. IMF turut menunjukkan bahawa kadar penurunan inflasi di Asia dan Pasifik adalah lebih pantas berbanding rantau lain.



Rajah 1.2: Kadar Inflasi Mengikut Rantau Utama (2024)
Sumber: IMF

⁴ Associated Press (2025). IMF's view: The global fight against high inflation is 'almost won'; Tarikh capaian: 23 May 2025

1.1.2 Prospek Global

>> Perdagangan Global

Perdagangan global dianggarkan bernilai hampir US\$33 trilion pada tahun 2024. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan 9% dalam perdagangan perkhidmatan dan kenaikan 2% dalam perdagangan barangan¹⁰. Sejak suku kedua tahun 2023 dan sepanjang tahun 2024, arah aliran perdagangan global menunjukkan peningkatan yang stabil bagi kedua-dua perdagangan barangan dan perkhidmatan, mencapai 3.7%. Dengan sebahagiannya disumbang oleh inflasi harga perkhidmatan, perdagangan perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi berbanding pertumbuhan perdagangan barangan. Pertumbuhan perdagangan di negara membangun umumnya mengatasi pertumbuhan negara maju. Peningkatan perdagangan negara membangun didorong oleh aktiviti perdagangan Selatan-Selatan (SSC) daripada ekonomi Asia Timur dan Selatan. China dan India menunjukkan prestasi melebihi purata pada suku keempat tahun 2024, manakala banyak ekonomi maju mengalami penyusutan.




Rajah 1.3: Perdagangan Global (Jan 2021 – Nov 2024) dalam Dolar AS

Sumber: Netherlands Bureau for Economic Policy Analysis

Bagi kebanyakan rantau, pertumbuhan perdagangan keseluruhan yang agak positif dicatatkan kecuali di Eropah dan Asia Tengah. Pertumbuhan yang kukuh dilihat di Amerika Latin, Asia Timur, Asia Selatan dan Oceania. Keadaan ini disumbang oleh ekonomi-ekonomi tersebut yang mendapat manfaat daripada permintaan eksport yang kukuh, terutamanya dalam komoditi dan barangan pembuatan. Penyusutan di Eropah dan Asia Tengah disebabkan oleh ketidakpastian ekonomi yang berterusan, permintaan domestik yang lebih lemah serta ketidaktentuan harga tenaga.

Pada peringkat sektor, perdagangan global pada suku keempat tahun 2024 disokong dengan kukuh oleh sektor peralatan komunikasi (6%), makanan dan pertanian (4%), serta instrumen tepat dan sektor pembuatan lain (4%). Sepanjang empat suku terakhir, perdagangan dalam peralatan pejabat (16%) dan farmaseutikal (13%) telah mencatatkan pertumbuhan melebihi purata¹⁰.

Isu geoekonomi terus membentuk trend perdagangan dua hala di kalangan ekonomi utama dan seterusnya mempengaruhi dinamik perdagangan dengan rakan kongsi lain. Walaupun sesetengah negara menunjukkan pergantungan perdagangan terhadap ekonomi yang lebih besar, contohnya Malaysia, Taiwan dan Vietnam bergantung kepada Amerika Syarikat, terdapat juga negara yang mengurangkan pergantungan perdagangan mereka terhadap ekonomi utama. Sebagai contoh, Australia mengurangkan pergantungan terhadap China manakala Rusia mengurangkan pergantungan terhadap Kesatuan Eropah¹⁰. Pergantungan perdagangan ini menunjukkan trend pasca pandemik yang berterusan. Corak pertumbuhan perdagangan yang tidak seimbang menunjukkan bahawa China meningkatkan eksportnya manakala Amerika Syarikat menumpukan kepada pertumbuhan import, sebelum pengumuman tarif oleh pentadbiran baharu. Ahli ekonomi melihat keadaan ini sebagai saling bergantung yang mungkin berterusan selagi China mengekalkan lebihan perdagangan dan Amerika Syarikat membenarkannya melalui defisit yang besar¹¹.



Rajah 1.4: Indeks Eksport Barangan Global (Jan 2020 – Dis 2024)

Sumber: Dallas Federal Reserve-p8

Perdagangan global dicatatkan kukuh pada suku keempat tahun 2024 dengan harga barangan dagangan tidak menunjukkan peningkatan pada suku yang sama. Perdagangan perkhidmatan meningkat sekitar 1%. Ekonomi utama seperti India dan China mencatatkan pertumbuhan tahunan eksport barangan masing-masing sebanyak 2% dan 5%. Import dicatatkan pada 1% untuk China dan 6% untuk India. Antara ekonomi utama, Brazil mencatatkan pertumbuhan import tahunan tertinggi iaitu 9% pada tahun 2024. Penurunan import dan eksport barangan juga diperhatikan bagi Rusia dengan import perkhidmatan hanya 5% dan eksport 3%.

Perdagangan perkhidmatan masih menunjukkan arah aliran positif tetapi telah mencapai tahap mendatar bagi kebanyakan ekonomi, namun terdapat pertumbuhan bagi India dan Afrika Selatan. Import tahunan Brazil, China dan India meningkat masing-masing kepada 15%, 14% dan 10%, manakala eksport mereka menunjukkan kekuatan yang ketara pada 7%, 16% dan 10%, masing-masing. Pertumbuhan perdagangan perkhidmatan adalah amat positif bagi kebanyakan ekonomi membangun dan kekal pada tahap sangat tinggi bagi kebanyakan ekonomi maju.


Ketidakseimbangan perdagangan global bagi barangan kekal tinggi pada tahun 2024, hampir setanding dengan paras yang dicatatkan pada tahun 2022. Manakala pada tahun 2024, Amerika Syarikat terus menunjukkan defisit perdagangan terbesar sementara China mencatat lebih perdagangan tertinggi. Kawasan maju lain seperti Kesatuan Eropah mencatat lebih perdagangan pada tahun 2024 selepas sebelum ini menghadapi defisit akibat harga tenaga yang tinggi. Ketidakseimbangan perdagangan global bagi barangan pada tahun 2024 hampir mencapai paras yang sama dengan tahun 2022. Ketidakseimbangan perdagangan dua hala bagi barangan di kalangan ekonomi utama kekal tinggi – bagi sesetengah negara, ketidakseimbangan perdagangan meningkat sepanjang suku terakhir. Amerika Syarikat dan China, Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah, serta Kesatuan Eropah dan China mencatatkan ketidakseimbangan perdagangan terbesar. Selain daripada lebih perdagangan keseluruhan, China menghadapi defisit perdagangan utama dengan Australia dan Taiwan. Defisit perdagangan kekal ketara bagi Amerika Syarikat, United Kingdom, India dan Jepun.

Selepas merekodkan paras tertinggi pada tahun 2022 dan tahun 2023, trend friendshoring menunjukkan penurunan pada awal tahun 2024 tetapi kekal lebih tinggi daripada purata tahun 2021. Trend menurun ini menunjukkan peralihan kembali ke arah sistem perdagangan yang lebih bersepadu secara global dan kurang berpaksikan kepada rakan geopolitik atau ekonomi besar. Nearshoring yang mencatat lonjakan selepas sekatan pandemik, mengalami penurunan pada tahun 2024. Keadaan ini dipacu oleh peningkatan kos buruh di lokasi nearshore dan kesesakan infrastruktur. Selain itu, firma-firma menjadi lebih berhati-hati dengan menilai keselamatan dan perlindungan geopolitik sebelum mewujudkan ekonomi skala besar.

»» Tenaga buruh global

Pekerjaan global bertambah baik berbanding tahun 2023 dan berkembang selaras dengan pertumbuhan tenaga buruh pada kadar stabil 5% pada tahun 2024. Angka ini merupakan purata terendah dalam sejarah dan menyembunyikan variasi yang lebih besar yang dihadapi oleh pelbagai rantau dan negara. Walaupun terdapat perubahan positif ini, kadar pengangguran yang lebih tinggi dalam kalangan belia terus berlanjutan. Tanda-tanda peningkatan masih tidak jelas. Sementara itu, pasaran pekerjaan dunia sedang dalam proses pemulihan daripada kemelesetan akibat pandemik, jurang dalam tenaga buruh kekal dengan ketidakmampuan untuk pulih dengan cepat bagi menjana pekerjaan lama atau baru. Menurut Laporan Institute of Labour Organisation (ILO), kadar pengangguran global kekal 5.0% pada tahun 2024¹². Negara berpendapatan rendah terkesan kerana kekurangan keupayaan dan kapasiti untuk mewujudkan pekerjaan yang baik. Sebaliknya, beberapa negara Eropah telah menunjukkan peningkatan dalam kadar pengangguran sepanjang dekad lalu, turun kepada 8% pada tahun 2024, jauh lebih rendah daripada purata 12% pada awal 2010-an.

¹² ILO (2025). World Employment and Social Outlook: Trends 2025.



Rajah 1.5. Kadar pengangguran global, 2014–2024

Sumber: World Bank

Golongan belia terus mempunyai peluang pekerjaan yang terhad walaupun pemulihan ekonomi telah memberi manfaat kepada pasaran tenaga buruh. Kadar pengangguran mereka kekal jauh lebih tinggi berbanding kadar pengangguran dewasa, iaitu 12.6%. Kadar pengangguran belia di negara berpendapatan sederhana atas masih tidak berkembang dan belum kembali ke paras pra-COVID pada tahun 2019. Sesetengah belia tidak pernah memasuki pasaran pekerjaan, manakala sesetengahnya meninggalkan sekolah untuk menyara keluarga. Mereka yang menghadapi kekangan kewangan tidak melanjutkan pendidikan menengah atau tinggi, mahupun mengikuti latihan kemahiran. Pada tahun 2024, kadar belia yang tidak terlibat dalam pendidikan, pekerjaan atau latihan (NEET) ialah 24% – Keadaan ini dipengaruhi terutamanya oleh jurang jantina, dengan 28.2% belia wanita tidak terlibat dalam pendidikan, pekerjaan atau latihan berbanding 13.1% belia lelaki.

ILO telah membangunkan penunjuk baharu dikenali sebagai kadar jurang pekerjaan (jobs gap rate). Penunjuk ini menilai sejauh mana tenaga buruh digunakan sepenuhnya, dan bukan sekadar mengukur pengangguran. Penunjuk ini mengenal pasti tenaga buruh berpotensi serta individu yang sanggup bekerja tetapi tidak dalam fasa mencari pekerjaan. Penunjuk ini bertujuan untuk menilai kesukaran yang dihadapi individu dalam mendapatkan pekerjaan. Pada tahun 2024, jumlah keseluruhan pekerjaan yang hilang adalah 402.4 juta, meningkat lebih 2 juta berbanding tahun 2023. Jurang pekerjaan ini merangkumi kira-kira 186 juta penganggur, 137 juta tenaga buruh berpotensi, dan sekitar 79 juta individu yang tidak dalam fasa mencari pekerjaan. Di ekonomi membangun dan negara berpendapatan sederhana, kadar jurang pekerjaan bagi wanita adalah lebih tinggi disebabkan tanggungjawab domestik.

Negara yang mempunyai jurang jantina yang besar dalam penyertaan tenaga buruh mungkin mempunyai potensi pembangunan yang lebih rendah. Terdapat peningkatan ketara dalam pertumbuhan pendapatan per kapita sejajar dengan kenaikan kadar penyertaan tenaga buruh wanita. Negara berpendapatan tinggi menunjukkan kadar penyertaan tenaga buruh wanita tertinggi. Walau bagaimanapun, nisbah pekerjaan terhadap populasi bagi wanita hanya menunjukkan sedikit peningkatan dalam setahun lalu, iaitu 46.4%, dan masih di bawah kadar lelaki iaitu 69.5%.

Dari segi pertumbuhan pekerjaan, walaupun jumlah nisbah pekerjaan terhadap populasi kekal sama seperti tahun 2023 pada 57.9%, trend mengikut rantau dan negara menunjukkan variasi. Peningkatan populasi usia bekerja melebihi pertumbuhan tenaga buruh di Afrika Utara. Di Sub-Sahara Afrika, walaupun kekurangan pekerjaan yang produktif dan bermutu, pertumbuhan pekerjaan terus meningkat. Namun, langkah berhati-hati wajar diambil memandangkan tenaga buruh rantau ini mungkin tidak dapat menampung impak pertumbuhan ekonomi yang menurun.




Rajah 1.6: Anggaran nisbah pekerjaan terhadap populasi di seluruh dunia pada 2025, mengikut rantau
 Sumber: International Labour Organisation

Secara global, pertumbuhan produktiviti terus menurun, sekali gus memperlambatkan pemulihan gaji sebenar dan menghadkan sebarang usaha untuk meningkatkan pekerjaan produktif. Pertumbuhan produktiviti positif di negara berpendapatan sederhana atas tetapi kekal perlahan di negara berpendapatan rendah. Agihan produktiviti yang tidak sekata dipengaruhi oleh variasi dalam komposisi sektor, pekerjaan, dan demografi, sumber semula jadi serta aset lain seperti institusi pendidikan dan kesihatan, serta sistem tadbir urus setiap negara. Negara yang mempunyai produktiviti rendah terperangkap dalam aktiviti ekonomi sara diri dan gagal memindahkan tenaga kerja ke pekerjaan berpendapatan lebih tinggi dalam industri dan perkhidmatan moden. Bagi mempercepatkan transformasi struktur, banyak negara meningkatkan fokus terhadap dasar industri antaranya dengan melaksanakan inisiatif strategik yang dipimpin kerajaan untuk membangunkan sektor keutamaan, meningkatkan daya saing, dan mendorong peningkatan ekonomi jangka panjang.

>> Pasaran Kewangan Global

Antara tahun 2022 dan tahun 2024, ekonomi global mengalami gabungan dasar yang kompleks. Walaupun dasar monetari diperketat dengan ketara di kebanyakan negara, dasar fiskal secara amnya kekal bersifat akomodatif. Susulan langkah-langkah pelonggaran awal yang dilaksanakan sebagai tindak balas kepada pandemik, pasaran membangun mula memperketat dasar monetari lebih awal berbanding ekonomi maju. Menjelang separuh pertama tahun 2023, kebanyakan bank pusat telah menghentikan kenaikan kadar faedah². Inflasi yang pada mulanya dijangka terus meningkat dengan bermula sederhana, serta kadar faedah sebenar terus meningkat, sekali gus memperketatkan syarat monetari dengan lebih lanjut.

Walaupun pemulihan ekonomi yang kukuh pada tahun 2022 dan tekanan inflasi yang meningkat, banyak kerajaan mengekalkan dasar fiskal yang longgar. Perbezaan dasar ini mungkin menyumbang kepada pengukuhan dolar Amerika Syarikat pada tahun 2024. Manakala, negara membangun berpendapatan rendah yang terbatas oleh ruang fiskal yang kecil menghadapi kesukaran untuk bertindak balas secara berkesan terhadap krisis tenaga dan makanan yang berterusan².



Rajah 1.7: Hasil nota Perbendaharaan AS dari Jan 2021 – May 2025
 Sumber: U.S. Federal Reserve

1.1.3 Keadaan Komoditi Global

Seperti tahun-tahun sebelum ini, cuaca dan faktor geopolitik telah memberi kesan yang ketara terhadap harga komoditi dunia. Dari Februari hingga Ogos 2024, harga minyak diniagakan secara stabil dalam julat US\$75 hingga US\$90 setiap tong¹³, dengan kos purata sebanyak US\$83 setiap tong. Ketidakpastian akibat pemotongan pengeluaran yang ketara oleh OPEC+, dipertingkatkan oleh ketegangan yang memuncak di rantau Timur Tengah, telah menambahkan lagi ketidaktentuan krisis ini. OPEC mengesahkan pemotongan pengeluaran sebanyak 5.86 juta tong sehari. Penetapan harga minimum juga menyebabkan pengimbangan kepada pertumbuhan pengeluaran yang kukuh di negara bukan OPEC+ seperti Kanada, Guyana dan AS. Walaupun tiada gangguan bekalan besar berlaku, premium risiko telah ditambah kepada harga minyak akibat pergolakan geopolitik dan ketidakstabilan rantau. Peningkatan serangan maritim di Laut Merah memaksa banyak penghantaran minyak beralih laluan dari Tanjung Harapan, menyebabkan trafik di Terusan Suez berkurangan.



Rajah 1.8: Harga purata tahunan minyak mentah Brent (USD setiap tong), 2011–2024

Sumber: World Bank

Harga gas asli pada tahun 2024 kekal tidak menentu disebabkan oleh faktor cuaca dan kebimbangan bekalan. Musim panas yang lebih panas daripada biasa di Hemisfera Utara serta ancaman berterusan pemotongan bekalan gas Rusia telah mendorong peningkatan harga gas asli. Walau bagaimanapun, paras simpanan yang tinggi serta aktiviti ekonomi yang lembap di Kesatuan Eropah berjaya mengelakkan kenaikan harga yang lebih ketara. Di Asia, harga gas asli cecair meningkat sebanyak 49.8% didorong oleh permintaan kukuh dari Jepun, China dan India.

Sejak berakhirnya Perang Dunia Kedua, minyak telah memainkan peranan utama dalam kumpulan komoditi. Namun demikian, terdapat peralihan daripada bahan api fosil kepada logam sebagai input utama dalam sistem tenaga¹⁴. Permintaan terhadap tembaga semakin meningkat kerana kepentingannya dalam ekonomi global. Harga logam perindustrian mencatatkan peningkatan, dipacu oleh kenaikan harga zink, aluminium, tembaga dan plumbum. Pada bulan Julai 2024, harga tembaga dan aluminium mencapai paras tertinggi, masing-masing meningkat sebanyak 8.1% dan 7.8%. Peningkatan ini didorong oleh permintaan yang semakin tinggi terhadap sumber tenaga boleh diperbaharui bagi menyokong grid elektrik, kenderaan elektrik, dan pusat data.

¹³ IMF (2024). World Economic Outlook: Policy Pivot, Rising Threats – Commodity Special Feature October 2024.
¹⁴ International Energy Agency (2022).

Pasaran logam berharga, khususnya emas, menunjukkan prestasi yang positif. Harga emas melonjak sebanyak 21.9% berbanding dolar AS, didorong terutamanya oleh ketidakpastian geopolitik, kadar inflasi Indeks Harga Pengguna (CPI) AS dahulu, serta jangkaan terhadap pemetongan kadar faedah oleh Rizab Persekutuan AS. Pasaran emas mencatatkan permintaan tertinggi iaitu sebanyak 4,974 tan bersamaan dengan US\$382 bilion¹⁵ didorong oleh pembelian besar-besaran oleh bank pusat, sekali gus melonjakkan harga ke paras tertinggi baharu. Antara pembeli utama emas dengan jumlah pembelian melebihi 20 tan ialah Poland, Turkiye, India, Azerbaijan, China, Iraq dan Czechia¹⁶.

Indeks harga makanan dan minuman menurun sebanyak 2.4%, apabila peningkatan ketara dalam harga minuman dilindungi oleh penurunan harga dalam kategori makanan lain. Keadaan kemarau dan cuaca tidak menentu seperti cuaca kering di Brazil telah melambatkan penanaman kacang soya serta menjejaskan pengeluaran jagung di Amerika Syarikat. Hasil tanaman jagung di Amerika Syarikat bagi tahun 2024 mengatasi rekod tahun sebelumnya sebanyak 3%¹⁷. Namun demikian, hujan pada penghujung tahun telah memperbaiki keadaan penanaman di Brazil dan Argentina, sekali gus mengembalikan hasil kacang soya ke tahap normal. Harga bijirin menurun sebanyak 14.3%, dengan pengeluaran global dijangka meningkat sepanjang tahun pemasaran 2024–2025. Penurunan 7.5% dalam harga beras mencerminkan pengurangan tekanan bekalan terdahulu, susulan peningkatan keadaan tanaman di India dan negara-negara Asia lain selepas tahap harga tertinggi pada bulan Januari. Walau bagaimanapun, gangguan perdagangan berterusan di Laut Hitam serta sekatan baharu eksport makanan menimbulkan risiko kenaikan harga, manakala hasil tuaian yang lebih besar daripada jangkaan pula berpotensi membawa kepada penurunan harga.

Harga koko melonjak 20.4%, dengan catatan paras tertinggi pada bulan April, susulan pengurangan bekalan global sebanyak 11% dalam tahun pemasaran 2023–2024. Penyusutan pengeluaran ini sebahagian besarnya disebabkan oleh keadaan El Niño serta penyakit tanaman di Afrika Barat, iaitu wilayah utama pengeluar koko dunia. Sementara itu, harga kopi meningkat mendadak sebanyak 33.8%, dipacu oleh gangguan bekalan berkaitan cuaca yang menjejaskan negara pengeluar utama seperti Brazil dan Vietnam¹⁸.




Rajah 1.8: Purata harga gandum AS (USD per tan metrik), 2015–2024

Sumber: World Bank

¹⁵ World Gold Council (2025). Gold Demand Trends: Full Year 2024, Tarikh capaian: June 17, 2025.

¹⁶ J.P. Morgan (2025). Will gold prices break \$4,000/oz in 2026?, Tarikh capaian: June 17, 2025.

¹⁷ The Reuters (2024). Five charts that defined agricultural markets in 2024, Tarikh capaian: Sept 17, 2025.



Rajah 1.10: Purata harga penutup jagung global bagi (USD per bushel), 2015–2024

Sumber: Macrotrends

1.1.4 Pertumbuhan Ekonomi Negara-Negara Utama

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di negara-negara Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) mencatatkan pertumbuhan 1.7% pada tahun 2024, sedikit menurun berbanding 1.8% pada tahun 2023. Kadar ini juga merupakan angka yang sama direkodkan oleh ekonomi G7 pada tahun 2024. Pertumbuhan KDNK keseluruhan bagi negara-negara G7 pada suku keempat tahun 2024 turut menurun daripada 0.5% kepada 0.4%, mencerminkan keadaan ekonomi bercampur dalam kalangan ahlinya. Faktor-faktor seperti peningkatan import barangan, kelembapan eksport, serta penurunan pelaburan telah menyumbang kepada penyusutan ekonomi tersebut¹⁸.

1.1.5 Ekonomi Negara-Negara Perindustrian


>> Amerika Syarikat (AS)

Ekonomi Amerika Syarikat mencatat kadar pertumbuhan KDNK sebenar sebanyak 2.8% pada tahun 2024 iaitu penurunan sebanyak 0.1% berbanding tahun 2023. Kadar inflasi pula terus menurun sejak tahun 2022 dengan purata kadar inflasi harga pengguna merekodkan 3% pada tahun 2024. Pertumbuhan KDNK benar 2.8% ini didorong oleh peningkatan dalam perbelanjaan kerajaan, pelaburan, perbelanjaan pengguna, serta aktiviti import dan eksport. Dari segi sektoral, perdagangan runcit, kesihatan dan bantuan sosial, serta perkhidmatan profesional, saintifik dan teknikal merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan KDNK negara¹⁹.

¹⁸ OECD (2025). OECD GDP growth slows slightly in the fourth quarter of 2024. Tarikh capaian: June 17, 2025.
¹⁹ Bureau of Economic Analysis (2025). News Release – Gross Domestic Product by State and Personal Income, 4th Quarter and Preliminary 2024. Tarikh capaian: June 18, 2025.

Pembangunan Sektoral

Sektor pertanian, perhutanan, perikanan dan perburuan mengekalkan sumbangan stabil sepanjang tahun 2024 pada kadar 0.9%. Sektor perlombongan pula mencatat sedikit penurunan dalam perkongsian KDNK kepada 1.3% berbanding tahun-tahun sebelumnya, mencerminkan turun naik dalam aktiviti penerokaan sumber di Amerika Syarikat. Sektor pembinaan kekal menyumbang secara konsisten pada kadar 4.5%, disokong terutamanya oleh projek pembinaan kediaman dan bukan kediaman yang sedang berlangsung. Sektor pembuatan menunjukkan sedikit penurunan dengan catatan 9.9%, berkemungkinan dipengaruhi oleh transformasi ke arah automasi dalam industri serta peningkatan persaingan pembuatan global. Sektor industri perkhidmatan swasta kekal dominan dengan 72.2%, dipacu oleh utiliti, kewangan, insurans, kesihatan, pendidikan, penginapan dan perkhidmatan makanan, serta perdagangan borong dan runcit.




Rajah 1.11: Pertumbuhan KDNK Amerika Syarikat (USD bilion), 2014-2024

Sumber: U.S. Department of Commerce

Inflasi dan Perbelanjaan Pengguna

Indeks harga bagi pembelian dalam negara kasar meningkat sebanyak 2.4% pada tahun 2024, manakala perbelanjaan pengguna yang diukur melalui indeks harga perbelanjaan penggunaan peribadi (PCE) meningkat 2.5%²⁹. Dari Disember 2023 hingga Disember 2024, Indeks Harga Pengguna (CPI) bagi semua pengguna bandar mencatat peningkatan sebanyak 2.9%, mencerminkan kadar inflasi secara keseluruhan dalam tempoh tersebut. Harga makanan meningkat sebanyak 2.5% dipacu oleh trend penggunaan makanan yang berbeza-beza, yang juga menunjukkan peningkatan tekanan terhadap bajet makanan isi rumah. Selain itu, kos tenaga (petrol dan gas utiliti) menurun sebanyak 0.5% pada tahun 2024, manakala harga elektrik terus meningkat pada kadar 2.4%.

²⁹ Bureau of Economic Analysis (2025), News Release- Gross Domestic Product, 4th Quarter and Year 2024 (Third Estimate), GDP by Industry, and Corporate Profits




Rajah 1.12: Kadar Inflasi Tahunan Amerika Syarikat, 2014–2023

Sumber: U.S. Federal Reserve

Pelaburan

Dari segi pelaburan, aset pelaburan langsung meningkat sebanyak US\$658.6 bilion kepada US\$11.27 trilion manakala aset pelaburan portfolio meningkat sebanyak US\$539.0 bilion kepada US\$15.87 trilion, mencerminkan peningkatan harga saham asing dan transaksi kewangan yang sebahagian besarnya diimbangi oleh perubahan kadar pertukaran. Perubahan kadar pertukaran sebanyak US\$1.06 trilion mencerminkan penyusutan mata wang asing utama berbanding Dolar AS, yang menurunkan nilai aset Amerika Syarikat lebih tinggi berbanding liabiliti AS dari segi nilai dolar²⁰.



Rajah 1.13: Prestasi Sekuriti Asas Berdasarkan Indeks MSCI (USD), 2015–2024

Sumber: Morgan Stanley Capital International


Perdagangan

Defisit perdagangan barangan dan perkhidmatan Amerika Syarikat berjumlah US\$918.4 bilion, meningkat sebanyak US\$133.5 bilion berbanding jumlah perdagangan tahun 2023 iaitu US\$784.9 bilion. Import direkodkan pada US\$4,110.0 bilion, meningkat sebanyak US\$253.3 bilion berbanding tahun 2023, manakala eksport turut berkembang sebanyak US\$119.8 bilion kepada US\$3,191.6 bilion pada tahun 2024. Defisit barangan dan perkhidmatan pada tahun 2024 adalah bersamaan 3.1% daripada KDNK semasa (current-dollar GDP), meningkat daripada 2.8% pada tahun 2023.

Import barangan meningkat kepada US\$3,295.6 bilion pada tahun 2024, dipacu oleh peningkatan berterusan dalam komputer dan aksesori, semikonduktor serta jentera perindustrian lain. Barangan farmaseutikal meningkat sebanyak US\$43.6 bilion, makanan, makanan ternakan dan minuman sebanyak US\$15.9 bilion, manakala kenderaan automotif, alat ganti dan enjin turut meningkat sebanyak US\$16.1 bilion. Import perkhidmatan yang merangkumi segmen seperti pelancongan, caj penggunaan harta intelek, pengangkutan dan insurans turut meningkat kepada US\$814.4 bilion. Dari sudut eksport, eksport barangan AS meningkat kepada US\$2,083.8 bilion, dengan barangan modal termasuk aksesori komputer, enjin pesawat awam, komputer dan semikonduktor mencatatkan peningkatan sebanyak US\$40.2 bilion. Dalam sektor perkhidmatan pula, pelancongan, telekomunikasi dan perkhidmatan kewangan merekodkan peningkatan eksport sebanyak US\$81.2 bilion.

Tenaga Buruh dan Pekerjaan

Pasaran buruh Amerika Syarikat kekal stabil dari tahun 2023 hingga Disember 2024 dengan kadar penyertaan tenaga buruh yang sama iaitu 62.5%. Kadar ini menunjukkan sedikit peningkatan sekitar 62.6% hingga 62.7% pada suku pertama hingga ketiga tahun 2024, namun kembali menurun sedikit kepada 62.5% pada suku keempat tahun 2024. Sektor penjagaan kesihatan menjadi penyumbang tertinggi dengan penambahan 46,000 pekerjaan, diikuti sektor perdagangan runcit pada tahun 2024. Sebaliknya, sektor pembuatan, perdagangan borong serta perlombongan dan pembalakan mencatatkan pertumbuhan pekerjaan negatif pada tahun yang sama²¹.



Rajah 1.14: Kadar pengangguran AS, 2014 – 2024

Sumber: U.S. Bureau of Labour Statistics

²¹ U.S. Bureau of Labour Statistics (n.d.). Graphics for Economic News Release, Civilian labour force participation rate 2024. Tarikh capaian: 24 Jun 2025.


Kawasan Euro

Kawasan Euro mencatat pertumbuhan KDNK yang sederhana sebanyak 0.9% pada tahun 2024, menandakan peningkatan berbanding 0.4% pada tahun 2023. Pada suku keempat tahun 2024, Ireland merekodkan peningkatan KDNK tertinggi sebanyak 3.6%, diikuti oleh Denmark pada kadar 1.6% dan Portugal dengan pertumbuhan 1.5%. Sebaliknya, Malta (-0.7%), Austria (-0.4%), Jerman (-0.2%) dan Finland (-0.2%) mencatatkan penurunan terbesar.

Pembangunan Sektoral

Pertumbuhan ekonomi di kawasan Euro disokong oleh peningkatan dalam perbelanjaan penggunaan akhir isi rumah sebanyak 0.4% dan sebanyak 0.6% di Kesatuan Eropah (EU). Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan juga meningkat sebanyak 0.4% di zon Eropah dan 0.3% di EU, lebih rendah berbanding suku sebelumnya. Eksport dan import di kawasan Euro masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 0.1%²⁴.

Penggunaan perkhidmatan telekomunikasi yang semakin meningkat telah membawa kepada lebihan yang lebih besar bagi perkhidmatan, khususnya dalam segmen telekomunikasi, komputer dan maklumat, daripada US\$162 bilion (€169 bilion) kepada US\$197 bilion (€203 bilion). Sektor pelancongan juga mencatatkan lebihan dengan peningkatan daripada US\$49 bilion (€52 bilion) kepada US\$58 bilion (€61 bilion). Sementara itu, perkhidmatan perniagaan lain menunjukkan penurunan defisit daripada US\$57 bilion (€60 bilion) kepada US\$26 bilion (€28 bilion).



Rajah 1.15: Pertumbuhan KDNK Kawasan Euro


Sumber: IMF

Inflasi dan Perbelanjaan Pengguna

Kadar inflasi tahunan di kawasan Euro meningkat kepada 2.4% pada Disember 2024, sejajar dengan unjuran ahli ekonomi. Antara negara dalam rantau tersebut yang mencatatkan peningkatan dalam inflasi utama ialah Jerman, dengan kadar 2.5% iaitu lebih tinggi daripada jangkaan. Perancis pula mencatatkan kadar inflasi sebanyak 2.3%. Perkembangan ini dipacu oleh ketidakstabilan politik, kelemahan sektor pembuatan serta ketegangan perdagangan yang sebahagian besarnya dicetuskan oleh Amerika Syarikat²⁵.

²⁴ Eurostat (2025). GDP up by 0.2% and employment up by 0.1% in the euro area. Tarikh capaian: 25 June 2025.

²⁵ CNBC (2025). Euro zone inflation rose to 2.4% in December, meeting expectations. Tarikh capaian: 25 June 2025.



Rajah 1.16: Purata Kadar Inflasi bagi Harga Pengguna (perubahan peratusan tahunan) di Kawasan Euro
 Sumber: IMF

Pelaburan

Pelaburan langsung, hutang portfolio dan pendapatan utama lain telah menjadi pemacu penting kepada peningkatan lebih pendapatan utama. Pada tahun 2024, pelaburan langsung di kawasan Euro direkodkan sebanyak US\$99 bilion (€104 bilion), hutang portfolio sebanyak US\$75 bilion (€79 bilion), manakala pendapatan primer lain meningkat kepada US\$14 bilion (€15 bilion) – iaitu lima kali ganda lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya. Kedudukan pelaburan bersih antarabangsa pada suku keempat tahun 2024 turut disokong oleh kesan positif daripada perubahan kadar pertukaran, di samping transaksi serta perubahan volum lain yang menggalakkan. Jumlah aset pelaburan langsung kawasan Euro adalah sebanyak US\$12.10 trilion (€12.62 trilion), dengan 23% dilaburkan di Amerika Syarikat dan 19% di United Kingdom. Sementara itu, liabiliti pelaburan langsung berjumlah US\$9.55 trilion (€9.96 trilion), dengan 28% dilaburkan di Amerika Syarikat, 19% di pusat luar pesisir, dan 18% di United Kingdom²⁴.

Perdagangan


Pada tahun 2024, akaun semasa kawasan Euro mencatatkan lebih sebanyak US\$408 bilion (€426 bilion). Angka ini adalah lebih tinggi berbanding lebih US\$233 bilion (€243 bilion) yang direkodkan pada tahun 2023. Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan lebih dalam perdagangan barangan, perkhidmatan serta pendapatan primer. Bagi pendapatan sekunder pula, defisit direkodkan dengan hanya peningkatan sederhana daripada US\$160 bilion (€167 bilion) kepada US\$161 bilion (€168 bilion). Lebih perdagangan barangan didorong oleh pengurangan defisit dalam produk tenaga. Sementara itu, produk kimia serta jentera dan produk perkilangan mencatatkan pertumbuhan positif dengan lebih masing-masing meningkat daripada US\$234 bilion (€244 bilion) kepada US\$257 bilion (€268 bilion), dan daripada US\$271 bilion (€283 bilion) kepada US\$287 bilion (€300 bilion).

²⁴ European Central Bank (2025). Statistical release: Euro area quarterly balance of payments and international investment position, fourth quarter of 2024. Tarikh capaian: 26 June 2025.

Tenaga Buruh dan Pekerjaan

Kadar pekerjaan di zon Eropah meningkat sebanyak 0.1% dan sebanyak 0.2% di Kesatuan Eropah (EU) pada suku keempat tahun 2024. Kadar pekerjaan di EU meningkat sebanyak 0.5 mata peratus berbanding tahun 2023 dan 1.2 mata peratus berbanding tahun 2022. Menjelang akhir tahun 2024, seramai 197.6 juta orang berumur antara 20 hingga 64 tahun (75.8%) telah bekerja, iaitu kadar tertinggi yang direkodkan sejak tahun 2009. Kadar pekerjaan tertinggi direkodkan di Belanda sebanyak 83.5%, Malta sebanyak 83% dan Czechia sebanyak 82.3%. Romania merekodkan kadar pekerjaan terendah pada 69.5%, diikuti oleh Greece dan Itali masing-masing pada 69.3% dan 67.1%.

Produktiviti berdasarkan seorang pekerja meningkat sebanyak 0.4% di kawasan Euro pada suku keempat tahun 2024 berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya. Produktiviti berdasarkan jam bekerja (perbandingan suku keempat tahun 2024 dengan suku keempat tahun 2023) juga meningkat sebanyak 0.1% di kawasan Euro²⁴. Mengikut sektor, pekerjaan meningkat dalam semua sektor kecuali pertanian dan hartanah pada tahun 2024. Sektor pertanian telah mencatatkan penyusutan pekerjaan sepanjang 10 tahun sejak 2014. Sektor maklumat dan komunikasi diikuti oleh aktiviti profesional, saintifik dan teknikal menunjukkan pertumbuhan tertinggi pada tahun 2024 dan secara umumnya sepanjang tempoh antara tahun 2014 hingga tahun 2024²⁵.




Rajah 1.17: Jumlah Pengangguran ('000) di Kawasan Euro, Jan 2021 – Sep 2024

Sumber: Eurostat

²⁴ Eurostat (2025). Employment statistics within national accounts. Tarikh capaian: 26 June 2025.

>> Jerman

Ekonomi Jerman mencatatkan penyusutan KDNK benar sebanyak 0.2% pada tahun 2024, tahun kedua berturut-turut selepas penurunan pada tahun 2023. Penyusutan ini mencerminkan tahap kesan ekonomi yang mendalam yang dihadapi oleh ekonomi terbesar Eropah. Jerman kini berdepan fasa stagnasi ekonomi terpanjang dalam sejarah pasca-perang, daripada menjadi salah satu kuasa ekonomi utama Eropah kepada prestasi yang lebih lemah berbanding ekonomi Eropah lain. Permintaan global yang lemah dan persaingan khususnya dalam sektor pembuatan telah menyebabkan penyusutan ini.



Rajah 1.18: Pertumbuhan KDNK Jerman (USD bilion)

Sumber: IMF

Perkembangan Sektoral

Dengan harga tenaga yang kekal tinggi, kadar faedah yang masih berada pada paras tinggi, persaingan yang semakin meningkat serta ketidaktentuan ekonomi, ekonomi Jerman mencatat prestasi perlahan pada tahun 2024. Pengeluaran perindustrian menunjukkan penurunan yang ketara, mencerminkan pengurangan dalam pengeluaran bernilai tambah sektor pembuatan. Pengeluaran pembuatan susut dengan ketara, dengan nilai tambah kasar berkurangan sebanyak 3%, khususnya melibatkan sektor jentera dan automotif. Pembuatan dalam industri intensif tenaga, termasuk kimia dan kerja logam, turut kekal rendah. Trend pengeluaran yang lemah ini telah diperhatikan sejak tahun 2023, berikutan lonjakan harga tenaga.

Nilai tambah kasar bagi industri pembinaan turut mencatatkan penyusutan tahunan sebanyak 3.8% pada tahun 2024. Harga pembinaan dan kadar faedah yang kekal tinggi telah menyebabkan pengurangan dalam pembinaan bangunan kediaman, seterusnya menjejaskan kadar penyediaan projek bangunan. Walau bagaimanapun, sektor kejuruteraan awam mencatatkan peningkatan berikutan pembinaan moden dan baharu bagi jalan raya, landasan kereta api serta saluran paip. Sektor perkhidmatan secara keseluruhan merekodkan pertumbuhan positif sebanyak 0.8% pada tahun 2024. Gabungan sektor perdagangan, pengangkutan, komunikasi dan perkhidmatan makanan pula mencatatkan pertumbuhan yang mendatar. Sektor maklumat dan komunikasi terus berkembang sebanyak 2.5%, manakala sektor berkaitan kerajaan seperti pendidikan dan kesihatan juga kekal mencatatkan pertumbuhan²⁶.

²⁶ Destatis Statistisches Bundesamt (2025). Gross domestic product down 0.2% in 2024 – German economy contracts for second year in succession. Press release No. 019 of 15 January 2025. Tarikh capaian: 30 June 2025.

Inflasi dan Perbelanjaan Pengguna

Walaupun harga diselaraskan menunjukkan kenaikan sebanyak 0.3%, perbelanjaan isi rumah di Jerman pada tahun 2024 hanya mencerminkan pertumbuhan yang sederhana, dipengaruhi oleh kadar inflasi yang stabil serta kenaikan gaji pekerja. Sektor penjagaan kesihatan mencatatkan perbelanjaan tertinggi, meningkat 2.8%, diikuti sektor pengangkutan naik 2.1%, manakala perbelanjaan untuk makanan, minuman dan penginapan menurun 4.4% berbanding tahun 2023. Peningkatan perbelanjaan akhir kerajaan, yang diselaraskan dengan harga, lebih ketara pada 2.6%, melebihi pertumbuhan perbelanjaan isi rumah, didorong oleh pemberian manfaat sosial dalam bentuk barangan, termasuk rawatan hospital, ubat-ubatan dan penjagaan kesihatan. Keadaan ini menunjukkan peranan kerajaan sebagai pemangkin utama dalam mengekalkan kestabilan ekonomi dan kesejahteraan sosial, walaupun pertumbuhan perbelanjaan isi rumah kekal sederhana.



Rajah 1.19: Purata Kadar inflasi bagi Harga Pengguna (perubahan peratus tahunan) di Jerman
 Sumber: IMF

Pelaburan

Pelaburan asing (FDI) mencatatkan penurunan untuk tahun ketiga berturut-turut pada tahun 2024, selari dengan trend yang dialami di Eropah dan Eropah-Barat. Pelaburan modal tinggi menurun daripada 34.8% pada tahun 2023 kepada 23.2% pada tahun 2024. Penubuhan dan pengembangan baharu merosot kepada 1,724, menurun 2% secara tahunan. Syarikat asing mengumumkan pelaburan berjumlah US\$22.2 bilion (€23.2 bilion), dengan Amerika Syarikat kekal sebagai pelabur asing paling penting melalui 229 projek daripada Amazon, Microsoft dan Apple⁷⁷. Pelaburan syarikat tertumpu pada industri strategik seperti digitalisasi serta tenaga dan sumber. Satu daripada setiap lima syarikat memilih Jerman sebagai lokasi utama bagi pengeluaran atau penyelidikan dan pembangunan (R&D)⁷⁸.

⁷⁷ Reuters (2025). Foreign investment in Germany fell for the third year in a row in 2024. Tarikh capaian: 22 Jul 2025.
⁷⁸ GTAI (2025). 2024 Report: Germany Maintains High Post-Covid FDI Level. Tarikh capaian: 22 Jul 2025.

Perdagangan

Pada tahun 2024, eksport barangan dan perkhidmatan Jerman mencatat penurunan sebanyak 0.8% berbanding tahun sebelumnya - berpunca daripada penurunan eksport peralatan elektrik, mesin dan kenderaan bermotor. Kelemahan ini sebahagiannya dipengaruhi oleh permintaan yang lebih rendah daripada China. Sementara itu, import yang diselaraskan mengikut harga mencatat peningkatan kecil sebanyak 0.2%, menunjukkan pergerakan perdagangan yang lebih stabil di pasaran domestik.

Tenaga Buruh dan Pekerjaan

Pekerjaan di Jerman meningkat sebanyak 0.2% (bersamaan 72,000 orang) berbanding tahun 2023, mencatat purata tahunan sebanyak 46.1 juta pada tahun 2024. Kadar pertumbuhan pekerjaan melambat menjelang penghujung tahun. Peningkatan pekerjaan direkodkan dalam sektor perkhidmatan awam, pendidikan dan kesihatan. Sebaliknya, sektor perindustrian menunjukkan penurunan pekerjaan berikutan pasaran pembinaan yang perlahan.

>> Perancis

Ekonomi kedua terbesar dalam kawasan Euro mencatat prestasi yang lebih rendah daripada jangkaan. Secara keseluruhan, KDNK Perancis meningkat sebanyak 1.1% pada tahun 2024¹⁹. Penganjuran Sukan Olimpik pada musim panas menyumbang kepada pertumbuhan +0.4% pada suku ketiga, manakala suku keempat mencatat penyusutan sebanyak 0.1%. Walau bagaimanapun, kegawatan politik telah menimbulkan ketidakstabilan dalam sektor kewangan dan menjejaskan keyakinan pelaburan perniagaan.



Rajah 1.20: Pertumbuhan KDNK Perancis (USD bilion)

Sumber: IMF

¹⁹ insee (2024). GDP fell back slightly in the fourth quarter of 2024 (-0.1% after +0.4%). On average in 2024, it increased by 1.1%. Tarikh capaian: 5 Jul 2025.

Perkembangan Sektoral

Jumlah pengeluaran mencatat penurunan kadar pertumbuhan kepada +1.4% pada tahun 2023 berbanding +1.7% tahun sebelumnya, disebabkan oleh penurunan dalam barangan pembuatan, khususnya peralatan pengangkutan. Pengeluaran sektor perkhidmatan terus meningkat pada kadar yang sama iaitu +2.0%. Walaupun pengeluaran barangan dan perkhidmatan secara keseluruhan menunjukkan penurunan kadar pertumbuhan pada suku keempat tahun 2024, ia mencatat peningkatan jika dibandingkan dengan suku yang sama pada tahun 2023. Penurunan kadar pertumbuhan dalam perkhidmatan pasaran disebabkan oleh penurunan dalam perkhidmatan isi rumah (menurun kepada 2.5% daripada 3.3%). Sektor pembinaan turut mencatat penurunan kepada 2.3%. Sebaliknya, pengeluaran pembuatan meningkat, didorong oleh pemulihan dalam industri makanan.

Inflasi dan Perbelanjaan Pengguna

Perbelanjaan akhir isi rumah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 0.9% pada tahun 2024, manakala perbelanjaan penggunaan kerajaan meningkat kepada 2.1%, lebih tinggi berbanding tahun 2023. Permintaan domestik menyumbang sebanyak +0.3% kepada KDNK pada suku terakhir tahun 2024.



Rajah 1.21: Purata Kadar Inflasi bagi Harga Pengguna (perubahan peratusan tahunan) di Perancis
Sumber: IMF

Pelaburan

Secara keseluruhan, pelaburan negara Perancis menurun dengan ketara kepada -1.5%, menunjukkan kemerosotan yang lebih ketara dalam pelaburan sektor pembinaan, iaitu -2.5%. Pembentukan modal tetap kasar (gross fixed capital formation) kekal stabil walaupun menurun sedikit kepada -0.1%. Pelaburan dalam barangan pembuatan juga mencatat penurunan sebanyak -4.5%. Sentimen yang lebih positif dilihat dalam pelaburan sektor maklumat dan komunikasi yang kekal meningkat pada +5.0%.

Perdagangan

Perdagangan luar memberi sumbangan positif sebanyak +0.9% berbanding +0.6% pada tahun 2023. Menjelang suku keempat, eksport menurun kepada -0.2% manakala import meningkat semula kepada +0.4%. Import mencatat penurunan sebanyak -1.1% berbanding +0.7% pada tahun 2023, manakala eksport turut perlahan, mencatat +1.6% berbanding +2.5% tahun lalu. Walaupun begitu, sumbangan tahunan perdagangan luar terhadap KDNK kekal positif, meningkat kepada +0.9 mata pada tahun 2024, naik 0.3 mata berbanding tahun 2023.


Tenaga Buruh dan Pekerjaan

Purata kadar pekerjaan bagi tahun 2024 mencatat peningkatan sebanyak 0.5 mata, dengan 68.8% daripada golongan berumur 15 hingga 64 tahun berada dalam pekerjaan. Negara Perancis menunjukkan trend pengurangan peluang pekerjaan bagi golongan muda, manakala pekerjaan bagi golongan lebih berusia terus meningkat. Selepas 5 tahun mencatat penurunan, bahagian pekerjaan separuh masa meningkat sebanyak 0.2 mata pada tahun 2024. Penggunaan tenaga buruh tidak optimum stabil pada 4.3%, menunjukkan prestasi terbaik sejak tahun 1992. Kadar pengangguran juga stabil pada tahun 2024, purata 7.4%, iaitu tahap terendah yang dicatat sejak 2015²⁰.

Menurut data terkini, pada tahun 2023, majoriti pekerja berkhidmat dalam sektor perdagangan borong dan runcit; pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal (18.7%), pembuatan (16.1%), aktiviti perkhidmatan pentadbiran dan sokongan (11.1%) serta pembinaan (10.2%). Bagi tahun yang sama, dari segi kadar kekosongan mengikut sektor, aktiviti penginapan dan perkhidmatan makanan mencatat kadar tertinggi iaitu 5%, diikuti sektor pembinaan pada 4.1%. Pada tahun 2024, kekurangan tenaga kerja berlaku dalam kalangan profesional bersekutu sains dan kejuruteraan, pekerja binaan dan pekerjaan berkaitan termasuk pekerja logam, mesin dan pekerjaan berkaitan. Sebaliknya, pekerja profesional dalam bidang perundangan, sosial dan kebudayaan mencatat lebih tenaga kerja, manakala sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama kepada KDNK Perancis²¹.

>> United Kingdom (UK)

Ekonomi United Kingdom berkembang sebanyak 1.1% pada 2024, berbanding anggaran awal tahunan sebanyak 0.8%. Pertumbuhan ini adalah tidak dijangka pada suku keempat selepas beberapa suku sebelumnya menunjukkan prestasi yang perlahan. Britain mencatatkan prestasi terbaik dalam kalangan ekonomi utama Eropah pada suku keempat tahun 2024, manakala Jerman dan Perancis mengalami penyusutan.



Rajah 1.22: Pertumbuhan KDNK UK (USD bilion)
Sumber: IMF

²⁰ insee (2024). Labour market at a glance in 2024. Tarikh capaian: 5 Jul 2025.
²¹ EURES (2025). Labour market information: France, Tarikh capaian: 5 Jul 2025.


Perkembangan Sektoral

Pertumbuhan suku terakhir adalah hasil daripada sektor perkhidmatan, dengan prestasi baik daripada pengeluar peralatan, pembuatan mesin dan syarikat farmaseutikal. Seiring dengan imbalan perdagangan yang hampir seimbang dengan Amerika Syarikat serta eksport perkhidmatan ke Amerika Syarikat, United Kingdom berada pada kedudukan yang lebih baik untuk mengelak daripada kesan kenaikan tarif Amerika Syarikat. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh sektor perkhidmatan yang berkembang sebanyak 1.3%. Bagaimanapun, pengeluaran dalam sektor pengilangan menurun sebanyak 1.7% manakala sektor pembinaan meningkat 0.4%. Sumbangan terbesar datang daripada subsektor aktiviti profesional, saintifik dan teknikal, dengan industri pengiklanan dan penyelidikan pasaran menjadi penyumbang utama pada Disember 2024, diikuti oleh aktiviti sokongan perkhidmatan pentadbiran.

Penurunan pengeluaran pada suku keempat tahun 2024 disebabkan oleh kemerosotan sebanyak 0.6% dalam sektor pembuatan dan 2.3% dalam sektor perlombongan dan kuari. Pengeluaran dalam sektor pembuatan turut menurun 0.6% pada suku keempat tahun 2024, menjadikannya tiada pertumbuhan sepanjang tahun 2024. Penyumbang negatif terbesar ialah logam dan produk logam, yang menurun 2.9%, serta pengeluar peralatan pengangkutan yang menurun 2.0%. Pertumbuhan sektor pembinaan pula didorong terutamanya oleh perumahan baharu swasta yang meningkat sebanyak 1.5%.³²

Inflasi dan Perbelanjaan Pengguna

Perbelanjaan isi rumah merupakan komponen terbesar dalam perbelanjaan keseluruhan ekonomi, menyumbang 60% daripada jumlah pada tahun 2024. Dalam perbelanjaan isi rumah, peningkatan perbelanjaan bagi restoran, hotel dan perumahan sebahagiannya diimbangi oleh penurunan perbelanjaan untuk makanan dan minuman serta pendidikan. Perbelanjaan kerajaan mencatatkan peningkatan sebanyak 2.2% pada tahun 2024, manakala permintaan domestik akhir meningkat kepada 1.2%, lebih tinggi berbanding 0.5% pada tahun 2023. Peningkatan perbelanjaan kerajaan pada suku keempat mencerminkan perbelanjaan yang lebih tinggi dalam pentadbiran awam dan pertahanan, serta aktiviti yang meningkat dalam sektor kesihatan. Inflasi indeks harga pengguna (CPI) menurun kepada 1.7% pada September tetapi meningkat berikutan pelaksanaan had harga tenaga pada Oktober, menjadikan kadar inflasi utama meningkat kepada 2.3%.



Rajah 1.23: Purata Kadar Inflasi bagi Harga Pengguna (perubahan peratusan tahunan) di UK
Sumber: IMF

³² Office of National Statistics (2025). GDP quarterly national accounts, UK: October to December 2024, Tarikh capaian: 5 Jul 2025.

Pelaburan

Aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) dari pertengahan hingga hujung tahun 2024 mencatat ketidaktentuan yang lebih tinggi daripada kebiasaan berikutan perubahan dalam kaedah pemrosesan tinjauan. Pejabat Statistik Kebangsaan (ONS) UK tidak menerbitkan satu angka utama bagi perubahan tahunan. Pada suku keempat 2024, aliran masuk kewangan bersih direkodkan berjumlah US\$8.8 bilion (£11.1 bilion), didorong oleh pelaburan portfolio yang beralih kepada aliran masuk bersih manakala pelaburan lain beralih kepada aliran keluar bersih. Anggaran awal menunjukkan liabiliti pelaburan antarabangsa bersih UK pada 31 Disember 2024 berkurang kepada US\$222.7 bilion (£280.1 bilion) berbanding US\$316.5 bilion (£397.9 bilion) yang direkodkan pada akhir suku ketiga 2024³³.

Perdagangan

Eksport barangan dan perkhidmatan menyumbang 1.7% daripada KDNK nominal pada suku keempat tahun 2024, termasuk emas bukan monetari dan logam berharga lain. Jumlah eksport barangan dan perkhidmatan ialah US\$694 bilion (£873 bilion), manakala import mencatat jumlah lebih tinggi iaitu US\$720 bilion (£906 bilion), menghasilkan defisit perdagangan keseluruhan sebanyak US\$25 bilion (£32 bilion). Sepanjang tahun 2024, negara-negara Kesatuan Eropah menyumbang 41% daripada eksport UK dan 50% daripada import. Defisit akaun semasa juga meningkat kepada US\$16 bilion (£21 bilion) pada suku keempat tahun 2024, bersamaan 2.9% daripada KDNK³⁴.

Tenaga Buruh dan Pekerjaan

Kadar pengangguran di United Kingdom meningkat kepada 4.3% berbanding 4.0% pada penghujung tahun 2023 dan dijangka meningkat lagi pada tahun 2025. Kadar pekerjaan antara Ogos hingga Oktober 2024 dianggarkan pada 74.9%, dengan peningkatan rendah menjelang penghujung tahun³⁵. Kekurangan tenaga mahir adalah ketara dalam kalangan pekerjaan seperti jurutera dan profesional kewangan. Walau bagaimanapun, tahap pekerjaan telah kembali kepada paras sebelum pandemik. Sektor perkhidmatan menyumbang 84.8% daripada keseluruhan pekerjaan di United Kingdom, dengan bahagian pekerjaan terbesar berada dalam subsektor kesihatan dan penjagaan sosial (13.5%) serta sektor peruncitan dan borong (12.8%).

³³ UK Parliament (2025). Trade in goods and services: Economic indicators.
³⁴ UK Parliament (2025). Trade in goods and services: Economic indicators.
³⁵ Office for National Statistics (2024). Labour market overview, UK: Dec 2024.

1.1.6 Ekonomi Asia Timur

>> China

Ekonomi China terus mengekalkan kedudukannya sebagai ekonomi kedua terbesar dunia selepas Amerika Syarikat, dengan mencatatkan KDNK berjumlah US\$18.8 trilion (RMB137 trilion), bersamaan pertumbuhan tahunan sebanyak 5.0%. Prestasi ini selaras dengan sasaran rasmi kerajaan bagi pertumbuhan tahun ke tahun, meskipun sedikit perlahan berbanding kadar 5.3% pada tahun 2023. Pertumbuhan ekonomi tersebut terus dipacu oleh kekuatan eksport serta pelaksanaan langkah rangsangan bersasar oleh kerajaan sepanjang tahun.

Perkembangan Sektoral

Sektor pembuatan dan perkhidmatan mencatatkan prestasi terbaik pada tahun 2024. Nilai tambah pembuatan peralatan meningkat sebanyak 7.7%, manakala pembuatan berteknologi tinggi berkembang 8.9%, sejajar dengan matlamat negara dalam kemajuan teknologi. Pengeluaran juga menunjukkan pertumbuhan dalam kenderaan tenaga baharu, litar bersepadu serta robot industri membuktikan kepelbagaian dan peningkatan kualiti sektor pembuatan. Selari dengan prestasi pembuatan, hasil perniagaan perkhidmatan strategik baharu meningkat sebanyak 7.9%, dipacu oleh pertumbuhan beberapa subsektor seperti perdagangan borong dan runcit, pengangkutan, pergudangan dan pos, hotel dan catering, serta perkhidmatan penyewaan dan perniagaan. Perkhidmatan perisian dan teknologi maklumat mencatat kemajuan tertinggi iaitu 10.9%, mencerminkan peningkatan permintaan global terhadap eksport perkhidmatan China serta pertumbuhan penggunaan domestik yang mantap.



Rajah 1.24: Pertumbuhan KDNK China (USD bilion)

Sumber: IMF

Inflasi dan Perbelanjaan Pengguna

Perbelanjaan penggunaan per kapita negara meningkat sebanyak 5.3%, dengan perbelanjaan bagi perkhidmatan mencatatkan kenaikan 7.4% – merangkumi 46.1% daripada jumlah perbelanjaan penggunaan per kapita. Komponen terbesar adalah makanan, tembakau dan alkohol (29.8%), diikuti perumahan (22.2%) serta pengangkutan dan komunikasi (14.1%). Indeks Harga Pengguna (CPI) meningkat 0.2%, dengan segmen makanan, tembakau dan alkohol mencatatkan penurunan harga sebanyak -0.1%. Kategori pendidikan, budaya dan rekreasi merekodkan kenaikan harga tertinggi pada 1.4%, diikuti pakaian pada 1.4%.

Pelaburan

Jumlah pelaburan dalam aset tetap juga meningkat sebanyak 3.1% berbanding tahun sebelumnya. Jika dikecualikan isi rumah luar bandar, pelaburan terkumpul mencapai US\$7048.2 bilion (RMB51,437.4 bilion), meningkat 3.2%, dengan pertumbuhan pelaburan dalam peralatan dan instrumen. Pelaburan dalam sektor primer meningkat 2.6%, sektor sekunder meningkat 12.0%, manakala sektor tertier menurun 1.1%. Pelaburan projek swasta meningkat manakala pelaburan pembangunan hartanah berkurang. Pelaburan swasta dalam sektor pembuatan turut meningkat sebanyak 10.8%, dan pelaburan infrastruktur meningkat 5.8%. Perkembangan ini dipercayai hasil daripada dasar kukuh yang mempromosikan penambahbaikan peralatan berskala besar serta penerbitan bon khas nasional jangka panjang dan bon khas kerajaan tempatan bagi merangsang pelaburan infrastruktur. Dalam usaha beralih ke sistem tenaga baharu, China juga mempercepat pelaburan tenaga hijau pada 2024. Negara ini mengatasi US dalam pelaburan tenaga boleh diperbaharui apabila mencatat lebih US\$290 bilion (RMB2116 bilion), tiga kali ganda daripada AS pada tahun yang sama²⁶.

Perdagangan

Jumlah keseluruhan import dan eksport China mencapai paras tertinggi dalam sejarah pada US\$5.98 trilion (RMB43.6 trilion), meningkat 5% berbanding tahun sebelumnya. Terdapat pertumbuhan ketara dalam eksport produk berteknologi tinggi seperti kenderaan elektrik, robot industri dan pencetak 3D. Eksport peralatan berteknologi tinggi meningkat lebih daripada 40%. Perdagangan China dengan negara-negara Inisiatif Jalur dan Laluan (Belt and Road Initiative) turut meningkat sebanyak 6.4%, manakala perdagangan dengan negara anggota Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) meningkat 4.5%. ASEAN kekal sebagai rakan dagang terbesar China²⁷.

China kekal menarik kepada pelabur asing, terutamanya dalam industri berteknologi tinggi dan perkhidmatan profesional. Sub-sektor ini terus menerima aliran modal asing, menandakan peralihan kukuh ke arah sektor khusus. Sektor perkhidmatan mencatat bahagian FDI tertinggi dengan jumlah luar biasa US\$81.47 bilion (RMB594.57 bilion), diikuti sektor pembuatan dengan US\$30.95 bilion (RMB225.14 bilion). Industri berteknologi tinggi seperti pembuatan peralatan dan instrumen perubatan berkembang hampir 100%²⁸.

Selain itu, teknologi tenaga bersih menyumbang lebih daripada 10% daripada KDNK China pada 2024 dengan jualan dan pelaburan bernilai US\$1.9 trilion (RMB13.87 trilion), menunjukkan peranan penting sektor ini dalam pertumbuhan ekonomi jangka panjang²⁹.

²⁶ Statista (2025). China Pulls Far Ahead in Green Energy Investment

²⁷ National Bureau of Statistics of China (2025). National Economic and Social Development 2024

²⁸ China Briefing (2025). China's Economy Report Card for 2024: GDP, Trade, FDI


²⁹ Centre for Research on Energy and Clean Air (2025). Analysis: Clean energy contributed a record 10% of China's GDP in 2024

Tenaga Buruh dan Pekerjaan

Bilangan pekerja di China mencatat 734.39 juta, di mana 64.5% bekerja di kawasan bandar. Tahun 2024 menyaksikan peningkatan seramai 0.12 juta pekerja berbanding tahun sebelumnya. Kadar pengangguran ialah 5.1%. Pekerja migran luar bandar turut meningkat sebanyak 2.2 juta. Bahagian tenaga kerja tertinggi kekal dalam sektor perkhidmatan iaitu 48.8%, diikuti sektor pembuatan dan industri pada 29% serta pertanian pada 22.2%. Dengan agenda kerajaan untuk beralih daripada ekonomi berasaskan pelaburan ke ekonomi berasaskan penggunaan dan pertumbuhan kelas menengah bandar, sektor perkhidmatan dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh.

>> Jepun

Pertumbuhan ekonomi Jepun meningkat 0.1% pada 2024 walaupun prestasi suku keempat melebihi jangkauan. KDNK berkembang 2.7% secara tahunan pada Q4. Pertumbuhan pada 2024 menandakan tahun keempat berturut-turut negara ini mencatatkan pertumbuhan, walaupun menghadapi cabaran deflasi dan ketidakpastian politik. Perbelanjaan pengguna meningkat 0.1% bagi Q4 manakala pelaburan perniagaan naik 0.5%. Pelaburan perumahan meningkat 0.1% manakala eksport turut berkembang 1.1%⁴⁰.



Rajah 1.25: Pertumbuhan KDNK Jepun (USD bilion)

Sumber: IMF

⁴⁰ Xinhuanet (2025). Japan's economic growth slows in 2024 despite strong Q4

Perkembangan Sektoral

Ekonomi Jepun terus berorientasikan perkhidmatan, dengan sektor perkhidmatan menyumbang sekitar 71% kepada KDNK negara pada tahun 2024. Industri utama dalam sektor ini termasuk perbankan, hartanah, peruncitan, insurans, telekomunikasi dan pengangkutan. Sektor perindustrian pula menyumbang 27% kepada KDNK, dengan pengeluaran utama melibatkan elektronik pengguna, kenderaan, media optik dan semikonduktor, yang didominasi oleh pengeluar-pengeluar terkemuka Jepun. Industri automotif Jepun merupakan antara yang terbesar di dunia, dengan syarikat seperti Toyota, Honda, Nissan dan Mazda memainkan peranan penting dalam eksport dan inovasi. Sektor pertanian, walaupun hanya menyumbang 1% kepada ekonomi, terus memainkan peranan penting dalam memastikan keselamatan makanan domestik serta menyediakan peluang pekerjaan di kawasan luar bandar⁴¹.

Inflasi dan Perbelanjaan Pengguna

Perbelanjaan isi rumah domestik menghadapi cabaran lebih besar pada tahun 2024. Kenaikan harga makanan dan tenaga telah menjejaskan kuasa beli, manakala inflasi menyukarkan pengguna domestik untuk berbelanja. Walaupun pertumbuhan gaji kontrak yang kukuh sering dituntut oleh kesatuan sekerja, kadar inflasi keseluruhan masih tinggi pada 3.6% tahun ke tahun pada Disember 2024. Harga tenaga meningkat 10.1%, manakala harga makanan segar naik 17.3%. Pada tahun 2024, harga beras meningkat sebanyak 60%. Kekurangan bekalan beras, berpunca daripada keadaan cuaca menjejaskan pengeluaran serta masalah tenaga kerja pertanian yang semakin menua, turut menyumbang kepada kenaikan harga.

Pelaburan

Jumlah pelaburan keseluruhan Jepun mencapai US\$0.03 trilion (JPY4.66 trilion) pada tahun 2024, meningkat 18% berbanding tahun 2023. Pasaran hartanah terus menunjukkan ketahanan, dengan sektor kediaman berkembang terutamanya di kawasan bandar, manakala sektor komersial aktif disokong oleh pelaburan domestik dan asing. Pelaburan hartanah komersial pada suku keempat meningkat 68% berbanding tahun sebelumnya.

Jepun masih menghadapi cabaran kestabilan fiskal. Selepas pandemik, banyak perniagaan terutamanya perusahaan sederhana dan kecil menghadapi kesukaran memperoleh keuntungan operasi yang mencukupi dengan lebih 70% kes mufils akibat daripada hutang bernilai kurang daripada US\$0.63 milion (JPY100milion). Pada Mac 2024, Jepun menaikkan kadar faedah untuk pertama kali dalam 17 tahun, dan Bank of Japan menegaskan kemungkinan kenaikan lanjut walaupun ekonomi mengalami pemulihan. Kadar neutral pula dianggarkan antara 1.5 hingga 2.0%, dan langkah ini dijangka membantu mengukuhkan nilai Yen yang melemah⁴².

⁴¹ Asia Fund Managers (2025), Japan Economy

⁴² New Zealand Foreign Affairs & Trade (2025), Japan: Economic Update – 2024 in review and prospects for 2025

Perdagangan

Pada tahun 2024, defisit perdagangan Jepun mencatat sekitar US\$34 bilion (JPY5363 bilion). Walau bagaimanapun, jumlah eksport Jepun meningkat 6.2% berbanding tahun sebelumnya, didorong oleh lonjakan permintaan global terhadap peralatan pembuatan semikonduktor, kenderaan, dan komponen elektronik. Peralatan pengangkutan juga merupakan industri eksport penting, merangkumi 21.3% daripada jumlah eksport. Peralatan mesin menyumbang 17.8%, peralatan elektrik dan elektronik 14.3%, manakala peralatan pembuatan semikonduktor mencatat kadar tertinggi sebanyak 27.2%. Pada tahun 2024, import meningkat 1.8% selepas dua tahun berturut-turut mengalami penurunan. Walaupun import meningkat disebabkan pelemahan nilai yen, ekonomi Jepun terus disokong oleh nilai eksport yang mencapai paras tertinggi dalam sejarah iaitu China kekal sebagai rakan dagang terbesar Jepun.

Tenaga Buruh dan Pekerjaan

Pasaran buruh di Jepun kekal tegang walaupun kadar penyertaan tenaga buruh meningkat kepada 61.7%, dengan 67.81 juta individu bekerja pada tahun 2024. Selain itu, bilangan pekerja berumur 65 tahun ke atas turut meningkat sebanyak 160,000 kepada 9.3 juta. Sektor perubatan dan kebajikan mencatat pertumbuhan tertinggi dengan 9.22 juta guna tenaga (naik 120,000), sektor maklumat dan komunikasi mencatat 2.92 juta guna tenaga (meningkat 140,000), manakala sektor penginapan dan perkhidmatan makanan mencapai 4.07 juta guna tenaga (naik 90,000 pekerja). Sektor pembuatan mencatat penurunan dengan 10.46 juta pekerja, pembinaan turun kepada 4.77 juta, manakala pertanian dan perhutanan menurun kepada 1.8 juta. Kadar pengangguran ialah 2.5% dengan 1.76 juta penganggur pada tahun 2024⁴³.

>> Republik Korea Selatan

KDNK Korea Selatan meningkat 2.0% pada tahun 2024, mengekalkan trend kenaikan untuk tahun keempat berturut-turut selepas pandemik. KDNK per kapita dianggarkan lebih tinggi berbanding Jepun. Permintaan domestik meningkat secara beransur-ansur manakala pertumbuhan eksport mula kembali normal. Pada 2024, kadar inflasi merekodkan 2.3%, didorong oleh gangguan rantai bekalan global, penurunan harga minyak dunia, dan dasar monetari yang lebih ketat. Peningkatan KDNK disokong oleh jumlah eksport luar negara Korea yang mencapai rekod tertinggi bernilai US\$0.6839 trilion (WON1005.61 trilion), melibatkan barangan seperti semikonduktor dan kenderaan, manakala akaun semasa turut bertambah baik pada penghujung tahun 2024 disebabkan permintaan semikonduktor yang kukuh.



Rajah 1.26: KDNK Republik Korea Selatan (USD bilion)

Sumber: IMF

⁴³ Japan International Labour Foundation (2025). Economic and Labour Situation in Japan, February 2025 in 2024. Record-High 67.81 Million Employed.

Perkembangan Sektoral

Industri pengeluaran Korea Selatan mencatatkan pemulihan pada tahun 2024, dengan pengeluaran perlombongan dan pembuatan mencatat pertumbuhan keseluruhan 5.3% tahun ke tahun. Pada bulan Disember sahaja, industri ini meningkat 1.4% berbanding tahun sebelumnya. Sektor pembinaan turut menunjukkan tanda pemulihan, namun masih menurun -8.3% tahun ke tahun. Sektor perkhidmatan yang menyumbang secara signifikan kepada ekonomi, berkembang pada kadar 1.2% tahun ke tahun, terutamanya disokong oleh peningkatan aktiviti dalam industri borong dan runcit.

Inflasi dan Perbelanjaan Pengguna

Permintaan domestik kekal agak lemah dengan pelaburan dan perbelanjaan swasta yang pasif, disebabkan pengurangan pendapatan sebenar akibat inflasi dan kadar hutang sektor swasta yang tinggi. Kadar inflasi keseluruhan menurun kepada 1.9% tahun ke tahun pada Disember, didorong oleh perlambatan gangguan rantai bekalan global, penurunan harga minyak dunia, dan dasar monetari yang lebih ketat. Perbelanjaan isi rumah kekal berhati-hati, sekali gus menyumbang kepada kelembapan ekonomi dan juga dipengaruhi oleh krisis undang-undang tentera buat seketika. Perbelanjaan isi rumah meningkat 2.5% kepada US\$0.00197 million (WON2.9 million), dengan perbelanjaan untuk hiburan, budaya, pelancongan, perumahan, utiliti, makanan dan penginapan turut meningkat. Walau bagaimanapun, isi rumah berpendapatan tinggi mengurangkan perbelanjaan mereka dan oleh itu mencatatkan penurunan 2.8% dalam kelompok 20% pendapatan tertinggi⁴⁴.

Inflasi gaji kekal sederhana selaras dengan kelonggaran beransur-ansur dalam pasaran buruh. Perubahan dasar monetari di Korea dan ekonomi utama lain, peningkatan ketegangan geopolitik, pengukuhan dolar selepas pilihan raya AS dan perkembangan politik domestik telah menyumbang kepada ketidakstabilan Won Korea. Mata wang Korea susut kira-kira 12.5% berbanding US\$ pada tahun 2024.

Pelaburan

Pelaburan dalam fasiliti dan infrastruktur terus mencatat pertumbuhan yang baik, disokong oleh peningkatan pelaburan dalam mesin dan pemulihan ketara dalam pelaburan peralatan pengangkutan. Ini termasuk prestasi positif dalam industri kapal dan pesawat. Sektor pembinaan masih menghadapi cabaran, mencatat pertumbuhan -10.1% tahun ke tahun⁴⁵.

Pasaran perumahan pula stabil secara keseluruhan dengan harga rumah menurun di peringkat nasional. Namun, harga perumahan di kawasan metropolitan Seoul meningkat dengan ketara disebabkan permintaan yang tinggi, kadar pinjaman perumahan menurun dan kekangan bekalan rumah. Pertumbuhan kredit swasta kembali meningkat pada tahun 2024, dipacu oleh peningkatan pinjaman isi rumah berkaitan perumahan dan kredit korporat yang berkembang pesat.

⁴⁴ Korea JoongAng Daily (2025). Korean household income outpaces spending for second straight quarter
⁴⁵ Korea Ministry of Economy and Finance (2025). Current Status of Industrial Activities (December, 2024)

Perdagangan

Eksport tahunan Korea bagi tahun 2024 mencapai paras tertinggi iaitu US\$0.6839 trilion (WON1005.61 trilion), meningkat 8.2% berbanding tahun sebelumnya. Eksport terkumpul dari Januari hingga September 2024 menempatkan Korea di tangga keenam negara pengeksport teratas dunia. Import menurun 1.6% kepada US\$0.632 trilion (WON929.29 trilion), menghasilkan lebihan dagangan sebanyak c, iaitu yang terbesar sejak tahun 2018. Lapan daripada 15 barangan eksport utama mencatat pertumbuhan pada tahun 2024.

Sebagai pengeluar cip memori terbesar di dunia, sektor semikonduktor kekal sebagai barangan eksport utama Korea, mencatat pertumbuhan 43.9% pada 2024 dengan nilai eksport US\$0.1419 trilion (WON208.65 trilion). Pertumbuhan ini dipacu oleh permintaan tinggi terhadap cip premium seperti cip memori jalur lebar tinggi (HBM). Korea juga menjadi tuan rumah kepada SK Hynix Inc, pembekal utama kepada syarikat pereka cip utama dunia termasuk Nvidia Corporation. Selain itu, China kekal sebagai rakan dagang utama Korea, dengan eksport meningkat 6.6% kepada US\$0.133 trilion (WON195.56 trilion)⁴⁶.

Tenaga Buruh dan Pekerjaan

Kadar pekerjaan dalam kalangan individu berumur 15 hingga 64 tahun ialah 69.5% pada tahun 2024. Menjelang Disember 2024, kadar penyertaan tenaga buruh meningkat kepada 63.9%, iaitu yang tertinggi pernah dicatatkan. Kadar pengangguran meningkat kepada 3.8% tahun ke tahun. Sementara itu, sektor perkhidmatan mencatat peningkatan seramai 177,000 pekerja. Sektor pertanian dan perhutanan juga meningkat kepada 25,000 pekerja, manakala sektor pembinaan dan pembuatan mencatat penurunan bilangan pekerja. Pasaran buruh perlahan buat sementara pada tahun 2024, dipengaruhi oleh kelemahan sentimen pengguna akibat ketidakpastian politik dan pengakhiran program pekerjaan langsung. Sementara itu, pertumbuhan gaji menunjukkan pemulihan pada tahun 2024, disokong oleh peningkatan gaji dalam sektor pembuatan⁴⁷.

1.1.7 Ekonomi Asean

Kawasan Asia Tenggara menunjukkan tanda pemulihan yang lebih jelas daripada pandemik pada tahun 2024, dengan prestasi lebih baik berbanding 2022 dan 2023 serta mencatat pertumbuhan sebanyak 4.8%. Negara-negara seperti Singapura, Thailand, Filipina, Indonesia dan Malaysia telah kembali kepada kadar pertumbuhan sebelum pandemik, manakala Kemboja, Laos dan Myanmar menunjukkan pemulihan pada kadar yang lebih perlahan. Pemulihan ini disokong oleh permintaan domestik dan luaran yang positif, peningkatan perbelanjaan pengguna di pasaran utama, disokong trend pelaburan, serta peningkatan eksport. Pertumbuhan yang ketara dalam sektor ekonomi utama seperti pembuatan, pelancongan dan teknologi turut menyumbang kepada prestasi positif serantau. Vietnam merupakan peneraju serantau dengan pertumbuhan KDNK 6.9%, didorong oleh peningkatan dalam sektor elektronik, tekstil dan barangan pengguna sekaligus menjadikannya hab pembuatan utama bagi jenama global.

⁴⁶ Korea.net (2025). Ministry of Trade, Industry and Energy Press Release: Korea's annual exports reach new highs in 2024. Tarikh capaian: 22 Jul 2025.
⁴⁷ Korea.net (2025). Current Employment Situation, December 2024

Walau bagaimanapun, pemulihan tidak berlaku secara sekata kerana beberapa negara menghadapi cabaran tersendiri. Pertumbuhan pengeluaran industri di rantau ini lebih lemah berbanding sebelum pandemik, berbeza dengan China yang menyaksikan lonjakan pengeluaran industri hasil daripada peningkatan permintaan luaran dan penyesuaian aliran kredit daripada sektor hartanah ke sektor pembuatan.

Perbelanjaan swasta di rantau ini menyumbang kepada pertumbuhan semua ekonomi utama, namun kadar pertumbuhannya lebih lemah dengan sumbangan menurun di Thailand dan Filipina. Pelaburan awam meningkat di Indonesia, manakala pelaburan swasta kekal lemah di kebanyakan negara, kecuali di Malaysia dan Vietnam. Eksport sektor pembuatan menyokong pertumbuhan di Malaysia, Indonesia dan Thailand, manakala pertumbuhan eksport perkhidmatan pula kukuh di Malaysia dan Thailand. Secara keseluruhan, eksport barangan kekal kukuh bagi Indonesia, Malaysia dan Thailand.

Pertumbuhan perbelanjaan pengguna turut menyumbang kepada pembangunan domestik di rantau ini, tetapi kadar pertumbuhannya lebih rendah berbanding sebelum pandemik. Hal ini dapat dilihat daripada jualan runcit yang lebih perlahan berbanding tempoh pra-pandemik apabila kuasa beli lebih tinggi. Berbanding negara lain di Asia Tenggara, Thailand mencatat kadar pemulihan jualan runcit terpantas sejak 2022, hasil daripada langkah rangsangan untuk meningkatkan perbelanjaan pengguna pada separuh tahun kedua 2024.

Aliran masuk pelaburan asing langsung (FDI) ke rantau ini diterima daripada China dan Jepun kekal kukuh dan jauh lebih besar berbanding aliran FDI daripada EU dan AS. FDI daripada China mencatat peningkatan tertinggi iaitu 67% sejak 2018, manakala FDI daripada Jepun kekal konsisten.

Pada 2024, eksport barangan menunjukkan pemulihan dengan Vietnam mencatat lonjakan 14% disumbangkan oleh eksport produk elektronik. Sebaliknya, Filipina mengalami penurunan dalam eksport barangan disebabkan oleh eksport semikonduktor yang lebih lemah. Dari segi eksport perkhidmatan, rantau ini menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan menjelang akhir 2024. Ketibaan pelancong dan eksport perkhidmatan berkaitan pelancongan telah mencapai paras pra-pandemik di beberapa negara seperti Kemboja, Vietnam dan Malaysia— malah, sesetengah negara melebihi jumlah sebelum pandemik.

Sektor perkhidmatan mendominasi peluang pekerjaan di kebanyakan negara anggota ASEAN, kecuali Laos dan Myanmar. Singapura mencatat bahagian pekerjaan terbesar dalam sektor perkhidmatan iaitu 82.3%, diikuti Brunei 78.2%. Kemboja menunjukkan pengagihan pekerjaan lebih seimbang dengan sektor perkhidmatan 33.5%, industri 33.4% dan pertanian 33.1% pada 2023. Sebaliknya, pekerjaan di Laos dan Myanmar masih didorong oleh sektor pertanian, masing-masing 57.5% dan 48.9%. Walaupun kadar pengangguran serantau lebih baik berbanding purata global, kadar pengangguran belia masih tinggi, merekodkan 13.9% pada 2023⁴⁰.

>> Indonesia

Ekonomi Indonesia berkembang sebanyak 5.03% pada 2024, dengan KDNK per kapita mencapai US\$4,960.3 (IDR80,143,567.1). Pertumbuhan keseluruhan negara disokong oleh perbelanjaan domestik yang kukuh serta pelaburan, walaupun menghadapi cabaran global dan penurunan harga komoditi. Pertumbuhan dijangka meningkat semula pada 2025, disebabkan oleh perbelanjaan kerajaan yang lebih tinggi yang dijangka merangsang permintaan domestik⁴⁹.

Perkembangan Sektoral

Sektor yang mencatat pertumbuhan tertinggi ialah pembinaan pada 7.02%, diikuti sektor lain-lain pada 6.30% dan perdagangan serta pembaikan pada 4.86%. Antara sektor yang berkembang paling pesat ialah pengangkutan dan pergudangan (+7.92%) serta aktiviti perniagaan (+8.08%)⁵⁰. Sektor perkhidmatan terus berkembang dengan perkhidmatan bernilai tinggi meningkat 6.7% manakala perkhidmatan bernilai rendah seperti peruncitan dan borong meningkat 6.3% pada suku ketiga 2024. Pertumbuhan perkhidmatan bernilai tinggi ini didorong oleh pelaburan dalam hartanah, ICT, sektor perniagaan dan sektor kewangan melalui aktiviti pinjaman dan keuntungan bank. Pertumbuhan kukuh dalam sektor pembuatan berasaskan komoditi dan pembinaan turut memacu pengeluaran hiliran serta menyokong penyelesaian projek infrastruktur dan pengangkutan utama⁵¹.

Inflasi dan Perbelanjaan Pengguna

Sepanjang tahun 2024, Indeks Harga Pengguna (CPI) kekal stabil tanpa kenaikan harga yang signifikan dalam semua kategori penggunaan, Purata inflasi purata ialah 2.3% dan berada dalam julat sasaran 2.5%±1%. Penurunan inflasi utama kepada 1.5% pada November 2024 merupakan tahap terendah sejak Julai 2021. Ini mencerminkan pemulihan pengeluaran pertanian terutamanya dalam bijirin dan beras akibat keadaan cuaca yang baik⁵². Penurunan harga minyak global yang sederhana digabungkan dengan subsidi bahan bakar dan polisi kerajaan untuk mengurangkan tambang pengangkutan udara ke destinasi pelancongan terpilih telah menstabilkan harga pengangkutan keseluruhan.

Permintaan perbelanjaan swasta yang sederhana serta gangguan bekalan yang lebih rendah turut menyumbang kepada kadar inflasi yang lebih rendah berbanding tahun 2023 (3.7%). Nilai pertukaran Rupiah Indonesia mula melemah secara beransur-ansur sejak September 2024 dan keadaan ini dijangka menambah tekanan inflasi import. Rupiah Indonesia merupakan antara yang tercorot di rantau ini – menyusut hampir 3% sejak awal tahun kepada sekitar IDR16,157 (US\$1.00)⁵³.

⁴⁹ Ibid.

⁵⁰ BPS-Statistics Indonesia (2025). Indonesia's Economic Growth 2024 was 5.03 Percent (C-to-C). Indonesia's Economic Growth in Q4-2024 was 5.02 Percent (Y-on-Y). Indonesia's Economic Growth in Q4-2024 was 0.53 Percent (Q-to-Q). Tarikh capaian: 8 Jul 2025.

⁵¹ Ibid.

⁵² World Bank (2025). Funding Indonesia's Vision 2045.

⁵³ UOB Group (2025). UOB Global Economics & Markets Research- Quarterly Global Outlook 2Q2025.

Pelaburan

Pertumbuhan pelaburan kekal kukuh pada suku keempat 2024, terutamanya dalam Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK) yang meningkat 5.03% tahun ke tahun. Daya tarikan Indonesia terhadap Pelaburan Asing Langsung (FDI) juga berterusan, khususnya dalam pembiayaan infrastruktur seperti taman perindustrian dan projek tenaga. Seiring dengan perkembangan tersebut, kredit kepada sektor swasta bukan kewangan meningkat 5.2% pada suku keempat, didorong oleh permintaan terhadap pinjaman perniagaan dan bon korporat. Walau bagaimanapun, pertumbuhan kredit isi rumah menurun kepada 5.9% dalam tempoh yang sama, mencerminkan kelembapan dalam pinjaman perumahan dan automatif. Keseluruhannya, perkembangan positif ini menyumbang kepada lebih transaksi modal dan kewangan berjumlah US\$8.5 bilion atau 2.3% daripada KDNK pada suku keempat 2024, sebahagian besarnya disokong oleh aliran masuk FDI yang kukuh.

Perdagangan

Jumlah perdagangan Indonesia mencapai US\$0.13467 trilion (IDR2175.86 trilion) pada tahun 2024, meningkat 8.69% tahun ke tahun. Eksport menyumbang US\$0.7188 trilion (IDR1161.37 trilion) manakala import berjumlah US\$0.006279 trilion (IDR 1014.50 trilion), sekali gus mengekalkan lebihan dagangan. Namun begitu, lebihan ini merosot sebanyak 0.88% atau US\$0.00909 trilion (IDR146.87 trilion) berbanding tahun sebelumnya. Dari segi struktur eksport, permintaan global mendorong peningkatan ketara dalam segmen bukan minyak dan gas, khususnya bahan api mineral (15.65%), lemak dan minyak haiwan/tumbuhan (12.39%), serta besi dan keluli (10.36%) yang secara keseluruhan hampir mencecah US\$0.068 trilion (IDR1098.68 trilion). Sebaliknya, eksport minyak dan gas kekal rendah pada US\$0.0042 trilion (IDR67.86 trilion). Bagi import, segmen mesin dan perkakas elektrik merekodkan bahagian terbesar pada US\$0.0071 trilion (IDR114.71 trilion) (11.03% tahun ke tahun) mencerminkan peningkatan pelaburan dalam sektor elektronik dan pembuatan. Selaras dengan pertumbuhan sektor pembinaan, import besi dan keluli turut berkembang 7.21% tahun ke tahun.

China kekal sebagai rakan dagang terbesar Indonesia dengan eksport ke China meningkat kepada 26.12% dan import daripada China meningkat kepada 38.04%. Perkembangan ini menunjukkan kebergantungan dua hala yang signifikan dalam hubungan dagangan. Blok ASEAN merupakan rakan dagang kedua terbesar dengan eksport Indonesia ke negara anggota ASEAN mencapai 18.49% manakala import daripada blok tersebut berjumlah 16.64% atau US\$0.00886 trilion (IDR143.15 trilion)**.

Tenaga Buruh dan Pekerjaan

Indonesia mempunyai tenaga kerja terbesar di Asia Tenggara, mencecah 152.1 juta individu pada tahun 2024. Kadar penyertaan tenaga kerja dicatatkan pada 69% pada tahun 2023, disokong oleh populasi muda dengan usia median sekitar 30 tahun yang penting kepada pertumbuhan pasaran buruh. Tenaga kerja ini sebahagian besarnya tertumpu di bandar utama seperti Bandung, Jakarta dan Surabaya yang berfungsi sebagai pusat pekerjaan, khususnya dalam sektor perkhidmatan, kewangan dan teknologi. Namun, walaupun peluang pekerjaan semakin meluas, pasaran buruh masih berdepan cabaran apabila pada tahun 2023 hanya 8.4% daripada jumlah pekerjaan tergolong dalam kategori kelas pertengahan, menurun berbanding 14% sebelum pandemik. Oleh itu, pewujudan lebih banyak pekerjaan kelas pertengahan, yang lazimnya dikaitkan dengan produktiviti dan gaji lebih tinggi, amat diperlukan bagi menarik golongan muda serta meningkatkan daya saing tenaga kerja negara⁵⁵.

Pada Februari 2024, sektor pertanian merekodkan jumlah pekerja tertinggi iaitu 28.64% (40.69 juta), diikuti sektor perdagangan pada 19.05% (26.24 juta) dan sektor perindustrian pemrosesan pada 13.28% (8.83 juta). Secara keseluruhan, jumlah individu bekerja mencecah 142.18 juta orang⁵⁶. Namun, dalam tempoh sedekad yang lalu, kadar guna tenaga dalam sektor pertanian semakin menurun, manakala sektor perkhidmatan menunjukkan peningkatan selaras dengan perubahan struktur ekonomi negara. Meskipun berlaku peralihan tersebut, pasaran buruh Indonesia masih berdepan cabaran produktiviti yang rendah. Bagi mengatasinya, pelaburan besar dalam pendidikan dan latihan vokasional amat diperlukan untuk memastikan keupayaan tenaga kerja semasa dan akan datang sejajar dengan keperluan industri.

>> Singapura⁵⁷

Ekonomi Singapura mencatat pertumbuhan 4.4% pada tahun 2024, melebihi anggaran awal sebanyak 4.0%. Prospek pertumbuhan sepanjang tahun ini lebih terjamin apabila pemulihan yang lebih kukuh mula kelihatan sejak suku ketiga tahun 2024. Hampir 60% daripada ekonomi berkembang pada kadar yang setara atau melebihi tahap pra-pandemik. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh sektor perdagangan borong, kewangan dan insurans, serta pembuatan. Walau bagaimanapun, sektor perdagangan runcit serta perkhidmatan makanan dan minuman mencatat sedikit penurunan berikutan peningkatan rakyat tempatan yang melancang ke luar negara dan berbelanja di destinasi tersebut.

⁵⁵ Ulandsekretariat – Danish Trade Union Development Agency (2025). Labour Market Profile Indonesia 2025.
⁵⁶ Indonesian Chamber of Commerce and Industry (2025). Employment as of Feb 2024. Tarikh capaian: 8 Jul 2025.
⁵⁷ Ministry of Trade and Industry Singapore (2025). Economic Survey of Singapore 2024. Tarikh capaian: 8 Jul 2025.

Perkembangan Sektoral

Dari sudut perkembangan sektoral, sektor pembuatan berkembang sebanyak 4.3% pada tahun 2024, keadaan ini dipacu oleh peningkatan pengeluaran dalam sektor elektronik dan kejuruteraan pengangkutan, manakala hanya sektor bioperubatan mencatatkan penurunan. Sektor perdagangan borong pula merekodkan pertumbuhan 6.7%, terutamanya disokong oleh segmen mesin, peralatan dan bekalan, serta kenaikan dalam segmen bahan api dan kimia yang meningkatkan jumlah dagangan petroleum serta produk kimia. Sebaliknya, perdagangan runcit menurun 1.2% tahun ke tahun pada suku keempat tahun 2024. Sektor pembinaan turut berkembang 4.5% dipacu oleh peningkatan penggunaan bahan binaan, khususnya konkrit siap bancuh dan keluli tetulang.

Bagi sektor perkhidmatan, hampir semua subsektor menunjukkan pertumbuhan kecuali makanan dan minuman serta perdagangan runcit. Sektor kewangan dan insurans berkembang kukuh dengan peningkatan menyeluruh merangkumi perbankan, pengurusan dana, insurans serta aktiviti berkaitan perkhidmatan kewangan. Sektor perkhidmatan profesional juga mencatat pertumbuhan, khususnya dalam bidang perakaunan dan perundingan pengurusan, yang didorong oleh pertumbuhan ibu pejabat korporat serta pejabat wakil perniagaan di Singapura.

Inflasi dan Perbelanjaan Pengguna

Indeks Harga Pengguna (CPI) bagi semua barangan meningkat 2.4% pada tahun 2024, lebih rendah berbanding 4.8% pada tahun 2023. Kenaikan tertinggi dicatatkan dalam kategori penjagaan kesihatan pada kadar 3.9%, didorong oleh peningkatan kos rawatan pesakit luar, perkhidmatan hospital serta insurans kesihatan. Kategori rekreasi dan kebudayaan pula meningkat 3.6%, Hal ini berikutan kenaikan kos percutian serta perkhidmatan rekreasi dan budaya. Pendidikan turut meningkat sebanyak 3.2% berikutan kenaikan yuran di institusi swasta, universiti, pusat jagaan kanak-kanak dan tadika, manakala kos perumahan dan utiliti naik disebabkan peningkatan kadar penginapan. Harga makanan pula naik 2.8% berikutan kenaikan kos perkhidmatan penyediaan makanan serta harga barangan mentah. Secara keseluruhan, pola inflasi pada tahun 2024 lebih terkawal berbanding tahun sebelumnya, namun tekanan kos sara hidup masih dirasai oleh kebanyakan isi rumah.

Pelaburan

Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK) meningkat 2.9% pada tahun 2024, menandakan pemulihan yang kukuh dalam aktiviti pelaburan negara. Pertumbuhan ini didorong oleh pelaburan swasta yang naik 0.8% hasil peningkatan perbelanjaan dalam produk harta intelek, sementara itu pelaburan awam melonjak 12.4% berikutan kenaikan perbelanjaan dalam semua komponen termasuk harta intelek, pembinaan, kerja awam, peralatan pengangkutan serta mesin dan kelengkapan.

Komitmen pelaburan baharu kekal memberangsangkan, khususnya dalam sektor pembuatan. Sektor elektronik muncul sebagai penerima terbesar pelaburan aset tetap dengan jumlah US\$5.67 bilion (SG\$7.7 bilion), diikuti rapat oleh sektor bioperubatan sebanyak US\$1.62 bilion (SG\$2.2 bilion). Dalam sektor perkhidmatan pula, sejumlah US\$1.62 bilion (SG\$2.2 bilion) dilaburkan dalam perkhidmatan ibu pejabat, perkhidmatan profesional serta penyelidikan dan pembangunan. Trend ini menunjukkan keyakinan pelabur terhadap daya tahan ekonomi Singapura serta potensinya untuk terus berkembang dalam sektor bernilai tinggi.

Perdagangan

Jumlah perdagangan barangan Singapura meningkat 6.6% pada tahun 2024, dengan eksport barangan berkembang 5.7% manakala import meningkat 7.8%, didorong terutamanya oleh pertumbuhan semula eksport semula. Walau bagaimanapun, eksport domestik merosot 6.0% pada suku keempat, sekali gus menyebabkan pertumbuhan keseluruhan eksport domestik hanya mencapai 0.5% menjelang akhir tahun. Eksport domestik bukan minyak (NODX) meningkat 2.4% pada suku keempat tahun 2024, dipacu oleh permintaan lebih tinggi terhadap produk elektronik seperti IC, produk media cakera dan komputer peribadi. Sepanjang tahun 2024, eksport domestik minyak meningkat sebanyak 1.0% berbanding tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh peningkatan permintaan dari pasaran utama iaitu Indonesia, China dan Liberia.

Pertumbuhan import barangan pula dipacu oleh peningkatan dalam segmen elektronik, khususnya IC, komputer peribadi serta komponen komputer lain. Perdagangan perkhidmatan Singapura turut mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 8.6%. Eksport perkhidmatan meningkat 9.9%, didorong oleh perkhidmatan pengangkutan, perkhidmatan perniagaan lain serta perkhidmatan kewangan, manakala import perkhidmatan berkembang 7.1% berikutan peningkatan dalam perkhidmatan pengangkutan dan pelancongan. Secara keseluruhan, prestasi perdagangan barangan dan perkhidmatan pada 2024 mengukuhkan lagi kedudukan Singapura sebagai pusat perdagangan serantau dan global.

Tenaga Buruh dan Pekerjaan

Dari segi sumber tenaga buruh, jumlah guna tenaga di Singapura meningkat sebanyak 60,700 orang pada tahun 2024. Peningkatan ini didorong oleh pertambahan pekerja dalam kalangan penduduk dan bukan penduduk. Dari segi sektor, perkhidmatan mencatat kenaikan tertinggi dengan tambahan 8,500 orang, diikuti oleh sektor pembinaan dengan 4,300 orang, manakala sektor pembuatan meningkat sebanyak 700 orang pada suku keempat. Dalam sektor perkhidmatan, subsektor lain-lain perkhidmatan serta perkhidmatan profesional merekodkan bahagian guna tenaga terbesar, sekaligus mengekalkan sektor ini sebagai penyumbang utama kepada tenaga kerja.

Walaupun bagaimanapun, meskipun jumlah guna tenaga meningkat, kadar purata pengangguran turut naik kepada 2.0% pada tahun 2024, dengan 67,000 penduduk masih menganggur. Dalam masa yang sama, jumlah pemberhentian kerja menurun daripada 14,590 kes pada tahun 2023 kepada 12,930 kes pada tahun 2024. Penurunan ini melibatkan semua sektor, di mana sektor pembuatan mencatat pemberhentian tertinggi, diikuti oleh perkhidmatan dan pembinaan. Perkembangan ini mencerminkan pasaran buruh Singapura yang kekal berdaya tahan, meskipun berdepan cabaran ketidakseimbangan antara pertumbuhan pekerjaan baharu dan peningkatan kadar pengangguran.

>> Thailand^{59,59}

KDNK sebenar Thailand meningkat sebanyak 2.5% pada tahun 2024, disokong oleh pertumbuhan dalam perbelanjaan pengguna, pelaburan, perbelanjaan kerajaan, dan eksport. Walaupun langkah pengurusan ekonomi yang berhati-hati serta dasar monetari dan fiskal yang mantap membantu menstabilkan ekonomi negara pada peringkat awal pemulihan, pemulihan ekonomi Thailand masih ketinggalan berbanding beberapa rakan serantau. Tambahan pula, kebergantungan yang tinggi terhadap sektor pelancongan global terus menjadikan ekonomi Thailand terdedah kepada kejutan luaran, sekali gus memberi tekanan kepada prestasi keseluruhan ekonomi.

Perkembangan Sektoral

Dari sudut pembangunan sektoral, sektor pertanian, perhutanan dan perikanan menurun sebanyak 1.0% walaupun pengeluaran komoditi utama mencatatkan peningkatan berikutan hasil lebih tinggi bagi buah-buahan, tebu dan padi. Sektor pembuatan menurun 0.5% dengan kadar penggunaan kapasiti purata mencatat 58.44%. Namun begitu, beberapa industri menunjukkan pertumbuhan seperti pembuatan gula meningkat 18.9%, manakala pembuatan motor elektrik, generator, transformer dan alat kawalan pengedaran elektrik meningkat 15.1%. Sektor penginapan dan perkhidmatan makanan berkembang 9.5% pada tahun 2024, ini didorong oleh peningkatan ketibaan pelancong seramai 35.546 juta, setara dengan kenaikan 26.3%, manakala hasil pelancongan antarabangsa meningkat 45.8% kepada US\$0.044 trilion (THB 1.504 trilion). Sektor pembinaan pula meningkat 1.3% dengan pembinaan awam berkembang 3.5% dan sebaliknya pembinaan swasta menurun 2.1%. Pertumbuhan pembinaan awam disokong oleh projek besar di bawah kementerian pengangkutan seperti rangkaian lebuh raya nasional dan pembangunan jalan serta jambatan luar bandar, manakala penurunan pembinaan swasta didorong oleh pengurangan dalam semua jenis projek kediaman dan bukan kediaman.

Inflasi dan Perbelanjaan Pengguna

Perbelanjaan persendirian meningkat 4.4% pada tahun 2024 merentasi semua kategori, sekali gus mencerminkan tahap keyakinan pengguna yang tinggi. Perbelanjaan perkhidmatan turut berkembang, didorong oleh peningkatan perbelanjaan dalam restoran, hotel, perkhidmatan kesihatan dan pengangkutan, manakala perbelanjaan kerajaan meningkat 2.5%, sekali gus menyokong permintaan domestik secara keseluruhan. Kadar inflasi meningkat secara minima pada tahun 2024 dan terus berada di bawah sasaran yang ditetapkan oleh bank pusat, manakala perbelanjaan persendirian kekal kukuh merentasi semua kategori. Pada Januari 2024, kadar inflasi Thailand adalah yang terendah di kalangan rakan ASEAN utama, dengan peningkatan inflasi yang didorong terutamanya oleh inflasi teras dan harga tenaga. Meskipun harga minyak global menurun, harga tenaga domestik terjejas akibat penghapusan subsidi harga diesel pada April 2024, namun kerajaan terus menyubsidi harga elektrik dan gas memasak bagi meringankan kos sara hidup isi rumah.

Kadar inflasi purata tahunan Thailand kekal stabil pada 0.4% di mana kenaikan harga makanan siap dan bahan memasak berjaya diimbangi oleh penurunan harga dalam kategori peralatan pembersihan, sekali gus mengekalkan kestabilan harga secara menyeluruh.

59 NESDC (2025). Thai Economic Performance in Q4 of 2024 and the Outlook for 2025.
59 World Bank (2025). Thailand Monthly Economic Monitor – January 2025.

Pelaburan

Jumlah pelaburan keseluruhan kekal pada tahap sifar (0%) disebabkan oleh penyusutan pelaburan swasta, walaupun pelaburan awam meningkat sebanyak 4.8%. Pelaburan swasta menurun sebanyak 1.6%, dengan pelaburan dalam mesin dan peralatan serta pembinaan masing-masing merosot sebanyak 1.5% dan 2.1%. Dalam pelaburan langsung asing (FDI), lima negara utama yang melabur di Thailand adalah Jepun, China, Singapura, Amerika Syarikat, dan Hong Kong. Jepun mengekalkan kedudukan sebagai pelabur terbesar dari tahun 2000 hingga 2011, sebelum China muncul sebagai pelabur utama menjelang 2024, dengan bahagian pelaburan yang meningkat daripada 2012 kepada 31.2%, dan nilai pelaburan yang dicatatkan sebanyak US\$1.455 bilion (THB49.6 bilion) pada 2024.

Seiring dengan perkembangan tersebut, FDI yang tertumpu dalam sektor perkhidmatan terus meningkat dari tahun-tahun sebelumnya sehingga mencapai 57.1% menjelang 2024. Pada masa yang sama, Selepas beberapa suku tahun pelaksanaan belanjawan ditangguhkan akibat peralihan politik, pelaburan awam kembali meningkat dan menjadi pemacu utama pertumbuhan, sekali gus menyokong kestabilan keseluruhan pelaburan di Thailand.

Perdagangan

Pada tahun 2024, nilai eksport Thailand meningkat kepada US\$297.1 bilion (THB10,131.11 bilion), atau naik 5.8% berbanding tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan jumlah eksport sebanyak 4.4% serta kenaikan indeks harga eksport sebanyak 1.4%. Produk perkilangan dan pertanian terus menjadi penyumbang utama, dengan permintaan global yang kukuh menyokong pertumbuhan komoditi pertanian seperti getah dan durian. Bagaimanapun, eksport beras mencatat penurunan 8.2% akibat pengurangan penghantaran ke pasaran utama seperti Filipina, Indonesia, dan Iraq. Pasaran utama lain termasuk Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, China, dan negara-negara CLMV terus menjadi penyumbang utama nilai eksport Thailand.

Bagi import pula, nilai import meningkat kepada US\$277.8 bilion (THB9,472.98 bilion), atau naik 6.3% pada 2024. Peningkatan ini dipacu oleh permintaan terhadap bahan mentah dan barang separuh siap seperti komponen elektronik, alat elektrik, produk kimia dan petrokimia, serta bahan logam asas. Selain itu, import barangan modal turut meningkat, termasuk peralatan penting seperti penjana, transformer, mesin mekanikal, motor dan penimbal, serta kenderaan udara, kapal, dan lokomotif. Kekuatan import ini mencerminkan aktiviti ekonomi domestik yang dinamik serta sokongan terhadap sektor pengeluaran dan infrastruktur.

Tenaga Buruh dan Pekerjaan

Sehingga Disember 2024, bilangan pekerja di Thailand melebihi 40.1 juta orang. Pertambahan pekerjaan paling ketara berlaku dalam sektor hotel, restoran, pengangkutan dan penyimpanan, seiring dengan pemulihan pelancongan dan eksport. Sebaliknya, sektor pembinaan mencatat penurunan guna tenaga.

Sektor perkhidmatan dan perdagangan kini menampung hampir 48% pekerjaan, diikuti sektor pembuatan pada 21.5%. Kadar pengangguran berada pada tahap rendah iaitu 0.88% (sekitar 360,000 individu). Walau bagaimanapun, pertumbuhan gaji masih perlahan mencerminkan jurang keluaran negatif, produktiviti buruh yang rendah serta struktur pasaran tenaga buruh yang masih didominasi sektor tidak formal, khususnya pertanian.

1.1.8 Negara Pasaran Membangun dan Negara Membangun (EMDEs) 60, 61, 62

Pada tahun 2024, ekonomi negara-negara membangun dan pasaran baru (EMDEs) terus menunjukkan pemulihan yang berterusan dengan pertumbuhan KDNK sebanyak 4.3%. Di negara Asia membangun, pertumbuhan KDNK mencatat 5.3% mencerminkan pemulihan pesat dan peningkatan daya saing di rantau ini. Sementara itu, di negara Eropah membangun, ekonomi berkembang pada kadar sederhana iaitu 3.4%. Latin Amerika, Caribbean, Timur Tengah dan Asia Tengah masing-masing mencatat pertumbuhan sekitar 2.4%, manakala Sub-Sahara Afrika menunjukkan kemajuan stabil dengan pertumbuhan 4.0%, merandakan pemulihan global berlaku secara tidak sekata, tetapi asas pertumbuhan tetap kukuh di kebanyakan rantau.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, produktiviti buruh di kebanyakan ekonomi maju menunjukkan trend menurun, manakala negara membangun giat melaksanakan langkah untuk meningkatkan produktiviti sendiri. Aktiviti pembuatan global secara beransur-ansur beralih daripada ekonomi maju ke negara pasaran baru, dengan China, negara-negara ASEAN-5 – Indonesia, Malaysia, Singapura, Thailand, dan Filipina – serta sebahagian ekonomi EU yang lebih kecil, pulih dengan pesat selepas pandemik, sambil memperluas kapasiti pengeluaran dan mewujudkan peluang pekerjaan baharu. Jepun dan beberapa ekonomi utama EU pula masih bergelut untuk memulihkan aktiviti ekonomi mereka ke paras sebelum pandemik. Pada masa yang sama, China, sama seperti Amerika Syarikat, terus mempelbagaikan rangkaian rakan dagang mereka, dan corak yang sama juga dilihat dalam kalangan negara pasaran membangun di Asia. Perkembangan ini bukan sahaja meningkatkan aliran dagangan, tetapi turut memperkukuh peranan mereka dalam rantaian nilai global serta membuka peluang pelaburan baru.

Pasaran membangun turut menghadapi cabaran kewangan, termasuk kos pembiayaan yang lebih tinggi akibat kenaikan kadar faedah di ekonomi maju seperti AS dan pengukuhan nilai dolar. Inflasi yang tinggi serta gangguan rantaian bekalan memaksa bank pusat EMDEs menaikkan kadar faedah, sekali gus menjejaskan pertumbuhan. Selain itu, beban hutang yang tinggi pasca pandemik menambahkan tekanan kewangan kepada banyak negara, sekali gus menuntut pengurusan fiskal yang lebih berhati-hati.

Sepanjang tahun 2024, negara-negara membangun di Asia terus menarik pelaburan asing, dengan jumlah FDI mencapai US\$605 bilion. Walau bagaimanapun, dapat dilihat bahawa kadar FDI menurun sedikit sebanyak 3% berbanding tahun sebelumnya. Rantau Asia menerima hampir separuh daripada pelaburan dunia, iaitu 40%, dan 70% daripada aliran FDI disalurkan ke negara membangun, menjadikan ASEAN destinasi pelaburan paling menarik dengan jumlah US\$225 bilion. India turut mencatat pencapaian cemerlang dalam projek hijau (greenfield), dengan perbelanjaan modal bagi projek yang diumumkan meningkat 28%, bernilai US\$110 bilion. Namun begitu, pembiayaan projek antarabangsa menurun akibat kos modal yang tinggi serta risiko berkaitan dasar fiskal dan politik. Keadaan ini menunjukkan bahawa walaupun minat pelabur kekal tinggi, negara-negara membangun masih berhadapan cabaran dalam memastikan pelaburan dapat disalurkan dengan lancar dan berkesan.

- ① UNCTAD (2025). Developing Asia: Mixed picture for foreign investment in 2024. Tarikh capaian: 13 Jul 2025.
- ② IMF PFM Blog (2025). Emerging Markets Face a Perfect Storm. Tarikh capaian: 13 Jul 2025.
- ③ World Bank (2025). Global Economic Prospects 2025.


Tekanan ke atas mata wang tempatan mewujudkan cabaran tersendiri. Negara dengan rizab rendah menghadapi aliran keluar modal dan penyusutan mata wang. Di Timur Tengah, Bahrain, Kuwait, Oman, Qatar dan Saudi Arabia mencatat penurunan FDI, manakala UAE menunjukkan pemulihan. Sub-Sahara Afrika pula berdepan isu hutang yang semakin membimbangkan apabila beberapa negara gagal memenuhi obligasi pembayaran dan terpaksa menstruktur semula pinjaman. Akibatnya, tekanan inflasi yang tinggi dan ketidakstabilan ekonomi telah menimbulkan ketegangan sosial.

Sepanjang dekad lalu, hutang negara-negara Sub-Sahara Afrika telah hampir berganda, keadaan ini dilihat menambahkan tekanan kewangan dan risiko ekonomi. Tiga belas negara kini berada pada risiko tinggi krisis kewangan, dengan tujuh daripadanya sudah gagal membayar hutang. Ghana, Zambia, dan Ethiopia kini menghadapi kegagalan pembayaran hutang atau sedang menjalani proses penstruktur semula untuk menguruskan tekanan kewangan. Ketegangan sosial yang semakin meningkat di negara-negara ini menunjukkan ketidakpuasan rakyat berikutan inflasi tinggi dan ketidakstabilan ekonomi.

Latin Amerika kekal berdepan cabaran dengan pertumbuhan sederhana hanya 1.9% pada 2024. Argentina terus dilanda tekanan inflasi yang mencecah 143% dan paras hutang melebihi 100% daripada KDNK, manakala Mexico dan Brazil berusaha memperketat disiplin fiskal bagi mengawal defisit. Perkembangan ini mencerminkan jurang ketara dalam daya tahan ekonomi rantau tersebut – negara yang mempunyai institusi kukuh serta strategi fiskal berwibawa mampu mengekalkan keyakinan pelabur, sementara negara yang terjejas oleh pergolakan politik atau dasar yang tidak konsisten berdepan kesukaran menarik pelaburan.

Asia Tenggara menunjukkan prestasi stabil walaupun terdapat kelemahan tertentu. Thailand menaikkan had hutang kepada 70% KDNK dan dijangka membayar 13% hasil kerajaan sebagai faedah menjelang 2026. Laos, dengan hutang melebihi 108% KDNK dan inflasi lebih 30%, telah memulakan pertukaran aset-hutang bagi mengelak kegagalan bayar. Walaupun pertumbuhan dan minat pelaburan dari China menggalakkan, kebergantungan berlebihan terhadap permintaan China menjadi risiko. Pengukuhan dolar dan aliran keluar modal memberi tekanan, tetapi pembiayaan domestik ASEAN membantu menstabilkan keadaan dan mengekalkan keyakinan pelabur.

Secara keseluruhan, aktiviti ekonomi di EMDEs stabil sepanjang 2024. Permintaan domestik meningkat, dipacu oleh pengembangan berterusan sektor perkhidmatan dan keyakinan pengguna yang lebih baik. Inflasi yang menurun dan harga tenaga yang lebih rendah meningkatkan kuasa beli, manakala pertumbuhan gaji sebenar dan kestabilan kewangan membantu mendorong penggunaan pengguna. Walaupun ekonomi agak lembap pada penghujung tahun, pengeluaran industri dan keyakinan perniagaan terus menyokong aktiviti pelaburan, sekaligus menandakan asas yang kukuh untuk pertumbuhan ekonomi pada tahun-tahun akan datang.



Rajah 1.27: KDNK negara perindustrian dan negara sedang pesat membangun utama, 2024 (USD bilion)
Sumber: IMF

1.2 SENARIO EKONOMI MALAYSIA 2024

Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan kukuh 5.1% pada 2024, dipacu oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan yang menyumbang 82.5% KDNK. Perbelanjaan isi rumah yang mencapai 60.7% daripada KDNK menandakan keyakinan pengguna yang meningkat hasil penambahbaikan pasaran pekerjaan dan dasar kerajaan. Saiz ekonomi dianggarkan RM1.93 trilion, dengan pendapatan per kapita RM54,793, menunjukkan peningkatan taraf hidup.

Inflasi keseluruhan menurun kepada 1.8% pada 2024 daripada 2.5% pada 2023, sejajar dengan trend global penurunan harga komoditi. Faktor utama termasuk pengukuhan Ringgit, subsidi kerajaan, dan penurunan harga komoditi antarabangsa. Namun, beberapa sektor seperti perumahan, elektrik, dan bahan api mencatatkan peningkatan harga akibat tarif baru dan pelarasan subsidi. Inflasi teras turut menurun kepada 1.8%, walaupun beberapa subsektor perkhidmatan berhadapan pengguna menghadapi tekanan harga yang lebih tinggi disebabkan kos operasi yang meningkat.

Perdagangan Malaysia mencatatkan pemulihan, dengan nilai dagangan meningkat 9.2% kepada RM2.88 trilion. Eksport naik 8.3%, terutamanya produk elektrik dan elektronik serta barangan berasaskan sawit, manakala eksport perkhidmatan berkembang 24.6%. Import meningkat 8.2%, dipacu oleh keperluan barangan modal dan perantaraan yang tinggi. Pemulihan ini disokong oleh permintaan kukuh daripada rakan dagangan utama dan kitaran naik teknologi global.

Pasaran kewangan Malaysia kekal stabil, disokong oleh pergerakan sederhana dalam hasil bon serta aliran masuk pelaburan asing yang terus kukuh. Pasaran ekuiti juga mengukuh dibantu oleh aktiviti IPO yang meningkat dan sentimen politik positif. Ringgit mengukuh 2.7% berbanding dolar AS, mengatasi mata wang serantau lain.

Pasaran buruh lebih kukuh dengan kadar penyertaan meningkat kepada 70.5% dan pengangguran menurun kepada 3.2%. Pertumbuhan pekerjaan didominasi sektor perkhidmatan, sementara pertumbuhan gaji nominal mencapai 2.9%. Permintaan tenaga kerja separa mahir tinggi, manakala isu ketidakpadanan kemahiran dalam pekerja berkemahiran tinggi masih wujud.

1.2.1 Pertumbuhan KDNK Malaysia

Ekonomi Malaysia mencatat prestasi kukuh pada tahun 2024 dengan pertumbuhan 5.1%, lebih tinggi berbanding 3.6% pada tahun sebelumnya. Lonjakan ini dipacu terutamanya oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan, yang secara kolektif menyumbang 82.5% daripada keseluruhan KDNK dan menjadikannya nadi utama pertumbuhan negara. Dari sisi perbelanjaan, rakyat Malaysia terus berbelanja dengan aktif, apabila perbelanjaan isi rumah sahaja merangkumi 60.7% daripada jumlah KDNK. Corak ini mencerminkan keyakinan pengguna yang semakin pulih, hasil daripada pasaran pekerjaan yang bertambah baik serta sokongan dasar kerajaan yang berterusan.

Secara keseluruhannya, saiz ekonomi Malaysia pada 2024 dianggarkan mencecah US\$0.432 trilion (RM1.93 trilion) pada harga semasa, manakala pada asas harga tetap 2015 berjumlah US\$0.369 trilion (RM1.65 trilion). Dalam masa yang sama, Pendapatan Negara Kasar Per Kapita turut meningkat kepada US\$12,263.43 (RM54,793) berbanding US\$11,849.15 (RM52,942) pada tahun sebelumnya. Perkembangan ini menjadi satu petunjuk jelas bahawa kualiti hidup rakyat semakin meningkat seiring dengan pertumbuhan ekonomi negara.



Rajah 1.28: KDNK dan Kadar Pertumbuhan Tahunan, 2020-2024


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

1.2.2 Keadaan Inflasi

>> Inflasi Keseluruhan

Pada tahun 2024, inflasi keseluruhan di Malaysia terus menunjukkan penurunan untuk tahun kedua berturut-turut dengan mencatat kadar 1.8% berbanding 2.5% pada 2023. Perkembangan ini selari dengan trend global apabila momentum disinflasi berjaya meredakan tekanan kos di kebanyakan negara. Malah, menurut Bank Dunia, harga komoditi global menurun sebanyak 2.7% pada 2024 dan dijangka terus susut sekitar 5% pada 2025. Pada masa yang sama, laporan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) turut menunjukkan indeks harga makanan global berkurangan sebanyak 2%, meskipun beberapa barangan asas seperti tenusu, daging dan minyak masih mengalami kenaikan harga.


Di Malaysia, kestabilan inflasi ini disokong oleh beberapa faktor yang saling melengkapi. Antaranya ialah pengukuhan Ringgit, langkah kerajaan melalui pelaksanaan subsidi dan kawalan harga, serta penurunan harga komoditi global yang memberi kesan langsung kepada kos barangan. Walau bagaimanapun, tidak semua kategori mencatatkan penurunan kerana terdapat juga sektor tertentu yang menghadapi tekanan kenaikan harga. Misalnya, kumpulan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api menunjukkan peningkatan ketara, yang berpunca daripada caj baharu perkhidmatan pembetulan oleh Indah Water Konsortium serta pelarasan tarif air domestik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Selain itu, kesan inflasi turut dipengaruhi oleh reformasi cukai yang mula dilaksanakan pada Mac 2024, apabila kadar cukai perkhidmatan dinaikkan daripada 6% kepada 8%. Tekanan harga bertambah lagi apabila subsidi diesel bersasar diperkenalkan pada Jun 2024, sekali gus menaikkan harga bahan api di Semenanjung Malaysia kepada RM2.95-RM3.35 seliter berbanding RM2.15 sebelum ini.



Rajah 1.29: Kadar Inflasi Keseluruhan dan Kadar Inflasi Teras Malaysia, 2020 - 2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Meskipun begitu, kenaikan harga bagi kebanyakan kategori lain adalah lebih sederhana. Sebagai contoh, harga makanan dan minuman hanya meningkat 2.0%, manakala kos kesihatan bertambah 1.8%, dan perbelanjaan pengangkutan naik 1.0%. Untuk membantu mengurangkan beban rakyat, kerajaan turut memperkenalkan beberapa inisiatif seperti Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM) dan Jualan Agro MADANI (JAM) yang membolehkan pengguna mendapatkan barangan asas pada harga lebih berpatutan. Tambahan pula, pelaksanaan Program Penyeragaman Harga oleh KPDN pada 2024 memastikan tujuh barangan keperluan utama seperti beras, gula, tepung gandum, minyak masak, LPG, petrol RON95 dan diesel dijual pada harga seragam di kawasan bandar mahupun luar bandar, dengan kos pengangkutan ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan.



Rajah 1.30: Kadar Inflasi Tahunan Mengikut Kumpulan Perbelanjaan, Malaysia, 2023 dan 2024
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

>> Inflasi Teras

Seiring dengan trend inflasi keseluruhan, inflasi teras yang mengecualikan barangan makanan segar yang mudah berubah harga serta harga yang ditetapkan kerajaan menunjukkan kadar kenaikan yang lebih perlahan, iaitu 1.8% pada 2024 berbanding 3.0% pada 2023. Penurunan ini menandakan bahawa tekanan harga asas mulai stabil, selaras dengan keberkesanan dasar monetari serta permintaan domestik yang terkawal.


Walaupun terdapat penurunan secara keseluruhan, inflasi barangan asas terus mereda, manakala beberapa subsektor berorientasikan perkhidmatan terus menunjukkan tekanan menaik terhadap inflasi teras. Contohnya, perkhidmatan restoran dan penginapan meningkat 3.1% akibat kos operasi yang lebih tinggi serta permintaan pengguna yang tinggi dalam sektor hospitaliti. Selain itu, subsektor makanan dan minuman mencatat kenaikan 3.0%, terutamanya disebabkan kos penyediaan makanan dan minuman yang meningkat.

Secara keseluruhan, trend ini menunjukkan bahawa tekanan kos telah berkurangan. Namun begitu, inflasi dalam perkhidmatan berhadapan pengguna (consumer-facing services) kekal agak tinggi, mencerminkan peningkatan kos input dan beban operasi yang semakin meningkat dalam industri berasaskan perkhidmatan.

1.2.3 Pertumbuhan Ekonomi Mengikut Sektor

>> 1.2.3.1 Sektor Pertanian

Sektor pertanian Malaysia menunjukkan prestasi memberangsangkan pada 2024, berkembang sebanyak 3.1% berbanding 0.7% pada 2023. Momentum pertumbuhan ini lebih terserlah pada suku kedua, apabila sektor tersebut mencatat lonjakan 7.2%, dipacu oleh penerapan Teknologi Pertanian Digital (DATs) seperti GPS, dron dan sensor⁶³. Peningkatan signifikan ini terutamanya disumbangkan oleh subsektor kelapa sawit dan produk berasaskan sawit (11.7%) serta getah asli (21.2%). Lonjakan pengeluaran kelapa sawit juga disokong oleh produktiviti pekerja yang lebih tinggi melalui program latihan dan pembangunan yang lebih baik. Selain itu, penggunaan baja kembali meningkat setelah harga kembali stabil selepas gangguan bekalan global. Walau bagaimanapun, subsektor perhutanan dan pembalakan terus mencatat penyusutan sebanyak 5.4%, meskipun lebih baik daripada penguncupan 8.7% pada tahun sebelumnya.



Rajah 1.31: KDNK Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi Malaysia (RM Juta), 2020 – 2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

⁶³ World Bank (2024). Digital Agriculture Technologies Key to Supporting Malaysia's High-Income Ambitions, World Bank Report Says.

>> 1.2.3.2 Sektor Perlombongan Dan Pengkuarian

Sektor perlombongan dan pengkuarian berkembang sederhana sebanyak 0.9%, sedikit meningkat daripada 0.5% pada tahun 2023. Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan pengeluaran gas asli, terutamanya daripada operasi baharu di Medan Jerun dan Kasawari, Sarawak. Bagaimanapun, prestasi sektor ini tidak sekata sepanjang tahun⁵⁴. Pada suku keempat bagi tahun 2024, sektor perlombongan dan pengkuarian menyusut 0.9% tahun ke tahun, dipacu oleh penurunan 6.2% dalam subsektor minyak mentah dan kondensat. Sebaliknya, subsektor gas asli pulih dengan pertumbuhan 2.4%, ini mencerminkan peningkatan pengeluaran gas pada suku tersebut.



Rajah 1.32: KDNK Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi- Perubahan Peratus Tahunan, 2020 – 2024
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



Rajah 1.33: KDNK Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi- Peratus Sumbangan Kepada KDNK, 2020 – 2024
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

⁵⁴ Human Resources Online.net (2024). Malaysia's GDP estimated to increase by 5.1% in 2024, up from 3.6% in 2023.

>> 1.2.3.3 Sektor Pembuatan

Sektor pembuatan melonjak kepada 4.2% pada 2024, berbanding 0.7% pada 2023, dengan pemulihan kukuh merentas kluster industri utama. Pengeluaran komponen elektronik, peranti komunikasi dan elektronik pengguna meningkat 4.0%, mengatasi pengecutan 3.0% pada tahun sebelumnya. Industri elektrik dan elektronik (E&E) kekal sebagai penggerak utama pertumbuhan, disokong oleh permintaan global terhadap semikonduktor, terutamanya dalam elektronik pengguna, komputer, dan pusat data. Malaysia yang menyumbang sekitar 13% kapasiti ujian dan pembungkusan semikonduktor global juga terus menarik permintaan tinggi bagi produk E&E.

Selain itu, subsektor lain turut menyumbang kepada pertumbuhan pembuatan, termasuk produk logam fabrikasi yang berkembang 9.1% dan industri pemprosesan makanan yang meningkat 4.7%. Sebaliknya, pembuatan peralatan elektrik mencatat penyusutan 0.6%, berbanding pertumbuhan 2.0% pada tahun sebelumnya.

>> 1.2.3.4 Sektor Pembinaan

Sektor pembinaan mengalami pemulihan luar biasa, mencatat pertumbuhan 17.5% pada 2024, jauh meningkat daripada 6% pada 2023. Lonjakan ini didorong oleh pelaburan awam dan swasta, khususnya dalam tenaga dan infrastruktur, dengan nilai kerja pembinaan mencapai US\$35.4 bilion (RM158.8 bilion) pada tahun 2024, di mana suku keempat menyumbang US\$9.4 bilion (RM42 bilion). Subsektor perdagangan khas dan kejuruteraan awam turut memberi impak besar. Perdagangan khas meningkat 42.6% pada suku ketiga 2024, dipacu oleh kerja awal dan akhir projek seperti penyediaan tapak dan pemasangan elektrik. Sub-sektor kejuruteraan awam meningkat 16.3%, terutamanya daripada projek infrastruktur yang berlangsung untuk beberapa tahun, manakala subsektor kediaman mencatatkan pertumbuhan 18.8% disokong oleh permintaan perumahan yang meningkat. Selain itu, subsektor bukan kediaman kembali berkembang selaras dengan keperluan industri dan komersial.

Secara keseluruhan, sektor pembinaan kekal pada landasan pertumbuhan yang kukuh, disokong oleh projek infrastruktur sedia ada dan dirancang, pembangunan bandar, serta aliran pelaburan berterusan.

>> 1.2.3.5 Sektor Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan 5.4% pada 2024 dengan hasil US\$0.54 trilion (RM2.4 trilion), meningkat daripada US\$0.51 trilion (RM2.3 trilion) (5.1%) pada tahun 2023. Kebangkitan ini banyak disumbangkan oleh industri berkaitan pelancongan dan perkhidmatan perniagaan. Perkhidmatan perniagaan sedikit sederhana pada 8.3% berbanding 10.7% pada 2023, namun subsektor hartanah dan profesional terus mendapat manfaat daripada peningkatan aktiviti pembinaan. Sub-sektor pengangkutan dan penyimpanan melonjak 10.7%, dipacu oleh aliran perdagangan global dan trafik penumpang udara yang meningkat.

Sektor kewangan dan insurans turut pulih, didorong oleh aktiviti pembiayaan yang lebih kukuh dan pendapatan faedah bersih yang meningkat. Dari sisi pengguna, borong dan runcit mencatat pertumbuhan 4.3% (2023: 5.9%), disokong oleh pasaran buruh yang berdaya tahan, pemindahan tunai yang dipertingkatkan, serta kemudahan pengeluaran Akaun Fleksibel KWSP. Tambahan pula, kedatangan 25 juta pelancong antarabangsa dan peningkatan perjalanan domestik turut menyokong pertumbuhan sektor ini, mengukuhkan peranan sektor perkhidmatan sebagai penyumbang utama kepada KDNK negara⁵⁵.

1.2.4 Perbelanjaan Penggunaan Akhir

Pada tahun 2024, perbelanjaan penggunaan akhir swasta mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 5.1%, meningkat daripada 4.6% pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh perbelanjaan dalam kategori pengangkutan, makanan dan minuman bukan alkohol, serta restoran dan hotel. Dari segi taburan, perbelanjaan ke atas barangan meningkat kepada 59.6% daripada jumlah perbelanjaan swasta (2023: 59.0%), dengan sebahagian besarnya disalurkan kepada barangan tidak tahan lama (72.7%) dan diikuti oleh barangan tahan lama (17.3%). Sebaliknya, bahagian perkhidmatan dalam perbelanjaan swasta sedikit menurun daripada 41.0% pada 2023 kepada 40.4% pada 2024.

Sementara itu, perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan turut mencatat pertumbuhan positif sebanyak 4.7%, meningkat daripada 3.4% pada 2023. Lonjakan ini disokong oleh peningkatan perbelanjaan dalam bidang hal ehwal ekonomi dan pendidikan, menunjukkan komitmen kerajaan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi serta memperkukuh pembangunan modal insan.

1.2.5 Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK)

Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK) mencatat lonjakan kukuh pada 2024, meningkat sebanyak 12.0% berbanding 5.4% pada 2023. Pertumbuhan PMTK mengatasi pertumbuhan KDNK dan perbelanjaan peribadi. Lonjakan ini dipacu oleh peningkatan pelaburan dalam mesin dan peralatan, yang melonjak 15.3% (2023: 6.1%), serta struktur yang meningkat 9.3% (2023: 5.1%). Selain itu, aset lain turut mencatat pertumbuhan stabil sebanyak 6.4%, berbanding 2.8% pada tahun sebelumnya.


Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh sektor swasta, yang menyumbang 77.4% daripada jumlah PMTK, dengan pelaburan swasta meningkat ketara kepada 12.3% daripada 4.5% pada 2023. Pada masa yang sama, sektor awam turut mencatat pertumbuhan kukuh, menyumbang 22.6% daripada PMTK keseluruhan dengan pelaburan meningkat 11.1% (2023: 8.5%).

1.2.6 Eksport Dan Import⁶⁶

Sektor perdagangan Malaysia kembali mencatat prestasi memberangsangkan pada 2024, hasil daripada pemulihan serentak dalam eksport dan import. Dari sudut eksport, Malaysia mencatat peningkatan 5.8%, dipacu terutamanya oleh pemulihan eksport barangan yang meningkat semula sebanyak 5.3% selepas mengalami penyusutan 12.5% pada tahun sebelumnya. Barangan terus menjadi penyumbang utama, menjana 83.0% daripada jumlah eksport negara. Pemulihan ini didorong oleh permintaan yang lebih kukuh daripada rakan dagangan utama serta limpahan positif daripada kitaran naik teknologi global. Produk elektrik dan elektronik (E&E) kekal sebagai penyumbang utama, merangkumi 39.9% daripada jumlah eksport, manakala barangan berasaskan minyak sawit serta produk perkilangan seperti getah dan logam turut menyumbang secara signifikan. Pada masa yang sama, eksport perkhidmatan turut mencatat pertumbuhan 24.6%, menandakan momentum positif yang berterusan dalam sektor bukan barangan⁶⁷.

⁶⁶ The Edge (2025). Malaysia's 2024 trade jumps 9.2% to record high; exports top RM1 tril for fourth straight year. Tarikh capaian: 21 May 2024.

⁶⁷ The Star (2025). Malaysia's trade in services up 14.6% to RM497.4bil in 2024. Tarikh capaian: 29 September 2025.



Rajah 1.34: Nilai Eksport dan Import Barangan dan Perkhidmatan Malaysia, 2024
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari sudut import, aktiviti perdagangan yang rancak mendorong pertumbuhan 13.1% (2023: -6.4%), disokong oleh peningkatan import barangan dan perkhidmatan. Import barangan, yang mewakili 81.2% daripada keseluruhan import, berkembang pesat, terutamanya bagi kategori barangan modal dan perantaraan sejajar dengan peningkatan pelaburan serta aktiviti perdagangan.

1.2.7 Pasar Kewangan dan Kadar Tukaran

Pada tahun 2024, pasaran kewangan Malaysia banyak dipengaruhi oleh perkembangan global, khususnya perubahan dasar monetari dunia. Keadaan luaran ini menyebabkan turun naik yang bersifat sementara, terutamanya dalam aliran modal, yang memberi impak kepada keadaan kewangan domestik – paling ketara melalui ketidakstabilan kadar pertukaran. Namun begitu, asas makroekonomi yang kukuh, disokong oleh permintaan domestik yang sihat serta agenda reformasi struktur berterusan kerajaan, membantu menyerap kesan daripada ketidaktentuan global dan mengekalkan keyakinan pelabur terhadap prospek jangka panjang negara.

>> Pasaran Bon

Di pasaran bon, hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) atau Malaysian Government Securities (MGS) kekal stabil sepanjang 2024, walaupun pasaran kewangan global sedang melalui fasa penyesuaian. Para pelabur membuat penyesuaian terhadap jangkaan mereka sepanjang tahun, terutamanya susulan perubahan pandangan terhadap kadar potongan Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (US Federal Reserve). Menjelang separuh kedua tahun 2024, hasil bon di Malaysia menunjukkan penyederhanaan selaras dengan sentimen dasar monetari global yang lebih longgar. Namun penurunan ini sebahagiannya dipulihkan menjelang penghujung tahun berikutan kebimbangan inflasi di AS yang mengekalkan jangkaan kelonggaran lebih perlahan. Sepanjang tahun, hasil MGS 3 tahun menurun hanya 1 mata asas, manakala hasil MGS 5 dan 10 tahun meningkat masing-masing sebanyak 4 dan 8 mata asas. Kestabilan ini disokong oleh kadar inflasi Malaysia yang terkawal, pulangan sebenar yang kompetitif, serta kedudukan kredit yang kukuh.

Walaupun pergerakan hasil bon tidak menentu, penglibatan pelabur asing kekal berhati-hati, dengan Malaysia merekodkan aliran masuk bersih sebanyak US\$0.27 bilion (RM1.2 bilion) ke pasaran bon. Pegangan asing terhadap bon kerajaan Malaysia mengalami aliran keluar pada beberapa suku, mencerminkan kepekaan pelabur terhadap pergerakan hasil Perbendaharaan AS serta kekuatan dolar AS. Menjelang penghujung tahun, jumlah dagangan bon kerajaan merosot, jatuh ke paras terendah enam bulan pada Disember akibat aliran keluar dana asing dan penerbitan bersih negatif. Namun begitu, pasaran kekal disokong oleh permintaan domestik serta usaha konsolidasi fiskal berterusan kerajaan, yang membantu mengekalkan keyakinan pelabur.


>> Pasaran Ekuiti

Pasaran ekuiti Malaysia mencatat pemulihan yang kukuh pada 2024, mengatasi penurunan yang berlaku pada tahun sebelumnya. Indeks FBM KLCI meningkat 12.9% untuk ditutup pada 1,642.3 mata, berbalik daripada penyusutan 2.7% pada 2023. Pasaran turut mencatat 55 IPO pada tahun ini, meraih US\$1.66 bilion (RM7.42 bilion) – lebih daripada dua kali ganda jumlah yang diperolehi pada 2023, menandakan aktiviti pengumpulan dana yang kukuh. Pemulihan ini disokong oleh prospek pertumbuhan yang lebih baik serta sentimen domestik yang meningkat, sejajar dengan keadaan politik yang lebih stabil. Pelabur memberi reaksi positif terhadap pelaksanaan pelan induk negara dan usaha berterusan kerajaan untuk menarik pelaburan.

Sektor utama seperti pembinaan, utiliti dan teknologi turut meningkat, didorong oleh kitaran naik teknologi serantau dan permintaan yang semakin tinggi terhadap infrastruktur digital, termasuk pusat data. Penglibatan pelabur asing juga meningkat dengan aliran masuk bersih mencecah US\$5.08 bilion (RM22.7 bilion) pada 2024, berbanding US\$0.56 bilion (RM2.5 bilion) pada tahun sebelumnya. Hasilnya, penyertaan asing dalam pasaran ekuiti meningkat kepada 19.7%, menunjukkan keyakinan antarabangsa terhadap pertumbuhan jangka panjang dan agenda reformasi Malaysia.

>> Pasaran Pertukaran Asing

Dalam pasaran pertukaran asing, kadar tukaran ringgit merupakan salah satu aspek kewangan yang penting dalam lanskap kewangan Malaysia. Ringgit menghadapi tekanan akibat dolar AS yang kekal kukuh serta risiko geopolitik global. Ketidakstabilan pada awal tahun banyak dipengaruhi oleh ketidakpastian jangkaan kadar Fed, manakala separuh tahun kedua menunjukkan sentimen yang lebih baik hasil peningkatan positif KDNK suku kedua dan jangkaan perubahan dasar Fed. Walaupun ringgit mengalami turun naik pada bulan terakhir tahun 2024, terutamanya berikutan pilihan raya presiden AS, mata wang tempatan ditutup lebih kukuh dengan pengukuhan 2.7% berbanding dolar AS. Berdasarkan purata perdagangan dengan rakan dagangan utama, ringgit mengukuh sebanyak 7.5% dalam Kadar Tukaran Berkesan Nominal (NEER), melepasi prestasi beberapa mata wang serantau lain termasuk Dolar Singapura, Won Korea, dan Yen Jepun.




Rajah 1.35: Pergerakan Ringgit Berbanding Dollar Amerika Syarikat, 2022 – 2024

Sumber: Bank Negara Malaysia

>> Dasar Monetari dan Keadaan Kredit

Pada tahun 2024, Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.00%, selaras dengan pendekatan seimbang untuk menyokong pertumbuhan ekonomi sambil mengekalkan kestabilan harga. Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) menilai bahawa tekanan inflasi kekal sederhana, walaupun terdapat beberapa kejutan bekalan akibat gangguan luaran dan penyesuaian dasar domestik, yang dilihat bersifat sementara. Dari segi permintaan, pertumbuhan perbelanjaan isi rumah terus berada di bawah purata jangka panjang, menunjukkan permintaan domestik yang agak lemah. Dengan prospek pertumbuhan yang positif dan inflasi yang secara relatifnya stabil, MPC tidak melihat keperluan segera untuk mengubah kadar dasar, sebaliknya mengekalkan OPR sepanjang tahun. Pada masa yang sama, operasi monetari BNM memastikan keadaan kecairan dalam sistem perbankan domestik kekal menyokong pertukaran kewangan.

Selain itu, pertumbuhan kredit kekal stabil, terutamanya dipacu oleh sektor isi rumah dan aktiviti pelaburan. Aktiviti pembiayaan sektor swasta bukan kewangan berkembang sebanyak 5.2% pada 2024 (2023: 4.8%), mencerminkan aktiviti ekonomi domestik yang lebih kukuh. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh kenaikan 5.6% dalam pinjaman tertunggak (2023: 5%), manakala pertumbuhan bon korporat merosot sedikit kepada 3.4% (2023: 4.2%). Mengikut saiz firma, pertumbuhan pinjaman PKS kekal teguh, manakala firma bukan PKS menyaksikan perkembangan pinjaman yang lebih sederhana, sebahagiannya disebabkan akses yang lebih luas kepada sumber pembiayaan alternatif seperti pasaran modal dan keuntungan ditahan.



Rajah 1.36: Pergerakan Bulanan OPR, 2023 – 2024
Sumber: Bank Negara Malaysia

1.2.8 Harga Pengguna⁶⁸

Inflasi Malaysia terus menurun pada 2024, mencatat 1.9% berbanding 2.5% pada tahun sebelumnya, dengan Indeks Harga Pengguna (IHP) berada pada 132.8 mata. Keadaan ini mencerminkan kestabilan kos sara hidup yang semakin baik, disokong oleh pasaran komoditi global yang lebih stabil serta langkah kerajaan dalam menyediakan subsidi dan kawalan harga bagi barangan keperluan.

⁶⁸ Jabatan Perangkaan Malaysia (2025). Analisis Indeks Harga Pengguna Tahunan 2024.

Daripada 12 kumpulan utama dalam IHP, inflasi meningkat bagi kebanyakan kumpulan kecuali maklumat dan komunikasi (-1.5%) serta pakaian dan kasut (-0.3%). Kenaikan tertinggi dicatat dalam perkhidmatan restoran dan penginapan (3.1%), diikuti oleh perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (3.0%) serta penjagaan peribadi, perlindungan sosial dan barangan dan perkhidmatan pelbagai (3.0%). Kumpulan lain mencatatkan inflasi: makanan dan minuman (2.0%), kesihatan (1.8%), pendidikan (1.5%), rekreasi, sukan dan budaya (1.8%), pengangkutan (1.0%), minuman beralkohol dan tembakau (0.7%) dan insurans serta perkhidmatan kewangan (0.3%).


Kumpulan makanan dan minuman, yang menyumbang bahagian terbesar dalam perbelanjaan isi rumah iaitu 29.8%, mencatat inflasi yang lebih rendah, hanya 2% berbanding 4.8% pada 2023. Penurunan ini sebahagiannya disebabkan oleh kenaikan yang lebih perlahan bagi makanan di rumah (0.6%), manakala makanan di luar rumah pula meningkat secara sederhana, 3.6% berbanding 6.7% pada tahun sebelumnya. Keadaan ini mencerminkan kos perkhidmatan dalam sektor makanan dan restoran yang lebih tinggi, namun terkawal berbanding tahun sebelumnya.

Keseluruhannya, trend inflasi pada 2024 menunjukkan bahawa kos hidup semakin stabil, dengan kenaikan harga yang lebih sederhana bagi barangan harian dan perkhidmatan asas. Namun, beberapa subsektor yang berorientasikan pengguna masih mencatat kenaikan yang agak tinggi, terutamanya dalam perkhidmatan makanan dan penginapan, mencerminkan kos input dan operasi yang masih meningkat.

1.2.9 Keadaan Pasaran Buruh


Pasaran buruh Malaysia kekal teguh pada 2024 dan terus menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) meningkat kepada 70.6%, berbanding 70.0% pada 2023, manakala jumlah pekerjaan bertambah 2.6% (+423,800 orang), merosot berbanding kenaikan 2.8% pada 2023. Peningkatan ini banyak dipacu oleh pekerja separa mahir, penglibatan pekerja asing yang meningkat, serta penyertaan golongan berusia. Hasilnya, kadar pengangguran menurun kepada 3.2%, lebih rendah daripada paras pra-pandemik 3.3% (2019) dan berbanding 3.4% pada 2023. Menurut Sistem Insurans Pekerjaan SOCSO, sebanyak 57,519 tuntutan pengangguran dilaporkan pada 2024, mewakili sekitar 0.3% daripada tenaga buruh, dengan majoriti tuntutan datang daripada sektor pembuatan dan perdagangan borong serta runcit.

Pertumbuhan pekerjaan berlaku hampir di semua sektor ekonomi, dengan sektor perkhidmatan menjadi penyumbang utama. Dalam sektor ini, subsektor perdagangan borong dan runcit serta makanan dan minuman mencatat pertumbuhan yang ketara. Sebaliknya, pertumbuhan sektor pembuatan lebih sederhana, meningkat 1% (2023: 1.7%), didorong terutamanya oleh subsektor yang menumpukan kepada pasaran domestik.



Rajah 1.37: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) Malaysia, 2020-2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia




Rajah 1.38: Tenaga Buruh, Penduduk Bekerja dan Kadar Pengangguran Malaysia, 2020-2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Selain itu, peningkatan kadar penyertaan tenaga buruh turut digerakkan oleh lebih ramai pekerja berusia 55–64 tahun yang memilih untuk terus bekerja, mencatat kenaikan 1.6% berbanding tahun sebelumnya. Perkara ini mencerminkan trend persaraan yang semakin ditangguhkan dalam kalangan pekerja berusia. Pada masa yang sama, tenaga kerja dengan tahap pendidikan asas juga menunjukkan penglibatan yang lebih tinggi. Dari segi jantina, penyertaan lelaki meningkat kepada 83.4% berbanding 82.9% pada 2023, manakala penyertaan wanita turut bertambah kepada 56.6% daripada 56.2% pada tahun sebelumnya, menandakan peranan wanita dalam pasaran kerja semakin kukuh.

Dari segi kategori pekerjaan, pekerja bergaji masih merangkumi kumpulan terbesar, dengan pertumbuhan kukuh sebanyak 2.5% pada 2024. Sementara itu, bilangan pekerja sendiri atau own-account workers juga terus bertambah, tetapi pada kadar yang lebih perlahan iaitu 0.6% berbanding 1.1% pada 2023. Walaupun pertumbuhan ini sederhana, jumlah mereka masih lebih tinggi daripada purata sebelum pandemik (0.4%). Keadaan ini menunjukkan bahawa ekonomi gig semakin diterima, khususnya di luar Lembah Klang, dipacu oleh kemajuan teknologi digital dan peningkatan penggunaan e-dagang.



Rajah 1.39: Penduduk Bekerja Mengikut Taraf Pekerjaan (Juta), Malaysia, 2023-2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari sudut tahap kemahiran, pekerja separa mahir kekal menjadi pemacu utama pertumbuhan pekerjaan, dengan peningkatan 2.4% pada 2024 (2023: 2.2%). Kumpulan ini juga masih mewakili bahagian terbesar tenaga buruh, iaitu 59%. Sementara itu, pekerja berkemahiran tinggi bertambah sebanyak 1.9% (2023: 2.7%), menjadikan jumlah peratusan mereka 27.7% daripada keseluruhan tenaga kerja. Pertumbuhan yang perlahan ini mencerminkan cabaran struktur seperti kekurangan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi, ketidakpadanan kemahiran, dan isu pekerja kurang guna (underemployment). Pada masa sama, 36.7% pekerja berpendidikan tinggi masih bekerja dalam pekerjaan separa mahir atau rendah. Angka ini lebih tinggi berbanding purata pra-pandemik iaitu 32.7% (2017-2019), sekali gus menandakan peningkatan masalah ketidakpadanan kemahiran dalam pasaran kerja.

Pertumbuhan gaji lebih perlahan dalam sektor swasta menjadi lebih perlahan pada 2024, iaitu hanya 2.9% berbanding 3.8% pada 2023. Dalam sektor perkhidmatan, gaji meningkat 3.6% (2023: 3.8%), dengan kenaikan terbesar datang daripada subsektor perdagangan borong dan runcit. Sebaliknya, gaji dalam sektor pembuatan hanya naik 1.5% (2023: 3.5%). Kenaikan yang sangat kecil ini lebih ketara dalam industri berorientasikan eksport, di mana gaji hampir tidak berubah (+0.3% berbanding 2.7% pada 2023). Keadaan ini berpunca daripada permintaan luar negara yang lemah dan sikap lebih berhati-hati dalam kalangan majikan. Bagi sektor awam pula, pertumbuhan gaji kekal stabil dengan kenaikan 5% pada 2024 (2023: 5.2%).

Keseluruhannya, pada 2024, majoriti pekerja Malaysia berada dalam pekerjaan separa mahir (56.6%), diikuti oleh pekerjaan berkemahiran (30.2%) dan pekerjaan rendah kemahiran (13.3%). Perkembangan ini menekankan permintaan tinggi terhadap tenaga kerja separa mahir dengan kepakaran teknikal dan vokasional, manakala peningkatan pekerjaan berkemahiran tinggi menunjukkan usaha pembangunan kemahiran tenaga kerja serta kepentingan ekonomi berasaskan pengetahuan di Malaysia.



Rajah 1.40: Jumlah Penduduk Bekerja Mengikut Tahap Kemahiran di Malaysia (Juta), 2023-2024
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

1.2.10 Penduduk Di Luar Tenaga Buruh⁶⁹

Berbeza dengan penurunan yang dicatatkan pada tahun sebelumnya, bilangan penduduk di luar tenaga buruh pada tahun 2024 menunjukkan sedikit peningkatan sebanyak 0.4%, iaitu pertambahan seramai 24.5 ribu orang kepada 7.02 juta orang (2023: 7.0 juta orang). Dari segi jantina, perempuan terus mendominasi komposisi penduduk di luar tenaga buruh dengan bahagian besar iaitu 69.2% daripada jumlah keseluruhan, manakala lelaki menyumbang 30.8%. Jumlah perempuan dalam kategori ini meningkat 1.0% kepada 4.86 juta orang berbanding 4.81 juta orang pada tahun 2023. Sebaliknya, jumlah lelaki mencatatkan penurunan 1.1%, susut kepada 2.16 juta orang berbanding 2.19 juta orang pada tahun sebelumnya.

⁶⁹ Jabatan Perangkaan Malaysia (2025). Laporan Survei Tenaga Buruh 2024.

Mengikut kumpulan umur, golongan muda berusia 15 hingga 24 tahun kekal sebagai penyumbang terbesar kepada penduduk di luar tenaga buruh dengan 44.4%. Dalam kumpulan ini, perempuan merangkumi 24.2% manakala lelaki menyumbang 20.2% daripada jumlah keseluruhan.

Majoriti penduduk di luar tenaga buruh kekal tidak bekerja kerana tanggungjawab keluarga dan menguruskan hal-hal kerja rumah (43.1%), diikuti dengan sebab bersekolah atau menjalani latihan (41.3%). 10.3% penduduk dalam kategori ini adalah kumpulan bersara atau sudah lanjut usia, manakala 3.6% hilang keupayaan untuk bekerja. Segelintir penduduk yang akan melanjutkan pendidikan (1.6%) memilih untuk tidak bekerja buat sementara dan 1.1% pula tidak berminat untuk bekerja.

1.2.11 Produktiviti Buruh⁷⁰

Produktiviti buruh Malaysia meningkat ketara pada 2024, mencatat pertumbuhan 2.4% berbanding hanya 0.7% pada 2023. Peningkatan ini dirasai hampir di semua sektor, dengan sektor pembinaan mencatat lonjakan tertinggi pada 16.5%, sejajar dengan peningkatan aktiviti pembinaan dan tahap pekerjaan yang stabil. Sektor perkhidmatan turut menyumbang kepada pertumbuhan, dengan produktiviti meningkat 1.8% berbanding 1.6% pada 2023. Walau bagaimanapun, peningkatan produktiviti ini tidak disertai dengan pertumbuhan upah sebenar. Sejak 2019, produktiviti telah meningkat sebanyak 5.3%, tetapi purata upah sebenar pekerja menurun 1.9%. Ini menunjukkan wujudnya jurang antara pertumbuhan produktiviti dan kenaikan gaji pekerja.

Produktiviti buruh per jam bekerja pada tahun 2024 meningkat 2.1% dengan nilai ditambah per jam bekerja sebanyak RM42.8 setiap jam. Tahun 2024 merekodkan jumlah jam bekerja 2.9% (38,483 juta jam bekerja) berbanding 3.5% pada tahun sebelumnya (2023: 37,384 juta jam bekerja). Produktiviti buruh per pekerja juga meningkat 2.4% pada tahun 2024 berbanding 0.7% pada tahun sebelumnya dan merekodkan nilai ditambah per pekerja sebanyak RM99.1 ribu seorang. Ini merupakan peningkatan yang ketara dari tahun sebelumnya yang merekodkan RM96.8 ribu seorang.

Mengikut sektor, produktiviti buruh per jam bekerja dalam sektor pertanian meningkat 2.3%, tertinggi dalam kelima-lima sektor ekonomi pada tahun 2024. Nilai ditambah per jam bekerja ialah RM25.3 setiap jam. Produktiviti buruh per pekerja dalam sektor pertanian pula merekodkan peningkatan 2.2% dengan nilai ditambah RM55.0 setiap seorang.

Bagi sektor pembuatan, produktiviti buruh per jam bekerja meningkat 2.1% dengan nilai ditambah RM56.5 setiap jam. Manakala, produktiviti buruh per pekerja pula merekodkan peningkatan 2.6% dengan nilai ditambah RM134.5 setiap pekerja.

Sektor perkhidmatan mencatatkan 1.3% peningkatan bagi produktiviti buruh per jam bekerja dengan nilai ditambah RM40.6 setiap jam manakala produktiviti buruh per pekerja dalam sektor ini mencatat 1.8% dengan nilai ditambah RM93.9 setiap pekerja.

Sektor perlombongan mencatatkan penurunan 0.5% bagi produktiviti buruh per jam bekerja dengan nilai ditambah RM524.5 setiap jam. Walau bagaimanapun, produktiviti buruh per pekerja sektor ini meningkat 0.7% dengan nilai ditambah RM1,287.6 per pekerja.

Bagi sektor pembinaan, produktiviti buruh per jam bekerja meningkat ke 17.6% dengan nilai ditambah RM19.9 per jam manakala produktiviti buruh per pekerja sektor ini meningkat 16.5% dengan nilai ditambah RM47.2 per pekerja.

1.2.12 Gaji dan Upah⁷¹

Peningkatan gaji dan upah di Malaysia pada tahun 2024 dipengaruhi oleh gabungan faktor struktur dan dasar. Pasaran buruh terus mengukuh, sejajar dengan penurunan kadar pengangguran serta peningkatan kadar penyertaan tenaga buruh yang menandakan keberkesanan dasar pemulihan ekonomi pascapandemik. Permintaan buruh yang stabil, khususnya dalam sektor berorientasikan perkhidmatan moden dan pembuatan bernilai tambah tinggi, turut menyokong pertumbuhan upah.

Di samping itu, penambahbaikan dasar gaji minimum yang dilaksanakan bertujuan bukan sahaja meningkatkan pendapatan pekerja, tetapi juga memperkukuh perlindungan sosial dan mengimbangi kesan kenaikan kos sara hidup. Meskipun langkah ini memberi tekanan kos tambahan kepada sesetengah industri, ia dijangka mendorong penyesuaian positif dalam produktiviti dan struktur upah dalam jangka sederhana. Secara keseluruhan, peningkatan gaji dan upah mencerminkan dinamika pasaran buruh yang lebih berdaya tahan serta memberi implikasi kepada peningkatan kesejahteraan isi rumah dan pengukuhan permintaan domestik sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara.

Pada tahun 2024, jumlah penerima gaji dan upah dalam kalangan warganegara meningkat sebanyak 1.3% kepada 10.24 juta orang berbanding 10.11 juta orang pada tahun 2023. Seiring dengan itu, penengah gaji dan upah bulanan turut bertambah 7.3% kepada RM2,793 berbanding RM2,602 pada tahun sebelumnya.

Pertumbuhan bilangan penerima gaji dan upah ini disokong oleh peningkatan purata gaji dan upah bulanan yang mencatatkan kenaikan stabil sebanyak 6.1% (2023: 6.9%), mencecah RM3,652 pada tahun 2024. Perkembangan ini menggambarkan penambahbaikan dalam agihan pendapatan serta memperkukuh prospek ekonomi yang lebih baik bagi sebahagian besar tenaga kerja warganegara.

Penengah gaji dan upah bulanan bagi pekerja lelaki dan perempuan menunjukkan peningkatan dimana pekerja lelaki meningkat 6.5% untuk mencapai RM2,850 (2023: RM2,675) manakala pekerja perempuan meningkat 7.2% kepada RM2,641 (2023: RM2,464). Ini menunjukkan perbandingan penengah gaji dan upah bulanan antara lelaki dan perempuan adalah bernisbah 1:0.93 dengan RM209 lebih tinggi untuk pekerja lelaki. Purata gaji dan upah bulanan untuk pekerja lelaki juga naik 6.4% (RM277) mencatatkan RM3,759 manakala pekerja perempuan naik 5.7% (RM188) mencatatkan RM3,499 pada tahun 2024.

Kumpulan umur 30 hingga 34 tahun merupakan kumpulan penerima gaji terbesar sebanyak 16.3%, diikuti oleh kumpulan umur 25 hingga 29 tahun pada 16.2% dan kumpulan umur 35 hingga 39 tahun pada 15.8%. Kumpulan umur 40 hingga 44 merekodkan 14.4% daripada jumlah penerima gaji dan upah. Nilai purata gaji dan upah tertinggi adalah dari kumpulan umur 45-49 tahun pada RM4,517 manakala nilai penengah tertinggi adalah di kalangan kumpulan 40-44 tahun pada RM3,481. Perbezaan nilai purata mengikut kumpulan umur pada tahun 2024 adalah RM3,652 iaitu RM211 lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya (2023: RM3,441). Perbezaan nilai penengah mengikut kumpulan umur pada tahun 2024 adalah RM2,793 iaitu RM191 lebih tinggi daripada tahun sebelumnya (2023: RM2,602).

Kebanyakan kumpulan etnik mencatatkan peningkatan dalam upah dan gaji tahun 2024. Mengikut etnik, purata gaji bulanan tertinggi diperolehi oleh etnik Cina dengan RM4,094 (naik 6.7% dari 2023), diikuti etnik India dengan RM3,575 (naik 6.6% dari 2023) dan Bumiputera dengan RM3,523 (naik 6% dari 2023).

⁷¹ Jabatan Perangkaan Malaysia (2024). Laporan Survei Gaji dan Upah Malaysia 2024

Penengah gaji dan upah tertinggi adalah RM3,350 dicatatkan oleh etnik Cina (naik 14.3% dari 2023), diikuti RM2,604 oleh etnik India (naik 5.7% dari 2023) dan RM2,490 oleh etnik Bumiputera (naik 5.5% dari 2023).


Dari segi pendidikan, kesemua tahap pencapaian pendidikan mencatatkan peningkatan dengan pendidikan tertiar mencapai purata tertinggi sebanyak RM4,962 (2023: RM4,702). Penenah bagi lepasan tertiar juga meningkat ke RM4,131 pada tahun 2024 (2023: RM4,024). Sijil ijazah mencatatkan purata tertinggi dengan RM6,114 (2023: RM5,829) manakala penengah pada RM5,110 (2023: RM5,046).

Dari segi strata, kawasan bandar dan luar bandar menunjukkan trend peningkatan dengan kawasan bandar mencapai RM3,796 dan kawasan luar bandar merekodkan RM2,847 berbanding tahun 2023. Purata gaji dan upah di bandar meningkat 6.1% manakala luar bandar meningkat 9.2%.


Pada tahun 2024, semua negeri mencatatkan pertumbuhan dengan W.P. Putrajaya merekodkan penengah tertinggi sebanyak RM4,598 diikuti W.P. Kuala Lumpur sebanyak RM3,687 dan Selangor sebanyak RM2,934. Lima negeri yang mencatatkan penengah yang melebihi penengah nasional RM2,793 adalah W.P. Putrajaya, W.P. Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan W.P. Labuan. Empat negeri dan wilayah persekutuan turut mencatatkan purata yang melebihi nasional RM3,652 iaitu W.P. Kuala Lumpur, Selangor, W.P. Labuan dan Pulau Pinang.

1.2.13 Pertumbuhan Ekonomi Malaysia: Suku Pertama 2025

Bagi suku pertama tahun 2025, anggaran awal KDNK Malaysia menunjukkan ekonomi berkembang sebanyak 4.4%, berbanding pertumbuhan 5.0% yang dicatatkan pada suku keempat 2024. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh perkembangan positif dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan. Walau bagaimanapun, sektor perlombongan dan kuari terus mencatatkan penyusutan pada tempoh ini. Dari segi suku tahunan (quarter-on-quarter), ekonomi mencatatkan penurunan 3.7%, berbanding pertumbuhan 2.7% pada suku keempat 2024.



Rajah 1.4f: KDNK Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi Malaysia (RM Juta), Suku Tahunan 1, 2025
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



Rajah 1.42: KDNK Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi- Perubahan, Suku Tahunan 1, 2025

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor Perkhidmatan

Pertumbuhan sektor perkhidmatan kekal kukuh pada 5.2% dalam suku pertama 2025, walaupun sedikit perlahan berbanding 5.5% pada hujung 2024. Momentum positif ini terus dipacu oleh sumbangan berterusan daripada subsektor penting termasuk perdagangan borong dan runcit, pengangkutan dan penyimpanan, serta maklumat dan komunikasi.

Sektor Pembuatan

Pada suku pertama 2025, sektor pembuatan berkembang pada kadar 4.2%, sedikit perlahan berbanding 4.4% pada suku sebelumnya. Walaupun kadar pertumbuhan menyusut, aktiviti pengeluaran kekal rancak dalam beberapa segmen utama. Produk elektrik, elektronik dan optik terus menjadi pemacu utama hasil permintaan global yang mula pulih. Pada masa sama, segmen minyak dan lemak sayuran serta haiwan, pemprosesan makanan, dan produk petroleum, kimia, getah dan plastik turut menyokong kelangsungan pertumbuhan sektor ini.

Sektor Pertanian

Sektor pertanian kembali mencatatkan pertumbuhan positif pada suku pertama 2025, berkembang 0.7% berbanding penyusutan 0.5% pada suku sebelumnya. Pemulihan ini disokong oleh prestasi lebih baik dalam subsektor perikanan dan pertanian lain. Namun, subsektor kelapa sawit masih mencatatkan penurunan seterusnya mengekang pertumbuhan keseluruhan sektor. Antara faktor yang menyebabkan penurunan prestasi subsektor kelapa sawit ini adalah kerana hasil buah tandan segar yang rendah yang mengakibatkan pengurangan output subsektor. Pengeluaran minyak sawit mentah juga merosot 16.8% kepada 1.24 juta tan pada bulan Januari 2025 manakala pengeluaran isirung sawit juga menurun 13.57% bulan ke bulan kepada 290,883 tan pada bulan Januari 2025.

Sektor Pembinaan

Sektor pembinaan mengekalkan pertumbuhan kukuh dengan peningkatan 14.5%, meskipun lebih perlahan berbanding 20.7% pada suku akhir 2024. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan aktiviti merentasi semua segmen, khususnya aktiviti pembinaan khusus dan projek bangunan kediaman, mencerminkan permintaan yang kekal kukuh dalam pasaran pembinaan.

Sektor Perlombongan dan Kuari

Sebaliknya, sektor perlombongan dan kuari terus mencatatkan kelemahan dengan penguncupan lebih besar, iaitu 4.9% pada suku pertama 2025 (S4 2024: -0.9%). Prestasi yang lebih lemah ini berpunca daripada pengeluaran yang menurun dalam subsektor minyak mentah dan kondensat serta gas asli, mencerminkan cabaran berterusah dalam pasaran tenaga global.

Perbelanjaan Akhir Pengguna

Perbelanjaan penggunaan swasta dijangka berkembang kukuh pada kadar 5.6% sepanjang 2025, meningkat daripada 5.1% pada 2024. Momentum ini disokong oleh pasaran buruh yang semakin baik dan kenaikan tahap pendapatan isi rumah. Pada masa sama, perbelanjaan penggunaan kerajaan diunjurkan meningkat kepada 4.9% (2024: 4.7%), didorong terutamanya oleh perbelanjaan kerajaan yang lebih tinggi untuk kenaikan gaji dan emolumen penjawat awam di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK)

PMTK dijangka berkembang pada kadar 9.3% pada 2025, selepas mencatatkan pertumbuhan lebih kukuh sebanyak 12% pada 2024. Pertumbuhan ini sebahagian besarnya dipacu oleh pelaburan berterusah dalam struktur bangunan serta jentera dan kelengkapan (M&E), ini menandakan keyakinan pelabur terhadap prospek ekonomi domestik.

Eksport dan Import

Perdagangan luar negara Malaysia terus berkembang, walaupun pada kadar yang lebih sederhana. Eksport barangan dan perkhidmatan meningkat 4.4% pada suku pertama 2025, berbanding 7.3% pada suku sebelumnya, sejajar dengan pemulihan global yang masih perlahan. Import turut menunjukkan pertumbuhan sederhana pada 2.8% (S4 2024: 5.3%), dipengaruhi oleh penurunan dalam import barangan.

Pada suku tahunan 1 2025, eksport Malaysia telah meningkat kepada 4.4% bersamaan RM378.36 bilion berbanding suku yang sama tahun 2024. Peningkatan eksport ini telah disokong oleh kenaikan permintaan bagi barangan perkilangan terutamanya elektrik dan elektronik (E&E). Tambahan lagi, keluaran pertanian terutamanya kelapa sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit menyumbang kepada peningkatan eksport¹⁰.

Eksport ke rakan dagang utama seperti ASEAN, Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah kekal menunjukkan pertumbuhan manakala eksport yang lebih tinggi direkodkan ke negara rakan Perjanjian Perdagangan Bebas seperti Hong Kong, Turkiye, Kanada dan Chile¹¹.

Dalam pada itu, import Malaysia menyusut 2.8% kepada RM112.59 bilion. Penyusutan ini disebabkan penurunan import barangan perantara seperti bahan api utama dan pelincir serta pengimportan barangan modal bukan pengangkutan juga lebih rendah¹².



Rajah 1.43: Prestasi Pertumbuhan Eksport dan Import, Suku Tahunan 1, 2025

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

¹⁰ MFI (2025). Siaran Media: Perangkaan Perdagangan Luar Malaysia - Eksport Malaysia Pada Mac 2025 Catat Nilai Tertinggi Bagi Bulan Mac

1.3 PRESTASI EKONOMI NEGERI JOHOR

1.3.1 Sorotan Prestasi Negeri Johor Tahun Semasa

Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Johor meningkat ketara sebanyak 6.4%, melebihi kadar pertumbuhan nasional sebanyak 5.1%. Ekonomi negeri mencapai nilai RM158 bilion, yang didorong oleh sektor pembuatan, perkhidmatan, pembinaan, dan pertanian yang kukuh. Pertumbuhan ini menegaskan Johor sebagai negeri paling pesat berkembang dan penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia.

Inflasi keseluruhan di Johor mencatatkan kadar 1.7% pada tahun 2024, sedikit lebih rendah berbanding purata negara. Kestabilan harga ini dicapai melalui pelaksanaan subsidi bersasar oleh kerajaan, pengukuhan Ringgit Malaysia, serta penurunan harga komoditi global. Walaupun secara keseluruhan harga terkawal, terdapat peningkatan pada kategori perumahan, utiliti, dan bahan api disebabkan oleh pelarasan tarif dan perubahan subsidi.

Pelaburan di Johor terus bertambah dengan sokongan projek berimpak tinggi seperti Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) dan Zon Kewangan Khas (SFZ). Pembangunan infrastruktur pelabuhan, pusat data, dan rangkaian digital menjadi tarikan utama pelabur tempatan dan asing bagi memperkukuh ekosistem perindustrian dan perkhidmatan di negeri ini.

Sebagai hab perdagangan penting, Johor mencatat kenaikan eksport sebanyak 5.7% kepada RM306.5 bilion, dipacu oleh produk petroleum dan elektrik dan elektronik. Import juga meningkat sebanyak 16.1%, memperlihatkan peranan strategik Johor dalam perdagangan Malaysia. Singapura dan Amerika Syarikat merupakan rakan dagang utama negeri ini, menyumbang nilai dagangan yang besar.

Pasaran buruh Johor kekal stabil dengan tenaga buruh bertambah 2.7% dan kadar pengangguran menurun kepada 2.3%. Kawasan bandar terus menjadi tumpuan bakat kerana peluang pekerjaan, gaji menarik dan kemudahan infrastruktur yang baik. Pertumbuhan tenaga buruh ini menyokong perkembangan ekonomi negeri serta menyumbang kepada peningkatan pelaburan dan aktiviti sektor.


1.3.2 Inflasi Negeri Johor

>> Inflasi Keseluruhan

Pada tahun 2024, kadar inflasi keseluruhan Johor mencatatkan 1.7%, iaitu 0.1 mata peratusan lebih rendah berbanding kadar inflasi negara. Kenaikan harga berjaya dikawal hasil daripada pelaksanaan subsidi bersasar kerajaan, pengukuhan ringgit, serta penurunan harga komoditi global. Tahap inflasi ini juga lebih rendah berbanding unjuran Bank Negara Malaysia yang menjangkakan kadar inflasi berada dalam lingkungan 2.0% hingga 3.6%.

Kadar inflasi yang perlahan ini didorong oleh beberapa langkah kerajaan dalam mengawal kos barangan dan perkhidmatan terpilih. Bermula 10 Jun 2024, subsidi diesel bersasar telah dilaksanakan di seluruh Semenanjung Malaysia. Langkah ini turut disertai dengan bantuan selari kepada sektor logistik yang dijangka memberi kesan hebat terhadap kelancaran rantai bekalan dan kestabilan harga di pasaran. Bantuan tunai BUDI MADANI juga diagihkan melalui pelbagai inisiatif, termasuk BUDI Agri-Komoditi untuk pekebun kecil dan pengusaha komoditi, serta BUDI Individu bagi pemilik kenderaan diesel.


Sebagai sebuah negeri perindustrian, kadar inflasi yang lebih rendah di Johor turut dipengaruhi oleh pengukuhan ringgit dan penurunan harga komoditi dunia, yang telah mengurangkan kos import serta menstabilkan harga dalam negeri.



Rajah 1.44: Kadar Inflasi Negeri Johor, 2020-2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada peringkat nasional, harga barangan pengguna secara keseluruhannya lebih terkawal sepanjang 2024. Bagi negeri Johor, kategori perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain mencatatkan perubahan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 3.1%. Peningkatan ini disebabkan pelaksanaan pelarasan tarif air untuk kegunaan domestik di negeri Johor bermula Februari 2024. Selain itu, pendidikan serta restoran dan hotel turut merekodkan kadar pertumbuhan masing-masing pada 2.6% dan 2.3%. Walaupun masih menunjukkan kenaikan, kadar ini lebih perlahan berbanding tahun sebelumnya apabila kedua-dua kategori tersebut mencatatkan perubahan peratusan tertinggi, masing-masing pada 7.1% dan 5.8%.




Rajah 1.45: Kadar Inflasi Negeri Johor Mengikut Kumpulan Perbelanjaan, 2023-2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

1.3.3 Prestasi Pertumbuhan KDNK Negeri Johor

Ekonomi negeri Johor mencatat kemajuan ketara apabila pertumbuhan meningkat daripada 4.1% pada 2023 kepada 6.4% pada 2024, dengan nilai KDNK mencecah RM158.02 bilion. Pertumbuhan positif ini mengatasi kadar nasional iaitu 5.1%, sekali gus meletakkan Johor sebagai penyumbang KDNK tertinggi dalam kalangan negeri-negeri di Malaysia. Pencapaian ini mencerminkan pembangunan industri negeri yang lebih kukuh berbanding tahun-tahun sebelumnya. Faktor kestabilan politik, tadbir urus negeri yang baik, serta kedudukan strategik di selatan Malaysia menjadikan Johor kekal berdaya saing.

Disokong oleh kewujudan pelabuhan utama dan zon perindustrian, Johor mencatat pertumbuhan KDNK tertinggi sejak pandemik. Pelbagai projek pembangunan baharu terus memperkukuh sektor ekonomi utama, khususnya pembuatan, perkhidmatan dan pembinaan. Antara projek berimpak tinggi yang dijangka memacu pertumbuhan termasuk pembangunan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) dan Zon Kewangan Khas (SFZ), pembinaan Hospital Sultanah Aminah 2, kerja-kerja naik taraf Bangunan Sultan Iskandar dan Kompleks Sultan Abu Bakar, serta projek bekalan air Johor dan projek tebatan banjir.



Rajah 1.46: KDNK Negeri Johor dan Kadar Pertumbuhan Tahunan, 2020 – 2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor pembinaan melonjak 42.7%, didorong oleh projek swasta melibatkan pembinaan pencawang elektrik, sistem penyejukan berteknologi tinggi, dan rangkaian gentian optik berkapasiti tinggi. Kesemua ini merupakan infrastruktur sokongan kepada pembangunan pusat data di negeri Johor. Kelulusan projek bernilai kira-kira RM4.7 bilion oleh Kerajaan Persekutuan pada Februari 2024 turut menjadi pemacu lonjakan sektor ini.

Sektor perlombongan dan kuari berkembang 11.3%, manakala sektor perkhidmatan meningkat 6.0% dipacu oleh keperluan sokongan sekitar bagi operasi pusat data. Pertumbuhan perkhidmatan turut disumbang oleh peluasan subsektor kewangan dan insurans, hartanah serta perkhidmatan perniagaan.

Pertanian mencatat pemulihan ketara apabila beralih daripada pertumbuhan negatif pada 2023 kepada pertumbuhan positif 4.2% pada 2024, hasil daripada peningkatan pengeluaran minyak sawit. Sektor pembuatan juga berkembang 4.2%, disokong oleh permintaan global terhadap produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam terfabrikasi, serta produk elektrik dan elektronik.




Rajah 1.47: Pertumbuhan Sektor-Sektor Ekonomi Negeri Johor (%), 2020 – 2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

1.4 SUMBANGAN NEGERI JOHOR KEPADA EKONOMI MALAYSIA

Pada tahun 2024, Johor muncul sebagai negeri paling pesat berkembang di Malaysia apabila mencatat pertumbuhan KDNK sebanyak 6.4%, sekaligus menjadi penyumbang tertinggi kepada KDNK negara dengan nilai mencecah RM158 bilion. Walaupun lima negeri berjaya mengatasi purata KDNK negara sebanyak 5.1%, Johor mendahului senarai diikuti Selangor (6.3%), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (6.2%), Pahang (5.7%) dan Wilayah Persekutuan Labuan (5.4%). Dari sudut sumbangan keseluruhan, Johor bersama Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Sarawak kekal sebagai lima penyumbang utama ekonomi negara, dengan gabungan sumbangan mencecah 68.2% daripada KDNK Malaysia pada 2024.

Dari perspektif KDNK per kapita, Johor mencatat jumlah RM44,762, sedikit rendah berbanding purata nasional iaitu sekitar RM50,210. Walau bagaimanapun, angka ini kekal antara yang tertinggi berikutan pertumbuhan ekonomi pesat negeri serta kekuatan sektor utama seperti pembuatan dan perkhidmatan. Pendapatan per kapita Johor turut dipacu oleh pelaburan syarikat asing, di samping manfaat daripada kedudukannya yang bersempadan dengan salah satu hab kewangan terbesar Asia, iaitu Singapura.




Rajah 1.48: KDNK Per Kapita (Harga Semasa, RM) Untuk Semua Negeri dan Wilayah Persekutuan, 2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sumbangan Mengikut Sektor

1.4.1 Sektor Pertanian


Pada 2024, sektor pertanian Johor mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 17.3%, sekaligus menjadikannya penyumbang terbesar sektor ini kepada ekonomi negara. Negeri Johor terus mengekalkan kedudukan sebagai pengeluar utama hasil pertanian sejak 2023, didorong oleh peningkatan pengeluaran minyak sawit. Pertumbuhan ini sebahagian besarnya disokong oleh subsektor tanaman, khususnya ladang kelapa sawit yang meliputi hampir tiga perempat daripada keluasan tanah negeri. Selain itu, Johor juga terkenal dengan penanaman nanas, durian dan pelbagai jenis sayuran. Subsektor ternakan dan perikanan turut memberi sumbangan ketara, dengan hasil yang bukan sahaja memenuhi pasaran domestik tetapi juga dieksport, khususnya ke Singapura.



Rajah 1.49: Peratus Sumbangan KDNK Sektor Pertanian ke Malaysia Mengikut Negeri, 2023-2024
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

1.4.2 Sektor Perlombongan dan Pengkuarian

Sepanjang tahun 2024, sektor perlombongan dan kuari negeri Johor merekodkan pertumbuhan kecil sebanyak 0.8%, meningkat sedikit berbanding 0.7% pada 2023. Pertumbuhan sederhana ini sebahagiannya didorong oleh aktiviti pengeluaran gas asli di daerah Pengerang. Namun begitu, sumbangan sektor ini kekal terhad, mencerminkan kecenderungan ekonomi negeri Johor yang lebih berfokus kepada aktiviti perkhidmatan dan perindustrian sebagai pemacu utama pertumbuhan.




Rajah 1.50: Peratus Sumbangan KDNK Sektor Perlombongan dan Pengkuarian Malaysia Mengikut Negeri, 2023-2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

1.4.3 Sektor Pembuatan


Johor kekal berada di kedudukan ketiga selepas Selangor (32.9%) dan Pulau Pinang (14.7%) dalam sumbangan sektor pembuatan pada kadar 12.0%, mengekalkan kedudukan tiga teratas bagi prestasi 2023 dan 2024. Pertumbuhan sektor ini dipacu oleh pengeluaran produk mineral bukan logam serta produk elektrik, elektronik dan optik. Selain itu, subsektor pemprosesan makanan serta pengeluaran minyak dan lemak sayuran turut menyokong pertumbuhan, sekali gus menjadi pemangkin kepada pemulihan sektor pertanian negeri pada 2024.



Rajah 1.51: Peratus Sumbangan KDNK Sektor Pembuatan ke Malaysia Mengikut Negeri, 2023-2024
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

1.4.4 Sektor Pembinaan

Sektor pembinaan negeri Johor mencatat lonjakan tinggi pada 2024, namun negeri ini kekal di tangga ketiga antara semua negeri dengan sumbangan 9.6% kepada KDNK negara. Pertumbuhan pesat sektor ini banyak dipacu oleh pembangunan projek pusat data yang memerlukan sistem penyejukan khusus, pencawang elektrik, serta rangkaian gentian optik berkapasiti tinggi. Perkembangan ini turut mencerminkan gelombang prestasi positif negeri dalam pembangunan infrastruktur digital, lebuh raya, rangkaian transit pantas dan hartanah. Selain itu, kerajaan negeri juga menjadikan pembangunan infrastruktur sebagai keutamaan bagi menyokong pelaksanaan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ).



Rajah 1.52: Peratus Sumbangan KDNK Sektor Pembinaan ke Malaysia Mengikut Negeri, 2023-2024
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

1.4.5 Sektor Perkhidmatan

Agenda negeri Johor untuk muncul sebagai hab pusat data global mula menampakkan hasilnya pada 2024, apabila sektor perkhidmatan negeri ini berkembang pesat. Kedudukan negeri Johor yang strategik serta kemasukan pelaburan asing berskala besar telah melonjakkan permintaan terhadap pelbagai perkhidmatan sokongan, daripada kewangan dan insurans hinggalah hartanah dan perkhidmatan perniagaan. Semakin banyak syarikat korporat menubuhkan operasi mereka di Johor, sektor perkhidmatan turut mendapat manfaat berganda. Selain itu, subsektor utiliti, pengangkutan serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menunjukkan prestasi cemerlang, dipacu oleh pembangunan pusat data yang memerlukan infrastruktur sokongan moden. Dengan sumbangan sebanyak 8.7% kepada KDNK negara, negeri Johor kini berada di kedudukan ketiga selepas WP Kuala Lumpur dan Selangor, menandakan peranan penting negeri ini dalam membentuk landskap perkhidmatan Malaysia.



Rajah 1.53 Peratus Sumbangan KDNK Sektor Perkhidmatan ke Malaysia Mengikut Negeri, 2023 – 2024
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


1.4.6 Sumbangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) Mengikut Sektor

PMKS memainkan peranan penting dalam ekonomi negeri Johor dan Malaysia. Untuk memacu pertumbuhan ekonomi, kerajaan negeri perlu memastikan komuniti PKMS dapat berdaya saing bukan sahaja di peringkat negeri, tetapi juga di peringkat serantau. Dengan itu, Kerajaan Johor telah mengambil langkah awal bagi membantu PKMS memperluas pasaran mereka. Ia merupakan satu usaha yang penting memandangkan ekonomi rantau ini dijangka berkembang pesat, khususnya melalui perkongsian strategik Johor-Singapura (JS-SEZ). Usaha ini bakal membuka lebih banyak peluang perdagangan dan pelaburan rentas sempadan kepada PMKS tempatan.

Antara inisiatif utama termasuk memperluas akses kepada pembiayaan, menyediakan latihan, serta memperkukuh risikan pasaran agar PMKS dapat meningkat dan bersaing di peringkat serantau. Langkah ini turut memberi ruang kepada PMKS Johor untuk menembusi pasaran Singapura dan negara-negara ASEAN lain. Selain itu, kerjasama dengan pelbagai pihak seperti persatuan perdagangan, institusi pendidikan, dan pakar industri amat penting bagi melahirkan program yang memperkukuh daya saing PMKS. Pendekatan holistik diperlukan untuk bukan sekadar menangani cabaran semasa, tetapi juga membekalkan PMKS dengan kemahiran dan pengetahuan untuk berkembang maju secara mampan dalam jangka panjang.

Berdasarkan data Banci Ekonomi 2023 yang merangkumi prestasi PMKS bagi tahun 2022, PMKS di Johor mencatatkan jumlah nilai ditambah sebanyak RM58.7 bilion, meningkat daripada RM44.6 bilion pada tahun 2015. Ini menunjukkan kadar pertumbuhan purata tahunan (CAGR) sebanyak 4.0% dalam tempoh berkenaan. Sebagai perbandingan, Selangor kekal sebagai penyumbang tertinggi nilai ditambah PMKS dengan RM208.0 bilion (2015: RM19.8 bilion), diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur dengan RM113.2 bilion (2015: RM96.4 bilion) – masing-masing mencatatkan CAGR sebanyak 8.2% dan 2.3%.

Dari segi sektor ekonomi, sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar kepada nilai ditambah PMKS Johor dengan RM33.0 bilion (56.3%), diikuti oleh sektor pembuatan dengan RM17.0 bilion (29.9%). Sementara itu, sektor perlombongan dan pengkuarian menyumbang bahagian terkecil, iaitu RM191.0 juta atau hanya 0.2% daripada jumlah keseluruhan nilai ditambah PMKS Johor.




Rajah 1.54: Jumlah Nilai Di Tambah Mengikut Sektor Bagi PMKS Negeri Johor (RM Bilion), 2022

Sumber: SME Corporation Malaysia (Johor)

PMKS bukan sahaja memainkan peranan penting dalam menjana ekonomi negeri Johor, tetapi juga berfungsi sebagai tonggak utama dalam penyediaan peluang pekerjaan. Pada tahun 2022, sektor PMKS telah menggaji sebanyak 795,451 orang pekerja di negeri Johor. Daripada jumlah tersebut, sektor perkhidmatan merekodkan bilangan tertinggi dengan 468,395 pekerja (58.9%), menunjukkan peranannya sebagai pemacu utama guna tenaga PMKS di Johor.


Sementara itu, sektor pembuatan turut menjadi penyumbang ketara dengan 201,376 pekerja, iaitu 25.3% daripada jumlah keseluruhan. Di hujung spektrum, sektor perlombongan dan pengkuarian mencatat jumlah tenaga kerja PMKS yang paling kecil dengan hanya 1,882 orang atau 0.2%, menandakan peranannya yang lebih terhad dalam struktur guna tenaga PMKS negeri.



Rajah 1.55: Jumlah Bilangan Pekerja Mengikut Sektor Bagi PMKS Negeri Johor, 2022

Sumber: SME Corporation Malaysia (Johor)

PMKS di Johor didominasi oleh perusahaan kecil yang berjumlah 362,577 buah atau 46% daripada keseluruhan PMKS di negeri ini. Perusahaan mikro pula merupakan kategori kedua terbesar dengan 261,556 buah atau 33%, manakala perusahaan sederhana membentuk bahagian terkecil dalam ekosistem PMKS Johor. Corak ini menunjukkan bahawa landskap leusahawanan negeri masih bertumpu kepada segmen kecil dan mikro yang menjadi tunjang utama kepada aktiviti ekonomi tempatan.



Rajah 1.58: Jumlah Bilangan Pekerja Mengikut Saiz PMKS (Mikro, Kecil dan Sederhana), 2022
Sumber: SME Corporation Malaysia (Johor)

1.5 PERGERAKKAN HARGA PENGGUNA

1.5.1 Indeks Harga Pengguna Di Negeri Johor


Sepanjang 2024, harga pengguna di Johor kekal stabil, mencerminkan pengurangan tekanan inflasi berbanding tahun sebelumnya. Subsektor makanan, yang sebelum ini menjadi pendorong utama inflasi pada 2023, menunjukkan tanda penyederhanaan yang ketara. Harga makanan dan minuman hanya meningkat 1.7%, manakala makanan di luar rumah naik 2.8%, jauh lebih rendah daripada kadar masing-masing pada 2023 iaitu 4.3% dan 6.8%. Pemerhatian lebih terperinci menunjukkan bahawa pertumbuhan harga bagi barangan harian bergerak lebih perlahan, malah ada sebahagiannya hampir stabil. Sayur-sayuran meningkat sebanyak 3.2%, buah-buahan naik 2.4%, manakala beras, roti dan bijirin merekodkan kenaikan sederhana 2.3%. Begitu juga dengan gula, jem, madu, coklat dan manisan, yang hanya meningkat 1.0%, manakala kopi, teh, koko dan minuman bukan alkohol lain naik 2.9%. Secara keseluruhan, keadaan ini mencerminkan kestabilan kos sara hidup di Johor, didorong oleh langkah-langkah kerajaan untuk menstabilkan harga, kestabilan ringgit, dan penurunan harga komoditi global. Pengguna menikmati peningkatan harga yang lebih terkawal, membolehkan kuasa beli isi rumah dipelihara walaupun menghadapi cabaran ekonomi global.

TAHUN	2023	2024
Makanan dan minuman	4.3	1.7
Makanan di luar rumah	6.8	2.8
Beras, roti dan bijirin	6	2.3
Daging	4.2	0.3
Ikan segar dan makanan laut	0.7	-1
Susu, keju dan telur	5.8	0.9
Minyak and lemak	-1.4	-0.2
Buah-buahan	3.1	2.4
Sayur-sayuran	-1.8	3.2
Gula, jem, madu, coklat and manisan	3.7	1
Keputusan makanan t.t.t	8.9	1.8
Kopi, teh, koko dan minuman bukan alkohol	4.3	2.9

Jadual 1.1: Inflasi tahunan subkumpulan makanan dan minuman, Johor, 2022-2023
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


1.6 DEMOGRAFI SOSIAL

Populasi negeri Johor mencatat kadar pertumbuhan sebanyak 1.9% pada 2024, menjadikan jumlah penduduk negeri ini 4.19 juta orang. Populasi negeri Johor menyumbang hampir 12.3% daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia, yang meningkat daripada 33.3 juta pada 2023 kepada 34.06 juta pada 2024, iaitu pertumbuhan 1.9% bagi warganegara Malaysia. Negeri Johor kekal sebagai negeri kedua dengan populasi tertinggi selepas Selangor, yang menduduki tangga pertama dengan 21.6% daripada jumlah penduduk negara.



Rajah 1.57: Jumlah (Juta) penduduk Johor dan Malaysia, 2023 - 2024


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



Rajah 1.58: Kadar Kelahiran Kasar (bagi setiap 1,000 penduduk), Malaysia dan Johor, 2023 and 2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Sepanjang 2024, kesemua kumpulan etnik di Johor menunjukkan peningkatan bilangan penduduk berbanding 2023. Kumpulan Bumiputera merekodkan pertambahan tertinggi sebanyak 25,900 orang, diikuti oleh komuniti Cina dengan peningkatan 1,400 orang, dan komuniti India sebanyak 1,300 orang. Peningkatan populasi etnik Bumiputera di Johor dipacu oleh pertumbuhan semula jasi yang konsisten disumbang oleh kadar kelahiran yang melebihi kadar kematian. Tambahan lagi, kegiatan ekonomi yang menyokong dasar kemajuan Bumiputera juga menarik ramai tenaga kerja Bumiputera dari negeri lain. Bilangan bukan warganegara juga meningkat daripada 338,100 pada 2023 kepada 387,900 pada 2024. Peningkatan bukan warganegara adalah dipengaruhi oleh kestabilan peluang pekerjaan di negeri Johor yang menawarkan pekerjaan berkemahiran untuk sektor ekonomi seperti pembuatan dan pembinaan.




Rajah 1.59: Komposisi Penduduk Warganegara Negeri Johor, 2023 - 2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Komposisi penduduk Johor didominasi oleh golongan muda berumur antara 20 hingga 29 tahun. Berbanding 2023, kesemua kumpulan umur mencatatkan pertumbuhan kecuali golongan berumur 0 hingga 19 tahun, ini menandakan perubahan corak demografi yang selari dengan trend negara yang semakin menua. Pada 2024, jumlah warga emas berumur 60 tahun ke atas melebihi 480,000 orang. Secara keseluruhan, kira-kira 70.8% penduduk negeri Johor berada dalam lingkungan umur 15 hingga 64 tahun, manakala lebih 21% adalah berumur 14 tahun ke bawah.




Rajah 1.60: Komposisi Bilangan Penduduk Negeri Johor Mengikut Umur, 2023 – 2024
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



Rajah 1.61: Struktur umur penduduk Johor, 2024
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

1.6.1 Pengagihan Populasi Mengikut Daerah

Pada 2024, Johor Bahru mencatatkan populasi tertinggi di antara sepuluh daerah di Johor dengan 1.8 juta penduduk (2023: 1.761 juta). Diikuti oleh Batu Pahat dengan 510.4 ribu penduduk (2023: 504.0 ribu) dan Kulai dengan 351.4 ribu penduduk (2023: 340.3 ribu). Johor Bahru juga mencatat jumlah penduduk lelaki dan wanita yang tertinggi pada tahun tersebut, iaitu 960.7 ribu lelaki dan 839.3 ribu wanita.



Rajah 1.62: Jumlah Penduduk Daerah-Daerah Negeri Johor
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

1.7 TENAGA BURUH

Tenaga buruh di negeri Johor meningkat sebanyak 2.7% pada 2024 berbanding tahun sebelumnya. Namun, jika dibandingkan dengan kadar pertumbuhan 2023 (2.9%), pertumbuhan tahunan 2024 menunjukkan sedikit penurunan sebanyak 0.2%. Daripada jumlah 2.12 juta tenaga buruh, 68% daripadanya adalah lelaki manakala hampir 79% daripada jumlah tenaga buruh ini berada di kawasan bandar. Penyertaan tenaga buruh yang tinggi di kawasan bandar adalah lazim bagi ekonomi maju kerana beberapa faktor, termasuk tumpuan peluang pekerjaan yang lebih banyak, gaji dan prospek kerjaya yang menarik, serta kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan yang lengkap. Kawasan bandar lazimnya menempatkan pelbagai jenis industri yang berintensifkan modal dan pengetahuan, sekali gus mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan merentas sektor. Disokong oleh kemudahan asas serta infrastruktur yang baik, kawasan bandar turut menawarkan prospek kerjaya yang lebih kompetitif dan berkualiti. seterusnya menarik serta mengekalkan bakat muda, graduan baharu dan tenaga kerja berpengalaman.

1.7.1 Penawaran Tenaga Buruh

Tenaga buruh di negeri Johor meningkat sebanyak 2.7% pada tahun 2024 kepada jumlah 2.12 juta orang. Walau bagaimanapun, peratusan ini lebih rendah berbanding peningkatan antara tahun 2022 dan 2023 yang merekodkan peratus perubahan sebanyak 2.9%. Di luar bandar, jumlah tenaga buruh juga meningkat mendadak sebanyak 22% mencerminkan peluang pekerjaan yang meningkat di kawasan luar bandar. Jumlah tenaga buruh di kawasan bandar juga menurun sebanyak -1.5% disebabkan penjanaan peluang pekerjaan di luar bandar yang telah menarik minat penduduk tempatan untuk bekerja dan sekaligus mengurangkan keperluan untuk migrasi.

Tenaga buruh di kawasan luar bandar yang meningkat mencerminkan perkembangan aktiviti ekonomi dan peluang pekerjaan baharu di kawasan tersebut terutamanya dalam sektor pertanian moden, pembuatan berskala kecil dan logistik berkaitan projek pembangunan wilayah. Penjanaan peluang pekerjaan yang lebih aktif di luar bandar telah menggalakkan penyertaan penduduk tempatan dalam sektor berasaskan komuniti tanpa memerlukan migrasi ke luar negeri.

	Lelaki	Perempuan	Bandar	Luar Bandar	Jumlah
2019	1,223.40	682.3	1,483.40	342.3	1,805.70
2020	1,213.60	627.1	1,488.50	352.1	1,891.00
2021	1,214.50	620.5	1,467.20	367.8	1,887.00
2022	1,252.30	629.1	1,536.60	344.8	2,013.00
2023	1,400.60	670.8	1,704.90	366.5	2,071.40
2024	1,444.8	681.5	1,679.2	447.1	2,126.3

Jadual 1.2: Tenaga Buruh Mengikut Strata dan Jantina ('000), 2020-2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

1.7.2 Penduduk Bekerja

Sepanjang 2021 hingga 2024, kadar penyertaan tenaga buruh di Negeri Johor terus menunjukkan peningkatan, selaras dengan pertumbuhan segmen belia dan golongan usia bekerja di seluruh negeri. Pada 2024, jumlah penduduk yang bekerja mencapai 2.07 juta orang, mencerminkan pasaran kerja yang semakin stabil. Kadar pengangguran pula menurun ke tahap terendah iaitu 2.3%, turun 0.2% berbanding 2023, sejajar dengan aktiviti ekonomi dan perindustrian yang rancak di Johor, terutama di daerah-daerah utama seperti Johor Bahru, Batu Pahat dan Kulai. Kawasan bandar menyumbang bahagian besar tenaga buruh, dengan peluang pekerjaan yang lebih banyak, gaji yang menarik, dan kemudahan infrastruktur yang lengkap, sekali gus menarik golongan muda, graduan baharu, dan pekerja berpengalaman. Perkembangan ini menggambarkan negeri Johor bukan sahaja berperanan sebagai pusat ekonomi yang kukuh di selatan Malaysia, tetapi juga sebagai negeri yang menyediakan landasan bagi pertumbuhan profesional dan mobiliti tenaga buruh yang berterusan.



Rajah 1.63: Tenaga Buruh, Penduduk Bekerja dan Kadar Pengangguran Negeri Johor, 2020-2024
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

1.7.3 Kadar Tenaga Buruh Berbanding Penduduk

Pada 2024, negeri Johor mencatatkan nisbah tenaga buruh terhadap penduduk berumur bekerja sebanyak 68.8%, berdasarkan 1.65 juta individu yang bekerja daripada 2.4 juta penduduk berumur 15 hingga 64 tahun. Kadar ini menunjukkan sebahagian besar golongan usia bekerja di negeri ini aktif dalam pasaran pekerjaan, mencerminkan peluang pekerjaan yang semakin berkembang dan ekonomi negeri yang kukuh. Kumpulan umur 30-34 tahun menonjol sebagai penyumbang utama tenaga buruh di Johor, selari dengan penglibatan golongan muda dalam sektor perindustrian, perkhidmatan, dan ekonomi digital. Secara keseluruhan, hampir semua kumpulan umur mencatat peningkatan peratusan penduduk berumur bekerja berbanding 2023, kecuali golongan 15-19 tahun dan mereka berusia 50 tahun ke atas.


Fenomena ini mencerminkan pasaran pekerjaan yang semakin matang di negeri Johor, dengan lebih banyak peluang pekerjaan, gaji kompetitif, dan infrastruktur yang baik, sekali gus menarik lebih ramai individu untuk kekal bekerja dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri secara keseluruhan.



Rajah 1.64: Nisbah Guna Tenaga Kepada Penduduk Mengikut Kumpulan Umur, Johor, 2023-2024
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

1.7.4 Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Negeri Johor

Pada 2024, kadar penyertaan tenaga buruh (LFPR) di Johor meningkat kepada 71.6%, berbanding 71.3% pada 2023, melebihi purata nasional sebanyak 70.6% (2023: 70.0%). Negeri Johor menduduki tangga kelima selepas WP Putrajaya (78.7%), Selangor (77.9%), WP Kuala Lumpur (75.4%) dan Pulau Pinang (72.0%). Pada masa yang sama, kadar pengangguran di negeri ini menurun kepada 2.3% berbanding 2.6% pada 2023, menunjukkan peluang pekerjaan yang semakin baik disokong oleh prestasi industri yang kukuh. Namun begitu, isu pengangguran berkaitan kemahiran masih perlu diperbaiki. Pada tahun 2024, negeri Johor merekodkan 33.4% kadar pengangguran berkaitan kemahiran, menjadikan negeri ini berada di tempat kelima selepas WP Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan WP Putrajaya. Purata nasional untuk kadar pengangguran berkaitan kemahiran adalah 36.1% pada tahun 2024.



Rajah 1.65: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) (%) Negeri Johor, 2020-2024
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari segi jantina, penyertaan wanita dalam tenaga buruh terus meningkat kepada 51.0% (2023: 50.8%). Kadar penyertaan di kawasan bandar meningkat 0.5% pada 2024, manakala di kawasan luar bandar mencatat penurunan 0.5% berbanding tahun sebelumnya. Bagi individu berkelayakan tinggi (tertiary), kadar penyertaan meningkat dengan ketara kepada 77.3% berbanding 75.2% pada 2023, selaras dengan jangkaan bahawa pendidikan tinggi memberi peluang pekerjaan lebih baik melalui peningkatan pengetahuan dan kemahiran.

	2023			2024		
	Lelaki	Perempuan	Disatukan	Lelaki	Perempuan	Disatukan
Bandar	87.8	52	71.4	88.5	52.5	71.9
Luar Bandar	91	44.9	70.8	88.1	44.9	70.3
Rendah	90.7	27.3	67.5	89.6	21.7	63.8
Menengah	87.2	48	70	86.1	49.4	70.5
Tertari	90.1	61.8	75.2	94.9	61.8	77.3
Keseluruhan	88.4	50.8	71.3	88.4	51.0	71.6

Jadual 1.3: KPTB Mengikut Strata, Jantina dan Tahap Pendidikan, 2023-2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Mengikut kumpulan umur, kadar penyertaan tertinggi dicatat dalam kalangan individu berumur 30-34 tahun, selaras dengan trend tahun sebelumnya. Golongan ini berada pada usia produktif, biasanya telah menamatkan pendidikan tinggi dan memiliki pengalaman kerja yang mencukupi, menjadikan mereka tunjang utama pasaran buruh negeri. Sebaliknya, golongan muda berumur 15-19 tahun mencatat kadar penyertaan terendah iaitu 20.1%, kerana kebanyakan masih menumpukan kepada pendidikan menengah atau pengajian tinggi sebelum melangkah sepenuhnya ke alam pekerjaan. Keadaan ini menggambarkan corak semula jadi peralihan dari pendidikan ke pasaran kerja, yang turut mempengaruhi dinamik tenaga buruh di negeri Johor.

UMUR	2022	2021	2020	2023	2024
15 ke bawah	20.2%	25.8%	25.5%	28.8%	20.1
16-20	81.5%	74.1%	72.3%	78.2%	75.8
21-25	95.8%	89.5%	93.8%	84.6%	86.1
26-30	82.8%	86.9%	86.2%	90.9%	92.2
31-35	74.7%	88.5%	81.6%	88.9%	89.0
36-40	75.7%	83.8%	83.8%	84.0%	85.3
41-45	73.0%	78.4%	73.4%	79.7%	81.6
46-50	73.4%	67.0%	74.1%	70.1%	69.4
51-55	67.7%	54.5%	63.6%	69.8%	58.7
56-60	48.8%	28.8%	44.5%	36.8%	32.7

Jadual 1.4: KPTB Mengikut Kumpulan Umur, 2020 - 2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkhidmatan kekal sebagai nadi utama ekonomi Johor, menyumbang hampir dua pertiga daripada keseluruhan pekerjaan dan menandakan transformasi negeri ke arah ekonomi berasaskan perkhidmatan dan pengguna. Perdagangan borong dan runcit mendominasi subsektor ini dengan sumbangan 20.9%, dipacu terutamanya oleh perbelanjaan rentas sempadan pelancong dari Singapura serta perkembangan pesat pusat beli-belah di negeri ini. Seterusnya, pendidikan serta perkhidmatan penginapan dan makanan dan minuman masing-masing menyumbang 8.4%, mendapat manfaat daripada lonjakan aktiviti pelancongan dan permintaan pengguna. Keadaan ini menggambarkan bagaimana negeri Johor bukan sahaja berkembang sebagai pusat perniagaan dan perdagangan, tetapi juga menumpukan kepada sektor perkhidmatan yang memberi impak langsung kepada kehidupan seharian penduduk dan ekonomi tempatan.

Sektor perindustrian pula mengambil 28.9% daripada tenaga buruh negeri, dengan pembuatan mendominasi pada 21.8%, mencerminkan kedudukan negeri Johor sebagai hab perindustrian yang pesat berkembang.

Aktiviti dalam sektor ini disokong oleh industri elektrik dan elektronik, pemprosesan makanan, serta petro-kimia, yang kesemuanya memainkan peranan penting dalam memperkukuh ekonomi negeri. Lonjakan pelaburan pada 2024 turut memberi impak positif kepada sektor pembinaan, terutamanya melalui projek infrastruktur awam dan pembangunan hartanah swasta.

Di kawasan luar bandar, sektor primer yang merangkumi pertanian, perhutanan dan perikanan terus menjadi sumber pekerjaan utama, menyumbang 6% daripada tenaga buruh. Sementara itu, sektor perlombongan dan kuari walaupun hanya membabitkan 0.3% tenaga buruh, tetap memainkan peranan strategik dalam membekalkan bahan mentah tempatan untuk industri pembinaan. Majoriti pekerjaannya terdiri daripada golongan separa mahir dan rendah kemahiran, menunjukkan kepelbagaian struktur pekerjaan di negeri Johor.

1.7.5 Taburan Penduduk Bekerja

Sektor perkhidmatan mewakili peratusan terbesar dalam taburan penduduk bekerja di negeri Johor iaitu sebanyak 65.0% atau 1,413.2 ribu orang pekerja. Ini diikuti sektor perindustrian yang merangkumi sektor pembuatan dan sektor pembinaan dengan 28.9% bersamaan 627.8 ribu orang pekerja. Taburan penduduk bekerja bagi sektor utama merangkumi 6.3% atau 132.5 ribu penduduk.

Berbanding tahun 2023, taburan penduduk bekerja bagi sektor perkhidmatan meningkat sebanyak 4.4% manakala sektor utama dan sektor perindustrian merekodkan penurunan dari segi taburan penduduk bekerja masing-masing sebanyak 0.6% dan 3.6%. Hal ini menunjukkan perubahan tenaga kerja ke sektor perkhidmatan yang semakin rancak di dalam negara dan khususnya di sekitar negeri Johor didayakan oleh pelaburan yang meningkat dalam subsektor terpilih yang beraskan perkhidmatan.

	Bilangan ('000)	Peratus Sumbangan
SEKTOR UTAMA	132.5	6.3%
Pertanian, perhutanan dan perikanan	125.2	6%
Perlombongan dan pengkuarian	7.3	0.3%
SEKTOR PERINDUSTRIAN	627.8	28.9%
Pembuatan	473.6	21.8%
Pembinaan	154.2	7.1%
SEKTOR PERKHIDMATAN	1,413.20	65%
Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	103	0.5%
Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemuliharaan	18.8	0.9%
Pendagangan barang dan runcit; pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	455	20.9%
Pengangkutan dan penyimpanan	95.4	4.4%
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	182.4	8.4%
Maklumat dan komunikasi	17.2	0.8%
Aktiviti kewangan dan insurans/ takatuf	52.9	2.4%
Aktiviti hartanah	12.4	0.6%
Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	48.9	2.2%
Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	97	4.5%
Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial wajib	95.4	4.4%
Pendidikan	182.4	8.4%
Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	17.2	0.8%
Kesenian, hiburan dan rekreasi	52.9	2.4%
Aktiviti perkhidmatan lain	26.3	1.2%
Aktiviti isi rumah sebagai majikan	48.9	2.2%
Jumlah	2,173.50	100%

Jadual 1.5: Penduduk bekerja mengikut industri, 2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

1.7.6 Pengangguran

Kadar pengangguran di Malaysia terus menurun daripada 3.4% pada 2023 kepada 3.2% pada 2024, mencerminkan peningkatan ekonomi secara umum dan bertambahnya peluang pekerjaan dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Tahap pengangguran yang dicatatkan ini juga lebih rendah sebanyak 0.1% berbanding kadar sebelum pandemik pada 2019. Daripada jumlah penganggur, 76.5% terdiri daripada individu yang tersedia untuk bekerja atau sedang aktif mencari pekerjaan. Daripada kumpulan ini, 6.3% telah menganggur selama setahun atau lebih, manakala 93.8% menganggur kurang daripada setahun. Kadar pengangguran belia berumur 15 hingga 30 tahun menurun kepada 6.5%, bersamaan dengan 389.2 ribu orang penganggur (2023: 6.7%; 392.6 ribu orang).

Di Johor, kadar pengangguran mencatat 2.3% pada 2024 (2023: 2.6%), menunjukkan penurunan sebanyak 0.3%. Dengan agenda pembangunan ekonomi serantau yang dijangka mendapat dorongan signifikan melalui inisiatif kerajaan dan swasta serta peningkatan pelaburan, kadar pengangguran negeri ini dijangka akan terus stabil dan menurun dalam beberapa tahun akan datang.

1.7.7 Gaji dan Upah Negeri Johor⁷³

Pada 2024, jumlah penerima gaji dan upah di Malaysia meningkat sebanyak 1.3%, mencatatkan 10.24 juta orang berbanding 10.11 juta orang pada tahun 2023. Langkah kerajaan melaksanakan gaji minimum RM1,500 bermula 1 Julai 2023 bagi perniagaan kecil dengan lima pekerja atau kurang turut menyumbang kepada pertumbuhan ini. Gaji dan upah penengah bulanan keseluruhan meningkat 7.3% kepada RM2,793 (2023: RM2,602), dengan pekerja lelaki menerima RM2,850 dan pekerja wanita RM2,641. Purata gaji bulanan pula meningkat 6.1% dengan mencapai RM3,652. Pekerja lelaki menerima RM3,759, meningkat 6.4% atau RM227 manakala pekerja wanita menerima RM3,499, meningkat 5.7% atau RM188.

Di Negeri Johor, jumlah penerima gaji dan upah pada 2024 berjumlah 1.39 juta orang meningkat 1.5% dari 1.37 juta orang pada tahun 2023. Gaji dan upah penengah bulanan negeri mencatat RM2,582 (2023: RM2,450.2), menempatkan Johor di kedudukan ke-6 dalam Malaysia walaupun berada di bawah penengah nasional. Dalam pada itu, purata gaji dan upah bulanan RM3,414 (2023: RM3,211) meletakkan negeri ini di kedudukan ke-9, di bawah purata nasional. Walaupun berada di bawah purata nasional, angka ini mencerminkan pasaran buruh Johor yang stabil dan berkembang dengan peningkatan dari tahun sebelumnya, sejajar dengan lonjakan pelaburan industri, projek pembangunan infrastruktur, serta transformasi ekonomi negeri yang semakin berasaskan sektor perkhidmatan dan perindustrian.

Dari segi jantina, pekerja lelaki di negeri Johor berjumlah 881.6 ribu (2023: 867.2 ribu), dengan penengah RM2,850 (2023: RM2,602) dan purata RM3,543 (2023: RM3,328). Pekerja perempuan berjumlah 506.4 ribu (2023: 500.0 ribu) dan menerima penengah gaji dan upah bernilai RM2,444 (2023: RM2,276) dan purata RM3,190 (2023: RM3,010).

⁷³ Jabatan Perangkaan Malaysia (2025). Laporan Survei Gaji dan Upah 2024.

1.7.8 Statistik Graduan Negeri Johor


Pada 2024, bilangan graduan di Negeri Johor meningkat kepada 554.9 ribu orang, mencatat kenaikan 6.36% berbanding 521.7 ribu graduan pada 2023. Graduan yang telah menyertai tenaga buruh turut menunjukkan peningkatan sebanyak 5.81% daripada 2023, dengan jumlah 496.6 ribu orang pada 2024. Bagi graduan yang telah berjaya memperoleh pekerjaan, 2024 mencatat pertumbuhan 5.79% berbanding tahun sebelumnya dan menunjukkan peningkatan dalam kadar graduan yang bekerja berbanding pertumbuhan tahun 2024. Perkembangan ini mencerminkan trend positif dalam integrasi graduan ke pasaran kerja Negeri Johor, selari dengan pertumbuhan ekonomi dan peluang pekerjaan yang semakin meluas, terutamanya dalam sektor perkhidmatan, pembuatan, dan projek pembangunan infrastruktur.



Rajah 1.66: Jumlah Siswazah, Tenaga Buruh dan Bekerja ('000), 2020 – 2024


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penyertaan graduan dalam tenaga buruh Negeri Johor kekal tinggi, dengan kadar penyertaan antara 89% hingga 90% sepanjang 2020 hingga 2024. Data 2024 mencatat pada 89.6% berbanding dengan 90.2% pada tahun 2023. Pada masa yang sama, kadar pengangguran mencatat 3.3% berbanding 3.2% pada tahun 2023.



Rajah 1.67: Kadar Pengangguran dan Penyertaan Tenaga Buruh Siswazah (%), 2020- 2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



Rajah 1.68: Purata gaji dan upah siswazah bekerja (RM), 2020 – 2024
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bagi pendapatan graduan yang bekerja, gaji dan upah bulanan purata menunjukkan peningkatan berterusan sejak 2020. Pada 2023, graduan di Negeri Johor memperoleh purata RM5,046 sebulan, 5.3% lebih rendah berbanding purata nasional. Jurang pendapatan berbanding purata nasional meningkat secara berperingkat. Walaupun pendapatan graduan meningkat setiap tahun, perbezaan ini mencerminkan struktur industri dan pekerjaan di Johor yang banyak tertumpu kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan pertengahan, yang menawarkan ganjaran gaji lebih rendah berbanding sektor bernilai tinggi yang dominan di kawasan tengah seperti Lembah Klang. Selain itu, kos hidup yang lebih rendah di Johor turut menyumbang kepada tahap gaji dan upah yang lebih rendah berbanding purata nasional.

1.7.9 Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah

Pendapatan isi rumah merujuk kepada jumlah pendapatan yang diperolehi oleh ahli isi rumah, sama ada dalam bentuk tunai atau aset yang diterima secara berkala. Purata pendapatan diperolehi dengan menjumlahkan semua pendapatan isi rumah dan membahagikannya dengan bilangan isi rumah.

Pendapatan isi rumah berpunca daripada empat sumber utama, iaitu pekerjaan bergaji, bekerja sendiri, pendapatan daripada harta dan pelaburan, serta pindahan semasa yang diterima. Pada tahun 2024, agihan sumber pendapatan bagi negeri Johor di kawasan bandar menunjukkan majoriti (62.7%) daripada pekerjaan bergaji, diikuti oleh bekerja sendiri (14.7%), hasil daripada harta dan pelaburan (13.0%), serta pindahan semasa (9.5%). Kawasan luar bandar juga menunjukkan corak yang sama dengan 48.8% daripada pekerjaan bergaji, diikuti bekerja sendiri (23.6%), hasil daripada harta dan pelaburan (12.6%), dan pindahan semasa (8.3%).



Rajah 1.69: Peratus Pendapatan Mengikut Sumber Utama Pendapatan dan Strata (Bandar dan Luar Bandar), Negeri Johor, 2022 dan 2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Pada tahun 2024, purata pendapatan isi rumah bulanan di Johor direkodkan sebanyak RM7,712 dengan kadar pertumbuhan tahunan terkumpul (CAGR) sebanyak 3.9% dari tahun 2022 hingga 2024. Pada peringkat daerah, Johor Bahru mencatatkan purata pendapatan isi rumah tertinggi sebanyak RM10,975 yang melebihi purata negeri. Ini diikuti oleh Kulai (RM10,296), Batu Pahat (RM9,006) dan Muar (RM8,401). Selain itu, beberapa daerah seperti Tangkak, Segamat, dan Kluang masih berada di bawah purata negeri.

Semua daerah pentadbiran mencatatkan pertumbuhan pendapatan positif antara tahun 2022 hingga 2024. Peningkatan paling ketara direkodkan di Batu Pahat (9.7%), Kulai (5.8%), dan Segamat (5.5%). Ini menunjukkan bahawa beberapa daerah mempunyai perkembangan positif berbanding dengan kawasan bandar. Dengan ini, ia mencatat sumbangan pengagihan pendapatan yang lebih seimbang di seluruh negeri Johor.



Rajah 1.70: Pendapatan Kasar Bulanan Purata Isi Rumah dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Mengikut Daerah di Negeri Johor (RM), 2022 dan 2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



Rajah 1.71: Pendapatan Kasar Bulanan Purata Isi Rumah dan Kadar Pertumbuhan Mengikut Negeri (RM), 2022 dan 2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Pada tahun 2024, purata pendapatan bagi kumpulan B40 direkodkan sebanyak RM4,465. Sementara itu, julat pendapatan bagi kumpulan M40 dan T20 masing-masing direkodkan sebanyak RM9,338 dan RM19,830.



Rajah 1.72: Pendapatan Kasar Bulanan Purata Isi Rumah Mengikut Kumpulan Isi Rumah (RM), 2024
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Satu lagi komponen penting dalam pendapatan isi rumah ialah pendapatan boleh guna, yang merujuk kepada jumlah pendapatan yang tinggal selepas ditolak bayaran pindahan semasa seperti cukai, zakat, dan caruman keselamatan sosial, serta ditambah dengan pindahan semasa yang diterima dalam bentuk tunai. Ini merupakan bahagian pendapatan yang boleh dibelanjakan atau disimpan oleh isi rumah.

Pada tahun 2024, purata pendapatan boleh guna di Johor ialah RM8,056, menunjukkan peningkatan sebanyak 5.3% berbanding RM7,251 pada tahun 2022. Secara purata, pendapatan boleh guna merangkumi 85.0% daripada jumlah pendapatan kasar isi rumah.



Rajah 1.73: Pendapatan Boleh Guna Bulanan Purata Isi Rumah (RM) dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Mengikut Strata
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

1.8 PELABURAN

1.8.1 Prestasi Pelaburan Malaysia

Pada 2024, prestasi pelaburan Malaysia mencatat perkembangan yang kukuh, menggambarkan daya tarikan negara sebagai destinasi pilihan bagi pelabur asing dan tempatan. Pelaburan Langsung Asing (FDI) mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM51.5 bilion, meningkat daripada RM38.6 bilion pada 2023, dipacu terutamanya oleh sektor perkhidmatan seperti maklumat dan komunikasi serta kewangan, selain sektor pembuatan, khususnya produk elektrik dan elektronik. Kenaikan berterusan ini mencerminkan keyakinan pelabur terhadap ekonomi negara, disokong oleh strategi nasional seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 dan Pelan Halatuju Peralihan Tenaga Negara (NETR).

Pada masa yang sama, pelaburan domestik terus menyumbang lebih separuh daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, dengan pelbagai program kerajaan membantu perniagaan tempatan berkembang, berinovasi, dan memperoleh akses kepada pembiayaan. Pelaburan Langsung Ke Luar Negara Malaysia (DIA) juga meningkat kepada RM36.4 bilion, menunjukkan syarikat tempatan semakin aktif menembusi pasaran antarabangsa. Gabungan aliran FDI yang kukuh, pelaburan domestik yang mantap, dan peningkatan DIA menonjolkan kemajuan Malaysia ke arah membina ekonomi yang kompetitif dan bersedia untuk masa depan.

Sektor pembuatan dan perkhidmatan terus menjadi tonggak pertumbuhan pelaburan Malaysia pada 2024. Sektor pembuatan mendapat manfaat daripada aliran masuk asing yang tinggi, menegaskan peranan Malaysia sebagai hab global, manakala sektor perkhidmatan menarik bahagian terbesar pelaburan yang diluluskan dan menjana peluang pekerjaan baru, khususnya dalam industri berorientasikan masa depan. Dipacu oleh dasar nasional seperti NIMP 2030 dan Polisi Pelaburan Baharu, kedua-dua sektor kini bergerak ke arah pendigitalan, pertumbuhan hijau, dan pembangunan inklusif, menandakan transformasi Malaysia menjadi ekonomi yang lebih lestari dan berdaya saing.

1.8.2 Pelaburan Di Malaysia Pada 2024

Tahun 2024 mencatat prestasi memberangsangkan bagi pelaburan di Malaysia, terutamanya pelaburan langsung asing (FDI). FDI, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DoSM), merujuk kepada pelaburan rentas sempadan oleh individu, syarikat atau entiti asing ke Malaysia dalam bentuk instrumen kewangan dengan tujuan jangka panjang dalam operasi perniagaan atau aset. Pelaburan ini biasanya melibatkan pemilikan sekurang-kurangnya 10% perniagaan tempatan. Dari segi laporan, FDI direkodkan melalui tiga komponen utama iaitu aliran (flows), kedudukan (positions), dan hasil (income).




Rajah 1.74: Prestasi FDI Malaysia: Aliran Bersih dan Pendapatan (RM Juta), 2020–2024r

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



Rajah 1.75: Aliran dan Pendapatan Sektor Perkhidmatan (RM Juta) 2020 – 2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



Rajah 1.76: Aliran dan Pendapatan Sektor Pembuatan (RM Juta) 2020 – 2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada 2024, aliran bersih FDI melonjak kepada RM51.5 bilion berbanding RM38.6 bilion pada 2023, menandakan keyakinan pelabur terhadap asas ekonomi Malaysia yang kukuh dan peluang berkembang dalam sektor utama. Pertumbuhan ini didorong oleh kedua-dua sektor perkhidmatan dan pembuatan. Sektor perkhidmatan mencatat aliran bersih RM39.4 bilion, terutamanya pelaburan dalam maklumat dan komunikasi serta kewangan dan insurans/takaful. Sementara itu, sektor pembuatan mencatat aliran bersih RM9.1 bilion, meningkat dua kali ganda berbanding RM4.5 bilion pada 2023, dipacu oleh produk elektrik dan elektronik serta produk mineral bukan logam, logam asas, dan produk logam fabrikasi.

Dari perspektif hasil, sektor pembuatan terus menjadi penyumbang utama dengan hasil (income) FDI sebanyak RM54.6 bilion, meningkat daripada RM41.8 bilion pada 2023. Sektor perkhidmatan pula mencatat RM36.0 bilion, didorong terutamanya oleh aktiviti kewangan dan insurans/takaful.

Pelaburan swasta di Malaysia turut menunjukkan trend menaik, mencerminkan keyakinan berterusan terhadap hala tuju ekonomi negara. Lonjakan ini berpunca daripada kombinasi pelaburan domestik yang meningkat dan aliran FDI yang stabil, serta daya saing Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang menarik. Persekitaran dasar yang kukuh, seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP) dan Pelan Peralihan Tenaga Negara (NETR), menyokong ekosistem pelaburan yang berdaya tahan.

Usaha kerajaan dalam menggalakkan pelaburan domestik juga memainkan peranan penting. Pelaburan domestik menyumbang 54.6% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam dekad lepas dan terus melengkap FDI pada 2024 melalui program seperti Seminar Pelaburan Domestik Nasional MIDA-FFM, MySite Selection Portal, MIDA Invest Series dan Supply Chain Programme. Platform seperti Domestic Investment Coordination Platform (DICP) menghubungkan syarikat kepada pembiayaan alternatif manakala misi khusus seperti Domestic Specific Project Missions (DSPM) mendorong pelabur tempatan untuk melabur semula dan mengembangkan perniagaan. Langkah ini mengukuhkan ekosistem industri Malaysia dan meningkatkan penyertaan tempatan dalam sektor bernilai tinggi.

Selain itu, Pelaburan Langsung ke Luar Negara (DIA) semakin penting bagi membantu syarikat tempatan menembusi pasaran antarabangsa. Pada 2024, jumlah DIA Malaysia mencapai RM36.4 bilion, tertumpu pada sektor perkhidmatan, pembuatan, dan sumber semula jadi yang mempunyai permintaan global tinggi. Sektor perkhidmatan kekal dominan dengan 74.6% daripada jumlah DIA terkumpul, diikuti perlombongan dan kuari (RM66.1 bilion) serta pertanian (RM46.4 bilion).

Dari perspektif sektor, sektor perkhidmatan mengukuhkan kedudukannya sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi Malaysia, menerima pelaburan RM252.7 bilion (66.8% daripada jumlah pelaburan diluluskan). Pelaburan ini didorong oleh kemajuan infrastruktur digital, pengkomputeran awan, rangkaian 5G dan AI. Sub-sektor maklumat dan komunikasi mencatat RM136.0 bilion, diikuti pelaburan kukuh dalam hartanah (RM64.5 bilion), logistik dan utiliti, sejajar dengan fokus negara terhadap bandar pintar, transformasi digital dan kelestarian.

Sementara itu, sektor pembuatan terus memainkan peranan strategik dalam pembangunan industri, dengan pelaburan RM120.5 bilion merangkumi 1,108 projek. Pelaburan tertumpu pada sektor berteknologi tinggi seperti peralatan pengangkutan (RM15.8 bilion) dan kimia (RM10.6 bilion), manakala sektor tradisional seperti elektrik dan elektronik, serta mesin dan peralatan mengalami penyesuaian pasaran. Peralihan ke pengeluaran berasaskan teknologi dan inovasi menekankan komitmen Malaysia terhadap pembangunan industri yang berdaya tahan.


Sektor primer (pertanian dan perlombongan) kekal relevan dalam menyokong ekonomi negara sambil menyesuaikan diri dengan tuntutan kelestarian dan industri. Penekanan terhadap pengurusan sumber yang bertanggungjawab, penggunaan tanah lestari, dan pengeluaran berasaskan nilai tambah membantu memastikan produktiviti jangka panjang serta pematuhan kepada piawaian alam sekitar dan peraturan global.

1.8.3 Pelaburan Mengikut Sektor

>> Pelaburan dalam Sektor Pembuatan

Sektor pembuatan terus menjadi tunjang utama ekonomi Malaysia pada 2024, disokong oleh rantai bekalan domestik yang kukuh, ekosistem industri yang matang, serta inisiatif kerajaan yang disasarkan untuk merangsang pertumbuhan. Pelaburan asing kekal sebagai pemacu utama pelaburan keseluruhan, mencatat RM88.9 bilion atau 73.8% daripada jumlah pelaburan, manakala pelaburan domestik mencatat RM31.6 bilion (26.2%). Aliran masuk modal asing yang kukuh ini menonjolkan daya tarikan Malaysia sebagai hab pembuatan global.

Peningkatan ketara dilihat dalam sektor-sektor yang sejajar dengan industri masa depan. Industri Elektrik dan Elektronik (E&E) mencatat pelaburan terbesar sebanyak RM55.8 bilion (46.3%), diikuti peralatan pengangkutan (RM15.8 bilion), kimia dan produk kimia serta mesin dan peralatan (RM10.6 bilion setiap satu), dan pembuatan makanan (RM6.1 bilion). Perkembangan ini menunjukkan penumpuan Malaysia terhadap sektor berteknologi tinggi dan industri yang bersedia untuk menghadapi cabaran masa hadapan, sambil terus memperkukuh asas ekonomi pembuatan negara.



Rajah 1.77: Pelaburan Ke Dalam Sektor Pembuatan Malaysia Mengikut Sumber (RM bil), 2024

Sumber: MDA

>> Pelaburan dalam Sektor Primer

Pada 2024, sektor primer Malaysia mencatat pelaburan yang diluluskan berjumlah RM5.3 bilion, mewakili 1.4% daripada jumlah kelulusan pelaburan merentasi 67 projek, dengan potensi mewujudkan 463 pekerjaan baharu. Pelaburan ini didorong terutamanya oleh sektor perlombongan (RM4.5 bilion), diikuti pertanian (RM766.8 juta) serta perladangan dan komoditi (RM71.6 juta).

Malaysia terus memantapkan kedudukannya sebagai pemain bertanggungjawab dalam pasaran sumber global dengan menggalakkan amalan pertanian mesra alam, perlombongan lestari, dan pengeluaran komoditi yang beretika. Pendekatan ini mencerminkan peralihan nasional yang lebih luas untuk mengimbangi pertumbuhan ekonomi dengan tanggungjawab alam sekitar. Sektor seperti minyak sawit, getah, dan kayu kekal memainkan peranan penting dalam eksport negara dan penyediaan pekerjaan di kawasan luar bandar.

>> Pelaburan dalam Sektor Perkhidmatan

Ditetapkan di bawah Dasar Pelaburan Baharu (NIP) 2022–2027 dan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP 2030), kerajaan melaksanakan reformasi untuk mengukuhkan ekosistem pelaburan dengan penekanan kepada pendigitalan, pertumbuhan hijau, dan pembangunan ekonomi inklusif. Seiring peralihan ini, sektor perkhidmatan menonjol sebagai pemacu inovasi dan ketahanan ekonomi. Pembangunan dinamik, kerjasama strategik, dan reformasi bersasar menempatkan sektor ini sebagai tonggak dalam menyokong aspirasi negara ke arah pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan lestari.

Pada 2024, sektor perkhidmatan terus menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia, dengan pelaburan yang diluluskan mencapai RM252.7 bilion (86.8% daripada jumlah pelaburan). Pelaburan ini dijangka mewujudkan 119,083 peluang pekerjaan baharu, menegaskan peranan penting sektor perkhidmatan dalam pembangunan nasional dan penciptaan pekerjaan.

1.8.4 Pelaburan di Negeri Johor pada 2024

Pada 2024, Johor terus mengukuhkan kedudukannya sebagai salah satu destinasi pelaburan utama di Malaysia, khususnya dalam sektor pembuatan. Nilai pelaburan dalam sektor ini mencatat RM14.21 bilion, mencerminkan ekosistem perindustrian negeri yang kukuh, kedudukan strategik, dan infrastruktur yang berkembang. Sektor pembuatan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan pelaburan, menyumbang sebahagian besar daripada projek yang diluluskan, disokong oleh aliran masuk modal domestik dan asing.

Walaupun jumlah pelaburan pada 2024 kekal tinggi, pelaburan mencatat sedikit penurunan berbanding RM14.6 bilion pada 2023. Pelaburan domestik menurun kepada RM5.05 bilion (2023: RM5.18 bilion), manakala pelaburan asing berkurang kepada RM9.17 bilion (2023: RM9.43 bilion). Penurunan ini dipercayai berpunca daripada beberapa faktor berkait rapat, termasuk prestasi luar biasa pada 2023 yang mewujudkan asas perbandingan tinggi, menjadikan angka 2024 kelihatan lebih rendah secara relatif.



Rajah 1.78: Nilai Pelaburan (RM Juta) ke Dalam Sektor Pembuatan Negeri Johor, 2020 – 2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, MDA

Di seluruh negeri Johor, Johor Bahru mencatat peningkatan pelaburan pembuatan sebanyak 11% berbanding tahun sebelumnya. Taman perindustrian utama di Johor Bahru seperti Pasir Gudang dan Tanjung Langsat terus menyokong industri pembuatan elektronik, pemprosesan makanan, kimia dan logistik. Selain itu, rancangan pengembangan untuk industri berkaitan tenaga di Pengerang turut menyumbang kepada persekitaran pelaburan yang sihat.

Tangkak menunjukkan peningkatan cemerlang dengan 109.8% berbanding pelaburan dalam sektor pembuatan, manakala Muar mencatatkan 69.7% peningkatan berbanding pada tahun 2023. Beberapa taman perindustrian dan kawasan perniagaan di daerah Tangkak termasuk Taman Perindustrian Tiara, Taman Perindustrian Tanjung Agas, dan beberapa zon perindustrian yang dikhususkan bagi aktiviti pembuatan dan perniagaan. Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan sejumlah RM2.7 juta bagi pelaksanaan 60 projek dan program dalam kawasan Muar termasuk projek naik taraf dan baik pulih pelbagai infrastruktur serta projek Mesra Rakyat yang membantu perkembangan sektor pembuatan⁷⁴.

Kluang menyaksikan kenaikan 55% aktiviti pelaburan berikutan potensi yang dimilikinya dalam sektor pembuatan tempatan. Pada Jun 2024, projek loji kuasa biogas bersaiz 1.2 megawatt (MW) dipersetujui untuk dibangunkan di Kluang⁷⁵.




Rajah 1.79: Nilai Pelaburan Di Sektor Pembuatan Negeri Johor Mengikut Daerah (RM '000)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, MDA

⁷⁴ Free Malaysia Today (2024). RM2.7 juta dilulus untuk projek di Muar tahun ini, kata TPM
⁷⁵ Utusan Malaysia (2024). Jun 2024, projek loji kuasa biogas bersaiz 1.2 megawatt (MW) dipersetujui untuk dibangunkan di Kluang.

Penyertaan pelabur asing terus memainkan peranan penting dalam mengekalkan momentum sektor pembuatan negeri Johor. Tiga negara utama yang menyumbang pelaburan adalah China, Amerika Syarikat, dan Singapura, menunjukkan daya tarikan Johor sebagai hab serantau. Sumbangan pelabur ini jelas terlihat dalam projek pembuatan bernilai tinggi, terutamanya dalam sektor canggih seperti elektronik, kimia, dan mesin. Singapura kekal sebagai pelabur asing terbesar di Johor didorong oleh hubungan geografi dan ekonomi yang rapat antara kedua-dua wilayah. Kedudukan yang bersebelahan menjadikan Johor pilihan semula jadi bagi syarikat Singapura untuk memperluas operasi perniagaan mereka. Selain itu, kos tanah, buruh dan operasi yang lebih rendah turut memberikan Johor kelebihan daya saing yang ketara. Faktor ini dilengkapi dengan ekosistem perindustrian dan logistik yang kukuh, yang mengukuhkan lagi peranan Johor sebagai hab pembuatan dan pelaburan strategik di rantau ini.

China kekal sebagai pelabur utama di Johor, berikutan kepentingan strategiknya untuk mengembangkan rantaian bekalan dan memperoleh tapak operasi di Asia Tenggara. Industri niche negeri Johor, seperti kimia, elektronik dan elektrik, serta mesin, menjadi tarikan utama bagi pelabur China untuk memperluas operasi melalui taman perindustrian dan hab logistik di luar pasaran domestik mereka. Sementara itu, Amerika Syarikat, sebagai pelabur ketiga terbesar, membuat pelaburan oleh kerana kekuatan Johor dalam sektor pembuatan bernilai tinggi serta kesesuaian negeri ini dengan strategi pengembangan rantaian bekalan global. Selain itu, ketersediaan tenaga kerja mahir dan lokasinya dengan ekosistem penyelidikan dan pembangunan di Singapura menjadikan Johor destinasi pilihan bagi syarikat-syarikat Amerika.



Rajah 1.80: Projek Perkilangan Yang Diluluskan Mengikut 3 Penyertaan Asing Utama, 2020– 2024 (RM Juta)
 Sumber: MIDA

Dari perspektif industri, sektor kimia dan produk kimia, pembuatan mesin, serta elektrik dan elektronik terus menjadi tiga sektor utama yang menarik pelaburan di negeri Johor. Sektor kimia mencatat jumlah pelaburan tertinggi sebanyak RM3,049.7 juta, diikuti sektor elektrik dan elektronik dengan RM1,909.6 juta, dan mesin dan peralatan pada RM1,549.7 juta. Aliran pelaburan ini didorong oleh dasar nasional seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP 2030) yang menyokong penubuhan fasiliti serta mempermudah proses pelaburan.

Sektor kimia terus menarik pelaburan berikutan pembangunan Pengerang Integrated Petrochemical Complex (IPC) dan industri hiliran berkaitan, yang memainkan peranan penting dalam membekalkan input untuk sektor pembuatan, farmaseutikal, dan plastik. Sementara itu, sektor elektrik dan elektronik kekal sebagai penyumbang utama dalam subsektor pembuatan Johor, sejajar dengan permintaan tinggi yang didorong oleh pusat data global, kemajuan teknologi digital, dan teknologi tenaga boleh diperbaharui. Subsektor mesin dan peralatan pula menyokong automasi, kejuruteraan kepersisian, dan sektor pembuatan berteknologi tinggi lain, dengan pelaburan yang didorong oleh penerapan Industri 4.0 serta penubuhan taman perindustrian dan hab teknologi yang semakin berkembang.



Rajah 1.81 Jumlah Pelaburan bagi Industri-Industri Terpilih Negeri Johor (RM Juta), 2020-2024
Sumber: MIDA

1.9 PERDAGANGAN (EKSPORT DAN IMPORT)⁷⁶

1.9.1 Prestasi Perdagangan Malaysia

Pada 2024, Malaysia mencatat lebih dagangan sebanyak RM136.88 bilion, mencerminkan daya tahan sektor luaran negara walaupun wujud ketidakpastian ekonomi global. Eksport negara berjumlah RM1.51 trilion, dengan produk elektrik dan elektronik (E&E) terus mendominasi sebagai penyumbang terbesar eksport pembuatan. Import pula mencapai RM1.37 trilion, mencerminkan permintaan domestik yang stabil terhadap barangan pertengahan, peralatan modal, dan bahan mentah.

Produk eksport utama Malaysia termasuk elektrik dan elektronik (E&E), petroleum ditapis, minyak sawit serta produk berasaskan sawit, gas asli cecair (LNG), dan produk kimia, yang kesemuanya menyumbang secara signifikan kepada pendapatan eksport negara. Dalam masa yang sama, sektor perkhidmatan turut mencatat pertumbuhan eksport yang ketara, khususnya dalam pelancongan, perkhidmatan pemiagaan lain termasuk perundingan profesional dan teknikal, serta pengangkutan. Destinasi eksport utama bagi 2024 ialah Singapura, Amerika Syarikat, dan China, yang kesemuanya mencatat pertumbuhan eksport positif dan seterusnya terus menyokong lebih dagangan Malaysia.

⁷⁶ Jabatan Perangkaan Malaysia (2025). Perdagangan Luar Negeri Malaysia 2024.


Bagi negeri Johor pula, eksport keseluruhan pada 2024 meningkat kepada RM306.5 bilion dan melonjak 5.7% berbanding 2023. Pertumbuhan ini didorong oleh prestasi kukuh produk E&E lain, minyak sawit, dan oleokimia. Sementara itu, import negeri Johor juga meningkat ke RM315.2 bilion bersamaan 16.1%, dipacu oleh keluaran produk petroleum bertapis, petroleum mentah dan komponen E&E. Keluaran petroleum bertapis terus menjadi eksport dan import utama negeri Johor, mengekalkan kedudukan sebagai penyumbang terbesar kepada imbalan dagangan negeri sejak tahun sebelumnya. Negeri Johor mengekalkan lebih dagangan walaupun margin sedikit mengecil akibat pertumbuhan import yang lebih tinggi. Singapura kekal sebagai rakan dagangan terbesar negeri Johor, sekali gus menekankan kelebihan strategik negeri dalam perdagangan rentas sempadan. Tambahan pula, peningkatan perdagangan dengan Amerika Syarikat, Indonesia, dan China terus mengukuhkan negeri Johor sebagai pemacu utama koridor ekonomi selatan Malaysia.

1.9.2 Perdagangan Malaysia 2024⁷⁷

Malaysia mencatatkan prestasi perdagangan yang semakin baik pada 2024, dengan peningkatan pada keseluruhan perdagangan, eksport, dan import. Jumlah perdagangan meningkat sebanyak 9.2% tahun-ke-tahun, mencecah RM2.879 trilion, sekaligus melepasi paras RM2 trilion buat pertama kali dalam tempoh empat tahun. Prestasi ini menandakan ketahanan sektor luaran Malaysia walaupun berdepan dengan ketidakpastian ekonomi global. Selepas prestasi perdagangan yang perlahan pada 2023 akibat ketegangan geopolitik, inflasi tinggi, dan harga komoditi yang lebih rendah, perdagangan global pada 2024 menunjukkan pemulihan yang stabil.

Eksport negara meningkat 5.7% kepada RM1.508 trilion, sekali lagi melepasi paras RM1 trilion setelah empat tahun berturut-turut. Peningkatan ini didorong oleh kenaikan eksport ke beberapa destinasi utama seperti India, Pakistan, dan China, serta strategi pemelbagaian produk yang diterapkan di beberapa pasaran. Nilai eksport yang dicapai pada 2024 mewakili 87.2% daripada sasaran eksport 2025 di bawah Semakan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12, menunjukkan Malaysia berada di landasan yang baik untuk mencapai sasaran perdagangan nasional.

Sementara itu, import meningkat 13.2% kepada RM1.371 trilion, turut melepasi paras RM1 trilion. Kenaikan import yang lebih tinggi berbanding eksport menyebabkan lebihan dagangan merosot kepada RM136.88 bilion, berbanding RM214.1 bilion pada 2023.



Rajah 1.82: Perdagangan Malaysia (RM Juta), 2020 – 2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari segi rakan dagangan, Malaysia kekal sebagai rakan utama ASEAN, China, Amerika Syarikat, EU, dan Taiwan, yang menyumbang 58.4% daripada keseluruhan perdagangan negara. Eksport ke Singapura terus meningkat kepada RM230.9 bilion atau 15.3% daripada jumlah eksport, manakala Amerika Syarikat mencatat RM198.6 bilion (13.2%) dan China RM187.7 bilion (12.4%). Perubahan ini berlaku berbanding 2023, apabila China menduduki tempat kedua diikuti Amerika Syarikat di tangga ketiga.

Eksport ke Singapura naik 5.3% berbanding 2023, disokong oleh permintaan kukuh bagi produk E&E. Sementara itu, eksport ke Amerika Syarikat meningkat kepada RM198.6 bilion (2023: RM161.3 bilion), dipercayai dipacu oleh ketegangan perdagangan antara AS dan China yang memberikan kelebihan kepada barangan dan perkhidmatan Malaysia. Produk utama eksport ke AS termasuk E&E, mesin dan peralatan serta getah, manakala import dari AS meningkat 42.1% kepada RM126.26 bilion, merangkumi produk E&E, mesin, peralatan dan bahan kimia.

China terus menjadi rakan dagangan terbesar Malaysia untuk tahun ke-16 berturut-turut, dengan jumlah perdagangan meningkat 7.6% kepada RM484.12 bilion, menyumbang 16.8% daripada keseluruhan perdagangan. Walau bagaimanapun, eksport ke China menurun 2.2% kepada RM187.7 bilion akibat permintaan yang lemah bagi produk E&E, skrap logam, dan bijih metaliferus.

Perdagangan dengan EU juga mencatat pemulihan pada 2024, dengan jumlah perdagangan meningkat kepada RM218.85 bilion atau 7.6% daripada perdagangan keseluruhan. Eksport utama yang meningkat termasuk minyak sawit dan produk berasaskan sawit, getah, serta makanan terproses. Antara negara EU, Jerman mencatat peningkatan 5.7% kepada RM32.32 bilion (didorong oleh E&E), Itali naik 7.0% kepada RM6.71 bilion (logam terproses), Sepanyol meningkat 12.0% kepada RM6.33 bilion (minyak sawit), manakala Poland dan Hungary masing-masing meningkat 19.1% dan 52.9%. Import dari EU juga meningkat kepada RM103.07 bilion (+9.8%) dengan produk utama seperti E&E, mesin, peralatan dan bahan kimia.



Rajah 1.83: Destinasi Perdagangan Eksport Malaysia (RM Bilion), 2024
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Produk eksport utama Malaysia kekal elektrik dan elektronik (39.9% daripada jumlah eksport), diikuti minyak sawit dan produk berasaskan sawit (+12%). Pertumbuhan ini didorong oleh kenaikan harga purata unit dan volum eksport. Walaupun masih dalam top tiga, eksport petroleum ditapis menurun 12.2%, merosot RM16.3 bilion daripada tahun sebelumnya.

Strategi pemelbagaian pasaran membolehkan Malaysia menembusi pasaran baru, termasuk Bangladesh, Kenya, Costa Rica, Egypt, Nigeria, Algeria, Togo, Angola, dan Oman. Pasaran ini meningkatkan eksport minyak sawit dan produk pertanian berasaskan sawit. Costa Rica, Oman, Ethiopia, dan Libya turut mencatat permintaan tinggi bagi produk E&E Malaysia, manakala Namibia dan Angola meningkatkan eksport petroleum, dan Nigeria menyaksikan peningkatan eksport mesin, peralatan, dan komponen lain.

Malaysia terus mengimport produk E&E yang menyumbang satu pertiga daripada jumlah import, meningkat kepada RM455.8 bilion (33.3%) berbanding RM355.9 bilion tahun sebelumnya. Import petroleum ditapis menurun RM8.8 bilion, manakala import petroleum mentah meningkat RM2.2 bilion (+3.6%) sejajar dengan pertumbuhan volume import (+5.5%).

Sektor E&E Malaysia kekal sebahagian daripada rangkaian pengeluaran global, di mana komponen seperti cip dan mikropengawal yang tidak dihasilkan di dalam negara diimport dari Jepun, China, Taiwan, Korea Selatan, dan AS, sebelum dirakit dan diuji di Malaysia sebagai produk siap. Bagi petroleum mentah, Malaysia mengimport minyak berat dari Arab Saudi, UAE, AS, Qatar, dan Gabon untuk memenuhi spesifikasi kilang penapisan.



Rajah 1.84: Produk Eksport Utama (RM Bil), 2024
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



Rajah 1.85: Produk Import Utama (RM Bil), 2024
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

1.9.3 Perdagangan Mengikut Sektor

>> Perdagangan Sektor Pembuatan

Pada 2024, sektor pembuatan terus menjadi penyumbang utama kepada eksport Malaysia, menyumbang 85.4% daripada jumlah nilai eksport. Produk utama yang mendorong pertumbuhan ini termasuk produk elektrik dan elektronik (E&E) sebanyak RM26.1 bilion, meningkat 4.5% berbanding tahun sebelumnya. Produk pembuatan lain turut mencatat lonjakan ketara sebanyak RM15.4 bilion atau +34.2%, manakala mesin, peralatan dan komponen meningkat 20.5% kepada RM11.8 bilion. Sektor lain seperti pembuatan logam, makanan terproses, produk getah, serta peralatan optik dan saintifik juga menyumbang secara signifikan, masing-masing bernilai RM5.2 bilion, RM5.1 bilion, RM5.0 bilion dan RM4.6 bilion.

Seiring dengan peningkatan eksport, import barangan pembuatan turut mencatat kenaikan. Produk E&E, mesin, peralatan dan komponen, peralatan pengangkutan, serta pembuatan logam dan besi dan keluli menunjukkan pertumbuhan yang menonjol. Secara keseluruhan, barangan pembuatan menyumbang 84.1% daripada jumlah import, meningkat 13.6% daripada RM1,014.1 bilion pada 2023. Import E&E meningkat sebanyak RM99.9 bilion (+28.1%), diikuti oleh mesin, peralatan dan komponen pada RM24.4 bilion (+27.4%), manakala pembuatan logam meningkat kepada RM6.2 bilion (+9.6%).

>> Perdagangan Sektor Utama

Sektor pertanian menunjukkan pemulihan kukuh pada 2024, meningkat 11.6% selepas mengalami penurunan mendadak 21.6% pada 2023. Pemulihan ini didorong oleh kenaikan eksport minyak sawit dan produk pertanian berasaskan sawit sebanyak RM8.5 bilion (+11.9%), selain peningkatan eksport barangan pertanian lain RM2.0 bilion (+19.9%) dan getah asli RM788.9 million (+21.2%). Pertumbuhan ini mencerminkan permintaan global yang meningkat, terutamanya dari pasaran utama seperti India dan China, selain harga komoditi yang stabil dan pemulihan rantai bekalan selepas gangguan pasca-pandemik serta ketidaktentuan cuaca pada tahun sebelumnya.

Import produk pertanian pula, yang mewakili 5.8% daripada jumlah import, meningkat 19.0% daripada RM66.5 bilion pada 2023 kepada RM79.2 bilion. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh import barangan pertanian lain RM11.6 bilion (+25.9%) dan minyak sayuran +RM2.1 bilion (+65.8%). Lonjakan import ini dipercayai berkait dengan kekangan pengeluaran pertanian tempatan, permintaan pemprosesan makanan yang meningkat, serta peranan Malaysia sebagai pengeksport semula barangan terproses di rantau ini.

Sebaliknya, eksport produk perlombongan, yang menyumbang 6.9% daripada jumlah eksport, mencatat penurunan 2.1% daripada RM106.1 bilion pada 2023 kepada RM103.9 bilion pada 2024. Penurunan ini terutama disebabkan oleh eksport petroleum mentah yang merosot RM2.5 bilion atau 9.1%, akibat permintaan tenaga global yang lemah, turun naik harga minyak, serta peralihan ke sumber tenaga boleh diperbaharui oleh rakan dagangan utama.

Import produk perlombongan pula meningkat kepada RM115.5 bilion (+2.2%) dan menyumbang 8.4% daripada jumlah import. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan ketara import gas asli cecair (LNG), yang melonjak 43.0% atau RM3.0 bilion kepada RM10.0 bilion. Lonjakan ini mencerminkan permintaan tenaga domestik yang meningkat daripada sektor industri dan penjana kuasa, selari dengan aktiviti ekonomi yang lebih rancak dan pengeluaran tempatan yang berkurangan.




Rajah 1.86: Jumlah Eksport Mengikut Sektor, 2022-2024 (RM Juta)
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Secara keseluruhan, eksport barangan pembuatan mencatat peningkatan relatif sebanyak 6.0% berbanding tahun sebelumnya, menegaskan dominasi sektor ini serta menonjolkan penekanan strategik negara terhadap perindustrian dan integrasinya dalam rantaian bekalan global.

Sementara itu, eksport pertanian menunjukkan pemulihan yang ketara pada 2024, meningkat 11.6% selepas penurunan mendadak tahun sebelumnya. Pemulihan ini didorong terutamanya oleh peningkatan eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit, yang terus menjadi penyumbang utama kepada prestasi sektor pertanian.

Sebaliknya, sektor perlombongan menghadapi cabaran, dengan eksport mencatat penurunan sebanyak 2.1%. Kejatuhan ini disebabkan terutamanya oleh pengurangan eksport petroleum mentah, sejajar dengan trend global permintaan bahan bakar fosil yang menurun serta ketidakpastian harga, yang turut menjejaskan hasil Malaysia daripada sektor ini.



Rajah 1.87: Pertumbuhan Eksport Mengikut Sektor, 2020-2024 (RM Juta)
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


>> Perdagangan Sektor Perkhidmatan

Perdagangan sektor perkhidmatan di Malaysia mencatat prestasi memberangsangkan pada 2024, dengan jumlah dagangan berjumlah RM497.4 bilion, menyumbang 25.8% kepada KDNK negara. Ini mewakili peningkatan 14.9% berbanding RM434.0 bilion yang dicatat pada 2023. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh eksport perkhidmatan dalam komponen utama seperti pelancongan, perkhidmatan perniagaan lain, dan pengangkutan. Selain itu, perkhidmatan eksport penting lain termasuk perkhidmatan pembuatan serta perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat.

Import perkhidmatan turut meningkat sebanyak 6.5% kepada RM254.5 bilion berbanding RM239.0 bilion pada tahun sebelumnya. Import didorong oleh sektor pelancongan, pengangkutan, serta telekomunikasi, komputer dan maklumat. Sejak 2019, perdagangan perkhidmatan Malaysia mencatat defisit, dengan defisit terbesar direkodkan pada 2021 akibat gangguan pandemik. Walau bagaimanapun, defisit telah menunjukkan penurunan berterusan, dengan 2024 mencatat RM11.7 bilion, berbanding RM44.0 bilion pada 2023.


Dalam komponen eksport, pelancongan mencatat nilai terbesar sebanyak RM95.3 bilion atau 39.2%, diikuti perkhidmatan perniagaan lain RM42.6 bilion (17.6%) dan pengangkutan RM34.6 bilion (14.3%). Bagi import, pengangkutan menyumbang nilai tertinggi RM64.8 bilion (25.5%), diikuti pelancongan RM57.9 bilion (22.8%) dan perkhidmatan perniagaan lain RM55.0 bilion (21.6%). Dalam sub-komponen perkhidmatan perniagaan lain, eksport tertinggi dicatat oleh perkhidmatan perundingan profesional dan pengurusan sebanyak RM20.7 bilion, manakala import tertinggi didominasi oleh perkhidmatan teknikal, berkaitan perdagangan dan lain-lain pada RM24.9 bilion.

Perkembangan ini menunjukkan Malaysia mempunyai kelebihan daya saing dalam kepakaran profesional dan pengurusan, yang dipacu oleh sektor perundingan korporat, kejuruteraan, dan pengurusan projek dalam industri terpilih. Namun, pergantungan terhadap sesetengah perkhidmatan import menandakan kekurangan kepakaran dalam bidang khusus atau teknikal yang melibatkan teknologi maju.



Rajah 1.88: Jumlah Eksport dan Import Perkhidmatan, 2020-2024 (RM Bil)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



Rajah 1.89: Pertumbuhan Eksport and Import, 2020-2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bagi perdagangan perkhidmatan mengikut rantau, Asia kekal sebagai destinasi utama eksport perkhidmatan Malaysia pada 2024, dengan jumlah sebanyak RM164.0 bilion atau 67.5% daripada keseluruhan eksport. Komponen utama yang mendorong eksport ke Asia ialah pelancongan, pengangkutan, dan perkhidmatan perniagaan lain. Rantau Amerika pula mencatat eksport sebanyak RM39.3 bilion (16.2%), diikuti Eropah dengan RM28.7 bilion (11.7%). Dari segi import, Asia, Amerika dan Eropah juga menyumbang nilai terbesar masing-masing sebanyak RM149.0 bilion (58.6%), RM60.3 bilion (23.7%), dan RM40.1 bilion (15.8%). Keadaan ini menunjukkan bahawa Asia berperanan sebagai pengguna dan penyedia perkhidmatan yang penting, manakala Malaysia sebagai negara perdagangan berada pada kedudukan strategik untuk integrasi serantau.

Seperti dalam statistik perdagangan barangan, Singapura muncul sebagai destinasi utama eksport perkhidmatan Malaysia pada 2024, dengan jumlah RM58.5 bilion (24.1%), terutamanya bagi komponen pelancongan, perkhidmatan perniagaan lain, dan pengangkutan. Hal ini mencerminkan permintaan yang semakin meningkat daripada rakyat Singapura terhadap sektor pelancongan dan perniagaan di Malaysia, yang dipacu oleh kelebihan kadar pertukaran dan peningkatan sambungan melalui negeri Johor. Amerika Syarikat berada di tempat kedua dengan eksport sebanyak RM37.3 bilion, terutamanya dalam perkhidmatan pembuatan, perkhidmatan perniagaan lain, dan pengangkutan, menunjukkan peranan Malaysia dalam menyediakan perkhidmatan bernilai tambah dalam kejuruteraan tepat dan elektronik.

Bagi import perkhidmatan, Amerika Syarikat merupakan sumber terbesar dengan jumlah RM58.6 bilion, termasuk perkhidmatan perniagaan lain, pelancongan dan pengangkutan. Singapura berada di kedudukan kedua dengan RM54.5 bilion, disokong oleh pelancongan, pengangkutan, serta perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat. Data ini membuktikan bahawa Malaysia terus bergantung kepada perkhidmatan global dan serantau, terutamanya dalam bidang perkhidmatan maju yang memerlukan kepakaran tinggi.

1.9.4 Perdagangan di Negeri Johor pada 2024⁷⁸

Pada 2024, jumlah perdagangan Malaysia mencapai RM2.9 trilion, meningkat 9.1% berbanding tahun sebelumnya (2023: RM2.6 trilion), selari dengan peningkatan aktiviti eksport di beberapa negeri. Pulau Pinang mencatat lonjakan paling tinggi sebanyak RM47.5 bilion, diikuti oleh Johor dengan RM16.4 bilion dan Selangor sebanyak RM13.0 bilion. Justeru, Johor menjadi negeri pengeksport kedua terbesar, menyumbang 20.3% daripada jumlah eksport negara, di belakang Pulau Pinang (32.8%) dan diikuti Selangor (17.6%). Dari segi import pula, Johor merekodkan RM43.6 bilion atau 16.1% daripada keseluruhan import Malaysia.

Eksport negeri Johor meningkat 5.7% kepada RM306.5 bilion pada 2024, berbanding tahun sebelumnya, dengan produk petroleum ditapis kekal sebagai komoditi utama bernilai RM80.7 bilion (2023: RM83.6 bilion). Sementara itu, import negeri Johor turut mencatat pertumbuhan sebanyak 16.1% kepada RM315.2 bilion, di mana produk petroleum ditapis juga menjadi import terbesar negeri, berjumlah RM77.6 bilion (2023: RM79.3 bilion).

Singapura terus menjadi destinasi eksport utama Johor, menyumbang 29.4% daripada jumlah eksport negeri dengan nilai meningkat 7.8% kepada RM90.17 bilion, mencerminkan kekuatan perdagangan rentas sempadan terutama dalam produk petroleum ditapis dan elektronik dan elektrik (E&E). Negara jiran ini juga kekal sebagai sumber import terbesar, menyumbang 19.0% daripada jumlah import Johor, meningkat 19.3% kepada RM60.0 bilion. Selain Singapura, Amerika Syarikat merupakan pasaran eksport kedua terbesar dengan peningkatan 11.1% kepada RM29.17 bilion (9.5%), manakala China, Arab Saudi, dan Indonesia juga kekal sebagai rakan dagang penting. Import daripada China meningkat 2.0% kepada RM50.13 bilion, terutamanya bagi barangan mesin, komponen elektronik, dan barangan perantara bagi menyokong sektor pembuatan Johor. Sebaliknya, import petroleum mentah daripada Arab Saudi mencatat penurunan 10.6% manakala import daripada Indonesia meningkat 2.4% kepada RM16.14 bilion seiring dengan perkembangan sektor pertanian negeri.




Rajah I.90: Perdagangan Negeri Johor (RM Juta), 2020-2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

⁷⁸ Jabatan Perangkaan Malaysia (2025). Statistik Perdagangan Malaysia Mengikut Negeri: Johor 2025

Sementara itu, eksport ke Indonesia turut mencatat pertumbuhan tahunan yang kukuh sebanyak 11.8% kepada RM26.72 bilion (8.7% daripada jumlah eksport), disokong oleh perdagangan serantau yang mantap serta aliran komoditi. China merekodkan peningkatan eksport sebanyak 12.4% kepada RM18.60 bilion (6.1% daripada jumlah eksport), menunjukkan integrasi yang lebih mendalam dengan rantai bekalan China, khususnya dalam sektor E&E dan oleokimia. Sebaliknya, eksport ke Australia mencatat penurunan sedikit sebanyak 0.3% kepada RM15.62 bilion (5.1% daripada jumlah eksport), kemungkinan disebabkan oleh permintaan yang berkurangan dalam beberapa sektor atau kesan asas tahun sebelumnya.



Rajah 1.91: Jumlah (RM Juta) dan Peratus Sumbangan Lima Destinasi Eksport Tertinggi Johor, 2024
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada 2024, produk petroleum ditapis kekal sebagai eksport utama negeri Johor dengan nilai RM80.72 bilion, meskipun menurun 3.4% berikutan permintaan global yang lebih lemah dan margin penapisan yang mengecil. Dalam masa sama, eksport produk elektronik dan elektrik (E&E) lain meningkat dengan kukuh sebanyak 39.0% kepada RM30.17 bilion, menandakan pertumbuhan negeri Johor sebagai hab utama bagi pemasangan hiliran E&E serta aktiviti eksport semula (*re-export*). Eksport litar bersepadu elektronik pula menyusut sedikit sebanyak 1.9% kepada RM27.48 bilion, kemungkinan disebabkan pasaran yang tepu serta penyesuaian inventori dalam industri teknologi global.

Sektor berasaskan pertanian turut menunjukkan prestasi positif, dengan eksport minyak sawit meningkat 2.0% kepada RM11.66 bilion, disokong oleh permintaan yang mantap di pasaran utama. Oleokimia berasaskan sawit, sebagai produk hiliran bernilai tambah, mencatat kenaikan 8.5% kepada RM7.99 bilion, mencerminkan kekuatan Johor dalam pengilangan agro bernilai tinggi dan permintaan global terhadap bahan kimia lestari.


Bagi import, Johor terus didominasi oleh produk petroleum ditapis dengan nilai RM77.59 bilion, sedikit menurun 2.1% kerana turun naik harga dan pengurangan permintaan penapisan domestik. Import petroleum mentah pula mencatat peningkatan sederhana sebanyak 0.6% kepada RM38.19 bilion, menunjukkan bekalan hulu yang stabil untuk aktiviti penapisan negeri ini.

Segmen E&E mencatat pertumbuhan yang menonjol menegaskan peranan Johor dalam rantai bekalan elektronik bersepadu Malaysia. Import produk E&E lain melonjak 184.7% kepada RM26.85 bilion, didorong oleh permintaan bagi komponen yang digunakan dalam pembuatan canggih, automasi, dan sistem tenaga boleh diperbaharui. Litar bersepadu elektronik meningkat 8.8% kepada RM25.78 bilion, manakala alat elektrik dan bahagian meningkat 10.2% kepada RM5.44 bilion, mencerminkan aktiviti industri yang pesat serta pelaburan berterusan dalam sektor berteknologi tinggi.



Rajah 1.92: Lima Eksport Utama Tertinggi Johor, 2024 (RM Juta)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



Rajah 1.93: Lima Import Utama Tertinggi Johor, 2023 (RM Juta)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



BAB 2

SEKTOR UTAMA DAN SEKTOR INDUSTRI NEGERI JOHOR PADA TAHUN 2024

PENGENALAN

Bab ini membentangkan analisis terperinci mengenai prestasi sektor ekonomi dan perindustrian Johor pada tahun 2024 dengan memberi tumpuan kepada keluaran setiap sektor ekonomi secara lebih mendalam sebagai kesinambungan daripada analisis keseluruhan ekonomi global, Malaysia dan negeri Johor pada Bab 1. Analisis ini berasaskan kepada data sekunder yang diperolehi terutamanya daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Bank Negara Malaysia (BNM), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) serta jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Johor.

Prestasi keluaran merentasi kebanyakan sektor ekonomi di Johor secara umumnya mencerminkan trend ekonomi negara yang telah disokong oleh permintaan domestik yang lebih kukuh dan pasaran buruh yang lebih berdaya tahan. Trend ini jelas dilihat dalam tahap pengeluaran dan sumbangan nilai tambah beberapa sektor utama di Johor yang menunjukkan pertumbuhan pada tahun 2024. Johor muncul selaku negeri dengan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) tertinggi di Malaysia pada 2024 iaitu 6.4% mengatasi purata pertumbuhan KDNK Malaysia 5.1%. Nilai KDNK Johor telah mencecah RM158.0 bilion pada 2024 disumbang oleh kedudukan Johor sebagai lokasi perdagangan yang strategik, mempunyai jaringan infrastruktur yang moden, pelabuhan bertaraf antarabangsa serta kawasan perindustrian luas dan berdaya saing. Pertumbuhan ekonomi Johor yang luar biasa dan amat memberangsangkan ini dipacu oleh sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan termasuklah pelaburan berskala besar pusat data. Peningkatan KDNK Johor yang mendadak iaitu 6.4% pada 2024 berbanding 4.1% pada 2023 jelas mencerminkan prestasi cemerlang Johor sebagai pemacu utama ekonomi Malaysia yang konsisten.

2.1 PERTUMBUHAN SEKTOR UTAMA DAN SEKTOR PERINDUSTRIAN DI NEGERI JOHOR PADA TAHUN 2024

Di negeri Johor, sektor utama merangkumi sektor pertanian, perlombongan dan pengkuarian, manakala sektor perindustrian merangkumi sektor pembuatan dan pembinaan. Seperti yang dilaporkan oleh DOSM dalam Jadual 21 di bawah, laporan ini membandingkan KDNK, sumbangan sektor-sektor tersebut kepada ekonomi Johor, serta trend pertumbuhan dari 2023 hingga 2024.

Sektor utama Johor mencatat pertumbuhan positif, meningkat sebanyak 0.05% kepada RM18.70 bilion pada tahun 2024, berbanding RM17.90 bilion pada tahun 2023. Pada masa yang sama, sektor perindustrian turut meningkat sebanyak 0.08% dengan RM52.37 bilion berbanding RM48.65 bilion pada tahun 2023.

Sektor utama sangat dipengaruhi oleh pertumbuhan sektor pertanian di Johor, dengan 11.3% daripada 11.8% sumbangan keseluruhan kepada ekonomi Johor (KDNK), manakala perlombongan dan pengkuarian menyumbang sebanyak 0.5%. Justeru, pertumbuhan ketara sektor utama ini adalah hasil daripada peningkatan signifikan sektor pertanian daripada RM17.21 bilion kepada RM17.93 bilion, diikuti dengan peningkatan stabil sektor perlombongan dan pengkuarian daripada RM692 juta pada tahun 2023 kepada RM770.5 juta pada tahun 2024.

Sumbangan sektor pertanian kepada KDNK Johor, walaupun merupakan komponen terbesar dalam sektor utama, mencatatkan trend penurunan daripada 11.6% kepada 11.3%, manakala perlombongan dan pengkuarian kekal stabil pada 0.5% pada tahun 2023 dan 0.5% pada tahun 2024.

SEKTOR	KDNK (RM Juta)		SUMBANGAN (%)	
	2023 ^e	2024 ^p	2023 ^e	2024 ^p
SEKTOR UTAMA	17,896	18,704	12.1%	11.8%
Pertanian	17,205	17,834	11.6%	11.5%
Perombongan dan Pengkuarian	692	770.5	0.5%	0.5%
SEKTOR PERINDUSTRIAN	46,650	52,373.4	32.8%	33.3%
Pembuatan	44,165	45,999.89	29.7%	29.1%
Pembinaan	4,464.9	6,373.51	3.0%	4.0%

Nota Tambahan: e = Anggaran, p = Permulaan

Jadual 2.1: Sumbangan dan Pertumbuhan Sektor Utama dan Sektor Perindustrian kepada Ekonomi Negeri Johor, 2023 – 2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Seperti mana sektor utama dipengaruhi besar oleh sektor pertanian sebagai komponen utamanya, sektor perindustrian pula disumbangkan oleh sektor pembuatan selaku sektor yang mencatat prestasi yang amat signifikan, diikuti sektor pembinaan. Sektor pembuatan menunjukkan sedikit peningkatan dalam KDNK (2024: RM45.99 bilion, 2023: RM44.17 bilion), menyumbang 29.1% daripada KDNK Johor, iaitu penurunan marginal 0.07% berbanding 2023. Walau bagaimanapun, pertumbuhannya menunjukkan penurunan ketara pada 2024 kepada hanya 0.04%.

Bagi sektor pembinaan, prestasi negeri bertambah baik dengan peningkatan nilai KDNK kepada RM6.37 bilion, dan menyumbang 4% kepada KDNK Johor, peningkatan stabil sebanyak 1%. Namun begitu, ia tidak mencerminkan pertumbuhan yang ketara kerana sektor ini hanya berkembang pada kadar 0.42%, merosot drastik berbanding 13.2% pada tahun sebelumnya.

Walaupun menjadi sektor dominan dalam kedua-dua sektor utama dan perindustrian, pertanian dan pembuatan masing-masing menunjukkan penurunan dalam sumbangan KDNK berbanding 2023, nilai KDNK mereka tetap meningkat secara stabil, menghasilkan pertambahan nilai KDNK bagi sektor utama dan perindustrian. Terdapat banyak faktor yang memacu pertumbuhan pesat bagi sektor perindustrian Johor pada tahun 2024, Projek-projek berskala besar hasil kolaborasi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor seperti Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) dan Zon Kewangan Khas (SFZ) Forest City menjadi fokus utama pertumbuhan ekonomi Johor. Industri-industri di Johor kian menggambarkan perkembangan positif antaranya, pertumbuhan yang amat memberangsangkan bagi industri hartanah, kesihatan, pendidikan, industri kreatif, teknologi maklumat, perkhidmatan perniagaan, bioteknologi, produk-produk Halal, industri kewangan serta perkhidmatan insurans. Manakala, industri-industri teras Johor seperti produk elektrik dan elektronik (E&E), pelancongan, tekstil, produk berasaskan kelapa sawit, hasil tani dan pemrosesannya, industri logistik, bahan berasaskan getah, produk kayu-kayuan serta petrokimia dan minyak dan gas menjadi tunjang utama perkembangan industri Johor. Ditambah lagi, industri teknologi maklumat Johor kian menjadi fokus utama dalam agenda Maju Johor 2030 apabila Johor menjadi negeri utama bagi perkembangan pusat data negara. Menurut Indeks Pusat Data Global 2024 oleh DC Byte, Johor Bahru menjadi pasaran pusat data bertumbuh paling pesat di Asia Tenggara, ditambah pula pemain pusat data terbesar dunia misalnya Nvidia, AirTrunk, GDS International, YTL Power dan Princeton Digital Group juga telah melancarkan operasi mereka di Johor. Johor kini telah berjaya untuk menjadi pemain utama infrastruktur digital serantau.

2.1.1 Sektor Utama: Pertanian

Seperti yang dinyatakan, sektor pertanian Negeri Johor merupakan salah satu sektor terpenting bagi negeri ini, menyumbang 11.3% kepada prestasi ekonomi Johor. Sebagai salah satu sektor utama yang menyokong ekonomi Johor, tahun 2024 mencatat pertumbuhan signifikan untuk sektor ini. Pada tahun 2024, sektor pertanian Johor masih merupakan penyumbang terbesar kepada sektor pertanian negara dengan KDNK RM17.93 bilion, bersamaan 17.3% daripada jumlah KDNK Malaysia.

Aktiviti pertanian di Johor banyak disumbangkan oleh aktiviti tanaman, khususnya pengeluaran kelapa sawit, getah, nanas, diikuti dengan ternakan, perikanan, dan aktiviti perhutanan. Berhadapan prospek masa depan dengan suasana ekonomi yang tidak menentu, Kerajaan Negeri Johor sedang menggerakkan anjakan paradigma dengan memberi tumpuan juga kepada Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), khususnya bagi penanaman nanas, kelapa, durian, pisang dan betik bagi memastikan pertumbuhan pengeluaran yang berterusan melalui kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia.



Nota Tambahan: e = Anggaran, p = Permulaan

Jadual 2.1. Sumbangan dan Pertumbuhan Sektor Utama dan Sektor Perindustrian kepada Ekonomi Negeri Johor, 2023 - 2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sementara itu, Jadual 2.19 menunjukkan bahawa unit perindustrian yang dibekalkan di Johor berprestasi lemah berbanding unit kediaman. Walaupun terdapat peningkatan dalam unit stok sedia ada daripada 19,205 kepada 19,290 unit pada 2024, hanya Johor Bahru, Batu Pahat, Kluang, dan Segamat mencatatkan sedikit peningkatan unit dibekalkan. Namun begitu, daerah lain kekal mendatar, manakala Kulai menunjukkan penurunan ketara.

Daripada 19,290 unit perindustrian yang dibekalkan, hanya 22 daripadanya merupakan unit baharu yang siap pada 2024, satu penurunan mendadak berbanding 356 unit yang siap pada 2023. Batu Pahat dan Johor Bahru merupakan penyumbang, walaupun kedua-dua daerah ini juga mencatatkan penurunan unit dibekalkan masing-masing daripada 22 kepada 14 unit dan 154 kepada lapan unit dari 2023 hingga 2024.

Selaras dengan aspirasi negeri Johor, Batu Pahat, Johor Bahru, Kota Tinggi dan Kulai merupakan satu-satunya daerah pada 2024 yang membina unit perindustrian baharu, manakala daerah lain tidak membina sebarang unit, menyebabkan penurunan ketara daripada 2023, kepada hanya 158 unit pada tahun ini.

>> 2.1.4.3 Pembinaan Kompleks Perniagaan

Rajah 2.17 oleh NAPIC menunjukkan bagaimana kompleks perniagaan memenuhi jumlah ruang di Johor, dan sejauh mana ia diduduki oleh sektor perniagaan di negeri tersebut. Dengan lebih banyak perniagaan dan industri berkembang di Johor hasil daripada projek berskala besar seperti JS-SEZ, Projek Pembangunan Iskandar, dan Johor SFZ di Forest City, kadar penghunian keseluruhan meningkat secara berterusan sejak 2022, mencapai 72.8% pada 2024, iaitu peningkatan sebanyak 2% berbanding 2023 (70.6%). Walaupun terdapat peningkatan kadar penghunian, jumlah ruang untuk kompleks ini hanya meningkat sedikit daripada 2,455,300 kepada 2,455,302 pada 2024.



Rajah 2.17: Jumlah Ruang dan Kadar Penghunian (%) Kompleks Perniagaan, 2020-2024

Sumber: Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC)

Hal ini berlaku disebabkan unjuran peningkatan ketara kompleks perniagaan daripada pihak Singapura, khususnya untuk unit siap pasang dan bangunan pejabat Gred A berhampiran RTS Link dan Second Link. Banyak perniagaan sedang berusaha menubuhkan pejabat satelit atau memindahkan fungsi back-office untuk mengambil kesempatan daripada tahap keterhubungan Johor dan kos yang lebih rendah. Tambahan pula, penubuhan JS-SEZ dijangka akan melonjakkan permintaan terhadap kompleks perniagaan dengan syarikat yang berpindah dan mengembangkan operasi mereka dalam zon tersebut. Hartanah perindustrian Johor yang secara tradisinya popular dalam kalangan pengeluar yang berpangkalan di Singapura untuk tujuan pemindahan dan peluasan, kini menarik minat yang lebih besar.

Dari segi kompleks rekreasi, Jadual 2.21 di bawah menunjukkan bilangan hotel di Malaysia. Industri hospitaliti sedang mengalami lonjakan dalam pasaran, dan hotel-hotel dipenuhi dengan pelancong di seluruh negara.

Negeri	Stok Sedia Ada		Penawaran Akan Datang		Penawaran Dirancang	
	Hotel	Bilik	Hotel	Bilik	Hotel	Bilik
WP Kuala Lumpur	254	47,525	16	3,636	9	1,432
WP Putrajaya	7	1,769	0	0	1	270
WP Labuan	41	1,697	1	116	0	0
Selangor	210	26,089	0	0	1	200
Johor	488	31,971	9	2,300	9	3,196
Pulau Pinang	250	25,389	12	2,415	12	1,471
Perak	330	16,429	10	1,105	2	363
Negeri Sembilan	145	9,607	4	1,498	4	406
Melaka	177	18,268	1	336	5	1,558
Kedah	175	13,154	6	756	4	430
Pahang	303	25,624	0	0	8	770
Terengganu	250	11,487	2	410	3	352
Kelantan	91	4,360	1	144	1	10
Perlis	32	1,265	2	120	1	120
Sabah	424	24,329	22	4,091	11	2,791
Sarawak	387	21,194	0	0	0	0
Jumlah	3,564	280,177	86	16,928	71	13,369

Jadual 2.20: Jumlah Bilangan Hotel Mengikut Negeri di Malaysia, 2024

Sumber: Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC)

Johor merupakan negeri kedua tertinggi dalam industri perhotelan, di belakang WP Kuala Lumpur, apabila Johor mencatatkan 488 hotel stok sedia di seluruh negeri dengan 31,971 bilik ditawarkan. Dari segi bekalan akan datang, Johor berada di ambang untuk membina sembilan lagi hotel dengan 2,300 bilik, dengan jumlah hotel tertumpu di kawasan utama seperti Johor Bahru, Medini, Iskandar, dan Skudai. Dalam aspek ini, Johor berada di belakang WP Kuala Lumpur (16 hotel), Pulau Pinang (12), Sabah (22), dan Perak (10).

Dengan pembangunan utama seperti RTS, ART, dan JS-SEZ yang akan menarik lebih ramai kemasukan rakyat Singapura, negeri ini merancang untuk menawarkan sembilan lagi hotel dengan 3,196 bilik, menyamai jumlah hotel yang ditawarkan di Kuala Lumpur, tetapi Johor menawarkan lebih banyak bilik. Secara keseluruhannya, Malaysia dipacu oleh industri hotel yang kukuh pada 2024 dengan 3,564 hotel stok sedia, 86 hotel dalam pembinaan, dan 71 hotel dalam perancangan untuk ditawarkan.



BAB 3

**SEKTOR PERKHIDMATAN
NEGERI JOHOR PADA
TAHUN 2024**

PENGENALAN

Bab ini membentangkan analisis terperinci mengenai prestasi ekonomi Negeri Johor bagi tahun 2024. Tumpuan khusus diberikan kepada pencapaian sektor perkhidmatan, termasuk sumbangan daripada pelbagai subsektor utama. Analisis ini disokong oleh data sekunder yang diperolehi daripada sumber berwibawa seperti Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), serta beberapa agensi kerajaan persekutuan dan negeri.

3.1 PENYUMBANG UTAMA DAN PERTUMBUHAN SUBSEKTOR PERKHIDMATAN



Rajah 3.1: KDNK, Pertumbuhan dan Sumbangan Sektor Perkhidmatan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan KDNK Johor pada tahun 2024 didorong terutamanya oleh sektor perkhidmatan yang berkembang sebanyak 6.0% (2023: 5.4%). Sektor Perkhidmatan Johor mencatatkan pertambahan sebanyak RM4.8 bilion, meningkat daripada RM80.3 bilion pada 2023 kepada RM85.2 bilion pada 2024. Dengan sumbangan 53.9% kepada keseluruhan KDNK negeri, sektor ini terus mengekalkan kedudukannya sebagai pemacu utama ekonomi Johor.

Dari segi komposisi, subsektor perdagangan borong dan runcit, makanan dan minuman serta penginapan menyumbang sebanyak 15.4% daripada keseluruhan sektor perkhidmatan. Ini diikuti oleh subsektor utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, serta maklumat dan komunikasi yang menyumbang 14.3%.


Prestasi subsektor pada tahun 2024 menunjukkan peningkatan yang konsisten, didorong terutamanya oleh subsektor kewangan dan insurans, hartanah, serta perkhidmatan perniagaan yang mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 8.7%. Selain itu, subsektor utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, serta komunikasi turut berkembang pada kadar 6.5%.

Sektor perkhidmatan turut diperkukuhkan oleh peningkatan aktiviti pelancongan, yang telah merangsang pertumbuhan subsektor lain seperti makanan dan minuman, pengangkutan, penginapan, serta perdagangan borong dan runcit.



Rajah 3.2: Nilai KDNK Subsektor Perkhidmatan Negeri Johor (RM Juta), 2020 – 2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



Rajah 3.3: Pertumbuhan Subsektor Perkhidmatan Negeri Johor, 2020 – 2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Secara keseluruhan, semua subsektor perkhidmatan telah mencatat pertumbuhan pada tahun 2024, mencerminkan daya ketahanan ekonomi Johor serta persekitaran yang kondusif dalam mengekalkan momentum positif tersebut.




Rajah 3.4: Peratusan Sumbangan Subsektor Perkhidmatan Negeri Johor, 2024

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

3.2 SUBSEKTOR UTILITI

Subsektor utiliti Johor mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM5.2 bilion pada tahun 2024, berkembang pada kadar 7.0% berbanding 8.0 peratus pada 2023. Pertumbuhan ini sebahagian besarnya disumbang oleh segmen bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara, khususnya dalam aktiviti penjanaan, penghantaran dan pengagihan tenaga elektrik yang mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 9.1% (2023: 10.0%).

Selain itu, segmen bekalan air, pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan turut menyumbang RM1.7 bilion kepada ekonomi negeri dengan kadar pertumbuhan 2.0% (2023: 2.1%). Peningkatan ini didorong oleh aktiviti penakungan, perawatan dan bekalan air. Subsektor ini kekal penting dalam memastikan kecekapan sistem utiliti dan kelestarian perkhidmatan asas di Johor.




Rajah 3.5: Pertumbuhan Subsektor Perkhidmatan Negeri Johor, 2022 – 2024 (Subsektor Utiliti)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

3.2.1 Air

Pada tahun 2024, Negeri Johor mencatatkan peningkatan sebanyak 4.1% berbanding tahun sebelumnya, dengan jumlah penggunaan air sebanyak 553.4 juta meter padu berbanding 531.0 juta meter padu pada tahun 2023. Pembekalan air di seluruh negeri Johor diuruskan oleh Ranhill SAJ Sdn Bhd yang membekalkan air bersih kepada kira-kira 4 juta pengguna di seluruh Johor, dengan kapasiti rawatan sebanyak 2,171 juta liter sehari ¹³⁸.



Rajah 3.6: Penggunaan Air (Juta Meter Padu) Mengikut Kategori di Negeri Johor, 2020 – 2024
Sumber: SAJ Ranhill Sdn. Bhd


Nota: Lain-lain* merangkumi institusi keagamaan/keabajikan yang diluluskan, perkapalan, kios air serta bil lain yang dituntut melalui invoice.

Pengguna domestik, termasuk penduduk di kuarters estet dan unit kediaman seperti flat dan kondominium, kekal sebagai kumpulan pengguna terbesar dengan sumbangan 55.3% daripada jumlah penggunaan air. Penggunaan air dalam kategori ini banyak dipengaruhi oleh aktiviti harian, selain pertambahan populasi dan peningkatan projek perumahan baharu hasil pertumbuhan pesat bandar-bandar besar seperti Iskandar Malaysia.

Sementara itu, pengguna bukan domestik yang merangkumi sektor perdagangan, komersial dan perindustrian, menyumbang sebanyak 39.8% daripada keseluruhan penggunaan. Petumbuhan penggunaan dalam kategori ini amat ketara di kawasan industri berat dan sederhana seperti Pasir Gudang, Tanjung Lingsat, Senai, dan Pengerang yang menempatkan pelbagai industri berintensifkan air. Peningkatan penggunaan bukan domestik pada tahun 2024 sebahagian besarnya dipacu oleh perkembangan berterusan dalam aktiviti komersial dan perindustrian. Antara sektor yang menyumbang besar termasuk industri pemprosesan minyak dan gas, kimia dan petrokimia di Pengerang dan Pasir Gudang yang menggunakan air dalam jumlah besar untuk proses penyejukan and penulenan. Selain itu, industri makanan dan minuman serta pembuatan barangan pengguna di kawasan perindustrian Senai dan Tebrau juga merupakan penyumbang kepada penggunaan air bukan domestik.

Penggunaan domestik pukal, perkapalan, perusahaan pemprosesan air (seperti kiosk air), serta institusi keagamaan atau kebajikan yang diluluskan secara kolektif mewakili baki 4.9% daripada jumlah penggunaan air. Segmen ini merangkumi penggunaan air di pelabuhan utama seperti Pasir Gudang dan Tanjung Pelepas bagi tujuan perbekalan air kepada kapal dan penyelenggaraan dermaga serta institusi kebajikan dan keagamaan yang menggunakan air bagi aktiviti harian komuniti.

Secara keseluruhan, struktur penggunaan air Johor memperlihatkan bahawa bekalan dan penggunaan sektor bukan domestik semakin signifikan dan selari dengan pertumbuhan industri dan pembangunan ekonomi negeri.



Rajah 3.7: Taburan Penggunaan Air (Juta Meter Padu) Mengikut Kategori Pengguna di Negeri Johor, 2024
Sumber: SAJ Ranhill Sdn. Bhd


Dalam usaha meningkatkan pengurusan air, Ranhill SAJ telah memperkenalkan beberapa inisiatif yang bertujuan mengurangkan Air Tidak Berhasil (Non-Revenue Water, NRW). Bersama-sama dengan Ranhill Water Services (RWS), syarikat ini giat berusaha untuk mencapai sasaran tahap NRW sebanyak 20.9% menjelang tahun 2025. Peratusan NRW yang tinggi menunjukkan kadar kehilangan air yang ketara, yang bukan sahaja mengakibatkan kerugian kewangan, malah memerlukan pengambilan tambahan air dari sungai bagi menampung kekurangan bekalan dan memenuhi permintaan pengguna.



Rajah 3.8: Air Tidak Produktif/ Air Tidak Berhasil (NRW) di Negeri Johor, 2019–2023 (Meter Padu)
Sumber: SAJ Ranhill Sdn. Bhd

Pada tahun 2024, Johor terus mencatat kemajuan dalam pengurusan Air Tidak Berhasil (Non-Revenue Water, NRW) melalui usaha strategik dan berfokus. Jumlah NRW berjaya dikurangkan kepada 176,405,371 meter padu, iaitu penurunan sebanyak 0.49% berbanding 177,265,057 meter padu pada tahun 2023. Pengurangan ini mencerminkan keberkesanan program pengurusan air yang dilaksanakan secara berterusan oleh Ranhill SAJ dan Ranhill Water Services.

Daerah yang menyumbang jumlah NRW tertinggi pada tahun 2024 ialah Johor Bahru (41.7%), Batu Pahat (14.1%), Muar (12.2%) dan Kluang (10.0%). Johor Bahru merekodkan penambahbaikan paling ketara dengan penurunan sebanyak 9.3%. Walau bagaimanapun, Batu Pahat, Muar dan Kluang mencatat peningkatan berbanding 2023, masing-masing pada kadar 0.4%, 5.4% dan 12.9%.



Rajah 3.9: Penggunaan Air (Juta Meter Padu) Mengikut Daerah di Johor, 2020–2024
Sumber: SAJ Ranhill Sdn. Bhd.

Dari segi penggunaan air mengikut daerah, Johor Bahru kekal sebagai pengguna terbesar pada tahun 2024 dengan jumlah penggunaan sebanyak 270.2 juta meter padu, meningkat daripada 254.4 juta meter padu pada tahun 2023. Jumlah ini mewakili 48.7% daripada keseluruhan penggunaan air negeri (2023: 47.8%). Peningkatan permintaan ini didorong terutamanya oleh kadar urbanisasi yang pesat, pertumbuhan penduduk serta peranan Johor Bahru sebagai pusat pentadbiran, perindustrian, perdagangan dan pembangunan hartanah negeri.

Kulai berada di kedudukan kedua dari segi penggunaan air dengan peningkatan kepada 61.2 juta meter padu pada tahun 2024 berbanding 57.0 juta meter padu pada tahun 2023, menyumbang 11.0% daripada jumlah keseluruhan penggunaan air Johor. Daerah lain seperti Batu Pahat, Muar dan Kluang turut mencatat tahap penggunaan yang stabil, mencerminkan permintaan berterusan yang disokong oleh pembangunan berterusan dan faktor demografi di kawasan tersebut.

3.2.2 Elektrik


Pada tahun 2024, jumlah jualan tenaga elektrik kepada pelbagai kategori pengguna meningkat dengan ketara sebanyak 9.8%, iaitu daripada 19,564,245,181 kWj pada tahun 2023 kepada 21,678,929,493 kWj. Mengikut kategori pengguna, penggunaan komersial menyumbang kepada peningkatan ketara ini, dipacu terutamanya oleh pembangunan bangunan komersial baharu dan perkhidmatan pada tahun tersebut. Selain itu, pusat data di Johor turut meningkatkan permintaan yang besar dalam segmen komersial.

Pengguna industri juga mencatatkan peningkatan kecil sebanyak 0.3% pada tahun 2024 kepada 8.6% (2023: 8.3%). Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan aktiviti dalam sektor pembuatan Johor serta keperluan tenaga bagi projek pembinaan utama (contohnya, projek Laluan EDTP Gemas-Johor Bahru). Sebaliknya, penggunaan tenaga oleh pengguna domestik menurun daripada 6.2% pada tahun 2023 kepada 5.4% pada tahun 2024.



Rajah 3.10: Unit Jualan Tenaga Elektrik (bilion kWj) Mengikut Jenis Pengguna di Negeri Johor, 2019 – 2023
Sumber: Tenaga Nasional Berhad, Negeri Johor

Dari perspektif unit jualan elektrik, pengguna industri kekal sebagai kumpulan pengguna terbesar pada tahun 2024 dengan sumbangan sebanyak 39.8% daripada jumlah permintaan. Ini diikuti oleh pengguna komersial (35.2%) dan pengguna domestik (25.0%). Bahagian penggunaan ini secara keseluruhan mencerminkan skala penggunaan tenaga yang berpunca daripada asas perindustrian Johor serta peningkatan permintaan dalam sektor komersial yang terus berkembang.




Rajah 3.11: Peratusan Unit Jualan Elektrik Pengguna di Negeri Johor Mengikut Kategori Pengguna, 2024
Sumber: Tenaga Nasional Berhad, Negeri Johor

Pada peringkat daerah, penggunaan elektrik domestik pada tahun 2024 didahului oleh Johor Bahru, Johor Jaya dan Pasir Gudang. Johor Bahru mewakili bahagian terbesar penggunaan elektrik domestik dengan 30.3% daripada jumlah daerah lain, diikuti Johor Jaya (12.5%), sejajar dengan kedudukannya sebagai daerah yang paling padat penduduk dan paling pesat membangun di negeri ini.

Bagi kategori komersial, Johor Bahru, Kulai dan Johor Jaya merekodkan bahagian peratusan tertinggi berbanding daerah lain, masing-masing pada 39.5% (3,020.5 juta kWj), 16.8% (1,281.3 juta kWj) dan 10.4% (797.0 juta kWj). Sementara itu, bagi kategori industri, Pasir Gudang menyumbang 33.6% daripada jumlah keseluruhan, diikuti oleh Kulai (17.7%) dan Johor Bahru (14.6%). Tahap penggunaan elektrik yang tinggi di Pasir Gudang menonjolkan aktiviti berintensif tenaga yang tertumpu di sekitar kawasan pelabuhan serta hab perindustrian utama di daerah tersebut.

Unit jualan elektrik di Johor Bahru adalah tertinggi bagi kategori pengguna komersil (3020.5 juta kWj) dan kategori pengguna domestik (1641 juta kWj) berikutan peranannya sebagai pusat pentadbiran, perdagangan dan kediaman utama negeri yang mempunyai kepadatan penduduk dan aktiviti perkhidmatan yang tinggi. Sebaliknya, Pasir Gudang mencatatkan unit jualan elektrik tertinggi bagi kategori pengguna industri (2899.3 juta kWj) sejajar dengan fungsinya sebagai hab perindustrian berat yang menempatkan sektor kimia, petrokimia dan pembuatan, kesemuanya merupakan industri berintensif tenaga.

Corak ini mencerminkan struktur ekonomi setempat di mana penggunaan tenaga berkait rapat dengan fungsi dan aktiviti utama setiap kawasan. Secara keseluruhan, Johor Bahru dan Pasir Gudang terus mendominasi penggunaan elektrik merentas kategori pada tahun 2024, sekali gus menegaskan peranan kedua-dua kawasan ini sebagai pusat kediaman, komersial dan perindustrian utama negeri Johor.



Rajah 3.12: Unit Jualan Tenaga Elektrik (juta kWj) Mengikut Jenis Pengguna dan Daerah di Negeri Johor, 2024

Sumber: Tenaga Nasional Berhad, Negeri Johor.

3.2.3 Komunikasi

Pada tahun 2022, subsektor perkhidmatan maklumat dan komunikasi di negeri Johor telah merekodkan seramai 3,771 pekerja di 824 pertubuhan. Subsektor ini mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM449.7 juta. Di peringkat nasional, W.P. Kuala Lumpur merupakan penyumbang tertinggi kepada nilai ditambah dalam subsektor ini, diikuti oleh Selangor dan Pulau Pinang.

Negeri Utama	Nilai Ditambah (RM '000)	Bilangan Pertubuhan	Bilangan Pekerja	Gaji dan Upah (RM '000)
W.P. Kuala Lumpur	68,495,225	7,092	126,191	10,488,499
Selangor	29,966,153	6,331	101,048	8,037,469
Pulau Pinang	2,513,490	878	11,560	375,315
Johor	449,719	824	3,771	119,507

Jadual 3.7: Statistik 4 Negeri Utama bagi Aktiviti Maklumat dan Komunikasi, 2022

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (Banci Ekonomi 2023, Perkhidmatan Maklumat dan Komunikasi)

Nota: Data terkini bagi Aktiviti Maklumat dan Komunikasi adalah sehingga tahun 2022; tiada kemas kini terbaharu telah dikeluarkan.

RENCANA 1 : IMPAK TARIF ELEKTRIK TERHADAP PENGGUNA DAN KERAJAAN MALAYSIA

Penetapan Kadar Tarif Baharu Menerusi Tempoh Regulatori Keempat (Regulatory Period 4 - RP4)

Pada tanggal 24 Disember 2024, pihak Suruhanjaya Tenaga (ST) telah memaklumkan kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) bahawa Kerajaan Malaysia telah meluluskan pelaksanaan Tempoh Regulatori Keempat (RP4) di bawah Kerangka Kerja Kawal Selia Berasaskan Insentif (Incentive-Based Regulation - IBR), bermula pada bulan Januari 2025 sehingga Disember 2027. Pelaksanaan ini akan memberi kesan kepada semua rakyat Malaysia di Semenanjung Malaysia.

Menerusi pelarasan ini, sebuah struktur penetapan harga yang lebih progresif telah diperkenalkan melalui sistem Mekanisme Pelarasan Kos Bahan Api Secara Automatik (Automatic Fuel Adjustment - AFA) secara bulanan, menggantikan Mekanisme Pelepasan Kos Tidak Berimbang (Imbalance Cost Pass-Through - ICPT). Langkah ini menjadi anjakan paradigma ke arah pemberian bantuan yang lebih bersasar dan menentukur semula kedudukan fiskal, serta memacu usaha peralihan tenaga.


Jadual tarif yang baharu ini dengan kadar purata tarif asas sebanyak 45.40 sen/kWj, yang telah dilaksanakan bermula 1 Julai 2025, merupakan peningkatan 14.2% berbanding 39.95 sen/kWj di bawah RP3 pada tempoh 2022-2024. Tarif tersebut ialah kadar semakan semula daripada 45.62 sen/kWj yang ditetapkan pada Disember 2024. Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) akan membiayai defisit daripada Januari hingga Jun 2025, dengan kos berjumlah RM2.883 bilion.

TNB telah memaklumkan juga bahawa kadar tarif asas RP4 ini merupakan langkah penjarangan semula untuk mencerminkan kos bahan api terhadap harga pasaran dek kerana kos arang batu dan gas yang kian meningkat. Tertakluk di bawah Kerangka Kerja IBR, kadar tarif asas disemak semula dan dilaraskan bagi setiap tempoh 3 tahun RP, lantas kadar tarif akhir akan disemak semula setiap bulan menerusi mekanisme ICPT.

Tarif elektrik asas ialah tarif purata bagi semua pengguna, yang terdiri daripada kos rangkaian dan peruncitan yang membentuk 30% daripada kadar tarif, manakala baki 70% terdiri daripada kos penjanaan, yang melibatkan kos bahan api dan juga caj kapasiti untuk loji kuasa. Dari segi komponen terbesar tarif tersebut yakni kos penjanaan, gas dan arang batu kekal menjadi sumber bahan api utama untuk proses penjanaannya.

Pada masa yang sama, tarif sebenar dikenakan pada kadar yang berbeza, bergantung kepada trend penggunaan dan kategori pengguna (isi rumah, pelanggan industri dan komersial bervoltan rendah, voltan sederhana, dan voltan tinggi). Jika kos bahan api melebihi unjurannya, maka surcaj akan dikenakan menyebabkan tarif yang lebih tinggi untuk para pengguna, manakala rebat yang diberi akan merendahkan kadar tarif akhir jika kos bahan api menurun sehingga kurang daripada unjuran. Mutakhir ini, pengguna elektrik membayar lebih daripada kadar tarif asas terkini. Lantas, kos bahan api yang diramalkan pada RP3 menjadi lebih rendah daripada harga pasaran, menyebabkan surcaj terpaksa dikenakan dalam RP4.


Peningkatan 14.2% adalah disebabkan oleh harga arang batu yang melonjak naik daripada AS\$79 per metrik tan metrik pada RP3 kepada AS\$97.9 per tan metrik pada RP4, sepertimana ditunjukkan pada Rajah 1a di bawah. Di samping itu, harga gas terkawal meningkat dengan ketara daripada RM26 per Unit Terma British kepada RM34.8 per Unit Terma British dalam tempoh yang sama. Maka, peningkatan kos ini mendesak TNB untuk menaikkan kadar tarif asas kepada 45.62 sen/kWj, tetapi memandangkan semakan semula telah dibuat berdasarkan kritikan para pemegang taruh, kadar baharu iaitu 45.40 sen/kWj telahpun ditentukan.



Rajah 1a: Tempoh Regulatori (RP) dan Harga Arang Batu, Harga Gas Terkawal serta Tarif Asas
 Sumber: Suruhanjaya Tenaga Malaysia, Tenaga Nasional Berhad dan The Edge Malaysia

Perbelanjaan Modal (CAPEX) yang dibenarkan untuk RP4 ialah sebanyak RM42.82 bilion yang terdiri daripada RM26.55 bilion CAPEX asas untuk pengembangan jaringan infrastruktur "perniagaan seperti sediakala", dan nilainya lebih tinggi jika dibandingkan dengan RM20.55 bilion diperuntukkan semasa RP3 (2022-2024). Kemudian, baki RM16 bilion diperuntukkan sebagai CAPEX kontinjen bertujuan untuk penambahbaikan jaringan T&D berkaitan dengan peralihan tenaga, pelaburan grid pintar, termasuk menubuhkan jaringan bagi zon industri baharu. Dengan adanya jumlah CAPEX yang begitu memberangsangkan, CAPEX ini tidak boleh disangkal lagi faedahnya dalam merangsang ekonomi Malaysia dari segi memudahcara agenda peralihan tenaga negara yang telahpun digariskan dalam Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030.

Bagi Perbelanjaan Mengurus (OPEX) pula, jumlah yang diluluskan ialah sebanyak RM20.78 bilion untuk menyokong proses perancangan dan pelaksanaan aktiviti operasi dan penyelenggaraan buat kesemua infrastruktur elektrikal TNB. Dengan kadar pulangan kawal selia dikekalkan pada angka 7.3% pada RP4 jika dibandingkan dengan RP3, TNB boleh melaksanakan usaha pelaburan yang dirasakan perlu dalam industri, lantas memastikan bekalan elektrik yang berterusan dan boleh diharapkan untuk memenuhi permintaan pelanggan yang kian mencanak naik.



Rajah 1b: Subsidi Elektrik (RM Bilion) di Malaysia, 2022 - STI 2025

Sumber: Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Suruhanjaya Tenaga, and The Edge Malaysia

Salah satu sebab juga mengapa pihak kerajaan mengenakan peningkatan kadar tarif baharu adalah untuk mengurangkan subsidi elektrik, dengan tujuannya untuk membasmi kebergantungan terhadap subsidi yang menyumbang kepada sebahagian besar OPEX negara. Dalam Rajah 1b, ia menunjukkan pihak kerajaan telah mencuba untuk mengurangkan subsidi elektrik daripada RM9.8 bilion pada 2022, RM6.8 bilion pada 2023, dan RM4.118 bilion pada 2024. Berikutan pengurangan subsidi pada RP3, Suku Tahun Pertama 2025 merekodkan hanya RM2.38 bilion subsidi, menunjukkan komitmen kerajaan dalam isu ini.

Bagi menggalakkan penggunaan elektrik yang berhemah, TNB telah memperkenalkan Insentif Cepak Tenaga (EEI), yang mana para pengguna domestik yang menggunakan 1,000 kWj atau kurang per bulan dijangka tidak terkesan dengan tarif baharu ini. Tambahan lagi, pengguna bukan domestik bervoltan rendah yang menggunakan 200 kWj atau kurang daripada itu akan menikmati insentif ini. Tidak dilupakan juga, skim masa penggunaan "Time-of-Use (ToU)" telah diperkemas dan diperluas untuk melibatkan waktu luar puncak yang lebih panjang, kini meliputi hari Sabtu dan Ahad keseluruhannya, serta hari bekerja dari pukul 10 malam hingga 2 petang (Isnin hingga Jumaat). Inisiatif ini bertujuan untuk menggalakkan pengurusan penggunaan yang lebih cekap ketika waktu luar puncak, justeru berpotensi untuk mengurangkan bil elektrik buat pengguna.

Tempoh Regulatori	RP3 (2022 - 2024)	RP4 (2025 - 2027)
Mekanisme	ICPT	AFA
Caj (Sen/kWJ)	18	3
Caj Penjanaan (Sen/kWJ)	26.2	32.42
Caj Rangkaian dan Peruncitan (CAPEX/TNB) (Sen/kWJ)	13.75	12.98
JUMLAH (Sen/kWJ)	55.95	48.4


Rajah 1b: Subsidi Elektrik (RM Bilion) di Malaysia, 2022 - STI 2025

Sumber: Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Suruhanjaya Tenaga, and The Edge Malaysia

Pihak kerajaan juga menyediakan rebat 10% bagi institusi-institusi pendidikan tinggi berdaftar, sekolah-sekolah, rumah-rumah kebajikan dan pusat ibadat, juga mengenakan tarif spesifik untuk sektor pertanian, air, dan perkhidmatan loji dan kumbahan, serta operator rel. Program Rebate Bil Elektrik RM40 buat isi rumah miskin tegar yang layak berdaftar bawah sistem e-Kasih juga diteruskan.

Mekanisme ICPT untuk caj tenaga akan digantikan dengan Mekanisme AFA yang lebih dinamik yang membolehkan pelarasan automatik untuk kos penjanaan berasaskan harga bahan api pasaran yang terkini serta kadar pertukaran asing, dengan butirannya akan dilaporkan secara bulanan di laman sesawang Suruhanjaya Tenaga. Kesemua pengguna akan menerima bil elektrik mereka dalam format baharu yang lebih terperinci (itemised billing), menyediakan keadaan yang lebih telus. Terbukti bahawa pengguna cekap tenaga akan menerima manfaat dengan beroleh penjimatan yang besar hasil mekanisme baharu ini.

Sepertimana ditunjukkan dalam Jadual 1a, semasa RP4, caj yang diterima oleh pengguna menerusi Mekanisme AFA ialah lebih rendah dengan caj purata 48.4 sen/kWj, dibandingkan dengan mekanisme ICPT sahaja semasa RP4 dengan purata 55.95 sen/kWj. Walaupun wujudnya perbezaan dari segi caj penjanaan dan rangkaian, caj asas tetap 3 sen/kWj dalam AFA terbukti menjadi pengubah keadaan demi tarif elektrik yang lebih efektif dan telus.



Rajah 1c: Kadar Purata Tarif Elektrik dalam kalangan Negara ASEAN (AS\$/kWj), STI 2025

Sumber: The Edge Malaysia, Tenaga Nasional Berhad (TNB)

Apabila sistem baharu tersebut mengategorikan pengguna akhir berdasarkan kepada penggunaan mereka, maka lebih daripada 23 juta pengguna di Malaysia yang menggunakan sehingga 900 kWj per bulan berkemungkinan menikmati sedikit penjimatan tertakluk di bawah Kerangka Kerja baharu ini. Secara mudahnya, 85% isi rumah Malaysia tidak akan terkesan secara langsung daripada peningkatan tarif ini, malah, mereka boleh berjimat lebih daripada tempoh-tempoh RP sebelum ini (RP1-RP3).

Tarif ini juga akan dipecahkan kepada beberapa kategori caj misalnya caj tenaga, kapasiti, rangkaian dan peruncitan. Pengurangan tarif asas tersebut ialah terhadap kepada kos penjanaan pelepasan, kerana perubahan ke arah AFA bulanan menyenaraikan pencerminan kos dan menambah baik kestabilan aliran tunai.

Jika dibandingkan dalam Rajah 1c, Malaysia kekal antara pengena kadar tarif elektrik terendah secara purata, di rantau ASEAN. Dengan caj AS\$0.101 per kWj, Malaysia di tangga keempat, jauh di belakang Singapura, Filipina, dan Thailand. Justeru, kenaikan tarif ini masih munasabah kerana setanding dengan rakan sejawat ASEAN lainnya.

>> Reaksi daripada Pemain Industri dan Pengguna Malaysia

Ramai ahli ekonomi berpendapat bahawasanya perubahan ini menawarkan ketelusan yang lebih tinggi dalam penetapan tarif, dan menggalakkan TNB untuk memodenkan grid elektrik negara serta peralihan berperingkat ke arah tenaga boleh diperbaharui. Namun begitu, mereka juga menggariskan bahawa penetapan tarif ini mampu mencetuskan kos sara hidup yang lebih tinggi, memberi kesan yang lebih teruk kepada PMKS berbanding syarikat-syarikat besar.

Kendatipun begitu, para pengilang dan golongan peniaga seperti Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM), Persatuan Peruncit Malaysia (MRA) dan Persekutuan Industri Besi dan Keluli Malaysia membantah kenaikan tarif ini. MRA menekankan bahawa keputusan pihak kerajaan telah memberi kesan negatif terhadap daya saing Malaysia dan meminta agar sebuah dialog dengan pemegang taruh diadakan segera untuk menumpukan perhatian terhadap kerisauan mereka.

Kenaikan tarif ini akan memacu inflasi dan mengurangkan perbelanjaan pengguna. Sebagai alternatif, TNB patut mempertimbang cadangan untuk melabur semula menggunakan keuntungan bersihnya yang mengagumkan pada ST2 dan ST3 2024 dalam melunaskan kos operasi mereka. Agenda pelaburan semula ini dianggap membawa pembaharuan oleh pemain industri yang utama kerana pulangan pelaburan (ROI) boleh disalurkan untuk membiayai lebih banyak projek tenaga boleh diperbaharui (RE), serta menyokong infrastruktur elektrik dengan lebih berhemah, menyediakan kemandirian jangka masa panjang untuk sektor utiliti negara. Meskipun begitu, adalah sangat penting untuk menyediakan mekanisme rebat yang lebih banyak khas untuk PMKS yang terkesan apabila mereka mencapai satu aras bagi penggunaan elektrik, dengan cara mengoptimumkan bantuan SARA atau mekanisme MyKasih. Tindakan awal ini dijamin akan mengimbangi kenaikan kos buat mereka (terutamanya kategori B40 dan M40), lantas memacu prestasi ekonomi domestik.

Operator pusat membeli-belah pula telah memberikan amaran bahawa peningkatan tarif ini akan menekan kedudukan kewangan mereka, sehingga mengakibatkan kesan limpahan (trickle-down) dengan harga lebih tinggi dikenakan kepada pengguna. Persatuan Pengurusan Kompleks Malaysia (PPKM) mendesak agar pihak berkuasa untuk mempertimbang semula kenaikan ini dan membina semula kadar tarif yang lebih saksama kerana kenaikan tarif ICPT daripada dua sen per kilowatt kepada 16 sen per kWj (peningkatan 800%), merangkumi 50% jumlah bil tenaga bagi pusat membeli-belah, hotel, dan operator pejabat, dengan kos tahunan berjumlah RM5 juta. Ditambah pula faktor luaran lain seperti pengembangan SST terkini, yuran berkanun dan peningkatan yuran lesen, tarif air serta peraturan gaji minimum, kesemua ini mengakibatkan kenaikan kos operasi keseluruhan sehingga 140%.

Di samping itu, Persatuan Hotel Bajet dan Perniagaan Malaysia memilih untuk menaikkan harga bilik mereka untuk mengimbangi kos operasi yang lebih tinggi, sehingga memberi kesan mendalam buat pelanggan B40 mereka, dan sekiranya keadaan ini berlarutan, hotel-hotel tersebut akan terpaksa memberhentikan operasi mereka. Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) juga mendesak kerajaan untuk menyemak semula impak tarif ini untuk mengelakkan kejutan pasaran secara tiba-tiba.

Bagi pengguna pula, secara langsungnya, mereka tidak akan terkesan kerana segmen yang paling terdedah dengan keadaan ini akan dilindungi menerusi rebat yang diberi oleh pihak kerajaan. Bagi sesiapa yang menggunakan sehingga 600kWj, mereka layak untuk mendapat rebat 2 sen/kWj.

>> Bagaimana Kenaikan Tarif Memberi Kesan kepada Negeri Johor ?

Tidak cukup dengan kenaikan tarif asas, pihak kerajaan juga mengenakan tarif elektrik khusus buat pusat data. Bagi pusat data berkapasiti lebih daripada 100MW di bawah kategori bertegangan ultra-tinggi dalam mekanisme ICPT dan AFA, pusat data demikian akan dikenakan kadar tarif tertinggi, berjumlah tambahan AS\$15 juta hingga AS\$20 juta bagi perbelanjaan tahunan.

Kenaikan tarif ini mencerminkan bahagian yang lebih besar dalam kos pengurusan grid berbanding kos lain. Menurut Indeks Pusat Data Global 2024, Johor ialah pasaran berkembang yang terpantas di Asia Tenggara dengan mencatatkan lebih 1.6GW jumlah penawaran, dan merupakan penerima manfaat terbesar bagi moratorium pusat data yang diberikan oleh Singapura sejak 2019. Kluster-kluster terkini terletak di Taman Teknologi Sedenak, Taman Teknologi Nusajaya, dan Taman Pusat Data Hijau YTL.

Persatuan Pusat Data Malaysia (DCAM) telah menyampaikan kerisauan mereka berkaitan kenaikan kos operasi dan pelabur-pelabur pusat data berpotensi yang sedang mempertimbangkan kemungkinan melabur di negara ASEAN yang lain, India, dan Jepun disebabkan kenaikan tarif ini. Mereka juga mempersoalkan metodologi untuk mengira kadar baharu, mengenal pasti kemungkinan "pengiraan berganda" yang mana asas bagi kadar tersebut menggunakan unjuran permintaan yang terlambung. Dewan Perniagaan dan Industri Kesatuan Eropah-Malaysia menentang idea ini, kerana kadar ini tidak adil buat sektor pembuatan dan eksport yang terjejas teruk.

Sebagai tindak balas, syarikat-syarikat seperti AirTrunk bekerjasama dengan Pekat Solar dalam meletak atur solar bumbungan 1MW di kampus pusat data mereka di Johor Bahru. Tujuan mereka adalah untuk mencari tenaga alternatif dalam mengimbangi kos tambahan ini.

Tetapi, majoriti isi rumah Johor tidak akan terkesan secara langsung dek kadar baharu ini, meski harga produk yang lebih tinggi dikenakan oleh perniagaan-perniagaan terhadap mereka akan dirasai dalam jangka masa panjang.

>> **Agenda Kerajaan untuk Menggalakkan Ekosistem Tenaga Lestari**

Bertujuan untuk memastikan ekosistem tenaga yang lestari wujud, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) menyemak semula program Tarif Elektrik Hijau (GET). Program ini membolehkan pengguna TNB mengurangkan jejak karbon dalam penggunaan elektrik.

Bagi menjadikannya lebih mudah diakses, penentuan harga satu tingkat menggantikan kadar berasaskan kategori dengan pengurangan sebanyak 80% serendah 3 sen/kWj menerusi tempoh langganan 3 tahun. Kementerian juga memperkenalkan Program Laluan Hijau GET yang membolehkan pengguna bukan domestik yang tidak berdaftar secara langsung dengan TNB untuk memperoleh elektrik hijau dan menerima Sijil Tenaga Boleh Diperbaharui Malaysia (mREC), bermula 1 Ogos 2025.

Walaupun langkah tersebut telah menimbulkan reaksi bercampur-baur daripada rakyat terbanyak – lebih-lebih lagi daripada inudstri berat dan PMKS, mekanisme baharu ini dipercayai akan mempersempah ketelusan yang lebih besar dalam menyelesaikan cabaran struktural di samping melenyapkan bebanan perbelanjaan isi rumah dalam jangka masa panjang. Natijahnya, kenaikan tarif bertujuan mengimbangi kos bahan mentah dan operasi yang kian mencanak naik, dan menyokong agenda kelestarian kerajaan.

RENCANA 2: IMPAK TARIF AIR TERHADAP PENGGUNA DAN KERAJAAN MALAYSIA


Tarif air berada di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri sepertimana termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, pihak pentadbiran air yang mengawasi pembangunan bekalan air negara ialah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Bagi Johor, perkhidmatan bekalan airnya diuruskan oleh RANHILL SAJ. Perihal bidang kuasa ini telah menimbulkan pelbagai isu struktural berkaitan pengurusan bekalan air negara.

Kenaikan tarif air yang terkini berlaku di Semenanjung Malaysia dan Labuan apabila SPAN memperkenalkan kadar tarif baharu di semua negeri di Semenanjung Malaysia dan Labuan, kecuali Perak. Kenaikan tarif air di negeri-negeri ini biasanya dilaraskan dan dijalankan bawah peruntukan yang diberikan oleh Akta Industri Perkhidmatan Air (WSIA) 2006. Bagi Sabah dan Sarawak pula, mereka mempunyai bidang kuasa mereka sendiri berkaitan industri air. Industri air Sabah ditadbir di bawah Enakmen Bekalan Air Sabah 2003 manakala tarif air Sarawak diurus oleh satu jabatan utama sahaja yakni Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB), dan Lembaga Air tempatan masing-masing, tanpa campur tangan SPAN. Disebabkan itu, artikel ini tidak akan mendalami isu perubahan tarif di Sabah dan Sarawak, kerana pelarasan pada Ogos 2025 tidak terpakai kepada kedua-dua negeri tersebut dek kerana mereka tidak tertakluk di bawah bidang kuasa WSIA.

Menurut sejarah, tarif air kekal tidak berubah sepanjang empat dekad lamanya meskipun SPAN memperkenalkan Mekanisme Penetapan Tarif Air (TSM) pada tahun 2020 yang membolehkannya menyemak semula kadar tersebut setiap tiga tahun. Maka, hal ini menjadikannya amat penting bagi menyemak semula tarif air untuk menambah baik kualiti air negara. Malaysia amat bergantung kepada subsidi air sejak kemerdekaannya, ditambah dengan penggunaan air negara kian berlebihan-lebihan, bekalan air negara menghadapi krisis yang tidak boleh dielakkan, dan tidak terjangkau dek akal.

Menjengah kembali sejak bulan Januari 2024, Malaysia mengalami antara kadar tarif air terendah di Asia Tenggara, berjumlah RM1.65/m³, berada hanya di belakang Vietnam dengan RM1.62/m³ ketika itu. Rakan sejawatan ASEAN lainnya seperti Thailand (RM2.60/m³), Filipina (RM3.55/m³) dan Singapura (RM9.64/m³), yang mana majoritinya seringkali menaikkan kadar tarif mereka.

Berlawanan dengan kadar tarif rendah jika dibandingkan di rantau ASEAN, Rajah 2a di bawah menunjukkan bahawa Malaysia merekodkan penggunaan air per kapita tertinggi di rantau ini pada 2023, dan keadaan ini menunjukkan trend kenaikan. Pada tahun itu sahaja, rakyat Malaysia menggunakan purata 226 liter, dibandingkan dengan hanya 193 liter oleh rakan sejawat Thai mereka, 141 liter per seorang rakyat Singapura, malah Filipina hanya menggunakan 108 liter seorang. Dari segi penggunaan air domestik per kapita per hari pula, penggunaan optimum yang disyorkan oleh Laporan "Right to Water" nukilan Jabatan Hal Ehwal Ekonomi dan Sosial (DESA) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ialah 50-100 liter seorang sehari untuk kegunaan peribadi dan domestik. Persatuan Air Malaysia (MWA) melaporkan bahawa rakyat Malaysia menggunakan 237 liter air seorang sehari, jauh melebihi penggunaan yang disyorkan di peringkat global. Situasi ini menjelaskan keadaan terkini sistem air negara yang bergantung semata-mata kepada subsidi yang menyebabkan kenaikan tarif diperlukan untuk mengimbangi kos yang kian melambung hasil penggunaan air yang keterlaluan ini.



Rajah 2a: Penggunaan Air Per Kapita (Liter) dalam Kalangan Negara ASEAN, 2023
Sumber: The Straits Times Singapore, The Star Malaysia, Indonesia, RR Utama, Taylor & Francis

Pada 2024, SPAN telah mengumumkan kenaikan tarif air di Semenanjung Malaysia dan Labuan sebanyak 22 sen secara puratanya daripada RM1.43 per meter padu kepada RM1.65 per meter padu berkuatkuasa pada tanggal 1 Februari. Langkah ini bertujuan untuk menambah baik struktur kawal selia bekalan air Malaysia dan kemampuan kewangannya. Walau bagaimanapun, kadar ini dikira lebih rendah berbanding anggaran RM1.75 per meter padu kos membekal air terawat.

Pelarasan ini dijangka memberi impak langsung terhadap 6.9 juta pengguna bagi kategori domestik, meliputi 86.6% daripada 7.9 juta pemegang akaun. Hal yang demikian akan menyebabkan kenaikan mendadak bagi julat pembilan daripada RM1.60 sehingga RM8 untuk setiap kediaman. Kenaikan lima hingga 27 sen sehari untuk isi rumah yang menggunakan 20 meter padu air sebulan juga turut menyusul. Walaupun begitu, kenaikan ini tidak mencukupi untuk mengimbangi kos-kos yang tersembunyi, menyebabkan satu lagi siri kenaikan perlu dilaksanakan pada 2025.

Merujuk isu penggunaan air terawat yang tidak dikawal untuk proses penyejukan dan operasi pusat data, tahun 2025 menyaksikan pihak Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) memperkenalkan kategori baharu untuk tarif air bagi pusat data, dengan kadar RM5.50 per meter padu, yang dikenakan berbeza cajnya berbanding kategori lain, dan pusat-pusat data ini dijangka untuk membayar premium untuk mengakses bekalan air dan tenaga.

Pada masa yang sama, Air Selangor mencadangkan kenaikan tarif pada 30% secara puratanya di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Impaknya, tarif bagi pengguna domestik dengan meter individu untuk penggunaan 20 meter padu yang pertama meningkat kepada 68.4 sen per meter padu daripada 57 sen per meter padu. Bagi pengguna domestik, kenaikan tersebut akan meningkatkan harga kepada RM3.32 per meter padu jika mereka menggunakan 50 meter padu air ke atas. Bagi pengguna bukan domestik pula, caj bil mereka akan menaik kepada purata RM361.15 sebulan dibandingkan dengan kadar RM277.60 sebelum kenaikan ini berlaku, jika mereka menggunakan 100 meter padu air sebulan. Tempat-tempat seperti rumah ibadat dan rumah kebajikan mengalami kenaikan 30% kerana mereka menggunakan meter pukal (bulk meter).

Kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri meringankan impak kenaikan ini dengan menyediakan bantuan bersasar untuk isi rumah yang lebih miskin, misalnya kerajaan negeri Selangor menyerap kenaikan bagi 1 juta penduduknya. Skim ini meliputi 300,000 penerima B40 yang berdaftar dengan Skim Air Darul Ehsan (SADE) berjumlah RM6.5 juta ditambah dengan perbelanjaan tahunan mereka. Bantuan kerajaan persekutuan di bawah platform SARA dan MyKASIH digerakkan secara besar-besaran terutama membantu golongan rentan seperti kategori B40 dan M40. Inisiatif-inisiatif ini merupakan antara beberapa inisiatif yang telah dilaksanakan untuk meringankan impak kenaikan tarif dari segi bantuan kewangan isi rumah. Maka, ketika kerajaan persekutuan menyatakan bahawa 85% rakyat Malaysia tidak terkesan, bantuan ini dianggap perlu bagi 15% golongan rakyat berbaki untuk meringankan beban berlebihan terhadap kos sara hidup mereka.

» Krisis Air Tidak Terhasil (Non-Revenue Water – NRW): Detik Kritis untuk Transformasi Tarif Air

Kenaikan tarif air adalah amat penting kerana pihak kerajaan perlu menggalakkan pihak berkuasa air negeri untuk mengurangkan Air Tidak Terhasil (NRW), iaitu jumlah air terawat yang hilang atau tidak boleh digunakan sebelum sampai kepada pengguna akhir. BMB Securities melaporkan bahawa sektor air negara menghadapi kerugian tahunan lebih RM2 billion hasil NRW dengan beberapa negeri kehilangan lebih daripada 60% air terawat, disebabkan kemarau dan pendanaan yang tidak mencukupi.

Paras NRW yang lebih tinggi menunjukkan indikator ketidakcekapan sistem seperti kebocoran, kecurian dan pembilan yang tidak tepat. Bagi menangani isu yang kian berlarutan dek ketidakcekapan sektor air negara, SPAN haruslah menetapkan sistem perbelanjaan CAPEX yang adil dan telus, serta memulakan langkah-langkah pembiayaan atau pendanaan yang lebih kreatif diinspirasikan daripada ADB, EIB, AIB dan Bank Dunia untuk meningkatkan kapasiti pemprosesan air seluruh negara.



Rajah 2b: Paras Air Tidak Terhasil (NRW) (%) Negeri, 2018 - 2023
Sumber: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), The Edge Malaysia

Sepertimana dinyatakan di Rajah 2b di atas, dari tahun 2018-2023, Perlis merupakan negeri dengan paras NRW tahunan tertinggi, mencatat 64.5% pada 2023, diikuti rapat negeri Kelantan, Kedah, dan Pahang. Hal demikian disebabkan infrastruktur air yang kurang memuaskan berdekad lamanya, dan perancangan pentadbiran yang suram. Johor mengalami paras NRW yang terendah setiap tahun, dengan julatnya bermula pada kadar 24.8% hingga 26.7% sepanjang tempoh enam tahun dibandingkan dengan negeri lain. Hal ini direalisasikan oleh RANHILL SAJ dan operasi infrastruktur air kerajaan negeri yang cekap.

Walaupun paras purata NRW Semenanjung Malaysia dan Labuan ialah memuaskan dalam tempoh yang sama, ancaman NRW sentiasa memerlukan pendanaan yang lebih besar, dek desakan demi desakan untuk melaksanakan semakan semula tarif air. Justeru, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) komited untuk membantu kerajaan persekutuan dan negeri untuk mengurangkan paras NRW. Namun begitu, untuk menangani isu ini, kadar tarif lebih tinggi amatlah diperlukan bagi operator air untuk mengganti semula paip asbestos-simen (AC) yang lapuk, sebahagiannya pula telah mencecah usia 50 tahun, dan dalam keadaan yang amat kritikal. Paip AC yang berada di Semenanjung Malaysia dan Labuan sepanjang 39,572km, yang mana sebahagian besar daripadanya terletak di Johor, Kedah, Selangor, dan Perak. Dengan pendanaan penyelenggaraan mencecah RM35.8 bilion diperlukan PAAB untuk diberikan kepada operator-operator negeri, mereka perlu meningkatkan kadar tarif untuk mengimbangi kos CAPEX ini, bagi menjamin sistem bekalan air yang lebih baik.

Pihak kerajaan persekutuan terus memperuntukkan geran RM2.53 bilion dalam Belanjawan 2025 bagi merealisasikan usaha ini. Johor amat beruntung kerana RANHILL Technologies membiayai RM283.89 juta khusus untuk program pengurangan NRW. Sebelumnya pada tahun 2023, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) juga memperuntukkan sejumlah RM17.68 bilion kepada 10 kerajaan negeri untuk menstruktur semula industri air, dengan Johor menerima RM961.8 juta.

>> Pelaksanaan Tarif Air bagi Negeri-Negeri Berbeza

Sepertimana dinyatakan sebelum ini, pelaksanaan tarif ini akan bergantung kepada setiap kerajaan negeri dengan tadbir urusnya diletakkan di bawah pengawasan SPAN. Pada bulan Ogos 2025, operator air daripada 10 negeri dan satu Wilayah Persekutuan antaranya Pulau Pinang, Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, dan Pahang memohon supaya semakan semula tarif air diadakan. Di Pulau Pinang, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) menanggung pelaksanaan bagi tempoh enam bulan, lantas menanggung kos RM40 juta. Kenaikan ini dijangka memberi manfaat kepada 715,957 warga Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, kenaikan bil air menerusi struktur baharu tersebut tidak dapat dielakkan buat 98,155 pengguna bukan domestik di negeri itu yang menggunakan sehingga 200 meter padu sebulan yang bakal menyaksikan kenaikan bil mereka dengan purata RM3.60 sehingga RM35.70 sebulan. PBAPP pula akan menjana tambahan RM20 juta dalam tempoh ini.

Dalam masa yang sama, Perak kekal dikecualikan daripada kenaikan tarif Ogos 2025 bawah Mekanisme TSM TP2. Kerajaan negeri itu telah bersetuju untuk kekal berkecuali dan mengekalkan kadar semakan semula 2024, untuk mengelak daripada membebankan penggunanya. Buat Perlis pula, kerajaan negerinyaewartakan kenaikan tarif menurut Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kadar Perkhidmatan Bekalan Air) (Negeri Perlis) (Pindaan) 2025. Dengan pewartaan ini, bil bulanan biasa akan meningkat sebanyak 22% daripada RM7.29 kepada RM8.80. Hal ini menimbulkan rasa tidak senang dan kritikan dalam kalangan pengguna kerana kenaikan ini dianggap tidak adil jika dibandingkan dengan kualiti perkhidmatan tidak memuaskan oleh Syarikat Air Perlis (SAP) dan kadar NRW tinggi berjumlah 62%.

Terengganu juga menyusul dengan memperkenalkan tarif air, memperlihatkan kenaikan buat pengguna domestik sebanyak 8 sen per meter padu bagi kegunaan 20 meter padu yang pertama. Dengan caj minimum berjumlah RM6.60, kenaikan ini memberi kesan kepada taraf hidup penduduk negeri Terengganu. Bagi meringankan bebanan kos, Syarikat Air Terengganu (SATU) dan kerajaan negeri mengekalkan subsidi air percuma sebanyak 20 meter padu sebulan bagi isi rumah B40, masjid serta surau yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT). Kerajaan Negeri Pahang pula berbincang terlebih dahulu dengan SPAN untuk menangani hal-hal kawal selia, manakala Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Kedah dan Kelantan bersetuju dengan semakan semula tersebut kerana tindakan itu mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dan mengimbangi kos yang kian mencanak naik. Di Johor, RANHILL SAJ merancang pelarasan ini dengan amat teliti, meskipun mengekalkan tarif air termahal berjumlah RM1.05 per meter padu. Amalan berhemah negeri-negeri ini memastikan bahawa pengguna akhir tidak akan terkesan hasil kenaikan tarif ini.

>> Reaksi dan Tindak Balas Pihak Industri

Reaksi bercampur-baur dapat dilihat daripada pihak industri. Persatuan Air Malaysia (MWA) telah menyokong semakan semula air yang telus dan seimbang kerana ia terkesan teruk dengan infrastruktur yang dimamah usia, kos operasi meningkat dan eksternaliti perubahan iklim. Dengan adanya permohonan pelarasan daripada operator 10 negeri tersebut, hal yang demikian amatlah perlu untuk menjamin kelestarian bekalan air jangka masa panjang di Malaysia. MWA mengakui bahawa kenaikan ini diperlukan untuk menangani isu-isu yang menjejaskan bekalan air negara seperti permintaan yang kian meningkat daripada pusat-pusat data, bencana banjir yang tidak putus-putus dan infrastruktur yang tidak stabil.

CIMB juga senada dalam pendirian mereka, menekankan dengan adanya kadar disemak semula, aliran hasil tambahan itu boleh digunakan untuk menaik taraf dan membersihkan loji-loji rawatan air (WTP), serta menggantikan paip-paip lama. Langkah ini amat diperlukan terutamanya di Johor dek kerana anjakan paradigma menerusi koridor ekonomi khas dan zon industri di JS-SEZ. Tambahan pula, langkah ini juga akan menambah baik bekalan air mentah menerusi pembinaan kemudahan penyimpanan luar sungai, penuaian air hujan dan menggunakan air terawat semula untuk menjana sistem penyejukan pusat data. Langkah-langkah ini memudah cara pelaburan-pelaburan penting yang diperlukan dalam Pelan Transformasi Sektor Air (AIR 2040).

>> Serampang Dua Mata Bagi Pengguna dan Pusat Data Johor?

Melihat daripada sudut pandang isi rumah Johor, kenaikan tarif 2024 oleh RANHILL, yang merupakan kenaikan pertama sejak 2015 akan menyebabkan kenaikan bil kerana kadar baharu RM1.05 per meter padu meningkat berbanding 80 sen sebelumnya jika mereka menggunakan sehingga 20 meter padu air. Bagi penggunaan melebihi 35 meter padu, kadar itu meningkat lagi kepada RM3.15 per meter padu, lantas menambah jumlah bil air isi rumah kepada RM150 sebulan.

Kenaikan ini membuka ruang bagi RANHILL untuk menggantikan paip-paip lama dan menaik taraf sistem air Johor bawah pelan "Kebergantungan Sifar" Johor berjumlah RM5 bilion untuk menamatkan kebergantungan terhadap air terawat Singapura menjelang tahun 2030. Kenaikan tarif itu hanya memberi kesan yang tidak memudaratkan kepada mereka kerana rebat air sebanyak 25 meter padu akan diperluas kepada penerima e-Kasih, justeru memudahkan bebanan harian mereka.

Lantaran itu, pelarasan tarif air 2025 di Johor oleh RANHILL SAJ hanya menyasarkan pengguna domestik berpenggunaan tinggi (penggunaan melebihi 35 meter padu sebulan) seperti industri dan pengguna bukan domestik, pusat-pusat data dan perkapalan. Sebahagian besar isi rumah Johor, penerima e-Kasih dan pusat-pusat ibadat dikecualikan daripada kenaikan ini. Pendapatan RANHILL bagi Tahun Kewangan 2026 (FY26) akan mengalami pertumbuhan 16% dek kenaikan tarif air, hasil kapasiti operasi pusat data 627MW pada FY26 dan kadar khas dikenakan buat pusat-pusat data.

Namun begitu, ketika negeri Johor dikatakan akan menjadi hab serantau untuk pusat data, RANHILL SAJ sedang bergelut menghadapi cabaran baru untuk menyelamatkan sektor ini dek bekalan air yang tidak stabil. Setakat tahun 2024, mereka menerima permohonan bekalan air yang tidak terkawal daripada pusat-pusat data berjumlah 440 juta liter sehari (MLD) menjelang 2035. Permohonan-permohonan ini tertumpu di kawasan-kawasan seperti Johor Bahru, Iskandar Puteri, Sedenak, Kulai, Senai, Pasir Gudang, and Pontian. Permintaan ini dijangka mencecah 514 MLD, merangkumi 26.1% kapasiti reka bentuk loji rawatan air dan 31% jumlah permintaan air.

Dengan adanya pengkategorian tarif baharu untuk pusat-pusat dan pembangunan JS-SEZ yang pesat pada 2025, Projek Kebergantungan Sifar berfokus kepada pembinaan tiga kolam takungan air (reservoir) di sepanjang pesisir Sungai Johor, Sungai Pontian Besar dan Sungai Sedili Besar dengan kos keseluruhan sebanyak RM1.6 bilion, lantas projek ini akan meningkatkan bekalan air terawat Johor mencecah 41% kepada 3,061 MLD. Pusat-pusat takungan air ini secara signifikannya akan meningkatkan rizab simpanan air untuk memenuhi permintaan air daripada pengguna serta pusat-pusat data di sekitar kawasan JS-SEZ. RANHILL juga akan membiayai tiga loji rawatan baharu bagi melaksanakan inisiatif ini. Sebagai tindak balas mereka, pusat-pusat data di Johor juga memilih langkah yang lebih mampan dan lestari dalam menjana proses penyejukan air.

Umumnya, isi rumah dan pengguna Johor tidak akan terkesan daripada kenaikan kedua-dua kategori tarif air, namun industrinya yang menjadi denyut nadi ekonomi negeri akan menghadapi pelbagai cabaran. Natiujahnya, rakyat Johor dijangka akan menghadapi risiko-risiko lebih besar yakni gangguan bekalan dan bekalan air yang kian meruncing kerana air diperlukan untuk memenuhi keperluan pusat data bagi jangka masa pendek hingga jangka masa panjang, jika isu ini tidak diuruskan oleh RANHILL dan kerajaan negeri secara berhemah.

Oleh itu, adalah amat penting bagi para pengguna di negeri Johor dan rata-rata di Malaysia untuk tidak menggunakan air secara berlebihan. Mereka harus melibatkan diri mereka dengan banyak kempen kesedaran untuk menambah baik kualiti air serta mematuhi kenaikan tarif air yang begitu diperlukan sekali. Kenaikan ini adalah amat diperlukan bagi kemandirian dan ketahanan ekosistem bekalan air negara.


3.3 SUBSEKTOR PERDAGANGAN BORONG DAN RUNCIT

Pada tahun 2024, subsektor Perdagangan Borong dan Runcit memainkan peranan penting dalam memperkukuh pertumbuhan sektor perkhidmatan Johor. Subsektor Perdagangan Borong dan Runcit menyumbang sebanyak 23.8% kepada sektor perkhidmatan. Pada tahun 2024, subsektor ini merencanakan kadar pertumbuhan 5.2%, sedikit menurun daripada 5.3% pada tahun 2023. Namun, ia kekal didorong oleh peningkatan aktiviti segmen runcit.



Rajah 3.13: Pertumbuhan Subsektor Perkhidmatan Negeri Johor, 2022 – 2024 (Perdagangan Borong & Runcit)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



Rajah 3.14: Pertumbuhan Subsektor Perkhidmatan Negeri Johor, 2024 (Perdagangan Borong & Runcit)
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

3.3.1 Perdagangan Borong

Selain itu, segmen borong turut mencatatkan prestasi positif dengan kadar pertumbuhan 3.8% (2023: 3.1%), disokong oleh peningkatan jualan barangan isi rumah serta produk makanan, minuman dan tembakau. Segmen ini menyumbang 34.6% kepada keseluruhan subsektor, mencerminkan peningkatan aktiviti pasaran borong dan permintaan pengguna di negeri ini.

3.3.2 Perdagangan Runcit


Pertumbuhan segmen runcit meningkat kepada 6.1% (2023: 5.9%), dipacu oleh aktiviti jualan runcit di stor bukan pengkhususan, diikuti oleh jualan di stor pengkhususan dan peralatan isi rumah. Dengan sumbangan 51.0%, segmen runcit kekal sebagai penyumbang utama dalam subsektor perdagangan borong dan runcit Johor.

3.3.3 Perkhidmatan Perniagaan Kenderaan Bermotor

Segmen kenderaan bermotor merangkumi 14% daripada subsektor perdagangan borong dan runcit Johor. Ia mencatatkan pertumbuhan yang stabil pada tahun 2024. Peningkatan ini disokong oleh permintaan berterusan terhadap jualan, penyelenggaraan, dan perkhidmatan pembaikan kenderaan, mencerminkan keyakinan pengguna yang berterusan serta keperluan mobiliti di negeri ini.

3.4 SUBSEKTOR PENGINAPAN, MAKANAN DAN MINUMAN

Pertumbuhan subsektor penginapan di Johor kekal memberangsangkan pada tahun 2024 dengan kadar pertumbuhan 15.1%, walaupun lebih sederhana berbanding 22.3% pada tahun 2023.



Rajah 3.15: Pertumbuhan Subsektor Perkhidmatan Negeri Johor, 2022 – 2024 (Subsektor Penginapan dan Makanan & Minuman)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

3.4.1 Penginapan dan Makanan & Minuman

Subsektor Penginapan dan Makanan & Minuman di Johor mengekalkan prestasi yang kukuh pada tahun 2024 dengan kadar pertumbuhan sebanyak 15.1%, sedikit lebih rendah berbanding 22.3% pada tahun 2023. Prestasi ini dipacu oleh peningkatan ketibaan pelancong asing yang melonjak kepada 22.1 juta orang. Ini mencatatkan pertumbuhan 32.3% berbanding 16.7 juta orang pada tahun sebelumnya (2023: 95.8%). Singapura kekal sebagai penyumbang utama ketibaan pelancong ke Johor dengan 79.5%, diikuti oleh pelawat dari Indonesia dan China.

Subsektor makanan dan minuman turut menunjukkan perkembangan positif dengan pertumbuhan 3.3% (2023: 2.4%). Gabungan subsektor penginapan serta makanan dan minuman menyumbang 4.8% kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan negeri. Dengan ini, mencerminkan peningkatan aktiviti pelancongan dan perbelanjaan pelawat di Johor merupakan sumbangan terbesar kepada subsektor ini.

Negeri Utama	Nilai Ditambah (RM '000)	Bilangan Pertubuhan	Bilangan Pekerja	Gaji dan Upah (RM '000)
Johor	795,259	1,903	14,163	432,001
Pahang	783,594	1,563	14,425	361,232
Sabah	719,423	1,375	15,981	405,180

Jadual 3.2: Statistik 3 Negeri Utama bagi Aktiviti Penginapan, 2022

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (Banci Ekonomi 2023, Perkhidmatan Penginapan)

Nota: Data terkini bagi Aktiviti Penginapan adalah sehingga tahun 2022; tiada kemas kini terbaharu telah dikeluarkan.

Pada tahun 2022, Johor mempunyai sebanyak 1,903 pertubuhan dalam subsektor perkhidmatan penginapan yang menggaji seramai 14,163 orang pekerja serta merekodkan jumlah gaji dan upah sebanyak RM432.1 bilion. Pahang dan Sabah turut menunjukkan pencapaian yang hampir sama dengan Johor. Ini menunjukkan pertumbuhan subsektor perkhidmatan penginapan di Johor dan negeri-negeri lain yang terdiri daripada aktiviti yang menyediakan tempat tinggal sementara atau jangka pendek kepada pelancong, pengunjung atau individu bagi tujuan percutian, urusan perniagaan atau sebab-sebab lain.

3.4.2 Perhotelan ¹³⁰

Perkhidmatan perhotelan merujuk kepada aktiviti yang menyediakan tempat penginapan dan kemudahan yang disediakan oleh hotel, termasuk pengurusan bilik, kemudahan restoran, latihan perkhidmatan dan pengalaman pelanggan yang menyeluruh dalam industri hospitaliti.

Di negeri Johor, tahun 2024 menunjukkan perkembangan yang positif dengan purata kadar penghunian yang meningkat dari 50.7% kepada 52.3% dan jumlah penghuni hotel meningkat dari 9.6 juta pada tahun 2023 ke 10.4 juta pada tahun 2024. Ini meletakkan Johor di kedudukan ketiga tertinggi selepas Kuala Lumpur dan Pahang. Purata harga bilik juga meningkat dari RM143 kepada RM160.50 menunjukkan permintaan yang semakin bertambah.


Pada tahun 2024, negeri Johor juga menyaksikan usaha peningkatan kebolehan sumber manusia dalam industry perhotelan melalui program-program seperti Hotel Awesome Service Award (HASA) yang diadakan oleh Persatuan Hotel Malaysia (MAH) Cawangan Johor untuk mengiktiraf pekerja hotel terbaik, dengan tujuan meningkatkan profesionalisme dan menarik bakat ke dalam sektor ini. Seiring dengan pelancaran JS-SEZ, industri perhotelan di Johor dijangka terus berkembang, dengan peningkatan bilangan pelancong dan pelaburan dalam hotel dan resort bertaraf tinggi.

3.5 SUBSEKTOR PELANCONGAN


3.5.1 Ketibaan dan Penerimaan Pelancong

Pada tahun 2024, pelancongan domestik di Johor terus menunjukkan trajektori pertumbuhan positif, didorong oleh peningkatan aktiviti perjalanan dalam kalangan penduduk Malaysia selepas pembukaan semula sepenuhnya aktiviti ekonomi, serta kemunculan tarikan dan aktiviti pelancongan baharu di negeri ini. Jumlah pelawat domestik meningkat sebanyak 8.4%, mencecah 17.1 juta berbanding 15.8 juta pada tahun 2023. Selain itu, jumlah perjalanan turut meningkat sebanyak 16.4%, daripada 16.5 juta perjalanan pada 2023 kepada 19.2 juta perjalanan pada 2024.

Perbelanjaan pelancongan juga mencatat pertumbuhan kukuh. Hasil pelancongan domestik Johor meningkat sebanyak 16.6%, iaitu daripada RM6.7 bilion pada tahun 2023 kepada RM7.8 bilion pada tahun 2024. Purata hasil bagi setiap perjalanan menunjukkan peningkatan kecil sebanyak 0.19%, meningkat daripada RM406 pada tahun 2023 kepada RM407 pada tahun 2024. Tempoh purata penginapan turut bertambah sedikit, daripada 2.18 malam pada tahun 2023 kepada 2.55 malam pada tahun 2024.



Rajah 3.16: Jumlah Hasil (RM Juta) dan Pertumbuhan Tahunan, 2020-2024
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



Rajah 3.17: Pelawat Domestik ('000) dan Pertumbuhan Tahunan, 2020-2024
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

3.5.2 Pelancong dan Pelawat Domestik

Pelawat terdiri daripada dua kategori iaitu pelawat harian (excursionists) dan pelancong yang bermalam (tourists). Pada tahun 2024, peningkatan ketibaan pelawat domestik didorong oleh pertumbuhan dalam kedua-dua kategori ini. Bilangan pelawat harian meningkat sebanyak 11.3%, kepada 7.7 juta berbanding 6.9 juta pada tahun 2023. Sementara itu, ketibaan pelancong yang bermalam turut meningkat sebanyak 6.3%, mencatatkan 9.5 juta pelawat berbanding tahun sebelumnya.

Dari segi perbelanjaan, kedua-dua kategori pelawat iaitu harian dan bermalam turut menunjukkan pertumbuhan positif. Daripada jumlah keseluruhan hasil pelancongan, perjalanan bermalam menyumbang sebanyak 75.1%, manakala baki 24.9% disumbangkan oleh perjalanan harian. Hasil daripada perjalanan harian mencatat RM1,814 juta pada tahun 2024, peningkatan sebanyak 42.7% berbanding RM1,362 juta pada tahun 2023. Sementara itu, hasil daripada perjalanan bermalam berjumlah RM5,871 juta, meningkat sebanyak 10% berbanding tahun sebelumnya.

3.5.3 Perbelanjaan Pelawat


Sumbangan perbelanjaan pelawat terhadap hasil pelancongan merangkumi pelbagai komponen. Komponen perbelanjaan terbesar oleh pelawat di Johor ialah aktiviti membeli-belah, yang menyumbang 32.4% daripada jumlah keseluruhan hasil pelancongan. Ini diikuti oleh perbelanjaan untuk makanan dan minuman (15.2%), pembelian bahan api kenderaan (14.2%) serta penginapan (13.2%).

Jenis Perbelanjaan	2023		2024	
	Resit (RM'000)	Peratus Sumbangan (%)	Resit (RM'000)	Peratus Sumbangan (%)
Membeli-belah	2,112,096	31.5	2,530,149	32.4
Pembelian bahan api kenderaan	976,142	14.6	1,107,583	14.2
Pengangkutan	532,389	7.9	609,000	7.8
Makanan & minuman	1,017,258	15.2	1,184,686	15.2
Penginapan	967,492	14.4	1,030,010	13.2
Perbelanjaan sebelum perjalanan / pakej/ bayaran masuk/ tiket	250,643	3.7	260,313	3.3
Aktiviti-aktiviti lain	231,663	3.5	303,736	3.9
Perbelanjaan oleh isi rumah yang dilawati	61,655	0.9	798,939	10.1
Jumlah Resit	6,699,110	100	7,814,416	100.0


Jadual 3.3: Jumlah Hasil daripada Pelawat Domestik ke Johor Mengikut Komponen, 2023 dan 2024
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Selain itu, tujuan utama pelancong melancong ke Johor pada tahun 2024 adalah untuk melawat saudara-mara dan rakan, yang menyumbang 65% daripada jumlah perjalanan bermalam (2023: 68.1%). Tujuan kedua tertinggi ialah percution, riadah dan santai (22%), diikuti oleh aktiviti membeli-belah (6%).

Pada tahun 2024, lima destinasi pilihan utama pelawat kekal sama seperti tahun 2023. Antara destinasi yang menjadi tumpuan ialah Johor Premium Outlet, Adventure Waterpark Desaru Coast, Pantai Tanjung Balau, KSL City Land dan Legoland.



Rajah 3.18: Perjalanan Pelancong Mengikut Tujuan Utama, 2024
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



Rajah 3.19: Perjalanan Pelawat Domestik Mengikut Tujuan Utama, 2024
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

3.5.4 Pelancong Asing

Pada tahun 2024, pelancong dari Asia Tenggara terus membentuk majoriti ketibaan pelancong asing ke Malaysia melalui Johor, merangkumi 84.7% daripada jumlah keseluruhan pelancong antarabangsa. Pemulihan berterusan ini memperkukuh momentum positif yang telah dicatatkan pada tahun 2023 selepas kemerosotan ketara semasa pandemik Covid-19.

Singapura kekal sebagai pasaran sumber utama, menyumbang lebih 17.5 juta ketibaan (78.1%), diikuti oleh Indonesia dengan 1.36 juta (6.1%) dan China dengan 1.0 juta (4.48%). Walaupun ketibaan dari Indonesia dan Hong Kong menurun berbanding tahun 2023, beberapa pasaran bukan ASEAN menunjukkan pertumbuhan kukuh, termasuk China, Taiwan dan Jepun – mencerminkan kepelbagaian yang semakin meluas dalam sumber pelancong ke Johor pada tahun 2024.

Negara Asal	Bilangan Pelancong Asing		Pertumbuhan Tahunan (%)		Peratus Sumbangan (%)	
	2022	2023	2024	2023	2024	2024
Singapura	6,920,179	13,496,949	17,559,492	95.04%	30.10%	78.14%
Indonesia	1,367,227	1,953,862	1,363,940	67.40%	-30.20%	6.07%
Jepun	32,753	73,372	100,416	124.02%	36.86%	0.45%
China	168,707	318,153	1,005,633	88.58%	295.08%	4.48%
Thailand	34,879	77,945	100,980	122.83%	29.55%	0.45%
UK	38,770	56,775	67,929	97.34%	19.65%	0.30%
Australia	30,297	63,891	70,595	110.88%	10.49%	0.31%
Hong Kong	112	264	200	135.7%	-24.24%	0.00%
Taiwan	30,092	99,481	362,863	230.59%	264.76%	1.61%
Brunei	2,546	6,940	6,409	162.28%	-7.65%	0.03%
Lain-lain	805,105	1,410,783	1,832,904	75.23%	29.92%	8.16%
Jumlah	9,220,867	17,558,535	22,471,361	90.42%	27.98%	100.00%


Jadual 3.4: Kemasukan Warga Asing ke Malaysia melalui Negeri Johor Mengikut Negara Asal, 2022-2024
 Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Johor

3.6 SUBSEKTOR PENGANGKUTAN DAN PENYIMPANAN

3.6.1 Perkhidmatan Pengangkutan dan Penyimpanan

Pada tahun 2024, subsektor pengangkutan dan penyimpanan terus memainkan peranan penting dalam sektor Perkhidmatan Johor dengan sumbangan sebanyak 8.7%. Daripada jumlah tersebut, pengangkutan darat merupakan penyumbang terbesar (26.7%), diikuti oleh pelabuhan dan operasi penerbangan (25.5%), pengangkutan lain (25.1%), segmen operasi lebuhraya (8.9%), pengangkutan air (6.5%), pos dan kurier (4.4%) dan pengangkutan udara (3.0%).

Pertumbuhan subsektor ini kekal kukuh pada kadar 9.1%, dipacu oleh peningkatan aktiviti pengangkutan lain (10.8%), diikuti pengangkutan darat (9.0%), serta pelabuhan dan operasi penerbangan (8.0%). Perkembangan ini mencerminkan peningkatan kecekapan rangkaian logistik dan pengangkutan negeri yang menyokong aktiviti perdagangan serta mobiliti penumpang dan barangan di Johor.



Rajah 3.20: Pertumbuhan Subsektor Perkhidmatan Negeri Johor, 2022 – 2024 (Pengangkutan dan Penyimpanan) Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

3.6.2 Pengangkutan Darat

Pengangkutan darat terdiri daripada dua mod utama, iaitu pengangkutan jalan raya dan pengangkutan rel. Kadar pertumbuhan pengangkutan jalan raya mencerminkan pergerakan penumpang dan barangan melalui bas awam, kereta persendirian serta kenderaan komersial. Selain itu, aktiviti dalam segmen pengangkutan rel menggambarkan jumlah penumpang dan kargo yang dikendalikan di stesen KTMB di seluruh Negeri Johor. Pada tahun 2024, subsektor pengangkutan darat terus mencatat pertumbuhan selaras dengan peningkatan aktiviti ekonomi negeri.

3.6.3 Pengangkutan Jalan Raya


Sektor pengangkutan jalan raya Johor terus memainkan peranan penting sebagai pemangkin kepada pelbagai aktiviti ekonomi, khususnya dalam sektor logistik, perdagangan borong dan runcit, serta pembuatan. Pertumbuhan dalam sektor ini turut menjana kesan limpahan (spillover effects) terhadap perkhidmatan hiliran berkaitan seperti insurans, pembiayaan, penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan.

Infrastruktur lebuhraya Johor yang dibangunkan dengan baik – termasuk laluan utama seperti Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS), Lebuhraya Skudai dan Lebuhraya Pesisiran Iskandar – menyokong tahap keterhubungan antara bandar dan dalam negeri yang kukuh. Wilayah Iskandar Malaysia juga kekal sebagai hab utama pembangunan infrastruktur sejak tahun 2006, yang terus menjadi pusat aliran trafik serta aktiviti logistik di negeri ini.

Pada tahun 2024, aktiviti pengangkutan keseluruhan meneruskan trajektori pertumbuhan positif, disokong oleh ketahanan ekonomi dan perbelanjaan pengguna yang stabil. Pendaftaran kenderaan persendirian baharu meningkat sebanyak 1.9% kepada 14,052 unit. Segmen motosikal turut mencatat pertumbuhan 7.5% kepada 20,356 unit, mencerminkan permintaan berterusan daripada ekonomi gig, khususnya dalam sektor e-dagang dan perkhidmatan penghantaran makanan. Fenomena ini menunjukkan perubahan struktur terhadap corak keperluan pengangkutan pasca pandemik.

Bagi kategori komersial, pendaftaran kenderaan barangan kekal stabil pada 4,571 unit, menurun sedikit sebanyak 5.1% berbanding tahun 2023. Sementara itu, kenderaan pengangkutan awam dan perkongsian menunjukkan prestasi bercampur. Pendaftaran bas meningkat dengan ketara sebanyak 169.4% kepada 291 unit, berkemungkinan disokong oleh pelaburan baharu dalam armada pengangkutan awam atau peluasan perkhidmatan antara bandar. Sebaliknya, pendaftaran kenderaan sewa kereta menurun sebanyak 51.6% kepada hanya 15 unit, manakala pendaftaran teksi menurun sebanyak 47% kepada 8 unit, sejajar dengan trend jangka panjang yang dipengaruhi oleh dominasi platform e-hailing dan perubahan keutamaan pengguna.

Secara keseluruhan, pertumbuhan sektor pengangkutan jalan raya Johor pada tahun 2024 mencerminkan daya dinamik ekosistem ekonomi negeri – dipacu bukan sahaja oleh perbelanjaan pengguna, tetapi juga oleh aktiviti perdagangan serantau, operasi pelabuhan serta keperluan mobiliti rentas sektor.



Rajah 3.21: Bilangan Kenderaan Baharu yang Didaftarkan di Negeri Johor, 2020–2024
 Sumber: Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Johor

3.6.4 Pengangkutan Rel

Pengangkutan rel berperanan penting sebagai alternatif utama kepada pengangkutan jalan raya bagi perjalanan antara bandar dan logistik di Johor. Perkhidmatan ini secara umumnya terbahagi kepada dua segmen utama, iaitu perkhidmatan penumpang (antara bandar dan antara stesen) serta perkhidmatan kargo.

Perkhidmatan penumpang rel di Johor menunjukkan pemulihan yang kukuh dan pertumbuhan tahunan (YoY) yang stabil. Perkhidmatan antara bandar – merujuk kepada tren yang melalui Johor menuju ke negeri lain mencatatkan seramai 3.9 juta penumpang, menurun sedikit sebanyak 1.5% berbanding tahun 2023, namun hampir dua kali ganda berbanding angka tahun 2022. Sementara itu, perkhidmatan antara stesen yang melibatkan penumpang menaiki tren di stesen-stesen dalam negeri Johor turut menunjukkan pertumbuhan memberangsangkan. Bilangan penumpang meningkat kepada 2.49 juta pada tahun 2024, peningkatan sebanyak 2.9% berbanding 2.42 juta pada tahun 2023. Peningkatan ini menggambarkan kebangkitan semula yang kukuh dalam perkhidmatan mobiliti berasaskan rel di Johor, didorong oleh peningkatan kekerapan perkhidmatan, aksesibiliti yang lebih baik, serta kebergantungan yang meningkat terhadap pengangkutan awam.

Bagi segmen kargo, pengangkutan rel di Johor mencatat pertumbuhan luar biasa sebanyak 13,601.3% berbanding tahun 2023. Jumlah kargo yang dikendalikan oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) melonjak secara mendadak daripada 46,864 tan metrik pada tahun 2023 kepada 6.393 juta tan metrik pada tahun 2024. Peningkatan ketara ini berkemungkinan didorong oleh peningkatan kapasiti operasi, pembukaan semula laluan strategik kargo, serta peningkatan permintaan logistik di kawasan perindustrian utama negeri. Kemajuan ini juga menjadi faktor kepada Tanjung Pelepas mengekalkan kedudukannya di tangga ke-15 di peringkat global dalam senarai pelabuhan tersibuk dunia pada tahun 2024.

Melangkah ke hadapan, KTMB dan Rail Asset Corporation (RAC) dijangka memperkenalkan perkhidmatan penumpang baharu di laluan Pasir Gudang–Kempas Baru dalam tempoh enam hingga 12 bulan akan datang, dengan sekurang-kurangnya tiga stesen baharu dirancang sepanjang laluan tersebut. Inisiatif ini turut susulan pembukaan semula landasan yang dinaik taraf sepanjang 39.9 kilometer untuk operasi kargo, yang telah meningkatkan kapasiti pengendalian kontena KTMB daripada 140 kepada 420 unit setara kaki (TEU) sehari serta meningkatkan kekerapan perjalanan daripada dua kepada enam perjalanan harian. Pembangunan ini dijangka memperkukuh keterhubungan antara Pelabuhan Pasir Gudang dengan pelabuhan utama di seluruh Semenanjung Malaysia, termasuk rangkaian ke Thailand dan China.

Kategori	2020	2021	2022	2023	2024
Bilangan penumpang adalah berdasarkan jumlah perkhidmatan tren antara bandar yang melalui Negeri Johor (intercity)	860,203	97,720	2,024,620	3,966,675	3,905,207
Bilangan penumpang adalah berdasarkan jumlah individu yang menaiki tren di stesen-stesen dalam Negeri Johor	523,654	53,710	1,196,339	2,438,526	2,468,365
Kargo (Metrik Tan)	290,447	241,153	298,945	46,664	6,393,572

Jadual 3.5: Bilangan Penumpang dan Kuantiti Barangan yang Dikendalikan oleh KTMB di Negeri Johor, 2020–2024


Sumber: Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)

3.6.5 Pengangkutan Laut

Pelabuhan Pasir Gudang, yang juga dikenali sebagai Pelabuhan Johor, berfungsi sebagai pelabuhan utama bagi Negeri Johor. Pelabuhan ini mengendalikan pelbagai jenis kargo termasuk kargo am, pukal kering, pukal cecair dan kontena. Sepanjang beberapa tahun kebelakangan ini, pelabuhan tersebut telah menunjukkan prestasi yang stabil dan konsisten.

Pada tahun 2024, Pelabuhan Johor terus mencatat pertumbuhan positif dengan jumlah kendalian kontena mencecah 1,059,116 unit setara kaki (TEU), peningkatan sebanyak 12.5% berbanding 941,086 TEU pada tahun 2023. Trend positif ini sejajar dengan peningkatan dalam jumlah berat kargo kontena (freight weight tonnage, FWT), yang meningkat kepada 13,037,635 tan pada tahun 2024 berbanding 12,300,005 tan pada tahun sebelumnya.

Sebagai salah satu terminal utama rantau ini bagi penyimpanan minyak sawit, Pelabuhan Johor terus memainkan peranan penting dalam aktiviti import dan eksport komoditi utama negara, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai hab logistik strategik di Selatan Semenanjung Malaysia.



Rajah 3.22: Jumlah Kargo yang Dikendalikan oleh Pelabuhan Pasir Gudang di Negeri Johor, 2020-2024 (Tan Metrik)

Sumber: Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ)

Kategori	2020	2021	2022	2023	2024
FWT (Berat Kargo dalam Tan)	12,740,002	11,951,082	11,708,016	12,300,005	13,037,635
TEUs (Dua Puluh Kaki Unit Setara)	1,005,123	937,205	918,598	941,086	1,059,116

Jadual 3.6: Jumlah Kontena yang Dikendalikan di Pelabuhan Johor (TEU), 2020-2024

Sumber: Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ)

Nota:

(1) **FWT** – jumlah isipadu kargo dalam unit Freight Weight Tonnage (FWT) yang merangkumi kargo pukal kering, kargo kontena, pukal cecair dan kargo am.

(2) **TEU** – twenty-foot equivalent unit atau unit setara dua puluh kaki, iaitu ukuran isipadu bagi satu kontena sepanjang dua puluh kaki.

Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), pelabuhan kedua terbesar di Johor, turut dianggap sebagai terminal kontena paling maju di Malaysia. Pada tahun 2024, pelabuhan ini mengendalikan sejumlah 12,253,309 unit setara dua puluh kaki (TEU), mencatat peningkatan ketara sebanyak 16.9% berbanding 10,480,537 TEU pada tahun 2023. Pertumbuhan ini mencerminkan penambahbaikan dalam aliran perdagangan global serta peningkatan permintaan terhadap pergerakan kargo berasaskan kontena.

Walau bagaimanapun, meskipun jumlah kendalian kontena meningkat, pelabuhan ini merekodkan penurunan dalam jumlah *freight weight tonnage (FWT)*. Pada tahun 2024, PTP mengendalikan sebanyak 135,372,340 FWT, menurun sebanyak 8.7% berbanding 148,261,086 FWT pada tahun 2023. Keadaan ini menunjukkan bahawa walaupun jumlah kontena meningkat, keseluruhan berat kargo yang dikendalikan adalah lebih ringan. Fenomena ini berkemungkinan disebabkan oleh peningkatan bahagian kargo bernilai tinggi tetapi ringan seperti produk elektronik, barangan pengguna dan penghantaran e-dagang, manakala pergerakan kargo bersaiz besar seperti barangan industri berat menunjukkan pertumbuhan yang lebih perlahan.

Kategori	2020	2021	2022	2023	2024
FWT (Berat Kargo dalam Tan)	144,624,029	168,059,151	151,576,767	148,261,086	135,372,340
TEUs (Dua Puluh Kaki Unit Setara)	9,846,107	11,200,245	10,512,806	10,460,587	12,253,308

Jadual 3.7: Jumlah Kontena yang Dikendalikan di Pelabuhan Tanjung Pelepas, 2020–2024

Sumber: Kementerian Pengangkutan Malaysia

3.6.6 Pengangkutan Udara

Pada tahun 2023, industri penerbangan Malaysia menunjukkan pemulihan kukuh selepas tempoh penurunan mendadak akibat pandemik COVID-19. Jumlah penumpang meningkat dengan ketara kepada 46.41 juta orang. Dengan ini, ia mencerminkan peningkatan semula perjalanan domestik dan antarabangsa berikutan pembukaan sempadan sepenuhnya serta peningkatan kekerapan penerbangan oleh syarikat penerbangan utama negara.

Dari segi pergerakan pesawat, sebanyak 728,077 pergerakan direkodkan, meningkat kira-kira 25% berbanding tahun sebelumnya (2022) yang menunjukkan peningkatan operasi penerbangan bagi laluan domestik dan serantau. Sementara itu, pergerakan kargo mencatatkan 928,933 tan, sedikit menurun berbanding 2022 (1.1 juta tan). Penurunan ini sebahagiannya berpunca daripada penyusutan permintaan kargo udara global selepas lanjutan pada era pandemik, serta pemulihan rantai bekalan laut dan darat yang mengurangkan kebergantungan terhadap penghantaran udara.

Perangkaan Operasi Tahunan Pembawa Malaysia	2019	2020	2021	2022	2023
Bilangan Penumpang Diangkut (Juta)	59.9	16.65	5.31	29.11	46.41
Bilangan Pergerakan Pesawat	956,456	373,327	248,596	582,624	728,077
Pergerakan kargo (tan)	986,906	820,901	1,070,638	1,105,459	928,933

Jadual 3.8: Statistik Operasi Tahunan Pengendali Penerbangan Malaysia, 2019–2023

Sumber: Analisis MAVCDM, Lapangan Terbang

Jumlah kargo yang dikendalikan oleh Lapangan Terbang Antarabangsa Senai mencatat pertumbuhan sebanyak 10.1%, dengan jumlah kendalian sebanyak 8,242,044 kilogram pada tahun 2024 berbanding 7,487,323 kilogram pada tahun 2023, meliputi segmen domestik dan antarabangsa. Dalam segmen domestik, jumlah kendalian kargo menurun sedikit sebanyak 3.8%, kepada 5,503,678 kilogram pada tahun 2024 berbanding 5,722,295 kilogram pada tahun 2023. Penurunan ini disebabkan oleh pengurangan jumlah kargo domestik yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai. Keadaan ini berkemungkinan berpunca daripada permintaan yang lebih perlahan dalam pasaran tempatan serta kebergantungan yang lebih tinggi terhadap pengangkutan darat bagi pengedaran jarak dekat.

Sebaliknya, segmen kargo antarabangsa menunjukkan pertumbuhan kukuh sebanyak 55.1%, meningkat daripada 1,765,028 kilogram pada tahun 2023 kepada 2,738,366 kilogram pada tahun 2024. Peningkatan ini menonjolkan pertumbuhan aliran perdagangan antarabangsa serta kebergantungan yang semakin meningkat dalam kalangan perniagaan dan pengguna terhadap perkhidmatan kargo udara antarabangsa bagi tujuan pengedaran dan logistik.

Secara keseluruhannya, prestasi tahun 2024 menunjukkan perubahan dalam dinamik kargo udara, di mana pertumbuhan kini disokong terutamanya oleh permintaan antarabangsa yang kukuh, sementara segmen kargo domestik mencatat sedikit penyusutan.

Domestik					
Kategori	2020	2021	2022	2023	2024
Ketibaan	2,015,770	1,789,912	2,294,417	2,798,337	2,432,905
Pelapasan	3,058,862	1,773,895	2,735,872	2,923,956	3,070,773
Jumlah	5,074,632	3,563,717	5,030,089	5,722,295	5,503,678
Antarabangsa					
Ketibaan	2,465,099	2,458,505	1,671,024	1,010,425	1,504,518
Pelapasan	2,590,186	2,223,836	791,690	754,603	833,848
Jumlah	5,045,285	4,682,341	2,462,914	1,765,028	2,738,366
Jumlah Keseluruhan	10,119,917	8,246,058	7,493,003	7,487,323	8,242,044

Jadual 3.9: Bilangan Pergerakan Kargo (Kilogram) di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor, 2020-2024

Sumber: Lapangan Terbang Sultan Ismail Johor (LTSi)



Rajah 3.23: Bilangan Pergerakan Kargo (Kilogram) (Domestik dan Antarabangsa) di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor, 2020-2024

Sumber: Lapangan Terbang Sultan Ismail Johor (LTSi)

Pada tahun 2024, pergerakan penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai terus menunjukkan trajektori pertumbuhan positif dengan jumlah keseluruhan seramai 3.36 juta penumpang. Angka ini meningkat sebanyak 11.6% berbanding 3.01 juta penumpang pada tahun 2023. Pertumbuhan ini dicatatkan bagi kedua-dua segmen penumpang domestik dan antarabangsa, sekali gus menonjolkan peranan Johor sebagai hab utama pelancongan, perniagaan dan perdagangan.

Pergerakan penumpang domestik kekal sebagai tunjang utama aktiviti lapangan terbang, mencatatkan 2.73 juta penumpang menunjukkan peningkatan sebanyak 7.5% berbanding 2.54 juta pada tahun 2023. Dalam segmen ini, ketibaan dan pelepasan kekal stabil, namun pergerakan transit menunjukkan peningkatan ketara apabila jumlah penumpang transit hampir berganda kepada 28,094 orang. Sementara itu, perjalanan antarabangsa turut mencatat pertumbuhan kukuh dengan bilangan penumpang meningkat sebanyak 35.7% kepada 635,508 orang pada tahun 2024 berbanding 468,371 orang pada tahun sebelumnya.

Prestasi ini menyerlahkan momentum pemulihan industri penerbangan di Johor, di mana semua kategori pergerakan mencatat peningkatan. Pertumbuhan tersebut didorong oleh permintaan domestik yang meningkat, keyakinan terhadap perjalanan antarabangsa yang semakin pulih, serta peranan Johor sebagai pintu masuk utama perdagangan dan pelaburan global. Faktor penyumbang lain termasuk pelaksanaan dasar-dasar pembangunan seperti perkembangan Zon Kewangan dan Ekonomi Khas Johor, serta penambahbaikan dalam aktiviti dan teknologi berkaitan pelancongan.

Secara keseluruhannya, jumlah pergerakan penumpang telah kembali ke paras pra-pandemik tahun 2019 yang mencatatkan 3.01 juta penumpang. Hal ini bukan sahaja menandakan pemulihan, tetapi termasuk ke fasa pertumbuhan baharu bagi Lapangan Terbang Antarabangsa Senai.

Domestik Kategori	2020	2021	2022	2023	2024
Ketibaan	406,387	181,126	1,016,982	1,241,229	1,331,479
Pelepasan	493,825	189,573	1,026,844	1,285,633	1,366,825
Persinggahan	10,315	302	9,055	14,785	28,094
Jumlah	910,527	371,001	2,052,881	2,541,647	2,725,398
Antarabangsa					
Ketibaan	47,601	69	86,091	233,749	307,045
Pelepasan	46,389	85	86,219	234,622	328,463
Jumlah	93,990	153	172,310	468,371	635,508
Jumlah Besar	1,004,517	371,154	2,225,191	3,010,018	3,360,906

Jadual 3.10: Pergerakan Penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor, 2020-2024. Sumber: Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail




Rajah 3.24: Pergerakan Penumpang (Domestik dan Antarabangsa) di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor, 2020-2024

Sumber: Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail

3.7 SUBSEKTOR PERKHIDMATAN MAKLUMAT DAN TELEKOMUNIKASI (ICT)

Pada tahun 2024, subsektor maklumat dan komunikasi menyumbang 10.6% kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan Johor dengan nilai ditambah berjumlah RM9.0 bilion. Pertumbuhan subsektor ini berada pada kadar 2.9% (2023: 3.1%), dipacu oleh peningkatan dalam segmen perkhidmatan telekomunikasi, khususnya aktiviti tanpa wayar yang semakin meluas penggunaannya. Permintaan terhadap aplikasi digital bagi tujuan pendidikan, kesihatan, urusan kerajaan dan perdagangan elektronik turut merangsang perkembangan subsektor ini.

Selain daripada telekomunikasi, pertumbuhan turut disokong oleh aktiviti perkhidmatan komputer dan maklumat yang meningkat 4.1%, serta aktiviti penerbitan dan penyiaran yang mencatatkan pertumbuhan 6.0%. Peningkatan ini merekod kemajuan berterusan dalam infrastruktur digital Johor dan pengukuhan sektor teknologi maklumat sebagai komponen penting ekonomi perkhidmatan negeri.



Rajah 3.25: Pertumbuhan Subsektor Perkhidmatan Negeri Johor, 2022-2024 (Maklumat dan Komunikasi)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

3.7.1 Penggunaan Komputer dan Kemahiran ICT

Kadar penggunaan komputer di Negeri Johor telah mencapai 97.9% pada tahun 2022, menunjukkan peningkatan sebanyak 2.1% berbanding tahun sebelumnya. Dari segi kedudukan, Johor berada di tempat kelima tertinggi dalam penggunaan komputer selepas W.P. Kuala Lumpur, W.P. Putrajaya, Selangor dan Pulau Pinang.

Penggunaan Komputer (%)					
	2015	2017	2019	2021	2022
W.P. Kuala Lumpur	90.7	91.9	98.8	100	99.8
W.P. Putrajaya	83.8	84.7	99.9	100	99.2
Selangor	87.9	94.9	98.9	99.7	99.2
Pulau Pinang	87	89	98.9	99.2	99.0
Johor	74.7	75.3	82.7	95.8	97.9

Jadual 3.11: Penggunaan Komputer (%) Mengikut Negeri, 2015, 2017, 2019, 2021 dan 2022

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (Penggunaan ICT Dan E-Dagang oleh Pertubuhan 2023)

Nota:

Data terkini mengenai Penggunaan ICT dan E-Dagang oleh Pertubuhan daripada Ekonomi 2023 hanya meliputi sehingga tahun 2022. Tiada kemas kini terbaharu dikeluarkan setakat ini.

3.7.2 Penggunaan Internet

Dari segi penggunaan internet mengikut negeri, Johor berada di kedudukan keempat dengan kadar penggunaan sebanyak 97.6%. W.P. Kuala Lumpur mencatat kadar penggunaan internet tertinggi dalam kalangan semua negeri pada tahun 2022.

Penggunaan Internet					
	2015	2017	2019	2021	2022
W.P. Putrajaya	76.3	84.1	99.3	100	99.2
W.P. Kuala Lumpur	82.5	91.3	98.8	99.7	99.6
Selangor	78.5	92.1	98.8	99.5	98.9
Pulau Pinang	80.4	83.4	98.6	98.2	98.7
Melaka	64.8	65.9	94.8	95.5	93.1
Johor	60.6	70.6	83.1	92.2	97.6

Jadual 3.12: Penggunaan Internet (%) Mengikut Negeri, 2015, 2017, 2019, 2021 dan 2022

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (Penggunaan ICT Dan E-Dagang oleh Pertubuhan 2023)

3.8 SUBSEKTOR KEWANGAN DAN INSURANS

Pada tahun 2024, subsektor kewangan dan insurans mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 8.0%. Prestasi ini sebahagian besarnya diterajui oleh segmen kewangan yang merangkumi 73.9% daripada sumbangan subsektor dan berkembang 7.7%. Pada masa yang sama, aktiviti insurans yang menyumbang 26.1% turut mencatat peningkatan 8.8%. Dengan ini, ia memperkukuh momentum pertumbuhan subsektor ini dan menunjukkan kestabilan sektor perkhidmatan kewangan Johor.



Rajah 3.26: Pertumbuhan Subsektor Perkhidmatan Negeri Johor, 2022-2024 (Kewangan dan Insurans)
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

3.8.1 Aktiviti Pengantaraan Kewangan

Pada tahun 2022, aktiviti pengantaraan kewangan di Johor menyumbang sebanyak RM3.1 bilion dalam nilai ditambah. Sebagai perbandingan, W.P. Kuala Lumpur dan Selangor mencatat nilai yang lebih tinggi, masing-masing berjumlah RM36.5 bilion dan RM10.3 bilion. Pada tahun yang sama, Johor menempatkan sebanyak 279 pertumbuhan dalam subsektor ini, yang menggalang seramai 10,296 orang pekerja dengan jumlah bayaran gaji dan upah sebanyak RM870.5 juta. Perkhidmatan yang diliputi di bawah subsektor ini termasuk perkhidmatan kewangan dan insurans yang ditawarkan oleh institusi kewangan yang memainkan peranan asas dalam ekonomi. Perkhidmatan ini penting bagi membantu individu, perniagaan dan kerajaan dalam mengurus kewangan, pelaburan serta pengurusan risiko secara berkesan.

Negeri Utama	Nilai Ditambah (RM'000)	Bilangan Pertumbuhan	Bilangan Pekerja	Gaji dan Upah (RM'000)
W.P. Kuala Lumpur	36,471,344	401	85,082	7,090,484
Selangor	10,271,721	515	25,548	2,550,803
Johor	3,144,917	279	10,296	870,497


Rajah 3.13: Statistik Tiga Negeri Utama bagi Aktiviti Pengantaraan Kewangan, 2022
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (Banci Ekonomi 2023, Perkhidmatan Kewangan)

Nota: Data terkini mengenai Aktiviti Pengantaraan Kewangan daripada Banci Ekonomi 2023 hanya meliputi sehingga tahun 2022. Tiada kemas kini terbaharu dikeluarkan setakat ini.

3.9 SUBSEKTOR HARTANAH

Pada tahun 2024, subsektor hartanah Johor merekodkan pertumbuhan kukuh sebanyak 13.9% dengan nilai ditambah RM2.7 bilion. Prestasi ini dipacu oleh peningkatan ketara dalam aktiviti pemilikan, pajakan, jual beli, penyewaan dan pengurusan hartanah, terutamanya dalam kategori kediaman dan bukan kediaman. Aktiviti hartanah jenis ini mendominasi subsektor dengan sumbangan 72.8% daripada keseluruhan nilai tambah.

Pertumbuhan pasaran hartanah turut dicerminkan melalui peningkatan dalam aktiviti transaksi dan pelancaran baharu. Segmen kediaman kekal menjadi pemacu utama, diikuti oleh segmen komersial yang menunjukkan peningkatan ketara dalam nilai jualan dan kadar yang menandakan sentimen pasaran yang semakin positif di Johor.



Rajah 3.27: Pertumbuhan Subsektor Perkhidmatan Negeri Johor, 2022–2024 (Hartanah)
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

3.9.1 Pemilikan dan Pajakan Harta

Sektor hartanah Johor terus menunjukkan momentum pertumbuhan pada tahun 2024, mencerminkan keyakinan yang kukuh merentasi pelbagai segmen pasaran. Nilai keseluruhan urus niaga meningkat sebanyak 27.7%, dengan jumlah dagangan mencecah RM48.4 bilion berbanding RM37.9 bilion pada tahun 2023.

Hartanah kediaman kekal sebagai penyumbang utama, meningkat kepada RM20.6 bilion pada tahun 2024 berbanding RM18.1 bilion pada tahun sebelumnya. Johor juga muncul sebagai penyumbang utama di wilayah Selatan dari segi pelancaran baharu, dengan mencatat prestasi jualan sebanyak 53.2%¹⁰.

¹⁰ NAPIC (2024) Laporan Pasaran Harta 2024 (Tarikh capaian: 25 September 2025)

Segmen komersial turut menunjukkan aliran peningkatan kukuh, dengan pertumbuhan 53.6% daripada RM6.2 bilion kepada RM9.43 bilion, didorong oleh permintaan yang meningkat terhadap ruang runcit dan pejabat. Dalam kalangan negeri di wilayah Selatan, Johor mencatat jumlah urus niaga tertinggi dalam subsektor kedai¹³².

Hartanah industri turut mencatat pertumbuhan stabil, meningkat daripada RM4.7 bilion pada tahun 2023 kepada RM6.6 bilion pada tahun 2024, didorong oleh perkembangan sektor pembuatan. Urus niaga tanah pembangunan juga meningkat kepada RM6.6 bilion, berikutan keyakinan terhadap potensi projek berskala besar di Johor, terutamanya bagi tujuan pembangunan pusat data¹³³. Sebaliknya, hartanah pertanian menunjukkan sedikit penyusutan daripada RM6.3 bilion kepada RM5.0 bilion, namun masih menyumbang secara signifikan kepada keseluruhan pasaran.

Secara keseluruhan, trend ini menggambarkan kepelbagaian pasaran hartanah Johor. Peningkatan dalam segmen kediaman, komersial, industri dan tanah pembangunan mencerminkan aktiviti ekonomi yang lebih meluas, termasuk pertumbuhan dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan perniagaan. Trajektori peningkatan pasaran pada tahun 2024 menandakan bahawa sektor hartanah Johor sedang memasuki fasa pertumbuhan baharu. Kemunculan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) serta peningkatan pembangunan pusat data dijangka membentuk semula landskap hartanah negeri. Menurut Maybank Investment Bank, pelaksanaan JS-SEZ dijangka merangsang permintaan merentasi segmen kediaman, komersial dan industri. Selain itu, pertumbuhan populasi, penambahbaikan jaringan infrastruktur (seperti RTS dan ART), serta pelaksanaan dasar ekonomi baharu dijangka terus mengukuhkan prospek sektor hartanah Johor pada masa hadapan¹³⁴.

Tahun	Kediaman	Komersial	Industri	Pertanian	Tanah Pembangunan	Lain-lain	Jumlah
2020	8,152.5	2,860.1	2,158.9	2,528.6	1,073.7	0.6	16,784.5
2021	8,462.8	3,747.8	2,589.1	2,745.7	1,652.8	1.7	16,220.9
2022	10,911.4	4,573.6	4,129.4	3,368.0	2,051.3	7.0	25,143.7
2023	18,119.0	6,149.1	4,676.0	6,330.5	2,528.6	2.5	37,879.7
2024	20,642.0	9,442.9	6,643.7	5,045.2	6,614.7	0.5	48,388.9

Jadual 3.14: Nilai Urus Niaga Hartanah di Negeri Johor, 2020-2024 (RM Juta)

Sumber: Laporan Pasaran Harta 2024 NAPIC



Rajah 3.28: Nilai Urus Niaga Hartanah di Negeri Johor, 2023-2024 (RM Juta)

Sumber: Laporan Pasaran Harta 2024 NAPIC

¹³² Ibid.

¹³³ IMFC-J (2025) JSSEZ, data centres to drive Johor's real estate market (Tarikh capaian: 25 September 2025)

¹³⁴ IMFC-J (2025) JSSEZ, data centres to drive Johor's real estate market (Tarikh capaian: 25 September 2025)

Banci Ekonomi 2023 menonjolkan Johor sebagai negeri ketiga paling aktif di Malaysia dalam perkhidmatan hartanah bagi tahun 2022, dengan jumlah nilai ditambah sebanyak RM2.4 bilion.

Negeri Utama	Nilai Ditambah (RM '000)	Bilangan Pertubuhan	Bilangan Pekerja	Gaji dan Upah (RM '000)
W.P. Kuala Lumpur	8,301,955	5,037	25,498	1,164,284
Selangor	5,280,132	5,449	24,999	1,153,789
Johor	2,407,271	1,808	7,162	301,188


Jadual 3.15: Statistik Tiga Negeri Utama bagi Aktiviti Hartanah untuk Harta Milik Sendiri atau Harta Sewa, 2022. Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (Banci Ekonomi 2023, Perkhidmatan Hartanah)

Nota: Data terkini mengenai aktiviti hartanah daripada Banci Ekonomi 2023 hanya meliputi sehingga tahun 2022. Tiada kemas kini terbaharu dikeluarkan setakat ini!

3.10 SUBSEKTOR PERKHIDMATAN PERNIAGAAN

Pada tahun 2024, subsektor perkhidmatan perniagaan di Johor mencatatkan kadar pertumbuhan 8.0%, menandakan peningkatan berterusan dalam aktiviti ekonomi berasaskan pengetahuan dan khidmat profesional. Pertumbuhan ini digerakkan oleh perkhidmatan profesional, saintifik dan teknikal yang kekal mendominasi subsektor melalui peningkatan aktiviti guaman, perakaunan, seni bina dan kejuruteraan.

Selain itu, perkembangan dalam aktiviti ibu pejabat serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) turut memperkukuh prestasi subsektor ini. Dalam tempoh yang sama, perkhidmatan pentadbiran dan khidmat sokongan juga berkembang dipacu oleh aktiviti keselamatan persendirian serta agensi pengembaraan, menandakan permintaan berterusan terhadap perkhidmatan sokongan komersial di negeri ini.



Rajah 3.29: Pertumbuhan Subsektor Perkhidmatan Negeri Johor, 2022-2024 (Perkhidmatan Perniagaan). Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

3.10.1 Perkhidmatan Profesional, Sainifik dan Teknikal

Bagi aktiviti perkhidmatan profesional dalam bidang guaman, Johor mencatat nilai ditambah sebanyak RM41.0 juta dengan 549 pertubuhan pada tahun 2022. Dalam subsektor ini, Johor menggaji seramai 5,082 orang pekerja dengan jumlah bayaran gaji dan upah sebanyak RM183.3 juta. Sebagai perbandingan, W.P. Kuala Lumpur dan Selangor merekodkan nilai yang lebih tinggi bagi semua komponen – nilai ditambah, bilangan pertubuhan serta jumlah gaji dan upah – manakala Pulau Pinang mencatat nilai yang lebih rendah berbanding Johor.

Negeri Utama	Nilai Ditambah (RM '000)	Bilangan Pertubuhan	Bilangan Pekerja	Gaji dan Upah (RM '000)
W.P. Kuala Lumpur	2,420,198	1,484	19,800	762,216
Selangor	1,461,281	1,946	9,714	455,262
Johor	410,439	549	5,082	183,256
Pulau Pinang	319,082	585	4,311	100,049

Jadual 3.16: Statistik Empat Negeri Utama bagi Aktiviti Perkhidmatan Profesional – Guaman, 2022
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (Banci Ekonomi 2023, Perkhidmatan Profesional Guaman)

Nota: Data terkini mengenai Aktiviti Perkhidmatan Profesional – Guaman daripada Banci Ekonomi 2023 hanya meliputi sehingga tahun 2022. Tiada kemas kini terbaharu dikeluarkan setakat ini.

3.11 SUBSEKTOR PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN LAIN

Perkhidmatan-perkhidmatan lain merangkumi perkhidmatan yang terlibat dalam aktiviti pendidikan swasta, aktiviti kesihatan swasta dan aktiviti hiburan, kesenian dan rekreasi. Secara keseluruhan, perkhidmatan kesihatan swasta dan pendidikan swasta mencatatkan penyusutan pada tahun 2024 berbanding 2023.



Rajah 3.30: Pertumbuhan Subsektor Perkhidmatan Negeri Johor, 2022–2024 (Pendidikan Swasta dan Perkhidmatan Kesihatan Swasta) Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

3.11.1 Aktiviti Pendidikan Swasta

Subsektor Perkhidmatan Pendidikan Swasta merangkumi empat kategori utama aktiviti ekonomi, iaitu Pendidikan Rendah (Swasta), Pendidikan Menengah (Swasta), Pendidikan Kolej dan Universiti (Swasta), serta Pendidikan Lain-lain. Subsektor ini meliputi pelbagai bentuk perkhidmatan termasuk pendidikan prasekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah umum, pendidikan teknikal dan vokasional, pendidikan kolej dan universiti, pendidikan sukan dan rekreasi, pendidikan kebudayaan, pusat tuisyen, sekolah memandu serta pelbagai bentuk pendidikan lain.

Johor turut menjadi lokasi kepada pelbagai institusi pendidikan dan universiti terkemuka yang menawarkan program serta kursus diiktiraf antarabangsa. Antara institusi berkenaan termasuk Newcastle University Medicine Malaysia, University of Reading Malaysia, manakala bagi institusi sekolah pula ialah Raffles American School, Marlborough College Malaysia dan Tenby Schools Setia Eco Garden.

Subsektor perkhidmatan pendidikan swasta di Johor merekodkan pertumbuhan 3.4% (2023: 6.1%) dan menyumbang 1.2% kepada sektor Perkhidmatan negeri pada tahun 2024. Pertumbuhan ini digerakkan oleh peningkatan dalam aktiviti pendidikan rendah dan pendidikan lain. Dari segi komposisi, pendidikan tinggi merupakan penyumbang terbesar dengan 48.2%, diikuti oleh pendidikan lain (29.8%), pendidikan menengah (11.1%), serta pendidikan pra-sekolah dan rendah (10.9%). Prestasi ini mencerminkan kesinambungan peranan institusi pendidikan swasta dalam menyokong pembangunan modal insan Johor.

Menurut Banci Ekonomi 2023, Johor berada di kedudukan ketiga selepas Selangor dan W.P. Kuala Lumpur dalam aktiviti pendidikan swasta. Johor mencatat nilai ditambah sebanyak RM1.1 bilion pada tahun 2022. Selain itu, terdapat sejumlah 2,742 pertubuhan dalam subsektor ini yang menggaji seramai 23,619 orang pekerja dengan jumlah bayaran gaji dan upah sebanyak RM1.7 bilion.

Negeri Utama	Nilai Ditambah (RM '000)	Bilangan Pertubuhan	Bilangan Pekerja	Gaji dan Upah (RM '000)
Selangor	6,748,113	5,263	61,193	7,647,281
W.P. Kuala Lumpur	3,328,344	2,658	28,014	2,424,263
Johor	1,090,041	2,742	23,619	1,682,650

Jadual 3.17: Statistik Tiga Negeri Utama bagi Aktiviti Pendidikan Swasta, 2022

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (Banci Ekonomi 2023, Perkhidmatan Pendidikan Swasta)

Nota: Data terkini mengenai aktiviti pendidikan swasta daripada Banci Ekonomi 2023 hanya meliputi sehingga tahun 2022. Tiada kemas kini terbaharu dikeluarkan selakat ini.

3.11.2 Aktiviti Perkhidmatan Kesihatan Swasta

Subsektor perkhidmatan kesihatan swasta menyumbang 1.3% kepada sektor Perkhidmatan Johor dan mencatatkan pertumbuhan 7.8% pada tahun 2024, berbanding 10.7% pada 2023. Pertumbuhan ini sebahagian besarnya dipacu oleh aktiviti hospital dan rumah bersalin yang menyumbang 53.2% daripada keseluruhan subsektor dan berkembang 8.0% pada tahun tersebut. Selain itu, amalan perubatan dan pergigian turut menyumbang kepada peningkatan prestasi subsektor ini, menandakan permintaan berterusan terhadap perkhidmatan kesihatan swasta di negeri Johor.

Negeri Utama	Nilai Ditambah (RM '000)	Bilangan Pertubuhan	Bilangan Pekerja	Gaji dan Upah (RM '000)
Selangor	4,070,867	5,953	39,371	1,743,316
W.P. Kuala Lumpur	3,117,255	2,990	30,497	1,370,349
Johor	1,205,483	2,299	15,924	648,433
Perak	871,497	1,429	10,985	377,111

Jadual 3.18: Statistik Empat Negeri Utama bagi Aktiviti Perkhidmatan Kesihatan Swasta, 2022

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (Banci Ekonomi 2023, Perkhidmatan Kesihatan Swasta)

Nota: Data terkini mengenai aktiviti perkhidmatan kesihatan swasta daripada Banci Ekonomi 2023 hanya meliputi sehingga tahun 2022. Tiada kemas kini terbaharu dikeluarkan setakat ini.

Perkhidmatan kesihatan swasta merangkumi hospital, klinik swasta, klinik pergigian, rumah bersalin, pusat dialisis, makmal perubatan, pusat akupunktur, perkhidmatan perubatan tradisional dan homeopati, serta rumah jagaan kejururawatan yang telah menunjukkan perkembangan ketara. Pertumbuhan subsektor ini semakin menyerlah selepas pandemik Covid-19, dengan peningkatan bilangan pesakit di hospital dan klinik yang telah mendorong kepada permintaan serta kesedaran yang lebih tinggi terhadap perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Daerah Johor Bahru menempatkan beberapa hospital swasta terkemuka seperti Columbia Asia, KPJ Johor Specialist, Regency Specialist dan Gleneagles Medini, selain hospital awam utama seperti Hospital Sultanah Aminah (HSA) dan Hospital Sultan Ismail (HSI). Bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap perkhidmatan kesihatan serta mengurangkan kesesakan di hospital sedia ada, beberapa pembangunan baharu sedang dijangka. Antaranya ialah pembinaan Hospital Pasir Gudang bernilai RM380 juta yang dijangka siap pada pertengahan tahun 2025, serta projek Hospital Sultanah Aminah 2 – sebuah projek kerjasama awam-swasta (PPP) berkapasiti 1,500 katil yang dijadualkan bermula pada tahun 2026. Inisiatif-inisiatif ini bertujuan memperkukuh sistem penjagaan kesihatan negeri Johor di samping menyokong pertumbuhan negeri sebagai destinasi pelancongan perubatan dan perkhidmatan kesihatan holistik¹³⁶.

3.11.3 Aktiviti Hiburan, Seni dan Rekreasi

Pada tahun 2022, Johor mencatat nilai ditambah sebanyak RM465.6 juta dengan jumlah 6,000 orang pekerja yang berkhidmat dalam 780 pertubuhan. Berbanding dengan W.P. Kuala Lumpur dan Selangor, kedua-dua negeri tersebut merekodkan nilai yang lebih tinggi bagi semua komponen – termasuk nilai ditambah, bilangan pertubuhan, bilangan pekerja serta jumlah gaji dan upah. Perbezaan ini mencerminkan tumpuan aktiviti kreatif dan kebudayaan yang lebih tinggi di Lembah Klang, didorong oleh permintaan pasaran yang lebih besar, kepadatan penduduk yang tinggi serta akses yang lebih mudah kepada ekosistem industri hiburan dan seni.

Negeri Utama	Nilai Ditambah (RM '000)	Bilangan Pertubuhan	Bilangan Pekerja	Gaji dan Upah (RM '000)
W.P. Kuala Lumpur	3,995,036	1,443	12,013	333,189
Selangor	1,072,727	2,044	21,022	474,136
Johor	465,571	789	5,965	133,554
Perak	183,247	516	4,655	116,673

Jadual 3.19: Statistik Empat Negeri Utama bagi Aktiviti Perkhidmatan Kesenian, Hiburan dan Rekreasi, 2022

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (Banci Ekonomi 2023, Perkhidmatan Kesenian, Hiburan dan Rekreasi)

Nota: Data terkini mengenai aktiviti perkhidmatan kesenian, hiburan dan rekreasi daripada Banci Ekonomi 2023 hanya meliputi sehingga tahun 2022. Tiada kemas kini terbaharu dikeluarkan setakat ini.

¹³⁶ New Straits Times (2025) Johor poised for major hospital expansion amid rising healthcare demand (Tarikh capaian: 26 September 2025)

3.12 SUBSEKTOR PERKHIDMATAN KERAJAAN

Perkhidmatan kerajaan secara umumnya terbahagi kepada empat kategori utama, iaitu Perkhidmatan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). PBT pula boleh diklasifikasikan kepada Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah. Sebagai pengeluar bukan pasaran (*non-market producers*), perkhidmatan kerajaan disediakan kepada orang awam sama ada secara percuma atau pada kadar bayaran yang minimum. Oleh itu, nilai ditambah bagi subsektor ini sebahagian besarnya dipacu oleh pembayaran gaji penjawat awam, bayaran pencen, serta penggunaan modal tetap (*consumption of fixed capital*).



Rajah 3.31: Pertumbuhan Subsektor Perkhidmatan Negeri Johor, 2022–2024
(Subsektor Perkhidmatan Kerajaan)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Subsektor perkhidmatan kerajaan merupakan pengeluar bukan pasaran, dengan nilai tambah yang terdiri daripada pampasan pekerja, peruntukan pencen serta penggunaan modal tetap. Pada tahun 2024, subsektor ini mencatatkan nilai tambah RM13.8 bilion, meningkat daripada RM13.0 bilion pada 2023, dan menyumbang 16.2% kepada sektor Perkhidmatan Johor. Kadar pertumbuhan nilai ditambah tahunan pula berada pada paras 5.8%, lebih tinggi berbanding 4.9% pada tahun sebelumnya.

Subsektor ini merangkumi empat entiti utama kerajaan – Persekutuan, negeri, badan berkanun, dan pihak berkuasa tempatan (PBT). Keterlibatan kerajaan di pelbagai peringkat ini memainkan peranan penting dalam menyokong pelaksanaan projek pembangunan, sekaligus memacu pertumbuhan ekonomi setempat serta memperkukuh struktur perkhidmatan awam di Johor.



Rajah 3.32: Nilai Ditambah Subsektor Perkhidmatan Kerajaan (RM billion), 2020–2024
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

3.12.1 Kerajaan Persekutuan

Hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2024 dijangka meningkat sebanyak 2.3% kepada RM322.1 bilion, didorong oleh prestasi kukuh kutipan cukai yang kekal menjadi penyumbang utama hasil keseluruhan. Hasil cukai berjumlah RM241 bilion atau 74.8% daripada jumlah hasil, bersamaan 12.4% daripada KDNK, mencerminkan usaha kerajaan untuk meluaskan asas cukai. Sementara itu, hasil bukan cukai dianggarkan menurun sebanyak 5.5% kepada RM81 bilion berikutan kebergantungan yang lebih rendah terhadap hasil berkaitan petroleum.


Daripada jumlah tersebut, cukai langsung dijangka meningkat sebanyak 3.3% kepada RM177.1 bilion, terutamanya disumbangkan oleh kutipan cukai pendapatan individu dan syarikat berjumlah RM139.3 bilion. Sementara itu, cukai tidak langsung dijangka meningkat 10.6% kepada RM64 bilion, didorong oleh kutipan cukai jualan, cukai perkhidmatan dan duti eksais yang lebih tinggi. Bagi hasil bukan cukai, jumlahnya diunjur berkurang kepada RM81 bilion disebabkan penurunan dividen PETRONAS kepada RM32 bilion dan hasil royalti petroleum yang lebih rendah.

	2023	2024*	Pertumbuhan (%)	Peratus Sumbangan (%)
	RM(juta)	RM(juta)		
Cukai langsung	171,336	177,060	5.2	54.98
Cukai tidak langsung	57,849	63,975	10.6	19.86
Hasil bukan cukai	85,774	81,015	-5.5	25.16
Jumlah hasil	314,959	322,050	2.3	100.00

Jadual 3.20: Hasil Kerajaan Persekutuan, 2023–2024*
Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia

3.12.2 Kerajaan Negeri

Pada tahun 2024, Kerajaan Negeri Johor menjana hasil keseluruhan berjumlah RM2,110.2 juta. Komponen utama hasil negeri disumbangkan oleh hasil bukan cukai yang merangkumi 51% daripada jumlah kutipan, diikuti oleh hasil cukai negeri sebanyak 38%. Dana yang diperoleh ini menjadi sumber utama bagi membiayai perbelanjaan pengurusan serta pembangunan negeri.



Rajah 3.33: Hasil Kerajaan Negeri Johor, 2024

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

Hasil negeri Johor meningkat sebanyak 9.0% pada tahun 2024 daripada RM1,936.1 juta kepada RM2,110.2 juta. Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan kutipan hasil bukan cukai sebanyak 23.4% kepada RM1,076.7 juta, diikuti oleh kenaikan kecil dalam hasil cukai sebanyak 0.7% yang merekodkan jumlah RM791.6 juta.

Dari segi perbelanjaan, Kerajaan Negeri Johor telah membelanjakan sebanyak RM2.0 bilion bagi perbelanjaan mengurus pada tahun 2024. Perbelanjaan ini merangkumi emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, geran serta bayaran tetap dan lain-lain perbelanjaan. Berbanding tahun 2023, perbelanjaan mengurus mencatatkan peningkatan sebanyak 12%, daripada RM1,791.0 juta kepada RM2,006.6 juta.



Rajah 3.34: Hasil Kerajaan Negeri Johor (RM), 2020-2024

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia



Rajah 3.35: Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Johor (RM '000), 2020-2024

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia



Rajah 3.36: Hasil, Perbelanjaan Mengurus dan Lebih/Defisit Kerajaan Negeri Johor (RM Juta), 2020–2024

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

Kerajaan Negeri Johor menutup tahun kewangan 2024 dengan lebih semasa sebanyak RM103.6 juta berbanding lebih sebanyak RM145.1 juta pada tahun 2023.

3.12.3 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Pada tahun 2024, Majlis Bandaraya Johor Bahru mencatatkan pendapatan tertinggi antara semua majlis bandaraya dan pihak berkuasa tempatan, berjumlah RM552.08 juta, meningkat sebanyak 5.5%. Sementara itu, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan Majlis Bandaraya Pasir Gudang masing-masing merekodkan pertumbuhan sebanyak 11.8% dan 18.4%. Ketiga-tiga majlis bandaraya ini menutup tahun kewangan dengan lebih, dengan Majlis Bandaraya Johor Bahru mencatatkan lebih terbesar berjumlah RM39.9 juta.

Bagi kategori Majlis Perbandaran, Majlis Perbandaran Kulai mencatatkan pendapatan tertinggi sebanyak RM366.25 juta, meningkat 13.1% daripada RM323.95 juta pada tahun 2023. Namun, majlis tersebut mencatatkan defisit sebanyak RM23.42 juta. Sementara itu, Majlis Perbandaran Kluang, Majlis Perbandaran Segamat, dan Majlis Perbandaran Batu Pahat menunjukkan pertumbuhan pendapatan yang ketara masing-masing sebanyak 27.1%, 23.7% dan 21.9%. Selain itu, Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Majlis Perbandaran Pengerang, dan Majlis Perbandaran Muar turut merekodkan peningkatan pendapatan masing-masing sebanyak 18.4%, 12.2% dan 1.2%. Sebaliknya, Majlis Perbandaran Pontian mencatatkan penurunan pendapatan sebanyak 27.9%, dengan jumlah RM53.33 juta.

Secara keseluruhannya, enam majlis perbandaran menutup tahun kewangan 2024 dengan lebih. Majlis Perbandaran Pasir Gudang merekodkan lebih terbesar sebanyak RM51.07 juta, diikuti oleh Majlis Perbandaran Kluang (RM29.61 juta), Majlis Perbandaran Pengerang (RM11.2 juta), Majlis Perbandaran Pontian (RM6.96 juta), Majlis Perbandaran Muar (RM3.89 juta), dan Majlis Perbandaran Segamat (RM1.09 juta).

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	2023			2024		
	Pendapatan	Perbelanjaan	Lebihan/Defisit	Pendapatan	Perbelanjaan	Lebihan/Defisit
MB Johor Bahru	524.09	467.08	57.01	552.86	512.98	39.90
MP Kulai	323.95	338.84	-14.90	366.25	389.67	-23.42
MB Iskandar Puteri	200.80	186.60	14.20	224.47	224.39	0.08
MB Pasir Gudang	161.90	126.05	35.85	191.72	140.66	51.07
MD Tangkak	95.39	64.24	31.15	90.76	71.02	19.74
MP Pengerah	80.29	72.13	8.36	90.06	78.86	11.20
MP Batu Pahat	64.30	77.80	-13.50	78.38	81.24	-2.87
MP Muar	38.69	34.99	3.69	39.13	35.24	3.89
MP Kluang	77.56	53.49	24.07	98.57	68.96	29.61
MP Pontian	73.95	37.40	36.55	53.33	46.38	6.95
MP Segamat	29.68	28.98	0.70	36.71	35.62	1.09
MD Kota Tinggi	28.89	26.52	2.37	31.46	29.63	1.83
MD Yong Peng	22.14	24.66	-2.51	22.06	23.96	-1.90
MD Mersing	14.91	15.81	-0.90	16.50	17.19	-0.69
MD Labis	16.39	14.80	1.59	15.86	14.50	1.36
MD Simpang Renggam	13.45	12.22	1.23	13.80	12.21	1.59
Jumlah	1766.38	1581.62	184.76	1921.95	1782.52	139.44

Jadual 3.21: Kedudukan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor (RM Juta), 2023-2024

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Nota: Perbelanjaan = Belanja mengurus sebenar + Belanja pembangunan sebenar

Bagi kategori Majlis Daerah, Majlis Daerah Tangkak mencatatkan pendapatan tertinggi sebanyak RM90.76 juta, namun jumlah ini menurun sebanyak 4.8% berbanding tahun sebelumnya (2023: RM95.39 juta). Majlis Daerah Mersing, Majlis Daerah Kota Tinggi dan Majlis Daerah Simpang Renggam masing-masing mencatatkan pertumbuhan positif dalam pendapatan sebanyak 10.6% (2024: RM16.5 juta), 8.9% (2024: RM29.63 juta) dan 2.6% (2024: RM13.90 juta).

Sementara itu, Majlis Daerah Labis dan Majlis Daerah Yong Peng merekodkan penurunan pendapatan masing-masing sebanyak 3.2% dan 0.3%. Pada tahun 2024, kebanyakan majlis daerah menutup tahun kewangan dengan lebihan, iaitu Majlis Daerah Tangkak (RM19.74 juta), Majlis Daerah Kota Tinggi (RM1.83 juta), Majlis Daerah Simpang Renggam (RM1.59 juta) dan Majlis Daerah Labis (RM1.36 juta). Manakala, Majlis Daerah Yong Peng dan Majlis Daerah Mersing masing-masing merekodkan defisit sebanyak RM1.9 juta dan RM0.69 juta.

Sebahagian besar hasil PBT diperoleh daripada kutipan cukai taksiran, iaitu levi tahunan ke atas pegangan harta sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976. Cukai ini merupakan sumber pendapatan utama bagi kerajaan tempatan.

Pada tahun 2024, Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan Majlis Bandaraya Pasir Gudang menyumbang sebanyak 62.4% daripada keseluruhan hasil cukai taksiran negeri Johor. Majlis Bandaraya Johor Bahru mencatatkan kutipan tertinggi berjumlah RM381.1 juta. Dalam kalangan majlis perbandaran, Majlis Perbandaran Kulai merekodkan kutipan cukai taksiran tertinggi sebanyak RM108.2 juta. Sementara itu, bagi kumpulan majlis daerah, Majlis Daerah Kota Tinggi mencatatkan hasil cukai taksiran tertinggi berjumlah RM16.5 juta.

BAB 4



PEMBANGUNAN WILAYAH PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI JOHOR

ZON EKONOMI KHAS JOHOR-SINGAPURA (JS-SEZ), WILAYAH PANTAI TIMUR (MERSING, SEGAMAT) (ECER) DAN WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA

Pengenalan

Koridor ekonomi di Malaysia mula diperkenalkan pada pertengahan tahun 2000-an sebagai salah satu strategi kerajaan untuk merangsang pembangunan wilayah yang seimbang serta mengurangkan jurang sosioekonomi antara kawasan bandar dan luar bandar. Sejak tahun 2006, lima koridor utama telah diwujudkan di seluruh negara, iaitu Northern Corridor Implementation Authority (NCIA), East Coast Economic Region Development Council (ECERDC), Iskandar Regional Development Authority (IRDA), Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDA), dan Regional Corridor Development Authority (RECODA). Setiap koridor ini dibangunkan berdasarkan keunikan kedudukan strategik dan kekayaan sumber wilayah masing-masing bagi memacu inovasi serta pertumbuhan dalam sektor utama seperti pembuatan, tenaga boleh diperbaharui, logistik dan pelancongan. Malaysian Investment Development Authority (MIDA) pula memainkan peranan penting sebagai fasilitator pelaburan nasional dengan menarik minat pelabur antarabangsa dan memperluas akses ke pasaran global, di samping bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa wilayah yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan di peringkat negeri.

Wilayah Ekonomi Pantai Timur (East Coast Economic Region, ECER) meliputi negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan sebahagian negeri Johor, khususnya daerah Segamat dan Mersing, yang ditadbir oleh East Coast Economic Region Development Council (ECERDC). Wilayah ini memberi tumpuan kepada sektor minyak dan gas, pelancongan, industri berasaskan pertanian dan pendidikan. Wilayah Pembangunan Iskandar atau Iskandar Malaysia pula merupakan koridor ekonomi pertama dan utama di selatan Johor yang ditadbir oleh Iskandar Regional Development Authority (IRDA). Ia memfokuskan kepada pelaburan dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan logistik. Sejak pelancarannya di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) hingga Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), inisiatif koridor ekonomi telah menjadi pemangkin penting dalam menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi¹⁰⁰.

Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (Johor-Singapore Special Economic Zone, JS-SEZ) pula dilancarkan secara rasmi pada Januari 2025 sebagai usaha memperkukuh perdagangan rentas sempadan, pelaburan dan kesalinghubungan perniagaan antara Johor dan Singapura. Inisiatif ini memanfaatkan kedudukan strategik dua bandar utama dengan menggabungkan kekuatan aset perindustrian Malaysia dan hab kewangan Singapura. Melalui JS-SEZ, kedua-dua negara telah berkomitmen untuk membangunkan 100 projek dalam tempoh 10 tahun serta mewujudkan 20,000 peluang pekerjaan berkemahiran tinggi. Zon ekonomi ini meliputi kawasan seluas lebih 357,000 hektar, merangkumi wilayah Iskandar Malaysia dan daerah Pengerang, dengan sembilan kawasan utama (flagship areas) yang mempunyai fokus pembangunan tersendiri.

¹⁰⁰ MIDA (n.d.). Powering Global Growth and Thriving Investment Ecosystems, <https://www.mida.gov.my/ec-overview/>

4.1 PEMBANGUNAN JS-SEZ, ECER (MERSING, SEGAMAT) DAN WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA

Pembangunan Wilayah Iskandar Malaysia

Integrasi Iskandar Malaysia ke dalam Zon Ekonomi Khas Johor–Singapura (JS-SEZ) telah memberi lonjakan dinamik dan kelebihan strategik kepada wilayah ini untuk memanfaatkan reputasinya sebagai destinasi pelaburan utama. Melalui Pelan Pembangunan Menyeluruh (Comprehensive Development Plan, CDP) Iskandar Malaysia, jumlah pelaburan komited telah melepasi sasaran asal sebanyak RM383 bilion menjelang akhir tahun 2024. Wilayah ini turut menyaksikan peningkatan ketara dalam kemasukan pelabur dari Amerika Syarikat, United Kingdom, China, Jerman, Jepun dan Singapura.

Selain kelebihan strategik yang dibawa oleh JS-SEZ, Iskandar Malaysia dijangka menikmati tahap keboleh hubungan yang lebih baik melalui pelaksanaan pelbagai projek infrastruktur utama. Antara pembangunan infrastruktur penting di wilayah Iskandar yang akan meningkatkan kesalinghubungan rentas sempadan dan dalam negeri termasuk Projek Rapid Transit System (RTS) Link antara Woodlands (Singapura) dan Bukit Chagar (Johor Bahru) yang dijangka siap pada akhir tahun 2026; Projek Landasan Berkembar Elektrifikasi Gemas–Johor Bahru (EDT) yang dijadualkan mula beroperasi pada April 2025; serta projek naik taraf lebuh raya dari Senai Utara ke Yong Peng Utara kepada konfigurasi tiga lorong menjelang Januari 2028.

Pembangunan JS-SEZ¹³⁷

Zon Ekonomi Khas Johor–Singapura (JS-SEZ) disokong oleh kerajaan Malaysia dan Singapura bagi mempromosikan serta memudahkan pelaburan dari Singapura dan negara-negara lain dalam sebelas sektor keutamaan. Komitmen bersama telah dibuat untuk membangunkan dan menggerakkan bakat tempatan serta memperkukuh kerjasama dalam pergerakan barangan dan manusia di samping meningkatkan kemudahan menjalankan perniagaan di kedua-dua wilayah. JS-SEZ menyasarkan pertumbuhan KDNK antara 7% hingga 8% menjelang tahun 2030, sekali gus membuka peluang luas kepada pelabur, komuniti perniagaan dan pemegang kepentingan hartanah untuk bekerjasama dalam pelbagai inisiatif.

Selain memperkukuh sektor utama sedia ada di bawah Iskandar Malaysia, JS-SEZ turut memperluas fokus ekonomi kepada sebelas sektor keutamaan yang terdiri daripada logistik, pembuatan, perkhidmatan kewangan, perkhidmatan perniagaan, ekonomi digital, pelancongan, keselamatan makanan, kesihatan, pendidikan, tenaga dan ekonomi hijau. Sektor-sektor ini akan diterajui melalui sembilan kawasan utama (flagship areas) yang telah dikenal pasti sebagai pusat tumpuan pembangunan strategik di bawah pelaksanaan JS-SEZ.

	Kawasan Utama "Flagship"	Sektor Ekonomi	Aktiviti
A	Johor Bahru Waterfront	Perkhidmatan perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> •Perkhidmatan perniagaan •Ekonomi digital •Kesehatan
B	Iskandar Puteri	Perkhidmatan perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> •Pembuatan •Perkhidmatan perniagaan •Ekonomi digital •Pendidikan •Kesehatan •Pelancongan
C	Tanjung Pelepas	Logistik	<ul style="list-style-type: none"> •Logistik •Pembuatan •Tenaga
D	Tanjung Langsat – Kong Kong	Pembuatan	<ul style="list-style-type: none"> •Pembuatan - Bahan kimia hiliran khusus •Tenaga •Logistik
E	Senai – Skudai	Pembuatan	<ul style="list-style-type: none"> •Pembuatan- Aeroangkasa dan perkhidmatan penyelenggaraan, pembaikan serta baik pulih (MRO)
F	Kulai – Sedenak	Pembuatan	<ul style="list-style-type: none"> •Pembuatan •Perkhidmatan perniagaan •Ekonomi digital •Pendidikan •Tenaga •Keterjaminan makanan •Kesehatan •Logistik •Pelancongan •Rantaian bekalan AI dan pengkomputeran kuantum, peranti perubatan dan farmaseutikal
G	Desaru – Penawar	Pelancongan	<ul style="list-style-type: none"> •Pendidikan •Keterjaminan makanan •Kesehatan •Pelancongan - Projek pelancongan bersepadu
	Forest City Special Financial Zone(SFZ)	Perkhidmatan kewangan dan perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> •Perkhidmatan kewangan-fintech •Perkhidmatan perniagaan global
	Pengarang Integrated Petroleum Complex (PIPC)	Tenaga	<ul style="list-style-type: none"> •Pembuatan •Tenaga •Logistik •Hab minyak, gas dan petrokimia hiliran

Jadual 4.1: Kawasan Utama JS-SEZ (Johor-Singapore Special Economic Zone)

Sumber: MFD-J



Rajah 4.1: Kawasan Utama JS-SEZ (Johor-Singapore Special Economic Zone)

Sumber: IMFC-J

Dalam tempoh lima tahun pertama penubuhannya, JS-SEZ menyasarkan untuk melaksanakan 50 projek daripada 100 projek komited. Pada 1 Januari 2025, kerajaan Malaysia telah menguatkuasakan insentif cukai bagi sektor-sektor terpilih di seluruh JS-SEZ. Insentif perniagaan pembuatan diberikan kepada sektor rantai bekalan AI dan pengkomputeran kuantum, peranti perubatan, farmaseutikal, serta pembuatan aeroangkasa. Selain itu, hab perkhidmatan global turut menerima manfaat melalui insentif untuk pusat keuntungan serantau (regional P&L centres) dan operasi perbendaharaan (treasury operations). Insentif juga disediakan bagi projek pelancongan bersepadu serta peruntukan khas untuk kompleks logistik pintar.

Invest Malaysia Facilitation Centre Johor (IMFC-J) telah ditubuhkan bagi memudahkan proses permohonan serta menyediakan khidmat nasihat dan sokongan pasca-pelaburan kepada pelabur. Pusat sehati ini diterajui dan dikendalikan bersama oleh MIDA, IRDA, dan Invest Johor. IMFC-J turut membantu dalam pengurusan serta permohonan ekspatriat. Sehingga Mei 2025, IMFC-J telah menerima 405 pertanyaan kumulatif berkaitan JS-SEZ, dengan China, Singapura dan Korea Selatan menjadi tiga negara utama yang menunjukkan minat tertinggi. Sektor yang mencatatkan kemajuan ketara ialah pembuatan, pusat data, dan tenaga.

Bagi meningkatkan daya tarikan zon ini, kerajaan Malaysia turut mempergiat usaha dalam penambahbaikan pengangkutan rentas sempadan melalui pembangunan sistem rel. Projek Rapid Transit System (RTS) Link yang menghubungkan Johor Bahru dan Singapura dijangka siap dan mula beroperasi pada Disember 2026. Laluan rel sepanjang 4 km ini mampu menampung 10,000 penumpang sejam bagi setiap arah¹⁹⁸, dan dijangka dapat mengurangkan kesesakan serta mempertingkatkan mobiliti rentas sempadan antara kedua-dua wilayah. Sejajar dengan pembangunan RTS Link, perkhidmatan tren elektrik (ETS) oleh KTMB di bawah projek Double Track akan diperluas bagi menghubungkan Johor Bahru dengan lokasi utama sepanjang laluan ETS, dengan operasi dijangka bermula pada Ogos 2025.

¹⁹⁸ BMCC (2025). JIL | Johor-Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ): Comprehensive Tax Incentives and Infrastructure Upgrades Set to Transform Malaysia-Singapore Economic Partnership

Pembangunan ECER (Mersing, Segamat)¹³⁹

Secara keseluruhannya, ECER mencatat pertumbuhan sebanyak 58% di seluruh empat negeri dalam wilayah ekonominya pada tahun 2024. Dengan perkembangan ini, ECERDC dijangka mencapai sasaran pelaburan swasta berjumlah RM49 juta pada tahun 2025. Kawasan Segamat dan Mersing telah menerima pelaburan dalam projek pembuatan dan pertanian pada suku pertama tahun 2025.

Lembah Tenusu Jemaluang di Johor dijangka mula beroperasi pada tahun 2026. Kawasan ini memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh rantai nilai ternakan dan meningkatkan keselamatan makanan dalam wilayah tersebut. Pada masa hadapan, Lembah Tenusu Jemaluang dirancang untuk diperluaskan sebagai kemudahan pengeluaran daging di Segamat, Setiu, Dungun dan Hulu Terengganu. Di daerah Mersing pula, Taman Pemprosesan Ikan Endau-Mersing dijangka memperkukuh sektor perikanan negara dan meningkatkan keselamatan makanan melalui aktiviti akuakultur. Tapak ini akan menawarkan kemudahan pemprosesan dan pembungkusan bagi memenuhi permintaan tempatan terhadap hasil laut.

Menerusi Pelan Induk Pulau ECER (2023-2025), pelbagai inisiatif sedang dilaksanakan dengan memberi tumpuan kepada pembangunan lestari di pulau-pulau sekitar wilayah ini, bagi memelihara biodiversiti sambil menarik pelancong yang peka terhadap alam sekitar. Dengan peluasan perkhidmatan kereta api, pakej pelancongan berasaskan rel sedang dibangunkan untuk menarik pelancong ke bandar pesisir pantai dan tarikan utama di kawasan pinggir.

Dari segi teknologi tenaga boleh diperbaharui, pelaburan telah diperolehi bagi pembangunan loji kuasa solar hibrid di tapak seluas 1,700 ekar di daerah Segamat. Segamat juga dikenal pasti berpotensi untuk menempatkan kemudahan biojisim yang menukar tandan buah kosong kelapa sawit (EFB) kepada bahan api pelet sawit. Selain biojisim, Segamat turut menerima pelaburan dalam pembangunan kemudahan pembuatan produk dan pembungkusan plastik, kilang pemprosesan kelapa, serta ladang ayam pedaging pintar. Semua ini meletakkan Segamat sebagai hab keselamatan makanan dan tenaga di rantau ini¹⁴⁰.

¹³⁹ MIDA (2025). A Year In Review. ECERDC's 2024 Achievements and Milestones

¹⁴⁰ The Edge (2025). ECERDC: Segamat secures RM2.6b worth of manufacturing and agriculture investments in 1Q



Rajah 4.2: Strategi Pembangunan Mersing dan Segamat

Sumber: East Coast Economic Region (ECER)

Strategi Pembangunan ECERDC di Mersing

ECERDC sedang memacu transformasi Mersing sebagai hab pengeluaran makanan utama, dengan tumpuan kepada industri tenusu dan perikanan bagi memperkukuh sumbangan Johor terhadap keselamatan makanan negara. Antara projek utama ialah Jemaluang Dairy Valley (JDV) yang dijangka siap menjelang pertengahan tahun 2025 dengan kapasiti menempatkan 3,200 ekor lembu tenusu dan menghasilkan 7.1 juta liter susu setiap tahun, serta Taman Pemrosesan Ikan Endau Mersing (EMFPP) yang memberi tumpuan kepada pemrosesan ikan sejuk beku dan penyimpanan sejuk. Inisiatif ini disasarkan menarik pelaburan swasta bernilai RM80 juta dalam tempoh lima tahun, di samping mewujudkan peluang pekerjaan dan menggalakkan aktiviti hiliran dalam sektor agro-makanan. ECERDC turut memperkukuh pembangunan pelancongan melalui Pelan Induk Pembangunan Pulau yang menumpukan kepada enam pulau utama bagi mempromosikan ekopelancongan, memelihara ekosistem semula jadi dan menjana peluang pekerjaan.

Dalam aspek teknologi, Sistem Operasi Pelancongan Mersing (MeTOS) diperkenalkan bagi memudahkan pelancong mendapatkan maklumat dan membuat tempahan penginapan. Sebanyak RM3 juta telah dipohon bagi menaik taraf chalet lama sebagai usaha menghidupkan semula pemiagaan yang terjejas akibat pandemik¹⁴². Penambahbaikan infrastruktur turut memberi tumpuan kepada penyelenggaraan laluan darat dan laut yang selamat, menangani hakisan pantai, pembinaan tembok penahan ombak, penambahbaikan papan tanda dan kemudahan awam. Pihak daerah turut menganjurkan program pembersihan pantai tahunan melibatkan agensi kerajaan dan NGO bagi mengekalkan kualiti alam sekitar, selain memperketat peraturan keselamatan pengendali selaman skuba bagi memastikan keselamatan pelancong.

Mersing juga dikenali dengan kekayaan semula jadinya serta komitmen terhadap pelancongan lestari. Daerah ini menempatkan Taman Laut Sultan Iskandar dan hampir 100 buah pulau, termasuk destinasi popular seperti Pulau Besar, Pulau Pemanggil dan Pulau Aur. Usaha pembangunan infrastruktur turut merangkumi penambahbaikan penginapan, kemudahan awam, cenderamata, serta produk tempatan bagi menawarkan pengalaman pelancongan yang menyeluruh. Program latihan komuniti yang disokong oleh geran Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) berjumlah RM180,000 bagi tempoh 2023 hingga 2024 memberi tumpuan kepada komunikasi, hospitaliti, panduan pelancong dan kemahiran menyelam skuba. Aspek pemeliharaan alam sekitar turut ditekankan melalui aktiviti pembersihan pantai dan dasar laut termasuk pembuangan jaring hantu bagi melindungi ekosistem marin¹⁴³.

Kelestarian menjadi teras kepada pembangunan pelancongan Mersing, seperti yang ditonjolkan melalui projek KampungStay@Air Papan yang mengintegrasikan ekopelancongan dengan penglibatan komuniti di bawah strategi 'Rainforest to Reef' yang menghubungkan Taman Negara Endau-Rompin dengan pulau serta terumbu karang Mersing. Mersing juga menyasarkan untuk menyertai Rangkaian Pemerhatian Pelancongan Lestari Antarabangsa (International Network of Sustainable Tourism Observatories), sekali gus meningkatkan profil pelancongan globalnya¹⁴⁴. Pada tahun 2023, Mersing dan pulau-pulau sekitarnya mencatat sekitar 700,000 pelancong¹⁴⁵, dan angka ini dijangka terus meningkat melalui promosi dan pelaksanaan Tahun Melawat Malaysia yang bakal tiba.

¹⁴² The Star (2022). Mersing District Council implements system to regulate tourism activities
¹⁴³ The Sun (2025). Mersing a gem of unique islands with sustainable tourism attractions
¹⁴⁴ Tourism Johor (n.d.). Mersing diving into global spotlight
¹⁴⁵ Ibid.




Rajah 4.4: Polan Tindakan Utama bagi Pembangunan Pulau-Pulau di Mersing
Sumber: East Coast Economic Region (ECER)

Strategi Pembangunan ECERDC di Segamat

Pembangunan Segamat di bawah ECER memberi tumpuan kepada pertanian lestari dan industri hijau, yang penting dalam menjadikan wilayah ini sebahagian daripada "Bakul Makanan" Malaysia. Inisiatif Fertigasi Cili IPR-INTAN merupakan projek utama yang menyokong teknologi pertanian moden serta menyediakan sumber pendapatan mampan kepada komuniti B40, meliputi kawasan seluas 79 ekar dengan rancangan untuk diperluas pada masa hadapan¹⁴⁰. Model pertanian kontrak bersama syarikat peneraju telah meningkatkan produktiviti, mewujudkan peluang pekerjaan dan memupuk keusahawanan dalam industri berasaskan agro. Penambahbaikan infrastruktur seperti jalan akses ke Taman Negara Johor Endau Rompin (dijangka siap pada tahun 2025) turut menyokong pertumbuhan ekopelancongan, manakala inisiatif tenaga hijau dan penangkapan karbon sejajar dengan matlamat iklim negara.

¹⁴⁰ ECER (n.d.). First Chili Harvest Marks The Success Of Ecerdc's High-Impact Project In Segamat, Johor.



Rajah 4.5: Strategi Pembangunan Segamat

Sumber: East Coast Economic Region (ECER)

Segamat terus memperkukuh kedudukannya sebagai hab bioteknologi dan agrobisnes ECER melalui inisiatif yang menumpukan kepada tanaman bernilai tinggi, ternakan bersepadu dan pemrosesan agro. ECERDC telah memajukan projek yang melibatkan sistem fertigasi pintar bagi cili dan tembikai wangi, peluasan ekosistem tenusu bersepadu yang berkait dengan Jemaluang Dairy Valley di Mersing, serta kemudahan perintis pemrosesan agro untuk meningkatkan nilai tambah hiliran. Penggunaan kaedah pertanian digital dan mekanisasi, bersama insentif ECERDC untuk menarik pelabur utama, telah meningkatkan produktiviti dan kecekapan rantai bekalan¹⁴⁷.

Sektor perindustrian dan logistik Segamat sedang diperluas secara terancang di bawah agenda pembangunan bersepadu ECER. Komitmen utama bagi tahun 2024–2025 termasuk kemudahan pembuatan dan pemrosesan berasaskan tenaga boleh diperbaharui yang memanfaatkan sumber pertanian tempatan. Integrasi antara kawasan perindustrian, infrastruktur logistik dan hab agrobisnes berhampiran mewujudkan sinergi yang menyokong pengelompokan rantai nilai, khususnya dalam pemrosesan makanan dan pembuatan tenaga boleh diperbaharui.

Selaras dengan strategi pembangunan inklusif ECERDC, Segamat turut membangunkan ekosistem pendidikan dan latihan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja masa hadapan dalam sektor pertanian, pemrosesan dan logistik. Daerah ini telah dikenal pasti untuk melaksanakan program latihan vokasional dan keusahawanan agro bagi meningkatkan kemahiran serta menggalakkan penyertaan belia dalam agrobisnes. Pada masa yang sama, Segitiga Pelancongan Bekok–Labis–Chaah sedang dibangunkan sebagai destinasi pelancongan ekologi dan berasaskan komuniti, memanfaatkan aset semula jadi serta warisan budaya Segamat bagi mempelbagaikan sumber pendapatan.

¹⁴⁷ ECERDC (n.d.), ECERDC Accelerates Mersing and Segamat's Growth as Food Production Hubs, Boosting Agriculture in Johor

4.2 PELABURAN DI JS-SEZ, ECER (MERSING, SEGAMAT) DAN WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA

4.2.1 Nilai Pelaburan Terkumpul

>> PELABURAN WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA


Pada tahun 2024, Iskandar Malaysia terus menarik pelaburan baharu dan merangsang pertumbuhan ekonomi serantau. Jumlah pelaburan komited tahunan bagi tahun 2024 direkodkan sebanyak RM41.4 bilion, meningkat sebanyak RM4.2 bilion berbanding tahun 2023. Jumlah keseluruhan pelaburan komited terkumpul bagi wilayah ini pada tahun 2024 ialah RM454.5 bilion. Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA) telah menetapkan sasaran baharu sebanyak RM636 bilion dalam pelaburan terkumpul menjelang tahun 2030. Sehingga akhir tahun 2024, jumlah pelaburan yang telah direalisasikan mencecah RM268.7 bilion, iaitu lebih daripada 40% daripada sasaran yang ditetapkan¹⁴⁸.

Menjelang September 2024, hampir 70% atau RM291.4 bilion daripada jumlah pelaburan terkumpul sebanyak RM413.1 bilion sejak penubuhan wilayah ini pada tahun 2006 telah berjaya direalisasikan. Oleh itu, IRDA yakin bahawa kemajuan positif ini meletakkan wilayah Iskandar Malaysia di landasan yang betul untuk mencapai sasaran pelaburan terkumpul sebanyak RM636 bilion dalam tempoh lima tahun akan datang¹⁴⁹.

Walaupun pelaburan yang direalisasikan antara tahun 2020 hingga 2022 mencatatkan penurunan akibat kesan pandemik COVID-19, wilayah ini kembali menunjukkan pertumbuhan stabil dalam pelaburan yang direalisasikan sejak tahun 2023. Peningkatan lebih dua kali ganda daripada tahun 2023 ke 2024 disumbangkan oleh pelancaran Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) yang berjaya menarik lebih ramai pelabur dalam sektor bernilai tinggi dan berasaskan inovasi. Perkara ini dapat dilihat melalui peluasan operasi oleh syarikat multinasional seperti Insulet – sebuah syarikat pengeluar peranti perubatan – serta penubuhan beberapa pusat data seperti Airtrunk, Princeton Digital Group, Wiwyn dan Supermicro.

¹⁴⁸ MIDA (2024). Iskandar Malaysia sees realised investments of RM291.4bil to date

¹⁴⁹ New Straits Times (2024). Iskandar Malaysia sees realised investments of RM291.4bil to date



Rajah 4.6: Pelaburan Tahunan dan Terkumpul di Iskandar Malaysia (RM Bilion), 2020 – 2024
Sumber: IRIDA

>> PELABURAN ECER (MERSING, SEGAMAT)

Pada tahun 2024, ECER terus memperluas pembangunan di Mersing dan Segamat sebagai hab pengeluaran makanan serta pemprosesan agro dengan tumpuan kepada pemprosesan ikan sejuk beku, penyimpanan sejuk dan pemprosesan makanan hiliran. Pelaburan diteruskan bagi merealisasikan peranan kedua-dua daerah ini sebagai "bakul makanan negara" melalui projek strategik dalam bidang pertanian, perikanan dan pengeluaran tenusu.

Mersing mencatat jumlah pelaburan komited terkumpul sebanyak RM1,765 juta, dengan RM1.4 juta daripada jumlah tersebut disumbangkan pada tahun 2024. Segamat pula telah menerima pelaburan komited daripada tahun-tahun sebelumnya, menjadikan jumlah terkumpul sebanyak RM153.5 juta setakat tahun 2024.

Pelaburan Komited (RM Juta)		2024
Mersing	Tahunan	1.4
	Terkumpul	1,765
Segamat	Tahunan	0
	Terkumpul	153.5

Jadual 4.2: Jumlah Pelaburan Komited di Mersing dan Segamat (RM Juta), 2024
Sumber: East Coast Economic Region (ECER)

Mersing telah merealisasikan keseluruhan pelaburan komited tahunan berjumlah RM1.4 juta, manakala Segamat turut berjaya merealisasikan pelaburan terkumpul sebanyak RM153.5 juta. Projek seperti Jemaluang Dairy Valley dan Endau Mersing Fish Processing Park di Mersing akan menjadikan daerah ini sebagai hab utama bagi industri tenusu dan perikanan, di samping pembangunan berterusan sektor ekopelancongan di kawasan tersebut. Selain itu, Segamat akan memberi tumpuan kepada pertanian lestari dan industri hijau, selaras dengan agenda Johor sebagai negeri penyumbang utama kepada bekalan makanan negara.

Pelaburan yang Direalisasikan (RM Juta)		2024
Mersing	Tahunan	1.4
	Terkumpul	674
Segamat	Tahunan	0
	Terkumpul	153.5

Jadual 4.3: Jumlah Pelaburan yang Dilaksanakan di Mersing dan Segamat (RM Juta), 2024

Sumber: East Coast Economic Region (ECER)

Menjelang tahun 2024, daerah Segamat telah menyaksikan peningkatan ketara dalam nilai pelaburan bagi projek-projek berkaitan pembuatan dan pertanian. Rancangan lebih luas ECER di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 dan Pelan induk ECER 2.0 menekankan zon tenaga boleh diperbaharui, teknologi penangkapan karbon serta pengeluaran bio-tenaga sebagai pemangkin utama kepada pertumbuhan mampan. Penyertaan projek pembinaan loji janakuasa hibrid solar di Segamat turut menunjukkan bahawa daerah ini merupakan sebahagian daripada agenda pembangunan tenaga boleh diperbaharui.

No	Syarikat	Daerah	Projek	Nilai Pelaburan (RM Juta)
1	KOI Coconut Mill Sdn. Bhd.	Segamat	Kilang Kelapa Bersepadu	126.2
2	Gigantic Industries Sdn. Bhd.	Segamat	Pembuatan Produk Plastik dan Pembungkusan Plastik	42.7
3	Bse Agro Sdn. Bhd.	Segamat	Sayur-Sayuran, Tumbuhan dan Herba	36.8
4	Green Epic Sdn. Bhd.	Segamat	Sistem Biomass Pelet Kelapa Sawit (EFB)	16.9
5	Lestra Hexa Jv Sdn. Bhd.	Segamat	Pembinaan Loji Janakuasa Hibrid Solar 860 MW	2,350.0
6	Sin Long Heng Breeding Farm Sdn. Bhd.	Segamat	Ladang Ayam Pedaging	40.2
7	Teraju Tani Sdn. Bhd.	Segamat	Penanaman Nanas dan Bawang Merah	1.4
8	Tiada	Mersing	Taman Pemprosesan Ikan Endau Mersing (EMPPP)	N/A
			Jumlah	2,614

Jadual 4.4: Profil Projek Komited di Bawah ECER Mersing dan Segamat, 2024

Sumber: East Coast Economic Region (ECER)

Taman Pemprosesan Ikan Endau Mersing (EMFPP) merupakan inisiatif utama sektor perikanan yang siap dibangunkan pada tahun 2024, menjadikan Mersing sebagai hab perikanan penting di rantau ini. Taman ini memberi tumpuan kepada aktiviti pemprosesan dan pembungkusan makanan laut bagi menghasilkan produk perikanan bernilai tinggi. EMFPP dilengkapi dengan pusat pemprosesan, bilik penyimpanan sejuk, deretan kilang, ruang pejabat serta infrastruktur sokongan lain bagi memasarkan hasil perikanan dari kawasan Endau-Mersing. Projek ini bertujuan untuk mewujudkan peluang pekerjaan dan pendapatan kepada komuniti setempat melalui penglibatan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam aktiviti berkaitan perikanan, di samping memperkukuh peranan Mersing dalam sektor perikanan negara bagi pasaran domestik dan eksport antarabangsa¹⁸⁰.

No	Syarikat	Daerah	Projek	Nilai Pelaburan (RM Juta)
1	Tiada	Mersing	Endau Mersing Fish Processing Park (EMFPP)	Tiada

Jadual 4.5: Profil Projek yang Dilaksanakan di Bawah ECER Mersing dan Segamat, 2024
Sumber: East Coast Economic Region (ECER)

4.3 PERDAGANGAN DI JS-SEZ, ECER (MERSING, SEGAMAT) DAN WILAYAH ISKANDAR

4.3.1 Nilai Perdagangan Terkumpul

>> ISKANDAR MALAYSIA SEBAGAI HAB PERDAGANGAN DAN EKSPORT SERANTAU

Pada tahun 2024, Iskandar Malaysia terus mengukuhkan peranannya sebagai pintu masuk perdagangan utama di selatan Semenanjung Malaysia, dengan menyumbang bahagian besar daripada perdagangan luar Johor melalui Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), Pelabuhan Johor (Pasir Gudang) dan Hab Kargo Lapangan Terbang Senai. Pertumbuhan aktiviti pengeksportan semula, khususnya dengan Singapura, mencerminkan peranan wilayah ini dalam rantaian nilai serantau bagi sektor elektrik dan elektronik, petrokimia serta perkhidmatan logistik. Kecekapan pelabuhan yang dipertingkatkan dan inisiatif fasilitasi perdagangan digital turut menyumbang kepada peningkatan jumlah pengendalian kargo, disokong oleh pelaburan dalam automasi gudang dan peluasan kawasan bebas cukai. Selain itu, pemulihan perbelanjaan pengguna pasca pandemik serta pertumbuhan subsektor barong, runcit dan logistik turut memperkukuh hubungan perdagangan dalaman di Johor dan koridor selatan secara keseluruhan.

Namun, prestasi perdagangan Iskandar kekal sensitif terhadap perubahan global dalam rantaian bekalan serta turun naik permintaan luar, khususnya dalam eksport elektronik dan bahan kimia. Kejayaan berterusan wilayah ini bergantung kepada keupayaan mengekalkan kadar caj pelabuhan yang kompetitif, menambah baik penyelarasan kastam rentas sempadan dengan Singapura, serta mengembangkan perdagangan bernilai tinggi dalam teknologi hijau dan barangan digital di bawah kerangka Pelan Pembangunan Komprehensif III (CDPiii).

>> JS-SEZ SEBAGAI PLATFORM INTEGRASI PERDAGANGAN RENTAS SEMPADAN

Penubuhan JS-SEZ pada tahun 2024 merupakan inisiatif strategik untuk memperdalam integrasi perdagangan dan logistik dua hala antara kedua-dua ekonomi. Reka bentuk zon ini memberi tumpuan kepada pemudahan proses pelepasan kastam, pengenalan dokumentasi perdagangan digital dan penambahbaikan hubungan pengangkutan rentas sempadan, terutamanya bagi barangan yang melalui Tanjung Pelepas, Iskandar Puteri dan Tuas Mega Port Singapura. Rangka kerja awal zon ini menyasarkan untuk menarik industri berorientasikan eksport seperti pembuatan berteknologi tinggi, agro-teknologi dan logistik, yang dapat memanfaatkan kos pengeluaran yang lebih rendah di Johor serta rangkaian pasaran global Singapura. Dengan memudahkan aliran perdagangan dan mempercepatkan masa penghantaran, JS-SEZ dijangka dapat meningkatkan perdagangan barangan separa siap dan siap, sekali gus menyokong eksport semula dan rantai nilai bersama.

Walaupun bagaimanapun, peluasan perdagangan di bawah JS-SEZ amat bergantung kepada penyelarasan dasar, kesediaan infrastruktur, serta pengiktirafan bersama terhadap peraturan dan piawaian perdagangan. Sebarang kelewatan dalam integrasi kastam atau dasar mobiliti tenaga kerja boleh menjejaskan manfaat awal. Namun begitu, JS-SEZ mempunyai potensi besar untuk mengubah corak perdagangan rentas sempadan dan meletakkan Johor Selatan sebagai nod penting dalam ekosistem perdagangan lanjutan Singapura.

>> ECER MEMACU PEMBANGUNAN PERDAGANGAN TEMPATAN BERASASKAN AGRO-MAKANAN DAN SUMBER ASLI

Aktiviti perdagangan di daerah Segamat dan Mersing di bawah ECER pada tahun 2024 tertumpu kepada pertanian, pemprosesan makanan berasaskan pertanian dan eksport berasaskan perikanan. Pembangunan Taman Pemprosesan Ikan Bersepadu Endau-Mersing telah meningkatkan keupayaan pemprosesan bernilai tambah dan penyimpanan sejuk bagi memenuhi permintaan serantau. Di Segamat, peningkatan produktiviti pertanian dan pelaburan baharu dalam kemudahan pemprosesan agro di bawah strategi "Bakul Makanan" ECERDC telah memperkukuh perdagangan domestik dan antara wilayah, termasuk aliran bekalan ke kawasan tengah Malaysia dan Singapura. Naik taraf rangkaian jalan raya di sepanjang koridor Segamat-Kuantan dan Mersing-Kluang turut meningkatkan kecekapan logistik dan mengurangkan masa penghantaran bagi barangan mudah rosak serta barangan pukal.

Walaupun bagaimanapun, potensi perdagangan ECER masih terhad disebabkan jarak dari pelabuhan utama, skala pengeluaran yang kecil dan kos logistik yang menjejaskan daya saing eksport. Pertumbuhan masa depan bergantung kepada usaha memperkukuh infrastruktur perdagangan seperti penubuhan hab penyatuan, logistik rantai sejuk dan sokongan pensijilan eksport bagi menghubungkan pengeluar di Koridor Timur dengan lebih berkesan kepada pasaran domestik dan antarabangsa.

4.4 FAKTOR PEMANGKIN PEMBANGUNAN JS-SEZ, ECER (MERSING, SEGAMAT) DAN WILAYAH ISKANDAR

4.4.1 Agenda Penjanaan Kekayaan

Pembangunan ekonomi Wilayah Iskandar berpandukan Pelan Pembangunan Komprehensif III (CDP III, 2022–2030) di bawah konsep *Circle of Sustainability* yang menggabungkan penjanaan kekayaan, perkongsian kekayaan, pengoptimuman sumber dan pembangunan rendah karbon. Banyak inisiatif dilaksanakan selaras dengan pelan ini. Dari Januari hingga September 2024, jumlah pelaburan komited mencecah RM40.3 bilion dengan pelaburan direalisasikan sebanyak RM22.5 bilion. Dengan penubuhan JS-SEZ, *Invest Malaysia Facilitation Centre Johor (IMFC-J)* berperanan sebagai mekanisme institusi bagi memperkemas proses pelaburan serta memudahkan kemasukan pelabur dan penubuhan perniagaan baharu. IRDA bersama anak syarikat pelaburannya, *Iskandar Investment Berhad (IIB)*, turut mengintegrasikan agenda penjanaan kekayaan melalui pelaksanaan program pembangunan modal insan bagi memperkasa komuniti setempat.

Bagi ECER pula, penjanaan kekayaan dikaitkan dengan peningkatan sosioekonomi melalui strategi pembangunan wilayah berasaskan fasilitasi pelaburan dan pembangunan modal insan inklusif. Pada tahun 2024, ECERDC berjaya memudah cara pelaburan bernilai RM13.4 bilion, melepasi sasaran RM10 bilion⁹¹. Pelaksanaan projek-projek ini telah menjana lebih 3,165 peluang pekerjaan dan mewujudkan 641 usahawan baharu. Pada separuh pertama tahun 2025, ECERDC mencapai pelaburan direalisasikan bernilai RM6.4 bilion, yang telah menjana 2,800 pekerjaan baharu⁹². Sektor pertanian berasaskan nilai (*agro-value chain*) dan keusahawanan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan wilayah ini.

4.4.2 Agenda Perkongsian Kekayaan Dan Inklusiviti Sosial

Rangka Strategik Pembangunan Sosial yang merangkumi *Iskandar Malaysia Social Index (IMSI)* dibangunkan sebagai alat untuk memandu dasar ke arah pengagihan kekayaan yang saksama, penyediaan perumahan mampu milik, serta akses kepada aset bagi penduduk. Selain itu, IIB bersama Yayasan Hasanah menguruskan *Social Enterprise Fund 2024* yang memperuntukkan RM500,000 dalam bentuk geran kepada perusahaan sosial untuk menyokong projek inovatif yang menangani isu sosial, menggalakkan amalan lestari, dan menyumbang kepada matlamat Sifar Karbon Medan⁹³.

ECER turut menekankan pertumbuhan inklusif melalui program khas melibatkan komuniti B40 seperti *empower ECER*, *entrepreneur ECER* dan *agro ECER* yang memberi tumpuan kepada pembangunan kapasiti kumpulan terpinggir, latihan kemahiran dan sokongan mikroperniagaan bagi pembasmian kemiskinan.

⁹¹ MIDA (2025). A Year in Review: ECERDC's 2024 Achievements and Milestones.
⁹² Bernam (2025). ECER Records RM6.4 bil Realised Investments in 1H2025 - PM Arwar
⁹³ LinkedIn (n.d.). Iskandar Investment Berhad post.

4.4.3 Agenda Penjanaaan Pekerjaan Dan Pembangunan Ekonomi

Iskandar Malaysia menyokong penjanaaan pekerjaan melalui pelbagai program seperti *Iskandar Malaysia Employment Grant (IMEG)*. Skim ini menawarkan rebat kepada majikan yang menggaji rakyat Malaysia, sekali gus merangsang peluang pekerjaan dalam sektor-sektor yang digalakkan. Penerima mestilah PKS yang beroperasi di Iskandar Johor. Sejak dilaksanakan pada tahun 2016, IMEG telah membantu syarikat di Johor mengekalkan serta menggaji lebih ramai pekerja.

ECER pula memacu penjanaaan pekerjaan melalui pelaburan langsung. Pada tahun 2024, ECER berjaya menjana lebih 3,100 pekerjaan hasil daripada pelaburan yang direalisasikan, termasuk mewujudkan 641 perusahaan keusahawanan. Peluang pekerjaan ini tertumpu dalam pelbagai inisiatif taman industri dan agro, di samping program inkubasi PKS dan libat urus komuniti yang sedang berjalan.

4.4.4 Agenda Pengoptimuman Sumber

Sebagai sebahagian daripada kerangka CDP III, Iskandar Malaysia memberi tumpuan kepada penggunaan tanah yang efisien, pertumbuhan pintar, penyelarasan infrastruktur serta pembangunan mampan. Banyak inisiatif kini memberi keutamaan kepada usaha mewujudkan ekosistem lestari, mengoptimumkan persekitaran binaan, mempertingkatkan keterhubungan serta penyampalan infrastruktur yang bersepadu. Rangka kerja *Smart City Iskandar Malaysia (SCIM)* menggunakan teknologi digital dan infrastruktur pintar melalui kerjasama dengan *Think City*, *PLANMalaysia* dan pihak berkuasa tempatan dalam mewujudkan perancangan bandar bersepadu berasaskan GIS.


IRDA turut memperkenalkan *Green Accord Initiative Award (GAIA)* untuk menggalakkan amalan lestari dalam kalangan pemaju. Anugerah ini mengiktiraf pembinaan yang cekap sumber, penjimatan tenaga dan penggunaan air secara bertanggungjawab. Di Medini, pembangunan kawasan pusat perniagaan rendah karbon dirancang dengan infrastruktur teknologi pintar, sistem pengurusan bandar digital dan sistem bandar mampan¹⁵⁴.

4.4.5 Pemantauan Alam Sekitar Dan Kelangsungan

Selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) global, IRDA meneruskan agenda kelestarian melalui pelaksanaan pelbagai projek dan program alam sekitar di peringkat nasional dan antarabangsa. *Low Carbon Society Blueprint for Iskandar Malaysia 2025 (LCSBPIM)* kekal aktif dengan matlamat menjadikan Iskandar Malaysia sebagai masyarakat rendah karbon menjelang 2025 melalui penambahbaikan terhadap persekitaran semula jadi dan binaan, serta memastikan keselarasan dengan trajektori pertumbuhan sosioekonomi wilayah¹⁵⁵.

ECERDC pula memastikan semua projek dalam wilayahnya mematuhi peraturan *Environmental Impact Assessment (EIA)*. Majlis ini melalui kumpulan kerjanya kerap menjalankan pemantauan dan audit alam sekitar, khususnya di taman industri dan projek infrastruktur. Projek infrastruktur utama di ECER turut memperkenalkan amalan pertanian moden yang mengurangkan penggunaan bahan kimia serta meningkatkan kecekapan penggunaan air.





Rajah 4.7: Skala Penarafan CDP Cities A List bagi Bandar-Bandar
Sumber: CDP Cities

4.4.6 Bandar Pintar (Smart City)

Johor Bahru merupakan salah satu daripada 28 bandar ASEAN yang terpilih untuk menyertai *ASEAN Smart Cities Network (ASCN)*. Melalui inisiatif ini, Iskandar Malaysia telah melaksanakan dua projek perintis iaitu *Smart Water Resource Management and Distribution and Iskandar Malaysia Urban Observatory (IMUO)*. Dalam perkembangan terkini, IRDA telah memperluaskan pelaksanaan infrastruktur digital yang selaras dengan *Smart City Iskandar Malaysia Comprehensive Action Plan*. Pada Julai 2025, beberapa syarikat swasta memperkenalkan *Medini Smart City Management Platform (MSCMP)* dengan fasa awal memberi tumpuan kepada pemantauan kualiti udara secara masa nyata. Platform ini kini beroperasi sepenuhnya. Selain itu, *One Smart Services (OSS)*¹⁰⁰ turut dilancarkan bagi penyampaian perkhidmatan digital awam dengan penggunaan teknologi *Internet of Things (IoT)* bagi pengurusan trafik, penderia alam sekitar dan kutipan sisa pepejal.

Bagi daerah Mersing, inisiatif pembangunan pintar ECER bertujuan untuk menghubungkan serta memperkasa komuniti luar bandar dan pesisir pantai secara digital melalui ECER Master Plan 2.0. Inisiatif pelancongan pintar di Mersing merangkumi pembangunan zon eko-pelancongan yang disepadukan dengan teknologi pintar seperti penjejakan pelawat digital, platform tempahan elektronik (*e-booking*), serta penginapan yang diperakui hijau. Promosi pulau-pulau Mersing sebagai destinasi *smart nature retreat* turut menyeimbangkan antara kemajuan teknologi dan pemeliharaan alam sekitar.

Pada Oktober 2025, Johor telah diiktirafkan sebagai negeri pintar pertama di Malaysia selepas kesemua 16 pihak berkuasa tempatan (PBT) menunjukkan usaha proaktif dalam melaksanakan pelbagai inisiatif bandar pintar sekaligus mencapai Tahap 1 – *Smart City Early Adopter* di bawah Kerangka Bandar Pintar Kebangsaan. Majlis Bandaraya Johor Bahru merupakan PBT pertama mencapai Tahap 3 – *Leading Smart City* menjadikannya sebagai penanda aras untuk PBT dalam negara yang lain. Antara inisiatif utama adalah penubuhan Pusat Kawalan Pintar (*Smart Command Centre*), penggunaan sensor kualiti udara di kawasan perumahan dan industri, pemasangan lebih 2,000 buah CCTV pintar di kawasan Greater Johor Bahru dan juga pelaksanaan sistem pengurusan trafik berasaskan AI¹⁰¹.

¹⁰⁰ Stock Titan (2025). *Smart City Success in Malaysia: A Reproducible Model Powered by thethings.iO – MT's IoT Platform*.
¹⁰¹ Berita Harian (2025). *Johor jadi negeri pintar pertama Malaysia, capai sasaran lima tahun lebih awal*. Tarikh capaian: 12 Nov 2025.

4.4.7 Pemangkin Dan Infrastruktur

Selepas tahun 2025, aktiviti ekonomi khusus bagi sektor pelancongan dan perkhidmatan sokongan terus memacu pembangunan Mersing manakala Segamat dijangka menyaksikan potensi pelaburan dalam bidang perkhidmatan dan pembuatan, hasil daripada ekonomi berasaskan pertaniannya. Bersama-sama, inisiatif Segamat dan Mersing menegaskan komitmen Johor terhadap model ekonomi yang seimbang di luar pusat perindustrian bandar, menjaga pekerjaan bermutu dan meningkatkan kesejahteraan sosio-ekonomi khususnya bagi ekonomi luar bandar. Pendekatan ini menyokong visi negeri Johor 2030 untuk menjadi ekonomi paling maju dan pelbagai di Malaysia.

RENCANA 3: ZON EKONOMI KHAS JOHOR-SINGAPURA (JS-SEZ): KEMUNCULAN HAB PERTUMBUHAN WILAYAH BAHARU

Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) menandakan satu detik bersejarah dalam kerjasama rentas sempadan antara Malaysia dan Singapura. Diumumkan pada tahun 2023 dan dimeterai secara rasmi melalui Memorandum Persefahaman (MoU) pada Januari 2024, JS-SEZ bertujuan untuk menggalakkan dan memudahcara pelaburan dalam 11 sektor utama di sembilan zon pembangunan berimpak tinggi seperti yang diuraikan dalam Bab Empat laporan ini. Zon ini dilihat sebagai hab pelaburan serantau yang strategik serta tonggak penting dalam memperkukuh daya tahan rantaian bekalan global di tengah-tengah ketidaktentuan perdagangan dan pergeseran geopolitik yang berterusan. Berteraskan kerjasama dua hala yang bersifat transformasi, JS-SEZ dijangka menjadi pemangkin kepada pelaburan berimpak tinggi dalam mobiliti bakat, pembuatan berteknologi maju dan teknologi hijau. Dalam tempoh satu dekad akan datang, zon ini menyasarkan untuk menarik sekurang-kurangnya 100 projek, mewujudkan 20,000 peluang pekerjaan berkemahiran tinggi serta membangunkan ekosistem perniagaan bersepadu di selatan Johor—yang dijangka menyumbang peningkatan KDNK negeri sebanyak USD28 billion menjelang tahun 2030.

Walaupun JS-SEZ menandakan kemajuan besar ke hadapan, Johor sebenarnya mempunyai sejarah panjang dalam kerjasama ekonomi serantau. Inisiatif terdahulu seperti Segitiga Pertumbuhan SIJORI pada tahun 1990-an serta penubuhan Iskandar Malaysia pada tahun 2006 telah menjadi asas penting kepada integrasi serantau, namun belum mencapai tahap dominasi ekonomi wilayah seperti yang dihasratkan. Dalam konteks ini, JS-SEZ muncul sebagai peluang strategik untuk merealisasikan aspirasi Johor ke arah menjadi kuasa ekonomi serantau bertaraf global.


JS-SEZ kini mendapat pengiktirafan antarabangsa berikutan potensi ekonominya yang kukuh dan kemajuan pelaksanaan projek yang pesat. South China Morning Post menggambarkan zon ini sebagai "lebih daripada sekadar pelan pemulihan Forest City" – sebaliknya sebagai pemangkin perdagangan, pelaburan, dan penciptaan pekerjaan dalam pelbagai sektor di Malaysia. Pelaksanaan penuh projek JS-SEZ dijangka akan merencanakan pembangunan bandar-bandar satelit seperti Layang-Layang, Simpang Renggam dan Kluang yang akan berperanan menyokong kawasan metropolitan Johor Bahru.

Memorandum Persefahaman (MoU) bagi penubuhan JS-SEZ telah ditandatangani oleh Menteri Ekonomi ketika itu, Rafizi Ramli dan Menteri Perdagangan dan Perusahaan Singapura, Gan Kim Yong, disaksikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim serta bekas Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong. Dengan komitmen dua hala ini, JS-SEZ dijangka memperkukuh hubungan perdagangan dan pelaburan Johor-Singapura, berasaskan model kejayaan Shenzhen Special Economic Zone di China. Zon ini juga melengkapi pembangunan berterusan Iskandar Malaysia, khususnya dalam sektor bernilai tinggi seperti elektrik dan elektronik (E&E), perkhidmatan kewangan dan perniagaan, serta penjagaan kesihatan.

Selepas pemeteraian MoU tersebut, Iskandar Regional Development Authority (IRDA) mengunjurkan bahawa JS-SEZ berpotensi menyumbang pelaburan terkumpul mencecah RM636 bilion menjelang 2030. Sumbangan ini turut dijangka diperkukuh oleh limpahan ekonomi daripada Forest City Special Financial Zone (SFZ) yang diintegrasikan di bawah rangka JS-SEZ. Secara keseluruhan, strategi pembangunan zon ini sejajar dengan Pelan Pembangunan Komprehensif Iskandar Malaysia (CDPiii) 2022-2030, sekaligus memperkukuh keselarasan strategik dengan agenda pertumbuhan jangka panjang negeri Johor.

>> Pengajaran daripada Zon Ekonomi Global

Seperti yang digambarkan dalam Rajah 3a, JS-SEZ – yang kini merangkumi Iskandar Malaysia – turut tersenarai dalam kelompok zon ekonomi khas global yang sedang pesat berkembang seperti Jebel Ali, GIFT City (India), Astana (Kazakhstan), Hainan (China) dan Dinh Vu (Vietnam). Zon-zon ini telah menjadi instrumen penting dalam menarik pelaburan bernilai tinggi melalui insentif kompetitif dan rangka peraturan yang cekap. JS-SEZ banyak mengambil inspirasi daripada model kejayaan Shenzhen SEZ – zon ekonomi khas paling berjaya di dunia – yang telah menyumbang hampir 10% daripada KDNK China dalam tempoh empat dekad dan mengubah Shenzhen daripada sebuah perkampungan nelayan kepada hab inovasi global.



Rajah 3a: Zon Ekonomi Khas Terpilih dan Kawasannya, 2025

Sumber: Frost & Sullivan Analysis, Bing

Kejayaan Shenzhen sering dikaitkan dengan kedudukannya yang strategik berhampiran Hong Kong, yang membolehkan sinergi dasar dan limpahan pelaburan. Dalam konteks serupa, Johor berhasrat untuk memanfaatkan kedudukan geografi dan ekonomi yang bersebelahan dengan Singapura – salah satu pusat kewangan dan inovasi terkemuka dunia – untuk memacu transformasi industrinya sendiri. Walaupun pencapaian setara dengan tahap kematangan Shenzhen memerlukan masa dan usaha berterusan, JS-SEZ mewakili langkah penting ke arah meletakkan Johor sebagai hab inovasi dan perdagangan utama di rantau ASEAN.

Overview Of Selected Special Economic Zones Around The World

Flag	SEZ Name & Country	Year Est.	Key Sectors	Notable Companies	Unique Advantages	FDI / GDP Impact	Expected Growth	Job Creation	Regional Benefits
🇨🇳	Shenzhen SEZ (China)	1980	• Manufacturing • Tech	• Huawei • Tencent • BYD	• First SEZ in China • Tech hub • Fast economic clearance	• 18% of China's GDP • \$280+ billion FDI	• 8% - 9% p.a.	• 10M+ jobs	• Transformed from fishing village to global innovation hub
🇦🇪	Jebel Ali Free Zone (UAE)	1980	• Logistics • Industrial	• Hamik • PSA • Siemens	• Adjacent to longest man-made canal • Zero corporate tax	• 23% of Dubai GDP, 6.710+ companies	• 8% - 9% p.a.	• 100K+ jobs	• Hub for global trade and re-export center
🇻🇳	Dinh Vu - Cat Hai II (Vietnam)	2009	• Manufacturing • Trade	• Singapore • LG Electronics • LG Electronics	• Near Hoang Phung Port • Competitive labor costs	• \$1 billion FDI inflow	• 7% - 8% p.a.	• 30K+ jobs	• Boosted northern Vietnam's export capacity
🇲🇾	Iskandar Malaysia (Malaysia)	2006	• Urban Development • Education	• LEGOLAND • Universiti • EA City	• Cross-border with Singapore • Integrated development	• \$1.1 billion investment from foreign	• 8% - 7% p.a.	• 800K+ jobs (direct/indirect)	• Diversified labor's economy beyond agriculture
🇮🇩	Sajati International Finance Tu-Clu (India)	2021	• Finance • IT	• Bajaj • Amazon • H&M • TCS	• India's first FIE • 100% tax exemption	• \$100 FDI inflow expected by 2025	• 10% - 12% p.a.	• 1,200K+ jobs	• Positioned India as South Asia's financial hub
🇲🇾	Astana International Financial Centre (Kazakhstan)	2016	• Finance • Energy	• Almaty • H&M • All exchange	• English law-based • Belt & Road gateway	• \$2.5B+ investment in 2024	• 8% - 9% p.a.	• 30K+ jobs	• Diversified Kazakhstan's sector in Eurasian market
🇨🇳	Hainan Free Trade Port (China)	2025	• Tourism • Healthcare • Finance • High-Tech	• China Duty-Free Group • Sunac • Hainan	• Global duty-free zone • Zero tariffs on select goods • Visa-free entry for 55 countries	• Targeting 100 billion USD trade volume by 2025	• 3% - 7% p.a.	• 1M+ jobs by 2025	• Boosted tourism, positioned China as Asia-Pacific leisure hub
🇲🇾	Iskandar Free Zone (Malaysia)	2002	• Logistics • Finance • Bio-tech • IT	• Samsung Biologics • Celanese	• Near Ibrahim Sultan Airport • Advanced medical cluster	• Core hub for 20% of Johor's GDP	• 8% - 7% p.a.	• 100K+ jobs	• Anchor for Iskandar's growth & export hub potential
🇲🇾	Harau Export (Malaysia)	1982	• Re-export • Seafood • Logistics	• Hamik • Duty-Free Paradise • Seafood Hub operator	• Strategic Indian Ocean location • Tax incentives	• 1% of GDP from Harau export	• 8% - 9% p.a.	• 1M+ jobs	• Diversified economy beyond tourism, positioned Harau as Africa gateway

Rajah 3b: Gambaran Keseluruhan Zon Ekonomi Khas di Dunia, 2025.
Sumber: Frost & Sullivan Analysis

Jika dibandingkan dengan zon ekonomi lain seperti Jebel Ali, GIFT City India, Astana, Hainan, dan Dinh Vu seperti ditunjukkan dalam Rajah 3b, JS-SEZ kekal kompetitif dan menawarkan pelbagai sektor serta insentif yang lebih pelbagai. Selain itu, JS-SEZ ditempatkan secara strategik di rantau ASEAN, menjadikannya penghubung perdagangan antara Timur dan Barat. Oleh itu, walaupun Johor mempunyai kelemahan dari segi tenaga kerja mahir dan daya ekonomi, ia unggul dari segi kedudukan strategik dan kelebihan ekonomi tersendiri, sekali gus menarik minat pelabur untuk melabur dan beroperasi di sini. Namun, ia akan mengambil masa yang panjang untuk JS-SEZ mencapai tahap setanding dengan Shenzhen. Walau bagaimanapun, JS-SEZ diiktiraf sebagai pemangkin penting dalam transformasi rantau ASEAN, berada pada tahap yang setanding dengan gergasi seperti Dubai dan Incheon KFEZ.

>> Pencapaian Utama dan Kemajuan pada Tahun 2025

Sejak pemeteraian perjanjian dua hala pada Januari 2025, minat pelabur terhadap JS-SEZ meningkat dengan ketara. Invest Johor melaporkan lebih daripada 400 pertanyaan pelaburan daripada syarikat multinasional (MNC), dengan aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) mencapai RM27.4 bilion – dipacu terutamanya oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Menjelang Suku Pertama 2025, kira-kira 90% daripada keseluruhan pelaburan yang diluluskan di Johor disalurkan melalui JS-SEZ, melebihi jumlah RM48.5 bilion yang direkodkan pada 2024. Pada separuh pertama 2025, JS-SEZ telah menerima pelaburan yang diluluskan berjumlah RM37.1 bilion bersamaan 66% daripada jumlah keseluruhan pelaburan di Johor. Penubuhan *Invest Malaysia Facilitation Centre Johor (IMFC-J)* telah mempercepat proses pelaburan dengan mengenal pasti potensi pelaburan bernilai RM26.2 bilion dan mengesahkan perjanjian pelaburan berjumlah RM16.7 bilion.

Pada Mei 2025, *JS-SEZ Partners Dialogue* yang diadakan di Kuala Lumpur menandakan satu lagi pencapaian penting apabila enam institusi kewangan utama – Bank of America, HSBC, Sumitomo Mitsui Banking Corporation (SMBC), CGS International Securities, Maybank dan CIMB – menandatangani *Letters of Intent (LOIs)* bagi memperkukuh kerjasama kewangan rentas sempadan. Kerajaan Malaysia turut mengumumkan pelancaran *JS-SEZ Blueprint* menjelang akhir 2025, yang akan menggariskan hala tuju strategik, tadbir urus dan kerangka pemudahcara pelaburan yang komprehensif.

Kelestarian dan inovasi turut menjadi teras kepada agenda JS-SEZ. *Iskandar Investment Berhad* telah memeterai beberapa MoU berkaitan *Carbon Capture, Utilisation and Storage (CCUS)* serta memimpin Inisiatif Bandar Karbon Sifar Bersih di Iskandar Puteri. Dalam memperkukuh penyertaan tenaga kerja tempatan, Kerajaan Negeri Johor mencadangkan kadar gaji permulaan yang lebih kompetitif bagi graduan tempatan – antara RM4,000 hingga RM5,000 – iaitu dua kali ganda purata kebangsaan, disertai dengan pelbagai program pembangunan bakat di bawah *Johor Talent Development Council (JTDC)*.

Perusahaan awam dan swasta utama tampil sebagai pemangkin industri JS-SEZ. Maybank menyokong sehingga RM2.35 bilion (US\$545 juta) dalam pelaburan berpotensi melalui LOI pelanggan mereka, memudahkan penyertaan *Alpine Renewables*, *Edible Oils Pte Ltd*, *Centurian Corporation Ltd* dan *Thomson Medical Group Limited (TMG)*, antaranya syarikat berpusat di Singapura. Langkah ini turut menggalakkan penyertaan luas MSME hingga korporat multinasional dalam pelbagai sektor. Maybank juga bercadang mengembangkan penyelesaian Kewangan Islamik melalui alat eksklusif *Halal2u* untuk perniagaan halal. Selain itu, mereka memperkenalkan inisiatif *green finance* seperti *Corporate Renewable Energy Supply Scheme (CRESS)* bagi membolehkan korporat membeli RE terus daripada pengeluar bebas dengan kos lebih rendah.

Sementara itu, *United Overseas Bank (UOB)* melancarkan *UOB Green Lane Initiative* untuk mempercepat pelaburan dan kemasukan pelanggan ke JS-SEZ, hasil daripada kerjasama strategik dengan *Invest Johor*. Melalui "green lane" ini, UOB melakukan penilaian pra-kelayakan untuk permohonan pelanggan bank bagi *Johor Super Lane (JSL)*, dengan kriteria kelulusan ditetapkan oleh *Invest Johor*. Tambahan pula, UOB memperkenalkan perkhidmatan pembukaan akaun *fast lane* untuk syarikat berpusat di Singapura yang ingin berkembang ke kawasan JS-SEZ, sekaligus mengurangkan kelewatan birokrasi dan mempercepat pelaburan HGHV.

CIMB turut bertindak dengan melancarkan *ASEAN Financial Passport*, berikrar menyokong JS-SEZ dengan RM10 bilion. Platform ini menawarkan perkhidmatan sokongan khusus untuk perbankan rentas sempadan, termasuk pembukaan akaun pantas, panduan regulatori, dan penyelesaian perbankan SME. Mereka juga mempercepatkan onboarding melalui *green lane account opening* untuk pelanggan Malaysia-Singapura, menyediakan penyelesaian khusus seperti *SMEBizReady*, *GreenBizReady*, *HalalBizReady*, dan perkhidmatan pemindahan wang rentas sempadan. CIMB menubuhkan pasukan 30 jurubank berpengalaman di Singapura dan Malaysia, mengendalikan 28 cawangan di Johor, dan dijangka membuka cawangan berhampiran pemeriksaan RTS untuk menangkap peluang JS-SEZ dan pelanggan dari China, Hong Kong, dan rantau ASEAN.

Selain itu, MNC seperti *Gold Peak Technology Group* merancang melabur RM670 juta dalam kemudahan pembuatan dan R&D di JS-SEZ. Sebagai salah satu pengeluar bateri terbesar dunia yang menghasilkan enam juta bateri setahun, fasiliti ini dijangka memulakan pengeluaran perintis pada 2025 dan mencapai pengeluaran berskala penuh pada 2028, menyokong permintaan tenaga global yang meningkat akibat pertumbuhan AI dan pusat data.

Usahawan dan MSME juga mencipta sinergi dalam zon ini melalui kolaborasi bermakna. Perbadanan Usahawan Johor (PUJB) bekerjasama dengan Kotier Impact Asia, disokong oleh Majlis Perundingan Keusahawanan Negeri Johor (MPUNJ), menganjurkan Johor Business Summit dan Expo 2025 untuk menghubungkan pelabur dengan usahawan tempatan. Summit ini menarik lebih 90 peserta pameran dari pelbagai sektor dan menyertai peserta daripada 10 negara, termasuk Indonesia, Singapura, China, Amerika Syarikat, Itali, Jerman, Kanada, dan Kemboja.

Tempoh operasi JS-SEZ seiring dengan projek infrastruktur utama yang hampir siap seperti Rapid Transit System (RTS) Link dan Gemas-Johor Bahru Electrified Double Track Project (EDTP). Projek ini meningkatkan ketersambungan dan memudahkan pergerakan 10,000 penduduk Johor-Singapura setiap jam, sekaligus mengurangkan kesesakan di sempadan. Terminal JB RTS Link merangkumi pusat beli-belah, empat menara, hotel, apartmen servis, kemudahan pendidikan dan pusat kesihatan.

>> **Manfaat Pelbagai Sektor dan Industri Utama daripada Zon Ekonomi**

Pelbagai MNC menganggap Johor sebagai alternatif kos-efektif untuk pembuatan, operasi logistik, dan penyimpanan. Permintaan yang meningkat dalam sektor-sektor ini sedang berkembang pesat di hab perindustrian utama SEZ seperti Sedenak Tech Park, Nusajaya Tech Park, dan Pengerang Integrated Petroleum Complex.

Sektor pusat data dan logistik terbukti menjadi kekuatan unik SEZ ini, mengukuhkan kedudukannya sebagai hab infrastruktur digital serantau. Di tengah-tengah perang perdagangan AS-China, Johor telah membangunkan hampir 50 pusat data, meneguhkan statusnya sebagai hab teknologi utama. Sebagai contoh, UTM Corp terlibat dalam pembinaan tiga pusat data. Pemain global utama seperti Microsoft Azure, Equinix, dan Princeton Digital Group turut melabur dalam sektor ini. Princeton melancarkan kampus pusat data di Sedenak Tech Park, manakala YTL Power menegaskan tarikan kuat industri pusat data JS-SEZ dengan mengendalikan pusat data terbesar Malaysia di Kulai. Syarikat teknologi besar seperti ByteDance, Microsoft, Nippon Telegraph and Telephone Corporation turut mengumumkan pelan pengembangan besar untuk pelaburan pusat data.

Bagi sektor logistik, Swift Haulage Berhad dan Tiong Nam Logistics Holding Berhad memulakan operasi utama di Johor, dengan permintaan meningkat untuk fasiliti gudang di Tebrau. Swift merekodkan volum pengangkutan 50,000 TEU (unit setara 20 kaki) dari Januari hingga September 2024, dari Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pelabuhan Pasir Gudang.

Penubuhan JS-SEZ turut meningkatkan industri pembinaan dan hartanah di Johor. National Property Information Centre (NAPIC) melaporkan bahawa sehingga sembulan bulan pertama 2024, kawasan Iskandar Malaysia merekodkan 30,893 transaksi hartanah bernilai RM25.8 bilion. Kemajuan mengagumkan ini didorong terutamanya oleh permintaan berkaitan Singapura dalam JS-SEZ dengan kawasan perumahan seperti Horizon Hills, Eco Botanic, dan Bandar Dato' Onn menerima minat pembeli yang tinggi. Bagi pejabat, ruang Grade A baru di Iskandar Puteri dan Medini menawarkan kos lebih rendah berbanding pejabat di Singapura. Jualan hartanah meningkat pesat, kediaman tidak terjual dan lebih unit berkurangan, terutamanya bagi apartmen servis berhampiran Johor Bahru dan RTS Link, dan hampir 2,000 unit baharu telah dilancarkan di Iskandar Puteri, Mersing, Kluang, dan Simpang Renggam. Bagi projek perumahan mampu milik, ia merangkumi semua daerah di Johor, namun separuh daripadanya tertumpu pada kawasan utama di Johor Bahru seperti Iskandar Puteri dan Pasir Gudang.

Bagi industri hartanah, UEM Sunrise dari Malaysia dan GuocoLand, sebuah kumpulan hartanah tersenarai di Singapura, telah menandatangani MoU bagi penubuhan perkongsian strategik. Perkongsian ini bertujuan untuk membangunkan bersama sebahagian tanah pegangan bebas UEM Sunrise di Iskandar Puteri (Flagship Zone B). Sehingga September 2025, UEM Sunrise juga mencapai pengambiln penuh bagi Aspira Hills Fasa 2A dan 3A dalam tempoh 48 jam, menunjukkan permintaan tinggi untuk rumah bertanah di Gerbang Nusajaya, Johor Selatan, terutama di JS-SEZ. Projek ini mencatat Nilai Pembangunan Kasar (GDV) gabungan lebih RM230 juta. Potensi keseluruhan KDNK projek ini dianggarkan RM6.2 bilion. Selain UEM, Eco World memiliki 1,132 ekar dengan GDV RM12 bilion di Johor, manakala Mah Sing mempunyai 1,064 ekar di Meridin East, Pasir Gudang dengan GDV RM3.5 bilion.

Dalam sektor kesihatan, JS-SEZ bersedia menjadi tuan rumah untuk Thomson Hospital Iskandariah dan Sunway Medical Centre Iskandar. Dengan perkhidmatan kesihatan khusus dan kos perubatan lebih rendah berbanding Singapura, Johor bercita-cita menjadi hab pelancongan perubatan untuk rakyat Singapura dan ASEAN.

>> Tinjauan Dasar Singapura dan Penjajaran Polisi

Komuniti perniagaan Singapura menunjukkan sokongan padu terhadap JS-SEZ. *Singapore Business Federation (SBF)* melaporkan bahawa 93% responden menganggap Johor sebagai destinasi pelaburan yang menarik, dengan hampir separuh daripada mereka telah pun beroperasi di seberang sempadan. *Ministry of Trade and Industry (MTI)*, *Enterprise Singapore* dan *Economic Development Board (EDB)* telah menubuhkan pejabat projek bersama bagi menyelaras fasilitasi pelaburan dengan *IMFC-J Malaysia*. Lebih 140 syarikat telah mengemukakan pertanyaan pelaburan, mencerminkan momentum dua hala yang kukuh.

Inisiatif dua hala seperti pelepasan kastam yang dipermudah, pemprosesan kargo digital dan program mobiliti bakat telah memperkukuh hubungan rentas sempadan. Kerjasama awal seperti antara *Archisen (Singapura)* dan *Johor Corporation's FarmByte* dalam bidang pertanian pintar dalaman menjadi contoh nyata hasil kerjasama tersebut.

Sepanjang Suku Pertama 2025, SBF mengadakan misi untuk mempertimbangkan pelaburan di JS-SEZ. Misi ini menerima sokongan padu daripada industri apabila lebih daripada 180 firma Singapura menyertai misi tersebut dan mempertimbangkan untuk menjalankan operasi berkembar di zon ini. SBF mencadangkan agar JS-SEZ menawarkan peluang arbitrase tarif dengan memanfaatkan polisi setiap negara, contohnya menggunakan kadar tarif Singapura 10% yang dikenakan oleh AS, yang lebih rendah berbanding 19% Malaysia, bagi menjimatkan kos perdagangan rentas sempadan.

Singapore Manufacturing Federation (SMF) turut menganjurkan beberapa misi ke Johor dengan membawa wakil daripada 150 firma merentasi sempadan. TA Research juga menyatakan bahawa misi yang dihantar oleh SMF memperoleh maklumat langsung daripada pihak berkuasa negeri dan mengalami perjalanan transformasi di SEZ, khususnya di Nusajaya Tech Park dan EduCity Iskandar Malaysia. Selain itu, kerajaan Singapura menyokong jenis perniagaan ini melalui skim seperti Market Readiness Assistance grant dan Enterprise Financing Scheme oleh Enterprise Singapore. Impak daripada inisiatif dua hala ini adalah mendalam dan segera.

Sebagai contoh, Archisen, sebuah syarikat agritech berpusat di Singapura, dan FarmByte, anak syarikat Johor Corporation (JCorp), sedang membangunkan ladang menegak pintar dalam bangunan di Nusajaya Tech Park, dengan jangkaan pengeluaran lebih 300 tan sayur berdaun setahun. Dengan proses pelepasan dan prosedur kastam yang dipermudah untuk kedua-dua pihak, aliran barangan dan orang antara kedua-dua negara dipermudah, sekali gus mengukuhkan lagi kerjasama ekonomi Johor-Singapura. Terdapat juga beberapa isu utama yang dirasakan oleh pihak Singapura memerlukan kejelasan dan tindakan tegas. Sebagai contoh, beberapa perniagaan Singapura di Johor Bahru menghadapi arah arahan yang berbeza daripada kerajaan Persekutuan dan negeri Malaysia mengenai barangan yang dikenakan cukai.

>> Cabaran Utama yang Menghimpit JS-SEZ

Pelan hala-tuju terperinci JS-SEZ sedang dimuktamadkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor berikutan kebimbangan yang semakin meningkat daripada pihak perniagaan mengenai keperluan arah dasar dan rangka peraturan yang lebih jelas. Persatuan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Johor (JACCI) menekankan bahawa ramai pelabur asing masih tidak menyedari 11 bidang fokus SEZ serta aplikasi industri masing-masing. Sebagai tindak balas, Johor telah menubuhkan Invest Malaysia Facilitation Centre Johor (IMFC-J) bagi menyedak maklumat tersebut. Di Forest City SFZ, pusat ini telah menerima lebih daripada 400 pelaburan sejak Januari 2025.

Walaupun bagaimanapun, usaha ini masih belum mencukupi untuk memenuhi keperluan PKS di Johor yang ingin menyertai inisiatif berimpak tinggi ini. JACCI bersama Dewan Perniagaan dan Usahawan Bumiputera Johor menyuarakan kebimbangan bahawa perniagaan tempatan dan syarikat permulaan terlepas peluang akibat kekurangan garis panduan yang jelas dan mekanisme padanan perniagaan. Mereka juga menyeru agar terdapat kelonggaran peraturan dan kemas kini rekod kewangan yang lebih pantas, yang amat penting bagi operasi perniagaan di kawasan ini. JS-SEZ juga belum mempamerkan peraturan cukai yang jelas dan boleh diramalkan, walaupun insentif melimpah ditawarkan kepada perniagaan dan industri. Isu ini, seperti yang diingatkan oleh ramai pakar ekonomi dan pemimpin industri, boleh meningkatkan risiko zon ini menjadi pusat arbitrase peraturan berbanding menjadi enjin pertumbuhan HGHV. JCorp dan beberapa penasihat cukai sependapat bahawa kejelasan cukai, infrastruktur, bakat, dan rangka peraturan dalam ekosistem sokongan adalah lebih penting berbanding kadar cukai rendah istimewa yang ditawarkan kepada syarikat.

Ketidalcukupan tenaga kerja mahir dalam jangka pendek merupakan cabaran bagi pembangunan berterusan zon ini. Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) menekankan kekurangan persediaan bakat domestik, ketidakpadanan kemahiran, dan kebocoran bakat ke Singapura akibat jurang gaji yang semakin melebar antara kedua-dua negara, menjadikan risiko brain drain tidak dapat dielakkan. Maybank Investment melaporkan bahawa 60% perniagaan Singapura yang beroperasi di Johor menghadapi kesukaran mendapatkan pekerja teknikal mahir, berpunca daripada isu pas pekerjaan dan kuota. Walaupun JTDC telah ditubuhkan, hala-tuju tenaga kerja JS-SEZ masih belum jelas.


>> Arah Dasar bagi Pembangunan Progresif JS-SEZ

MIDA telah menggariskan strategi utama yang boleh diambil untuk memastikan JS-SEZ didorong oleh ekosistem berfungsi dalam jangka panjang. Antaranya termasuklah penetapan Indikator Prestasi Utama (KPI) yang boleh diukur bagi projek dan pihak terlibat supaya kemajuan pembangunan berada pada landasan yang betul. Selain itu, mempercepatkan perjalanan bebas pasport bagi warganegara Malaysia-Singapura berpotensi menjadi pemangkin untuk merealisasikan potensi JS-SEZ yang belum diterokai, mengambil model dari fasilitasi perjalanan Zon Schengen. Penggunaan MyDigitalID juga boleh memperkukuh pengesahan rentas sempadan, sambil mengintegrasikan sumber AI dan meningkatkan produktiviti.

Selain itu, MIDA turut merancang pembangunan bersama taman perindustrian pintar dan hijau dengan pusat data yang dipertingkatkan, sambil menggunakan AI untuk ujian kenderaan autonomi. PKS dan syarikat multinasional Malaysia-Singapura juga boleh bekerjasama dengan Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti, dan Monetary Authority of Singapore untuk melaksanakan penyelesaian fintech yang dilindungi oleh sandbox kewangan, bertujuan meningkatkan kemajuan teknologi di zon ini. Idea sandbox ini turut disokong oleh kerajaan negeri, mencadangkan kawasan seperti Ibrahim Technopolis (IBTEC), Ladang Air Manis, dan Forest City SFZ untuk menarik pelaburan HGHV serta memupuk inovasi rentas sempadan dalam fintech, logistik pintar, tenaga boleh diperbaharui (RE), dan teknologi autonomi. Contoh syarikat model bagi kejayaan inovasi di JS-SEZ ialah Hershey's Malaysia, yang mengendalikan pusat R&D di Senai. Fasiliti ini terutamanya memacu inovasi produk untuk rantau ASEAN, dan pelaburannya turut mewujudkan pekerjaan, sekali gus menyokong keuntungan pembekal tempatan.

Menyedari bahawa Malaysia memegang kerusi ASEAN pada 2025, negara sepatutnya memanfaatkannya dengan menempatkan diri sebagai pemimpin inovasi serantau. Sebagai contoh, kerajaan negeri Johor mencadangkan penubuhan Taman Perindustrian ASEAN di SEZ untuk menarik pelaburan HGHV daripada negara anggota Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP) seperti Negara Anggota ASEAN (AMS), Australia, China, Jepun, Korea Selatan, dan New Zealand. Dengan menarik pembuatan berteknologi tinggi, teknologi hijau, dan ekonomi digital, taman ini dijangka memacu pemindahan teknologi, meningkatkan daya saing, dan mempelbagaikan rantaian bekalan ASEAN, terutamanya dalam menghadapi ketidakpastian ekonomi global. Taman ini juga akan menawarkan insentif cukai khusus, mobiliti bakat yang dipermudahkan, dan kelonggaran sementara bagi peraturan repatriasi dana.

JS-SEZ juga boleh memperkenalkan Visa JS-SEZ dengan mempercepat kelulusan bagi ekspatriat bagi menyesuaikan keperluan tenaga kerja mereka, mengambil contoh daripada UAE. Dengan fleksibiliti ini, krisis tenaga kerja dan penyusutan bakat pekerja mahir dapat diperbaharui.



Rajah 3c: JS-SEZ dan Pihak Berkuasa Tempatan
Sumber: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPEKJ)

Adalah penting untuk enam pihak berkuasa tempatan yang ditunjukkan dalam Rajah 3c, iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MBPG), Majlis Perbandaran Kulai (MPKu), Majlis Perbandaran Pontian (MPPn), dan Majlis Perbandaran Pengerang (MPP), memperkukuh kerjasama Perkongsian Awam-Swasta (PPP) dengan setiap pihak berkuasa tempatan serta komuniti perniagaan setempat.

Dengan itu, inisiatif berasaskan komuniti seperti pelancongan komuniti, jelajah PKS, dan pameran ekonomi setempat dijangka meningkatkan prestasi ekonomi tempatan serta memperluaskan kesan limpahan daripada Zon A, B, C, D, dan G ke utara sehingga Zon E, F dan seterusnya di luar kawasan Johor Selatan. JS-SEZ juga harus meningkatkan daya tarikan pelaburan untuk sektor mapan seperti pembuatan aeroangkasa. Memandangkan syarikat aeroangkasa berpusat di Johor yang menjalankan kerja subkontrak di Singapura menghadapi kesukaran untuk menggerakkan produk, Johor perlu memanfaatkan SEZ dengan mewujudkan taman aeroangkasa seperti di Seletar, Singapura, dan Iskandar bagi merangsang industri yang menjadi tumpuan.

Kesimpulannya, JS-SEZ berada dalam kedudukan terbaik untuk menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi ASEAN. Walaupun berdepan cabaran-cabaran tertentu, JS-SEZ berpotensi memperkukuh ekosistem perniagaan, untuk mentransformasi ekonomi selatan Johor dan menjadikan Malaysia pemain utama dalam rantai bekalan ASEAN. Dengan pelaksanaan bersepadu dan kerjasama dua hala, JS-SEZ mampu menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi serantau setanding dengan zon ekonomi global lain.

4.6 ISKANDAR MALAYSIA, ZON EKONOMI KHAS JOHOR-SINGAPURA (JS-SEZ) DAN WILAYAH EKONOMI KORIDOR TIMUR (MERSING, SEGAMAT): CABARAN SELEPAS TAHUN 2024

Dalam tahun-tahun selepas 2024, strategi pembangunan Johor memperlihatkan anjakan yang lebih terancang ke arah pengintegrasian kelestarian dalam perancangan ekonomi dan pelaksanaan dasar negeri. Pelaksanaan *Johor Green Deal* serta rangka kerja sokongannya menegaskan usaha bersepadu untuk menggabungkan peralihan tenaga, mobiliti rendah karbon dan amalan perindustrian lestari ke dalam model pertumbuhan negeri. Inisiatif selari dalam pemuliharaan hutan, pemerkayaan biodiversiti serta pembangunan modal insan menggambarkan peluasan keutamaan ekonomi Johor melangkaui ukuran pertumbuhan konvensional, menuju ke arah daya tahan alam sekitar dan kesejahteraan sosial. Dasar ini secara kolektif memperkukuh peranan Johor sebagai peneraju pertumbuhan serantau dalam Iskandar Malaysia, Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) dan Wilayah Ekonomi Koridor Timur (ECER), sejajar dengan agenda nasional Malaysia untuk mencapai pertumbuhan inklusif dan mampan.

4.6.1 Inisiatif Dan Pelan Hijau ^{168,169}

Pada tahun 2024, Johor telah giat memperkasa agenda pembangunan hijau melalui dasar-dasar komprehensif yang memberi tumpuan kepada kecekapan tenaga, peralihan kepada tenaga boleh diperbaharui serta pembangunan bandar dan perindustrian yang mampan. *Johor Green Deal* yang dilancarkan pada akhir tahun 2023 menjadi kerangka utama dalam usaha kelestarian alam sekitar negeri ini. Pelan tersebut merangkumi hala tuju strategik yang menekankan integrasi tenaga boleh diperbaharui dalam bangunan kerajaan dan komersial, galakan penggunaan kenderaan elektrik dengan penyediaan infrastruktur pengecasan, serta pengukuhan sistem pengangkutan awam hijau. Antara sasaran khusus yang digariskan termasuk pemasangan lebih 1,000 stesen pengecasan EV dan pencapaian kapasiti tenaga boleh diperbaharui sebanyak 600MW menjelang tahun 2030. Selain itu, penubuhan *Johor Green Committee* turut memperkukuh tadbir urus dan penyelarasan pelbagai inisiatif hijau di peringkat negeri, termasuk kerjasama rentas sektor dan penglibatan komuniti setempat.

Peta hala tuju hijau ini dilaksanakan secara berperingkat hingga tahun 2030, dengan fasa awal (2024–2025) memberi tumpuan kepada penerimaan teknologi dan pembinaan ekosistem sokongan. Komitmen negeri juga meliputi pelaksanaan penyelesaian berasaskan alam semula jadi bagi mitigasi banjir, pengurusan sisa dan air yang berkesan, serta pembangunan bandar rendah karbon. Pengiktirafan terhadap Johor Port Berhad atas operasi pelabuhan hijaunya mencerminkan usaha negeri dalam mengurangkan pelepasan karbon di sektor industri dan logistik melalui penggunaan teknologi cekap tenaga. Secara keseluruhan, inisiatif-inisiatif ini bukan sahaja bertujuan untuk mengurangkan jejak karbon, tetapi juga untuk merangsang pertumbuhan ekonomi hijau serta meningkatkan kesedaran awam terhadap alam sekitar – sekali gus meletakkan Johor sebagai sebuah ekonomi lestari dan berdaya saing di rantau ini.



Rajah 4.27: Strategi Penggunaan Alam Semula Jadi bagi Mempromosikan Kelestarian
 Sumber: East Coast Economic Region (ECER)

4.6.2 Pemuliharaan Dan Kawalan Hutan¹⁷⁰

Pemuliharaan hutan kekal sebagai tonggak utama dalam strategi alam sekitar negeri Johor, dengan pelaksanaan projek yang memberi tumpuan kepada pemeliharaan dan pemulihan ekosistem pantai serta tanah gambut yang penting. Projek berterusan pemuliharaan hutan pantai dan tanah gambut di Hutan Simpan Gunung Arong menasaskan pemulihan kawasan seluas kira-kira 1,500 hektar melalui langkah pencegahan kebakaran, pemantauan hidupan liar, serta penglibatan komuniti tempatan bagi melindungi biodiversiti dan sumber air. Inisiatif ini dilaksanakan melalui kerjasama antara Jabatan Perhutanan Negeri Johor, rakan sektor swasta seperti TH Plantations, dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) alam sekitar, mencerminkan pendekatan pelbagai pihak dalam pengurusan sumber semula jadi negeri.

Ekspedisi saintifik yang dijalankan pada tahun 2024 turut menyumbang kepada strategi pemuliharaan yang lebih berinformasi dengan mendokumentasikan kepelbagaian flora dan fauna di kawasan perlindungan.

Aktiviti penyelidikan ini membantu perancangan yang lebih baik untuk pembangunan eko-pelancongan dan penggunaan hutan secara lestari, di samping menyokong usaha penyesuaian terhadap perubahan iklim. Usaha ini turut dilengkapi dengan program penanaman pokok dan sistem pengurusan air bandar bersepadu bagi mengekalkan litupan hutan Johor serta mencegah kejadian banjir kilat. Penyelarasan antara pemuliharaan hutan dengan matlamat sosioekonomi memastikan pemeliharaan ekologi turut memberi manfaat kepada komuniti setempat serta meningkatkan daya tahan negeri Johor terhadap cabaran alam sekitar.

¹⁷⁰ TH Plantations (n.d.), Gunung Arong Forest Reserve Conservation Project

4.6.4 Indeks Pembangunan Manusia ^{173,724}

Pada tahun 2024, Johor telah melaksanakan pelbagai inisiatif pembangunan yang berkait rapat dengan peningkatan komponen Indeks Pembangunan Manusia (HDI), merangkumi kesihatan, pendidikan dan pendapatan. Negeri ini terus memperkukuh pembangunan sosioekonomi sebagai sebahagian daripada pelan strategiknya, RSNJ2030, yang menyasarkan pertumbuhan seimbang dan dinamik bagi meningkatkan KDNK per kapita serta taraf hidup rakyat secara menyeluruh. Antara projek utama termasuk penambahbaikan infrastruktur pendidikan seperti pembangunan Universiti Malaysia Johor bernilai RM300 juta dan penubuhan pusat pengajian kecerdasan buatan di Universiti Teknologi Malaysia. Pelaburan ini bukan sahaja memperluas akses kepada ilmu pengetahuan tetapi juga memupuk pembangunan kemahiran penting bagi meningkatkan daya saing ekonomi serta peluang pendapatan yang lebih tinggi.

Pembangunan dalam sektor kesihatan turut memainkan peranan penting dalam memperkukuh landskap pembangunan manusia di Johor. Antara projek utama ialah pembinaan Hospital Sultanah Aminah 2 yang bertujuan menambah kapasiti perkhidmatan kesihatan dan mempertingkatkan kualiti rawatan perubatan kepada penduduk. Pelaburan dalam infrastruktur kesihatan ini turut disokong oleh dasar sosial yang memberi tumpuan kepada kesejahteraan komuniti. Menurut laporan Indeks Pembangunan Manusia Malaysia 2022, skor HDI Johor ialah 0.794, dikategorikan sebagai pembangunan tinggi, menunjukkan peningkatan dalam jangka hayat, indeks pendidikan dan pendapatan per kapita. Pelaburan berterusan dalam bidang-bidang ini amat penting untuk membawa Johor ke kategori pembangunan manusia yang sangat tinggi seperti negeri-negeri utama lain di Malaysia.

Walaupun hala tuju dasar utama yang digariskan di atas menyokong agenda kelestarian Johor serta sejajar dengan komitmen global, prospek ekonomi bagi zon pertumbuhan utama negeri ini berdepan dengan landskap cabaran dan risiko yang kompleks selepas tahun 2024. Cabaran-cabaran ini boleh dibahagikan kepada enam tema utama yang saling berkaitan.

Tema	Cabaran	Risiko	Pertimbangan Dasar
Keterjaminan Kewangan dan Pelaburan	Inisiatif hijau memerlukan kapasiti kewangan dan pelaburan yang berterusan bagi menyokong penyelenggaraan, penambahbaikan serta kelangsungan jangka panjang.	Keutamaan perbelanjaan kerajaan mungkin beralih kepada keperluan sosioekonomi yang lebih mendesak, sekali gus mengurangkan ruang fiskal untuk inisiatif hijau. Sektor swasta juga mungkin bersikap berhati-hati dan menunggu insentif dasar serta jaminan pulangan pelaburan sebelum melabur.	Mendapatkan pembiayaan campuran melalui perkongsian awam-swasta (PPP), bon hijau atau dana iklim amat penting. Menyediakan insentif dasar yang konsisten serta rangka kerja fiskal yang telus dapat mengurangkan keraguan pelabur.

Tema	Cabaran	Risiko	Pertimbangan Dasar
Penyesuaian dan Penyelenggaraan Teknologi	Inisiatif berasaskan teknologi seperti IoT dalam pertanian, sistem pengangkutan pintar dan teknologi penangkapan, penggunaan serta penyimpanan karbon (CCUS) bergantung kepada sistem yang boleh dipercayai dan penyelenggaraan teknikal yang berkemahiran.	Kekurangan tenaga kerja teknikal boleh melambatkan kadar penerimaan teknologi baharu. Kecepatan kemas kini perisian/perkakasan serta kesukaran mengintegrasikan infrastruktur lama dengan teknologi hijau baharu boleh meningkatkan kos operasi.	Pembangunan tenaga kerja teknikal yang kukuh dan pengurusan kitar hayat teknologi akan menentukan kejayaan projek infrastruktur pintar dan hijau.
Kesinambungan Dasar dan Penjajaran Peraturan	Peralihan hijau memerlukan penjajaran peraturan jangka panjang merangkumi percukupan, undang-undang zon dan perlindungan guna tanah bagi memastikan pelaksanaan yang konsisten.	Perubahan politik boleh mengubah keutamaan alam sekitar. Pertindihan bidang kuasa antara kerajaan persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan boleh menjejaskan kecekapan pelaksanaan dasar.	Koordinasi institusi dan persekitaran dasar yang stabil penting untuk mengekalkan keyakinan pelabur serta kemajuan berterusan terhadap matlamat ekonomi hijau.
Perubahan Iklim dan Ketidaktentuan Alam Sekitar	Perubahan iklim yang pantas dan sukar diramal menjadi cabaran utama kepada perancangan dan pembangunan berasaskan kelestarian.	Hakisan pantai mengancam zon pemuliharaan, manakala kejadian cuaca ekstrem boleh merosakkan infrastruktur fizikal dan hijau.	Strategi adaptasi iklim, reka bentuk infrastruktur berdaya tahan, serta penilaian risiko alam sekitar secara proaktif penting untuk mengurangkan kerentanan.
Tekanan Ekonomi dan Pasaran	Projek hijau sering terdedah kepada turun naik pasaran global, harga komoditi, pergerakan mata wang dan dasar perdagangan.	Kenaikan kos bahan mentah utama seperti logam nadiir bumi boleh memperlahankan penerimaan teknologi hijau.	Kepelbagaian rantaian bekalan serta galakan pengeluaran domestik bahan penting dapat mengurangkan ketidakstabilan harga global dan mengekalkan momentum projek.
Pemantauan, Data dan Ketelusan	Keberkesanan pemantauan projek hijau bergantung pada data yang tepat, terkini dan boleh disahkan untuk menilai hasil serta prestasi.	Rangka kerja pemantauan yang lemah boleh menimbulkan tuduhan "greenwashing". Jurang data boleh menghalang akses kepada pembiayaan iklim antarabangsa.	Pengukuhan tadbir urus data, sistem pemantauan digital dan piawaian pelaporan yang telus akan meningkatkan akauntabiliti serta keyakinan pelabur global.

Jadual 4.11: Cabaran, Risiko dan Pertimbangan Dasar Dalam Agenda Kelestarian

Sumber: Analisis Frost & Sullivan

Secara keseluruhannya, pendekatan pelbagai dimensi Johor menunjukkan penjajaran dasar yang jelas antara pengembangan ekonomi dan tadbir urus alam sekitar. Integrasi inisiatif hijau, pemeliharaan ekosistem dan pelaburan dalam pembangunan insan menyokong peralihan ke arah ekonomi yang lebih lestari dan berasaskan pengetahuan. Walau bagaimanapun, kejayaan jangka panjang bergantung kepada keupayaan negeri untuk mengekalkan kesinambungan dasar, koordinasi institusi dan komitmen fiskal terhadap program pembangunan hijau dan sosial. Pengukuhan pemantauan berasaskan data serta memastikan penyertaan yang saksama merentas sektor akan menjadi kunci dalam menterjemahkan aspirasi kelestarian kepada manfaat ekonomi yang dapat diukur. Pengalaman Johor dalam mengimbangi pertumbuhan ekonomi dengan pemeliharaan ekologi menawarkan panduan berharga bagi transformasi ekonomi wilayah Malaysia pada dekad akan datang.



BAB 5

SUASANA EKONOMI PADA TAHUN 2025 DAN UNJURAN INDIKATOR EKONOMI NEGERI JOHOR TAHUN 2026

PENGENALAN

Bab ini membincangkan unjuran prestasi ekonomi global bagi tahun 2025, dengan memberi tumpuan kepada cabaran utama dan kelembapan pertumbuhan yang dijangka berlaku di pelbagai rantau dunia. Ekonomi global kini berdepan pelbagai tekanan, termasuk ketegangan perdagangan yang semakin meningkat, ketidaktentuan dasar, serta keadaan kewangan yang lebih ketat, yang dijangka akan mengekang pertumbuhan kebanyakan ekonomi dunia. Negara maju dijangka mengalami pertumbuhan yang lebih perlahan, manakala Negara Pasaran Muncul dan Ekonomi Sedang Membangun (EMDEs) juga dijangka menghadapi kelembapan, tetapi masih menunjukkan daya ketahanan yang lebih kukuh. Gangguan terhadap perdagangan antarabangsa akibat kenaikan tarif, ketegangan geopolitik dan sentimen pelaburan yang lemah dijangka memburukkan lagi keadaan, sekali gus menyumbang kepada pemulihan global yang perlahan dan sederhana.

Melangkah ke hadapan, meskipun inflasi global dijangka lebih rendah pada tahun 2025 berbanding 2024, ia masih kekal pada paras tinggi, khususnya di negara maju akibat pasaran buruh yang lembap dan tekanan tarif yang meningkat. Bagi negara EMDEs pula, kadar inflasi dijangka kekal lebih tinggi berbanding negara maju. Turun naik harga komoditi serta ketidaktentuan pasaran kewangan terus menjadi risiko utama terhadap kestabilan ekonomi dunia. Pasaran kewangan antarabangsa menunjukkan volatiliti yang tinggi, khususnya sebagai reaksi terhadap pengumuman tarif baharu dan ketidaktentuan perdagangan global. Bagi menstabilkan ekonomi dunia, tumpuan perlu diberikan kepada usaha memperbaiki kerangka institusi, menggalakkan pelaburan swasta, serta menangani isu struktur seperti ketidakcekapan pasaran buruh. Memandangkan gangguan perdagangan global terus mengubah struktur rantaian bekalan antarabangsa, dasar ekonomi perlu diadaptasi dengan cepat bagi menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan dan berdaya tahan.

5.1 EKONOMI GLOBAL PADA TAHUN 2025

Selepas berdepan beberapa kejutan ekonomi dan ketidaktentuan dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini, ekonomi global pada tahun 2025 dijangka menghadapi satu lagi tekanan besar akibat ketegangan perdagangan dan suasana dasar global yang tidak menentu. Pertumbuhan ekonomi dijangka perlahan di kebanyakan negara, termasuk ekonomi maju dan negara pasaran muncul (EMDEs), dengan kadar pertumbuhan yang lebih lemah berbanding tahun 2024. Pertumbuhan di beberapa ekonomi utama seperti Amerika Syarikat, Kawasan Euro dan China dijangka menyusut masing-masing sebanyak 1.4, 0.2 dan 0.5 mata peratusan, sekali gus mengekang aktiviti ekonomi global.¹⁹⁶

¹⁹⁶ World Bank: (2025). Global Economic Prospects. International Bank for Reconstruction and Development / The World Bank. <https://doi.org/10.1596/978-1-4648-2193-5>

Bagi negara EMEs, kadar pertumbuhan dijangka menurun daripada 4.2% pada tahun 2024 kepada 3.8% pada tahun 2025, dengan hanya pemulihan sederhana yang dijangka pada tahun 2026 hingga 2027. Kejutan perdagangan, ketegangan geopolitik yang semakin meningkat serta keadaan kewangan yang lebih ketat dikenal pasti sebagai faktor utama yang menyumbang kepada kelembapan ini. Aliran keluar modal dan peningkatan jurang hasil bon negara (*sovereign spreads*) turut memburukkan lagi prospek ekonomi. Pertumbuhan peluang pekerjaan juga semakin perlahan berbanding pertumbuhan penduduk, menyebabkan banyak ekonomi berdepan cabaran jangka panjang. Untuk memacu pemulihan, pembaharuan struktur bagi meningkatkan kualiti institusi, menggalakkan pelaburan swasta dan memperkukuh fungsi pasaran buruh kekal penting.¹⁷⁶

Pertumbuhan di negara maju pula dijangka menurun daripada 1.7% pada tahun 2024 kepada 1.2% pada tahun 2025, dengan hanya peningkatan kecil kepada sekitar 1.4% hingga 1.5% pada tahun 2026–2027. Ketidaktentuan dasar perdagangan, pertumbuhan produktiviti yang perlahan dan tekanan inflasi yang lebih tinggi daripada jangkaan telah mengehadkan aktiviti ekonomi. Dengan tahap hutang awam yang tinggi serta kos pinjaman yang meningkat, ruang fiskal bagi kerajaan untuk menyediakan sokongan dasar adalah terhad. Penurunan kadar pertumbuhan global pada tahun 2025 dijangka banyak didorong oleh kelembapan ekonomi maju, dengan kesannya turut menular kepada pelaburan dan perdagangan antarabangsa serta memberi kesan limpahan negatif kepada ekonomi lain.¹⁷⁷

Harga komoditi dunia dijangka menurun sebanyak 10% pada tahun 2025 berbanding 2024, dengan jangkaan penurunan berterusan pada tahun 2026. Penurunan ini didorong oleh prospek pertumbuhan global yang lebih lemah, halangan perdagangan dan ketidaktentuan dasar. Harga tenaga, termasuk minyak mentah, diunjur menurun sebanyak 15% pada tahun 2025 dan 7% pada tahun 2026, dengan harga minyak purata sekitar USD61 setong pada tahun 2026. Harga pertanian dijangka kekal stabil, namun harga minuman seperti kopi dan koko mungkin meningkat akibat gangguan bekalan. Harga logam industri seperti tembaga dan aluminium dijangka menurun berikutan permintaan global yang lebih rendah disebabkan pengeluaran pembuatan yang perlahan. Sebaliknya, harga emas, perak dan platinum dijangka meningkat, dipacu oleh permintaan sebagai aset pelindung nilai (*safe haven*).¹⁷⁸


Walaupun inflasi global dijangka menurun sedikit kepada 2.9% pada tahun 2025 berbanding 3.0% pada 2024, tahapnya masih tinggi dan melebihi paras pra-pandemik. Pada awal 2025, inflasi di ekonomi maju meningkat semula buat sementara waktu disebabkan pasaran buruh yang ketat dan kenaikan harga dalam sektor perkhidmatan. Bagi negara EMEs, inflasi kekal tidak stabil akibat tekanan gaji dan ketidaktentuan harga. Kenaikan tarif yang besar dijangka meningkatkan kos import dan input pengeluaran di negara maju, dengan Amerika Syarikat paling terkesan. Kesan ini turut merebak ke ekonomi maju lain disebabkan gangguan rantaian bekalan global serta peningkatan kos pengeluaran akibat perubahan laluan perdagangan dan ketidakcekapan pengeluaran. Jangkaan inflasi global turut disemak semula lebih tinggi berbanding unjuran awal 2025, terutamanya di negara maju seperti Amerika Syarikat. Bagi EMEs, permintaan yang lebih lemah terhadap barangan dagangan dijangka membantu mengekang tekanan inflasi. Secara keseluruhan, inflasi global dijangka purata sekitar 2.9% bagi tahun 2025 dan 2026 sebelum beransur menurun kepada 2.5% menjelang tahun 2027.¹⁷⁹

¹⁷⁶ Ibid.

¹⁷⁷ Ibid.

¹⁷⁸ Ibid.

¹⁷⁹ Ibid.




Rajah 5.1: Unjuran Pertumbuhan KDNK Global (%), 2022-2027

Sumber: World Bank

Di negara pasaran muncul dan ekonomi sedang membangun (EMDEs), defisit fiskal kekal lebih tinggi berbanding paras pra-pandemik, dengan peningkatan hutang awam yang memburukkan lagi tahap kerentanan ketika pertumbuhan semakin perlahan. Bagi mewujudkan ruang fiskal yang lebih mampan, negara-negara ini perlu memperkukuh kutipan hasil dalam negeri, terutamanya di negara yang mempunyai akses terhadap pembiayaan luar, serta memberi keutamaan kepada perbelanjaan yang berimpak tinggi terhadap pertumbuhan sambil melindungi golongan rentan. Bagi negara maju, dasar fiskal berada di bawah tekanan akibat peningkatan perbelanjaan pertahanan dan infrastruktur, ditambah pula dengan cabaran struktur seperti penuaan penduduk dan peningkatan kos kebajikan sosial. Walaupun perbelanjaan fiskal boleh merangsang aktiviti domestik, kesannya dijangka terhad disebabkan pelaksanaan yang perlahan serta kekangan kapasiti dalam pentadbiran awam.

Risiko menurun terhadap prospek ekonomi global kekal ketara, terutamanya disebabkan oleh ketidakpastian dasar perdagangan yang berterusan, potensi peningkatan tarif antara Amerika Syarikat dan rakan dagang utama seperti India, China, serta Brazil, selain ketegangan geopolitik termasuk konflik bersenjata. Faktor-faktor ini boleh melemahkan pelaburan, perdagangan global, dan keyakinan pengguna, serta mengganggu rantaian bekalan antarabangsa, sekali gus menambah tekanan inflasi dan menyebabkan tempoh pertumbuhan perlahan yang berpanjangan. Selain itu, konflik geopolitik, kejadian cuaca ekstrem dan tahap hutang yang tidak mampan turut menambah risiko besar, khususnya kepada negara EMDEs, di mana gangguan berpanjangan boleh mengakibatkan kehilangan output jangka panjang.

Walaupun kebanyakan negara kini memilih rundingan tarif berbanding tindakan balas, dan aliran perdagangan mula menyesuaikan diri dengan tarif serta struktur rantaian bekalan baharu, ekonomi global dijangka hanya mencatat pemulihan kecil pada tahun 2026 dan 2027. Ini kerana usaha tersebut dijangka tidak mampu mengimbangi risiko yang wujud dengan sepenuhnya.



Rajah 5.2: Unjuran Pertumbuhan KDNK Mengikut Wilayah (%), 2024–2027
Sumber: World Bank

5.2 PERKEMBANGAN EKONOMI DALAM KONTEKS GLOBAL


5.2.1 Perdagangan Global

Pada tahun 2025, perdagangan global mengalami gangguan ketara berikutan pengumuman Amerika Syarikat (AS) untuk mengenakan tarif baharu terhadap kebanyakan rakan dagang utamanya. Langkah ini menyebabkan kadar tarif efektif AS meningkat dengan mendadak, memberi kesan kepada ekonomi utama seperti China, Kesatuan Eropah (EU) dan beberapa negara lain. Walaupun sebahagian tarif telah dikurangkan sepanjang tahun 2025 hasil rundingan dan perjanjian perdagangan baharu, ketidakpastian dasar perdagangan global masih berterusan. Akibatnya, pertumbuhan perdagangan global dijangka kehilangan momentum, menurun daripada 3.8% pada tahun 2024 kepada hanya 1.8% pada tahun 2025.¹⁶⁰

Pada awal tahun 2025, perdagangan barangan global mencatatkan peningkatan sementara disebabkan oleh aktiviti pembelian stok (*inventory build-up*) menjelang pelaksanaan tarif baharu. Namun menjelang April, selepas tarif AS diperkenalkan, momentum pertumbuhan ini merosot apabila pesanan eksport baharu global jatuh ke paras terendah dalam tempoh 20 bulan. Sementara itu, perdagangan perkhidmatan – walaupun tidak terjejas secara langsung oleh tarif – turut menerima kesan limpahan daripada kelembapan ekonomi global. Permintaan terhadap perkhidmatan perjalanan dan pengangkutan menunjukkan penurunan, manakala perkhidmatan digital seperti perniagaan, kejuruteraan, kewangan, teknologi maklumat (IT) dan penyelidikan & pembangunan (R&D) turut berdepan tekanan akibat permintaan yang semakin perlahan.¹⁶¹

¹⁶⁰ World Bank. (2025). *Global Economic Prospects*. International Bank for Reconstruction and Development / The World Bank. <https://doi.org/10.1598/978-1-4648-2193-6>

¹⁶¹ World Bank. (2025). *Global Economic Prospects*. International Bank for Reconstruction and Development / The World Bank. <https://doi.org/10.1598/978-1-4648-2193-6>



Rajah 5.3: Unjuran Pertumbuhan Perdagangan Global (%), 2024–2027

Sumber: World Bank

Ketidaktentuan dasar perdagangan global meningkat ke paras tertinggi dalam sejarah. Sehingga September 2025, kadar tarif Amerika Syarikat (AS) mencapai sekitar 50% bagi beberapa import dari Brazil. India turut berdepan kadar tarif yang sama terhadap eksportnya ke AS, memberi kesan besar kepada sektor utama seperti tekstil, barangan kemas dan peralatan kejuruteraan. Sementara itu, Mexico menaikkan tarif bagi import kereta dari China dan negara-negara Asia lain daripada 20% kepada 50%, kebanyakannya didorong oleh tekanan daripada AS. Perubahan kadar tarif ini, bersama dinamik perdagangan global yang lebih luas, telah mengganggu rantai bekalan dan aliran perdagangan antarabangsa, sekali gus meningkatkan kos pengeluaran serta mengubah corak perdagangan dunia.


Perubahan landskap perdagangan ini turut menjejaskan pelaburan dan melemahkan keyakinan perdagangan global, dengan kesan langsung terhadap sektor barangan dan kesan tidak langsung terhadap sektor perkhidmatan. Sebagai tindak balas terhadap gangguan ini, banyak syarikat mempercepatkan penyesuaian rantai bekalan mereka, mempelbagaikan pangkalan pengeluaran dan mencari alternatif untuk mengurangkan impak tarif. Menjelang tahun-tahun akan datang, pertumbuhan perdagangan global diunjurkan merosot ketara kepada 1.8% pada tahun 2025, berbanding 3.4% pada tahun 2024. Negara-negara yang mempunyai pendedahan tinggi kepada pasaran sedang pesat membangun, seperti India, dijangka pulih lebih cepat pada tahun 2026 dan 2027 berikutan peningkatan permintaan import dari pasaran tersebut. Namun begitu, kesan berterusan daripada sekatan perdagangan dan ketidaktentuan dasar dijangka terus menekan prospek ekonomi global secara keseluruhan.¹⁰²

¹⁰² Ossa, R., Nee, C., D'Andrea Adrian, B., Bekkers, E., Blanga-Gubbay, M., Auboin, M., ... Information and External Relations Division. (2025, April). Global Trade Outlook and Statistics. Retrieved from https://www.wto.org/english/res_e/backup_e/trade_outlook25_e.pdf

5.2.2 Inflasi Global

Kadar inflasi harga pengguna global kekal melebihi paras pra-pandemik, dengan peningkatan sementara yang direkodkan di beberapa ekonomi maju pada awal tahun 2025. Keadaan pasaran buruh yang ketat telah menyebabkan inflasi teras kekal tinggi di banyak rantau. Di negara membangun dan ekonomi sedang pesat membangun (EMDEs), inflasi kekal tidak menentu, dipacu oleh peningkatan harga perkhidmatan dan tekanan gaji. Kenaikan tarif terkini dijangka mendorong peningkatan harga pengguna di ekonomi utama seperti Amerika Syarikat (AS), sekaligus meningkatkan kos import dan input pengeluaran. Keadaan ini turut mengubah corak permintaan ke arah pengeluar domestik bagi barangan keperluan tertentu. Dengan pilihan alternatif yang terhad bagi kategori barangan ini, peningkatan permintaan terhadap pengeluaran domestik telah menolak inflasi ke tahap yang lebih tinggi.¹⁸³

Jangkaan inflasi global menunjukkan peningkatan pada tahun 2025, khususnya di ekonomi maju seperti AS, di mana kesan tarif dijangka beransur-ansur diterjemahkan kepada kenaikan harga pengguna, seterusnya meningkatkan inflasi pada separuh kedua tahun 2025. Sebaliknya, sekatan perdagangan di rantau lain, terutamanya ekonomi berorientasikan eksport, dijangka memberi kesan deflasi akibat permintaan luar yang semakin lemah. Sementara itu, inflasi di AS dijangka kekal melebihi sasaran 2% sehingga tahun 2026, manakala rantau Euro dijangka menikmati persekitaran inflasi yang lebih terkawal, disokong oleh pengukuhan mata wang dan dasar kerajaan yang membantu mengurangkan tekanan harga.¹⁸⁴



Rajah 5.4: Indeks Harga Pengguna (CPI) Global (%), Julai 2020 – April 2025

Sumber: World Bank

Di negara membangun dan ekonomi sedang pesat membangun (EMDEs), penurunan kadar inflasi pada tahun 2025 berbanding 2024 dijangka kekal lebih tinggi berbanding ekonomi maju. Unjuran ini telah disemak sedikit menurun bagi tahun 2025 disebabkan oleh permintaan yang lebih lemah terhadap barangan eksport. Namun begitu, tekanan inflasi masih wujud dalam sektor seperti pembuatan dan perkhidmatan, sebahagiannya berpunca daripada peningkatan gaji dan kos input.

¹⁸³ International Monetary Fund. (2025). WORLD ECONOMIC OUTLOOK UPDATE

¹⁸⁴ World Bank. (2025). Global Economic Prospects. International Bank for Reconstruction and Development / The World Bank. <https://doi.org/10.1596/978-1-4848-2193-6>

Walaupun beberapa negara EMDE berdepan risiko inflasi yang berterusan, secara keseluruhan, persekitaran inflasi di negara-negara ini kurang terjejas oleh tekanan kenaikan harga akibat tarif berbanding ekonomi maju. Dengan tekanan harga yang semakin dirasai oleh pengguna, inflasi global dijangka kekal tinggi pada separuh kedua tahun 2025 dan sepanjang 2026, sebelum menurun sedikit kepada sekitar 2.7% pada tahun 2027.¹⁸⁵

5.2.3 Pasaran Kewangan

Pada awal tahun 2025, pasaran kewangan global mencatatkan turun naik yang ketara, terutamanya selepas Amerika Syarikat mengumumkan pengenaan tarif baharu terhadap sebahagian besar rakan dagangnya. Menjelang April 2025, pasaran ekuiti AS mengalami kejatuhan mendadak akibat ketidakpastian yang meningkat berhubung langkah tarif tersebut, dengan kadar tarif efektif AS meningkat ke paras tertinggi dalam tempoh hampir satu abad. Kenaikan tarif ini telah mewujudkan ketidakpastian terhadap prestasi ekonomi global secara keseluruhan. Akibatnya, perbezaan hasil bon kerajaan (*sovereign bond spreads*) di negara membangun dan ekonomi sedang pesat membangun (EMDEs)—iaitu perbezaan antara hasil bon kerajaan EMDE dengan bon Perbendaharaan AS—meningkat buat sementara waktu berikutan peningkatan risiko yang menyebabkan aliran keluar modal daripada aset EM.

Dengan aliran keluar modal dan kejatuhan pasaran ekuiti pada awal tahun 2025, keadaan kewangan di EMDEs menjadi lebih suram berbanding akhir tahun 2024. Namun, selepas penggantungan sementara beberapa tarif pada Mei 2025, pasaran kewangan di EMDEs mula menunjukkan tanda-tanda pemulihan. Walaupun *spread* bon kerajaan kekal tinggi, tekanan kewangan berjaya dikawal di kebanyakan rantau. Terdapat juga petunjuk peningkatan dalam sentimen pelabur apabila ketidakpastian perdagangan mula berkurangan, dengan pasaran saham di kebanyakan ekonomi membangun kembali meningkat sebahagian.¹⁸⁶

Pada awal tahun 2025, premium risiko pasaran meningkat dengan ketara di pasaran Amerika Syarikat, terutamanya dalam pasaran ekuiti dan perbezaan kredit korporat, walaupun pasaran telah pulih daripada turun naik sebelum ini. Walau bagaimanapun, *spread* ini masih jauh lebih rendah berbanding paras yang dicatatkan pada tahun 2010-an. Hal ini menunjukkan bahawa keyakinan terhadap pasaran kewangan masih kukuh, namun risiko pasaran semakin meningkat. *Spread* kredit korporat di Amerika Syarikat dan kawasan Euro kekal di bawah purata 2010–2019, walaupun bank-bank terus melaporkan *standard* pinjaman yang lebih ketat terhadap syarikat.¹⁸⁷

Dengan kos pinjaman yang lebih tinggi dan ketersediaan kredit yang terhad pada tahun 2026, keadaan kewangan global dijangka kekal perlahan. Keadaan ini akan terus dipengaruhi oleh ketidakpastian dasar perdagangan yang berterusan, khususnya dalam kalangan ekonomi maju. Selain itu, tekanan berterusan terhadap aliran modal dan kelemahan mata wang di negara membangun serta ekonomi sedang pesat membangun (EMDEs) akan menambah risiko kepada kestabilan kewangan global. Tekanan kewangan dijangka berterusan di beberapa kawasan, terutamanya bagi negara yang mempunyai profil kredit yang lemah. Namun begitu, risiko hutang kerajaan masih berada dalam kawalan kerana sentimen pelabur semakin pulih berikutan penstabilan ketegangan perdagangan dan pengurangan tarif menjelang akhir tahun 2025.¹⁸⁸

¹⁸⁵ World Bank. (2025). *Global Economic Prospects*. International Bank for Reconstruction and Development / The World Bank. <https://doi.org/10.1596/978-1-4648-2193-6>

¹⁸⁶ World Bank. (2025). *Global Economic Prospects*. International Bank for Reconstruction and Development / The World Bank. <https://doi.org/10.1596/978-1-4648-2193-6>

¹⁸⁷ World Bank. (2025). *Global Economic Prospects*. International Bank for Reconstruction and Development / The World Bank. <https://doi.org/10.1596/978-1-4648-2193-6>

¹⁸⁸ World Bank. (2025). *Global Economic Prospects*. International Bank for Reconstruction and Development / The World Bank. <https://doi.org/10.1596/978-1-4648-2193-6>

5.3 NEGARA-NEGARA EKONOMI UTAMA

5.3.1 Pembangunan dan Prospek Ekonomi Maju

Pertumbuhan dalam ekonomi maju diunjurkan mencapai 1.2% pada tahun 2025 dan meningkat sedikit kepada 1.4% pada tahun 2026.¹⁸² Di Amerika Syarikat, KDNK benar (*real GDP*) mencatatkan penurunan sebanyak 0.5% pada suku pertama 2025 disebabkan oleh peningkatan import berpunca daripada pembelian awal (*front-loading*) yang didorong oleh tarif serta perbelanjaan kerajaan yang lebih lemah.¹⁸⁰ Namun, ekonomi AS pulih pada suku kedua 2025 dengan pertumbuhan 3.3%¹⁸¹ apabila kesan pembelian awal berkurang dan pelaburan dalam harta intelek (*intellectual property*) melonjak sebanyak 12.8%.¹⁸³ Pertumbuhan KDNK benar Amerika Syarikat dijangka perlahan daripada 2.8% pada tahun 2024 kepada 1.4% pada tahun 2025 dan 1.6% pada tahun 2026.¹⁸² Halangan perdagangan yang meningkat, turun naik pasaran kewangan, serta ketidaktentuan ekonomi dijangka memberi tekanan kepada penggunaan, perdagangan dan pelaburan.

Pada masa yang sama, pertumbuhan akan disokong oleh kadar tarif yang lebih rendah daripada jangkaan (hasil daripada perjanjian dua hala yang dimeterai), keadaan kewangan yang lebih longgar, serta pelaksanaan Akta One Big Beautiful Bill (OBBBA) yang memperkenalkan insentif cukai untuk menggalakkan pelaburan perniagaan.¹⁸⁴ Akta OBBBA yang diluluskan pada Julai 2025 ini menawarkan pelbagai potongan cukai bagi pelaburan korporat, termasuk pengurangan cukai ke atas tip, kerja lebih masa, dan keselamatan sosial; lanjutan Kredit Cukai Anak (*Child Tax Credit*); peningkatan elauan pelaburan; serta peruntukan dana besar untuk pembangunan infrastruktur, pertahanan dan keselamatan sempadan.¹⁸⁵

Di kawasan Euro, KDNK meningkat sebanyak 2.5% pada suku pertama tahun 2025, didorong terutamanya oleh pelaburan dan eksport yang kukuh, walaupun perbelanjaan isi rumah menunjukkan tanda-tanda perlahan.¹⁸⁶ Sebahagian besar pertumbuhan ini berpunca daripada Ireland, di mana eksport farmaseutikal melonjak sebanyak 154.0% pada suku pertama 2025 – meningkat daripada AS\$25.9 bilion pada suku pertama 2024 kepada AS\$65.8 bilion,¹⁸⁷ berikutan tindakan pembelian besar-besaran oleh Amerika Syarikat sebelum pengancaan tarif baharu. Tanpa mengambil kira sumbangan Ireland, pertumbuhan KDNK kawasan euro hanya berjumlah sekitar 1.4%.¹⁸⁸ Bagi keseluruhan tahun, pertumbuhan di kawasan euro dijangka perlahan kepada 0.7%.¹⁸⁹

¹⁸² International Monetary Fund. (2025a, Jul). Global Economy: Tenuous Resilience amid Persistent Uncertainty.

¹⁸⁰ U.S. Bureau of Economic Analysis (BEA). (2025). Gross domestic Product, 1st quarter 2025 (Third Estimate), GDP by industry, and corporate profits (Revised).

¹⁸¹ U.S. Bureau of Economic Analysis (BEA). (2025). Gross domestic Product, 2nd quarter 2025 (Second Estimate), GDP by industry, and corporate profits (Revised).

¹⁸³ Intellectual Property | U.S. Bureau of Economic Analysis (BEA). n.d. <https://www.bea.gov/data/special-topics/intellectual-property>.

¹⁸² World Bank. (2025a). Global Economic Prospects. International Bank for Reconstruction and Development / The World Bank.

¹⁸⁴ International Monetary Fund. (2025a, Jul). Global Economy: Tenuous Resilience amid Persistent Uncertainty.

¹⁸⁵ The White House. (2025a, Jul 14). President Trump's One Big Beautiful Bill Is Now the Law.

¹⁸⁶ International Monetary Fund. (2025a). Euro Area Policies: 2025 Annual Consultation—Press Release, Staff Report, and Statement by the Executive Director for Member Countries.

¹⁸⁷ CSO. (2025, May 15). Goods Exports and Imports March 2025 - Central Statistics Office.

¹⁸⁸ International Monetary Fund. (2025a, Jul). Global Economy: Tenuous Resilience amid Persistent Uncertainty.

¹⁸⁹ World Bank. (2025b). Global Economic Prospects. International Bank for Reconstruction and Development / The World Bank.

Walaupun Kesatuan Eropah (EU) telah menandatangani perjanjian perdagangan baharu pada Julai 2025, ketidaktentuan dasar perdagangan Amerika Syarikat – yang merupakan destinasi utama eksport EU – terus menjejaskan sentimen pelaburan keseluruhan. Tarif 25% terhadap sektor automotif dan 50% terhadap logam telah memberi tekanan besar kepada ekonomi yang bergantung kepada eksport seperti Jerman, Perancis dan Sepanyol. Dalam persekitaran global yang mencabar ini, hanya pemulihan beransur-ansur dijangka berlaku, dengan KDNK benar kawasan Euro diunjurkan meningkat sedikit kepada 0.8% pada tahun 2026.²⁰⁰ Kesan negatif daripada perang tarif dijangka menampai sebarang manfaat daripada peningkatan perbelanjaan fiskal pada tahun 2025. Oleh itu, bagi menyokong pertumbuhan, Bank Pusat Eropah (ECB) telah menurunkan kadar dasar daripada 4.0% kepada 2.0% menjelang pertengahan tahun 2025 dan dijangka mengekalkannya pada paras tersebut sepanjang tahun 2026.²⁰¹

Bagi kumpulan ekonomi maju yang lain secara keseluruhannya, pertumbuhan dijangka perlahan kepada 1.6% pada tahun 2025 sebelum meningkat semula kepada 2.1% pada tahun 2026. Dalam beberapa kes, pengukuhan mata wang dijangka mengimbangi manfaat daripada keadaan kewangan yang lebih longgar.²⁰²

>> Amerika Syarikat

Pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat menurun sedikit daripada 2.9% pada tahun 2023 kepada 2.8% pada tahun 2024, KDNK benar mencatatkan penyusutan tahunan sebanyak 0.5% pada suku pertama 2025, dipengaruhi oleh peningkatan besar dalam aktiviti pembelian awal (*front-loading*) import sebelum pelaksanaan tarif baharu serta perbelanjaan kerajaan yang lemah.²⁰³ Apabila aktiviti pembelian awal mula berkurangan dan pelaburan perniagaan dalam harta intelek meningkat sebanyak 12.8%,²⁰⁴ pertumbuhan ekonomi pulih semula kepada kadar tahunan 3.3% pada suku kedua 2025.²⁰⁵ Walau bagaimanapun, peningkatan halangan perdagangan, turun naik pasaran kewangan, dan ketidaktentuan dasar dijangka terus memberi tekanan besar terhadap penggunaan, perdagangan dan pelaburan, menyebabkan pertumbuhan ekonomi keseluruhan tahun 2025 melemah kepada 1.4%. Perbelanjaan pelaburan dijangka menurun dengan ketara pada separuh kedua 2025 disebabkan oleh pengurangan pembelian awal barangan pelaburan import (iaitu barangan modal seperti mesin, peralatan ICT dan teknologi penjanaan kuasa yang digunakan untuk memperluas atau menaik taraf kapasiti pengeluaran). Walaupun tarif memberi kesan kepada bekalan barangan pelaburan import, pelaburan dijangka terus lemah akibat ketidaktentuan yang tinggi, peningkatan kos pembiayaan, serta permintaan domestik dan luaran yang perlahan.²⁰⁶ Menjelang tahun 2026, pertumbuhan dijangka pulih secara sederhana kepada 1.6% apabila ekonomi menyesuaikan diri dengan halangan perdagangan yang lebih tinggi, disokong oleh rangsangan jangka pendek tambahan daripada pelaksanaan Akta One Big Beautiful Bill (OBBBA). Namun begitu, ketidaktentuan berterusan dalam dasar perdagangan, hala tuju fiskal, dan perubahan peraturan dijangka kekal sebagai cabaran utama kepada prospek pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat.²⁰⁷

²⁰⁰ World Bank. (2025b). Global Economic Prospects. International Bank for Reconstruction and Development / The World Bank.

²⁰¹ International Monetary Fund. (2025a). Euro Area Policies: 2025 Annual Consultation—Press Release, Staff Report, and Statement by the Executive Director for Member Countries.

²⁰² International Monetary Fund. (2025a, Jul). Global Economy: Tenuous Resilience amid Persistent Uncertainty.

²⁰³ U.S. Bureau of Economic Analysis (BEA). (2025). Gross domestic Product, 1st quarter 2025 (Third Estimate), GDP by Industry, and corporate profits (Revised).

²⁰⁴ <https://www.bea.gov/data/special-topics/intellectual-property>

²⁰⁵ U.S. Bureau of Economic Analysis (BEA). (2025). Gross domestic Product, 2nd quarter 2025 (Second Estimate), GDP by Industry, and corporate profits (Revised).

²⁰⁶ World Bank. (2025b). Global Economic Prospects. International Bank for Reconstruction and Development / The World Bank.

²⁰⁷ World Bank. (2025b). Global Economic Prospects. International Bank for Reconstruction and Development / The World Bank.

Inflasi perbelanjaan penggunaan peribadi (PCE)²⁰⁹ meningkat sebanyak 3.5% pada suku pertama tahun 2025 sebelum menurun kepada 2.5% pada suku kedua 2025.²¹⁰ Sepanjang separuh pertama tahun 2025, terdapat bukti awal bahawa kesan tarif dan kelemahan nilai dolar telah meningkatkan kos dalam kategori barangan pengguna yang sensitif terhadap import serta barangan perantara untuk pengeluaran. Tarif ini dijangka memberi kesan yang lebih ketara terhadap harga pengguna pada separuh kedua tahun 2025, bertindak sebagai kejutan bekalan yang mendorong peningkatan harga. Oleh itu, bagi keseluruhan tahun 2025, inflasi dijangka meningkat sedikit, dengan inflasi PCE naik daripada 2.5% pada tahun 2024 kepada 3.0% pada tahun 2025. Inflasi utama Amerika Syarikat dijangka kekal melebihi sasaran 2.0% sehingga tahun 2026, dengan inflasi PCE diunjurkan berada pada kadar 2.4% pada tahun 2026 apabila ekonomi mula menyesuaikan diri dengan halangan perdagangan yang lebih tinggi.

Kadar pengangguran di Amerika Syarikat dijangka meningkat secara beransur-ansur sejajar dengan penyusutan dalam aktiviti pasaran buruh. Pertumbuhan pekerjaan bergaji (*payroll jobs*) telah perlahan daripada purata bulanan sebanyak 168,000 pekerjaan pada tahun 2024 kepada 111,000 pekerjaan pada suku pertama 2025, dan seterusnya merosot kepada 64,000 pekerjaan pada suku kedua 2025.²¹¹ Kadar pengangguran beroda dalam julat antara 4.0% pada Januari 2025 hingga 4.3% pada Ogos 2025.²¹² Secara purata tahunan, kadar pengangguran dijangka mencatatkan 4.2% pada tahun 2025, meningkat daripada 4.0% pada tahun 2024. Peningkatan ini berpunca daripada pertumbuhan pekerjaan yang terhad dalam sektor kesihatan yang hanya sebahagiannya mampu mengimbangi kehilangan pekerjaan dalam sektor pembuatan, perlombongan, dan kerajaan.

Walaupun Rizab Persekutuan (*Federal Reserve*) mengehendkan pemotongan kadar faedah pada peringkat awal bagi mengekang tekanan inflasi, ia telah menurunkan kadar faedah penanda aras daripada 4.25%-4.50% kepada 4.00%-4.25% pada September 2025. Langkah ini diambil sebagai respons terhadap kelemahan pasaran pekerjaan, di mana pengambilan pekerja baharu semakin perlahan dan terdapat risiko ketara kadar pengangguran meningkat susulan pemberhentian kerja. Rizab Persekutuan turut memberi isyarat bahawa pemotongan kadar tambahan berkemungkinan dilaksanakan pada Oktober dan Disember 2025 bagi membantu menstabilkan ekonomi serta menyokong pertumbuhan pekerjaan.²¹³ Namun begitu, memandangkan potensi inflasi yang berpunca daripada tarif perdagangan, kenaikan kadar faedah dijangka berlaku pada tahun 2026 bagi membawa kadar inflasi lebih hampir kepada sasaran 2% yang ditetapkan oleh Amerika Syarikat.

Kawasan Euro

>> United Kingdom

Ekonomi United Kingdom (UK) pulih semula pada suku pertama tahun 2025 selepas mencatatkan pertumbuhan perlahan pada penghujung tahun 2024, dengan momentum pemulihan dijangka terus mengukuh sehingga tahun 2026.

²⁰⁹ Personal Consumption Expenditure (PCE) inflation is the inflation in prices of goods and services included within consumers' personal consumption expenditures. Federal Reserve Bank of San Francisco. (2025, June 30). PCE Inflation Dispersion - San Francisco Fed.

²¹⁰ Federal Reserve Bank of Cleveland. (2025). Inflation Nowcasting. <https://doi.org/10.26509/frbc-inflationnowcast>

²¹¹ Department of the Treasury. (2025). Treasury Bulletin, Bureau of the Fiscal Service.

²¹² Bureau of Labor Statistics. (2025, August). THE EMPLOYMENT SITUATION - AUGUST 2025.

²¹³ The Federal Reserve. (2025). Federal Reserve issues FOMC statement. Retrieved from <https://www.federalreserve.gov/newsevents/pressreleases/monetary20250917a.htm>

KDNK diunjurkan berkembang sebanyak 1.2% pada tahun 2025 dan meningkat kepada 1.4% pada tahun 2026. Pertumbuhan ini disokong oleh kadar faedah yang lebih rendah, peningkatan kekayaan isi rumah, keyakinan pengguna yang bertambah baik, serta perbelanjaan awam yang lebih tinggi hasil daripada bajet bulan Oktober.²¹³

Inflasi di United Kingdom dijangka meningkat sementara pada tahun 2025, didorong terutamanya oleh kenaikan harga terkawal dan pelarasan kos tenaga.²¹⁴ Trend ini sudah mula kelihatan, dengan kadar inflasi tahunan meningkat daripada 3.0% pada Januari kepada 3.8% pada Julai 2025 di mana hanya Februari dan Mac mencatatkan penurunan kecil berikutan harga bahan api kenderaan yang lebih rendah.²¹⁵ Kenaikan inflasi utama yang bermula pada akhir tahun 2024 dijangka berterusan sepanjang tahun 2025, dipacu oleh kenaikan harga terkawal dan peningkatan kadar Sumbangan Insurans Nasional (*National Insurance Contribution, NIC*). Tekanan ini dijangka menaikkan purata Indeks Harga Pengguna (CPI) daripada 2.5% pada tahun 2024²¹⁶ kepada 3.2% pada tahun 2025. Kesan inflasi ini bagaimanapun dijangka bersifat sementara. Apabila pengeluaran ekonomi pulih pada tahun 2026 dan perbandingan asas dengan kos tenaga tinggi tahun sebelumnya tidak lagi diambil kira, kadar inflasi CPI dijangka menurun semula kepada 2.3% pada tahun 2026.²¹⁷

Kadar faedah, yang diturunkan daripada 5.25% kepada 5.00% sepanjang tahun 2024, ditetapkan pada paras 4.75% menjelang akhir tahun tersebut dan terus dikurangkan kepada 4.00% pada Ogos 2025.²¹⁸ Gabungan antara inflasi yang masih tinggi dan penurunan kadar faedah yang baharu dilaksanakan dijangka hanya akan merangsang aktiviti perniagaan serta pengambilan pekerja secara beransur-ansur sepanjang baki tahun 2025.²¹⁹ Kadar pengangguran tahunan diunjurkan meningkat daripada 4.3% pada tahun 2024²²⁰ kepada 4.5% pada tahun 2025 sebelum menurun semula kepada sekitar 4.3% pada tahun-tahun berikutnya.²²¹ Dalam tempoh ini, penciptaan pekerjaan akan disokong oleh peningkatan perbelanjaan awam hasil bajet bulan Oktober serta permintaan sektor swasta yang lebih kukuh apabila keyakinan pasaran dan kesan pengurangan kadar faedah mula dirasai.²²²

>> Perancis

Selepas mencatat pertumbuhan KDNK sebenar sebanyak 1.2% pada tahun 2024 hasil daripada rangsangan sementara sempena Sukan Olimpik Paris,²²³ ekonomi Perancis berkembang secara sederhana pada suku pertama 2025. Permintaan domestik yang mendatar dan perdagangan luar yang lemah sebahagiannya diimbangi oleh aktiviti syarikat yang meningkatkan semula inventori.²²⁴

²¹³ International Monetary Fund. (2025b). United Kingdom: 2025 Article IV Consultation-Press Release.

²¹⁴ International Monetary Fund. (2025b). United Kingdom: 2025 Article IV Consultation-Press Release.

²¹⁵ Office for National Statistics. (2025, April 15). Consumer price inflation, UK.

²¹⁶ Office for National Statistics. (2025c, September 16). CPI ANNUAL RATE.

²¹⁷ International Monetary Fund. (2025b). United Kingdom: 2025 Article IV Consultation-Press Release.

²¹⁸ Bank of England. (2025). Bank Rate history and data | Bank of England Database.

²¹⁹ Director of Labour Market Enforcement. (2025). United Kingdom Labour Market Enforcement Strategy 2025 to 2026 - Annex B: Labour market and non-compliance risk analysis (report).

²²⁰ Office for National Statistics. (2025a). Unemployment rate (aged 16 and over, seasonally adjusted): % -

²²¹ Office for Budget Responsibility. (2025). Economic and fiscal outlook.

²²² Director of Labour Market Enforcement. (2025). United Kingdom Labour Market Enforcement Strategy 2025 to 2026 - Annex B: Labour market and non-compliance risk analysis (report).

²²³ International Monetary Fund. (2025c). France: 2025 Article IV Consultation-Press Release.

²²⁴ INSEE. (2025a). GDP rebounded moderately in Q1 2025 (+0.1% after -0.1%) - Informations rapides - 109 | Insee.

Pada suku kedua 2025, ekonomi berkembang sebanyak 0.3%, disokong oleh pemulihan dalam perbelanjaan isi rumah yang membantu meningkatkan aktiviti keseluruhan.²²⁵ Pertumbuhan KDNK sebenar dijangka perlahan kepada 0.6% pada tahun 2025 disebabkan oleh pendirian fiskal yang menguncup serta ketidaktentuan ekonomi dan dasar di peringkat domestik dan global. Eksport bersih akan terjejas, menyumbang kepada pengurangan pertumbuhan KDNK sebanyak kira-kira 0.3 mata peratusan pada tahun 2025 berikutan permintaan luar yang lemah dan ketidaktentuan dasar perdagangan. Pelaburan swasta juga dijangka kekal lembap kerana peningkatan ketidaktentuan telah mengekang perbelanjaan modal. Walaupun upah sebenar meningkat dan menyokong perbelanjaan pengguna, keyakinan pengguna yang masih lemah dijangka menyebabkan kadar simpanan kekal tinggi. Menjelang tahun 2026, ekonomi dijangka mendapat semula momentum, dengan pertumbuhan KDNK meningkat kepada 1.3% disokong oleh penurunan kadar faedah dan dasar fiskal yang sedikit lebih menyokong. Pelaburan swasta dijangka pulih, dipacu oleh peningkatan tempahan ketenteraan, manakala perbelanjaan swasta akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan selaras dengan peningkatan pendapatan sebenar. Defisit keseluruhan kerajaan dijangka menyempit sedikit daripada 5.8% daripada KDNK pada tahun 2024 kepada 5.6% pada tahun 2025, apabila langkah pengurangan perbelanjaan kerajaan mengimbangi hasil yang lemah dan bayaran faedah pengangguran yang meningkat. Namun, defisit dijangka meningkat semula kepada 5.7% pada tahun 2026 selepas tamatnya langkah hasil sementara, termasuk surcaj sekali sahaja terhadap syarikat besar, cukai ke atas pembelian balik saham, cukai pendapatan tinggi dan harta pusaka besar, kenaikan cukai korporat serta pembekuan pelarasan pencen.²²⁶

Kadar pengangguran di Perancis meningkat sedikit daripada 7.3% pada suku keempat 2024 kepada 7.5% masing-masing pada suku pertama dan kedua tahun 2025.²²⁷ Secara keseluruhannya bagi tahun 2025, kadar pengangguran dijangka meningkat kepada 7.9% disebabkan oleh kelembapan ekonomi dan dasar pasaran buruh yang kurang menyokong. Salah satu perubahan dasar pasaran buruh yang memberi kesan ialah pelarasan kepada peraturan skim perantis, yang sedikit meningkatkan kos serta beban pentadbiran kepada majikan. Apabila pengeluaran ekonomi meningkat lebih pantas berbanding pertumbuhan pekerjaan, produktiviti dijangka bertambah baik, seterusnya membantu kadar pengangguran menurun sedikit kepada 7.8% pada tahun 2026.²²⁸

Dari segi inflasi, kadar inflasi tahunan (year-on-year) Perancis menurun daripada 1.8% pada Januari 2025 kepada 0.9% pada Mac 2025 dan seterusnya kepada 0.8% pada April 2025. Penurunan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pengurangan harga elektrik terkawal pada Februari 2025. Harga tenaga dijangka menurun sebanyak 5.0% tahun ini, dan penurunan harga komoditi tenaga terkini dijangka mengekalkan inflasi pada tahap yang stabil sepanjang tahun 2025. Inflasi pengguna dijangka berkurang daripada 2.3% pada tahun 2024 kepada 0.9% pada tahun 2025 sebelum meningkat sedikit kepada 1.2% pada tahun 2026 sejajar dengan peningkatan perbelanjaan isi rumah.²²⁹

²²⁵ INSEE. (2025b). In Q2 2025, GDP accelerated moderately (+0.3%) and household purchasing power rebounded slightly (+0.2% per consumption unit) – Informations rapides – 217 | insee.

²²⁶ European Commission. (2025, May). Economic forecast for France.

²²⁷ INSEE. (2025c). In Q2 2025, the unemployment rate was stable at 7.5% – Informations rapides – 198 | insee.

²²⁸ European Commission. (2025, May). Economic forecast for France.

²²⁹ European Commission. (2025, May). Economic forecast for France.

>> Jerman

Pada separuh pertama tahun 2025, penggunaan swasta menjadi satu-satunya pemacu momentum pertumbuhan ekonomi Jerman, disokong oleh sedikit peningkatan dalam pendapatan pengguna, manakala pelaburan hanya meningkat secara perlahan akibat ketidakpastian politik dalam dan luar negara. Lanjutan eksport yang diperhatikan pada awal tahun 2025 merupakan kesan sementara daripada aktiviti pembelian awal sebelum pelaksanaan tarif baharu. Sepanjang separuh kedua tahun 2025 dan tahun 2026, tarif baharu sebanyak 15% yang dikenakan oleh Amerika Syarikat terhadap eksport Kesatuan Eropah (EU),²³⁰ bersama ketidakpastian global yang berterusan, dijangka terus memberi tekanan terhadap penggunaan, pelaburan, dan industri berorientasikan eksport. Oleh itu, eksport Jerman diunjurkan menurun sebanyak 1.9% pada tahun 2025. KDNK dijangka kekal mendatar pada tahun 2025 (0% pertumbuhan). Namun, pertumbuhan KDNK dijangka pulih sebahagiannya pada tahun 2026 kepada 1.1%, sejajar dengan pelonggaran tekanan perdagangan susulan perjanjian perdagangan baharu yang dimeterai dengan Amerika Syarikat.²³¹

Dalam keadaan pertumbuhan ekonomi yang perlahan, pertumbuhan pekerjaan di Jerman telah menunjukkan tanda-tanda kelembapan sejak tahun 2022. Penurunan pekerjaan dalam sektor pembuatan sebahagiannya diimbangi oleh peningkatan pekerjaan dalam sektor perkhidmatan awam, pendidikan dan kesihatan. Pasaran buruh kekal ketat berikutan penuaan penduduk yang pesat, dengan kadar pengangguran mencatat 3.6% pada suku pertama 2025 dan meningkat sedikit kepada 3.7% pada suku kedua 2025.²³² Secara purata tahunan, kadar pengangguran dijangka berada pada paras 3.6% bagi tahun 2025 disebabkan oleh tiada perubahan ketara dalam saiz tenaga buruh. Menjelang tahun 2026, kadar pengangguran dijangka menurun kepada 3.3% selaras dengan pengukuhan pertumbuhan pekerjaan. Upah sebenar dijangka meningkat dalam jangka pendek apabila kadar inflasi menurun dengan lebih cepat berbanding kadar pertumbuhan upah nominal.²³³

Kadar inflasi Indeks Harga Pengguna Harmonisasi (HICP) dijangka menurun daripada 2.5% pada tahun 2024 kepada 2.4% pada tahun 2025. Penurunan ketara dalam harga tenaga borong pada awal tahun 2025 dijangka menurunkan kos tenaga runcit,²³⁴ seperti yang dapat dilihat daripada penurunan berterusan inflasi tahunan CPI daripada 2.3% pada Januari 2025 kepada 2.0% pada Julai 2025.

Pada Ogos 2025, inflasi mencatat peningkatan kecil buat pertama kali dalam tahun tersebut disebabkan oleh kenaikan harga makanan,²³⁵ namun kesan ini dijangka bersifat sementara. Dalam masa yang sama, rundingan gaji dijangka merangkumi tuntutan untuk menaikkan gaji bagi menampung kesan inflasi terdahulu. Keadaan ini dijangka menyebabkan sedikit ketekalan dalam inflasi perkhidmatan apabila kenaikan gaji mendorong peningkatan permintaan. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh harga tenaga yang lebih rendah, inflasi HICP dijangka menurun lagi kepada 1.9% pada tahun 2026.²³⁶

²³⁰ European Commission. (2025, Jul 29). EU-US Trade Deal Explained.

²³¹ European Commission. (2025, May). Economic forecast for Germany.

²³² TRADING ECONOMICS. (2025a). Germany - Unemployment rate - 2025 Data 2026 Forecast 2009 Historical.

²³³ European Commission. (2025, May). Economic forecast for Germany.

²³⁴ European Commission. (2025, May). Economic forecast for Germany.

²³⁵ Federal Statistical Office. (2025, August). Consumer price index.

²³⁶ European Commission. (2025, May). Economic forecast for Germany.

5.3.2 Ekonomi Asia Timur

>> Jepun

Selepas pertumbuhan yang perlahan pada tahun 2024, kelemahan ekonomi Jepun berterusan sehingga suku pertama 2025, dengan sentimen pengguna kekal lemah. Penggunaan swasta meningkat daripada 0.1% pada suku pertama 2025 kepada 0.4% pada suku kedua 2025,²³⁷ disokong oleh peningkatan guna tenaga dan kenaikan gaji hasil rundingan buruh-musim bunga 2025.

Pemulihan dalam perbelanjaan pengguna serta pembukaan semula kilang automotif selepas penutupan panjang tahun sebelumnya dijangka menyokong pertumbuhan sepanjang 2025 dan 2026, walaupun eksport dan pengeluaran perindustrian dijangka mengalami penurunan reaktif akibat lonjakan awal pesanan pada suku kedua 2025 dan kelembapan permintaan global secara keseluruhan. Pelaksanaan tarif 15% oleh Amerika Syarikat ke atas eksport Jepun,²³⁸ yang mula berkuat kuasa pada pertengahan September dijangka memberi kesan terhadap permintaan eksport, khususnya dalam sektor automotif akibat kenaikan harga. Walau bagaimanapun, perbezaan kadar tarif antara produk Jepun dan negara lain—terutamanya dalam industri automotif—memberikan kelebihan daya saing kepada Jepun. Kepastian terhadap kelebihan daya saing ini, khususnya bagi pengeluar kenderaan, telah mengurangkan ketidakpastian terhadap keuntungan masa depan dan dijangka menyokong pelaburan tetap perniagaan, terutamanya dalam peluasan kapasiti dan penstrukturan semula rantai bekalan. Secara keseluruhannya, pelaburan modal sederhana dijangka berterusan pada tahun 2026 walaupun momentum pertumbuhan mungkin sedikit terbatas akibat kenaikan kadar faedah oleh Bank of Japan.²³⁹

Oleh itu, walaupun kelemahan dalam perbelanjaan pengguna menyebabkan pertumbuhan KDNK negatif (kadar pertumbuhan tahunan -0.2%) pada suku pertama 2025, suku kedua 2025 menunjukkan pemulihan dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 2.2%. Peningkatan dalam penggunaan domestik dan aktiviti dalam sektor automotif dijangka mengimbangi penurunan eksport serta pengeluaran perindustrian, sekali gus membawa kepada pertumbuhan KDNK benar sebanyak 0.7% bagi tahun 2025. Sementara itu, penggunaan yang stabil dan pelaburan perniagaan sederhana dijangka mendorong kadar pertumbuhan KDNK benar sekitar 0.8% bagi tempoh 2026–2027. Namun begitu, salah satu risiko penurunan terhadap pertumbuhan ekonomi ialah ketidaktentuan politik susulan peletakan jawatan Perdana Menteri, yang berpotensi menjejaskan aktiviti ekonomi sepanjang baki tahun tersebut.

Harga pengguna di Jepun kekal tinggi pada separuh pertama tahun 2025, didorong terutamanya oleh kenaikan kos beras dan barangan makanan lain, di samping pelarasan harga ke atas oleh syarikat bagi mencerminkan peningkatan gaji serta kos pengedaran. Kadar inflasi tahunan Indeks Harga Pengguna (CPI) bagi semua barangan kecuali makanan segar diunjurkan pada paras 2.7% bagi tahun fiskal 2025 dan menurun kepada 1.8% bagi tahun fiskal 2026, berdasarkan unjuran median ahli Lembaga Dasar Bank of Japan. Penurunan inflasi pada tahun 2026 ini sebahagiannya mencerminkan kesan yang semakin berkurangan daripada kenaikan harga makanan sebelum ini, khususnya bagi beras.²⁴⁰

²³⁷ Bank of Japan. (2025, Jul). Outlook for Economic Activity and Prices (Jul 2025).

²³⁸ The White House. (2025b, Jul 31). Further modifying the reciprocal tariff rates.

²³⁹ World Bank. (2025b). Global Economic Prospects. International Bank for Reconstruction and Development / The World Bank.

²⁴⁰ Bank of Japan. (2025b, August). Economic Activity, Prices, and Monetary Policy in Japan.

Pasaran buruh Jepun menunjukkan peningkatan yang stabil dengan guna tenaga dan pendapatan meningkat secara sederhana. Bilangan individu bekerja terus bertambah, manakala kadar pengangguran menurun kepada 2.5% pada Mei 2025 dan dijangka kekal sekitar paras tersebut sehingga 2028. Kadar guna tenaga keseluruhan meningkat kepada 62.3%, dengan penyertaan tenaga kerja wanita mencapai rekod tertinggi sebanyak 55.1% pada Mei 2025. Ketegangan dalam pasaran buruh kekal ketara; Bank of Japan melaporkan bahawa pada suku kedua 2025, semakin banyak firma melaporkan permintaan tenaga kerja yang melebihi bekalan tenaga kerja—menunjukkan berlakunya kekurangan tenaga kerja di negara itu.²⁴¹

»» China

Ekonomi China kekal berdaya tahan pada awal tahun 2025, didorong terutamanya oleh peningkatan aktiviti eksport dan pengeluaran lebih awal (*frontloading*) sebelum pelaksanaan tarif baharu. Walau bagaimanapun, import kekal lemah berikutan permintaan domestik yang perlahan, dipengaruhi oleh kejatuhan berpanjangan dalam sektor hartanah. Penurunan harga makanan dan tenaga turut menyumbang kepada penurunan harga pengguna secara keseluruhan.

Bagi menangani permintaan yang lemah dan ketegangan perdagangan yang semakin meningkat, kerajaan China mengumumkan sokongan fiskal baharu pada awal tahun 2025. Sebahagian besar bantuan ini disalurkan kepada pembangunan infrastruktur, manakala beberapa langkah turut ditumpukan untuk merangsang perbelanjaan pengguna. Kadar faedah yang lebih rendah serta peningkatan pinjaman kepada sektor-sektor keutamaan melalui kemudahan kredit berstruktur China turut dilaksanakan bagi menyokong aktiviti domestik.²⁴² Walaupun penggunaan pada tahun 2025 dijangka terus tertekan akibat pasaran pekerjaan yang lembap dan kemerosotan sektor hartanah, rangsangan baharu ini dijangka membantu meningkatkan pelaburan serta aktiviti perindustrian di luar sektor hartanah.

Hasilnya, pertumbuhan ekonomi China dijangka perlahan daripada 5.0% pada tahun 2024 kepada 4.5% pada tahun 2025, berikutan halangan perdagangan yang lebih tinggi daripada Amerika Syarikat serta permintaan global yang lemah yang menjejaskan eksport.²⁴³ Pada Ogos 2025, Amerika Syarikat dan China bersetuju untuk melanjutkan gencatan tarif selama 90 hari tambahan, sekali gus mengelakkan pelaksanaan tarif yang sangat tinggi iaitu 145% terhadap barangan China dan 125% terhadap barangan AS—kadar yang berpotensi memberi tekanan besar terhadap perdagangan dua hala. Di bawah perjanjian semasa, tarif kekal pada 30% terhadap import China ke Amerika Syarikat dan 10% terhadap eksport AS ke China.²⁴⁴ Kesan daripada tarif ini, eksport China ke AS merosot sebanyak 33.1% tahun ke tahun (*y-o-y*) pada Ogos 2025, menyebabkan pengeluar China mengalihkan penghantaran ke rantau Asia, Afrika dan Amerika Latin bagi mengurangkan impak tersebut. Tambahan pula, penalti 40% yang dikenakan oleh pentadbiran AS terhadap penghantaran semula (*transshipment*) barangan dari China dijangka menekan eksport negara itu dengan lebih lanjut. Pertumbuhan KDNK dijangka terus merosot kepada 4.0% pada tahun 2028, apabila China berdepan cabaran jangka panjang seperti pertumbuhan produktiviti yang perlahan, populasi yang semakin tua, serta tahap hutang yang tinggi.²⁴⁵

²⁴¹ Bank of Japan. (2025a, August). Economic activity, prices, and monetary policy in Japan.

²⁴² Briefing, C. (2025, May 7). China unveils 10-Point monetary package to stabilize market expectations.

²⁴³ World Bank. (2025b). Global Economic Prospects. International Bank for Reconstruction and Development / The World Bank.

²⁴⁴ The White House. (2025b, August 12). Fact Sheet: President Donald J. Trump continues the suspension of the heightened tariffs on China.

²⁴⁵ World Bank. (2025b). Global Economic Prospects. International Bank for Reconstruction and Development / The World Bank.

Pada tahun 2025, kadar inflasi China dijangka kekal rendah sekitar 0.5%, dipengaruhi oleh permintaan domestik yang lemah serta penurunan harga makanan dan tenaga. Sepanjang tahun tersebut, tekanan menurun terhadap harga dijangka beransur-ansur berkurangan apabila kesan daripada harga luar biasa rendah pada 2024–2025 mula pudar. Atas sebab yang sama, inflasi dijangka meningkat kepada 1.3% pada tahun 2026. Pada tahun tersebut, momentum asas harga dijangka mengukuh berikutan kesan inflasi daripada peningkatan perbelanjaan fiskal dalam jangka masa terdekat.²⁴⁶

Beberapa risiko utama yang ketara wujud terhadap prospek pertumbuhan ekonomi China. Dari segi global, pertumbuhan China berdepan risiko berterusan akibat ketidakpastian dasar perdagangan Amerika Syarikat serta permintaan global yang semakin lemah. Di peringkat domestik, kemerosotan berpanjangan dalam sektor hartanah dijangka terus menekan pelaburan. Pasaran buruh yang lebih lembap – didorong oleh keyakinan perniagaan yang menurun, keuntungan yang berkurangan, dan kadar pengambilan pekerja yang lemah – juga boleh menghadkan perbelanjaan pengguna. Namun begitu, sokongan fiskal yang lebih kukuh daripada kerajaan pusat dalam tempoh jangka pendek hingga sederhana berpotensi mengimbangi sebahagian daripada kelembapan pertumbuhan tersebut.²⁴⁷

>> Republik Korea

Pertumbuhan KDNK benar Korea Selatan dijangka perlahan kepada 0.8% pada tahun 2025. Kadar pertumbuhan yang perlahan ini mencerminkan kelembapan ekonomi pada awal tahun 2025 berikutan permintaan domestik yang lemah selepas pengisytiharan undang-undang darurat pada Disember 2024, yang menjejaskan keyakinan pasaran dan menyebabkan penyusutan KDNK akibat penurunan sementara dalam pelaburan perniagaan dan perumahan.²⁴⁸ Namun begitu, tanda-tanda pemulihan telah mula kelihatan, seperti yang ditunjukkan oleh beberapa penunjuk utama. Keyakinan pengguna meningkat secara berterusan dari April hingga Ogos 2025, sejajar dengan kestabilan politik yang pulih selepas pergolakan pada awal tahun. Dalam masa yang sama, eksport Korea Selatan pada tahun 2025 kekal stabil pada paras 2024 walaupun berdepan ketidakpastian dalam persekitaran perdagangan global disebabkan tarif perdagangan Amerika Syarikat.²⁴⁹ Pertumbuhan eksport disokong terutamanya oleh permintaan global yang tinggi terhadap semikonduktor sepanjang Januari hingga Ogos 2025. Selepas peningkatan eksport awal tahun (*frontloading*), jumlah eksport Korea Selatan terus meningkat pada Ogos, meningkat sebanyak 1.3% tahun ke tahun (*y-o-y*). Walau bagaimanapun, eksport ke Amerika Syarikat menjunam 12.0% *y-o-y* disebabkan langkah tarif besar-besaran oleh pentadbiran Trump yang menjejaskan penghantaran keluli, automotif dan jentera.²⁵⁰ Secara keseluruhan, pertumbuhan KDNK benar dijangka meningkat kepada 1.6% pada tahun 2026, disokong oleh peningkatan pendapatan isi rumah, penggunaan yang lebih kukuh, serta pemulihan pelaburan. Namun, risiko luaran daripada pertumbuhan global yang perlahan dan peningkatan dasar perlindungan perdagangan kekal sebagai cabaran utama.²⁵¹

Kadar inflasi harga pengguna dijangka kekal stabil pada paras 1.9% pada tahun 2025, setelah mencatatkan julat antara 2.2% tahun ke tahun (*y-o-y*) pada Januari 2025 kepada 1.7% *y-o-y* pada Ogos 2025.²⁵²

²⁴⁶ World Bank. (2025). China Economic Update (June 2025).

²⁴⁷ World Bank. (2025). China Economic Update (June 2025).

²⁴⁸ Bank of Korea. (2025, May 29). Economic Outlook (May 2025).

²⁴⁹ Korean Culture and Information Service (KOCIS). (2025). Hi exports shine despite US tariffs, chips post record high. Korea.net: The official website of the Republic of Korea.

²⁵⁰ InvestKOREA. (2025, September). S. Korea's exports rise 1.3 pct on-year in Aug. on robust chip demand.

²⁵¹ Bank of Korea. (2025, May 29). Economic Outlook (May 2025).

²⁵² Statistics Korea. (2025a). Consumer Price Index in August 2025.

Peningkatan kos bagi makanan diproses serta perkhidmatan seperti makan di luar dan pendidikan dijangka memberi sedikit tekanan ke atas harga, namun kesannya dijangka diimbangi oleh permintaan domestik yang lemah dan harga minyak global yang lebih rendah. Ini berpotensi menyumbang kepada sedikit penurunan kadar inflasi pada tahun 2026, apabila inflasi CPI diunjurkan pada 1.8%. Prospek inflasi akan terus bergantung kepada perkembangan ekonomi domestik dan global, pergerakan kadar pertukaran mata wang, harga tenaga, serta usaha kerajaan dalam menstabilkan harga barangan dan perkhidmatan.²⁹³

Peningkatan pekerjaan sebanyak 159,000 pada tahun 2024,²⁹⁴ dijangka meningkat sekitar 120,000 pekerjaan pada tahun 2025. Namun begitu, pekerjaan dalam sektor pembinaan dijangka terus menyusut disebabkan aktiviti pembinaan yang lemah. Pertumbuhan pekerjaan sebaliknya akan didorong oleh sektor pentadbiran awam serta kesihatan dan kebajikan, hasil pelaksanaan program penciptaan pekerjaan oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, pasaran pekerjaan keseluruhan masih rapuh kerana sebahagian besar peningkatan pekerjaan tertumpu dalam sektor awam yang menawarkan jawatan sementara dan berupah rendah. Akibatnya, kadar pengangguran yang diunjurkan pada 2.9% bagi tahun 2025 dijangka meningkat sedikit kepada 3.0% pada tahun 2026.²⁹⁵

5.3.3 Ekonomi ASEAN

>> Indonesia

Pertumbuhan ekonomi Indonesia meningkat sebanyak 4.9% tahun ke tahun (y-o-y) pada suku pertama 2025²⁹⁶ dan 5.1% y-o-y pada suku kedua 2025. Pada awal tahun 2025, corak pertumbuhan Indonesia menunjukkan ketidakseimbangan; pada suku pertama, penggunaan luar bandar disokong oleh hasil pertanian yang kukuh, namun permintaan domestik melemah berikutan pengurangan perbelanjaan kerajaan dan pelaburan yang perlahan akibat ketidakpastian dasar. Sebanyak 17.0% daripada pertumbuhan KDNK disumbangkan oleh eksport yang dipercepatkan (frontloaded) sebelum tarif AS sebanyak 19.0% berkuat kuasa pada Ogos 2025.²⁹⁷ Dalam tempoh yang sama, pelaburan dalam sektor pembinaan dan pembuatan menurun disebabkan kebimbangan pelabur terhadap ketidakpastian dasar domestik dan global. Harga komoditi yang lemah, permintaan yang rendah, dan kos input yang meningkat turut memperlahankan sektor pembuatan dan perlombongan. Namun begitu, sektor perkhidmatan seperti perdagangan, hospitaliti, pengangkutan, komunikasi, dan perkhidmatan kewangan menyumbang sebanyak 45.0% kepada pertumbuhan, disertai pemulihan sektor pertanian dalam pelbagai kategori hasil.²⁹⁸

Pada suku kedua tahun 2025, momentum pertumbuhan ekonomi Indonesia berubah arah. Penggunaan isi rumah menjadi pemacu utama, disokong oleh rangsangan fiskal, peluasan program sosial, pemberian bonus kepada penjawat awam, serta cuti umum yang lebih panjang yang meningkatkan pelancongan domestik. Penunjuk penggunaan seperti jualan runcit, import barangan pengguna, dan transaksi e-dagang terus menunjukkan trajektori positif. Pelaburan turut menunjukkan peningkatan dengan aktiviti swasta dan perbelanjaan awam yang bertambah, sebagaimana dibuktikan melalui peningkatan import barangan modal.

²⁹³ Bank of Korea. (2025, May 29). Economic Outlook (May 2025).

²⁹⁴ Korea News. (2024, December). Current Employment Situation, December 2024.

²⁹⁵ Bank of Korea. (2025, May 29). Economic Outlook (May 2025).

²⁹⁶ BPS - Statistics Indonesia. (2025, August). Indonesia's Economic Growth Reaches 5.12 Percent in Q2-2025. Retrieved from <https://www.bps.go.id/en/news/2025/08/05/74/Indonesia-s-economic-growth-reaches-5-12-percent-in-q2-2025.html?>

²⁹⁷ The White House. (2025b, Jul 22). The United States and Indonesia reach historic trade deal.

²⁹⁸ World Bank. (2025, June 1). Indonesia economic prospects: People-first housing - A roadmap from homes to jobs to prosperity in Indonesia.

Disebabkan eksport yang dipercepatkan sebelum pelaksanaan tarif AS sebanyak 19.0% pada Ogos 2025, eksport barangan dan perkhidmatan meningkat sebanyak 10.7%, didorong oleh komoditi bukan minyak dan gas seperti minyak sawit, logam, dan jentera. Keadaan ini turut disertai dengan pemulihan sektor pelancongan yang meningkatkan eksport perkhidmatan. Dari segi pengeluaran, sektor pembuatan menunjukkan pemulihan kukuh dengan pertumbuhan sebanyak 5.7%, diterajui oleh subsektor makanan dan minuman, logam, serta bahan kimia, disokong oleh peningkatan permintaan domestik dan antarabangsa.²⁵⁴

Menjelang tempoh akan datang, penggunaan swasta dijangka terus dirangsang oleh program rangsangan ekonomi yang baru diumumkan oleh kerajaan Indonesia. Pakej bernilai 24.4 trilion rupiah pada Jun 2025 merangkumi diskaun pengangkutan, peluasan bantuan sosial, subsidi upah, serta bonus untuk penjawat awam bagi mengurangkan kos isi rumah dan mengekalkan momentum pertumbuhan. Sementara itu, pakej bernilai 16.2 trilion rupiah pada September 2025 menyediakan bantuan beras kepada 18 juta keluarga, program tunai untuk kerja dan latihan industri, pelepasan cukai, diskaun premium insurans, serta pinjaman bersubsidi bagi merangsang permintaan jangka pendek, melindungi pekerjaan dan menyokong pelaburan. Bagi menggalakkan lagi penggunaan dan pelaburan, kadar faedah turut diturunkan. Pada September 2025, bank pusat melaksanakan pemotongan kadar faedah kali keenam sejak September 2024, menjadikan kadar penanda aras 7-day reverse repurchase rate menurun kepada 4.75%.

Prestasi perdagangan Indonesia kekal kukuh pada separuh pertama tahun 2025. Antara Januari hingga Julai 2025, jumlah eksport meningkat sebanyak 8.0% tahun ke tahun kepada kira-kira US\$160.2 bilion, manakala import meningkat 3.4% tahun ke tahun kepada US\$136.5 bilion. Dari Januari hingga Jun 2025, imbalan dagangan mencatatkan lebihan sebanyak US\$19.5 bilion, disokong oleh lebihan besar dalam sektor bukan minyak dan gas walaupun sektor minyak dan gas terus mencatatkan defisit. Pertumbuhan eksport utama disumbangkan oleh aktiviti penghantaran awal dalam sektor pembuatan, besi dan keluli, serta derivatif minyak sawit, manakala eksport arang batu menurun. Import pula didorong oleh bahan mentah dan barangan modal, terutamanya barangan bukan-minyak dan gas.²⁶⁰ Walau bagaimanapun, risiko terhadap eksport kekal tinggi berikutan pelaksanaan tarif timbal balik sebanyak 19.0% oleh Amerika Syarikat yang berkuat kuasa pada Ogos 2025.²⁶¹ Amerika Syarikat menyumbang kira-kira 10% daripada jumlah eksport dan sekitar 2% daripada KDNK Indonesia. Oleh itu, tarif ini dijangka memberi kesan ketara kepada sektor berintensif buruh yang bergantung tinggi kepada pasaran AS seperti tekstil dan pakaian, produk makanan serta peralatan elektrik.²⁶² Risiko eksport turut meningkat berikutan sekatan terhadap penghantaran semula (transshipment) yang dilarang di bawah perjanjian tarif tersebut.²⁶³

>> Singapura

Secara keseluruhan, separuh pertama tahun 2025 menunjukkan trajektori positif bagi sektor pembuatan Singapura, yang berkembang sebanyak 4.7% pada S1 2025 dan meningkat lagi kepada 5.2% pada S2 2025.²⁶⁴

²⁵⁴ BPS- Statistics Indonesia. (2025, August). Indonesia's Economic Growth Reaches 5.12 Percent in Q2-2025. Retrieved from <https://www.bps.go.id/en/news/2025/08/05/74/indonesia-s-economic-growth-reaches-5-12-percent-in-q2-2025.html>

²⁶⁰ BPS- Statistics Indonesia. (2025, September 1). Exports and imports of Indonesia in Jul 2025 reached USD 24.75 billion and USD 20.57 billion, respectively [Press release]. Retrieved from <https://www.bps.go.id/en/pressrelease/2025/09/01/2457/exports-and-imports-of-indonesia-in-jul-2025-reached-usd-24-75-billion-and-usd-20-57-billion-respectively.html>

²⁶¹ The White House. (2025b, Jul 22). The United States and Indonesia reach historic trade deal.

²⁶² World Bank. (2025, June 1). Indonesia economic prospects: People-first housing - A roadmap from homes to jobs to prosperity in Indonesia.

²⁶³ The White House. (2025b, Jul 22). The United States and Indonesia reach historic trade deal.

²⁶⁴ Economic Survey of Singapore Second Quarter 2025. (2025). Economic survey of Singapore second quarter 2025. Retrieved from <https://www.mti.gov.sg/Resources/Economic-Survey-of-Singapore/2025/Economic-Survey-of-Singapore-Second-Quarter-2025>.

Pertumbuhan ini dipacu terutamanya oleh pengeluaran kukuh dalam kluster kejuruteraan pengangkutan (18.8%), kejuruteraan ketepatan (10.3%) dan elektronik (6.6%). Sektor perkhidmatan turut mencatatkan peningkatan, dengan pertumbuhan sebanyak 3.8% pada S1 2025 dan 4.3% pada S2 2025, mencerminkan daya tahan yang meluas dalam sektor tertuari. Penyumbang utama kepada pertumbuhan KDNK pada S2 2025 ialah perdagangan borong, pembuatan, serta kewangan dan insurans. Namun begitu, pada separuh kedua tahun 2025, apabila permintaan global mula berkurangan dan kesan tarif timbal balik Amerika Syarikat mula dirasai, aktiviti pembuatan dijangka perlahan, terutamanya dalam sektor berorientasikan eksport. Walaupun Singapura hanya berdepan kadar tarif sejagat AS sebanyak 10.0% – jauh lebih rendah berbanding negara lain – ia tetap terdedah kepada dasar tarif AS yang tidak menentu serta kesannya terhadap jumlah perdagangan global. Kesan ini sudah mula kelihatan, dengan eksport Singapura ke Amerika Syarikat merosot sebanyak 28.8% tahun ke tahun pada Ogos, selepas penurunan besar sebanyak 42.8% pada Julai. Di sebalik penyusutan aktiviti pembuatan, masih terdapat beberapa bidang berimpak tinggi yang kekal kukuh seperti kejuruteraan pengangkutan dan kejuruteraan ketepatan, disokong oleh penyelenggaraan pesawat serta pelaburan semikonduktor berkaitan kecerdasan buatan (AI). Sektor perdagangan borong serta pengangkutan dan penyimpanan juga dijangka perlahan apabila rangsangan sementara daripada aktiviti perdagangan penghantaran awal mula berkurangan.

Dari sudut permintaan, jumlah permintaan meningkat sebanyak 5.5% tahun ke tahun pada S1 2025 dan melonjak kepada 7.7% pada S2 2025, disokong oleh faktor domestik dan luaran. Permintaan luaran menunjukkan peningkatan ketara, dengan eksport meningkat sebanyak 5.8% pada S1 2025 dan 10.3% pada S2 2025. Perbelanjaan penggunaan juga melonjak daripada hanya 0.2% pada S1 2025 kepada 4.4% pada S2 2025, mencerminkan kebangkitan semula perbelanjaan isi rumah. Pada separuh kedua tahun 2025, sektor berorientasikan domestik dijangka mencatat pertumbuhan yang sederhana, dengan industri berasaskan pengguna seperti perdagangan runcit serta perkhidmatan makanan dan minuman terjejas akibat perbelanjaan domestik yang perlahan serta peningkatan kecenderungan rakyat berbelanja di luar negara. Sektor kewangan dan insurans pula mungkin menghadapi tekanan akibat permintaan kredit yang lemah dan jumlah transaksi yang lebih rendah, walaupun sentimen pasaran yang kukuh berpotensi memberi sedikit rangsangan positif.

Oleh itu, dengan prestasi kukuh merentasi indikator pengeluaran dan permintaan, ekonomi Singapura menunjukkan momentum positif pada separuh pertama tahun 2025, dengan pertumbuhan meningkat daripada 4.1% tahun ke tahun pada S1 2025 kepada 4.4% pada S2 2025. Namun begitu, secara tahunan, pertumbuhan KDNK sebenar Singapura diunjurkan merosot dengan ketara daripada 4.4% pada tahun 2024 kepada hanya 1.7% pada tahun 2025, terutamanya disebabkan oleh ketegangan perdagangan global dan ketidakpastian ekonomi dunia yang semakin meningkat.²⁶⁵

>> Thailand

Perbelanjaan penggunaan swasta terus perlahan, menurun daripada 3.4% pada S4 2024 kepada 2.5% pada S1 2025 dan seterusnya 2.1% pada S2 2025. Keadaan ini disebabkan oleh peraturan pinjaman yang lebih ketat serta langkah isi rumah mengurangkan perbelanjaan bagi mengurangkan beban hutang yang tinggi – faktor yang terus menekan aktiviti penggunaan di Thailand. Secara keseluruhan, perbelanjaan swasta hanya meningkat sebanyak 2.3% pada separuh pertama tahun 2025 berbanding 3.3% pada separuh kedua tahun 2024.²⁶⁶

²⁶⁵ International Monetary Fund. (2025, Jul). IMF country report no. 25/392: Singapore 2025 article IV consultation—press release, staff report, and statement by the executive director for Singapore.

²⁶⁶ Office of the National Economic and Social Development Council. (2025). Thai economic performance in Q2 of 2025 and the outlook for 2025. NESDC News.

Perbelanjaan isi rumah dijangka kekal perlahan pada separuh kedua tahun 2025,²⁶⁷ dengan kadar pertumbuhan tahunan diunjurkan sekitar 2.1% bagi keseluruhan tahun.²⁶⁸

Pertumbuhan pelaburan keseluruhan meningkat daripada 5.1% pada separuh kedua tahun 2024 kepada 5.2% pada separuh pertama tahun 2025. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan pelaburan awam, seperti yang ditunjukkan oleh kadar pertumbuhan tinggi iaitu 30.8% pada H2 2024 dan 17.5% pada H1 2025. Lanjutan besar dalam pelaburan awam ini berpunca daripada penyambungan semula projek infrastruktur awam utama seperti rel berkelajuan tinggi, sistem transit massa dan rangkaian jalan raya. Pada separuh kedua tahun 2025, perbelanjaan pelaburan awam dijangka terus meningkat, terutamanya melalui pelaksanaan pelan rangsangan ekonomi kerajaan bernilai 157 bilion baht (bersamaan 0.8% daripada KDNK), di mana sebahagian besar (115 bilion baht) diperuntukkan bagi pembangunan infrastruktur air dan pengangkutan, manakala 18.5 bilion baht lagi akan digunakan untuk membantu firma yang terjejas oleh perdagangan serta membiayai pinjaman pelajar.²⁶⁹ Secara keseluruhan, kadar pertumbuhan pelaburan awam bagi tahun 2025 dijangka kekal pada sekitar 5.2%.²⁷⁰

Lebih ketara lagi, pelaburan swasta menunjukkan pemulihan pada separuh pertama tahun 2025, meningkat daripada -2.3% pada H2 2024 kepada 1.4% pada H1 2025. Pemulihan ini berlaku selepas lima suku berturut-turut kelemahan, apabila kadar pertumbuhan bergerak daripada -5.1% pada S4 2024 kepada -0.9% pada S1 2025, sebelum melonjak kepada 4.1% pada S2 2025. Pemulihan ini didorong oleh peningkatan pelaburan dalam jentera dan peralatan – terutamanya dalam sektor automotif, jentera industri dan peralatan pejabat – serta pembinaan loji perindustrian yang lebih pesat.²⁷¹ Momentum ini turut disokong oleh prestasi eksport yang kukuh dan lonjakan projek yang diluluskan oleh Lembaga Pelaburan Thailand (BOI) pada S2 2025, khususnya dalam industri bernilai tambah tinggi seperti elektronik, automotif dan komponen, serta petrokimia. Prospek pelaburan meningkat dengan ketara pada H1 2025, dengan kelulusan promosi BOI meningkat sebanyak 38.0% tahun ke tahun kepada 1,880 projek, manakala nilai pelaburan melonjak sebanyak 138.0% kepada 1.1 trilion baht (bersamaan 5.7% daripada KDNK 2024).²⁷² Pemulihan dalam pelaburan swasta ini dijangka berterusan sepanjang baki tahun 2025, dengan kadar pertumbuhan tahunan diunjurkan sekitar 1.0%. Secara keseluruhan, kadar pertumbuhan pelaburan keseluruhan bagi tahun 2025 dijangka mencatat 2.1%.²⁷³

Eksport Thailand meneruskan momentum pertumbuhan selama lima suku berturut-turut, meningkat sebanyak 15.0% masing-masing pada S1 2025 dan S2 2025. Sebahagian besar peningkatan ini didorong oleh penghantaran barangan yang dipercepatkan sebelum tamatnya tempoh tarif timbal balik Amerika Syarikat.²⁷⁴ Namun begitu, penurunan dalam eksport barangan dijangka berlaku pada separuh kedua tahun 2025 selepas AS mengenakan tarif timbal balik sebanyak 19.0%.²⁷⁵ Perkara ini amat signifikan memandangkan Amerika Syarikat merupakan pasaran eksport terbesar bagi Thailand pada tahun 2024.

²⁶⁷ World Bank. (2025, Jul 3). Thailand's digital future key to boosting growth [Press release]. Retrieved from <https://www.worldbank.org/en/news/press-release/2025/07/03/thailand-s-digital-future-key-to-boosting-growth>.

²⁶⁸ Office of the National Economic and Social Development Council. (2025). Thai economic performance in Q2 of 2025 and the outlook for 2025. NESDC News.

²⁶⁹ World Bank. (2025). Thailand monthly economic monitor. Vol. 1, August 18, 2025.

²⁷⁰ Office of the National Economic and Social Development Council. (2025). Thai economic performance in Q2 of 2025 and the outlook for 2025. NESDC News.

²⁷¹ Office of the National Economic and Social Development Council. (2024). Thai economic performance in Q4 of 2024 and the outlook for 2025. NESDC News.

²⁷² World Bank. (2025, Jul 3). Thailand's digital future key to boosting growth [Press release]. Retrieved from <https://www.worldbank.org/en/news/press-release/2025/07/03/thailand-s-digital-future-key-to-boosting-growth>.

²⁷³ Office of the National Economic and Social Development Council. (2025). Thai economic performance in Q2 of 2025 and the outlook for 2025. NESDC News.

²⁷⁴ Office of the National Economic and Social Development Council. (2025). Thai economic performance in Q2 of 2025 and the outlook for 2025. NESDC News.

²⁷⁵ The White House. (2025b, Jul 31). Further modifying the reciprocal tariff rates.

Sektor pelancongan pula terus menunjukkan kelemahan. Bagi tempoh Januari hingga Julai 2025, jumlah ketibaan pelancong menurun sebanyak 6.4% berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya, didorong terutamanya oleh penurunan mendadak sebanyak 38.9% dalam kalangan pelancong dari China – penurunan bulanan keenam berturut-turut. Faktor utama termasuk kebimbangan keselamatan, kelemahan ekonomi China, pengukuhan nilai baht, serta peningkatan persaingan daripada destinasi seperti Jepun dan Vietnam. Dalam tempoh tiga bulan kebelakangan ini, ketibaan pelancong dari negara-negara ASEAN juga mula menunjukkan penurunan.²⁷⁶ Atas sebab yang sama, sektor pelancongan dijangka kekal lemah sepanjang baki tahun 2025, khususnya disebabkan pengurangan ketibaan pelancong dari China.²⁷⁷

Oleh itu, walaupun pertumbuhan pelaburan keseluruhan dan eksport membantu menampung kelemahan dalam perbelanjaan penggunaan swasta, pertumbuhan KDNK benar Thailand menurun sedikit daripada 3.1% pada separuh kedua 2024²⁷⁸ kepada 3.0% pada separuh pertama 2025. Secara keseluruhan, pertumbuhan ekonomi Thailand dijangka perlahan daripada 2.5% pada tahun 2024 kepada sekitar 2.0% pada tahun 2025 dan seterusnya kepada 1.7% pada tahun 2026, sejajar dengan peningkatan cabaran ekonomi global dan domestik.²⁷⁹

Unjuran ekonomi Thailand tertakluk kepada kedua-dua kemungkinan positif dan risiko negatif. Dalam senario yang lebih optimistik dan menggalakkan, pertumbuhan KDNK boleh mencapai 2.2% pada tahun 2025 berbanding unjuran asas sebanyak 2.0%, sekiranya ketegangan perdagangan berkurangan dan rangsangan fiskal dilaksanakan dengan berkesan. Namun begitu, terdapat beberapa risiko ke bawah termasuk peningkatan semula ketegangan perdagangan, kelemahan dalam sektor pelancongan, serta potensi kemerosotan eksport apabila peraturan penghantaran semula (transshipment) dikuatkuasakan. Dari segi domestik, kestabilan politik kekal menjadi kebimbangan berikutan pemecatan Perdana Menteri baru-baru ini, yang berpotensi melambatkan pelaksanaan belanjawan dan projek infrastruktur, sekali gus menjejaskan sentimen pelabur serta momentum pertumbuhan ekonomi.²⁸⁰

Thailand terus berdepan dengan kadar inflasi yang sangat rendah, kekal negatif selama empat bulan berturut-turut sehingga Julai 2025, menurun kepada -0.7% – paras terendah dalam kalangan negara ASEAN dan pasaran pesat membangun lain. Keadaan ini berpunca terutamanya daripada kejatuhan harga minyak global, subsidi kerajaan seperti pengurangan bil elektrik, serta penurunan harga makanan segar berikutan hasil tuai yang baik. Inflasi teras juga menurun kepada 0.8%, paras terendah dalam tempoh enam bulan, disebabkan permintaan domestik yang lemah terus menekan harga barangan dan perkhidmatan.

- World Bank. (2025a, Jul 3). Thailand's digital future key to boosting growth [Press release]. Retrieved from <https://www.worldbank.org/en/news/press-release/2025/07/03/thailand-s-digital-future-key-to-boosting-growth>
- World Bank. (2025b). Thailand economic monitor: Digital pathways for growth.
- World Bank. (2025b). Thailand economic monitor: Digital pathways for growth.
- World Bank. (2025b). Thailand economic monitor: Digital pathways for growth.
- World Bank. (2025b). Thailand economic monitor: Digital pathways for growth.

Dengan inflasi kekal di bawah sasaran 1.0–3.0% selama lima bulan, Bank of Thailand menurunkan kadar dasar monetari kepada 1.50% pada Ogos 2025 bagi menyokong isi rumah, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), serta firma yang terjejas. Menjelang tahun-tahun akan datang, inflasi dijangka kekal rendah dengan purata sekitar 0.3% pada 2025 dan meningkat sedikit kepada 1.0% pada 2026, sejajar dengan penstabilan harga komoditi global dan pemulihan beransur-ansur permintaan domestik.²⁸¹

5.4 PERKEMBANGAN DAN TINJAUAN NEGARA-NEGARA EMDE

5.4.1 Perkembangan Terkini

Aktiviti ekonomi di negara pasaran pesat membangun dan ekonomi sedang membangun (EMDEs) secara amnya stabil sepanjang tahun 2024, dengan permintaan domestik disokong oleh keadaan kewangan yang menggalakkan dan pertumbuhan kredit yang kukuh. Walaupun penunjuk aktiviti domestik kekal agak berdaya tahan pada suku pertama 2025, ketidaktentuan yang semakin meningkat serta permintaan luar yang semakin lemah mula memberi tekanan terhadap momentum keseluruhan. Petunjuk prestasi pembuatan – seperti Indeks Pengurus Pembelian (PMI) utama dan ukuran perdagangan barangan – menunjukkan kelembapan dalam beberapa bulan kebelakangan ini. Secara khususnya, ekonomi yang bergantung tinggi kepada eksport seperti Malaysia, Mexico, Romania dan Vietnam telah mencatatkan kemerosotan ketara dalam pesanan eksport baharu sejak November 2024. Perkembangan ini mencerminkan kedua-dua faktor bermusim serta peningkatan ketidaktentuan dasar perdagangan global berikutan pemilihan kepimpinan baharu di Amerika Syarikat yang lebih berorientasikan dasar perlindungan perdagangan – destinasi eksport utama bagi kebanyakan EMDEs.

Bagi sektor perkhidmatan, Indeks Pengurus Pembelian (PMI) terus menunjukkan peningkatan berterusan namun berada pada tahap yang lebih rendah pada separuh pertama 2025 berbanding tempoh yang sama pada 2024. Petunjuk penggunaan berfrekuensi tinggi turut menunjukkan corak yang sama – keyakinan pengguna dan jualan runcit masing-masing menunjukkan tanda-tanda kelemahan dalam beberapa bulan kebelakangan ini, mencerminkan sikap berhati-hati yang semakin meningkat dalam kalangan isi rumah.

Dinamik pertumbuhan di negara pasaran pesat membangun dan ekonomi sedang membangun (EMDEs) juga menunjukkan perbezaan yang lebih ketara sepanjang tahun 2025 antara negara pengeksport komoditi dan negara pengimport komoditi. Beberapa negara pengeksport tenaga seperti Indonesia dan Arab Saudi mencatatkan eksport tenaga yang lebih lemah, didorong oleh permintaan tenaga global yang perlahan, pengurangan pengeluaran oleh OPEC+²⁸², kejatuhan mendadak harga komoditi akibat peningkatan ketegangan perdagangan, serta kesan sekatan baharu terhadap negara pengeksport minyak tertentu. Sebaliknya, ekonomi pengeksport komoditi bukan tenaga menunjukkan prestasi yang agak lebih baik pada separuh pertama 2025 – seperti Brazil – namun masih berdepan risiko kesan negatif akibat tarif Amerika Syarikat dan ketidaktentuan perdagangan global secara keseluruhannya.

Sebaliknya, negara pengimport komoditi dalam kumpulan EMDE seperti Vietnam dan India (tidak termasuk China) mengekalkan pertumbuhan yang stabil sepanjang separuh pertama tahun 2025. Prestasi ini disokong oleh penggunaan swasta dan pelaburan yang kukuh, dengan pelaburan dipacu oleh aktiviti pembuatan yang terus berkembang pesat.

²⁸¹ World Bank. (2025). Thailand monthly economic monitor. Vol. 1, August 18, 2025.

²⁸² The Organization of the Petroleum Exporting Countries, also known as OPEC, was formed in 1960 by Iraq, Iran, Kuwait, Saudi Arabia, and Venezuela. In 2016, largely in response to dramatically falling oil prices driven by significant increases in U.S. shale oil output, OPEC signed an agreement with 10 other oil-producing countries, such as Russia, Malaysia and Mexico, to create what is now known as OPEC+.

Namun begitu, dalam beberapa kes seperti Thailand, negara-negara ini berdepan risiko kelembapan ekonomi pada separuh kedua 2025 disebabkan oleh ketidaktentuan yang semakin meningkat berpunca daripada perkembangan politik atau dasar domestik, di samping peningkatan halangan perdagangan luar yang telah mengganggu permintaan.²⁸⁹

5.4.2 Unjuran Ekonomi EMDE

Dalam keadaan ketidaktentuan perdagangan global yang tinggi, keyakinan perniagaan yang rendah, dan ketidakstabilan pasaran kewangan, pertumbuhan ekonomi di negara pasaran pesat membangun dan ekonomi sedang membangun (EMDE) dijangka melemah – menurun daripada 4.2% pada tahun 2024 kepada 3.8% pada tahun 2025, sebelum meningkat semula secara perlahan kepada sekitar 3.8% pada tahun 2026 apabila ketegangan perdagangan mula reda. Sebahagian besar kelembapan ini berpunca daripada penyusutan struktur ekonomi China yang kini diburukkan lagi oleh peningkatan geseran perdagangan. Tidak termasuk China, pertumbuhan EMDE masih dijangka menurun daripada 3.6% pada tahun 2024 kepada 3.4% pada tahun 2025, sebelum pulih secara sederhana kepada kira-kira 3.9% pada tahun 2026–2027.

Kemerosotan ekonomi paling ketara berlaku di negara-negara yang sangat bergantung kepada perdagangan dan pelaburan global, terutamanya ekonomi yang bergantung kepada sektor pembuatan, rantai bekalan, serta pembiayaan luar. Kebergantungan ini menjadikan negara-negara tersebut amat terdedah kepada kejutan perdagangan dan ketidaktentuan pelabur. Namun begitu, kesannya tidak terhad kepada ekonomi sedemikian sahaja – hampir 60% daripada negara EMDE dijangka mengalami kelembapan pada tahun 2025. Banyak negara juga berdepan kekangan dasar untuk menyerap kejutan baharu akibat beban hutang yang tinggi, kadar kemiskinan yang berterusan, dan pengurangan bantuan antarabangsa.

Menjelang tahun 2025 dan 2026, perbelanjaan penggunaan swasta – komponen terbesar dalam permintaan domestik bagi negara EMDE – dijangka perlahan dengan ketara pada tahun 2025 berikutan penurunan keyakinan pengguna dan peningkatan ketidaktentuan ekonomi. Bagi tempoh 2026–2027, pertumbuhan penggunaan dalam kalangan negara EMDE (tidak termasuk China) dijangka kekal sederhana, dibatasi oleh peningkatan gaji dan produktiviti yang terhad serta perubahan dasar yang menjejaskan aliran perdagangan dan pelaburan.

Di negara-negara EMDE selain China, pertumbuhan pelaburan dijangka merosot dengan ketara pada tahun 2025, khususnya bagi ekonomi yang lebih terdedah kepada perdagangan global. Hampir 60% daripada negara EMDE dijangka mengalami momentum pelaburan yang lebih lemah disebabkan oleh ketidaktentuan dalam persekitaran ekonomi tempatan dan global.

Ruang fiskal kekal terhad di kebanyakan negara EMDE. Beban hutang yang tinggi serta kos pinjaman global yang meningkat bagi mengurangkan hutang tersebut menyebabkan kerajaan mempunyai kapasiti yang terhad untuk menyerap kejutan ekonomi global. Akibatnya, dasar fiskal dijangka sama ada menekan pertumbuhan atau hanya mampu memberi sokongan minimum di kira-kira tiga perempat daripada ekonomi ini. Di banyak negara EMDE, eksport bersih dijangka terjejas akibat permintaan luar yang lemah daripada rakan dagang utama, khususnya disebabkan hubungan perdagangan yang rapat dengan ekonomi maju di beberapa rantau EMDE. Dalam masa yang sama, ketidaktentuan dasar perdagangan dan kebimbangan terhadap akses pasaran ke negara maju dijangka menjejaskan aliran pelaburan asing dari rakan dagang utama ke negara-negara EMDE. Selain itu, tarif baharu yang dikenakan oleh Amerika Syarikat dijangka memperlambatkan pertumbuhan di beberapa ekonomi sedang pesat membangun.

Sebagai contoh, pertumbuhan KDNK Vietnam diunjurkan menurun daripada 7.09% pada tahun 2024²⁹⁴ kepada sekitar 6.5% pada tahun 2025, mencerminkan kesan penuh tarif AS serta pengurangan rangsangan fiskal. Di India, peningkatan tarif yang mendadak (sehingga -50.0%) terhadap banyak eksport ke AS dijangka menjejaskan sektor berintensifkan buruh dan bergantung kepada eksport, sekali gus mengurangkan jumlah eksport serta menekan pertumbuhan. Walau bagaimanapun, rundingan yang sedang dijalankan dengan AS dan kemungkinan perjanjian perdagangan baharu berpotensi mengurangkan sebahagian daripada kesan negatif tersebut. Dalam pada itu, usaha mempelbagaikan perdagangan serta sokongan berterusan daripada kerajaan kekal sebagai penampan penting terhadap ketidaktentuan global.

Kadar pertumbuhan ekonomi yang dijangkakan masih belum memadai untuk mewujudkan jumlah pekerjaan yang mencukupi serta berkualiti bagi menampung peningkatan populasi dalam lingkungan usia bekerja. Dalam jangka panjang, banyak negara EMDE berdepan cabaran besar dalam aspek guna tenaga ini, khususnya di rantau Sub-Sahara Afrika (SSA) dan Asia Selatan (SAR). Di rantau-rantau tersebut, kadar pewujudan pekerjaan telah mengatasi pertumbuhan populasi usia bekerja dari tahun 2021 hingga 2024 dan dijangka kekal pada trend yang sama bagi tahun 2025 dan 2026. India kekal sebagai titik cerah serantau dari segi purata penciptaan pekerjaan baharu. Namun begitu, kadar pekerjaan tidak formal yang kekal tinggi – melebihi 85% antara tahun 2021 hingga 2024 – menunjukkan bahawa pewujudan pekerjaan masih banyak tertumpu pada sektor tidak formal dan kurang berkualiti.²⁹⁵

5.5 TINJAUAN EKONOMI NEGARA-NEGARA BERPENDAPATAN RENDAH (LIC)

Walaupun dijangka berlaku pemulihan dengan kadar pertumbuhan negara berpendapatan rendah (LIC) diunjurkan pada 5.3% bagi tahun 2025 dan meningkat kepada 6.1% bagi tahun 2026–2027, prospek ekonomi kumpulan negara ini kekal sangat tidak menentu. Sebahagian besar bergantung kepada sejauh mana ekonomi yang terjejas akibat konflik dapat menunjukkan peningkatan sebenar dari segi keselamatan dan kestabilan. Unjuran ini juga mengambil kira andaian bahawa tiada konflik baharu atau krisis hutang akan berlaku serta kadar inflasi akan terus menurun. Selain itu, memandangkan LIC sangat bergantung kepada eksport komoditi, permintaan luar yang lemah dan harga komoditi global yang lebih rendah boleh mengehadkan pertumbuhan serta hasil kerajaan di banyak ekonomi. Walaupun pertumbuhan dijangka meningkat antara 2025 hingga 2027, keluaran ekonomi (output) bagi negara-negara LIC dijangka masih kekal sekitar 3.7% di bawah paras pra-pandemik menjelang tahun 2027. Dalam banyak negara LIC, konflik berterusan sedang memusnahkan kapasiti produktif dan memaksa penduduk berpindah, sekali gus memburukkan lagi isu kemiskinan. Pada masa yang sama, kekangan fiskal yang ketat, beban hutang yang tinggi, proses penyusunan semula hutang yang perlahan serta akses terhad kepada pembiayaan luar baharu terus menjadi penghalang utama kepada prospek ekonomi kumpulan negara ini.²⁹⁶

5.5.1 Pendapatan Per Kapita

Pertumbuhan pendapatan per kapita di negara pasaran sedang pesat membangun dan ekonomi sedang membangun (EMDE) menunjukkan trend perlahan, dipengaruhi oleh keadaan luaran yang lemah, pemulihan pasca pandemik yang belum lengkap serta peningkatan konflik yang menghalang usaha pengurangan kemiskinan dan penyamaan pendapatan dengan ekonomi maju.

²⁹⁴ NATIONAL STATISTICS OFFICE. (2024). Socio-economic situation in the fourth quarter and 2024.

²⁹⁵ World Bank. (2025a). Global Economic Prospects. International Bank for Reconstruction and Development / The World Bank.

²⁹⁶ World Bank. (2025a). Global Economic Prospects. International Bank for Reconstruction and Development / The World Bank.

Bagi tempoh 2025–2027, pertumbuhan pendapatan per kapita diunjurkan pada kadar 2.9%, jauh lebih rendah berbanding purata sejarah. Sekiranya China dan India dikecualikan, kadar pertumbuhan tersebut hanya sekitar 1.8%.

Di banyak negara berpendapatan rendah (LIC) serta Negara-Negara Rapuh dan Terjejas Konflik (FCS),²⁸⁷ jurang pendapatan dengan negara EMDE lain dan ekonomi maju kekal luas, dengan pertumbuhan pendapatan per kapita dijangka lebih perlahan – sekali gus mengekang kemajuan dalam usaha pengurangan kemiskinan. Tanpa pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat dan sokongan dasar yang lebih kukuh bagi mewujudkan peluang pekerjaan, banyak negara LIC dijangka terus berdepan kesukaran untuk meningkatkan pendapatan dan mengurangkan kadar kemiskinan. Proses penyempitan jurang pendapatan antara negara LIC dan ekonomi maju telah terhenti sejak awal 2010-an. Justeru, pendapatan per kapita bagi negara LIC dijangka kekal hanya pada paras 2.0% hingga 4.0% daripada pendapatan per kapita ekonomi maju.

Permintaan komoditi global yang lemah serta peningkatan sikap berhati-hati pelabur pada tahun 2025 dan 2026 dijangka menjejaskan kemampuan pertumbuhan pendapatan per kapita negara LIC untuk menampung kerugian ekonomi akibat pandemik menjelang tahun 2027. Konflik semakin menjadi faktor utama yang menekan pertumbuhan, dengan peningkatan keganasan dan ketidakstabilan sejak tahun 2000-an menyebabkan kerugian besar terhadap pendapatan per kapita. Akibatnya, menjelang tahun 2027, pendapatan di negara FCS dijangka kekal lebih 11% di bawah paras trend pra-pandemik. Begitu juga, disebabkan konflik, negara-negara FCS telah menyaksikan peningkatan ketara dalam perkongsian penduduk dunia yang hidup dalam kemiskinan tegar – daripada 40.0% pada tahun 2019 kepada hampir 50.0% pada tahun 2025. Menjelang tahun 2030, hampir 60.0% daripada penduduk miskin dunia dijangka tinggal di negara-negara FCS.²⁸⁸

5.6 TINJAUAN RISIKO GLOBAL

Ekonomi global telah melalui beberapa kejutan luaran (*exogenous shocks*) dalam tempoh kebelakangan ini, yang telah memberi kesan besar terhadap keadaan sosioekonomi dunia. Antara risiko utama yang dihadapi ekonomi global dalam jangka masa terdekat hingga sederhana termasuklah peningkatan ketegangan geopolitik (termasuk konflik bersenjata), perang tarif yang semakin memuncak, kelemahan ekonomi China, beban hutang global yang tinggi, serta kejadian cuaca ekstrem.

Pada separuh pertama tahun 2025, ketegangan geopolitik semakin meruncing di peringkat global dengan peningkatan konflik seperti perang Rusia-Ukraine, konflik Israel-Gaza, permusuhan antara Iran dan Israel, serta ketegangan antara India dan Pakistan. Insiden konflik bersenjata telah meningkat dengan ketara dalam tempoh kebelakangan ini, sekali gus mendorong ketidaktentuan berterusan dalam pasaran global. Ketegangan dijangka kekal tinggi sehingga tahun 2026 sejajar dengan perubahan kepimpinan politik di beberapa ekonomi utama dunia, dengan konflik bersenjata antara negara dikenal pasti sebagai risiko global tertinggi bagi tahun 2025.²⁸⁹

Perang tarif dijangka menjadi penentu utama kepada trajektori pertumbuhan ekonomi global dalam jangka masa terdekat. Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump, telah mengumumkan pelaksanaan tarif baharu yang dikenakan ke atas semua negara: 10% tarif menyeluruh ke atas semua import, 25% ke atas import kenderaan dan alat ganti automotif, serta 50% ke atas import keluli, aluminium dan tembaga.

²⁸⁷ World Bank. (2025). Classification of Fragile and Conflict-Affected Situations.

²⁸⁸ World Bank. (2025a). Global Economic Prospects. International Bank for Reconstruction and Development / The World Bank.

²⁸⁹ World Economic Forum. (2025). Global Risks Report 2025.
https://reports.weforum.org/docs/WEF_Global_Risks_Report_2025.pdf

Walaupun beberapa perjanjian perdagangan dengan kadar tarif timbal balik yang lebih rendah mengikut negara telah dimuktamadkan pada suku kedua (Q2) dan suku ketiga (Q3) tahun 2025, peningkatan ketara dalam purata kadar tarif efektif AS dijangka menyebabkan gangguan rantaian bekalan serta potensi kekurangan bekalan, sekali gus menambah tekanan inflasi di Amerika Syarikat pada tahun 2025 dan 2026. Tekanan harga yang semakin meningkat dijangka mendorong Rizab Persekutuan (Federal Reserve) untuk menaikkan kadar faedah pada tahun 2026, yang seterusnya akan memperlambatkan perbelanjaan domestik AS secara ketara pada tahun berikutnya. Faktor-faktor ini berpotensi menjejaskan momentum pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat sepanjang tempoh 2026–2027.

Ekonomi China telah mengalami kelembapan yang ketara dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Purata pertumbuhan KDNK benar tahunan negara itu menurun daripada 7.7% antara tahun 2010 hingga 2019 kepada 4.9% antara tahun 2020 hingga 2024. Beberapa faktor struktur yang melemahkan momentum pertumbuhan China termasuklah populasi yang semakin menua dan mengecil, pertumbuhan produktiviti yang mendatar, kelemahan berterusan dalam sektor hartanah, serta kebergantungan tinggi terhadap eksport yang menjadikan ekonomi negara itu terdedah kepada kejutan luaran.²⁹⁰ Model pertumbuhan China yang berasaskan pelaburan dan dibiayai hutang, yang mula diguna pakai sejak awal tahun 2000-an, pernah mendorong pertumbuhan dua digit setiap tahun. Namun, menjelang penghujung dekad ini, kadar tersebut dijangka perlahan kepada sekitar 3–4% setahun. Kelembapan ekonomi China akan memberi kesan besar terhadap pertumbuhan global. Sebagai contoh, negara-negara pengeksport komoditi dan barangan yang bergantung kepada permintaan dari China berpotensi mengalami pertumbuhan yang lebih perlahan. Begitu juga, pasaran pesat membangun yang bergantung kepada pelaburan antarabangsa dari China melalui inisiatif seperti Belt and Road Initiative (BRI) dijangka menghadapi pengurangan dalam aliran pelaburan langsung asing (FDI) serta sokongan pembangunan.

Hutang global meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan terkompoun (CAGR) sebanyak 5.1% antara tahun 2010 hingga 2024, meningkat daripada US\$51 trilion kepada US\$102 trilion. Pada tahun 2024, ekonomi maju menyumbang sebanyak 71% daripada jumlah hutang global – jauh lebih tinggi berbanding paras pra-pandemik (54% pada tahun 2018).²⁹¹ Menjelang akhir tahun 2024, jumlah hutang berdaulat dan korporat global telah melebihi US\$25 trilion, hampir tiga kali ganda lebih tinggi berbanding tahun 2007. Dalam masa yang sama, jumlah pinjaman oleh ekonomi membangun dan pesat membangun (EMDE) meningkat kepada US\$3 trilion pada tahun 2024, berbanding hanya US\$1 trilion pada tahun 2007.²⁹² Pada tahun 2023, sebanyak 6.5% daripada hasil eksport separuh daripada negara sedang membangun telah digunakan untuk perkhidmatan hutang (debt servicing).²⁹³ Akibatnya, beban faedah yang tinggi telah mengehadkan keupayaan fiskal kerajaan-kerajaan di negara membangun dan berpendapatan rendah untuk berbelanja dalam sektor pembangunan. Keadaan ini dijangka terus menjejaskan kadar kemajuan ekonomi negara-negara tersebut dalam beberapa tahun akan datang.

Berkaitan dengan risiko kejadian cuaca ekstrem, pada tahun 2024 sahaja, Amerika Syarikat telah mengalami 17 ribut besar, satu kebakaran hutan utama, lima taufan tropika, serta satu episod kemarau/gelombang haba yang menyebabkan kerugian berjumlah berbilion dolar.

²⁹⁰ World Bank. (n.d.). China Overview. World Bank. <https://www.worldbank.org/en/country/china/overview>

²⁹¹ UNCTAD. A World of Debt 2025: It Is Time for Reform. United Nations Conference on Trade and Development. <https://unctad.org/publication/world-of-debt>

²⁹² Organisation for Economic Co-operation and Development. (2025, March). Global Debt Report 2025. OECD. https://www.oecd.org/en/publications/2025/03/global-debt-report-2025_bab6661e.html

²⁹³ UNCTAD. A World of Debt 2025: It Is Time for Reform. United Nations Conference on Trade and Development. <https://unctad.org/publication/world-of-debt>

Jumlah keseluruhan kos bencana alam di negara tersebut bagi tempoh 2015 hingga 2024 dianggarkan mencecah US\$1.4 trilion.²⁹⁴ Menurut Pertubuhan Meteorologi Dunia (World Meteorological Organization, WMO), dalam tempoh lima tahun akan datang, terdapat 80% kebarangkalian suhu global akan melebihi paras tahun 2024, yang merupakan tahun paling panas dalam rekod sejarah. WMO menjangkakan purata suhu global di permukaan bumi antara tahun 2025 hingga 2029 akan meningkat antara 1.2°C hingga 1.9°C lebih tinggi berbanding purata suhu yang direkodkan antara tahun 1850 hingga 1900.²⁹⁵ Kesan perubahan iklim yang semakin ketara kini memberi tekanan besar kepada produktiviti pertanian – termasuk penurunan hasil tanaman dan peningkatan risiko kegagalan tanaman – serta memburukkan lagi isu kesihatan awam. Di samping itu, beban sosial terhadap ekonomi berpendapatan rendah dan negara membangun semakin meningkat akibat perubahan iklim, memandangkan keupayaan fiskal mereka yang terhad untuk bertindak balas terhadap kejutan luaran seperti ini.

5.7 EKONOMI SINGAPURA DI TAHUN 2025


Selepas mencatat pertumbuhan kukuh KDNK benar sebanyak 4.4% pada tahun 2024, pertumbuhan ekonomi Singapura diunjurkan berada pada paras 1.7% pada tahun 2025. Eksport terus menjadi pemacu utama pertumbuhan negara tersebut, terutamanya selepas aktiviti pembelian awal (*frontloading*) di Amerika Syarikat meningkat susulan keputusan pilihan raya negara itu pada November 2024 – sekali gus mengekalkan permintaan luar yang kukuh serta momentum pelaburan sejak separuh kedua tahun 2024. Keadaan positif ini berterusan sehingga separuh pertama tahun 2025, menyokong pertumbuhan sektor pembuatan dan sektor tertuari di Singapura.

Eksport barangan mencatat pertumbuhan masing-masing sebanyak 3.6% dan 11.7% tahun ke tahun (y-o-y) bagi S1 2025 dan S2 2025, manakala import barangan meningkat sebanyak 6.2% dan 2.2% dalam tempoh yang sama. Momentum eksport yang kukuh ini didorong terutamanya oleh lonjakan permintaan awal (*front-loading demand spike*) daripada pengguna dan syarikat di Amerika Syarikat yang membuat persediaan terhadap pelaksanaan tarif baharu oleh negara tersebut.²⁹⁶

²⁹⁴ NOAA National Centers for Environmental Information. (2025). U.S. billion dollar weather and climate disasters: Time series. <https://www.ncei.noaa.gov/access/billions/time-series> (DOI: 10.25921/stew.7w73)

²⁹⁵ World Meteorological Organization. (2025, May 28). Global climate predictions show temperatures expected to remain at or near record levels in coming 5 years. WMO. <https://wmo.int/news/media-centre/global-climate-predictions-show-temperatures-expected-remain-or-near-record-levels-coming-5-years>

²⁹⁶ Ministry of Trade & Industry, Singapore. (2025). Economic Survey of Singapore: Second Quarter 2025. Retrieved from <https://www.mti.gov.sg/Resources/Economic-Survey-of-Singapore/2025/Economic-Survey-of-Singapore-Second-Quarter-2025>



Rajah 5.5: Unjuran Kadar Pertumbuhan KDNK Singapura (%), 2019–2030

Sumber: IMF; Monetary Authority of Singapore (MAS)

Walaupun Singapura menikmati hubungan dagangan yang amat baik dengan Amerika Syarikat, negara tersebut tetap tertakluk kepada tarif sejagat sebanyak 10%, yang kesannya telah mula dirasai melalui kelembapan eksport pada S3 2025. Sebagai contoh, eksport telah merosot pada bulan Julai dan Ogos 2025, dengan eksport domestik bukan minyak (NOEX) Singapura menurun sebanyak 11.3% tahun ke tahun (y-o-y) pada Ogos 2025.²⁹⁷ Namun begitu, memandangkan produk elektronik dikecualikan daripada tarif tersebut, eksport elektronik Singapura dijangka kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan dalam jangka masa pendek hingga sederhana.

Sektor pembuatan Singapura kekal sebagai tumpuan utama yang menunjukkan ketahanan, dengan output meningkat selama tiga belas bulan berturut-turut pada Julai 2025. Menurut data terkini Lembaga Pembangunan Ekonomi Singapura (EDB), jumlah output pembuatan meningkat sebanyak 7.1% tahun ke tahun (y-o-y) pada Julai 2025, manakala jika sektor bioperubatan yang tidak menentu dikecualikan, pertumbuhan output berada pada kadar kukuh iaitu 9.4% y-o-y. Pada bulan yang sama, kluster kejuruteraan pengangkutan (+15.8%), elektronik (+13.1%), dan kejuruteraan ketepatan (+9.6%) mencatat pertumbuhan tertinggi.

Bagi S3 dan S4 2025, unjuran pertumbuhan dijangka sederhana berikutan permintaan eksport daripada rakan dagangan utama Singapura menunjukkan tanda-tanda kelembapan. Ini dijangka menghasilkan kadar pertumbuhan sekitar 1.7% pada tahun 2025 (berbanding 4.4% pada 2024). Jangkaan pertumbuhan global, termasuk di Amerika Syarikat dan China yang lebih perlahan pada tahun 2026, akan terus memberi tekanan kepada ekonomi Singapura yang sangat bergantung kepada perdagangan, dengan pertumbuhan KDNK diunjurkan sekitar 1.9% pada tahun 2026.

²⁹⁷ Enterprise Singapore. (2025, September 17). Singapore's External Trade – August 2025 (MR No. 034/25). Retrieved from https://www.enterprisesg.gov.sg/resources/media-centre/media-releases/2025/september/mr03425_singapore-external-trade-august-2025

5.8 TINJAUAN MATA WANG KEPADA EKONOMI MALAYSIA

Pergerakan kadar pertukaran terus menjadi faktor utama yang mempengaruhi prestasi sektor luaran, kestabilan harga, dan aliran modal Malaysia. Dalam suasana ekonomi global yang berkembang secara sederhana dengan dasar monetari yang tidak sekata dan ketidaktentuan geopolitik yang berterusan, trajektori ringgit (MYR) kekal bergantung pada perkembangan mata wang utama, khususnya dolar Amerika Syarikat (USD) dan dolar Singapura (SGD). Pemahaman terhadap pergerakan bilateral ini amat penting bagi menilai daya tahan sektor luaran Malaysia, daya saing perdagangan, serta penjejaraan dasar monetari negara. Analisis berikut menghuraikan prospek jangka sederhana bagi kadar pertukaran USD/MYR dan SGD/MYR bagi tempoh 2025–2026.

	Penutupan semasa	Q4 2025	Q1 2026	Q2 2026	Q3 2026
USD/MYR*	30 Sep 2025	4.2050	4.1500	4.0800	4.0600
SGD/MYR**	6 Oct 2025	3.2600	3.2600	3.2700	3.2400

Jadual 5.1: Ramalan Kadar Tukaran Asing MYR Terhadap USD dan SGD

Sumber: *MUFJ Monthly Foreign Exchange Outlook; **UCB FX, Interest Rates & Commodities Forecasts

5.8.1 Ringgit Malaysia

Prospek kadar pertukaran USD/MYR bagi tempoh 2025–2026 dijangka kekal positif terhadap prestasi ringgit. Dengan kadar penutup semasa sekitar 4.2050 (30 September 2025), unjuran oleh kebanyakan penganalisis serantau menunjukkan potensi pengukuhan beransur-ansur ringgit sejajar dengan penyusutan tekanan dolar A.S. di peringkat global serta ketahanan asas makroekonomi Malaysia.

Laporan *Monthly Foreign Exchange Outlook MUFJ* bagi Oktober 2025 mengunjurkan USD/MYR pada sekitar 4.15 menjelang akhir 2025, dan seterusnya 4.08–4.06 menjelang pertengahan 2026. Unjuran asas ini mencerminkan jangkaan terhadap penyederhanaan nilai dolar A.S. berikutan pelarasan dasar Rizab A.S. (Fed), di samping faktor domestik yang menyokong seperti pelan penyatuan fiskal dan reformasi subsidi bersasar yang membantu mengurangkan risiko fiskal negara.

Dalam masa yang sama, ekonomi dan dasar monetari A.S. akan terus menjadi penentu luaran utama. Sekiranya Rizab Persekutuan melaksanakan pelonggaran dasar secara berperingkat tanpa kejutan dasar baharu, nilai dolar A.S. dijangka melemah sekali gus mewujudkan keadaan yang menyokong pengukuhan ringgit. Namun, sekiranya rangsangan fiskal A.S. diperkenalkan semula atau tarif perdagangan meningkat, kekuatan dolar mungkin kembali mengukuhkan kedudukannya dan memberi tekanan ke atas ringgit. Dalam konteks ini, trajektori ringgit akan ditentukan oleh kitaran dasar A.S., sentimen risiko global, dinamik aliran modal, serta keupayaan Malaysia melaksanakan dasar fiskal, subsidi dan pembaharuan struktur dengan berkesan.

Berdasarkan andaian ini, unjuran asas USD/MYR antara 4.15 pada akhir 2025 hingga sekitar 4.08–4.12 pada 2026 kekal munasabah. Walau bagaimanapun, prospek ini bersifat asimetri, di mana sebarang peningkatan ketara dalam ketegangan perdagangan atau pelaksanaan tarif baharu boleh meningkatkan risiko terhadap pertumbuhan global dan menyebabkan USD/MYR melonjak lebih tinggi, manakala pelonggaran dasar Rizab A.S. yang lebih pantas daripada jangkaan berpotensi mengukuhkan ringgit melebihi unjuran semasa.

5.8.2 Dollar Singapura

Prospek kadar pertukaran SGD/MYR bagi tempoh 2025–2026 dipengaruhi oleh perbandingan trajektori ekonomi dan dasar monetari Singapura berbanding Malaysia, di samping pergerakan umum dolar A.S. dan mata wang serantau. Pada masa ini, dolar Singapura (SGD) kekal berdaya tahan walaupun berdepan tekanan luaran terhadap mata wang Asia, disokong oleh penampunan makroekonomi yang kukuh, rizab serta kedudukan fiskal yang stabil. Dalam senario penyusutan nilai dolar A.S. secara beransur-ansur, SGD dijangka menyederhana dengan kadar yang lebih perlahan berbanding USD, sekali gus menyebabkan SGD/MYR meningkat sedikit, mencerminkan kelemahan ringgit berbanding SGD sepanjang tempoh unjuran.

Berbeza dengan kebanyakan bank pusat lain, Monetary Authority of Singapore (MAS) melaksanakan dasar monetari melalui *Singapore dollar nominal effective exchange rate (S\$NEER)*, iaitu satu sistem kadar pertukaran terkawal yang membenarkan mata wang tersebut berfluktuasi dalam julat dasar tertentu. Rangka kerja ini memastikan SGD kekal stabil dan kurang terdedah kepada penyusutan mendadak, menjadikan pergerakan SGD/MYR yang lazimnya lebih mencerminkan perubahan asas ekonomi Malaysia dan aliran modal serantau, berbanding turun naik dasar monetari Singapura itu sendiri.

Namun begitu, prospek SGD/MYR tidak kebal sepenuhnya terhadap kejutan luaran. Kenaikan kadar faedah A.S. yang mendadak atau pengukuhan semula dolar A.S. di peringkat global boleh mengukuhkan SGD berbanding MYR. Jika Singapura memperketat dasar monetari dengan lebih agresif, nilai SGD mungkin meningkat berbanding MYR dan seterusnya mengehadkan ruang penyesuaian mata wang Malaysia. Sebaliknya, jika Malaysia mencatat pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh atau melaksanakan dasar baharu yang menyokong pelaburan dan eksport, kadar SGD/MYR berpotensi menurun, mencerminkan pengukuhan ringgit.

Berdasarkan andaian ini, unjuran asas SGD/MYR antara sekitar 3.2600 pada akhir 2025 hingga 3.2600–3.2400 pada tahun 2026 dilihat munasabah, namun masih bergantung kepada perbezaan hala tuju dasar monetari, kejutan pertumbuhan ekonomi, dan ketidaktentuan luaran.

5.9 EKONOMI MALAYSIA PADA TAHUN 2025

Malaysia mengalami beberapa kejutan ekonomi pada tahun 2025, hasil daripada implikasi reformasi dasar fiskal yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan serta impak daripada tarif Trump sejak 2 April 2025. Namun begitu, Malaysia kekal berdaya tahan dan mengekalkan pertumbuhan yang sederhana jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN yang lain.

Tambahan pula, Malaysia memegang mandat sebagai Pengerusi ASEAN pada 2025. Kedudukan ini berpotensi merangsang pertumbuhan lebih mampan, disokong kedudukan diplomatik yang kukuh demi menjana prospek ekonomi yang stabil dalam mendepani cabaran-cabaran tersebut. Bank Dunia mengunjurkan bahawa ekonomi Malaysia bagi 2025 bakal berkembang 4.1% disebabkan ekonomi global yang perlahan, namun ia mencatatkan peningkatan berbanding unjuran 3.9% sebelumnya. Prestasi ini dipacu sektor E&E dan pemindahan tunai universal serta peningkatan pendapatan boleh guna. Kementerian Kewangan pula kekal dengan unjuran 4–4.8% didorong pertumbuhan domestik yang kukuh serta pelancongan tempatan.

Ekonomi Malaysia pada harga semasa dianggarkan bernilai RM488.2 bilion dan RM419.3 bilion pada harga malar pada ST2 2025. Ekonomi Malaysia bertumbuh 2.1% mengikut terma pelarasan musim pada ST2 2025. Dari segi penawaran, sektor perkhidmatan kekal pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara. Kesemua sektor mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan kecuali sektor perlombongan dan pengkuarian. Dari segi permintaan pula, perbelanjaan penggunaan akhir swasta meningkat 11.8% dan sektor awam meningkat 13.6% pada ST2 2025. Manakala, pembentukan modal tetap kasar (PMTK) berkembang 12.1% pada ST2 2025 (ST1 2025: 9.7%).

Pertumbuhan KDNK Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan pada 2025, meskipun menunjukkan sedikit isyarat kelembapan aktiviti ekonomi disebabkan krisis ekonomi global susulan pengumuman tarif Trump. Sepertimana dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Rajah 5.6 menunjukkan bahawa KDNK Malaysia bertumbuh sebanyak 4.4% pada suku tahun (ST) pertama 2025, dengan nilai KDNK RM415.3 bilion. Kadar pertumbuhan yang serupa direkodkan pada ST2 2025 sebanyak 4.4% (RM419.3 bilion), dengan peningkatan nilai KDNK sebanyak RM4 bilion.

Pertumbuhan mampan negara disokong oleh permintaan domestik berdaya tahan meskipun dihambat tarif timbal balas Trump, perbelanjaan isi rumah yang mampan hasil pasaran buruh dinamik, serta pelaksanaan dasar seperti kenaikan gaji minimum kepada RM1,700 dan gaji penjawat awam menerusi sistem SSPA. Barangan E&E dan struktur eksport yang dipelbagaikan juga menjadi tunjang prestasi ekonomi yang dinamik.

Jika dibandingkan secara QoQ, prestasi ekonomi ST1 2025 lebih berdaya saing berbanding tempoh yang sama pada 2024 dengan kenaikan pertumbuhan 0.2%. Prestasi ST2 2025 pula apabila dibandingkan dengan ST2 2024, dikira mencatatkan kemerosotan pertumbuhan KDNK yang amat dahsyat iaitu sebanyak 1.5%. Hal ini demikian kerana kebanyakan industri di Malaysia dan peringkat global mengalami kejutan ekonomi hasil pengumuman tarif Trump yang tidak menentu sepanjang tempoh ST2 2025 bermula April hingga Jun 2025. Impaknya, walaupun nilai KDNK tetap meningkat kepada RM419.3 bilion, pertumbuhan ekonomi dikira malap senasib ekonomi sedunia.



Rajah 5.6: Pertumbuhan KDNK Malaysia, 2022 – ST2 2025

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jika dibandingkan dengan prestasi ekonomi setiap suku tahun 2022, 2023 dan 2024, tahun 2022 mencatatkan permulaan trend pemulihan ekonomi pasca pandemik Covid-19 dengan kenaikan mendadak pertumbuhan KDNK pada ST3 2022 sebanyak 14.6%, tertinggi dalam tempoh empat tahun. Hal ini terjadi kesan daripada 'low-base' semasa pandemik Covid-19 berikutan kemerosotan ekonomi global dan kejutan Perang Rusia-Ukraine yang mengganggu rantaian bekalan negara dan menyebabkan krisis geopolitik antarabangsa serta krisis bahan mentah. Pada tahun 2023, pertumbuhan KDNK Malaysia kembali ke paras pertumbuhan normal sebelum Covid-19 dengan julat 2.8% pada ST4 hingga 5.7% pada ST1 tahun yang sama.

Pada 2024, keadaan ekonomi Malaysia berkembang makmur dengan nilai tertinggi KDNK per suku tahun tertinggi sepanjang empat tahun dicatatkan berturut-turut pada ST3 dan ST4 berjumlah RM420.4 bilion dan RM430.5 bilion. Keadaan ekonomi yang amat pesat didorong kebangkitan semula sektor-sektor utama negara seperti pembinaan, pembuatan, dan pertanian hasil anjakan paradigma dicetuskan oleh kerajaan MADANI menerusi dasar-dasar penanda aras Ekonomi MADANI, NETR, NIMP 2030, dan NSS.

Pertumbuhan ekonomi yang mampan di negeri-negeri terutama di Johor yang mengatasi pertumbuhan nasional 5.1% iaitu 6.4% didorong perkembangan pesat projek-projek infrastruktur berskala besar seperti pengenalan inisiatif JS-SEZ dan pembinaan RTS Link. Kejayaan ini menjadikan ekonomi domestik Malaysia kekal berdaya tahan memasuki ST1 dan ST2 2025, mendepani gelombang tarif dan ketidaktentuan ekonomi yang berpanjangan.

Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2025 menunjukkan bahawa dalam terma pendedahan hutang dan liabiliti kerajaan, kedua-dua aspek ini merangkumi RM1.69 trilion (84% daripada KDNK negara) pada ST2 2025 berbanding hanya RM1.63 trilion pada Disember 2024. Hutang negara yang menggunung ini berpunca daripada hutang Kerajaan Persekutuan, komitmen jaminan, obligasi kewangan hasil projek kerjasama awam-swasta serta inisiatif pembiayaan awam-swasta. Hutang luar juga meningkat 3.9% kepada RM1.4 trilion (69.6% daripada KDNK negara).

Lebihan akaun semasa dalam imbalan pembayaran menyusut kepada RM0.3 bilion atau 0.1% daripada pendapatan negara kasar (ST1 2025: 3.6%; RM16.7 bilion). Hal ini disebabkan oleh lebihan dalam akaun barangan yang lebih kecil meskipun akaun perkhidmatan dan akaun pendapatan mencatatkan defisit yang lebih rendah. Kerajaan Persekutuan terus menjamin bahawa imbalan Akaun Semasa (CAB) dan juga nisbah hutang kepada KDNK negara tetap terkawal, menerusi pelaksanaan dan pemantauan berterusan perbelanjaan negara yang berdisiplin hasil Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA) (Akta 850).

Laporan Prestasi Perbelanjaan Setengah Tahun 2025 keluaran Kementerian Kewangan turut merekodkan rizab antarabangsa negara setakat 30 Jun 2025 (ST2 2025) berjumlah AS\$120.6 bilion (RM510.1 bilion). Paras rizab ini cukup memadai untuk membiayai 4.8 bulan import barangan dan perkhidmatan, termasuk 0.9 kali jumlah hutang negeri jangka pendek.

Daripada 29 Langkah Cukai diperkenalkan dalam Belanjawan 2025, 21 Langkah Cukai berjaya dilaksanakan. Antaranya, semakan semula kadar Cukai Jualan dan peluasan skop Cukai Perkhidmatan (SST) dengan kadar 8% berkuat kuasa 1 Julai 2025. Juga, langkah peluasan asas cukai seperti semakan semula kadar eksais produk makanan bergula mengutip RM39.22 juta, semakan semula duti eksport minyak sawit mentah mencatat kutipan RM415.27 juta pada ST2 2025 memperlihatkan keberkesanan strategi dan disiplin fiskal negara yang berimpak tinggi.

Hasil Kerajaan Persekutuan pada ST1 2025 meningkat kepada RM147.6 bilion (6.1%) berbanding suku tahun yang sama pada tahun sebelumnya, disumbangkan hasil cukai lebih tinggi yang meningkat 12.4% (cukai langsung dan tidak langsung). Bagi prestasi perbelanjaan negara keluaran Jabatan Akauntan Negara Malaysia setakat ST2 2025 pula, prestasi Perbelanjaan Mengurus (OE) (Jumlah: RM155.3 bilion) dan Perbelanjaan Pembangunan (DE) (Jumlah: RM33.3 bilion) ialah sebanyak 44.8%. Prestasi mampan ini dipengaruhi oleh peningkatan perbelanjaan emolumen, caj khidmat hutang, caj persaraan serta subsidi dan bantuan sosial serta peningkatan dalam perbelanjaan pembangunan.

Bagi mendepani cabaran ketidakpastian ekonomi global, kerajaan Malaysia melaksanakan pelbagai inisiatif dalam 320 langkah proaktif Belanjawan 2025 seperti rasionalisasi subsidi diesel berperingkat, BUDI MADANI, penetapan tarif elektrik bersasar menerusi RP4, Sumbangan Tunai RAHMAH (STR), Sumbangan Asas RAHMAH (SARA) serta program komuniti SejaTi MADANI. Pelaksanaan rasionalisasi subsidi minyak RON95 dengan harga RM1.99 seliter menerusi mekanisme BUDI95 memberikan had 300 liter sebulan. Bagi membugar ekonomi pula, dasar negara yang progresif dilaksanakan antaranya NIMP 2030, NETR dan Akta EECA untuk mengawal penggunaan tenaga cekap serta Akta CCUS 2025 mendorong pertumbuhan ekonomi hijau. Kadar OPR juga turut diturunkan kepada 2.75% oleh Bank Negara Malaysia untuk mendorong semula pertumbuhan ekonomi domestik, mencatatkan penurunan buat kali pertama daripada 3.0% sejak tahun 2023.

Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) yang telah diluluskan pada ST3 2025 juga akan mentransformasikan pertumbuhan ekonomi negara agar lebih kompetitif dalam mengharungi pancaroba ekonomi pada 2026-2030. Ekonomi Malaysia secara umumnya akan beralih kepada industri bernilai tinggi serta pertumbuhan tinggi (HGHV), dengan fokus terhadap industri TVET dan kecerdasan buatan (AI).

5.9.1 Pelaburan

Menelusuri lipatan sejarah, Malaysia sangat proaktif dalam menarik pelaburan ke dalam negara, serta menghantar misi-misi pelaburan ke luar negara untuk mempelbagaikan portfolio ekonomi nasional. Pelaburan Langsung Asing (FDI) iaitu pelaburan dari negara luar di Malaysia dan Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negeri (DIA) seringkali menjadi indikator kejayaan ekonomi Malaysia di rantau ASEAN dan peringkat global. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) giat menerokai peluang pelaburan yang mendatangkan pulangan yang lumayan buat perbendaharaan negara.

Hasil daripada aktiviti pelaburan yang kian rancak, MIDA mengumumkan pada Januari hingga Jun (1H) 2025, Malaysia menarik pelaburan diluluskan berjumlah RM190.3 bilion. Dengan RM118.6 bilion menerusi pelaburan perkhidmatan, RM68.4 bilion bagi sektor pembuatan, serta RM3.3 bilion bagi sektor utama, prestasi ini merupakan lonjakan mendadak 18.7% berbanding 1h 2024. Pelaburan asing (FI) meliputi 56.1% jumlah pelaburan itu, disusuli 43.9% pelaburan domestik (DI). RM106.2 bilion (55.8%) daripada jumlah pelaburan diluluskan itu tertakluk di bawah skop pemantauan MITI dan MIDA.


Lima negara utama penyumbang FDI ialah Singapura berjumlah RM43.4 bilion, China (RM23.4 bilion), A.S. (RM10.4 bilion), Kepulauan British Virgin (RM6.6 bilion) dan Itali (RM3.3 bilion). Bagi pelaburan diluluskan tertinggi mengikut negeri, Johor mengungguli senarai ini dengan jumlah RM56 bilion, diikuti Selangor iaitu RM34.7 bilion serta Kuala Lumpur (RM30.1 bilion).

Menerusi kesemua sektor tersebut, sebanyak 3,011 projek pelaburan diluluskan yang dijangka menjana 89,294 peluang pekerjaan berkualiti. Malah, lebih baik lagi, Malaysia naik 11 anak tangga kepada kedudukan ke-23 berbanding kedudukan ke-34 dalam Kedudukan Daya Saing Dunia IMD 2025, walau dihambat ketidaktentuan ekonomi dunia. Manakala, bagi sektor-sektor berfokus di bawah Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA), sektor ini menyumbang RM88.3 bilion daripada jumlah pelaburan diluluskan, merangkumi 426 projek dan diunjur menghasilkan 33,891 peluang pekerjaan.

Pada 1H 2025, MITI dan MIDA menjatuhkan enam Misi Perdagangan dan Pelaburan (TIM) meliputi UAE, UK, Switzerland, India, Rusia, Arab Saudi, Singapura dan AS. Menjelang 31 Julai 2025, MIDA memudahkan 385 projek berpotensi, dengan nilai RM22.5 bilion. DOSM melalui Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Malaysia (IIP) merekodkan peningkatan aset bersih RM63.1 bilion pada akhir ST2 2025 (ST1 2025: RM37.8 bilion). Bagi jumlah aset kewangan pula, Ia mencatatkan nilai lebih tinggi iaitu RM2.56 trilion, dilmbangi RM2.50 trilion jumlah liabiliti dalam tempoh yang sama.

Secara umumnya, FDI meningkat sebanyak RM2.2 bilion, lantas mencecah RM1.002 trilion pada ST2 2025 jika dibandingkan dengan RM999.7 bilion pada ST1 2025. Sektor perkhidmatan kekal sebagai penerima tertinggi dengan nilai sebanyak RM547.8 bilion atau 54.7%, diikuti oleh pembuatan (RM385.4 bilion; 38.5%) dan perlombongan & pengkuarian (RM41.9 bilion; 4.2%). Tiga negara utama dengan jumlah FDI terbesar Malaysia ialah Singapura (RM260.0 bilion; 26.0%), Hong Kong (RM131.6 bilion; 13.1%) dan Amerika Syarikat (RM106.9 bilion; 10.7%). Benua Asia kekal penyumbang tertinggi FDI dengan nilai RM597.2 bilion merangkumi lebih 59% nilai FDI negara.

Prestasi Malaysia bagi DIA pula mencecah RM622.5 bilion berbanding RMM618.9 bilion pada akhir suku tahun sebelumnya. Prestasi ini disumbang oleh sektor perkhidmatan (RM462.1 bilion), diikuti sektor perlombongan dan pengkuarian (RM75.3 bilion) dan pertanian (RM44.9 bilion). Tiga destinasi utama DIA ialah Singapura (RM163.5 bilion atau 26.3%), disusuli Indonesia (RM69.2 bilion, 11.1%) serta Kepulauan Cayman (RM41.8 bilion, 6.7%).



Rajah 5.7: Nilai Pelaburan Luar dan Dalam Malaysia (RM Juta), ST1 2023 – ST2 2025
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Namun begitu, apabila dilihat menerusi sudut pandang arah aliran pelaburan, tahun 2025 menyaksikan kemerosotan kedua-dua aliran pelaburan keluar dan masuk negara, dengan mencatatkan prestasi terendah dalam tempoh tiga tahun. Rajah 5.7 menunjukkan FDI negara berada di paras terendah iaitu hanya mencatatkan pelaburan masuk sebanyak RM1.811 bilion sahaja pada ST2 2025. Ditambah teruk lagi, DIA negara mencatatkan penurunan sehingga mencapai angka negatif iaitu RM595 juta defisit aliran DIA Malaysia pada ST2 2025.

Prestasi FDI dan DIA Malaysia kedua-duanya telah mengalami fasa penurunan sejak ST4 2024 lagi, dan ST1 2025 juga mencatatkan pengurangan FDI daripada RM18,882 bilion pada ST4 2024 kepada RM15,566 bilion pada ST1 2025. Jika dibandingkan dengan ST2 tahun 2024, FDI mencatatkan peningkatan sebanyak lebih RM10 bilion. Manakala, DIA juga menurun daripada RM5,224 bilion kepada RM3,472 bilion sahaja ke luar Malaysia pada ST1 2025. Bagi prestasi FDI yang kian merosot, keadaan ini dipengaruhi suntikan ekuiti berterusan dan aliran masuk instrumen hutang.

Walaupun bagaimanapun, penyusutan ini diimbangi sedikit sebanyak oleh penghantaran pulang pendapatan yang lebih tinggi kepada syarikat induk di luar negeri. Aliran masuk FDI disalurkan ke sektor perkhidmatan terutama subsektor aktiviti kewangan, maklumat dan komunikasi serta aktiviti pusat data. Pelabur-pelabur utama hadir dari Singapura, Jepun dan UK. Aliran DIA juga dipengaruhi pencairan ekuiti dan instrumen hutang, terutama dari Indonesia, Arab Saudi dan Singapura.

Keseluruhan dinamik peristiwa ini jelas dipengaruhi implikasi tarif Trump dan ketidakpastian ekonomi global pada ST1 2025 dan ST2 2025. ST2 2025 memperlihatkan kesan langsung tarif itu, apabila pelabur-pelabur mula goyah keyakinannya untuk melabur di Malaysia, dan pelabur sedia ada mula mengalih pelaburannya ke negara lain yang lebih stabil ekonominya. Hal ini amatlah bertentangan jika dibandingkan dengan 2024 apabila Malaysia mencatatkan jumlah pelaburan bersih tertinggi dalam sejarah negara sebanyak beberapa kali. Setakat ST2 2025, keyakinan pelabur masih di tahap tidak memuaskan.

5.9.2 Perdagangan

Malaysia merupakan negara yang berorientasikan eksport. Perkembangan dan pembangunan negara ini amat bergantung kepada aliran dagangan keluar dan masuk untuk memacu pertumbuhan ekonomi. MITI dan MATRADE di bawah kelolaannya merupakan kementerian dan agensi utama negara yang mengepalai usaha untuk meningkatkan jumlah dan mutu perdagangan antarabangsa Malaysia ke arah yang lebih dinamik.

Bermula Jun 2024 hingga Jun 2025, perdagangan Malaysia mengalami keadaan surplus yakni eksport melebihi import, hasil dasar perdagangan yang serba mampan. Nilai eksport dan import Malaysia pada Januari hingga Jun 2025 pada Rajah 5.8 menunjukkan pola kenaikan dan penurunan yang amat ketara. Sepanjang tempoh separuh pertama (1H) 2025 ini, prestasi perdagangan Malaysia kekal kukuh mencapai nilai perdagangan, eksport dan import tertinggi direkodkan bagi tempoh ini. Perdagangan meningkat 4.8% kepada RM1.465 trilion berbanding 1H 2024. Eksport pula melonjak 3.8% kepada RM760.2 bilion dan import mencanak naik 5.9% kepada RM704.67 bilion, lantas merekodkan lebihan dagangan (surplus) sebanyak RM55.53 bilion.

Pada Januari 2025, eksport Malaysia melebihi import dengan jumlah RM122.8 bilion berbanding RM119.2 bilion nilai import negara. Meskipun eksport jatuh mendadak daripada RM138.6 bilion pada Disember 2024, hal ini masih menunjukkan eksport Malaysia berdaya saing, manakala prestasi import Malaysia menjelang 2025 masih stabil. Namun, Februari mencatatkan nilai eksport-import terendah Malaysia dalam tempoh lapan bulan dengan nilai RM118.2 bilion dan RM105.6 bilion (pengurangan RM4 bilion eksport dan RM14 bilion import berbanding Januari 2025). Hal ini dikeruhkan lagi oleh nilai pertukaran Ringgit kepada AS\$ yang melemah pada bulan tersebut.

Walaupun Mac 2025 mencatatkan peningkatan semula eksport-import negara, terutama eksport yang kian memulih mencatat rekod RM137.3 bilion yakni nilai eksport kedua tertinggi setelah Disember tahun lalu, eksport-import Malaysia melakar pola kemerosotan bermula April hinggalah Jun 2025 hingga mencecah angka eksport RM121.5 bilion dan RM113.1 bilion import. Trend penurunan yang kian meruncing ini jelas sekali dipengaruhi oleh tarif Trump yang menjejaskan aktiviti perdagangan antarabangsa.

Dengan adanya tarif timbal balas yang dikenakan terhadap Malaysia bermula April 2025 bertujuan mengurangkan defisit perdagangan AS-Malaysia, tarif tersebut meningkatkan kos mengeksport barangan Malaysia ke AS, yang mengurangkan permintaan terhadap barangan Malaysia oleh pengguna AS, yang merupakan antara rakan dagang terbesar Malaysia buat berdekad lamanya. Lantas, tindakan ini menjejaskan imbalan perdagangan Malaysia secara tidak langsung. Keadaan nilai RM yang tidak menentu di pasaran pula menyebabkan pasaran import negara tidak stabil dek dasar perdagangan antarabangsa yang terjejas teruk menerusi perang dagang AS-China yang tidak berkesudahan. Hal ini menekan rantaian bekalan Malaysia.

Pada bulan Jun 2025, Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM234.9 bilion menurut DOSM, penurunan 1.2% berbanding RM237.8 bilion pada Jun 2024. Eksport Jun 2025 menurun berbanding Mei 2025 berikutan eksport lebih rendah direkodkan di beberapa negeri utama industri negara seperti Johor (-RM3.3 bilion), Sarawak (-RM1.8 bilion), Kedah (-RM1.6 bilion), Selangor (-RM1.2 bilion), Terengganu (-RM743.0 juta), Kuala Lumpur (-RM491.4 juta), Pahang (-RM312.9 juta), Labuan (-RM277.3 juta), Perak (-RM209.0 juta) dan Negeri Sembilan (-RM54.7 juta). Namun, Pulau Pinang mencatatkan peningkatan RM4.9 bilion, Sabah (+RM414.3 juta), Melaka (+RM372.0 juta), Kelantan (+RM69.5 juta) dan Perlis (+RM2.9 juta).

Eksport negara menurun berpunca terutamanya oleh pengurangan eksport barangan perkilangan dan hasil galian; khususnya keluaran petroleum, gas asli cecair (LNG) dan petroleum mentah. Namun, ia diimbangi oleh peningkatan berterusan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, yang mencatatkan pertumbuhan dua digit pada Jun 2025, meneruskan momentum pertumbuhan bagi 15 bulan berturut-turut, ditambah pula pencapaian sejajar unjuran World Semiconductor Trade Statistics (WSTS) (pertumbuhan 11.2% dalam jualan semikonduktor global 2025) yang memperlihatkan kenaikan eksport jentera, kelengkapan dan peralatan serta barangan elektrik dan elektronik (E&E).

Import pada Jun 2025 pula meningkat 1.2% didorong peningkatan import di beberapa negeri yakni Pulau Pinang (+RM3.4 bilion), Johor (+RM1.5 bilion), Kuala Lumpur (+RM90.4 juta), Sabah (+RM254.5 juta), Perak (+RM108.0 juta), Labuan (+RM27.8 juta) dan Kelantan (+RM11.8 juta), di samping penurunan di beberapa negeri seperti Negeri Sembilan sebanyak RM1.3 bilion, Kedah (-RM980.0 juta), Melaka (-RM954.9 juta), Selangor (-RM903.4 juta), Pahang (-RM753.3 juta), Terengganu (-RM246.7 juta), Perlis (-RM87.2 juta) dan Sarawak (-RM16.9 juta).



Rajah 5.8: Nilai Eksport dan Import Malaysia (RM Bil), Jun 2024 – Jun 2025

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jun 2025 juga melakar sejarah apabila menjadi bulan ke-62 lebih dagangan berturut-turut direkodkan sejak Mei 2020, mencerminkan ketahanan berterusan perdagangan luar Malaysia. Dari segi destinasi, eksport ke rakan dagang utama seperti Amerika Syarikat (AS), Kesatuan Eropah (EU) dan Taiwan mencatatkan kenaikan. Peningkatan turut direkodkan ke Mexico, didorong terutamanya oleh eksport yang lebih tinggi bagi barangan E&E. Rakan dagang utama Malaysia iaitu ASEAN, China, AS, EU, dan Taiwan merangkumi 69% daripada jumlah perdagangan negara.

ASEAN selaku rakan dagang strategik Malaysia merangkumi 24.8% jumlah perdagangan Malaysia pada Jun 2025. Malah, empat rakan dagang utama Malaysia yang lainnya merekodkan pertumbuhan dagangan yang signifikan, antaranya Belanda, Republik Czech dan Perancis (bidang E&E) di EU dan industri E&E di Taiwan.


Meskipun dibelenggu tarif AS, MITI dan MATRADE giat memastikan ekosistem perdagangan kekal berdaya tahan. Mereka bertindak mempelbagaikan pasaran eksport, memperkukuh hubungan perdagangan melalui Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) bagi meluaskan rangkaian rakan dagangan seperti FTA Malaysia-Korea Selatan, ATIGA, RCEP, serta kerjasama ASEAN-GCC-China.

5.9.3 Permintaan Domestik

Pertumbuhan domestik yang kukuh di Malaysia pada ST2 2025 telah menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam ketidakpastian perdagangan global dan geopolitik dunia. Secara keseluruhannya, perbelanjaan penggunaan akhir swasta (PFCE) dan perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan (GFCE) Malaysia berjumlah RM307.1 bilion, yang mana PFCE merangkumi 83.4% daripadanya, dan bakinya sebanyak 16.6% dibelanjakan menerusi GFCE oleh pihak kerajaan Malaysia. Umumnya, perbelanjaan penggunaan akhir Malaysia meningkat 5.5% berbanding bb 4.9% pada suku tahun sebelumnya.

Rajah 5.9 menunjukkan prestasi perbelanjaan penggunaan akhir swasta (PFCE) dan perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan (GFCE) yang meningkat pada ST2 2025. PFCE bagi ST2 2025 ialah 5.3%, mencatatkan peningkatan 0.3% daripada 5.0% pada ST1 2025. Prestasi dan perkembangan ini dipacu oleh peningkatan penggunaan bagi kumpulan Restoran & Hotel, Pengangkutan dan Makanan & Minuman bukan alkohol. Tambahan pula, PFCE dalam terma pelarasan musim turut meningkat kepada 2.1% berbanding 1.5% pada suku tahun sebelumnya. Sejak ST1 2024, pola pertumbuhan PFCE menaik dan menurun bagi setiap tempoh dua suku tahun berturut-turut. Namun, bagi tahun 2025, meskipun dikekang ketidakpastian ekonomi dunia, pertumbuhan PFCE masih dalam julat yang memberangsangkan dan stabil.

Bagi GFCE pula, ST2 2025 menyaksikan peningkatan yang begitu mendadak sebanyak 6.4% berbanding 4.3% pada suku tahun sebelumnya. Hal ini demikian disumbangkan oleh peningkatan perbelanjaan kerajaan ke atas bekalan dan perkhidmatan. Bagi terma pelarasan musim, GFCE meningkat 1.4% berbanding 0.1% pada suku tahun sebelumnya. GFCE sejak ST1 2024 menunjukkan trend penurunan, namun kembali memakan belanja yang tinggi pada tahun 2025 untuk mengimbangi ketidakpastian global terutama pada ST2 2025.



Rajah 5.9: Permintaan Domestik (Perubahan %), ST1 2024 – ST2 2025

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

UOB Kay Hian Wealth Advisors menekankan bahawa projek di bawah RMK13, pelaburan infrastruktur dan jangkaan pengurangan kadar faedah oleh Rizab Persekutuan (Fed) Amerika Syarikat menyokong pengembangan ekonomi domestik yang berterusan. Unjuran penurunan kadar faedah Fed sekurang-kurangnya 50 mata asas (bps) boleh meningkatkan aliran masuk modal. Hal ini mampu menambah baik mudah tunai dan menyokong nilai Ringgit Malaysia. Manakala, kadar tarif 19% yang dikenakan oleh pentadbiran Trump terhadap Malaysia pada Ogos 2025 merupakan penurunan daripada kadar asal 25%. Perkembangan ini mampu mencerminkan usaha Malaysia ke arah menjamin kedudukan ekonomi domestik yang stabil.

Bank Muamalat Malaysia dalam analisis mereka turut menyatakan bahawa permintaan domestik masih berdaya tahan, terutamanya menerusi penggunaan dan pelaburan dalam sektor swasta. Dalam mengimbangi implikasi tarif Trump, langkah kerajaan MADANI untuk menyumbang peruntukan tambahan RM2 bilion bagi tujuan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) membantu menggalakkan permintaan domestik yang lebih tinggi. Bank Negara Malaysia turut bertindak proaktif dengan mengurangkan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) sebanyak 100 bps pada Mei 2025, dan menurunkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 bps daripada 3% kepada 2.75%, melakar sejarah penurunan buat kali pertama sejak 2023. Langkah-langkah ini menimbulkan keyakinan kepada para pelabur domestik, serta menambah aliran penawaran wang yang kukuh dalam ekonomi.


5.9.4 Harga Pengguna

Menurut Jabatan Perangkaan Negara, inflasi keseluruhan merujuk kepada kadar perubahan Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi keseluruhan "bakul" barangan dan perkhidmatan dalam pasaran. Inflasi ini mencerminkan corak perbelanjaan purata isi rumah Malaysia dan mengukur kos-sara hidup dengan lebih jelas. Inflasi keseluruhan mengambil kira semua item termasuk item harga tidak menentu seperti makanan segar dan bahan api serta barangan harga terkawal. Manakala, inflasi teras juga diukur berasaskan IHP tetapi ia mengecualikan item harga tidak menentu dan barangan harga kawalan.

Di pentas global, inflasi di kawasan Eurozone meningkat perlahan kepada 2% pada Jun 2025 berbanding 1.9% pada Mei 2025, manakala kadar inflasi di Amerika Syarikat mencanak naik kepada 2.7% pada bulan yang sama berikutan impak tarif Trump terhadap ekonomi domestiknya. Inflasi China pula meningkat kepada 0.1% berbanding -0.1% pada Mei 2025. Hal ini dipengaruhi konflik perang dagang AS-China yang masih tidak berkesudahan. Secara positifnya, kadar inflasi Malaysia (1.1%) di rantau Asia Pasifik lebih rendah berbanding Filipina (1.4%) dan Indonesia (1.9%).

Rajah 5.10 menunjukkan trend peningkatan inflasi keseluruhan Malaysia pada ST1 hingga ST2 2024. Namun, sejurus selepas itu ia terus konsisten mencatat angka penurunan sehinggalah ST2 2025. Inflasi teras pula menggambarkan ketidaktentuan apabila mencatatkan prestasi menaik dan menurun silih berganti sepanjang tempoh yang sama. Inflasi ST2 2025 meningkat perlahan kepada 1.3% berbanding ST1 2025 yakni 1.5%. Prestasi ini disumbang secara langsung oleh Kumpulan Restoran & Perkhidmatan Penginapan, 2.8% (ST1 2025: 3.3%); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain, 1.9% (ST1 2025: 2.3%); Rekreasi, Sukan & Kebudayaan, 1.0% (ST1 2025: 1.7%) dan Pengangkutan, 0.6% (ST1 2025: 0.7%).

Setakat bulan Jun 2025, inflasi keseluruhan berada pada paras 1.1%. Manakala, inflasi teras kekal 1.8%, angka yang sama direkodkan pada Mei 2025. Inflasi keseluruhan meningkat dengan kadar perlahan daripada 1.2% kepada 1.1%. Prestasi keseluruhan inflasi Malaysia pada 2025 ialah amat membanggakan jika dibandingkan dengan ST sama pada tahun sebelumnya. Namun begitu, jurang perbezaan antara inflasi teras dan inflasi keseluruhan tertinggi direkodkan pada Jun 2025 iaitu sebanyak 0.7%, jika dibandingkan dengan jurang 0.6% pada April dan Mei 2025. Hal ini berpunca daripada harga barangan yang tidak stabil berikutan krisis rantaian bekalan global pada ST1, hasil tarif Trump yang memacu tekanan inflasi. Disebabkan permintaan domestik yang meningkat hasil ketidaktentuan ekonomi global ini, permintaan tersebut mendorong kenaikan harga barangan secara keseluruhannya.



Rajah 5.10: Pergerakan Inflasi Keseluruhan dan Inflasi Teras, Jan 2024 – Jun 2025

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jika dilihat pada inflasi tanpa bahan api, inflasi Jun 2025 mencatatkan penurunan kepada 1.3% berbanding 1.4% pada Mei 2025. Inflasi di kawasan bandar kekal stabil pada 1.3% manakala inflasi luar bandar menurun lagi kepada 0.9% pada bulan yang sama. Bulan Jun 2025 turut menyaksikan peningkatan inflasi perlahan 1.1% didorong peningkatan lebih rendah seperti kumpulan Restoran & Perkhidmatan Penginapan meningkat 2.8% (Mei 2025: 3.0%); kumpulan Rekreasi, Sukan & Kebudayaan, 0.8% (Mei 2025: 0.9%); Pengangkutan, 0.3% (Mei 2025: 0.7%); dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah, 0.1% (Mei 2025: 0.2%). Beberapa kumpulan lain merekodkan kadar peningkatan sama seperti Makanan & Minuman (2.1%); Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (1.7%); Pendidikan (2.2%); Insurans & Perkhidmatan Kewangan (1.5%) dan Minuman alkohol & tembakau (0.6%). Hal ini mengimbangi inflasi keseluruhan daripada terus meningkat.

Namun, hanya dua kumpulan iaitu Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan, 4.2% (Mei 2025: 3.7%) dan Kesihatan, 1.2% (Mei 2025: 1.1%) yang merekodkan peningkatan lebih tinggi berbanding Mei 2025. Di samping itu, hanya kumpulan Maklumat & Komunikasi dan Pakaian & Kasut kekal berada dalam jajaran negatif pada -5.4% dan -0.3%.

Keseluruhannya, sebanyak 339 daripada 573 item (59.2%) merekodkan kenaikan harga dengan 10 item mencatatkan kenaikan melebihi 10% pada bulan Jun 2025. 192 item menunjukkan penurunan harga manakala 42 item kekal tidak berubah. Item kawalan kerajaan seperti petrol tanpa plumbum RON95, dan gas masak (tong) untuk kegunaan di rumah kekal sama sejak Mei 2025.

Dari segi harga diesel, harga di Semenanjung Malaysia menurun kepada RM2.78 seliter pada Jun 2025 berbanding RM2.99 seliter pada Jun 2024, juga purata harga Petrol tanpa plumbum RON97 menurun ke paras RM3.11 seliter. Penurunan ini seiring dengan penurunan harga minyak mentah Brent kepada AS\$71.45 setong. Sebanyak lima negeri merekodkan peningkatan melebihi atau sama dengan paras nasional iaitu Negeri Sembilan (1.6%), Selangor (1.6%), Johor (1.5%), Melaka (1.3%) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1.2%).

Bank Negara Malaysia juga melaporkan bahawa kredit kepada sektor swasta bukan kewangan meningkat 5.2% pada Jun 2025 (Mei 2025: 5.4%), berikutan pertumbuhan yang mantap dalam pinjaman terkumpul iaitu sebanyak 5.5%, manakala pertumbuhan bon korporat yang terkumpul menurun kepada 4.3% pada bulan yang sama. Hasil ketidaktentuan ekonomi global, Ringgit Malaysia mengukuh sebanyak 0.5% berbanding dolar AS, dengan kadar pertukaran efektif nominal (NEER) pada -0.2% (purata serantau; 0.3%), disokong oleh kelemahan berterusan dalam dolar AS berikutan pelaksanaan siri tarif timbal balas.

Inflasi Malaysia masih dalam keadaan yang terkawal jika dibandingkan dengan prestasi ekonomi sedunia. Namun, pelbagai kejutan ekonomi yang berlaku pada tahun ini hasil reformasi fiskal kerajaan seperti rasionalisasi subsidi petrol pada awalnya dan juga subsidi RON95 pada September 2025, ditambah pengembangan kategori barangan dikenakan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) 8% mampu meningkatkan kadar inflasi dan kos sara hidup. Kesemua langkah ini meski diunjur bermanfaat buat jangka masa panjang, tetapi mampu mendatangkan tekanan kewangan dalam jangka masa pendek.

5.9.5 Tenaga Buruh

Di peringkat antarabangsa, Forum Ekonomi Dunia (WEF) menerusi penerbitan Laporan Future of Jobs 2025 menggambarkan bahawa transformasi pasaran tenaga kerja Malaysia amatlah diperlukan. Tonggak utama pasaran buruh negara ditunjangi sektor teknologi, tenaga dan utiliti, dan menyasarkan untuk berfokus ke arah integrasi teknologi, tenaga hijau, peningkatan kemahiran tenaga kerja, RE, dan AI.

Menjelang 2030, 95% kemahiran kerja teras negara akan berubah melebihi purata global (83%). Dibandingkan dengan pemikiran analitik, kreatif, dan daya tahan yang menjadi fokus 2025 kini, 2030 diunjurkan untuk berfokus kepada kepakaran AI, keselamatan siber, dan literasi teknologi.



Rajah 5.11: Tenaga Buruh, Bekerja, dan Kadar Pengangguran, ST1 2023 – ST2 2025

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sepertimana yang digambarkan di Rajah 5.11, jumlah tenaga buruh Malaysia meningkat secara keseluruhannya pada 2025 jika dibandingkan berbanding dua tahun sebelumnya. ST2 2025 mencatatkan peningkatan tenaga buruh kepada 17.37 juta orang di Malaysia, daripada 17.23 juta pada suku tahun sebelumnya, dengan kadar pertumbuhan mampan sebanyak 0.8%. Peningkatan ini sinonim dengan kenaikan jumlah penduduk bekerja seramai 16.85 juta orang pada ST2 2025, mencatat peningkatan sebanyak 1.1 juta pekerja (peningkatan 0.9%) daripada 16.70 juta pada ST1 2025, dalam tempoh tiga bulan sahaja.

Sejumlah 76.1% penduduk bekerja pada ST2 2025 terdiri daripada pekerja, 17.6% daripadanya ialah bekerja sendiri, 3.7% golongan majikan, dan tidak dilupakan juga, 3.7% pekerja keluarga tanpa gaji. Perbandingan populasi bekerja menurut jantina memaparkan bahawa pekerja lelaki mempunyai komposisi lebih besar berbanding perempuan sepanjang tempoh ST1 2024 – ST2 2025, dan kedua-duanya menunjukkan pola peningkatan yang mampan. ST2 2025 merekodkan 10.65 juta pekerja lelaki berbanding 6.20 juta pekerja wanita, meningkat berbanding 10.55 juta pekerja lelaki dan 6.15 juta pekerja wanita pada ST1 2025.

Prestasi tenaga buruh dan penduduk bekerja yang memberangsangkan ini juga mempamerkan trend pertumbuhan positif menerusi perbandingan QoQ. Tenaga buruh dan penduduk bekerja ST2 2025 meningkat sebanyak lebih 400,000 tenaga buruh dan hampir 500,000 golongan bekerja berbanding ST2 2024. Sejak ST1 2023 sehingga mutakhir ini, tenaga buruh dan populasi bekerja menunjukkan trend peningkatan konsisten, diimbangi kadar pengangguran yang kian berkurangan. Hal ini menyerlah potensi pasaran buruh negara dalam mencipta peluang pekerjaan yang pelbagai dan mengisi jutaan kekosongan pekerjaan sama ada dalam sektor perkhidmatan, sektor mahir, separa mahir, teknikal, mahupun industri HGHV.

Bagi kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB), ST2 2025 mencatatkan 0.1% peningkatan berjumlah 70.8% tenaga buruh, berbanding 70.7% pada ST1 2025. KPTB tertinggi direkodkan di Selangor (78.0%), W.P. Putrajaya (75.5%), W.P. Kuala Lumpur (75.5%) serta Johor (71.8%). Hal ini demikian kerana sumbangan perkembangan industri-industri utama negara yang menawarkan banyak peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan, pembuatan, dan infrastruktur di kawasan bandar. KPTB berdasarkan kumpulan umur memperlihatkan lelaki berumur 35-44 tahun mencatatkan kadar tertinggi (97.9%) manakala perempuan berumur 55-64 tahun mencatatkan KPTB terendah (24.4%).

Nisbah guna tenaga kepada penduduk Malaysia meningkat sebanyak 0.2% dan 0.1% bagi kedua-dua lelaki dan perempuan, menjumlahkannya masing-masing sebanyak 81.0% dan 54.5% pada ST2 2025. Penduduk yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu juga menurun 1.4% kepada 241 ribu orang dalam ST yang sama.

Bagi menyemarakkan kesiapsiagaan pasaran buruh negara untuk berdaya saing mendepani arus Revolusi Perindustrian 5.0, majikan-majikan di Malaysia harus menangani cabaran jurang kemahiran, halangan peraturan, dan kesukaran mencipta daya tarik bakat berbanding negara luar. Kerjasama dasar awam dan inovasi sektor swasta (PPP) amatlah signifikan bagi menjayakan usaha menginovasikan sektor tenaga buruh negara.

Pada 9 September 2025, Dewan Negara meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Pekerja Gig 2025. Kelulusan RUU yang progresif tu yang dirangka oleh Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melakar sejarah untuk melindungi 1.2 juta pekerja gig Malaysia. Dengan adanya mekanisme khas membela hak dan kepentingan pekerja gig, majikan, tenaga buruh dan golongan bekerja lebih berani untuk bertindak secara inovatif dalam memperluas dinamik pasaran pekerjaan. Impaknya, Malaysia kini menjadi rujukan rantau ASEAN dan dunia dek pencapaian yang amat membanggakan ini.

Kombinasi RUU Pekerja Gig, disokong dasar-dasar perlindungan buruh serta potensi pemeteraian RUU Perdagangan Elektronik pada tahun 2026 akan memberi laba besar buat ekosistem tenaga buruh Malaysia khususnya.

5.9.6 Pengangguran

Selain daripada komposisi tenaga buruh dan golongan bekerja, Rajah 5.11 juga membandingkan kedua-dua komposisi itu dengan kadar pengangguran seluruh negara. Pada ST2 2025, kadar pengangguran menurun daripada 3.1% pada ST1 2025 kepada 3.0% (ST1: 526,300 penganggur, ST2: 520,900 ribu penganggur, penurunan 1% jumlah penganggur). Kadar ini merupakan kadar terendah sejak ST1 2023. Melalui perbandingan suku tahun sama tahun sebelumnya, kadar pengangguran menurun 0.2% daripada 3.2% pada ST2 2024.

Trend pengangguran sejak 2023 menunjukkan trend pengurangan yang serba konsisten, walaupun diselubungi prestasi mendatar pada ST2-ST4 2024, kadar pengangguran 2025 lebih menunjukkan impak positif berbanding dua tahun sebelumnya. Setakat bulan Jun 2025, Statistik Tenaga Buruh merekodkan kadar pengangguran kekal sama pada 3.0% seperti Mei 2025, dan bilangan penganggur menurun kepada 518,700 orang. Namun, bilangan penganggur meningkat pada bulan Julai, yang mana 521,600 orang menganggur.

Komposisi penganggur terbesar menurut jantina pada ST2 2025 ialah lelaki seramai 307.8 ribu orang (2.8%), dibandingkan dengan 213.1 ribu penganggur wanita (3.3%). Seramai 80.3% penganggur terdiri daripada penganggur aktif manakala 19.7% terdiri daripada penganggur tidak aktif. Perkara yang paling mengejutkan ialah kumpulan umur penganggur terbesar negara ialah golongan berusia 15-24 tahun, iaitu para belia dan majoriti terdiri daripada siswazah dan graduan, membentuk komposisi 286.5 ribu penganggur, meningkat daripada 281.7 ribu orang pada suku tahun sebelumnya. Hal ini dampak hasil pengangguran struktural kerana ketidakpadanan pekerjaan dengan kelayakan pengajian.

Malaysia juga tidak terlepas daripada impak pengangguran belia sedunia. Laporan Bakat Global ILO 2024 mencatatkan kadar pengangguran belia di Malaysia mencecah lebih 300,000 orang, ataupun 10% populasi belia negara. Kebangkitan kecerdasan buatan (AI) menimbulkan risiko penyisihan kerja bagi lepasan graduan Malaysia, dalam jangka masa panjang.

Kadar pengangguran tertinggi pada ST2 2025 dicatatkan di negeri Sabah sebanyak 6.2%, serta Wilayah Persekutuan Labuan (4.7%) dan Kelantan (4.4%). Memperlihatkan keadaan demografi penduduk dan jurang sosioekonomi yang kian melebar di negeri-negeri tersebut, keadaan ini mendesak reformasi institusi dan tenaga buruh untuk merapatkan jurang peluang pekerjaan, terutamanya dalam sektor berimpak dan bernilai tinggi (HGHV). Wilayah Persekutuan Putrajaya mencatatkan pengangguran terendah sebanyak hanya 1.4%, diikuti Pahang (1.8%), dan Selangor (1.9%).

Namun begitu, inisiatif yang dilaksanakan pihak kerajaan seperti Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) berjaya meningkatkan pekerjaan, mengurangkan pengangguran, dan membentuk tenaga buruh yang lebih dinamik serta berdaya tahan. Menurut DOSM, sebanyak RM20 juta telah dilaburkan untuk meningkatkan kemahiran 5,000 rakyat Malaysia menerusi program ini.

5.9.7 Luar Tenaga Buruh

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) mendefinisikan luar tenaga buruh sebagai mereka yang tidak dikelaskan sebagai pekerja atau menganggur. Contohnya, suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan menyambung pembelajaran), golongan bersara, golongan tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak minat mencari pekerjaan.

Laporan Survei Tenaga Buruh Suku Tahun Kedua (ST2) 2025 oleh DOSM melaporkan bahawa seramai 7.15 juta orang dikategorikan sebagai luar tenaga buruh pada ST2. Angka ini menunjukkan peningkatan luar tenaga buruh sebanyak 0.4% berbanding 7.13 juta orang pada suku tahun sebelumnya. Sebanyak tambahan 28.9 ribu luar tenaga buruh direkodkan pada ST2 2025.

Berbanding ST2 2024, bilangan luar tenaga buruh meningkat 2% (138.7 ribu orang). Komposisi utama golongan ini terdiri daripada perempuan sebanyak 69.3% bersamaan 4.96 juta orang, manakala lelaki pula meliputi 30.7% bersamaan 2.19 juta orang. Faktor utama luar tenaga buruh ialah kategori kerja rumah dan tanggungjawab keluarga sebanyak 3.18 juta orang, diikuti mereka yang bersekolah sebanyak 40.9% dan golongan sudah bersara sebanyak 8.8%.

Setakat bulan Julai 2025, jumlah luar tenaga buruh Malaysia menunjukkan trend peningkatan sebanyak 7.19 juta orang. Hal ini menimbulkan risiko ketidaksesuaian peluang pekerjaan yang ditawarkan dengan bidang pendidikan, serta risiko lesu upaya (brain drain) yang disebabkan oleh kadar gaji relatif Malaysia yang lebih rendah berbanding negara-negara serantau.

5.9.8 Kemiskinan

Sehingga Mac 2025, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) menerusi Statistik Status Kemiskinan Nasional melaporkan bahawa terdapat 384,565 Ketua Isi Rumah (KIR) yang diklasifikasikan sebagai miskin, yang mana 8,245 KIR dalam kategori miskin tegar, dan 376,320 KIR dikategorikan sebagai miskin. Etnik Melayu merupakan pecahan terbesar dalam KIR miskin meliputi 238,697 KIR, diikuti Bumiputera Sabah dan Sarawak (99,641 KIR) dan kaum India (22,695 KIR). Negeri Sembilan merupakan satu-satunya negeri yang mempunyai kadar miskin tegar sifar hasil usaha kerajaan dengan Dasar Sifar Miskin Tegar seluruh negara. Bagi negeri Johor, terdapat 12,367 KIR yang miskin diselaraskan oleh ICU (Miskin: 12,103 KIR, Miskin Tegar: 264 KIR).

Jadual 5.2 menunjukkan Purata Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) di Malaysia. PGK merupakan ukuran penting untuk menentukan keupayaan minimum isi rumah memenuhi keperluan asas, dan ia dikemaskini secara berkala bagi memastikan kerelevanan terhadap perubahan kos sara hidup. Secara keseluruhannya, PGK Malaysia meningkat daripada RM2,589 pada tahun 2022 kepada RM2,705 pada tahun 2024. Manakala, PGK Johor juga meningkat naik kepada RM2,857 daripada RM2,665 dalam tempoh yang sama. Bagi PGK Malaysia meningkat daripada RM2,342 pada 2022 kepada RM2,389 pada 2024, manakala Johor mencatat paras RM2,462 pada 2024 berbanding RM2,481 pada 2022.

Secara keseluruhan, peningkatan PGK di Malaysia dan Johor didorong oleh faktor-faktor seperti pemulihan ekonomi pasca pandemik, pertumbuhan pendapatan isi rumah serta pelaksanaan pelbagai bantuan bersasar seperti STR, SARA dan program eKasih yang membantu mengurangkan beban kos sara hidup golongan B40 dan M40.

	Bandar (RM)		Luar Bandar (RM)		Keseluruhan (RM)	
	2022	2024	2022	2024	2022	2024
Malaysia	2,660	2,794	2,342	2,389	2,589	2,705
Johor	2,665	2,857	2,481	2,462	2,627	2,775

Jadual 5.2: Purata Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) mengikut Negeri dan Strata, Malaysia, 2022 and 2024
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Umumnya, Indikator Kos Sara Hidup 2024 keluaran Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan bahawa insiden kemiskinan mutlak seluruh negara bertambah baik iaitu 5.1% pada 2024 daripada 6.2% pada 2022²⁹⁵. Hal ini kerana pemulihan semula ekonomi negara pasca Covid-19 membugar kembali taraf hidup rakyat kepada tahap yang lebih baik.

Secara purata, saiz isi rumah Malaysia ialah 3.7 orang pada 2024, mencatatkan pengurangan 0.1 orang berbanding 2019 sepertimana ditunjukkan dalam Jadual 5.3. Pengurangan ini mencerminkan peralihan gaya hidup isi rumah pasca Covid yang lebih berhemah dan cenderung mempunyai isi rumah lebih kecil dek kos sara hidup lebih tinggi. Hal ini turut dipengaruhi faktor migrasi luar bandar-bandar yang masih pesat berlaku. Bagi Johor pula, purata saiz isi rumah turut berkurang kepada 3.7 orang berbanding 3.8 orang dalam tempoh yang sama, mencatatkan kadar pengurangan yang sama juga.

	Purata Saiz Isi Rumah (Orang)		Purata Isi Rumah Miskin Mutlak (Orang)		Keseluruhan (RM)	
	2022	2024	2022	2024	2022	2024
Malaysia	3.8	3.7	5.3	5.2	2,589	2,705
Johor	3.7	3.6	4.8	5.0	2,627	2,775

Jadual 5.3: Purata Saiz Isi Rumah Keseluruhan, Miskin Mutlak dan Purata PGK mengikut Negeri, Malaysia, 2022 dan 2024
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari sudut kemiskinan, purata isi rumah miskin mutlak Malaysia menurun daripada 5.3 orang pada 2022 kepada 5.2 orang pada 2024, menunjukkan sedikit penyusutan saiz isi rumah dalam kumpulan berpendapatan rendah. Namun di negeri Johor, purata isi rumah miskin mutlak meningkat daripada 4.8 kepada 5.0 orang, menandakan bahawa kemiskinan di negeri tersebut lebih tertumpu dalam keluarga berbilang tanggungan dan mempunyai keperluan sara hidup yang lebih besar. Inisiatif kerajaan seperti rasionalisasi subsidi, kenaikan gaji minimum kepada RM1,700, bantuan bersasar seperti STR dan SARA, serta cadangan Dasar Gaji Progresif memainkan peranan penting dalam mengimbangi kesan saiz isi rumah terhadap kemampuan kewangan.

Sabah (17.7%) mempunyai insiden kemiskinan mutlak tertinggi pada 2024, manakala W.P. Putrajaya (0.1%) mempunyai kadar kemiskinan mutlak yang paling rendah. Negeri yang merekodkan insiden kemiskinan mutlak melebihi paras negara antaranya Kelantan (11.5%), Sarawak (8.4%) dan Kedah (8.5%).

	Bandar (%)		Luar Bandar (%)		Keseluruhan (%)	
	2022	2024	2022	2024	2022	2024
Malaysia	0.1	0.1	0.7	0.7	0.2	0.09
Johor	0.1	0.0	0.3	0.0	0.1	0.0

Jadual 5.4: Insiden Kemiskinan Tegar mengikut Negeri dan Strata, Malaysia, 2022 dan 2024
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

²⁹⁵ Sinar Harian (2025) HES 2024: Kadar kemiskinan tegar negara turun kepada 0.09 peratus. Tarikh capaian: 13 November 2025.


Manakala, Jadual 5.4 menunjukkan insiden kemiskinan tegar di Malaysia dan Johor kian berkurangan berjumlah hanya 0.09% dan 0.0% keseluruhannya pada 2024, penurunan yang baik berbanding 0.2% dan 0.1% pada 2022. Meskipun Covid-19 menyebabkan kemerosotan ekonomi yang meninggalkan impak yang berkecuan, kadar miskin tegar yang kian menurun menunjukkan aspirasi Malaysia untuk membasmi miskin tegar. Hal ini kerana kerajaan MADANI menerusi Rancangan Malaysia ke-13 dan Belanjawan 2026 meletakkan dasar "Menaikkan Siling, Menaikkan Lantai" untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dengan mengeluarkan mereka daripada rantai kemiskinan.

5.9.9 Ekonomi Malaysia pada Tahun 2026

Ekonomi Malaysia dijangka berkembang pada kadar sederhana pada tahun 2026. Hal demikian lantaran ketidakpastian perdagangan sedunia yang kian meruncing dan permintaan luaran yang perlahan. Pertumbuhan ekonomi Malaysia didorong permintaan domestik yang berdaya tahan terutamanya disumbang pelaburan swasta, pekerjaan stabil dan langkah peningkatan pendapatan. Misalnya, langkah bantuan tunai bersasar dan kenaikan gaji penjawat awam mendorong perbelanjaan isi rumah yang lebih meluas.

Manakala, dengan adanya peluncuran Tahun Melawat Malaysia 2026 (Visit Malaysia 2026), sektor pelancongan dijangka memacu nadi pertumbuhan ekonomi negara. Ditambah pula, RMK13 yang telah dilancarkan bakal mempertingkatkan pelaburan awam, peningkatan DDI oleh GLIC menerusi program GEAR-Up serta merencanakan projek-projek pembangunan yang strategik. RMK13 memperkasa sektor HGHV meliputi peluang teknologi digital, pembuatan termaju, semikonduktor, tenaga boleh baharu dan perkhidmatan berasaskan AI.

Rajah 5.20 menunjukkan hubungan antara KDNK Malaysia diukur pada harga malar 2015 dengan pertumbuhan KDNK nasional serta unjurannya. KDNK Malaysia menunjukkan trend peningkatan yang konsisten dan berdaya tahan pasca Covid-19. Maka, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) mengunjurkan KDNK Malaysia 2025 bertumbuh pada kadar 4.5%, jatuh 0.6% hasil ketidakpastian ekonomi global disebabkan oleh pengenaan kadar tarif Trump yang berubah-ubah pada seluruh tahun 2025. Nilai KDNK Malaysia diunjur mencecah angka RM 1.72 trilion.



Rajah 5.12: Ramalan (2026) Nilai (RM Trilion) dan Pertumbuhan (%) KDNK Malaysia

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Ramalan Kementerian Kewangan Malaysia, Ramalan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)

Tahun 2026 juga bakal menyaksikan pelaksanaan tahun pertama dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13). Laporan Tinjauan Ekonomi 2026 dan Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2026 menjangkakan bahawa RMK13 bakal memacu ekonomi negara didorong oleh perbelanjaan swasta dan awam, mempertingkatkan aliran masuk pelaburan diluluskan. Tidak cukup dengan itu, pelaksanaan RMK13 yang efisien bakal mempercepat projek infrastruktur dan pengembangan dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan.

Belanjawan 2026 yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim pada Oktober 2025 mengutamakan pengukuhan sumber pertumbuhan domestik, mempelbagaikan pasaran eksport dan meluaskan pendapatan isi rumah. Peruntukan Belanjawan berjumlah RM419.2 bilion, iaitu pengurangan RM2 bilion berbanding RM421 bilion pada tahun 2025, terdiri daripada perbelanjaan mengurus (OE) sebanyak RM338.2 bilion, dan perbelanjaan pembangunan (DE) sebanyak RM81 bilion. DE dalam belanjawan ini menurun berbanding RM86 bilion berbanding belanjawan sebelumnya.

Melalui Belanjawan ini, kerajaan MADANI giat memacu konsolidasi fiskal dengan memperbaharui Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (FRA) dan Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028. Kerajaan juga memperkenalkan rang undang-undang seperti Akta Perolehan Kerajaan, Akta State-Owned Enterprises, Akta Ombudsman dan Akta Kebebasan Maklumat. Reformasi tatakelola ini dijangka mengurangkan ketirisan sumber awam, memulihkan keyakinan pasaran dan memantapkan usaha reformasi institusi. Akta ILTIZAM Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025 (Akta 867) juga diperkasa untuk mengurangkan kerenah birokrasi serta mengangkat budaya 'ease of doing business'.

Hasil Kerajaan Persekutuan dijangka lebih tinggi pada 2026, kadar pengangguran pula kekal stabil pada angka 3.0%, serta defisit keseluruhan fiskal negara lebih mengecil hasil konsolidasi fiskal kerajaan MADANI yang berterusan. Impaknya permintaan dalam negeri diramal untuk kekal mampan dan sektor luaran pula memacu prestasi yang sederhana.

Dasar-dasar utama negara kini seperti NIMP 2030, NETR, NSS, Pelan KL20, Pelan Tindakan AI Kebangsaan (NAIO), dan Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) memacu ekonomi domestik dengan mengekalkan momentum pertumbuhan tahun 2025, meskipun dihambat ketidakpastian tarif AS. Tambahan lagi, pembangunan koridor-koridor pembangunan wilayah dan sektor khas seperti PMKS, pendigitalan, Kewangan Islam dan Ekonomi Halal diramal semakin rancak.

5.10 EKONOMI NEGERI JOHOR PADA TAHUN 2025 DAN 2026

Rajah 5.13 menunjukkan bahawa KDNK Johor pada 2025 diunjurkan bertumbuh antara 6.0 hingga 6.5%. Dengan struktur ekonomi yang sedang mengalami ketidaktentuan akibat krisis geopolitik dan perang dagang terutamanya kesan langsung tarif timbal balas Trump, ekonomi negeri berada diambang ketidaktentuan dan kemerosotan kecil. Sekiranya cabaran ini ditangani, ekonomi negeri Johor dianggarkan akan terus berkembang atas sebab kesan jangka panjang dari pelaburan yang tinggi pada sekitar tahun 2024 dan 2025. Pelaburan ke atas sektor-sektor industri penting seperti pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan memberikan anggapan bahawa ekonomi negeri Johor akan kekal positif pada tahun 2025.



Rajah 5.13: Unjuran 2025 dan 2026, Nilai (RM Juta) dan Pertumbuhan (%) KDNK Negeri Johor.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Unjuran BPER Johor

Manakala, bagi tahun 2026, pertumbuhan KDNK Johor naik mendadak kepada antara 7.3% hingga 7.8%. Prestasi positif ini dijangka dipacu oleh peningkatan dalam pelaburan dalam zon ekonomi khas JS-SEZ serta penyelarasan operasi perniagaan dan aktiviti ekonomi di daerah-daerah Johor seperti Johor Bahru, Segamat dan Kulai dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan termasuk ekonomi digital. Disokong dasar ekonomi mampan dan momentum pertumbuhan sektor-sektor ekonomi Johor, peningkatan ini melambangkan fasa pemulihan buat struktur ekonomi Johor setelah mendepani impak tarif Trump pada 2025.

5.10.1 Perkembangan Sektor-Sektor Ekonomi

Secara umumnya, kesemua sektor-sektor ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang positif dan boleh dibanggakan pada ST2 2025. Namun, hanya sektor perlombongan dan pengkuarian yang mencatat peratusan penurunan yang agak ketara dek kelembapan ekonomi dan pengurangan permintaan global. Walaupun krisis ekonomi global pada 2025 hasil kemelut geopolitik antara besar-besarnya menjejaskan aktiviti ekonomi dan perdagangan sedunia, ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan hasil kepelbagaian eksport, serta pertumbuhan sektor-sektor ekonomi domestik, termasuk ekonomi Johor.

Jika dirujuk kepada ST2 2025, sektor perkhidmatan negara bertumbuh 5.1% berbanding 5% pada suku tahun sebelumnya. Manakala, sektor ini meningkat 2.3% pada ST2 2025 mengikut terma pelarasan musim berbanding hanya 0.7% pada ST1 2025. Prestasi sektor ini amat memberangsangkan dipacu oleh peningkatan dalam subsektor perdagangan borong dan runcit (bertumbuh 4.3%), terutamanya segmen perdagangan borong dan runcit. Subsektor pengangkutan dan penyimpanan, makanan & minuman dan penginapan kesemuanya bertumbuh sebanyak 8.6% dan 9%. Jumlah nilai ditambah sektor perkhidmatan ialah RM250.7 bilion, dengan perdagangan borong dan runcit meliputi 29.1% komponen perkhidmatan Malaysia, disusuli perkhidmatan kerajaan (15.4%) dan utiliti dan perkhidmatan lain (12.5%).

Sektor utama Malaysia yang terdiri daripada sektor pertanian serta perlombongan dan pengkuarian pula mencatatkan prestasi yang berbeza. Dengan pertumbuhan yang amat pesat, sektor pertanian meningkat 2.1% pada ST2 2025 daripada 0.7% sahaja pada ST1 2025. Pertumbuhan sebanyak 4% pula dicatatkan bagi terma pelarasan musim. Pertumbuhan yang dinamik ini dipengaruhi oleh subsektor kelapa sawit yang pulih 5.3% berbanding -3.1% pada ST1 2025. Pertanian lain pula bertumbuh 2%, ternakan pula meningkat dalam kadar yang berkurangan yakni 1.5% berbanding 2.5% suku tahun sebelumnya. Namun begitu, subsektor getah, perhutanan & pembalakan, perikanan laut dan akuakultur menyusut pada ST2 2025. Meliputi RM25.7 bilion nilai ditambah, sektor pertanian negara masih kekal didominasi kelapa sawit (37.3%), pertanian lain (29.9%), dan ternakan (16.4%) yang mana ketiga-tiga subsektor ini merupakan pemangkin sumber asas tani negara berdekad lamanya.

Bagi sektor perlombongan dan pengkuarian pula, ia kekal mencatat penyusutan 5.2%, malah terma pelarasan musim juga mencatatkan pertumbuhan yang lembap juga dengan kemerosotan sebanyak 5.5%. Hal ini demikian kerana subsektor gas asli menurun 8.1% berbanding -2.2% pada ST1 tahun yang sama, diikuti minyak mentah dan kondensat jatuh 1.6%, subsektor perlombongan lain & pengkuarian serta perkhidmatan sokongan pula menyusut 2.9%. Disebabkan permintaan global melemah dan penawaran gas asli yang tidak tentu di peringkat global, kesemua komponen sektor ini menerima implikasinya.

Sektor industri Malaysia yang dipacu oleh sektor pembinaan dan pembuatan pula merekodkan pencapaian yang begitu memberangsangkan setakat ST2 2025. Sektor pembinaan negara berkembang pesat 12.1%, walaupun berkurang daripada 14.2% pada ST1 2025, hasil permintaan yang merosot. Bagi terma pelarasan musim, sektor ini melonjak naik 5.2% pada ST2 2025 berbanding 1.1% suku tahun sebelumnya. Pertumbuhan yang kian positif didorong prestasi mantap buat kesemua segmen terutama bangunan bukan kediaman (pertumbuhan dua digit 17%), aktiviti pembinaan pertukangan khas (meningkat 10.6%), kejuruteraan awam (meningkat 9.4%), serta bangunan kediaman juga meningkat dengan pertumbuhan dua angka (12.2%). Nilai ditambah sektor pembinaan Malaysia mencecah jumlah RM18.1 bilion.

Melihat kepada sektor pembuatan pula, sektor ini bertumbuh 3.7% pada ST2 2025 berbanding 4.1% pada ST1 2025, pengurangan 0.4%. Bagi terma pelarasan musim, sektor ini meningkat 2.1%. Prestasi ini didokong oleh produk elektrik, elektronik dan optikal yang meningkat 7.3% hasil permintaan global yang masih berdaya tahan. Hal ini kerana semikonduktor dan produk E&E masih terkecuali daripada tarif Trump. Minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan dan pemprosesan makanan meningkat 11.8%, produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka turut meningkat 3.8%. Namun, produk tekstil, pakaian, kulit, disusuli pula produk petrolleum, kimia getah dan plastik, serta peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan mencatatkan penurunan pada ST2 2025. Tidak dilupakan juga, sektor pembuatan mencatatkan nilai ditambah kedua tertinggi negara yang melonjak prestasi sektor industri negara ke arah industri HGHV menjelang 2030, dengan nilai ditambah RM96.9 bilion, menyusuli sektor perkhidmatan sahaja.

Keseluruhannya, kesemua sektor kecuali perlombongan dan pengkuarian mencatatkan prestasi yang amat membanggakan dan membawa impak positif kepada ekonomi Johor, yang dianggap kekal berdaya saing di peringkat nasional.

5.10.2 Unjuran KDNK Negeri Johor dan KDNK per Kapita bagi Tahun 2025 dan 2026

Jadual 5.5 menunjukkan bahawa menjelang 2025, jumlah penduduk Johor bakal mencatatkan peningkatan 0.5% kepada 4.21 juta orang dan 4.29 juta orang pula pada tahun 2026. Lantas ia akan mencatatkan peningkatan 0.5% dan 2% masing-masing berbanding tahun-tahun sebelumnya. Lantaran itu, pola peningkatan ini bersesuaian dengan trend peningkatan ekonomi Johor dan merancakkan ekonomi Johor apabila jumlah ke ekonomi negeri meningkat dari masa ke masa. Malah, Johor masih mendukung aspirasi nasional yakni Dasar Kependudukan Negara untuk menggapai jumlah penduduk negara berjumlah 70 juta orang menjelang tahun 2060, bagi menggalakkan pertumbuhan produktiviti negara lebih memberangsangkan.

Petunjuk	Nilai (Tahun)			Pertumbuhan (%)		
	2024	2025 (Unjuran)	2026 (Unjuran)	2024	2025 (Unjuran)	2026 (Unjuran)
Penduduk ('000)	4,184.40	4,205.90	4,290.00	1.9	0.5	2.0
KDNK (Harga 2015) (RM Juta)	158,017.20	167,518-168,236	179,774-181,352	6.4	6.0-6.5	7.3-7.8
KDNK (Harga Semasa) (RM Juta)	187,385.80	203,196 - 204,514	224,056 - 226,947	9.0	8.4-9.1	10.3-11.0
KDNK Per Kapita (Harga 2015) (RM)	37,763.41	39,829 - 40,000	41,905 - 42,273	4.4	5.5-5.9	5.2-5.7
KDNK Per Kapita (Harga Semasa) (RM)	44,782.20	48,312 - 48,626	52,227 - 52,901	7.0	7.9-8.6	8.1-8.8

Jadual 5.5: Ringkasan Pertumbuhan KDNK Negeri Johor

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unjuran BPEM Johor

Maka, impaknya, KDNK Johor berdasarkan harga malar 2015 dianggarkan meningkat kepada RM167,518 – RM168,236 juta pada tahun 2025 dan meningkat lebih tinggi lagi kepada RM179,774 – RM181,352 juta pada tahun 2026. KDNK pada harga semasa juga meningkat dari RM187,386 pada tahun 2024 seperti dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan diunjurkan melonjak ke RM203,196 – RM204,514 juta pada tahun 2025 dan RM224,056 – RM226,947 pada tahun 2026. Peningkatan tahun 2025 amat memberangsangkan meskipun dilanda tarif Trump dan aktiviti ekonomi yang kian perlahan, malah 2026 mencatatkan peningkatan memberangsangkan hasil pemulihan ekonomi pasca perang dagang serta perkembangan dan penerusan momentum projek-projek infrastruktur berimpak tinggi di Johor demi memenuhi agenda pembangunan Maju Johor 2030 dan dipacu juga secara konsisten oleh aktiviti rancak di zon khas JS-SEZ dan FC-SFZ.

Tambahan lagi, hasil daripada pertambahan penduduk yang diunjur-kan mencanak naik di Johor serta aktiviti pesat yang mendorong ekonomi setempat, KDNK per kapita bagi Johor mencatatkan kenaikan dari segi nilai dari tahun ke tahun dari tahun. Hal ini didorong oleh pelaburan pada tahun-tahun akan datang dalam bidang dan projek flagship serta keutamaan yang diberikan dalam fokus utama sektor ekonomi seperti sektor perkhidmatan dan pembuatan.

Pada tahun 2026, hasil pemulihan dan momentum ekonomi dijangka terus berprestasi baik mencapai RM179,774-RM181,352 juta manakala KDNK per kapita (harga malar meningkat kepada RM41,905 - RM42,273 per individu dalam setahun, meningkat 5.2-5.7%. KDNK per kapita (harga semasa) turut meningkat daripada RM48,312 - RM48,626 pada tahun 2025 kepada RM52,227 - RM52,901 pada tahun 2026. Peningkatan KDNK per kapita terutamanya berpunca daripada peluang pekerjaan yang terbuka dengan meluas dalam pekerjaan yang memerlukan kemahiran tinggi dalam sektor perkhidmatan dan juga sektor pembuatan untuk aktiviti pembuatan bernilai tinggi yang serta menawarkan gaji lumayan. Meskipun tidak separas dengan pertumbuhan bersejarah 6.4% pada 2024 yang memacu KDNK Johor melebihi KDNK Malaysia, KDNK per kapita Johor yang menjadi indikator asas kepada taraf hidup individu Johor menunjukkan trajektori ke arah kemajuan semula ekonomi domestik negeri yang kekal berdaya tahan walau ditekan ancaman luar. Hasilnya, agenda Maju Johor 2030 kekal berada pada landasan yang terbaik untuk dilaksanakan oleh kesemua pihak berkepentingan.

5.10.3 Unjuran Kadar Inflasi Negeri Johor bagi Tahun 2025 dan 2026

Setakat Ogos 2025, kadar inflasi negeri Johor mencatatkan nilai 2.0% mengikut angka DOSM. Kadar ini mengatasi paras nasional. Hal ini dipengaruhi oleh pembangunan Johor yang kian pesat terutama dalam pembangunan koridor ekonomi JS-SEZ, serta kerancangan pembangunan hartanah di wilayah Johor Bahru dan JS-SEZ. Natijahnya, keadaan ini menggalakkan warganegara Singapura yang mempunyai kedudukan mata wang SGD yang lebih kukuh berbanding Ringgit untuk menyewa unit kediaman di negeri Johor. Situasi ini menyebabkan para pemain industri hartanah Johor bertindak menaikkan harga rumah-rumah lantas mencetuskan inflasi dan kenaikan kos sara hidup di pasaran.

Maka, kadar inflasi di negeri Johor pada tahun 2025 dan 2026 diunjur bakal menyederhana dalam julat 1.3%-2.1% pada 2025 dan 1.4%-2.2% pada 2026. Julat inflasi ini mengambil kira ketidaktentuan harga pasaran global dan rantaian bekalan negeri berpunca daripada krisis ekonomi, serta ralat nilai antara inflasi keseluruhan dan inflasi teras negeri.

Kadar inflasi Johor diunjurkan untuk kekal stabil dipengaruhi bakul makanan dalam kesemua 11 kategori utama yang diterjemahkan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) Johor. Unjuran ini melambangkan inflasi yang masih sederhana dan selari dengan anggaran nasional pada kedua-dua tahun mendatang, hasil permintaan domestik yang kekal kukuh, prestasi Ringgit yang menunjukkan pertumbuhan positif menjelang ST3 dan ST4 2025 berbanding Dojar AS, serta kos per unit barangan yang kekal stabil.

Namun, adalah dianggarkan bahawa inflasi bagi kategori Makanan dan Minuman apabila dirujuk IHP tanpa bahan api masih mengekalkan peningkatan mendadak mengikut trend kebangsaan, disusuli subkategori lain seperti restoran, Elektrik, air, gas dan bahan api lain. Hal ini dijangka akan berlaku hasil rasionalisasi subsidi RON95 dan BUDI MADANI yang menghadkan kapasiti 300 liter minyak yang boleh diisi pada kadar RM1.99 seliter. Natiujahnya, kos overhead bagi sesetengah PMKS, golongan B40 dan M40 akan mencanak naik, hasil kos minyak yang menjadi nadi bagi keperluan logistik mereka. Industri berat yang banyak berpusat di Johor juga akan menerima implikasinya pada jangka masa panjang.

Dipacu projek-projek infrastruktur berfokus di kawasan JS-SEZ, Iskandar Malaysia dan FC-SFZ, aktiviti ekonomi yang rancak di sembilan kawasan penanda aras utama ini berpotensi meningkatkan permintaan dan penawaran domestik terhadap barangan dan perkhidmatan Johor antaranya LRT Bukit Chagar-Woodlands yang menghampiri 90% fasa pembinaannya, aliran ART Johor Bahru serta pelengkapan kemudahan infrastruktur pengangkutan FC-SFZ. Lantas, inflasi juga bakal menunjukkan trend peningkatan semula pada 2026 hasil momentum perkembangan koridor-koridor ekonomi yang kian diperhebat ini.


5.10.4 Unjuran Pertumbuhan Sektor-Sektor Ekonomi Negeri Johor bagi Tahun 2025 dan 2026

Kesemua sektor ekonomi negeri Johor diunjurkan mencatatkan pertumbuhan yang positif menjelang tahun 2025 dan 2026. Bagi sektor perkhidmatan, sektor ini dijangka kekal menjadi penyumbang terbesar kepada dinamika dan prestasi pembangunan ekonomi Johor buat 2025 dan 2026. Rajah 5.14 menunjukkan bahawa peratus sumbangan sektor perkhidmatan Johor dianggarkan mencecah 55.0% daripada KDNK negeri Johor pada 2025, peningkatan 1.1% berbanding 53.9% pada tahun 2024. Pada tahun 2026 pula, trajektori pertumbuhan mampan ini dijangka berterusan dengan sumbangan nilai ditambah berjumlah 55.3% berbanding KDNK Johor, peningkatan 0.3% berbanding tahun sebelumnya.

Kek ekonomi yang kian besar diliputi sektor perkhidmatan didorong terutamanya oleh peluasan skop perkhidmatan kewangan dan perniagaan di FC-SFZ dengan insentif-insentif khas buat penawar perkhidmatan tersebut. Hal ini juga disokong dengan momentum JS-SEZ yang baharu sahaja dimeterai perjanjiannya pada bulan Januari 2025, yang menawarkan kemudahan dan perkhidmatan pelbagai di sembilan zon yang berbeza. Tahun Melawat Johor 2026 juga bakal menjadi pemacu utama transformasi sektor perkhidmatan pada tahun 2026, lantaran itu melonjakkan semula nilai ditambah sektor ini berbanding 2025.

Sektor kedua terbesar penyumbang kemajuan ekonomi Johor iaitu sektor pembuatan diunjur menyederhana sedikit 0.6% kepada 28.5% daripada KDNK Johor keseluruhannya pada 2025. Pencapaian ini sedikit terjejas menjelang 2026 apabila sumbangan nilai ditambah sektor ini menurun kepada 27.6%, merekodkan penurunan 0.9%. Penurunan peratusan sumbangan nilai ditambah ini diimbangi kenaikan peratusan sumbangan sektor perkhidmatan yang semakin mengukuh dan mengambil tempat lebih besar pada tahun 2025 dan 2026. Sektor perkhidmatan semakin menjadi fokus dalam negeri Johor seiring dengan agenda pembangunan negeri yang menengahkan aktiviti yang lebih bernilai tinggi. Kepelbagaian sektor bernilai tinggi dipacu oleh ekonomi digital dijangka akan menawarkan lebih pekerjaan berkemahiran tinggi dalam sektor perkhidmatan berbanding pembuatan.

Prestasi yang agak tidak menentu bagi sektor pembuatan ini disumbang oleh ketidaktentuan ekonomi global yang memberi implikasi jelas kepada industri-industri pembuatan Johor antaranya pembuatan cip semikonduktor, pembuatan termaju (advanced manufacturing), dan industri perabot di Muar yang berorientasikan eksport ke Amerika Syarikat. Walaupun merekodkan pelaburan yang tinggi, sektor pembuatan masih terdedah kepada cabaran kenaikan harga utiliti seperti tenaga elektrik, gas dan air, dan oleh itu memberi kesan dengan meningkatkan kos pengeluaran. Pengadaptasian teknologi tinggi juga perlahan berbanding dalam sektor perkhidmatan membuatkan transformasi ke pengeluaran produk bernilai tinggi agak perlahan. Sektor pembuatan juga mempunyai tenaga kerja separa mahir dan berkemahiran rendah lebih tinggi berbanding sektor perkhidmatan. Namun, permintaan pembuatan domestik yang tidak terjejas menjadikan industri ini kekal berdaya tahan lantas menjadi pemacu ekonomi negeri Johor yang ulung selepas sektor perkhidmatan.



Rajah 5.14: Unjuran 2025 dan 2026, Peratus Sumbangan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Ekonomi kepada KDNK Negeri Johor (%)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bagi sektor pertanian pula, unjuran menjangkakan trend penurunan sumbangan nilai ditambah kepada KDNK negeri menjelang 2025 dan 2026 iaitu daripada 11.3% pada 2024, kepada 11.0% pada 2025 dan 10.5% pada 2026. Walaupun Johor dijangka kekal sebagai negeri pengeluar utama bagi hasil-hasil pertanian tertentu seperti kelapa sawit, sayur-sayuran dan nanas dengan keluasan tanah pertanian yang signifikan, sektor ini masih berdepan cabaran mempunyai pekerja yang rata-rata lebih tua serta kurang kapasiti untuk mengadaptasi teknologi moden sekaligus memberi tekanan kepada produktiviti. Penurunan bagi setiap tahun ini juga disumbangkan oleh masalah penawaran global dan perubahan iklim. Inisiatif-inisiatif Kerajaan telah dilaksanakan tetapi hasilnya masih belum jelas dampaknya kepada KDNK negeri. Antaranya, Dasar Agromakanan Negara 2.0 dan polisi ternakan ruminan yang dijangka membuah hasil disasarkan pada jangka masa panjang.

Sektor pembinaan pula dijangka mencatatkan nilai ditambah yang baik sepanjang dua tahun mendatang dengan nilai 5.0% pada 2025 dan 6.1% pada 2026. Pencapaian ini disumbang oleh projek-projek infrastruktur mega di Johor terutama berpusat di Johor Bahru seperti ART, laluan RTS Johor - Singapura, serta koridor pembangunan JS-SEZ dan Iskandar Malaysia. Tidak dilupakan juga, pembinaan lebih banyak projek perumahan, kediaman, pejabat-pejabat serta lebih 30 pusat data dan AI dalam lingkungan kawasan JS-SEZ terutama di Sedenak dan Kulai mengekalkan momentum sektor ini terhadap KDNK negeri. Sumbangan nilai ditambah sektor pembinaan yang meningkat ini mengambil tempat sumbangan sektor pembuatan kepada KDNK negeri.

Seperti yang dijangkakan, sektor perlombongan dan pengkuarian Johor kekal penyumbang paling rendah dalam nilai ditambah KDNK negeri. Pada 2025 dan 2026, sektor ini diunjur menyumbangkan 0.5% kepada KDNK Johor, tiada perubahan berbanding tahun 2024 dengan prestasi yang mendatar. Hal ini kerana permintaan yang kian berkurangan terhadap sektor ini antaranya gas asli, dan LNG, selari dengan keadaan ekonomi nasional berkaitan perkembangan sektor ini.

Jika dilihat daripada sudut pandang yang berbeza bagi setiap sektor, sektor perkhidmatan dan sektor pembuatan merupakan sektor-sektor yang konsisten dari segi pertumbuhannya pada setiap tahun, serta diunjur untuk kekal pada julat yang sama pada 2025 dan 2026.


Merujuk Rajah 5.15, sektor perkhidmatan menaik antara 8.1% hingga 8.6% pada 2025 dan 7.9% hingga 8.5% pada 2026 hasil pertumbuhan yang mampan di lingkungan zon JS-SEZ, serta impak ekonomi domestik dan antarabangsa hasil promosi Tahun Melawat Johor 2026. Infrastruktur teknologi dan logistik dilihat akan berkembang dengan kepesatan pelabuhan-pelabuhan utama Johor manakala perkhidmatan hartanah juga akan semakin maju dengan permintaan yang meningkat. Pusat-pusat data milik syarikat-syarikat terkemuka dunia dijangka akan mula beroperasi dengan lebih rancak sejurus memperkembangkan lagi aktiviti ekonomi negeri. Di samping logistik, perkhidmatan berteraskan digital, kewangan dan kesihatan dijangka terus kukuh.

Manakala, sektor pembuatan juga diunjurkan untuk membentuk trend peningkatan dari segi pertumbuhan iaitu 4.1% hingga 4.3% pada 2025 dan menurun kepada 4.0% hingga 4.2% pada 2026, jika dibandingkan dengan 4.2% pada 2024. Hal ini didorong permintaan domestik dan antarabangsa yang tidak menentu hasil perang dagang dan konflik geopolitik antarabangsa yang masih berlarutan menjelang akhir tahun 2025. Sektor ini dijangka disokong oleh industri seperti E&E, barangan dan bahan kimia, teknologi perubatan dan pemprosesan makanan. Dalam pada itu, pembukaan pusat-pusat data juga akan meningkatkan pembuatan alatan dan kelengkapan pusat-pusat data ini, sekaligus meningkatkan aktiviti dalam sektor pembuatan. Kelembapan pertumbuhan pada tahun 2026 dijangka akibat potensi gangguan rantalan bekalan atau kenaikan kos bahan mentah dan tenaga yang boleh menjejaskan margin keuntungan dan produktiviti sektor ini. Dalam masa yang sama, risiko ketidakstabilan ekonomi global dan permintaan yang rendah dijangka akan memberi tekanan kepada eksport pembuatan Johor yang banyak bergantung kepada pasaran antarabangsa.

Bagi sektor pembinaan, pertanian serta perlombongan dan pengkuarian, ketiga-tiganya memperlihatkan trend yang sama iaitu unjuran penurunan pertumbuhan nilai pada 2025 dan 2026. Kendatipun sektor pembinaan mencatatkan pertumbuhan nilai mengagumkan dan tertinggi dalam sejarah negeri iaitu 42.7% pada 2024, sektor ini mencatatkan penurunan kepada pertumbuhan 29.9% hingga 31.7% pada tahun 2025 dan 29.3% hingga 31.1% pada tahun 2026. Hal ini kerana pembangunan kejuruteraan awam dan pembinaan bukan kediaman yang menjadi tulang belakang sektor pembinaan Johor pada tahun 2024 terjejas dengan kemelut geopolitik global dan kelembapan permintaan pada 2025. Sektor ini dijangka terus menguncup pada tahun 2026 disebabkan projek-projek mega yang semakin selesai mengikut tempoh pembinaan yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, sektor ini kekal berdaya saing menerusi pembinaan infrastruktur lengkap JS-SEZ dan menyokong industri hartanah.

Sektor pertanian pula dianggarkan mencatat penurunan antara 3.1% hingga 3.2% pada tahun 2025 dan 3.0% hingga 3.2% pada tahun 2026. Kemerosotan pertumbuhan sektor ini disumbangkan oleh kelembapan ekonomi domestik, kos sara hidup tinggi dan jurang pelaksanaan dasar kebangsaan dengan tempoh keberhasilan dan impak. Sektor pertanian di Johor juga berdepan ketidaktentuan cuaca seperti hujan lebat dan berpanjangan pada akhir tahun 2025 dan awal tahun 2026 mengikut tinjauan METMalaysia. Kebarangkalian banjir di tempat-tempat pertanian aras rendah juga boleh mengakibatkan pengeluaran terjejas. Walau bagaimanapun, sektor pertanian di Johor telah menerima insentif dan peruntukan besar yang menyasarkan peningkatan produktiviti dan penggunaan teknologi moden. Sektor ini dijangka akan berkembang pada tahun mendatang hasil daripada insentif kerajaan yang berterusan serta sokongan latihan kepada para usahawan tani dan pengukuhan komuniti desa seperti FELDA, FELCRA, RISDA dan JAKOA.

Sektor perlombongan dan pengkuarian pula dianggar jatuh kepada 8.5% hingga 9.0% pada 2025 dan 8.3% hingga 8.8% pada tahun berikutnya. Sektor ini biasanya disokong oleh permintaan industri pembinaan dan infrastruktur. Disebabkan sektor pembinaan menyaksikan sedikit kelembapan pada tahun 2025 dan 2026, kesannya juga dirasai oleh sektor perlombongan dan pengkuarian. Meskipun sektor ini bertumbuh pesat dengan kadar 11.3% pada 2024 dibantu perkembangan subsektor gas asli dan LNG, permintaan tahun-tahun mendatang dijangka lebih perlahan dipengaruhi tekanan harga gas asli antarabangsa yang tidak stabil serta pengadaptasian agenda tenaga boleh diperbaharui.



Rajah 5.15: Unjuran 2025 dan 2026, Pertumbuhan Nilai (%) Sektor-Sektor Ekonomi Negeri Johor
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perspektif berbeza pula ditunjukkan apabila perbandingan dari segi unjuran sektor utama, sektor industri dan sektor perkhidmatan Johor. Sepertimana digambarkan dalam Rajah 5.16, sektor perkhidmatan diunjur kekal sebagai penyumbang utama kepada ekonomi negeri Johor berbanding sektor lain (2025: 55.0%, 2026: 55.3%). Seperti dinyatakan sebelum ini, kecemerlangan sektor ini dijangka disumbang oleh perkhidmatan kewangan dan perniagaan, ICT, telekomunikasi, dorongan pelaburan pusat data yang kian menggamit perhatian pelabur serantau dan antarabangsa serta impak langsung sektor perkhidmatan pelancongan melalui Tahun Melawat Johor 2026.




Rajah 5.16: Unjuran 2025 dan 2026, Peratus Sumbangan Sektor Utama, Sektor Industri dan Sektor Perkhidmatan Negeri Johor (%)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor utama pula memperlihatkan unjuran penurunan sumbangan kepada ekonomi Johor dalam tempoh yang sama. Sektor ini dianggar menurun daripada 11.8% pada 2024 kepada 11.5% dan 11.0% pada 2025 dan 2026, penurunan dengan kadar 0.3% dan 0.5% saban tahun. Prestasi merudum sektor utama ini jelas sekali dipengaruhi oleh unjuran kemerosotan sektor pertanian Johor yang berkemungkinan menerima kesan daripada perubahan cuaca dan fenomena La Niña. Rantaian bekalan juga dijangka tergugat sedikit dengan peningkatan harga barang dan kos sara hidup yang semakin menekan. Manakala, sektor perlombongan dan pengkuarian pula tidak diunjur untuk berubah dalam sumbangannya kepada ekonomi Johor berikutan kelembapan permintaan, maka ia tidak memberi impak signifikan kepada keseluruhan unjuran sektor utama negeri.

Memandangkan industri Johor kekal berdaya tahan dengan inisiatif yang pelbagai mendepani cabaran tarif Trump, sektor industri negeri ini diunjur meningkat 0.4% kepada 33.5% pada 2025. Sasaran ini mampu digapai berikutan anggaran hasil yang lumayan daripada pembangunan sektor pembuatan dan pembinaan di koridor JS-SEZ, FC-SFZ dan wilayah pembangunan Iskandar Malaysia. Manakala bagi tahun 2026, sektor industri dijangka terus berkembang dengan kadar sederhana kepada 33.6%, kenaikan 0.1%. Sektor ini kekal kompetitif dalam memangkin kepelbagaian industri dan perniagaan Johor dan memacu kemajuan ekonomi negeri selepas sektor perkhidmatan.



Rajah 5.17: Unjuran 2025 dan 2026, Pertumbuhan Nilai Ditambah Sektor Utama, Sektor Industri dan Sektor Perkhidmatan Negeri Johor²⁸⁹


Sumber: Jabatan Perangkaan (Malaysia)

Pertumbuhan ketiga-tiga sektor ini juga boleh ditafsirkan dengan komposisi nilai ditambah mereka kepada negeri Johor yang diunjur dalam kedua-dua tahun yang sama, merujuk kepada Rajah 5.17. Bagi sektor utama, prestasi sektor pertanian serta perlombongan dan pengkuarian yang kurang memberangsangkan menyebabkan pertumbuhan sektor ini diunjur jatuh kepada 3.5% pada 2025 dan 3.4% pada 2026 berbanding 4.5% pada 2024.

Bagi sektor industri, keunggulan sektor pembuatan dan pembinaan pada tahun 2024 sehingga memacu KDNK Johor melebihi KDNK Malaysia diganggu-gugat krisis tarif Trump dan ketidaktentuan rantaian penowaran dan permintaan antarabangsa. Walau bagaimanapun, kedudukan Malaysia dan Johor terutamanya sebagai negara pengeluar utama produk-produk tertentu mengekalkan prestasi positif. Nilai ditambah bagi sektor industri diunjur meningkat kepada 7.6% pada tahun 2025 dan 8.2% pada tahun 2026. Tahun 2026 menyaksikan pemulihan semula sektor Industri disumbang impak positif pembangunan koridor ekonomi JS-SEZ, FC-SFZ dan Iskandar Malaysia.

Sektor perkhidmatan pula kekal memegang rekod selaku penyumbang terbesar bagi KDNK Johor diramal mencatat peningkatan pada 2025 iaitu 8.6% dan 8.5% pada tahun 2026. Pada tahun berikutnya, dengan peluncuran Tahun Melawat Johor 2026, penawaran khidmat perniagaan dan kewangan yang fleksibel serta infrastruktur perkhidmatan AI dan pusat data yang canggih, agenda Maju Johor 2030 dianggar untuk dipacu oleh sektor ini sebagai tunjang utama KDNK negeri dengan peningkatan tertinggi selama tiga tahun.

²⁸⁹ Pertumbuhan yang diunjurkan bagi negeri Johor adalah antara 6.0% hingga 6.5% bagi tahun 2025. Untuk tujuan carta ini, nilai had atas digunakan iaitu 6.5%. Bagi tahun 2026, unjuran adalah antara 7.3% hingga 7.8%. Untuk tujuan carta ini, nilai had atas digunakan iaitu 7.6%.



Rajah 5.18: Unjuran Pertumbuhan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Ekonomi Negeri Johor (RM juta)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Apabila diperlihatkan akan peratusan unjuran pertumbuhan nilai ditambah bagi kesemua tiga komponen sektor ekonomi negeri Johor, perkembangan aktiviti ekonomi negeri ini lebih jelas diterjemah dalam nilai ditambah bagi setiap sektor ekonomi di balik sektor utama, industri dan perkhidmatan. Rajah di atas membandingkan unjuran tersebut bagi setiap sektor ekonomi Johor. Seperti lazimnya, sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terbesar dengan unjuran peningkatan mendadak dengan keupayaan mencapai nilai (had atas) RM92,512 juta pada 2025 dan RM100,338 juta pada 2026.

Bertentangan dengan itu, sektor perlombongan dan pengkuarian juga bertumbuh namun kekal mendatar selaku penyumbang paling sedikit buat ekonomi negeri ini. Sektor ini diunjur mencatatkan nilai ditambah (had atas) RM840 juta pada 2025 dan RM914 juta pada tahun selepasnya hasil aktiviti sektor yang kurang kompetitif buat jangka masa panjang. Walau bagaimanapun, dasar nasional seperti Dasar Mineral Negara 2.0 yang menggariskan strategi untuk membangunkan sumber mineral negara akan memandu sektor ini dalam mengoptimalkan hasil bumi dengan nilai tambah.


Sektor pembuatan diunjur meningkat dengan kadar konsisten berjumlah (had atas) RM47,978 juta pada 2025 dan RM50,000 juta pada 2026 didorong pelaburan pusat data yang masih signifikan di kawasan Sedenak dan Kulai. Sektor pembinaan juga dianggar bertumbuh secara positif dengan peningkatan nilai (tinggi) RM8,394 juta pada tahun 2025 dan RM11,002 juta pada tahun 2026 susulan pembinaari infrastruktur, projek mega berfokus di Johor Bahru dan JS-SEZ, serta kebangkitan semula industri hartanah Johor di zon khas itu.

Sektor pertanian diunjur meningkat kepada RM18,591 juta pada 2025 berbanding RM17,934 juta pada 2024 dan dijangka terus maju pada 2026 dengan nilai ditambah RM19,096 juta dengan permintaan berterusan bagi eksport hasil kelapa sawit dan getah serta tanaman buah utama.

5.10.5 Tenaga Buruh Negeri Johor pada Tahun 2025 dan 2026

Laporan Survei Tenaga Buruh, Statistik Tenaga Buruh, dan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia keluaran DOSM dijadikan panduan dan penanda aras bagi indikator Guna Tenaga negara, serta perkembangan tenaga buruh negeri masing-masing. Negeri Johor telah mencapai nilai kerja yang amat memuaskan dalam pelbagai sektor.

Sehingga ST2 2025, jumlah tenaga buruh dan populasi golongan bekerja negeri Johor menunjukkan pola peningkatan bagi setiap suku tahun berturut-turut. Menjelang ST2 2025, Rajah 5.19 menunjukkan jumlah tenaga buruh meningkat kepada 2.183 juta orang, berbanding 2.174 juta orang pada suku tahun sebelumnya. Justeru, populasi bekerja juga meningkat kepada 2.130 juta pekerja pada ST2 2025 berbanding 2.125 juta orang pada ST1 2025. Bermula daripada ST4 2024 hinggalah ST2 2025, kadar pengangguran negeri Johor turun 0.1% bagi setiap suku tahun, mencecah angka 3.0% sahaja pada ST2 2025. Pencapaian ini menjadi bukti kejayaan kerajaan negeri Johor untuk mengurangkan kadar pengangguran dan meningkatkan mutu ekonomi negeri.



Rajah 5.19: Indikator-Indikator Gunatenaga Negeri Johor

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Trajektori yang positif ini juga diunjur untuk berterusan sehingga tahun 2026 hasil dasar kerajaan negeri yang utuh dalam mengukuhkan prospek kumpulan bakat. Bilangan tenaga buruh Johor dan populasi bekerja Johor diunjur terus meningkat pada ST3 2025 hingga ST2 2026. Pada akhir tahun 2025, dianggar sejumlah 2.257 juta orang terlibat dalam tenaga buruh, yang terdiri daripada 2.202 juta orang bekerja.

Manakala, ST2 2026 menyaksikan anggaran peningkatan lebih menyeluruh bagi tenaga buruh berjumlah 2.342 juta orang dan populasi bekerja berjumlah 2.285 juta orang. Kadar pengangguran bagi ST3 2025 hingga ST2 2026 dijangka kekal tidak berubah sebanyak 2.4%. Penurunan 0.6% kadar pengangguran berbanding ST2 2025 disumbang oleh keupayaan sektor industri Johor yang kian berkembang pesat dan memerlukan tenaga kerja terutama dalam sektor HGHV dan AI.

Sinonimnya, jika diukur melalui aspek Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) negeri Johor setiap tahun, Rajah 5.20 jelas menunjukkan bahawa KPTB berkembang seiring penambahan tenaga buruh dan populasi bekerja di negeri ini. Corak pertumbuhan yang memberangsangkan ini dijangka berterusan bagi kedua-dua tahun 2025 dan 2026.



Rajah 5.20: Unjuran 2025 dan 2026, Indikator-Indikator Gunatenaga Negeri Johor

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bagi tahun 2025, jumlah tenaga buruh Johor secara keseluruhannya diunjur menggapai angka 2.183 juta orang disusuli 2.136 juta orang populasi bekerja. Angka ini mencatat peningkatan signifikan berbanding hanya 2.126 juta orang tenaga buruh dan 2.077 juta orang populasi bekerja pada 2024. Menjelang 2026 pula, jumlah tenaga buruh meningkat lagi dengan unjuran 2.223 juta orang diikuti peningkatan populasi bekerja kepada 2.183 juta orang.

KPTB Johor meningkat secara konsisten sejak pasca-Covid-19 pada tahun 2022 dengan kadar 71.1% penyertaan. Pada tahun 2024, KPTB Johor mencecah 71.6% iaitu peningkatan 0.3% berbanding 2023. Prestasi ini dijangka berterusan pada 2025 dengan KPTB meningkat naik mencecah 71.8% manakala KPTB 2026 diunjur menggapai nilai 72.1%.

5.11 EKONOMI PADA TAHUN 2026

5.11.1 Ekonomi Dunia pada Tahun 2026

Pertumbuhan ekonomi global dijangka terus sederhana berikutan gabungan faktor perdagangan, dasar ekonomi dan ketegangan geopolitik yang berpanjangan. Ekonomi dunia diunjurkan berkembang pada kadar 2.3% pada tahun 2025 (anggaran 2024: 2.8%) sebelum meningkat secara beransur kepada 2.4% pada tahun 2026³⁰⁰. Walau bagaimanapun, sekiranya ketegangan perdagangan global meningkat pada separuh kedua tahun 2025 – khususnya sekiranya Amerika Syarikat mengenakan tarif import mengikut sektor – kadar pertumbuhan global berpotensi menurun kepada di bawah 2.0%, menjadikannya antara kadar pertumbuhan terendah sejak pascapandemik.

³⁰⁰ World Bank. (2025, June). Global Economic Prospects: June 2025. Washington, DC: World Bank. <https://thedocs.worldbank.org/en/doc/8bf0b62ec6bcb886d97295ad930059e9-0050012025/original/GEP-June-2025.pdf>

Bagi ekonomi maju, pertumbuhan dijangka kekal sederhana tetapi stabil. Keluaran keseluruhan dijangka meningkat sebanyak 1.4% pada tahun 2026 (anggaran 2024: 1.2%), dengan ekonomi Amerika Syarikat berkembang sebanyak 1.6% (unjuran 2025: 1.4%). Pelaksanaan pembaharuan cukai berskala besar di bawah Akta Penyesuaian Peluang dan Belanjawan Perniagaan (Opportunity-Based Business and Budget Adjustment Act, OBBBA) dijangka meningkatkan kuasa beli isi rumah dan menyokong perbelanjaan domestik. Walau bagaimanapun, kesan positif langkah ini dijangka dilindungi oleh tekanan kos dan inflasi akibat tarif import yang lebih tinggi, yang boleh menjejaskan sentimen pengguna dan pelaburan swasta.

Bagi rantau Zon Euro, pertumbuhan dijangka meningkat sedikit kepada 0.8% pada tahun 2026 (unjuran 2025: 0.7%), disokong oleh penurunan kadar inflasi, pelonggaran kadar faedah secara beransur, serta perbelanjaan fiskal yang meningkat, khususnya dalam bidang pertahanan dan perindustrian. Namun demikian, risiko luaran kekal tinggi memandangkan dasar tarif A.S. – walaupun dikurangkan kepada 15% di bawah perjanjian perdagangan baharu EU–A.S. – terus memberi tekanan terhadap sektor berorientasikan eksport, berikutan kebergantungan tinggi EU terhadap permintaan eksport dari A.S.


Bagi ekonomi sedang pesat membangun dan ekonomi membangun (EMDEs), pertumbuhan dijangka kekal kukuh pada kadar 3.8% pada tahun 2026, dipacu oleh momentum positif di India, Emiriah Arab Bersatu dan Arab Saudi, yang disokong oleh permintaan domestik yang mantap serta dasar fiskal yang berhemah. Di rantau Asia Timur dan Pasifik – termasuk Malaysia, Indonesia dan Thailand – pertumbuhan dijangka berada dalam julat 4.0% hingga 4.5% bagi tahun 2025 dan 2026 (anggaran 2024: 4.5%). Namun, ketidakpastian perdagangan global, sentimen pelabur yang tidak menentu dan kelembapan dalam permintaan import dunia akan terus menjadi faktor yang mengehadkan pertumbuhan serantau.

Menurut Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), volum perdagangan global dijangka menyusut dengan ketara akibat gangguan daripada perang tarif. Volum import barangan Amerika Utara diunjurkan merosot sebanyak -8.3% pada tahun 2025 dan -2.4% pada tahun 2026, yang seterusnya memberi kesan limpahan terhadap prestasi eksport Asia. Pertumbuhan eksport barangan Asia dijangka perlahan daripada 8.0% pada tahun 2024 kepada 4.9% pada tahun 2025 dan selanjutnya kepada 1.3% pada tahun 2026, manakala pertumbuhan volum perdagangan barangan global dijangka menurun daripada 2.9% pada tahun 2024 kepada 0.9% pada tahun 2025, sebelum meningkat semula kepada 1.8% pada tahun 2026³⁰¹.

Dari segi inflasi, trend yang berbeza dapat diperhatikan antara ekonomi utama dunia. Amerika Syarikat mencatatkan peningkatan kecil dalam inflasi teras pada suku ketiga 2025 disebabkan oleh kesan limpahan tarif yang lebih tinggi, manakala negara-negara Eropah menunjukkan tekanan harga yang semakin reda. Secara keseluruhan, kadar inflasi global dijangka menurun daripada 5.7% pada tahun 2024 kepada 4.3% pada tahun 2025, dan seterusnya kepada 3.6% pada tahun 2026. Walau bagaimanapun, mengambil kira ketegangan perdagangan yang berterusan, unjuran inflasi bagi tahun 2025 berkemungkinan disemak semula ke paras yang lebih tinggi berbanding jangkaan awal tahun.

³⁰¹ World Trade Organization. (2025, August 8). Frontloading, measured responses cushion tariff impact in 2025 but risk high for 2026. Retrieved from https://www.wto.org/english/news_e/news25_e/tfore_08aug25_e.htm

Sebagai tindak balas terhadap perkembangan ini, Rizab Persekutuan A.S. (Federal Reserve) dijangka menaikkan Kadar Dana Persekutuan (Federal Funds Rate) pada tahun 2026 bagi mengembalikan inflasi ke julat sasaran 2.0%. Pendekatan dasar monetari yang lebih ketat ini dijangka mendorong aliran keluar modal dari pasaran sedang pesat membangun, sekali gus memberi tekanan terhadap kadar pertukaran dan keadaan kewangan domestik. Justeru, bank-bank pusat global perlu menyesuaikan dasar monetari masing-masing dengan berhati-hati bagi mengekalkan kestabilan mata wang serta pertumbuhan ekonomi dalam-negeri.



Rajah 5.2t: Kadar Pertumbuhan KDNK Rantau-Rantau Ekonomi, 2020-2026
Sumber: Unjuran IMF

Secara keseluruhannya, dalam persekitaran perdagangan antarabangsa yang semakin berpecah, suasana geopolitik yang tidak menentu, serta ketidakpastian dasar perdagangan A.S. yang berterusan, ekonomi dunia dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan sepanjang tempoh 2025-2026 berbanding era pra-pandemik. Prospek jangka sederhana kekal rapuh dan bergantung kepada hala tuju tarif global, tahap penyelarasan dasar antara ekonomi utama, serta perkembangan geopolitik yang bakal berlaku.

RENCANA 4: MENDEPANI IMPAK TARIF TRUMP DAN DINAMIKA EKONOMI GLOBAL BAHARU

Dalam penggal kepresidenannya yang kedua, Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump telah melancarkan siri tarif timbal balas yang tidak dijangka ke seluruh dunia pada tanggal 2 April 2025 dan menggelarnya sebagai Hari Pembebasan. Siri tarif yang dikenakan ini selaras dengan sasarannya untuk menangani masalah defisit perdagangan AS serta melindungi industri-industri domestik.

Pentadbiran Trump menyatakan bahawa pengenaan tarif ini menekankan usaha Amerika Syarikat merundingkan terma perjanjian yang adil dan saksama antara negara. Memetik kata-kata Trump, "Kami hanya meminta kesaksamaan. Jika mereka mengenakan tarif yang tinggi terhadap produk-produk kami, kami juga akan lakukan perkara yang sama." Beliau telah melaksanakan langkah ini untuk memperjuangkan kesaksamaan buat AS dengan melancarkan Perintah Eksekutif 14257, bertajuk "Mengawal selia Import dengan Tarif Timbal Balas untuk Memperbaiki Amalan Perdagangan yang Meyumbang kepada Defisit Perdagangan Tahunan Barangan AS yang Besar dan Berterusan". Pentadbiran beliau mengenakan kesemua tarif ini untuk mengurangkan defisit perdagangan Amerika Syarikat, dan akhirnya membawa industri-industri pembuatan kembali ke Amerika Syarikat semula.

Beliau turut melancarkan tarif import universal sebanyak 10% ke seluruh dunia, dan kadar yang lebih tinggi terhadap negara-negara spesifik yang digelar negara-negara "Dirty 15", iaitu 15% negara-negara yang mana AS mempunyai defisit perdagangan terbesar dengan mereka. Malaysia juga turut termasuk dalam senarai tersebut. Walau bagaimanapun, kadar tarif 24% yang dikenakan terhadap Malaysia pada fasa awal tarif Trump ini ialah lebih rendah jika dibandingkan dengan China, EU, Jepun, dan Vietnam.

Gelombang tarif Trump bermula seawal Februari 2025 tatkala Trump mengenakan kadar tarif 25% terhadap barangan dari Mexico dan Kanada, serta 10% terhadap China. Tenaga, minyak, gas asli, dan tenaga elektrik Kanada dicukai dengan kadar 10%. Hal ini merupakan permulaan bagi kejutan ekonomi yang telah berlaku bermula April 2025.

Secara definisinya, tarif merupakan cukai yang dikenakan terhadap barangan import. Tarif bertujuan untuk melindungi pengilang-pengilang domestik dengan menjadikan harga barangan tempatan lebih murah dibandingkan dengan barangan import apabila barangan import dinaikkan harganya.

$$\Delta\tau_i = \frac{x_i - m_i}{\epsilon * \varphi * m_i}$$

$$\text{Tarif}_{\text{AS}} = \left(\frac{1}{2}\right) \frac{27.1 - 52.5}{-52.5}$$

$$\text{Tarif}_{\text{AS}} = \left(\frac{1}{2}\right) (47.2)$$

$$\text{Tarif}_{\text{AS}} = 23.6\%$$

Rajah 4a dan 4b: Pengiraan dan Formula Tarif AS, Pengiraan Tarif AS untuk Malaysia, April 2025
Sumber: Rumah Putih, Pejabat Wakil Perdagangan AS (USIT)

Sepertimana ditunjukkan dalam Rajah 4a dan 4b di atas, formula yang dipakai menjumlahkan kadar tarif dengan cara membahagikan defisit perdagangan barangan AS dengan sesebuah negara lantas membahagikannya dengan jumlah barangan import dari negara tersebut. Kemudian jumlah tersebut dibahagi dua untuk memperoleh kadar tarif akhir. Pendekatan ini bercanggah daripada amalan pengiraan tarif antarabangsa Most Favoured Nation (MFN) diamalkan ahli-ahli Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang menjadi rujukan dalam hal ehwal perdagangan dan ekonomi selama ini. Malaysia menerima kadar tarif 24% hasil pengiraan tarif ini.

Para pengguna Amerika dan perniagaan-perniagaan runcit berskala besar seperti Walmart dan Target terjejas teruk dengan langkah ini dipengaruhi kelembapan ekonomi dan inflasi yang kian meruncing. Segmen logistik dan penghantaran seperti Royal Mail dan DHL juga menggantung penghantaran bungkusan (parcel) buat sementara waktu ke AS lantaran ketidakpastian tentang pengumpulan duti dan peraturan kastam. Adidas dan Nike menaikkan harga barangannya buat pelanggan-pelanggan Amerika kerana proses pembuatan mereka bertapak di Vietnam, salah sebuah negara yang paling terkesan. Langkah mereka ini telah menambah AS\$1 bilion kepada kos pengoperasian dan pembuatan mereka.

Trump juga mengenakan tarif ad-valorem secara khususnya terhadap beberapa sektor yang kritikal kepada ekonomi AS. Beliau telah mengenakan tarif 50% bagi keluli, aluminium, dan tembaga, serta 25% terhadap kereta-kereta buatan asing, enjin-enjin import, dan bahagian kereta lain. Pada tanggal 8 Julai 2025, beliau juga mengancam untuk mengenakan tarif 200% terhadap barangan farmaseutikal diimport. Secara dasarnya, pengecualian telah dikenakan terhadap barangan bernilai AS\$800 ke bawah.

>> Krisis Ekonomi Global Melanda Akibat Daripada Ketidaktentuan yang Berkekalan

Pentadbiran Trump menjustifikasikan tindakan mereka dengan menggunakan Akta Kuasa Ekonomi Kecemasan Antarabangsa (IEEPA). Ia mengisytiharkan bahawa deficit perdagangan yang substantif ini mencetuskan kecemasan nasional. Hal yang demikian amatlah berlawanan dengan Akta Tarif Smoot-Hawley 1930 yang mengeruhkan keadaan Kemelesatan Besar (*The Great Depression*). Natiujahnya, ahli-ahli ekonomi telah memberi amaran bahawasanya tindakan menaikkan harga dan mengganggu-gugat rantaian bekalan akan menjurus kepada "stagflation" yakni pertumbuhan stagnan dan inflasi tinggi.

Impaknya, perdagangan global berada dalam keadaan kacau-bitau kerana indeks stok-stok utama AS jatuh secara mendadak. S&P 500 menjunam lebih daripada 11% dalam masa dua hari lantas melenyapkan AS\$6 trilion dalam nilai pasaran. Indeks NASDAQ, Dow Jones, dan Russell 2000 merudum (bear market). Sektor insurans dan utiliti AS juga mendepani kemerosotan pasaran yang tidak dijangka.

Bagi gambaran ekonomi global, JPMorgan menaikkan kebarangkalian kemerosotan ekonomi sedunia kepada 60% dan juga kejatuhan 0.3% bagi KDNK AS semasa Suku Keempat Tahun 2025, dengan kadar pengangguran sebanyak 5.3% menjelang 2026. IMF telah meramalkan pertumbuhan global yang merudum kepada 2.8% pada 2025 dan 3% pada 2026.

China, sebuah lagi kuasa ekonomi dunia telah mengenakan tarif timbal balas 34% terhadap barangan AS. Tindakan ini menambah lagi tekanan ekonomi, lantas memulakan perang dagang AS-China secara skala penuh. Hal yang demikian menyebabkan pengenaan tarif balas balik (*tit-for-tat*) sehingga mencecah kadar 145%. Namun begitu, pada bulan Mei dan Jun 2025, sesi rundingan dagang AS-China telah berjaya menurunkan kadar tarif tersebut. Jeda sementara selama 90 hari bagi pelaksanaan tarif ini disambung lagi sehingga November 2025 bagi kedua-dua negara ini menurut perjanjian tersebut.

Negara	Tarif Timbal Balas (diumumkan Apr 2; jeda pada Apr 9) ¹	Kadar Tarif AS Terkini		
		Universal (10%) ²	Automotif (25%) & Logam ³ (50%)	Timbal Balas (R)/Punitif (P) ³
China	65%	Ya	Ya	20% (P) (Fentanyl)
Vietnam	46%	Ya	Ya	Jeda (R)
Thailand	36%	Ya	Ya	Jeda (R)
Taiwan	32%	Ya	Ya	Jeda (R)
Indonesia	32%	Ya	Ya	Jeda (R)
India	26%	Ya	Ya	Jeda (R)
Korea Selatan	25%	Ya	Ya	Jeda (R)
Jepun	24%	Ya	Ya	Jeda (R)
Malaysia	24%	Ya	Ya	Jeda (R)
Kesatuan Eropah (EU)	20%	Ya	Ya	Jeda (R)
Singapura	10%	Ya	Ya	Jeda (R)

Rajah 4c: Tarif Timbal Balas Berkadar Khusus (%) Bagi Negara ASEAN dan G20 Terpilih, Jun 2025
Sumber: Rumah Putih (2025), Frost & Sullivan

Merujuk Rajah 4c, AS turut melancarkan tarif timbal balas berkadar khusus terhadap Rantau ASEAN dan sebahagian negara G20. Malaysia dikenakan dengan kadar 24% antara yang terendah di ASEAN, berbanding 32% terhadap Indonesia dan 46% ditanggung oleh Vietnam. Kadar tarif Malaysia berada hanya di belakang Filipina dan Singapura yang umumnya diketahui menjalin hubungan yang baik dengan AS. Vietnam telah menanggung kadar yang lebih besar disebabkan oleh hubungannya yang semakin akrab dengan China. Kadar tarif berikut ialah berbeza bergantung kepada keputusan AS untuk mengenakan strategi balas balik menentang sekutu China buat jangka masa panjang.

Setakat bulan Jun 2025, AS telah mengenakan kadar tarif seragam sebanyak 25% terhadap automotif dan 50% untuk import logam ketika tempoh jeda 90 hari berlangsung, manakala kadar dibezakan sebanyak 20% dikenakan terhadap import berkaitan fentanyl dari China.

Meskipun langkah-langkah beliau dikecam dunia, Trump tetap dengan pendiriannya mengenakan satu lagi pusingan tarif usai jeda 90 hari pada bulan Ogos 2025. Tarif 50% dikenakan kepada India dan Brazil dek sikap bermusuhan mereka daripada perspektif Amerika, 30% kepada Afrika Selatan, 20% kepada rakan sejawat Vietnam, serta 25% untuk Malaysia. Hasil rundingan yang amat rapi, Malaysia berjaya menurunkan kadar tarifnya daripada 25% kepada 19%.

Pejabat Bajet Kongres (CBO) melaporkan bahawa hasil daripada langkah-langkah ini, defisit Persekutuan AS akan berkurang sebanyak AS\$3.3 trilion dalam tempoh 10 tahun, menjana hasil AS\$156 bilion setakat Ogos 2025.

>> Kepentingan Tindak Balas Bersama ASEAN dan Pempelbagaian

Ketika rantau ASEAN dianggap sebagai syurga buat syarikat-syarikat China yang mengelak daripada perang dagang AS-China, banyak kilang dan rantaian bekalan global telah ditubuhkan merentasi negara-negara ahli ASEAN. Kesannya, rantau tersebut menanggung impak yang signifikan daripada langkah tarif Trump.

Episod ini telah mencatatkan sebuah titik perubahan bagi negara-negara ASEAN untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pasaran AS dan mengukuhkan integrasi serantau. Menggunakan pengaruh kekuatan industrinya, ASEAN patut mengutamakan kepelbagaian pasaran dan memacu inovasi industri untuk menguatkan daya tahan ekonomi buat jangka masa panjang.

Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN bertemu pada 10 April 2025, dan menentang usul tarif timbal balik dengan sebulat suara, serta memilih untuk melaksanakan strategi kepelbagaian pasaran yang lebih lancar dan berpadu. Ia adalah amat penting bagi ASEAN untuk berfungsi selaku blok ekonomi dan diplomatik untuk membalas kejutan ekonomi yang meruncing ini. Negara-negara ASEAN yang paling terdedah seperti Vietnam dan Malaysia telahpun mengukuhkan kerjasama dua hala dengan Kesatuan Eropah (EU) dan China semenjak krisis ini untuk mencari pasaran alternatif, manakala Indonesia pula telah menambahbaik kandungan tambah nilai bagi eksportnya, bertujuan untuk melangkaui eksport bahan mentah sahaja.

Firma-firma pembinaan di rantau ASEAN telah mendepani kos yang lebih tinggi daripada China dan AS dek kerana pertikaian dagang yang makin rancak. Bagi membalas kenaikan itu, kayu balak, bahan-bahan dikitar semula, dan kaedah pembinaan modular menjadi antara alternatif bagi sektor pembinaan.


ASEAN juga melihat peluang yang cerah dengan mengambil kesempatan menerusi Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP). Dengan kedudukan Malaysia selaku Pengerusi ASEAN 2025, ASEAN harus mengambil kesempatan sepenuhnya melalui Pejabat Unit Sokongan RCEP bagi menentang kejutan tarif. Malaysia telah mengukuhkan perdagangan ASEAN dengan menekankan inisiatif Grid Tenaga ASEAN dan meningkatkan aktiviti-aktiviti perdagangan rentas sempadan.

>> Kejutan Tarif Menentang Kekuatan Struktur Malaysia

Pentadbiran Trump menerusi Laporan Anggaran Perdagangan Nasional bagi Halangan Perdagangan Asing 2025 oleh Wakil Perdagangan AS (USTR) 2025 mengenal pasti bahawa sistem pelesenan import Malaysia memberi kesan buruk terhadap eksport pertanian dan automatik AS. Melihat kepada eksport AS yang kian berkurangan, Malaysia dianggap terlibat dalam menjalankan amalan perdagangan yang tidak adil lantas AS mengenakan kadar tarif lebih tinggi dalam kategori Dirty 15, dengan defisit RM109.9 bilion.

Pelaksanaan tarif 25% pada bulan Julai 2025 telah memberi tekanan yang signifikan terhadap industri-industri Malaysia, dengan indikator awal yang meramalkan potensi kemerosotan ekonomi. Dewan Perniagaan Perindustrian dan Industri Malaysia (MIPCI) mengunjurkan kehilangan sehingga 50,000 peluang pekerjaan di hab-hab industri utama seperti Johor, Pulau Pinang, dan Lembah Klang. Keadaan ini bertambah teruk disebabkan oleh prestasi Ringgit Malaysia yang kian melemah, meningkatkan kos barangan import dengan mendadak seperti minyak dan bahan mentah. Impaknya, kesukaran ini mengehendak operasi-Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Bagi jangka masa pendek, Rajah 4d menekankan bahawa KDNK Malaysia bakal mengalami kejatuhan 0.6% dalam terma sebenar, melepasi unjuran kemerosotan global sebanyak 0.5%. Dalam kalangan ekonomi-ekonomi besar, AS dan China dijangka paling terkesan dengan KDNK sebenar menurun sebanyak 1% dan 1.1%. EU dijangka paling tidak terkesan dengan kejatuhan 0.2% sahaja. Hal ini demikian kerana keputusan AS untuk melonggarkan sekatan terhadap sekutu-sekutu utamanya di Eropah menjelang Ogos 2025.



Rajah 4d: Impak Jangka Masa Pendek Bagi Tarif AS Terhadap KDNK (%), 2025


Sumber: Agensi Penarafan Moody's, Frost & Sullivan

Pada tahun 2024, eksport Malaysia ke AS terdiri daripada 13.2% daripada eksport keseluruhannya, berjumlah RM198.65 bilion (Rajah 4e). Walaupun eksport Malaysia berada di belakang rakan sejawat ASEAN, perdagangan Malaysia-AS dianggap relevan dan mempunyai kepentingan strategik. Eksport Malaysia ke China pula terdiri daripada 12.4% (RM187.67 bilion) dan eksport Malaysia ke EU sebanyak 7.7% (RM115.78 bilion).

Sebagai salah satu rakan dagang terbesar AS di ASEAN dan antara penerima FDI AS yang utama, tarif ini memberi kesan terhadap perdagangan dan pelaburan Malaysia. Implikasi-implikasinya termasuklah kenaikan segera harga barangan yang terkesan, dan lencongan dagang yang besar. Industri-industri yang sangat terkesan termasuk kelapa sawit, panel solar, industri jentera, LED, dan semikonduktor.

Eksport E&E terdiri meliputi 40% jumlah eksport Malaysia ke AS. Malaysia ialah sumber ketiga terbesar buat jentera dan peralatan elektrik untuk AS selain China. Kategori-kategori lainnya termasuklah perabot yang merangkumi 3.5% eksport Malaysia, yang tertumpu secara meluas di Johor. Eksport produk-produk getah berjumlah 2.9%, di samping peralatan optikal dan saintifik meliputi 9% jumlah eksport Malaysia ke AS. Sektor-sektor ini amatlah terkesan dek kerana kenaikan tarif.

Ketika proses penulisan ini berlangsung, sektor-sektor kritikal seperti semikonduktor bernilai AS\$19 bilion dikecualikan buat sementara waktu daripada dikenakan tarif. Malaysia yang menjadi pengeksport semikonduktor keenam terbesar dunia merjangkakan untuk kekal berdaya tahan dengan meningkatkan rantai nilai dan mengambil kesempatan akan strategi-strategi daripada Strategi Semikonduktor Nasional (NSS). Pihak Kerajaan menggalakkan firma-firma untuk mengubah haluan daripada pemasangan dan pengujian semikonduktor khidmat luar (OSAT) kepada aktiviti-aktiviti lebih bernilai tinggi, termasuklah reka bentuk litar bersepadu (iC), pembuatan termaju, dan pengeluaran peralatan yang khusus.



Rajah 4a: Nilai Eksport (RM Bilion) dan Peratusan (%) Eksport Malaysia ke Pasaran Eksport Terbesar, 2024
 Sumber: MATRADE, Frost & Sullivan

Persatuan Industri Semikonduktor Malaysia (MSIA) telah menegaskan supaya syarikat-syarikat semikonduktor besar AS yang beroperasi di Malaysia untuk kekal di sini meskipun diancam dengan kemungkinan tarif 100% untuk semikonduktor oleh AS. Intel, AMS, HP, TI, IBM, dan Dell merupakan antara syarikat-syarikat yang kekal beroperasi di Malaysia berdekad lamanya. Di Kulim, AT&S meningkatkan kapasiti loji pengeluaran dan berubah arah terhadap reka bentuk dan pengeluaran cip lebih maju untuk mendepani cabaran ini.

Dalam konteks perang dagang AS-China, prestasi eksport Malaysia mencerminkan sedikit penyimpangan dari segi sektor. Berlawanan dengan E&E, eksport getah terutama sarung tangan boleh menerima manfaat daripada krisis ini. Top Glove, pengilang sarung tangan terbesar dunia menjangkakan perkembangan yang positif, kerana AS masih kekal sebagai destinasi eksport terbesar bagi pembuat sarung tangan getah Malaysia, merangkumi 41% jumlah eksport pada 2024. Hal yang demikian mampu meningkatkan bahagian pasaran Malaysia.

Bukan setakat sarung tangan getah, malah industri-industri lain juga mampu beroleh laba hasil daripada pelencengan perdagangan. Mengambil kira kesan penggantian (*substitution effect*), eksport minyak kelapa sawit Malaysia bakal menerima manfaatnya daripada pembeli-pembeli yang mencari pembekal alternatif untuk menggantikan produk berkos tinggi daripada negara-negara yang terkesan dengan tarif. Begitu juga dari segi LED, Malaysia ketika ini merupakan salah satu daripada tiga pembekal terbesar LED global, di belakang China pada tempat kedua. Perkara ini menyerlahkan peranan Malaysia sebagai pembekal alternatif yang boleh dipercayai ketika penajaran semula rantai bekalan sedang berlaku. Dalam industri panel solar, 25% daripada import panel solar AS berasal dari Malaysia. Keadaan ini meletakkan Malaysia sebagai pengganti bagi produk-produk China. Dinamika ini menyerlah potensi Malaysia untuk memperolehi bahagian pasaran lebih besar merentasi pelbagai sektor-sektor strategik.

Kerajaan Malaysia mengkoordinasi tindak balas yang bersungguh-sungguh terhadap krisis ini dengan mengutamakan usaha kepelbagaian pasaran dan mengekalkan disiplin fiskal. Pihak kerajaan mengkaji semula unjuran pertumbuhan ekonomi hasil daripada tarif tersebut. MITI juga menekankan kesan teruk krisis ini yang melangkaui andaian-andaian yang paling konservatif. Secara keseluruhannya, Malaysia menolak tuduhan AS berkaitan ketidakadilan perdagangan Malaysia, kerana tuduhan itu bertentangan dengan prinsip perdagangan adil WTO. Malaysia dengan tegas mengulang kembali pendiriannya untuk tidak melancarkan tarif timbal balas terhadap AS.

Meskipun tidak mengenakan tarif timbal balas, Malaysia telah menubuhkan Pusat Tindakan Geoekonomi Nasional dan Pasukan Petugas MITI untuk mengawasi perkembangan tarif dan memeterai semula rundingan dagang dua hala. Putrajaya bertindak balas dengan berunding bersama Wakil Perdagangan AS (USTR) Jamieson Greer dan Howard Lutnick untuk mencapai syarat-syarat memihak Malaysia.

AS meminta Malaysia untuk mengurangkan defisit perdagangan, melindungi teknologi AS dengan mencegah penyalahgunaan atau eksport semula teknologi buatan AS secara haram (seperti mikrocip) ke negara-negara di bawah sekatan Trump, serta melabur dalam industri-industri AS. Jika permintaan ini tidak ditunaikan, tarif lebih tinggi bakal dikenakan. Walau bagaimanapun, hasil rundingan dagang yang strategik, Malaysia berjaya mengurangkan kadar tarif kepada 19% pada Ogos 2025. Perkara ini dilihat sebagai pencapaian mercu tanda ulung negara kerana Malaysia melindungi kedaulatan ekonominya meskipun berhadapan tekanan antarabangsa.

Bagi jangka masa pendek dan sederhana, kerajaan MADANI memperuntukkan RM1.5 bilion dalam bentuk jaminan dan pembiayaan kerajaan, termasuk RM500 juta bagi pinjaman mudah bagi PKS yang amat terkesan. Pihak kerajaan juga meningkatkan had sebut harga kepada RM3 juta daripada RM1 juta untuk kontraktor berskala kecil (G1 hingga G4). Bagi membantu usaha kepelbagaian pasaran untuk pengeksport, kerajaan juga memperuntukkan RM40 juta bawah Geran Pembangunan Pasaran (MDG).

Bank Negara Malaysia telah menurunkan kadar OPR kepada 2.75% daripada 3%, pemotongan kadar OPR yang bersejarah buat julung kalinya sejak 2023. Tindakan lebih dahulu BNM ini bertujuan untuk memulihkan perbelanjaan domestik dan aktiviti pinjaman, lantas merangsang pertumbuhan ekonomi tempatan.

>> Johor sebagai Penjana Ekonomi Serantau Dibalik Serangan Tarif

Ketika Malaysia terkesan hebat akibat daripada kemerosotan ekonomi ini, Johor juga tidak terlepas daripada kesan riak (*ripple-effects*) tarif tersebut. Sebagai tunjang industri negara, negeri ini merupakan tempat di mana sektor-sektor utama seperti produk petroleum bertapis, litar IC, E&E, kelapa sawit, oleokimia berasaskan sawit, perabot dan tekstil beroperasi, yang mana kesemuanya terdedah dengan kejutan ekonomi luar. Jikalau permintaan pengguna AS terus melemah, industri-industri ini dan hab pembuatannya berisiko untuk berhadapan dengan penutupan kilang dan kehilangan peluang pekerjaan.

Walaupun isi rumah Johor tidak terkesan secara langsung daripada kejutan-kejutan ini, mereka tetap terdedah kepada kesan limpahan (*trickle-down*) daripada kenaikan harga barangan dan perkhidmatan yang tidak dapat dielakkan di seluruh negara. Dari segi eksport, Muar mengekalkan kedudukannya selaku hab utama bagi industri perabot Malaysia. AS sebagai destinasi eksport terbesar meliputi 69% jumlah eksportnya. Jelas sekali, industri perabot Johor setakat ini masih kukuh dan menunjukkan daya tahan yang mampan meskipun kemungkinan peningkatan tarif khusus kian menghampiri.

Memandang ke hadapan, JS-SEZ diaspirasikan sebagai penanda arah potensi pelaburan dan menjadi daya tahan bagi kenaikan tarif serba tidak stabil ini. JS-SEZ menawarkan platform kepada pelabur untuk memasuki pasaran ASEAN yang kian berkembang dan mengurangkan impak tarif. Dengan Singapura menjadi pasaran eksport terbesar Malaysia, zon khas ini bersesuaian untuk mengaut keuntungan ekonominya.

>> Strategi Menyeluruh Jangka Masa Panjang yang Pelbagai: Pelan Menyelamatkan Malaysia

Sudah terbukti bahawa Malaysia sepatutnya melaksanakan pelbagai strategi untuk melindungi daya tahan jangka masa panjangnya menentang langkah-langkah polisi AS yang tidak terduga. Malaysia harus mengambil peluang selaku Pengerusi ASEAN kini dalam memimpin pasaran serantau yang menguntungkan untuk mempelbagai usaha dagang dan membentuk integrasi ekonomi yang lebih mendalam dengan rantau dan rakan sejawatan yang lain supaya tidak terbatas kepada AS sahaja.

Bagi Johor, kerajaan negeri harus mengambil peluang dalam mengukuhkan perdagangan rentas sempadan, pelaburan dan mobiliti bakat di kawasan JS-SEZ, mempelbagai pasaran pelaburan menggunakan mekanisme IMFC-J di samping mendigitalkan perkhidmatan logistik sepenuhnya. Johor harus meningkatkan status sebagai hab pelaburan, dengan melaksanakan pelbagai inisiatif antaranya menjadi tuan rumah bagi pelbagai forum pelabur. Negeri ini juga harus memanfaatkan pemprosesan REE, meningkatkan potensi infrastruktur AI dengan pembangunan pusat data, perkhidmatan awan, dan keupayaan fintech.

Di kala Tahun Melawat Johor 2026 menyokong program Melawat Malaysia membugar prospek pelancongan di selatan tanah air, kerajaan negeri Johor harus mengalih arah terhadap menaik taraf infrastruktur pelancongan seperti melebar luas Lapangan Terbang Antarabangsa Senai dan memudahkan proses pelepasan imigresen di pintu masuk Woodlands. Langkah-langkah ini membolehkan Johor menjadi enjin ekonomi yang dominan di Malaysia pada tahun-tahun mendatang.

Malaysia juga harus meningkatkan keupayaan teknologi E&E dan menempatkan negara ini sebagai pembuat yang tergolong dalam sektor-sektor Pertumbuhan Tinggi, Nilai Tinggi (HOHV) sepertimana digariskan dalam Pelan Malaysia ke-13, di peringkat nasional. Malaysia juga harus memanfaatkan sektor perkhidmatannya – komponen terbesar KDNK negara yang ketika ini tidak terkesan dengan krisis tarif. Memulakan langkah-langkah untuk merangsang penggunaan domestik boleh dilaksanakan dengan memberikan insentif-insentif bersasar dan mengalihkan sebahagian barangan eksport untuk memenuhi permintaan tempatan. Tindakan ini boleh mengurangkan kejutan tarif pada jangka masa panjang. Tambahan pula, langkah ini mampu menerokai permintaan daripada jiran rantau ASEAN.

Satu lagi potensi yang masih belum diterokai ialah sektor pelancongan yang membuka jalan untuk kepelbagaian ekonomi. Merencanakan promosi sejajar dengan Tahun Melawat Malaysia 2026 dan meningkatkan pemudahcaraan visa boleh menjana aliran masuk Ringgit Malaysia yang lebih kukuh. Malaysia harus menyasarkan untuk memimpin proses perundangan digital dengan membangunkan standard ASEAN secara bersama dalam bidang fintech dan perdagangan digital dengan AS. Lebih daripada itu, peranan Malaysia yang kian berkembang sebagai hab pemprosesan nadir bumi (RE) serantau – kemudahan pemprosesan RE terbesar di luar China mempersembahkan satu lagi peluang agar sejajar dengan permintaan global bagi bahan RE. Peranan ini bersesuaian untuk memenuhi keperluan AS bagi mineral kritikal untuk sektor pertahanan, kenderaan elektrik, dan industri-industri berteknologi tinggi. Dengan melaksanakan strategi *friend-shoring* terhadap sektor-sektor AS, strategi ini menyediakan penyelesaian menang-menang buat Malaysia di samping mencipta peluang untuk merendahkan lagi kadar tarif.

Di peringkat antarabangsa, Malaysia mengambil kesempatan menerusi Perjanjian Rangka Kerja Pelaburan dan Perdagangan Malaysia-AS (TIFA) dalam memperoleh keuntungan hasil perdagangan timbal balas terhadap eksportnya. MITI juga memimpin usaha mengembangkan pasaran-pasaran dengan rantau-rantau yang tinggi nilai pertumbuhannya, menggunakan Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas (FTA) dengan menyimpulkan FTA Malaysia-Korea Selatan, dan mengukuhkan perjanjian yang masih termeterai menerusi Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN (ATIGA), Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Digital (DEFA), Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Kerjasama Trans-Pasifik (CPTPP), dan RCEP. Pihak kerajaan telah mula menerokai peluang di banyak ekonomi-ekonomi negara Afrika, bermula dengan lapan negara; Algeria, Mesir, Ethiopia, Kenya, Nigeria, Togo, Angola, Namibia.

Bagi mengurangkan kebergantungan berlebihan terhadap AS, adalah disyorkan untuk Malaysia menyertai dialog-dialog dagang antara platform rantau Dunia Selatan seperti BRICS, ASEAN-India, dan kerjasama ASEAN-China-GCC. Menggunakan platform-platform ini, Malaysia boleh menerokai koridor dagang alternatif dan aliran pelaburan. Melihat kepada kurangnya kebergantungan terhadap Dolar AS mutakhir ini dalam perdagangan antarabangsa, Malaysia memanfaatkan situasi ini dengan polisi luar negara yang berkecuali, dan manfaat perdagangan kedua belah pihak. Keadaan ini melonjak Malaysia untuk menjadi pengantara dagang pelbagai hala di pentas dunia, meningkatkan keyakinan pelabur kepada pendirian diplomatik Malaysia.

Walau bagaimanapun, menyedari bahawa AS masih merupakan antara pasaran eksport terbesar Malaysia (berjumlah RM198.65 bilion pada 2024), implikasi negatif masih membebankan buat pengilang dan PMKS negara. Lantas, MITI bertindak untuk terus berhubung dengan AS, meneruskan Perjanjian Perlindungan Teknologi (TPA) untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang semikonduktor, aeroangkasa, dan ekonomi digital. Tindakan ini membolehkan Malaysia menjadi gerbang masuk teknologi ASEAN.

Natijahnya, untuk mengemudi ribut ekonomi ini, Malaysia dan Johor perlu mencipta semula rantaian bekalan yang lebih lestari dan mampan, serta meningkatkan kluster pembuatan serantau. Dengan membina ekosistem gelung tertutup (closed loop ecosystem), kebergantungan terhadap AS dapat dikurangkan dan mengurangkan juga risiko terdedah dengan kejutan-kejutan luar yang diburukkan lagi dengan ketidaktentuan polisi AS.

BAB 6



KONSEP 'ADVANCED STATE' DAN CADANGAN

PENGENALAN

Bab ini mengupas konsep Johor sebagai sebuah 'negeri maju', dengan menerapkan istilah tersebut dalam konteks ekonomi dan sosial negeri yang unik. Dengan merujuk kepada definisi dan ciri-ciri negara maju seperti status pendapatan tinggi, struktur ekonomi yang pelbagai, institusi yang kukuh, dan kesejahteraan sosial—analisis ini menyesuaikan penanda aras tersebut mengikut trajektori semasa negeri Johor serta aspirasi jangka panjangnya.

Perbincangan bermula dengan menempatkan kekuatan dan kekangan ekonomi Johor melalui kajian SWOT yang mengetengahkan peluang-peluang yang boleh dimanfaatkan serta cabaran-cabaran yang perlu dihadapi. Seterusnya, ia mengkaji laluan strategik yang tersedia untuk Johor, termasuk langkah-langkah untuk mengukuhkan daya saing, memupuk inovasi, serta memastikan pertumbuhan yang inklusif dan lestari.

Penekanan diberikan kepada inisiatif yang mempercepatkan pendigitalan dalam ekonomi dan memodenkan amalan perniagaan. Aktiviti dan program sebegini—merangkumi perluasan infrastruktur digital, penggunaan digital dalam industri, serta kerangka dasar baharu yang menyokong sektor-sektor berpotensi—adalah kritikal dalam mendorong Johor ke tahap pembangunan yang lebih tinggi berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Akhirnya, bab ini bertujuan untuk merangka perjalanan yang memposisikan Johor bukan sahaja sebagai pemacu pertumbuhan negara, tetapi juga sebagai hab serantau dengan ciri-ciri sebuah negeri maju dan bersedia untuk masa depan.

6.1 MENGLASIFIKASIKAN 'ADVANCED STATE'

6.1.1 Latar Belakang

Konsep 'negeri maju' boleh dirangka dengan merujuk kepada pengelasan antarabangsa bagi ekonomi maju (developed economy) dan maju terkehadapan (advanced economy). Institusi seperti International Monetary Fund (IMF) dan Bank Dunia mentakrifkan ekonomi maju berdasarkan gabungan beberapa faktor.

IMF mengkategorikan sesetengah ekonomi sebagai ekonomi maju tetapi tidak menggunakan kriteria yang ditetapkan secara ketat. Klasifikasi IMF mengambil kira beberapa faktor termasuk pendapatan per kapita yang tinggi, kemahiran ekonomi dan kewangan, kepelbagaian industri serta inovasi, dan integrasi ke dalam pasaran kewangan global. Bank Dunia pula menggunakan pendekatan GNI per kapita untuk mengklasifikasikan ekonomi ke dalam empat kategori; pendapatan tinggi, pendapatan sederhana atas, pendapatan sederhana bawah dan pendapatan rendah.

Begitu juga, Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) mengukur pembangunan melalui Human Development Index (HDI) yang merangkumi jangka hayat, pendidikan, dan tahap pendapatan. Walaupun istilahnya berbeza—sama ada 'ekonomi maju,' 'negara berpendapatan tinggi,' atau 'wilayah maju'—persamaannya bergantung kepada pencapaian taraf hidup yang tinggi secara berterusan, institusi yang kukuh, dan ekonomi berdasarkan pengetahuan yang dinamik.

6.1.2 Ciri-Ciri Sebuah Ekonomi Maju

Ekonomi maju dicirikan oleh taraf hidup yang tinggi, infrastruktur teknologi yang kukuh, dan petunjuk ekonomi yang kuat seperti KDNK per kapita yang tinggi serta sektor industri yang pelbagai. Ekonomi sebegini biasanya mempunyai sistem kewangan yang maju, infrastruktur yang meluas, dan integrasi yang signifikan ke dalam ekonomi global. Sektor perkhidmatan lazimnya menjadi dominan, menyumbang lebih besar kepada kekayaan ekonomi berbanding pembuatan atau pertanian. Ekonomi maju juga cenderung melabur secara besar-besaran dalam pendidikan, penjagaan kesihatan, dan inovasi, menyokong pertumbuhan lestari serta kesejahteraan sosial yang meluas.

Petunjuk utama bagi ekonomi maju termasuk KDNK per kapita, kepelbagaian eksport melebihi beberapa komoditi utama, serta tahap pembangunan kewangan dan institusi yang tinggi. Ciri-ciri lain yang sering diambil kira ialah skor Human Development Index (HDI) yang tinggi, mencerminkan akses yang meluas kepada pendidikan, perkhidmatan kesihatan, dan pendapatan. Walaupun mempunyai kekuatan, ekonomi maju menghadapi cabaran seperti populasi yang menua, ketidaksamaan pendapatan, dan keperluan untuk mengekalkan daya saing dalam dunia global yang mendorong pelaburan berterusan dalam teknologi dan pembangunan modal insan. Di hemisfera Barat, contoh ekonomi maju adalah Amerika Syarikat, United Kingdom, Jerman, dan Perancis. Australia, New Zealand, Jepun dan Korea Selatan pula merupakan ekonomi maju di rantau Asia Pasifik.

6.1.3 Klasifikasi Dari Sudut United Nations Development Program (UNDP)

UNDP mengukur pembangunan berdasarkan tahap pembangunan manusia sesebuah negara. Istilah yang sinonim dengan 'ekonomi maju' ialah 'negara maju'. Faktor pengukuran termasuklah pendapatan, indeks pendidikan dan kesihatan. UNDP menekankan bahawa pembangunan tidak harus dinilai hanya berdasarkan output ekonomi tetapi juga kemampuan dan kualiti hidup rakyat dalam sesebuah negara. Oleh itu, negara yang diklasifikasikan sebagai maju biasanya mempunyai skor Human Development Index (HDI) yang sangat tinggi, mencerminkan jangka hayat yang panjang, tahap pendidikan dan literasi yang tinggi, serta pendapatan negara kasar per kapita yang tinggi.

Namun begitu, mana-mana negara yang dikategorikan mempunyai "HDI tinggi" tidak semestinya diklasifikasikan sebagai 'ekonomi maju'. Walaupun skor HDI yang tinggi (0.7 hingga 0.79) menunjukkan prestasi baik dalam jangka hayat, pendidikan, dan tahap pendapatan, ia tidak secara automatik bermakna ekonomi negara tersebut sangat maju. Sesetengah negara dengan HDI tinggi masih merupakan negara membangun atau ekonomi yang sedang berkembang dengan cabaran struktur seperti kebergantungan kepada eksport komoditi, industri yang tidak dipelbagaikan atau KDNK per kapita yang lebih rendah berbanding ekonomi maju tipikal. Skor HDI yang berada antara 0 hingga 1 dibahagikan kepada empat tahap:

- Pembangunan Manusia Sangat Tinggi: 0.8 ke 1.0 (biasanya dianggap ekonomi maju)
- Pembangunan Manusia Tinggi: 0.7 ke 0.79
- Pembangunan Manusia Sederhana: 0.55 ke 0.69
- Pembangunan Manusia Rendah: 0.55 ke bawah

Sebagai contoh, Malaysia mencatatkan skor HDI 0.819 pada tahun 2023, meletakkannya dalam kategori 'pembangunan manusia sangat tinggi'. Ini disumbangkan oleh jangka hayat yang panjang, pencapaian pendidikan yang baik dan pendapatan negara kasar per kapita yang agak tinggi. Namun, Malaysia masih merupakan sebuah negara membangun dengan cabaran ekonomi dan struktur.

6.2 NEGERI JOHOR SEBAGAI SEBUAH 'NEGERI MAJU'

Pendekatan melalui kerangka global ini berfungsi sebagai penanda aras dan hala tuju strategik bagi negeri Johor. Dengan menyelaraskan aspirasinya kepada ciri-ciri yang diperhatikan dalam ekonomi maju—seperti pengembangan industri bernilai tinggi, peningkatan kemahiran tenaga kerja, pemodenan infrastruktur serta pengukuhan tadbir urus—Johor dapat menilai kemajuan secara terukur ke arah merealisasikan visinya sebagai sebuah negeri maju.

Pendekatan ini juga membolehkan Johor menyesuaikan piawaian sejagat dengan konteks tempatan melalui penggunaan penunjuk seperti pertumbuhan pendapatan, tahap penggunaan digital, pembangunan modal insan dan kelestarian alam sekitar. Dengan cara ini, Johor bukan sahaja menempatkan dirinya setaras dengan matlamat pembangunan nasional, tetapi turut terlibat dalam wacana antarabangsa mengenai makna sebenar status negeri maju.

6.2.1 Penyumbang Utama Kepada KDNK Negara

Johor menunjukkan prospek kukuh untuk muncul sebagai negeri maju di Malaysia, didorong oleh pertumbuhan ekonomi pesat, pelaburan strategik dan pelan pembangunan yang mantap. Pada tahun 2024, Johor mencatat pertumbuhan KDNK tertinggi antara negeri-negeri di Malaysia iaitu 5.4%, melebihi purata nasional, dengan jumlah KDNK sebanyak RM158 bilion. Kepelbagaian ekonominya disokong oleh sektor pembinaan yang rancak hasil projek pusat data berskala besar, serta pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan pertanian. Kerajaan negeri giat bekerjasama dengan kerajaan persekutuan dan pemegang taruh antarabangsa melalui inisiatif seperti Zon Ekonomi Khas Johor–Singapura (JS-SEZ), yang disasarkan menjana RM260 bilion KDNK dan 20,000 pekerjaan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030.

6.2.2 Kedudukan Ekonomi yang Strategik

Kedudukan ekonomi Johor yang strategik menjadi aset penting, bersempadan dengan Singapura—antara hab kewangan dan perdagangan utama dunia. JS-SEZ mewujudkan ekosistem perniagaan tanpa sempadan meliputi lebih 3,500 kilometer persegi, termasuk Iskandar Malaysia dan Pengerang. Inisiatif ini menggalakkan keterhubungan rentas sempadan, sistem kastam digital serta pergerakan barangan dan manusia yang lebih cekap, sekali gus memberi kelebihan kepada perniagaan berpusat di Johor untuk mengakses pasaran Singapura dengan kos operasi yang lebih rendah. Penyepaduan ini mewujudkan pintu gerbang pelaburan, perdagangan dan inovasi yang berdaya saing, menempatkan Johor sebagai hab ekonomi penting di rantau Asia Tenggara.

6.2.3 Sektor Perkhidmatan yang Kukuh dan Stabil

Sektor perkhidmatan memainkan peranan penting dalam memacu kepelbagaian dan pertumbuhan ekonomi Johor. Ia merangkumi pelbagai aktiviti termasuk perkhidmatan ekonomi digital, perdagangan borong dan runcit, perkhidmatan profesional dan kewangan, serta sektor perubatan dan pelancongan yang semakin berkembang. Johor semakin menonjol sebagai pusat inovasi digital serantau, disokong oleh pembangunan pembuatan berteknologi tinggi dan pusat data di Iskandar Malaysia serta JS-SEZ. Peningkatan tahap keterhubungan dan penaiktarafan infrastruktur memperkukuh keupayaan sektor ini untuk menarik bakat serta menawarkan aktiviti ekonomi bernilai tinggi, sekali gus mengalihkan tumpuan ke arah sektor berimpak tinggi dan berasaskan nilai tambah.

6.2.4 Keupayaan Menarik Pelaburan Berskala Besar

Johor terus menjadi destinasi pelaburan utama di Malaysia bagi pelabur asing dan domestik. Insentif di bawah JS-SEZ seperti pengecualian cukai dan proses peraturan yang dipermudah menarik projek bernilai tinggi dalam sektor seperti pembuatan berteknologi maju, tenaga bersih dan ekonomi digital. Invest Malaysia Facilitation Centre Johor (IMFC-J) menyediakan platform sehenti bagi pelabur, mempercepatkan proses kelulusan projek serta menggalakkan usaha sama rentas sempadan. Pembangunan pusat data berskala besar, hab logistik antarabangsa seperti Pelabuhan Tanjung Pelepas, dan taman perindustrian yang semakin berkembang meningkatkan keyakinan pelabur serta menggalakkan aliran modal berterusan ke negeri ini.

6.2.5 Tahap Urbanisasi yang Setara Peringkat Nasional

Kadar perbandaran Johor hampir menyamai purata nasional, dengan pusat bandar seperti Johor Bahru dan Iskandar Puteri berkembang pesat menjadi bandar moden dan dinamik. Perancangan bandar strategik menekankan inisiatif bandar pintar, sistem transit bersepadu seperti Sistem Transit Rapid (RTS) yang bakal dilaksanakan, serta projek pembangunan mampan. Pelaburan dalam perumahan mampu milik, kemudahan awam dan kawasan hijau memastikan keterangkuman sosial serta peningkatan kualiti hidup sambil menyokong pertumbuhan populasi bandar. Tadbir urus yang berkesan dan peningkatan infrastruktur mengekalkan daya saing bandar Johor dalam menyeimbangkan pembangunan ekonomi dan kesejahteraan hidup.

6.2.6 Pendapatan Isi Rumah yang Tinggi dalam Kalangan Penduduk Johor

Kenaikan pendapatan didorong oleh kepelbagaian dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan ekonomi digital dengan nilai tambah, menyediakan peluang pekerjaan yang lebih mahir dan berpendapatan lebih tinggi. Selain itu, usaha pengurangan kemiskinan Johor yang bersepadu telah membantu mengurangkan ketidaksamaan pendapatan dan mengurangkan beban kemiskinan. Usaha ini seiring dengan pelaburan kerajaan negeri dan persekutuan dalam modal insan, pendidikan dan infrastruktur, telah memperkukuh prospek Johor untuk mencapai pertumbuhan pendapatan isi rumah yang lebih meluas dan mampan, satu kriteria penting untuk status negeri maju.

6.2.7 Pengurangan Tahap Kemiskinan di Johor

Johor telah mencatatkan kemajuan ketara dalam mengurangkan tahap kemiskinan melalui program sosial bersasar dan dasar ekonomi inklusif. Negeri di selatan ini mencatatkan penurunan luar biasa dalam kemiskinan tegar, dengan penurunan sebanyak 92% bilangan isi rumah miskin tegar dari 4,378 pada Mac 2023 kepada hanya 359 menjelang Jun 2024. Kerajaan negeri bekerjasama dengan kerajaan persekutuan untuk menyediakan inisiatif bantuan kewangan, latihan kemahiran, dan peluang keusahawanan kepada komuniti terpinggir khususnya di kawasan luar bandar. Pengembangan industri dan penciptaan pekerjaan dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan pertanian menyumbang kepada peningkatan pendapatan. Usaha berterusan memberi tumpuan dalam merapatkan jurang pendapatan, memperluas akses kepada pendidikan dan penjagaan kesihatan, serta memperkasakan golongan rentan untuk memupuk pertumbuhan yang saksama.

6.2.8 Johor sebagai "Negeri Maju" Berdasarkan HDI

Johor mempunyai potensi besar untuk meningkatkan skor Human Development Index (HDI) dengan meneruskan pelaburan dalam pendidikan, penjagaan kesihatan, dan peluang ekonomi. Dengan kekuatan infrastruktur sedia ada dan ekonomi yang berkembang pesat, fokus Johor pada pembangunan bakat, termasuk kerjasama dengan universiti dan institut teknikal, menyokong peningkatan kemahiran dan inovasi. Penambahbaikan dalam perkhidmatan kesihatan awam serta sistem kebajikan sosial yang lebih mantap menyumbang kepada jangka hayat dan kualiti hidup yang lebih baik. Polisi yang diselaraskan untuk pertumbuhan lestari dan peningkatan modal insan memposisikan Johor untuk memperbaiki HDI secara signifikan, setanding dengan negeri terkemuka di peringkat nasional dan serantau.

6.2.9 Pakej Rangsangan Kerajaan Persekutuan dan Negeri

Kerajaan persekutuan dan negeri Johor telah melaksanakan pakej rangsangan komprehensif yang bertujuan mempercepatkan transformasi ekonomi Johor. Antara tumpuan utama ialah pakej insentif cukai istimewa bagi JS-SEZ yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2025, menawarkan kadar cukai korporat keutamaan sebanyak 5% selama tempoh 15 tahun bagi sektor pembuatan dan perkhidmatan terpilih seperti kecerdasan buatan, pengkomputeran kuantum, peranti perubatan, dan pembuatan aeroangkasa. Selain itu, pekerja berpendidikan yang bekerja dalam JS-SEZ menikmati kadar cukai khas 15% untuk tempoh 10 tahun. Insentif ini menggalakkan pelaburan bernilai tinggi, mempromosikan penggunaan teknologi, dan mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi.

Inisiatif pelengkap di bawah belanjawan negeri 2025 turut memperuntukkan dana untuk projek infrastruktur penting, seperti pelebaran Lebuh raya Utara-Selatan, hospital baharu dan pelan mitigasi banjir yang memberi manfaat langsung kepada kualiti hidup masyarakat dan ketahanan ekonomi. Penubuhan Invest Malaysia Facilitation Centre Johor (IMFC-J) turut mempercepatkan kelulusan pelaburan, seterusnya meningkatkan keyakinan pelabur dan membolehkan pelaksanaan projek baharu dengan lebih cekap.

6.3 PROJEK PEMBANGUNAN UTAMA DI NEGERI JOHOR

6.3.1 Mendefinisikan Semula Lanskap Ekonomi Negeri melalui Zon Ekonomi Khas

Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) merupakan projek transformasi utama yang dijangka mengubah secara menyeluruh landskap ekonomi Johor dan memacu negeri ini ke arah status negeri maju. Dilancarkan secara rasmi pada Januari 2025, JS-SEZ meliputi kawasan hampir lima kali ganda saiz Singapura dan hampir dua kali ganda keluasan Shenzhen, merangkumi sembilan zon utama termasuk Iskandar Malaysia, Johor Bahru Waterfront, dan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC). Zon ini memberi tumpuan kepada 11 sektor strategik seperti pembuatan berteknologi tinggi, ekonomi digital, logistik, tenaga hijau dan penjagaan kesihatan, disokong oleh insentif cukai yang kompetitif kepada sektor perniagaan.

Dengan memperkukuh pergerakan rentas sempadan barangan dan manusia serta memperkemas proses pentadbiran, JS-SEZ membentuk koridor ekonomi Malaysia-Singapura yang amat bersepadu. Sehingga suku pertama 2025, zon ini telah menarik pelaburan yang diluluskan berjumlah RM30.1 bilion, dan dijangka melebihi RM100 bilion menjelang akhir tahun. Projek ini menjadi tunjang utama kepada visi negeri "Maju Johor 2030", yang menekankan pemodenan infrastruktur, pertumbuhan inklusif dan daya saing global.

6.3.2 Pemodenan Infrastruktur Keterhubungan

Projek Landasan Berkembar Elektrifikasi Gemas-Johor Bahru merupakan satu lagi pembangunan infrastruktur utama yang dijangka siap pada tahun 2025. Projek ini akan mengurangkan masa perjalanan antara Johor dan kawasan Pantai Barat Malaysia secara signifikan. Penaiktaratan rel ini mempertingkatkan kecekapan pengangkutan barangan dan penumpang, memudahkan rantaian bekalan dan mobiliti pekerja yang menyokong aktiviti ekonomi di luar ibu negeri. Selain itu, Sistem Transit Rapid (RTS) yang menghubungkan Johor Bahru dengan Singapura dijangka beroperasi dalam masa terdekat. Projek ini akan memperkukuh mobiliti tenaga kerja rentas sempadan dan mewujudkan aglomerasi bandar yang lancar, seterusnya meningkatkan daya tarikan Johor kepada tenaga kerja dan perniagaan serantau. Lapangan Terbang Antarabangsa Senai pula memperluas laluan penerbangan antarabangsa termasuk penerbangan terus dari Bangkok, Kunming, Chengdu dan Jeddah, meningkatkan tahap keterhubungan Johor serta merangsang kemasukan pelabur, ahli perniagaan dan pelancong antarabangsa.

6.3.3 Menjadikan Johor sebagai Hab Ekonomi Digital

Tumpuan Johor untuk menjadi hab ekonomi digital terserlah melalui kelulusan 42 projek baharu pusat data pada suku kedua tahun 2025, mengukuhkan kedudukan negeri ini sebagai lokasi pilihan utama bagi pelaburan teknologi. Projek-projek ini tertumpu di kawasan Kulai, Pasir Gudang dan Iskandar Malaysia, bagi memenuhi permintaan global terhadap pengkomputeran awan dan penyimpanan data. Pembangunan ini bukan sahaja menjana peluang pekerjaan berkemahiran tinggi tetapi juga mempertingkatkan keupayaan perindustrian negeri.

Projek berasaskan teknologi ini turut dilengkapi dengan pembangunan bandar dan peningkatan aktiviti pasaran hartanah di Johor Bahru dan Iskandar Puteri, yang dipacu oleh permintaan meningkat terhadap ruang kediaman dan komersial – mencerminkan daya dinamik ekonomi Johor.

6.3.4 Menyemarakkan Semula Industri Pelancongan

Johor turut melaksanakan pelbagai projek pembangunan pelancongan bagi memperkukuhkan daya tarikkannya sebagai destinasi pelancongan utama. Kerajaan negeri menyasarkan RM42.48 bilion hasil pelancongan sempena Tahun Melawat Johor 2026, dengan unjuran 12 juta pelancong domestik dan antarabangsa. Antara projek penaiktarafan utama termasuk Zoo Johor, Gunung Ledang, Taman Negara Tanjung Piai, Taman Botani Diraja, serta beberapa tapak warisan budaya yang ditambah baik untuk meningkatkan daya tarikan alam semula jadi dan sejarah.

Acara baharu seperti Hari Muzium Antarabangsa serta aktiviti sukan seperti Program Iron Man dan Regata Perahu Naga turut dirancang bagi menarik lebih ramai pelawat. Pengembangan laluan penerbangan antarabangsa di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai – termasuk perkhidmatan terus dari Bangkok, Kunming, Chengdu dan Jeddah – turut memperkukuhkan kebolehcapaian serta meningkatkan kemasukan pelancong ke Johor.

6.3.5 Menjayakan Agenda Kelestarian

Kelestarian merupakan salah satu tonggak utama dalam strategi pertumbuhan Johor. Antara projek tenaga hijau yang sedang dilaksanakan ialah Taman Solar Sultan Ibrahim berkapasiti 500 MW yang kini menuju ke fasa penyempurnaan. Projek ini dijangka membekalkan tenaga kepada kira-kira 150,000 kediaman, sekali gus menzahirkan komitmen Johor terhadap peralihan tenaga bersih dan pengurangan pelepasan karbon. Secara keseluruhan, projek-projek berskala besar yang meliputi integrasi ekonomi, infrastruktur pengangkutan, transformasi digital dan tenaga lestari ini meletakkan Johor pada kedudukan yang kukuh untuk mencapai matlamat menjadi negeri paling maju dan dinamik di Malaysia menjelang tahun 2030.

6.3.6 Memperkukuhkan Peranan sebagai Hab Pengeluaran Makanan

Dalam sektor agro-makanan, Johor memberi tumpuan untuk memperkukuhkan peranannya sebagai hab pengeluaran makanan negara melalui inisiatif di Mersing dan Segamat, yang diselaraskan dengan strategi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Kawasan ini menumpukan kepada amalan pertanian lestari, pemprosesan makanan moden dan pembangunan industri hiliran agro.

Projek seperti Lembah Tenusu Jemaluang dan Taman Pemprosesan Ikan Endau Mersing bertujuan meningkatkan keselamatan makanan melalui peningkatan pengeluaran tenusu dan perikanan, dengan pelaburan swasta dianggarkan sebanyak RM80 juta dalam tempoh lima tahun. Skim pertanian kontrak dan penerapan teknologi di hab ini turut mewujudkan peluang pekerjaan serta keusahawanan dalam kalangan masyarakat tempatan, sekali gus meningkatkan pendapatan luar bandar dan menyokong kepelbagaian ekonomi di luar pusat bandar.

6.4 PERBINCANGAN DASAR DAN ANALISIS SWOT

6.4.1 Analisis Keadaan Semasa Ekonomi dan Halatuju Masa Hadapan Johor

Kemajuan ekonomi Johor pada tahun 2024 amat memberangsangkan apabila negeri ini mencatat kadar pertumbuhan KDNK tertinggi antara semua negeri di Malaysia iaitu sebanyak 6.4%, melebihi purata nasional sebanyak 5.1%. KDNK Johor mencapai RM158 bilion, disokong oleh pengembangan kukuh dalam sektor perkhidmatan (6.0%), pembuatan (4.2%), dan pembinaan (42.7%) – didorong oleh pelaksanaan projek pusat data berskala besar serta peningkatan infrastruktur digital.

Johor juga kekal sebagai penyumbang utama kepada sektor pertanian negara, merangkumi 17.3% daripada KDNK pertanian Malaysia³⁰², hasil peningkatan pengeluaran minyak sawit dan aktiviti pemprosesan makanan. Pelaburan asing dan domestik melonjak dengan lebih 750 projek yang diluluskan pada tahun 2023 bernilai RM43.1 bilion, sekaligus menjana lebih 19,000 peluang pekerjaan baharu. Keseluruhannya, faktor-faktor ini mengukuhkan kedudukan Johor sebagai kuasa ekonomi baharu Malaysia, pemangkin kepada pertumbuhan dan inovasi serantau³⁰³.

Tumpuan kerajaan terhadap pembangunan infrastruktur, inovasi ekonomi digital, serta tarikan pelaburan langsung asing (FDI) di sepanjang koridor ekonomi utama telah menyokong pertumbuhan yang kukuh ini. Dasar nasional turut melengkapi inisiatif negeri dengan menyediakan persekitaran kondusif bagi perdagangan, pembuatan, dan sektor perkhidmatan untuk terus berkembang, selaras dengan hala tuju Malaysia menuju status negara berpendapatan tinggi.

Pemulihan dan pengembangan ekonomi Malaysia secara keseluruhan mencerminkan keberkesanan intervensi dasar serta pemulihan sektoral yang berjaya, sekali gus meletakkan negara – khususnya Johor – pada landasan momentum pertumbuhan mapan untuk tahun-tahun mendatang. Sinergi antara projek khusus negeri seperti Zon Ekonomi Khas Johor–Singapura (JS-SEZ) dan pelan pembangunan nasional mewujudkan rangka kerja yang menyokong inovasi, daya saing dan pertumbuhan inklusif di seluruh Malaysia. Melangkah ke hadapan, momentum ekonomi yang kukuh ini memberi peluang kepada Johor untuk memperdalamkan reformasi struktur dan mengukuhkan kedudukannya sebagai hab serantau yang utama. Bagi mengekalkan trajektori pertumbuhan ini, dasar yang menekankan keseimbangan antara daya saing, keterangkuman dan kelestarian perlu diberi perhatian dalam perancangan pembangunan negeri.

>> Memperkukuh Kualiti Pelaburan dan Inovasi

Walaupun Johor telah berjaya menarik pelaburan berskala besar, khususnya dalam sektor pembuatan dan infrastruktur data, fasa pembangunan seterusnya perlu memberi penekanan kepada “pelaburan berkualiti” (*FDI dan DDI*) – iaitu projek yang membawa pemindahan teknologi, integrasi rantai bekalan bernilai tinggi, serta keupayaan penyelidikan dan pembangunan (*R&D*).

Dasar yang boleh digunakan termasuk pemberian insentif cukai bersasar bagi teknologi hijau, rangka kerja kerjasama antara industri dan universiti, serta program pembangunan pembekal bagi PMKS tempatan. Langkah-langkah ini akan memastikan limpahan ekonomi (*spillover effects*) yang lebih meluas ke dalam ekonomi domestik Johor.

³⁰² Media Digital Johor (2025). Johor Catat Kdnk 6.4 Peratus, Tertinggi Dalam Negara
³⁰³ Malay Mail (2024). Johor records RM43b in 2023 investments



>> **Kepelbagaian ke Arah Perkhidmatan Bernilai Tinggi**

Sektor perkhidmatan Johor perlu beralih ke arah aktiviti berintensifkan pengetahuan seperti kewangan, perkhidmatan digital, pelancongan kesihatan, logistik, dan industri kreatif. Dasar-dasar pembangunan harus menekankan strategi kepelbagaian yang memanfaatkan pertumbuhan pesat kawasan bandar Johor serta aliran rentas sempadan dengan Singapura. Tumpuan kepada perkhidmatan bernilai tinggi ini bukan sahaja dapat meningkatkan produktiviti dan pendapatan negeri, tetapi juga memperkukuh daya saing Johor sebagai hab ekonomi serantau.

>> **Pembangunan Modal Insan dan Ketahanan Pasaran Buruh**

Johor boleh memperkenalkan suatu "pakatan kemahiran" (*skills compact*) yang menyelaraskan kurikulum Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta pendidikan tinggi dengan keperluan sebenar industri, di samping menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan pensijilan mikro (*micro-credentials*). Strategi sokongan boleh merangkumi subsidi upah yang dikaitkan dengan program peningkatan kemahiran semula (*reskilling*) dan inisiatif mobiliti tenaga kerja teknikal bagi mengurangkan kadar pengangguran. Pendekatan ini akan memperkukuh ketahanan pasaran buruh Johor dan memastikan tenaga kerja tempatan kekal relevan dalam ekonomi berasaskan pengetahuan dan teknologi.

>> **Kelestarian dan Pertumbuhan Hijau**

Memandangkan pasaran global semakin menekankan pematuhan terhadap prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), Johor berpotensi membina kelebihan daya saing dengan memposisikan dirinya sebagai hab pelaburan hijau.

Dasar yang menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui, amalan ekonomi kitaran seperti kitar semula sisa elektronik dan plastik, serta pensijilan hijau bagi taman perindustrian boleh memastikan pertumbuhan ekonomi negeri sejajar dengan keupayaan adaptasi terhadap perubahan iklim.

6.4.2 Analisis SWOT

Jadual SWOT berikut menghuraikan faktor-faktor utama yang membentuk trajektori pembangunan Johor merangkumi aspek kekuatan, kelemahan, peluang, dan ancaman. Pada masa ini, negeri Johor menikmati pelbagai peluang pertumbuhan yang luas, namun turut berdepan beberapa cabaran dan risiko luaran yang memerlukan perhatian strategik.

Melangkah ke hadapan, Johor berada pada kedudukan yang kukuh untuk menukar peluang sedia ada kepada kekuatan jangka panjang dengan memanfaatkan kelebihan strategiknya, di samping menangani kelemahan domestik melalui pembaharuan struktur dan dasar yang mampan.

KEKUATAN (STRENGTH)		KELEMAHAN (WEAKNESS)	
1.	Kedudukan strategik bersebelahan Singapura membolehkan integrasi ekonomi dan perdagangan rentas sempadan.	1.	Cabaran pertumbuhan bandar pesat termasuk kesesakan lalu lintas dan kemampuan memiliki rumah.
2.	Pembangunan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) menarik pelaburan serta syarikat multinasional untuk menubuhkan pejabat dan kemudahan di negeri ini.	2.	Masih wujud kelompok kemiskinan luar bandar dan jurang pendapatan yang ketara.
3.	Projek infrastruktur kukuh seperti Sistem Transit Rapid Johor Bahru-Singapura (RTS) dan Landasan Berkembar Gemas-Johor Bahru yang meningkatkan keterhubungan serantau.	3.	Risiko terhadap kelestarian alam sekitar akibat peningkatan perindustrian.
		4.	Isu penyelarasan dan kelewatan penyempurnaan projek dalam zon pelbagai bidang kuasa.
PELUANG (OPPORTUNITY)		ANCAMAN (THREAT)	
1.	Industri utama sedang berkembang, contohnya sektor pelancongan menyasarkan hasil sebanyak RM42.48 bilion sempena Tahun Melawat Johor 2026	1.	Ketidaktentuan ekonomi global yang menjejaskan pelaburan dan permintaan eksport.
2.	Mersing dan Segamat sedang dibangunkan sebagai hab agro-makanan serantau melalui amalan pertanian moden dan lestari.	2.	Persaingan daripada hab ekonomi serantau lain – pesaing domestik seperti Pulau Pinang, serta pesaing antarabangsa seperti Vietnam dan Indonesia.
3.	Kemunculan sektor tenaga hijau dan industri 4.0 di hab inovasi baharu Johor seperti Ibrahim Technopolis (IBTEC).	3.	Cabaran pengekalan bakat tempatan berikutan trend penghijrahan tenaga mahir (<i>brain drain</i>).
		4.	Risiko kemerosotan alam sekitar dan perubahan iklim yang boleh menjejaskan pembangunan mampan negeri.

Rajah 6.1: Matriks SWOT bagi Negeri Johor
Sumber: Analisis Frost & Sullivan

Dengan dasar yang tepat serta sokongan institusi yang kukuh, Johor berupaya menukar potensi kelemahan kepada pemangkin ketahanan dan daya saing, sekali gus memastikan kemajuan mampan ke arah merealisasikan visinya sebagai sebuah negeri maju.

6.4.3 Zon Kewangan Khas Forest City - Forest City Special Financial Zone

Pengenalan

Zon Kewangan Khas Forest City (FC-SFZ), yang dilancarkan secara rasmi pada 20 September 2024, merupakan satu inisiatif penting oleh Kerajaan Malaysia untuk membangunkan Johor sebagai hab utama perkhidmatan kewangan global dan pemacu pertumbuhan ekonomi berasaskan inovasi. Terletak di atas empat pulau buatan bebas cukai di Iskandar Puteri, Johor, berhampiran Singapura, FC-SFZ mempunyai kedudukan strategik bagi menarik syarikat multinasional, institusi kewangan, syarikat fintech serta keluarga berpendapatan tinggi (*high-net-worth families*).

Selain manfaat fiskal, FC-SFZ turut menawarkan fleksibiliti peraturan, termasuk membenarkan bank asing yang diperbadankan secara tempatan untuk membuka cawangan fizikal melebihi kuota sedia ada. Ia juga menyediakan potongan cukai bagi kos pemindahan operasi serta elaun bangunan perindustrian dipertingkat (*enhanced industrial building allowance*) untuk entiti perkhidmatan kewangan yang layak.



Zon ini dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan memperkenalkan proses pelesenan yang dipermudah bagi pengurusan pejabat keluarga (*family offices*), bagi meningkatkan kecekapan firma pengurusan kekayaan yang berkhidmat kepada pelanggan berpendapatan tinggi.

Dengan memanfaatkan status bebas cukai yang unik, kedekatan geografi dengan Singapura, serta penyepaduan dengan rangka kerja Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ), pembangunan Forest City dijangka akan menggiatkan semula landskap ekonomi Johor, mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab kewangan global yang berdaya saing, dan merangsang pertumbuhan ekonomi mampan di rantau ini.

>> Peranan dan Sumbangan terhadap Pembangunan Ekonomi dan Sosial Johor

Menjelang awal tahun 2025, Zon Kewangan Khas Forest City (FC-SFZ) telah menarik minat lebih daripada 30 syarikat yang berhasrat untuk menubuhkan operasi di zon tersebut. Perkembangan ini menyerlahkan kepentingan Forest City yang kini dipulihkan semula sebagai hab perkhidmatan kewangan serantau. Walaupun masih terlalu awal untuk menilai sepenuhnya sumbangan keseluruhan FC-SFZ terhadap ekonomi negeri, impak dan peranannya dapat diperhatikan melalui beberapa tema utama seperti berikut:

1. Menarik Pelaburan Bernilai Tinggi dan Bakat Pekerja Mahir Asing

Zon ini menawarkan pelbagai insentif menarik, termasuk kadar cukai korporat antara 0% hingga 5%, pengecualian cukai pendapatan (0%) bagi pejabat keluarga (*family offices*), serta kadar cukai pendapatan 15% bagi pekerja berpengetahuan (*knowledge workers*) yang berkhidmat di dalam zon. Di samping itu, pemberian visa kemasukan berbilang kali (*multiple-entry visa*) kepada tenaga mahir asing turut meningkatkan fleksibiliti pergerakan ekspatriat. Kelebihan-kelebihan ini telah menarik minat firma perkhidmatan kewangan antarabangsa, syarikat *fintech* dan pengurus pejabat keluarga untuk menjadikan Johor sebagai pangkalan serantau mereka.

2. Pemangkin kepada Ekosistem Kewangan dan Integrasi Serantau

Dengan lokasinya yang berhampiran Singapura, Forest City berpotensi menjadi hab kewangan dwi-teras (*dual-core financial hub*). Zon ini dapat melengkapi ekosistem kewangan matang Singapura dan memperkukuh rangka kerja Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ). Sinergi antara usaha Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri ini dijangka meningkatkan kerjasama rentas sempadan serta membuka peluang pertumbuhan baharu. Selain peranannya dalam sektor kewangan, pembangunan FC-SFZ turut memberikan impak sosial yang ketara – mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi, membangunkan tenaga kerja berkemahiran, serta memupuk peluang keusahawanan dalam kalangan komuniti tempatan. Integrasi serantau yang lebih kukuh akan memperluas akses kepada rangkaian profesional antarabangsa, meningkatkan keterhubungan pasaran global dan seterusnya menyumbang kepada visi Johor ke arah masyarakat yang inklusif dan berdaya tahan.

3. Merangsang Ekonomi Tempatan dan Menjana Kesan Limpahan (*Spillover Effects*)

Pembangunan FC-SFZ dijangka mewujudkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dalam bidang kewangan, teknologi, dan perkhidmatan guaman, di samping merangsang kesan limpahan ekonomi melalui peningkatan permintaan terhadap ruang pejabat, perumahan dan peruncitan. Selain peluang pekerjaan langsung, zon ini juga akan mencetuskan pertumbuhan dalam sektor perusahaan tempatan terutamanya dalam bidang makanan dan minuman, logistik, hospitaliti dan perkhidmatan inap desa (*homestay*). Kesan rantai ini bakal memperluas peluang ekonomi bagi penduduk Johor, khususnya di kawasan Iskandar dan bandar-bandar sekitarnya, sekali gus memperkukuh ekosistem ekonomi negeri secara menyeluruh.

4. Memperkukuh Keterhubungan dan Infrastruktur Pengangkutan

perkhidmatan baharu. Antara inisiatif utama ialah penambahbaikan jalan raya, peningkatan keterhubungan ke Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ), serta kemajuan projek rentas sempadan utama seperti RTS Link dan Laluan Rel Berkelajuan Tinggi (HSR). Penambahbaikan ini bukan sahaja akan meningkatkan ketercapaian bagi perniagaan dan penduduk di dalam FC-SFZ, tetapi juga membawa manfaat besar kepada bandar dan daerah berhampiran. Dengan memperkukuh mobiliti serantau dan mengurangkan halangan perjalanan, projek-projek ini dijangka akan mewujudkan Johor yang lebih berhubung, berdaya huni dan berdaya saing di peringkat serantau.

RENCANA 5: ZON KEWANGAN KHAS FOREST CITY: MEMPERKASA POTENSI HAB KEWANGAN GLOBAL

Forest City ialah sebuah zon pembangunan hartanah bersepadu yang terletak di Gelang Patah, Iskandar Puteri, Johor. Dibangunkan di atas empat pulau buatan yang meliputi keluasan kira-kira 30 km² seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5a, projek hartanah mega ini telah dibangunkan secara bersama oleh pemaju hartanah terbesar di China, Country Garden, dengan kolaborasi Esplanade Danga 88 Berhad. Projek ini menerima sokongan kewangan daripada Kerajaan Malaysia pada tahun 2016 dan terletak di atas tanah tebus guna di barat daya Daerah Johor Bahru. Projek ini dikaitkan dengan Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI) China dalam usaha menarik pembeli dari China untuk memiliki kediaman kedua di Malaysia.

Ketika diumumkan buat kali pertama pada tahun 2016, Forest City dipasarkan sebagai sebuah bandar pintar, mesra alam dan futuristik dengan nilai pelaburan sebanyak AS\$100 bilion. Direka bentuk untuk menampung sehingga 700,000 penduduk di empat pulau buatan menjelang tahun 2035, projek ini menekankan landskap hijau dan kehidupan bandar lestari di kawasan seluas 14 km². Projek ini amat sejajar dengan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) bagi menarik pemain utama global yang mengutamakan aspek mesra alam.



Rajah 5a: Susun Atur Empat Pulau Buatan Di Forest City

Sumber: Channel News Asia, Forest City

Pintu Masuk (*Entry Point*) Forest City dijangka menampung 150,000 rakyat Malaysia dan Singapura yang berulang-alik setiap hari, berikutan kedudukannya yang strategik berhampiran Singapura. Dari segi pendidikan, Sekolah Antarabangsa Shattuck-St Mary's Forest City menawarkan kurikulum pelajaran Amerika bagi memenuhi piawaian pendidikan global. Pelbagai kemudahan bertaraf dunia, termasuk cadangan pembinaan hospital, hab perindustrian, pusat beli-belah dan hotel mewah melengkapinya dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan.

>> Krisis Hartanah China Menjejaskan Pembangunan Forest City Dengan Ketara

Walaupun mempunyai visi yang bercita-cita tinggi, perkembangan pembangunan Forest City tidak mencapai jangkauan awal. Sejak pelancaran projek pada tahun 2014, hanya satu daripada empat pulau buatan berjaya ditebus guna dan menempatkan kira-kira 20,000 penduduk. Pembangunan terhenti pada tahun 2017 apabila pihak kerajaan China mengenakan kawalan modal yang lebih ketat terhadap pelaburan hartanah di luar negara. Akibatnya, pembeli dari Tanah Besar China yang berminat memiliki hartanah di Forest City terjejas teruk. Keadaan ini bertambah rumit apabila kerajaan Malaysia pasca PRU14 memperkenalkan dasar yang menghadkan pembeli asing daripada memperoleh visa kediaman secara mudah, serta memberi isyarat kemungkinan larangan pemilikan atau pembelian hartanah asing di Forest City. Langkah-langkah ini menjejaskan keyakinan pelabur dan mengurangkan aktiviti pembelian hartanah secara kolektif.


Selain itu, permintaan terhadap rumah di Forest City merosot dengan mendadak semasa pandemik Covid-19 melanda. Sepanjang krisis global ini berlangsung, sektor hartanah China terjejas teruk akibat pandemik. Impaknya, Country Garden menanggung liabiliti sebanyak AS\$16.4 bilion pada akhir tahun 2023 akibat krisis kecairan (liquidation), yang mana AS\$16.4 bilion daripadanya terdiri daripada hutang luar pesisir. Krisis yang semakin meruncing itu menyebabkan ramai pembeli dari China menarik balik pembelian mereka, sekali gus menjejaskan prospek pasaran dan nilai Forest City. Menjelang tahun 2023, hanya 15% (28,000-unit kediaman) projek ini siap dibina dengan kadar penghunian dianggarkan hanya 1% (9,000 penduduk). Prestasi yang tidak memberangsangkan ini menyebabkan projek futuristik tersebut digelar sebagai "Bandar Hantu" (Ghost City). Walau bagaimanapun, Country Garden kekal optimis bahawa pembangunan mereka akan membuahkan hasil pada masa hadapan meskipun pertumbuhannya perlahan.

Walaupun sektor hartanah China beransur-ansur pulih kepada kira-kira AS\$10 bilion pada tahun 2024, fasa pemulihan tersebut masih belum mencapai paras nilai pelaburan tahun 2017 iaitu AS\$40 bilion. Meskipun trajektori pertumbuhannya lemah, Kementerian Kewangan Malaysia melaporkan bahawa Forest City masih amat bergantung dengan permintaan dari China, yang mana 70% unit hartanah dijual kepada pelabur-pelabur China. Hal ini menekankan kebergantungan projek ini secara berterusan terhadap dinamik pasaran luar, sekali gus menimbulkan persoalan mengenai daya tahan dan hala tuju masa depannya.

>> Status Zon Kewangan Khas (FC-SFZ) dan Insentif: Pemangkin Kebangkitan Forest City

Bagi merencanakan semula pembangunan Forest City yang tertangguh dan meraih potensi yang belum diterokai, YAB Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim telah mengumumkan penetapan Forest City sebagai Zon Kewangan Khas (SFZ) pada tanggal 25 Ogos 2023. Inisiatif ini merupakan usaha untuk meningkatkan pelaburan dan ekonomi Johor yang penting dalam merealisasikan agenda Maju Johor. Infrastruktur strategik FC-SFZ diunjurkan untuk memupuk kolaborasi dengan Singapura, mencontohi model Zon Ekonomi Khas (SEZ) Shenzhen-Hong Kong yang telah lama diiktiraf sebagai penanda aras pertumbuhan rentas sempadan dan bakal menjadi enjin dwi-teras rantau ASEAN.

Seperti yang digambarkan dalam Rajah 5b, Forest City telah dianugerahkan status Malaysia Digital (MD) sebagai sebuah bandar pintar yang lengkap. Perusahaan-perusahaan digital dalam bidang AI, data raya, IoT dan reka bentuk litar bersepadu (IC) akan mendapat manfaat daripada pelbagai insentif dan kemudahan-kemudahan yang disediakan. Bandar ini menggunakan sistem ID unik di seluruh kawasan bandar dan menyediakan Ruang Kerja Bersama MDEC untuk perniagaan-perniagaan sedunia dan syarikat-syarikat pemula.



Rajah 5b: Ekosistem Bandar Pintar Forest City dan FC-SFZ
Sumber: Portal Zon Kewangan Khas (FC-SFZ) Forest City

Keseluruhan operasi sektor perbankan dan kewangan akan berjalan di Pulau Satu, iaitu pulau seluas 770 ekar di FC-SFZ. Pulau ini merupakan satu-satunya pulau dalam FC-SFZ yang dianugerahkan status pulau bebas cukai selepas pemeeteraian Memorandum Persefahaman (MOU) JS-SEZ, setaraf dengan Langkawi dan Labuan. Para pelawat perlu menginap sekurang-kurangnya dua hari di pulau tersebut untuk memperoleh kelayakan bagi membeli produk-produk bebas cukai. Pada masa yang sama, pusat perkhidmatan global dan perkhidmatan pindahan (*transfer*) akan ditawarkan di kawasan tanah besar FC-SFZ. Antara insentif yang ditawarkan di tanah besar itu termasuk Elaun Cukai Pelaburan (ITA) 100% selama lima tahun, potongan 100% ke atas pendapatan berkanun bagi perkhidmatan-perkhidmatan logistik, serta kadar cukai yang dikurangkan kepada lima peratus sehingga 20 tahun untuk pusat perkhidmatan global dan perkhidmatan penempatan semula.

Pihak kerajaan turut memperkenalkan insentif-insentif dan pakej kompetitif pelbagai dimensi seperti kadar cukai pendapatan khas 15% untuk pekerja pengetahuan yang mahir, disertai dengan keistimewaan visa kemasukan yang berganda bagi mengurangkan kos dan menarik potensi pelabur masa hadapan. Melalui kadar khas ini, kadar ini dapat memperkukuh kumpulan bakat tempatan dan mengurangkan krisis penghijrahan tenaga mahir (*brain drain*) Malaysia. Bagi menarik masuk aliran modal antarabangsa, kerajaan menawarkan kadar cukai korporat konsesi antara 0% hingga 5%. Langkah ini dijangka menarik perhatian perniagaan-perniagaan, institusi-institusi kewangan dan individu-individu berpendapatan dan bernilai tinggi.

Laporan Tahunan Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA) 2023 menyatakan bahawa penetapan status Zon Kewangan Khas (SFZ) akan disesuaikan selaras dengan enam sektor utama iaitu sektor kewangan, perbankan dan pasaran modal, teknologi kewangan (*fintech*) dan inovasi, Kewangan Islam, pengurusan kekayaan, insurans dan pengurusan risiko. FC-SFZ dijangka menjadi pemangkin ekonomi bagi Iskandar Malaysia dan Johor.



Rajah 5c: Insentif-Insentif khas di FC-SFZ bagi aktiviti Fintech, Perbankan dan Perkhidmatan Kewangan
Sumber: Portal Zon Kewangan Khair (FC-SFZ) Forest City, Frost & Sullivan

Aktiviti-aktiviti perkhidmatan kewangan akan menjadi salah satu teras utama di FC-SFZ. Pakej-pakej insentif yang ditunjukkan dalam Rajah 5c telah diperkenalkan untuk mempromosikan perkhidmatan kewangan seperti perkhidmatan perniagaan global dan teknologi kewangan (Fintech). Teknologi kawal selia (RegTech) dan Insurtech merupakan antara bidang utama fintech yang diberi tumpuan khusus di FC-SFZ, bagi mentransformasikan Malaysia untuk menjadi hab kewangan global yang menawarkan perkhidmatan berteknologi tinggi.

Kadar cukai khas lima peratus telah diberikan kepada pengendali fintech dan sistem pembayaran asing ke atas pendapatan bercukai yang diperolehi daripada aktiviti kelayakan yang diluluskan, bagi tempoh 10 tahun taksiran, dan tempohnya boleh dilanjutkan untuk tambahan 10 tahun taksiran lagi. Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) telahpun dilantik untuk memproses permohonan-permohonan insentif cukai ini. Kesemua permohonan tersebut mestilah dikemukakan kepada MDEC dan akan dinilai oleh Jawatankuasa Pelaburan Negara (NCI) bermula 1 September 2024 hingga 31 Disember 2034.

Beberapa institusi kewangan tempatan dan antarabangsa yang terkemuka serta syarikat logistik telah menyatakan minat untuk melabur di FC-SFZ termasuk Malayan Banking Berhad (Maybank), Public Bank Berhad, United Overseas Bank (UOB), Credit Lyonnais Securities Asia (CLSA), dan Tiong Nam Logistics Holdings Berhad.

Sektor perbankan negara juga dijangka mendapat manfaat daripada pelaksanaan SFZ. Inisiatif ini menggalakkan penyelesaian perbankan yang inovatif dan memudahkan transaksi rentas sempadan yang lebih lancar. Pihak kerajaan telah mengumumkan potongan khas ke atas kos pemindahan semula, elaun bangunan industri tertingkat dan pengecualian cukai pegangan kepada institusi perbankan, insurans dan pengantara pasaran modal. Dengan sokongan Bank Negara, bank-bank asing yang diperbadankan secara tempatan dianugerahkan fleksibiliti kawal selia untuk membuka cawangan tambahan di FC-SFZ dan menikmati kebebasan yang lebih besar dalam melaksanakan pinjaman mata wang asing luar pesisir dan pelaburan. Syarat khas yang ditetapkan ini amat memuoskan bagi pengamal kewangan dan para pelabur.

Sektor hartanah dan harta tanah dijangka positif dalam mencatatkan pertumbuhan mampan di bawah FC-SFZ. Insentif termasuk Cukai Keuntungan Hartanah (RPGT) sifar peratus bagi pembeli-pembeli asing selepas lima tahun dan pengecualian duti setem sebanyak 50% ke atas pemindahan hartanah. Kedua-dua insentif ini merangsang permintaan terhadap hartanah kediaman mewah, sekali gus meningkatkan aliran modal masuk ke Johor Bahru. Insentif-insentif ini menarik pelabur-pelabur antarabangsa dan individu-individu berpendapatan tinggi, lantas meningkatkan permintaan terhadap kediaman mewah, ruang komersial dan peruncitan, serta mendorong kenaikan nilai hartanah.

Pada Ogos 2024, kerajaan negeri Johor telah mencadangkan pengintegrasian Forest City ke dalam JS-SEZ, meliputi 3,571 km² merentasi kawasan Iskandar Malaysia dan Pengerang. Dengan pemeteraian rasmi perjanjian JS-SEZ pada bulan Januari 2025, FC-SFZ dimasukkan ke dalam JS-SEZ dan ditetapkan sebagai Andalan (Flagship) G. Langkah ini dijangka mengukuhkan hubungan perdagangan dengan Singapura dan menarik firma-firma yang mendambakan kos buruh dan tanah yang lebih rendah, khususnya dalam sektor peruncitan, F&B dan hospitaliti. Pada bulan yang sama, 11 syarikat—termasuk Kumpulan CIMB, Galaxy Securities, Konsortium AME Elite dan Perbadanan Wan Li—mengumumkan rancangan mereka untuk menubuhkan operasi di FC-SFZ, manakala Maybank membuka cawangan “phygital” untuk memperluas pembayaran digital.

Kerajaan negeri Johor dengan sokongan padu IRDA, Invest Johor dan MIDA telah menubuhkan Pusat Memudahcara Pelaburan Malaysia – Johor (IMFC-J), sebuah hab sehenti untuk mempercepat kelulusan dan memudahkan pelaburan bernilai tinggi di kawasan JS-SEZ. Fokus utama adalah bagi sektor logistik, pembuatan, perkhidmatan kewangan dan perniagaan, kesihatan, ekonomi hijau, keselamatan makanan, pelancongan, tenaga boleh diperbaharui, ekonomi digital dan pendidikan. IMFC-J diunjurkan untuk mewujudkan 20,000 peluang pekerjaan berkemahiran di Forest City. Rangka Kerja Johor Super Lane turut beroperasi di FC-SFZ, bagi menyelaraskan ekosistem pelaburan pantas secara lancar. Dengan adanya rangka kerja ini, proses kelulusan projek mengambil masa 14 bulan sahaja berbanding 24 bulan sebelum ini. Menjelang April 2025, 32 buah syarikat telah menyatakan minat yang mendalam, termasuk 19 pejabat keluarga dari Malaysia, Thailand dan Singapura; manakala IMFC-J telah menerima lebih 250 pertanyaan daripada pelabur.

Reformasi bagi program Malaysia My Second Home (MM2H) telah memperluas kelompok pembeli asing. Keperluan deposit tetap utama dikurangkan daripada RM1 juta kepada RM600,000 sahaja, manakala warganegara Singapura pula menikmati proses kemasukan yang lebih pantas. Dalam FC-SFZ, para pemohon tidak diwajibkan untuk menetap di Forest City tetapi mereka mesti membeli hartanah di dalam zon tersebut untuk mengakses insentif-insentif yang telah ditawarkan. Bagi warganegara Singapura, kelayakan mereka bagi program ini memerlukan pelaburan di bawah SGD300,000, yang meliputi visa, deposit tetap dan hartanah.


Memandangkan sistem pengangkutan dan kesalinghubungan adalah penting untuk kelancaran operasi harian FC-SFZ, Forest City dengan Jayanya melancarkan perkhidmatan bas secara terus ke Laluan Kedua Malaysia-Singapura, dengan kerjasama Causeway Link pada tahun 2023. Kerjasama ini memantapkan kesalinghubungan antara FC-SFZ dan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KSAB) Sultan Abu Bakar di Laluan Kedua. Dengan mengoptimumkan laluan sedia ada ke Educity, NSK Nusajaya dan AEON Bukit Indah, kekerapan bas turut meningkat secara berkadar. Kerjasama mampan FC-Causeway Link juga telah memperkenalkan perkhidmatan bas hujung minggu dan bas percutian ke Kuala Lumpur, dengan perkhidmatan penuh bermula pada 16 Februari 2025. Inisiatif-inisiatif ini memanfaatkan sebanyak 300,000–400,000 rakyat Singapura dan Johor setiap hari.

Pada masa hadapan, laluan basikal di pulau ini akan diintegrasikan dengan ekosistem pengangkutan awam Johor Bahru, khususnya dengan kewujudan Sistem Transit Rapid (RTS) yang hampir 80% siap, Transit Rapid Automati (ART), dan potensi menghidupkan semula Projek Rel Berkelajuan Tinggi (HSR) bagi memantapkan pengalaman perjalanan yang lebih cekap.

>> Insentif-insentif Pejabat Keluarga FC-SFZ: Lonjakan Pengurusan Kekayaan Serantau

Pejabat-pejabat keluarga merupakan organisasi persendirian yang ditubuhkan untuk mengurus kekayaan buat satu atau beberapa keluarga. FC-SFZ dilihat sebagai sebuah destinasi unik bagi pejabat keluarga global (FO). Bermula pada Suku Pertama 2025, FC-SFZ akan menjadi lokasi pertama di Malaysia yang menawarkan kadar cukai sifar peratus kepada FO. Kadar ini amatlah lumayan jika dibandingkan dengan kadar cukai korporat biasa iaitu 24%. Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia menyelaras Skim Pejabat Keluarga Tunggal (SFO) untuk menarik organisasi sebegini di Malaysia dan serantau untuk mengurus kekayaan mereka di Malaysia. SC juga mengawal selia kelulusan Pas Residen dan Pas Pekerjaan yang diberikan kepada setiap Pelabur Keluarga Pengasas dan FO yang berkaitan dengannya.

Di bawah Skim SFO ini, SFO di Malaysia boleh ditubuhkan dengan minimum Aset Di Bawah Pengurusan (AUM) berjumlah RM30 juta, jauh lebih rendah berbanding S\$20 juta yang diperlukan di Singapura. Kadar sifar peratus dikenakan ke atas pendapatan daripada pelaburan yang layak yang dipegang oleh Kenderaan Pejabat Keluarga Tunggal (SFOV), untuk tempoh awal 10 tahun. Tempoh ini boleh dilanjutkan selama 10 tahun lagi (10+10), tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat yang diutarakan. Skim ini merangkumi proses pensijilan dua peringkat oleh SC, termasuk fasa perundingan awal diikuti semakan tahunan bagi memastikan pematuhan berterusan terhadap syarat-syarat insentif cukai tersebut.



Rajah 5d. Skim Insentif-insentif Pejabat Keluarga di FC-SFZ

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Sepertimana yang digambarkan dalam Rajah 5d, syarat-syarat keperluan itu memutuskan bahawa SFOV mestilah diperbadankan di Malaysia dan mengekalkan sebuah pejabat berdaftar di Pulau Satu, FC-SFZ, di samping operasinya mestilah berpangkalan secara fizikal di situ.

SFOV patut di pra-daftarkan dengan SC. SFO juga boleh dikecualikan daripada mendapatkan lesen bawah Akta Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSA) 2007 tetapi bergantung kepada syarat-syarat SC.

Tahun 2025 menandakan perubahan yang signifikan bagi pembangunan FO di FC-SFZ. Menjelang Januari 2025, FC-SFZ telah melancarkan pra-tempahan bagi fasa pertama unit-unit komersial. Lebih daripada itu, fasa-fasa komersial bagi pejabat-pejabat fleksibel dan kedai Pejabat Kecil Pejabat Fleksibel (SOFO) akan diperkenalkan di Teluk Cerulean. Pada April 2025, Pejabat Keluarga CMY Capital dan Pejabat Keluarga Yow Key yang berpangkalan di Malaysia kedua-duanya telah menerima kelulusan daripada SC untuk beroperasi di SFZ, menjadikan mereka antara FO terawal di FC-SFZ. Sebanyak 30 syarikat lain telah menyatakan niat untuk mewujudkan operasi mereka di SFZ. FO ini melengkapi inisiatif GEAR-up oleh Kementerian Kewangan. Dengan adanya insentif-insentif yang unik ini, FO memanfaatkan secara maksima potensi GLICs dan dana-dana institusi dengan cara menyertai pelaburan-pelaburan Pertumbuhan Tinggi dan Bernilai Tinggi (HGTV). Langkah ini direalisasikan menerusi peluang-peluang dicipta modal usaha niaga (VC) dan ekuiti swasta. Impak bagi inisiatif ini jelas kelihatan tatkala pengganda ekonomi bagi inisiatif ini diunjurkan untuk mencapai nilai RM10.7 bilion.

Mutakhir ini di peringkat global, dianggarkan sebanyak 8,030 buah SFO yang wujud, dan SFO diramalkan untuk bertumbuh sebanyak 75% sehingga menggapai jumlah 10,720 buah SFO dalam tempoh lima tahun. Jumlah Aset di Bawah Pengurusan (AUM) dijangka mencapai AS\$5.4 trilion menjelang 2030. FO di FC-SFZ berada pada landasan yang amat tepat untuk memanfaatkan peluang dalam industri pengurusan kekayaan yang serba berkembang ini, dengan cara memperluas lagi tapak asas pelabur-pelabur Malaysia.

Memandangkan FC-SFZ secara konsepnya dimodelkan berdasarkan struktur Pusat Kewangan Antarabangsa Dubai (DIFC), konsep FO ini menyamai konsep Pusat Kekayaan Keluarga DIFC yang dilancarkan pada 2023. Keahlian bagi Pusat Kekayaan Keluarga DIFC terdiri daripada empat kategori perkhidmatan teras seperti Rangkaian dan Pembinaan Komuniti, Pembelajaran dan Pendidikan, Kepemimpinan Berwibawa, dan Sokongan Perniagaan. Kendatipun begitu, DIFC secara uniknya menawarkan perkhidmatan khusus kepada SFO, SFOV dan Pejabat Keluarga Pelbagai (MFO) tetapi FC-SFZ pula mengutamakan agenda SFO dan SFOV.

>> Amalan Terbaik Daripada Zon-Zon Kewangan dan Ekonomi Global

FC-SFZ melihat kepada Pusat Kewangan Antarabangsa Dubai (DIFC), sebuah pemain kewangan global utama, dan menjadikan Pusat Komoditi Pelbagai Dubai (DMCC) selaku penanda aras bagi operasi-operasi dan insentif-insentif yang diberikan di FC-SFZ. DMCC misalnya telah menempatkan sektor-sektor membangun seperti kenderaan elektrik (EV), dan perdagangan berlian. Dubai juga berkembang pesat disokong oleh perkhidmatan khusus yang ditawarkan, pusat-pusat komersial bermutu tinggi serta insentif-insentif dipacu pihak kerajaan yang mampan.

DIFC merupakan hab kewangan bertaraf dunia bagi rantau MEASA, dan pusat ini memudahkan perdagangan Selatan-Selatan (South-South) dan pertumbuhan pelaburan. Selaku pusat kewangan antarabangsa luar pesisir, DIFC secara uniknya menawarkan sebuah ekosistem yang lengkap dengan mempunyai pengawal selia bebasnya sendiri, ditambah dengan sistem kehakiman bebas dengan rangka kerja undang-undangnya sendiri yang beroperasi di pusat itu. DIFC juga disokong dengan infrastruktur termaju. Strategi Pertumbuhan DIFC 2024 menggariskan rangka tindakan bagi dekad seterusnya. Sebanyak 1,539 buah syarikat aktif dengan 21,076 keahlian profesional kini beroperasi di pusat ini.

Sistem perundangan dan kehakiman berasingan milik DIFC membolehkan mereka untuk menggubal undang-undang komersial dan sivil asas mereka sendiri berasingan daripada UAE dan Emiriah Dubai. Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Dubai (DFSA), pengawal selia bebas bagi perkhidmatan kewangan DIFC mengawal selia firma-firma yang mengurus dan mengedar dana-dana pelaburan kolektif. Di DIFC, tiga dana ditawarkan antaranya Dana Domestik bermastautin (domiciled) di DIFC, Dana Luaran, dan Dana Asing. Setakat tahun 2025, sebanyak 980 entiti yang dikawal selia oleh DFSA. Untuk mempercepat proses pelaburan, Pelaburan alternatifnya merangkumi 75 buah dana lindung nilai. Pada masa yang sama, DIFC juga melancarkan Pusat Dana yang terkini pada tahun 2024 yang menyediakan bantuan modal dan pelaburan.

Pentadbiran Pusat Kewangan ini juga amat mengagumkan. Selaku Fintech Accelerator pertama rantau tersebut, Hab inovasi DIFC dan Pemangkin Kewangan Lestari telah dilancarkan untuk mempercepat tindakan pendanaan iklim. Dalam bidang AI, lesen AI telah diperkenalkan dengan penyertaan Kampus AI Dubai DIFC, memantapkan juga Undang-Undang Aset Digital yang pertama di dunia.

Pada separuh tahun pertama 2025, DIFC menyaksikan sejumlah 7,700 syarikat berdaftar, mencatatkan peningkatan sebanyak 25% daripada 6,153 syarikat pada Separuh Tahun Pertama 2024. Mengiktiraf kepakaran DIFC, Dubai dikategorikan dalam indeks Pusat Kewangan Global (GFCI) selaku bandar yang mempunyai kebolehan kewangan yang meluas (disenaraikan antara GFCI tertinggi menerusi bandar-bandar kewangan global dalam Fintech (tempat kelima), perkhidmatan profesional (tempat kelapan), infrastruktur (tempat kesembilan) dan persekitaran perniagaan (tempat kesepuluh)).

DIFC menawarkan pakej-pakej yang meluas untuk industri kewangan. Pusat itu menawarkan kadar sifar peratus bagi cukai pendapatan korporat secara keseluruhannya bagi perolehan sumber asing bagi sekurang-kurangnya 50 tahun. Meskipun UAE mengenakan lima peratus cukai VAT, tetapi kebanyakan hasil perkhidmatan kewangan di DIFC dikecualikan daripadanya. Lebih-lebih lagi, golongan profesional yang bekerja di bawah kontrak pekerjaan DIFC membayar sifar peratus cukai pendapatan peribadi terhadap imbuhan mereka. Selain insentif sedia ada, FC-SFZ boleh mengambil contoh daripada model Dubai di masa hadapan dengan menawarkan insentif-insentif strategik dan mencipta persekitaran perniagaan tersuai yang tersendiri.

Zon Ekonomi Khas (SEZ) Shenzhen merupakan antara zon ekonomi yang tertua dan terpenting, mendominasi selama empat dekad sejak era 1980an. Sejak 2020, Shenzhen telah menubuhkan 33,000 perusahaan-perusahaan pelaburan asing yang baharu dan menarik AS\$40 bilion dalam pelaburan asing sebenar dalam tempoh yang sama. Daripada tujuh SEZ di China selama ini, Shenzhen merupakan zon yang terbaik jika dibandingkan dengan Zhuhai, Shantou, dan Xiamen. Disebabkan jarak yang amat dekat dengan Hong Kong, Shenzhen menarik perhatian jiran mereka yang lebih kaya, malah memperoleh 50% daripada Pelaburan Langsung Asing (FDI) China pada 1985.

Shenzhen juga memperoleh autonomi sebagai sebuah wilayah. Hal ini membolehkannya bereksperimen dengan melaksanakan pelbagai polisi dan kekal unik daripada bandar-bandar pesaingnya. Polisi-polisi pentadbiran yang inovatif di sana termasuk memperkenalkan sistem kontrak buruh dan gaji yang baharu, sistem tender, sebuah skim pembelian rumah untuk pekerja, serta melancarkan lelongan hak pembangunan tanah bandar yang pertama. Shenzhen juga melancarkan reformasi sistem harganya dan memperkenalkan sebuah proses yang demokratik bagi mengundi pengurus-pengurus kilang mereka.

Bandar ini juga telah menjadi bandar China yang pertama untuk menerima masuk FDI dan syarikat-syarikat teknologi seperti Huawei dan ZTE yang bermula di Shenzhen sendiri. Menggunakan strategi dwi-pusingan, Shenzhen menegenahkan fokusnya sebagai hab dunia bagi bidang kewangan dan perdagangan. Bandar ini sentiasa melabur dan menjalankan proses R&D dalam industri-industri masa hadapan seperti AI, 5G, sains hayat, di samping membangunkan polisi-polisi mereka sendiri demi menarik perhatian bakat-bakat antarabangsa. Shenzhen juga terus melaksanakan pusat sehenti bagi pendaftaran perniagaan dan insentif-insentif cukai untuk syarikat-syarikat HGHV.

Dalam aspek kedudukan strategik global, FC-SFZ sepatutnya belajar daripada Shenzhen dengan menggunakan pengaruhnya untuk membangunkan kemajuan industri-industrinya. Mutakhir ini, Shenzhen menaiktaraf statusnya untuk menjadi pemimpin dunia bagi peranti-peranti pintar dan tenaga baharu. Syarikat-syarikat seperti Apple telah menubuhkan operasi mereka di sana, lantas meningkatkan eksport dan pembuatan bernilai tinggi di peringkat global. Hasilnya, Shenzhen merekodkan prestasi ekonomi yang kukuh pada Separuh Tahun Pertama 2025, dengan jumlah perdagangan bandar itu mencecah 2.17 trilion yuan (AS\$303 bilion), merangkumi 9.9% jumlah perdagangan China pada tempoh yang sama.

Tidak dilupakan juga, Bandar Teknologi Kewangan Antarabangsa Gujerat (GIFT) di India, sebuah hab kewangan terkemuka dan bandar pintar di Asia Selatan. GIFT memperkenalkan sifar peratus kadar cukai GST bagi perkhidmatan kewangan, pengecualian cukai untuk transaksi luar pesisir, dan insentif-insentif khas untuk syarikat pemula niaga. Bandar ini sama seperti Shenzhen dan DIFC dari segi operasinya yang berlandaskan rangka kerja kewangan yang berasingan di bawah *International Financial Services Centres Authority (IFSCA)*.

Kesimpulannya, FC-SFZ mempersembahkan penanda aras bagi revolusi kewangan di Asia Tenggara, menawarkan perkhidmatan buat pasaran yang sentiasa berkembang bagi perkhidmatan kewangan dan teknologi masa hadapan. Namun begitu, beberapa cadangan boleh diutarakan untuk menambahbaik insentif-insentif dan pentadbiran zon ini. FC-SFZ boleh mencontohi amalan terbaik daripada Shenzhen dan DIFC, yang mana autonomi dan bidang kuasa yang berasingan membolehkan pusat-pusat tersebut bereksperimen secara inovatif dan mencipta dasar tersendiri yang sesuai. Menggunakan pengaruhnya yang amat dekat dengan Singapura, FC-SFZ juga patut menarik pelanggan *Ultra-High-Net-Worth* dengan menawarkan pengecualian cukai yang lebih menyeluruh bagi perniagaan berskala besar. FC-SFZ juga haruslah meluaskan kelompok bakat mereka dan mempertingkatkan kebolehan AI dengan cara membina akademi sendiri, membina fasiliti AI, dan makmal yang setanding dengan Hab Inovasi DIFC. Inisiatif-inisiatif sebegini mampu menghasilkan sebuah tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, bersedia menghadapi masa hadapan yang mempertingkatkan daya saing zon ini dalam jangka masa panjang.

6.5 EKONOMI HIJAU

6.5.1 Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (*National Energy Transition Roadmap, NETR*)

Malaysia telah melancarkan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) pada tahun 2023 sebagai panduan strategik untuk memperkukuh agenda nasional dalam usaha peralihan tenaga ke arah ekonomi hijau. Sebanyak sepuluh projek pemangkin utama telah dikenal pasti di bawah NETR, meliputi enam pemacu utama peralihan tenaga, iaitu:

1. Kecekapan tenaga (*Energy Efficiency, EE*)
2. Tenaga boleh diperbaharui (*Renewable Energy, RE*)
3. Hidrogen
4. Bioenergi
5. Mobiliti hijau (*Green Mobility*)
6. Penangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (*Carbon Capture, Utilisation and Storage, CCUS*)

Pelan ini menetapkan hala tuju bagi campuran tenaga negara, pengurangan pelepasan gas rumah hijau (GHG) dan inisiatif peralihan tenaga, dengan sasaran pelaburan melebihi RM25 bilion serta pengurangan pelepasan GHG sebanyak lebih 10,000 Gg CO₂e/q setiap tahun.

Seiring dengan matlamat Malaysia untuk mencapai sifar bersih karbon (*net-zero emissions*) menjelang 2050, Johor berada pada kedudukan strategik untuk menjadi sauh utama pelaksanaan NETR di wilayah selatan, didorong oleh asas perindustrian yang kukuh, kelebihan geografi, serta daya tarikan pelaburan yang tinggi. Dengan menyelaraskan pembangunan di peringkat negeri dengan keutamaan nasional dalam peralihan tenaga, Johor berpotensi meneroka peluang pertumbuhan baharu sambil memperkukuh kedudukannya sebagai negeri maju yang berdaya saing dan lestari.

Salah satu projek pemangkin utama di bawah NETR ialah inisiatif *Future Fuel*, yang melibatkan pembangunan laji bio-penapisan (*bio-refinery*) di Pengerang, Johor. Projek ini berfungsi sebagai pemangkin kepada pembentukan hab pengeluaran produk berasaskan bio, yang akan memacu pertumbuhan sektor bioekonomi negara. Kemudahan bio-penapisan di Kompleks Bersepadu Pengerang (*Pengerang Integrated Complex, PIC*) telah dimulakan pada awal tahun 2025 dan dijangka beroperasi sepenuhnya pada separuh kedua tahun 2028. Kemudahan ini disasarkan untuk memproses kira-kira 650,000 tan suapan (*feedstock*) setahun, bagi menghasilkan bahan api penerbangan lestari (*Sustainable Aviation Fuel, SAF*), minyak sayuran terhidrogen (*Hydrotreated Vegetable Oil, HVO*), dan bio-naphtha, sekali gus menyokong aspirasi Malaysia dan Johor dalam peralihan tenaga hijau dan ekonomi berkarbon rendah.

Pemacu Peralihan Tenaga	Pemangkin (Flagship)	Kaedah / Mod Pelaksanaan (Modalities)
Kecekapan Tenaga (Energy Efficiency, EE)	Efficient Switch	Akta Kecekapan dan Pemuliharaan Tenaga (Energy Efficiency and Conservation Act, EECA)
		Audit Tenaga bagi Sektor Rel
Tenaga Boleh Diperbaharui (Renewable Energy, RE)	Zon Tenaga Boleh Diperbaharui (RE Zone)	Zon Tenaga Boleh Diperbaharui Bersepadu (Integrated RE Zone)
		Taman Solar (Solar Park)
		Sistem Hibrid Hidro-Solar Terapung (Hybrid Hydro-Floating Solar PV, HHFS)
		Solar Kediaman (Residential Solar)
	Penyimpanan Tenaga (Energy Storage)	Sistem Penyimpanan Tenaga (Energy Storage System, ESS)
Keselamatan Tenaga (Energy Secure)	Inisiatif Keselamatan Tenaga Sabah (Sabah Energy Security Initiative)	
Hidrogen (Hydrogen)	Hidrogen Hijau (Green Hydrogen)	Hab Hidrogen Sarawak (Sarawak Hydrogen Hub)
	Hidrogen untuk Penjanaan Tenaga (Hydrogen for Power)	Gabungan Pembakaran Hidrogen dan Ammonia (Co-Firing of Hydrogen and Ammonia)
Bioenergi (Bioenergy)	Pembangunan Permintaan Biomassa (Biomass Demand Creation)	Pengelompokan Biomassa (Biomass Clustering)
		Pembakaran Bersama Biomassa (Biomass Co-Firing)
Mobiliti Hijau (Green Mobility)	Mobiliti Masa Hadapan (Future Mobility)	Stesen Pengecasan Kenderaan Elektrik (EV Charging Stations)
		Stesen Isian Semula Hidrogen Bergerak (Mobile Hydrogen Refuelling Station)
		Elektrifikasi Pengangkutan Awam (Public Transport Electrification)
	Pemasangan Sistem Solar Fotovolta (PV) bagi Operasi Rel	
Penangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon (CCUS)	CCS untuk Industri	Hab Biofuel (Biofuels Hub)
		Rangka Kerja Peraturan (Regulatory Framework)
		CCS Kasawari dan Lang Lebah

Rajah 6.2: Projek dan Inisiatif Pemangkin Utama di bawah NTER
Sumber: National Energy Transition Roadmap

6.5.2 Sokongan daripada Sektor Swasta dan Pihak Luaran

Pelaksanaan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) menekankan kerjasama aktif antara kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan pemain sektor swasta. Pendekatan bersepadu ini memastikan usaha peralihan tenaga dilaksanakan secara menyeluruh merentasi rantai bekalan tenaga negara. Antara peneraju utama ialah:

1. Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang mengetuai pembangunan taman solar (*solar parks*) dan projek solar terapung (*floating solar PV*)
2. Petronas, yang menerajui pembangunan hab biofuel dan pusat penangkapan karbon (*carbon capture hubs*)
3. Khazanah Nasional Berhad, dana kekayaan berdaulat negara yang berperanan dalam menyepadukan zon tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy zones*) di sepanjang rantai bekalan tenaga.

Projek kemudahan bio-penapisan (*bio-refinery*) di Pengerang merupakan usaha sama strategik (*joint venture*) antara Petronas Mobility Lestari, Eni (Itali) melalui Enilive, dan Euglena (Jepun), dengan kerja-kerja Kejuruteraan, Perolehan dan Pembinaan (EPC) dikontrakkan kepada Samsung. Selain itu, usaha sama baharu turut dirancang, di mana Dialog Group melalui Pengerang Terminals Two Sdn. Bhd. (PT2SB) sedang memperluas kemudahan penyimpanan sebanyak 272,000 meter padu, dengan jangkaan siap menjelang pertengahan tahun 2028. Selain daripada Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) beberapa inisiatif berimpak tinggi lain yang sejajar dengan rangka kerja NETR turut dilaksanakan di negeri Johor. Antara inisiatif utama yang sedang berjalan adalah seperti berikut:

1. Taman Perindustrian Tenaga Boleh Diperbaharui "UEM Sunrise Renewable Energy Industrial Park" (Gerbang Nusajaya, Iskandar Puteri)

Taman perindustrian seluas 40 ekar ini dibangunkan melalui kerjasama antara UEM Sunrise, Itramas dan China Machinery Engineering Corporation (CMEC). Ia turut disepadukan dengan loji tenaga solar hibrid berkapasiti 1 GW di bawah inisiatif NETR. Hab ini merangkumi kilang pembuatan modul solar dan kemudahan penyelidikan & pembangunan (R&D) yang menyasarkan rantai nilai tenaga boleh diperbaharui (RE) dan kenderaan elektrik (EV).

2. Projek Tenaga Solar Hibrid "UEM Lestra's Hybrid Solar Power Project" (Segamat, Johor)

Melalui Skim Bekalan Tenaga Boleh Diperbaharui Korporat (*Corporate Renewable Energy Supply Scheme, CRESS*), UEM Lestra melabur sebanyak RM2.5 bilion dalam pembangunan loji solar hibrid 1 GW, merangkumi kapasiti solar 750 MWp dan Sistem Penyimpanan Tenaga Bateri (*Battery Energy Storage System, BESS*). Beberapa pelanggan korporat utama seperti ESR telah pun dikenal pasti sebagai pengguna tenaga (*off-takers*), menandakan penyertaan industri yang kukuh dalam projek ini.

3. Pemasangan Sistem Solar Atap oleh AirTrunk "AirTrunk's installation of a rooftop solar system" (Johor Bahru)

Di bawah Program Kuasa Hijau Korporat Malaysia (*Corporate Green Power Program*), syarikat AirTrunk, pakar pusat data berskala besar dari Australia, bekerjasama dengan Pekat Solar, salah satu kontraktor solar terkemuka di Malaysia, untuk memasang sistem solar atap berkapasiti 1 Megawatt (MW) di pusat data Johor Bahru (JHB1). Selain itu, AirTrunk juga akan mendapatkan tenaga boleh diperbaharui daripada ladang solar 30 MW yang sedang dibangunkan, sejajar dengan komitmen terhadap sumber tenaga bersih.

4. "Maharani Energy Gateway" (Muar, Johor)

Projek ini melibatkan pelaburan bernilai USD 2 bilion oleh China Energy Engineering Corporation (CEEC) untuk membangunkan loji turbin gas kitaran gabungan (*Combined Cycle Gas Turbine, CCGT*) serta kemudahan pengeluaran hidrogen dan ammonia hijau. Pelaburan ini menandakan langkah strategik Johor ke arah pembangunan infrastruktur tenaga berasaskan hidrogen, sejajar dengan aspirasi NETR dan matlamat sifar bersih karbon menjelang 2050.

6.6 EKONOMI DIGITAL

Agenda pembangunan ekonomi digital Malaysia bagi tempoh 2024 hingga awal 2025 memberi tumpuan kepada mempercepat transformasi digital merentasi semua sektor bagi memacu inovasi, produktiviti dan pertumbuhan inklusif. Pelan Induk Ekonomi Digital Malaysia (*Malaysia Digital Economy Blueprint – MyDIGITAL*) yang selaras dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) menjadi tonggak utama pelaksanaan dasar ini. Teras strategik utama pelan tersebut merangkumi:

1. Meningkatkan daya saing ekonomi melalui pendigitalan,
2. Membangunkan bakat digital yang tangkas dan berkemahiran tinggi, serta
3. Memperluas infrastruktur digital, termasuk liputan rangkaian 5G yang telah mencapai 82% menjelang akhir tahun 2024.

Bagi tempoh 2021 hingga Jun 2024, jumlah pelaburan digital yang diluluskan mencecah RM185.3 bilion, dengan lebih RM86 bilion disumbangkan oleh pelaburan pusat data (*data centres*) pada tahun 2024 sahaja. Perkembangan ini menjadikan Malaysia berpotensi muncul sebagai hab pusat data terkemuka di Asia Tenggara, dengan sebanyak 77 pusat data beroperasi di seluruh negara. Daripada RM144 bilion pelaburan yang diluluskan untuk pusat data setakat November 2024, negeri Johor menerima sebanyak RM90 bilion³⁶⁴.

Dua kluster pusat data iaitu Sedenak Tech Park dan NTP-Johor terletak di lokasi yang strategik. Setakat ini, 13 syarikat telah menunjukkan minat atau dalam fasa perancangan untuk melabur di negeri Johor. Setakat November 2024, Kerajaan Negeri Johor juga sedang mengkaji 36 permohonan untuk infrastruktur pusat data di beberapa lokasi di seluruh negeri. Sepuluh pusat data telah mula beroperasi dengan tujuh dalam proses pembangunan di negeri Johor setakat Oktober 2024³⁶⁵.

Dalam usaha memperkukuh keupayaan negara dalam bidang kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence, AI*), Pejabat Kecerdasan Buatan Negara (*National Artificial Intelligence Office, NAI0*) telah ditubuhkan pada Ogos 2024 di bawah inisiatif MyDIGITAL. NAI0 berperanan menyelaras dasar dan strategi nasional berkaitan AI, memupuk pembangunan AI yang bertanggungjawab, serta mempromosikan Malaysia sebagai hab serantau bagi inovasi dan penyelidikan AI.

³⁶⁴ MIDA (2024). Johor poised to become digital economy hub. Tarikh capaian: 9 Nov 2025.

³⁶⁵ MIDA (2024). RM141.7b worth of digital investments approved in 2024, 41,078 jobs created, and 10 data centres operating in Johor, says Gobind. Tarikh capaian: 9 Nov 2025.

6.6.1 Pusat Penyebaran Maklumat Nasional (*National Information Dissemination Centre, NADI*)

Pusat Penyebaran Maklumat Nasional (NADI) telah mencatat kemajuan berterusan sebagai platform digital berpusat yang mempertingkatkan akses rakyat kepada perkhidmatan dan maklumat kerajaan, meningkatkan celik digital, serta mengintegrasikan pelbagai aplikasi e-kerajaan bagi mewujudkan ekosistem digital yang dipercayai, selamat dan inklusif. NADI merupakan penjenamaan semula kepada Pusat Ekonomi Digital (PEDi) pada Mac 2024, dengan pusat-pusatnya ditempatkan di seluruh negara. Pada September 2024, program ini sekali lagi dijenamakan sebagai NADI Madani, dan sehingga akhir tahun 2024, sebanyak 1,065 pusat telah beroperasi di seluruh Malaysia. Kerajaan menyasarkan untuk mengoperasikan 1,099 pusat NADI Madani menjelang awal tahun 2025, meliputi bandar, pinggir bandar dan kawasan luar bandar.

Pada tahun 2025, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memulakan projek rintis perkhidmatan telekesihatan (*telehealth*) melalui pusat NADI, termasuk penghantaran ubat-ubatan menggunakan dron – terutamanya di kawasan luar bandar dan berkeperluan tinggi. Dron-dron ini diuji untuk menghantar ubat dari pusat NADI terpilih ke klinik berdekatan, sebagai sebahagian daripada inisiatif kesihatan digital yang bertujuan memperluas capaian perkhidmatan kesihatan, meningkatkan kecekapan sistem penyampaian dan memperkukuh jaringan penjagaan kesihatan komuniti melalui teknologi digital.

6.6.2 NADI di Negeri Johor

Sehingga Mac 2025, negeri Johor telah melancarkan dua pusat NADI baharu masing-masing di Kampung Bukit Sri Wangi, Batu Pahat dan Kebun Teh, Larkin, sebagai sebahagian daripada pelaksanaan inisiatif "1-DUN-1-NADI". Dengan penambahan ini, jumlah keseluruhan pusat NADI di Johor telah meningkat kepada 101 buah pusat. Selain itu, NADI Bandar Senai telah mula beroperasi pada Disember 2024, menyediakan akses internet berkelajuan tinggi dan kemudahan digital kepada semua lapisan masyarakat.

Pusat-pusat NADI di Johor turut aktif menganjurkan pelbagai program komuniti, meliputi aspek keusahawanan, pendidikan digital dan pembangunan belia. Antara program yang kerap dijalankan termasuk:

- Karnival Kita MADANI,
- Latihan e-Usahawan,
- Pertandingan permainan digital (*Mobile Legends*),
- Bengkel Tiny Techies dan
- Inisiatif e-literasi (*e-literacy initiatives*).

Sebagai contoh, NADI Paya Jakas menjadi lokasi tumpuan pelbagai aktiviti digital komuniti, manakala NADI Felda Bukit Besar menampilkan sesi kemahiran MAHIR yang membolehkan peserta menyertai aktiviti seperti kelas memasak, baik pulih gajet, serta kempen kesedaran keselamatan siber dan e-dagang, yang direka khusus bagi memenuhi keperluan komuniti setempat.

Bagi memperluas akses internet berkelajuan tinggi melalui gentian optik, sebanyak 568 lokasi *Point of Presence (PoP)* di Johor telah dikenal pasti untuk pelaksanaan fasa kedua perluasan rangkaian. Menjelang pertengahan tahun 2025, Johor telah mencapai liputan pusat NADi yang signifikan, di mana pusat-pusat ini bukan sekadar titik capaian digital, tetapi turut berfungsi sebagai pusat komuniti setempat yang memperkukuh pendidikan, keusahawanan dan literasi digital dalam kalangan pelbagai kumpulan masyarakat.

6.6.3 Evolusi Teknologi Kewangan ^{305,307}

Pada peringkat global, sektor kewangan semakin bergerak ke arah tokenisasi aset (*tokenised assets*). Menjelang tahun 2030, aset yang ditokenkan dijangka mencapai nilai sekitar USD16 trilion, atau kira-kira 10% daripada KDNK dunia. Institusi kewangan utama sedang membangunkan platform untuk mengeluarkan, mengurus, dan menyelesaikan aset dunia sebenar yang ditokenkan. Tokenisasi (*tokenisation*) ialah proses menukar aset dunia sebenar (*real-world assets*) tradisional kepada representasi digital yang direkodkan pada platform boleh aturcara, biasanya menggunakan teknologi lejar diedarkan (*distributed ledger technology, DLT*). Platform ini membolehkan pelbagai peserta seperti penerbit, pelabur, dan pembayar mengeluarkan, berdagang, dan menyelesaikan transaksi untuk pelbagai jenis aset dalam sistem dikongsi.

Tokenisasi aset membawa ciri-ciri transformasi seperti penyelesaian segera (*atomic settlement*), fleksibiliti (*composability*), dan automasi (*programmability*). Kebolehan ini secara signifikan boleh meningkatkan kelajuan, kecekapan, dan ketelusan sektor kewangan untuk memenuhi jangkaan pelanggan yang semakin meningkat. Pada masa ini, Bank Negara Malaysia memberi tumpuan untuk meneroka potensi manfaat dan implikasi tokenisasi aset dunia sebenar (*real-world assets*) dalam perkhidmatan kewangan, terutamanya kepada penggunaan yang memberi manfaat kepada sektor kewangan dan ekonomi Malaysia.

>> Hubungan Antara Tokenisasi, Bitcoin dan Stablecoin

Konsep tokenisasi aset dibina atas asas teknologi yang diperkenalkan oleh Bitcoin. Bitcoin menunjukkan bahawa aset digital boleh dicipta, dipindahkan, dan direkodkan dengan selamat pada lejar terdesentralisasi (*decentralised ledger*) tanpa memerlukan pengantara. Inovasi ini menjadikan teknologi blockchain sebagai infrastruktur dipercayai untuk pertukaran nilai digital.

Tokenisasi melangkaui konsep mata wang digital. Bitcoin mewakili aset digital asli dengan nilai intrinsik yang ditentukan oleh permintaan pasaran, manakala tokenisasi membolehkan penciptaan representasi digital aset dunia sebenar seperti ekuiti, bon, hartanah, atau komoditi pada platform blockchain boleh aturcara. Aset yang ditokenkan ini boleh diperdagangkan, diselesaikan, dan diurus secara digital, menawarkan ketelusan, kecekapan, dan aksesibiliti lebih tinggi dalam ekosistem kewangan.

Stablecoin melengkapi ekosistem ini dengan berfungsi sebagai medium pertukaran digital dan instrumen penyelesaian dalam pasaran tokenisasi. Dipautkan kepada aset dunia sebenar yang stabil seperti mata wang fiat atau komoditi, stablecoin menyediakan kestabilan harga dan memudahkan transaksi antara aset yang ditokenkan tanpa volatiliti yang biasanya dikaitkan dengan mata wang kripto seperti Bitcoin.

Stablecoin direka untuk mengekalkan nilai stabil dengan mengaitkan nilai mereka kepada aset rujukan. Walau bagaimanapun, kerana kebanyakan stablecoin diperdagangkan di pasaran, harga mereka boleh berubah dari pautan asal, menimbulkan kebimbangan mengenai kesatuan wang (*singleness of money*). Tidak seperti deposit yang ditokenkan, banyak stablecoin berfungsi sebagai tuntutan yang boleh dipindah milik ke atas penerbit mereka, serupa dengan instrumen pembawa digital (*digital bearer instrument*).

Menyedari potensi stablecoin untuk memudahkan pembayaran cekap dalam ekosistem tokenisasi, BNM sedang meneroka pembangunan stablecoin bernilai ringgit (*ringgit-denominated stablecoins*) yang mengekalkan kesatuan monetari dan memenuhi piawaian antarabangsa untuk kestabilan nilai dan kebolehpercayaan penebusan, seperti yang digariskan oleh badan seperti Financial Stability Board (FSB).

BNM juga berwaspada terhadap risiko yang semakin meningkat berkaitan penggunaan stablecoin secara meluas, terutama berkaitan aktiviti haram dan cabaran penguatkuasaan langkah anti pengubahan wang haram. Menurut Bank for International Settlements (BIS), stablecoin telah menggantikan Bitcoin sebagai aset pilihan untuk transaksi haram dalam ekosistem kripto sejak 2022, menyumbang kira-kira 63% daripada aktiviti tersebut menjelang 2024. Kebolehan stablecoin bergerak bebas merentasi sempadan juga menimbulkan kebimbangan terhadap kedaulatan monetari dan penguatkuasaan peraturan pertukaran asing. Selain itu, pergantungan kepada stablecoin yang diterbitkan secara persendirian memperkenalkan risiko kredit, kerana nilai dan kebolehpenebusan mereka bergantung kepada kestabilan kewangan penerbit. Perkembangan ini menggariskan keperluan untuk langkah pengawalseliaan yang kukuh bagi mengekalkan kestabilan monetari dan integriti kewangan.

»» Peranan Strategik Johor dalam Ekosistem Fintech JS-SEZ

Rangka kerja pengawalseliaan Malaysia bagi stablecoin sedang berkembang dengan inisiatif penting yang dipacu oleh BNM dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC). BNM buat masa ini tidak mengiktiraf mata wang kripto sebagai alat pembayaran yang sah tetapi aktif meneroka inovasi kewangan digital, termasuk pembangunan mata wang digital bank pusat (*central bank digital currencies, CBDCs*). SC pula telah berperanan aktif dalam kerangka pengawalseliaan aset digital, memberi tumpuan kepada perlindungan pelabur, ketahanan pasaran, dan memudahkan inovasi melalui inisiatif seperti Digital Asset Innovation Hub dan Industry Working Group on Tokenisation.

Zon Kewangan Khas Forest City yang menawarkan insentif cukai strategik, fleksibiliti regulatori, dan manfaat fiskal yang bertujuan menarik syarikat teknologi kewangan (*fintech*) melengkapkan ekosistem nasional yang sedang berkembang. FC-SFZ diperhatikan sebagai tapak penting untuk percubaan dan pengembangan inovasi fintech seperti stablecoin, seterusnya memperkukuh peranan Johor sebagai hab kewangan dan teknologi yang berkembang pesat. Zon Kewangan Khas di Forest City bukan sahaja menyokong inisiatif pembangunan fintech yang selaras dengan rangka kerja aset digital Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, tetapi juga memperkukuh kedudukan Johor dalam memupuk integrasi kewangan rentas sempadan dengan Singapura di bawah kerjasama JS-SEZ.

6.7 CABARAN

Trajektori pembangunan ekonomi Johor akan terus dipengaruhi oleh hubungan antara negeri ini dengan kerajaan Persekutuan, di mana persaingan mendapatkan pelaburan dan sumber persekutuan kekal menjadi cabaran utama. Kebergantungan Johor terhadap rangka dasar nasional seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) bermaksud bahawa sebarang kelewatan atau ketidaksejajaran di peringkat persekutuan boleh memberi kesan kepada kemajuan negeri. Oleh itu, penyelarasan yang berkesan antara agensi persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan amat penting bagi memastikan pelaksanaan dasar yang menyeluruh serta mengelakkan pertindihan dan fragmentasi dasar.

Di peringkat antarabangsa, kedudukan strategik Johor yang bersempadan dengan Singapura memberikan kelebihan daya saing dalam rangka Zon Ekonomi Khas Johor–Singapura (JS-SEZ). Namun, hubungan ini juga mendedahkan negeri kepada ketidakpastian luaran. Ketidakstabilan ekonomi global – termasuk ketegangan perdagangan, gangguan rantai bekalan, dan turun naik pasaran kewangan antarabangsa – boleh menjejaskan keupayaan Johor untuk menarik dan mengekalkan pelaburan asing. Memandangkan ekonomi negeri banyak bergantung pada pelaburan langsung asing (FDI), Johor perlu mengurus risiko ini dengan berhati-hati agar tidak terdedah kepada perubahan dinamik ekonomi serantau dan global.

Di peringkat domestik, kepesatan pembangunan ekonomi dan perbandaran turut membawa risiko sosial yang boleh melebar jurang ketidaksamarataan. Walaupun sektor bernilai tinggi seperti kewangan dan teknologi dijangka menjana peluang pekerjaan berkualiti, peluang ini mungkin tidak dapat diakses secara menyeluruh oleh tenaga kerja tempatan tanpa usaha peningkatan kemahiran yang bersasar. Selain itu, kenaikan nilai hartanah di Johor Bahru dan Iskandar Malaysia menimbulkan cabaran kemampuan memiliki rumah bagi kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana. Tanpa langkah dasar yang inklusif, wujud risiko jurang sosial akan semakin melebar, sekali gus menghadkan manfaat menyeluruh daripada transformasi ekonomi Johor.

6.8 KESIMPULAN

Tahun 2024 menandakan fasa penyusunan semula ekonomi dunia yang dipacu oleh usaha penstabilan pasaran dan pelarasan dasar monetari selepas tempoh ketidakpastian pascapandemik. Walaupun pertumbuhan global diunjurkan sederhana sekitar 2.8%, pola pemulihan kekal tidak seimbang antara negara maju dan ekonomi sedang pesat membangun. Persekitaran global terus dibayangi oleh ketegangan geopolitik, dasar perlindungan perdagangan baharu, serta gangguan rantai bekalan yang berlarutan. Walau bagaimanapun, pelonggaran inflasi, pemulihan pasaran buruh, serta peningkatan pelaburan dalam teknologi hijau dan digital memberikan asas kepada pemulihan yang lebih mampan menjelang 2025.

Malaysia kekal berada di landasan pertumbuhan yang berdaya tahan sepanjang tahun 2024, dengan unjuran pertumbuhan KDNK sebenar antara 4.3% hingga 4.5%. Sektor perkhidmatan dan pembinaan terus menjadi pemacu utama, manakala sektor pembuatan kembali menunjukkan momentum berikutan peningkatan permintaan serantau dan pelaburan bernilai tinggi. Dasar fiskal yang bersifat menyokong, termasuk pelaksanaan inisiatif di bawah Belanjawan 2024 dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), telah memperkukuh perbelanjaan pembangunan serta memacu aktiviti pelaburan domestik. Keteguhan pasaran buruh, peningkatan pendapatan isi rumah dan pelaksanaan dasar peralihan tenaga turut menyumbang kepada daya tahan ekonomi negara.

Johor muncul sebagai antara negeri paling dinamik di Malaysia, dengan struktur ekonominya yang pelbagai dan berorientasikan pelaburan. Pada tahun 2024, Johor terus menjadi antara penyumbang utama kepada eksport negara, khususnya melalui sektor pembuatan berteknologi tinggi, minyak dan gas, serta logistik. Pelaksanaan projek infrastruktur strategik seperti penaiktarafan pelabuhan, rangkaian jalan raya dan projek mobiliti bandar telah meningkatkan kecukupan logistik serta memperkukuh integrasi ekonomi wilayah. Sektor pelancongan dan perkhidmatan perniagaan turut mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan, didorong oleh peningkatan aliran pelawat antarabangsa serta kestabilan pasaran pengguna domestik. Keseluruhannya, ekonomi Johor menampilkan prestasi yang kukuh dan seimbang antara pelaburan, penggunaan dan perdagangan.

Ketiga-tiga wilayah pembangunan utama di Johor menunjukkan corak pertumbuhan yang saling melengkap. Di bawah Koridor Pantai Timur (ECER), daerah Segamat dan Mersing terus diperkasa melalui pembangunan agrateknologi, pelancongan mapan dan program keusahawanan luar bandar, sejajar dengan agenda pendigitalan pertanian dan peningkatan produktiviti makanan. Iskandar Malaysia mengekalkan statusnya sebagai pusat pertumbuhan metropolitan selatan dengan tumpuan kepada industri bernilai tambah tinggi, data raya dan ekonomi digital. Sementara itu, Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) yang mula dilaksanakan pada penghujung 2024 menandakan permulaan era baharu integrasi rentas sempadan. JS-SEZ dijangka memperkukuh rantai bekalan dua hala, menarik pelaburan teknologi tinggi, serta mewujudkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi yang mampu mempercepatkan transformasi ekonomi negeri.



Secara keseluruhan, dapatan laporan ini memperlihatkan bahawa daya tahan ekonomi Malaysia dan Johor berpaksikan kepada asas makroekonomi yang kukuh, kepelbagaian sektor dan sokongan dasar yang berterusan. Walau bagaimanapun, cabaran jangka sederhana masih wujud, termasuk ketidakseimbangan pembangunan wilayah, kebergantungan terhadap eksport tradisional dan kekangan kemahiran tenaga kerja. Oleh itu, dasar pembangunan perlu beralih kepada pendekatan yang lebih strategik dan inklusif – dengan tumpuan kepada inovasi teknologi, tenaga boleh diperbaharui, dan kecekapan tenaga kerja. Penguatan tadbir urus pelaburan, penyelarasan dasar antara kerajaan negeri dan persekutuan serta pelaksanaan agenda ekonomi hijau akan menjadi pemangkin utama kepada pertumbuhan mampan dan berdaya saing tinggi.

Menjelang 2025 dan seterusnya, landskap ekonomi dijangka lebih mencabar tetapi turut menawarkan peluang transformasi yang besar. Pemerksaan Zon Ekonomi Khas Johor–Singapura, peluasan infrastruktur digital, dan peralihan kepada ekonomi karbon rendah dijangka menjadi tonggak pertumbuhan baharu. Malaysia dan Johor perlu terus menyesuaikan dasar fiskal dan monetari untuk mengekalkan kestabilan makroekonomi serta memastikan daya saing pelaburan kekal tinggi. Tumpuan terhadap pembangunan berasaskan pengetahuan, peningkatan produktiviti sektor, dan keterangkuman sosial akan memastikan pertumbuhan ekonomi pasca-2025 bukan sahaja mampan, tetapi juga inklusif dan berimpak tinggi kepada kesejahteraan rakyat.

Secara keseluruhannya, prestasi ekonomi tahun 2024 membuktikan keupayaan Malaysia, khususnya Johor, untuk terus menyesuaikan diri dalam persekitaran global yang mencabar. Dengan pelaksanaan dasar yang konsisten dan berpaksikan reformasi struktur, negara berada pada landasan kukuh untuk memasuki fasa pertumbuhan yang lebih mampan dan berdaya saing menjelang 2026.



BPENJOHOR

**BAHAGIAN PERANCANG
EKONOMI NEGERI JOHOR**

**ARAS 1 & 2, BLOK B,
BANGUNAN DATO' JAAFAR MUHAMMAD,
KOTA ISKANDAR, 79503 ISKANDAR PUTERI,
JOHOR DARUL TA'ZIM, MALAYSIA**

TEL : +607-266 6618 FAX : +607-290 9992
<https://bpen.johor.gov.my>